Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.

PENASABAN ANAK KELAHIRAN KURANG ENAM BULAN: KAJIAN TERHADAP KEPERLUAN PELAKSANAANNYA BERASASKAN FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS

NURUL HASNA' BINTI HAZNI

Universiti Utara Malaysia

DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2023

Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

NURUL HASNA' HAZNI

calon untuk Ijazah **PhD**
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

"PENASABAN ANAK KELAHIRAN KURANG ENAM BULAN: KAJIAN TERHADAP KEPERLUAN PELAKSANAANNYA BERASASKAN FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS"

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Universiti Utara Malaysia

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : ***15 Ogos 2022.***
That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:
15 August 2022.

Pengerusi Viva: *(Chairman for VIVA)*	**Assoc. Prof. Dr. Solahuddin Abdul Hamid**	Tandatangan *(Signature)*
Pemeriksa Luar: *(External Examiner)*	**Assoc. Prof. Dr. Jasni Bin Sulong**	Tandatangan *(Signature)*
Pemeriksa Dalam: *(Internal Examiner)*	**Dr. Syed Sultan Bee Packeer Mohamed**	Tandatangan *(Signature)*
Nama Penyelia/Penyelia-penyelia: *(Name of Supervisor/Supervisors)*	**Assoc. Prof. Dr. Mohd Akram Dato' Dahaman @ Dahlan**	Tandatangan *(Signature)*

Tarikh:
(Date) ***15 August 2022***

Kebenaran Mengguna

Dalam membentangkan tesis ini bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah lanjutan Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa perpustakaan universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa sahaja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaannya, Dekan Pusat Pengajian Siswazah, diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya bagi tujuan kesarjanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan, tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada saya. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan Awang Had Salleh

Kolej Sastera dan Sains

06010 Universiti Utara Malaysia, Sintok

Kedah Darul Aman

Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Keputusan Mahkamah Rayuan meluluskan pengesahan taraf anak kelahiran kurang enam bulan pada tahun 2017 membawa polemik dalam kalangan masyarakat kerana bertentangan dengan pandangan hukum anak tidak sah taraf di Malaysia. Namun, keputusan dilihat adalah selari dengan fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri (JFN) Perlis, iaitu mensabitkan nasab kepada anak kelahiran kurang enam bulan. Walaubagaimanapun, fatwa penasaban tersebut berdepan kesulitan penguatkuasaan kerana halangan dari sudut teknikal. Berikutan hal demikian, kajian dilakukan bagi meneliti penghujahan ulama terhadap penasaban anak kelahiran kurang enam bulan; serta mengkaji penghujahan JFN Perlis dalam penetapan fatwa tersebut. Kajian turut menganalisis keperluan pelaksanaan berkenaan penetapan status penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. menurut JFN Perlis di Malaysia. Kemudian, kajian menganalisis kebolehlaksanaannya bagi pemakaian di Malaysia. Kajian adalah bersifat kualitatif melibatkan dokumentasi, arkib dan temu bual. Dapatan kemudiannya dianalisis secara induktif menggunakan kaedah analisis kandungan. Fail arkib yang diteliti adalah dalam tempoh 10 tahun, iaitu dari tahun 2009 hingga 2019, melibatkan data dari agensi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dan Jabatan Kehakiman Syariah bagi lima buah negeri iaitu Perlis, Perak, Selangor, Terengganu dan Johor. Temu bual pula melibatkan lapan kategori, iaitu (a) ahli JFN Perlis; (b) ahli Majlis Agama Islam Negeri Perlis; (c) Hakim Syarii; (d) pegawai JKM; (e) individu berstatus tidak sah taraf; (f) ibu hamil tanpa pernikahan; (g) bapa kepada anak tidak sah taraf; dan (h) individu yang menjadi rujukan pihak terkesan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah berasaskan hujah syarak; serta *maṣlaḥah* adalah keutamaan JFN Perlis dalam memutuskan fatwa tersebut. Kajian turut membentangkan kewujudan keperluan masyarakat terhadap penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. dan kebolehlaksaannya berdasarkan kepada kelompongan dalam perundangan dan penghujahan pihak yang menolak. Akhir sekali, kajian menyimpulkan bahawa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah boleh dilaksanakan dengan syarat didahului oleh tindakan yang perlu diambil pihak-pihak terhadap langkah pelaksanaan menurut perundangan yang telah diusulkan di dalam kajian. Implikasi kajian dapat memberi input kepada badan-badan berautoriti dalam memastikan kebajikan anak tidak sah taraf adalah objektif dalam pemerhatian ke arah pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan di Malaysia.

Kata kunci: Penasaban, Kelahiran kurang enam bulan, Keperluan pelaksanaan, Kebolehlaksanaan, Perundangan Malaysia

Universiti Utara Malaysia

Abstract

The decision of the Court of Appeal approving the filiation of children born less than six months in 2017 brought polemic in the community because it contradicted the legal view of illegitimate children in Malaysia. However, the decision is seen to be in line with the fatwa by the Perlis State Fatwa Committee (JFN), which convicting the filiation of children born less than six months. However, the enforcement of the fatwa has faced difficulties due to obstacles from a technical point of view. Following this, a study was conducted to examine the submissions of Islamic scholars regarding the filiation of children born less than six months; as well as reviewing the submissions of JFN Perlis in determining the fatwa. The study also analyzed the necessity of the enforcement regarding the determination of filiation of children born less than six months according to JFN Perlis in Malaysia. Then, the study analyzes its feasibility for use in Malaysia. The study is qualitative in nature involving documentation, archiving and interviews. The findings were then analyzed inductively using content analysis methods. The archive files that was examined are within 10 years, from 2009 to 2019, involving data from the agencies of the Social Welfare Department (JKM), and the Syariah Judiciary Department for five states, namely Perlis, Perak, Selangor, Terengganu and Johor. The interviews involved eight categories, namely (a) members of JFN Perlis; (b) a member of the Perlis Islamic Religious Council; (c) Syariah Judges; (d) JKM officers; (e) individuals with illegal status; (f) pregnant women without marriage; (g) the father of an illegitimate child; and (h) the individual to whom the affected party is referred. The results of the study show that the filiation of children born less than six months is based on Islamic arguments; as well as *maṣlaḥah* which is the priority of JFN Perlis in deciding the fatwa. The study also presents the existence of society's need for the filiation of children born less than six months and its enforceability based on loopholes in the legislation and the arguments of the opposing party. Finally, the study concludes that the filiation of children born less than six months can be implemented but first it requires some actions that the authorities need to take based on the implementation measures provided according to the legislation in the study. The implications from this research will become an input for the authorities to ensure that the welfare of the illegitimate child is the objective in the observation towards the implementation of filiation for the children born less than six months in Malaysia.

Key words: Filiation, Children born less than six months, The necessity of the implementation, Feasibility, Malaysian legislation

Penghargaan

"Tidak ada Illah melainkan Allah, dan sesungguhnya aku termasuk dalam kalangan mereka yang menzalimi diri sendiri"

Alḥamdulillah hāẓā min faḍlī Rabbī. Tiada daya dan upaya melainkan dari Allah SWT. *JazākaAllahukhairan kathīrā* didoakan buat Prof Madya Dr. Mohd Akram Dato' Dahaman @ Dahlan selaku penyelia tesis yang telah banyak memberi tunjuk ajar, sokongan dan dokongan sepanjang proses memperjuangkan tesis ini. Tanpa beliau, saya tidak akan mampu mengakhiri perjalanan yang sangat panjang dan perit.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Siswazah Awang Had Salleh, warga staff UUM, pihak institusi seperti Jabatan Mufti Negeri Perlis, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis, Perak, Selangor, Terengganu dan Johor serta individu-individu yang terlibat dan membantu secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian dilakukan.

Buat cinta hati Dr. Afiq Fawwaz Ahmad Saleh, suami merangkap sahabat paling akrab yang membahagiakan, terima kasih kerana sentiasa menemani, mengusap bahuku dan memeluk saat aku menangis teriak. Buat anak-anak soleh yang bonda cintai, Fayyadh Tilmisaniy, Furqan Erbakan dan Faris 'Awdah, perjalanan ini adalah pengharapan dan doa agar kalian membesar dewasa dengan kesungguhan mengutip hikmah dan mencintai ilmu sepanjang usia kalian. Hiduplah kalian dengan nilai ilmu dan manfaat. Begitu juga, mak Shariffah Ismail yang sentiasa berkorban dan mendoakan kejayaan dunia akhirat. Sesungguhnya kalian berlima adalah jantung hati dan motivasi terbesar untuk saya bertahan. Tidak dilupakan untuk ayah, Hazni bin Hashim, terima kasih untuk setiap kerja keras ayah. Moga-moga manfaat kajian ini memberi pahala yang berterusan. Dan untuk keluarga, terima kasih atas doa, kasih sayang dan sokongan kalian yang tidak pernah putus. Tanpa kalian semua, saya tidak akan mampu berdiri, berjalan dan berlari ke garisan penamat. Akhir sekali, saya bersyukur kerana tanggungjawab yang diberi telah saya sempurnakan dan saya mendoakan keberkatan dari Allah SWT untuk kehidupan di dunia dan akhirat. Amin.

Universiti Utara Malaysia

Senarai Kandungan

Kebenaran Mengguna……..…...…....i

Abstrak……..…….…….....ii

Abstract...……..……..…….....iii

Penghargaan……...……..……..…….…….....iv

Senarai Kandungan…….…..v

Senarai Jadual…….....x

Senarai Rajah……..…..……...xii

Senarai Singkatan……..xiii

Senarai Translitasi……...xv

BAB SATU PENDAHULUAN..... 1

1.0 Pengenalan 1

1.1 Latar Belakang Kajian..... 1

1.2 Permasalahan Kajian……...2

1.3 Persoalan Kajian..... 9

1.4 Objektif Kajian..... 10

1.5 Skop Kajian..... 10

1.6 Signifikan Kajian 16

1.7 Definisi Konseptual..... 17

1.7.1 Suami si ibu…….....…17

1.7.2 Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan……18

1.7.3 Fatwa……..…….……..19

1.8 Sorotan Karya..... 20

1.8.1 Isu Penasaban Ana Zina dan Kelahiran Kurang Enam Bulan..... 20

1.8.2 Kajian Terhadap Amalan Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam

Universiti Utara Malaysia

Bulan di Luar Negara 24
1.8.3 Kaedah Penjagaan *Maṣlaḥah* Anak Tidak Sah Taraf di Malaysia 27
1.8.4 Salah Laku Seksual di Malaysia dan Kaedah Penyelesaiannya 31
1.9 Kerangka Konseptual……38
1.10 Metodologi Kajian 39
1.10.1 Pengumpulan Data..... 40
1.10.2 Analisis Data 46
1.11 Kesimpulan 49
BAB DUA PENASABAN ANAK DALAM ISLAM 51
2.0 Pengenalan 51
2.1 Penasaban Anak Dalam Islam..... 51
2.2 Kaedah Penasaban dan Kesan Susulan Menurut Hukum Syarak 55
2.2.1 *Al-Firāsy* (Pernikahan) 56
2.2.2 *Al-Iqrār* (Pengakuan)..... 97
2.2.3 *Al-Bayyinah* (Bukti)..... 120
2.2.4 *Al-Qiyāfah*……128
2.2.5 Kesan Penasaban Menurut Hukum Syarak……..137
2.2.6 *Maṣlaḥah* dan *Mafsadah* dalam isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan 146
2.3 Bentuk Pelaksanaan Anak di Dunia Islam 161
2.3.1 Pelaksanaan di Maghribi 161
2.3.2 Pelaksanaan di Jordan..... 165
2.3.3 Pelaksanaan di Indonesia..... 167
2.4 Kesimpulan 170

Universiti Utara Malaysia

BAB TIGA PENASABAN ANAK KELAHIRAN KURANG ENAM BULAN BERASASKAN FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS ... 174

3.0 Pengenalan 174

3.1 Fatwa Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan..... 175

3.1.1 Latar Belakang Fatwa Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan…175

3.1.2 Jalur Waktu Pewartaan Dan Penguatkuasaan Fatwa Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam bulan……...…..…177

3.2 Penghujahan Fatwa Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan……...180

3.2.1 Perbincangan Terhadap Kertas Kerja Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis..... 182

3.2.2 Keputusan yang Disepakati Oleh Ahli Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis 190

3.2.3 Perbezaan Penghujahan Antara JFN Perlis Dan MKI Di Dalam Isu Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan..... 192

3.3 Reaksi Terhadap Pewartaan Fatwa Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan..... 199

3.3.1 Reaksi dari Mufti…….……199

3.3.2 Reaksi dari Hakim Syarii Selaku Pihak Pelaksana….……..…200

3.3.3 Reaksi dari Masyarakat…..……...204

3.4 Fatwa-Fatwa Lain yang Diputuskan Susulan Fatwa Penasaban..... 207

3.4.1 Fatwa Menasabkan Anak Angkat Kepada Bapa Angkat…….……209

3.4.2 Fatwa Penentuan DNA Dalam Kes Anak Tidak Sah Taraf….……209

3.4.3 Fatwa Tempoh Kehamilan……...210

3.4.4 Fatwa Hukum Bernikah Dengan Perempuan Hamil Hasil Hubungan Dengan Lelaki Lain……..211

Universiti Utara Malaysia

3.4.5 Fatwa Berkaitan *Mīrāth*, Wali Perkahwinan Dan *Maḥrāmiyyah* Bagi Anak Tidak Sah Taraf 212

3.5 Kesimpulan 214

BAB EMPAT KEPERLUAN PELAKSANAAN PENASABAN ANAK KELAHIRAN KURANG ENAM BULAN DI MALAYSIA 217

4.0 Pengenalan 217

4.1 Respon Terhadap Keperluan Pelaksanaan Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan di Malaysia 218

4.1.1 Respon Pihak Terkesan Terhadap Keperluan Pelaksanaan Fatwa Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan 219

4.1.2 Respon Pihak Pelaksana Terhadap Keperluan Pelaksanaan Fatwa Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan 233

4.2 Permasalahan dari Ketidak Sahtarafan Status Anak di Malaysia 243

4.2.1 Permasalahan Fizikal…… ……..……244

4.2.2 Permasalahan Mental dan Emosi 247

4. 3 Kesimpulan 273

BAB LIMA KEBOLEHLAKSANAAN PENASABAN ANAK KELAHIRAN KURANG ENAM BULAN 276

5.0 Pengenalan 276

5.1 Kebolehlaksanaan Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Menurut Kelompongan di Dalam Perundangan 277

5.1.1 Analisis Kes Permohonan Pengesahan Taraf Anak di Mahkamah Syariah 277

5.1.2 Halangan Kepada Pelaksanaan Fatwa Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan 296

5.2 Kebolehlaksanaan Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Menurut Kelompongan Di Dalam Penghujahan 313

Universiti Utara Malaysia

5.2.1 Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Tidak Mempunyai Sumber Hujah Syarak 313
5.2.2 Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Tidak Boleh Dinasabkan Kerana Anak Zina 316
5.2.3 Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Akan Menggalakkan Lagi Aktiviti Zina Dalam Masyarakat 317
5.2.4 Permasalahan Status Tidak Sah Taraf Belum Mencapai Tahap Kemudaratan Yang Perlu Ditangani Dengan Penasaban 326
5.2.5 Isu Tidak Sah Taraf Bersifat Kemaslahatan Individu Bukan Kemaslahatan Umum 332
5.3 Analisis Kebolehlaksanaan Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan .. 338
5.3.1 Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Adalah Boleh Dilaksanakan 338
5.3.2 Langkah Yang Perlu Diambil Sebagai Syarat Kebolehlaksanaan..... 341
5.4 Kesimpulan 361
BAB ENAM RUMUSAN DAN CADANGAN 364
6.0 Pengenalan 364
6.1 Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Adalah Berasaskan Hujah Syarak 364
6.2 *Maṣlahah* Adalah Keutamaan Fatwa Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis 372
6.3 Keperluan Pelaksanaan Fatwa Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Berasaskan Kepada Kajian Kes di Malaysia 380
6.4 Kebolehlaksaan Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Berdasarkan Kelompongan Di Dalam Perundangan dan Penghujahan 387

Universiti Utara Malaysia

6.5 Cadangan 403
6.5.1 Permehatian Agensi 403
6.5.2 Kajian Di Masa Hadapan 404
6.6 Penutup 405
RUJUKAN……..... 407

Universiti Utara Malaysia

Senarai Jadual

Jadual 1.1 Jumlah Penduduk Malaysia 13

Jadual 1.2 Jumlah Fail Diakses Mengikut Negeri..... 41

Jadual 1.3 Langkah-Langkah Analisis Kandungan..... 47

Jadual 3.1 Kertas kerja dari Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis 183

Jadual 3.2 Penghujahan dari Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah-Wilayah Persekutuan..... 195

Jadual 3.3 Permohonan Surat Sokongan Terhadap Kes Pengesahtarafan Anak..... 205

Jadual 3.4 Jumlah Permohonan Berdasarkan Negeri-Negeri..... 205

Jadual 4.1 Pandangan Terhadap Pelaksanaan Fatwa Dari Individu Berstatus Tidak Sah Taraf..... 219

Jadual 4.2 Pandangan Terhadap Pelaksanaan Fatwa Dari Ibu Hamil Tanpa Pernikahan..... 221

Jadual 4.3 Pandangan Terhadap Pelaksanaan Fatwa Dari Bapa Anak Tidak Sah Taraf..... 224

Jadual 4.4 Pandangan Terhadap Pelaksanaan Fatwa Dari Pegawai JKM..... 228

Jadual 4.5 Pandangan Terhadap Pelaksanaan Fatwa Dari Individu Yang Menjadi Rujukan..... 230

Jadual 4.6 Pandangan Terhadap Pelaksanaan Fatwa Dari Hakim Syarii..... 234

Jadual 5.1 Jumlah Kes Permohonan Bagi Lima Buah Negeri 277

Jadual 5.2 Jenis Alasan Pengesahtarafan Anak di Negeri Perlis 278

Jadual 5.3 Fail Permohonan Oleh Alasan Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Di Negeri Perlis..... 279

Jadual 5.4 Jenis Alasan Pengesahtarafan Anak di Negeri Perak 281

Universiti Utara Malaysia

Jadual 5.5 Fail Permohonan Oleh Alasan Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Di Negeri Perak 282
Jadual 5.6 Jenis Alasan Pengesahtarafan Anak di Negeri Selangor……285
Jadual 5.7 Fail Permohonan Oleh Alasan Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Di Negeri Selangor 285
Jadual 5.8 Jenis Alasan Pengesahtarafan Anak di Negeri Terengganu 289
Jadual 5.9 Fail Permohonan Oleh Alasan Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Di Negeri Terengganu 289
Jadual 5.10 Jenis Alasan Pengesahtarafan Anak di Negeri Johor 293
Jadual 5.11 Fail Permohonan Oleh Alasan Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Di Negeri Johor 294
Jadual 5.12 Perbandingan Teks Antara Fatwa MKI Dengan Fatwa JFN Perlis 300
Jadual 5.13 Jumlah Anak Tidak Sah Taraf Mengikut Kategori Bagi Tahun 2009 Hingga 2019 324

Universiti Utara Malaysia

Senarai Rajah

Rajah 1.1: Kerangka Konseptual 38
Rajah 2.1: Pensabitan Pernikahan Sahih 70
Rajah 2.2: Pensabitan Pernikahan Fasid 75
Rajah 2.3: Pensabitan Persetubuhan Syubhah 80
Rajah 2.4: Pensabitan *al-Iqrār* 103
Rajah 2.5: Pensabitan *al-Bayyinah* 126
Rajah 2.6: Pensabitan *al-Qiyāfah* 131
Rajah 2.7: Kesan Penasaban Anak Zina Di Sudut Syarak 145
Rajah 3.1: Fatwa-Fatwa Lain Dari JFN Perlis Susulan Fatwa Penasaban 208
Rajah 4.1: Keperluan Pelaksanaan Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan 217
Rajah 5.1: Halangan Pelaksanaan di Peringkat Negeri Perlis 306
Rajah 5.2: Halangan Pelaksanaan di Peringkat MKI 312
Rajah 5.3: Kategori Anak Tidak Sah Taraf 321
Rajah 5.4: Agensi Terlibat Dalam Pelaksanaan Fatwa Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Pada Peringkat Negeri 342
Rajah 5.5: Langkah Pelaksanaan Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Di Negeri 343
Rajah 5.6: Agensi Terlibat Dalam Pelaksanaan Fatwa Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Pada Peringkat Persekutuan 349
Rajah 5.7: Langkah Pelaksanaan Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Pada Peringkat Persekutuan 350

Universiti Utara Malaysia

Senarai Singkatan

/	Atau
DNA	*Deoxyribonucleic Acid*
Dr.	Doktor
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
et al	dan lain-lain
Hal.	Halaman
JAIPs	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam negeri Peris
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
JFN	Jawatankuasa Fatwa Negeri
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
JSN	Jawatankuasa Syariah Negeri
KHI	Kompilasi Hukum Islam
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
lwn	Lawan
MAIN	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri
MAIPs	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Perlis
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MK	Mahkamah *Konstitusi*

Universiti Utara Malaysia

MKI	Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
MRS	Mahkamah Rendah Syariah
MTS	Mahkamah Tinggi Syariah
MUI	Majelis Ulama Indonesia
NGO	*Non Government Organisation*
No.	Nombor
OIC	*Organisation of Islamic Cooperation*
PJSK	Pusat Jagaan Sinar Kasih
PKM	Pembantu Pegawai Masyarakat
PMWP	Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
PPMM	Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia
PR	*Permanent Residency*
RA	*Radiya Allahu anhu* atau *Radiya Allahu anha*
RKK	Rumah Kanak-Kanak
SAW	*Sallahu alaihi wassalam*
SWT	*Subhanahu wataala*
t.t.	Tiada tahun terbitan
TSP	Taman Seri Puteri
UUKI	Undang-Undang Keluarga Islam
UUI	Undang-Undang Indonesia
YA	Yang Arif

Universiti Utara Malaysia

Senarai Translitasi

ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	ḥ/Ḥ
خ	Kh
د	D
ذ	Ẓ
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sy
ص	ṣ/Ṣ
ض	ḍ/Ḍ
ط	ṭ/Ṭ
ظ	Zh/Zh
ع	'
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
و	W
ه	H
ء	'
ي	Y
ة	t̲
ـَ	A
ـِ	I
ـُ	U
ـَا	ā/Ā
ـِي	ī/Ī
ـُو	ū/Ū
ـَا	ā/Ā

Universiti Utara Malaysia

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab satu adalah bab pengenalan kepada kajian tesis. Bab ini dimulai dengan latar belakang dan permasalahan kajian, kemudian disertakan persoalan dan objektif kajian. Seterusnya bab membincangkan skop kajian, signifikan kajian, definisi konseptual dan sorotan karya. Sorotan karya melibatkan empat tema iaitu (i) isu penasaban anak zina dan kelahiran kurang enam bulan; (ii) kajian terhadap amalan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan di luar negara; (iii) kaedah penjagaan *maṣlaḥah* anak tidak sah taraf di Malaysia; serta (iv) salah laku seksual di Malaysia dan kaedah penyelesaiannya. Akhir sekali, bab menyediakan kerangka konseptual dan keterangan mengenai metodologi kajian.

1.1 Latar Belakang

Perbuatan zina dan salah laku seksual dalam masyarakat Malaysia telah mencapai ke satu tahap yang membimbangkan. Kajiselidik mendapati, kadar salah laku dalam kalangan remaja berusia 13 hingga 17 tahun sepanjang dua dekad lalu meningkat daripada 0.9 pada 1994 kepada 8.3 peratus pada tahun 2012. Manakala, kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) menunjukkan Malaysia menduduki tempat keempat daripada 10 buah negara dalam masalah kehamilan remaja bawah umur bagi tempoh sepanjang tahun 2005 hingga 2011 (*Statistik moral remaja kita*, 2015). Hakikatnya, salah laku seksual seperti bercumbuan dan berpelukan telah dilazimi oleh remaja sekalipun pada peringkat sekolah (Jamaliah, & Faizah, 2012).

Universiti Utara Malaysia

Pelbagai inisiatif keagamaan dan kesedaran sosial telah digerakkan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat agar menjauhi zina (Kamarul Azmi, 2017). Namun, hasilnya tetap tidak berkurangan dan perbuatan zina masih terus berlaku. Sedangkan kemudaratan dari perbuatan zina memberi kerosakan dalam masyarakat, bukan sekadar dalam perihal peribadi seperti kehormatan yang hilang dan berlaku jangkitan penyakitan kelamin (Budi Kisworo, 2016), tetapi turut melibatkan isu yang lebih besar, iaitu kewujudan anak tidak sah taraf oleh sebab kehamilan yang berlaku di luar dari pernikahan.

Kehamilan luar nikah memberi kesan kepada sah taraf dan nasab anak apabila JPN tidak mengiktiraf nama bapa di dalam pendaftaran anak melainkan sekiranya anak merupakan kelahiran enam bulan atau lebih dari tarikh pernikahan ibu bapa (*Kelahiran-Soalan Lazim, t.t*). Mengikut statistik, sejumlah 543, 363 orang anak didaftarkan sebagai anak tidak sah taraf sepanjang 12 tahun, iaitu dari tahun 2006 hingga Jun 2017, merangkumi semua kategori, seperti anak kelahiran ibu hamil tanpa pernikahan dan anak kelahiran anak kurang enam bulan (Lim, 2017).

Universiti Utara Malaysia

1.2 Permasalahan Kajian

i. Pada tahun 2017, Mahkamah Rayuan Putrajaya telah meluluskan satu kes rayuan permohonan[1] memasukkan nama suami si ibu ke dalam pendaftaran nama anak kelahiran kurang enam bulan dengan maksud pensabitan sah taraf status anak[2]. Kes tersebut menarik *public interest* (perhatian awam) semenjak

[1] Civil Appeal No: W-01(A)-365-09/2016 (A child & ORS v. Jabatan Pendaftaran Negara & ORS, 2017)

[2] Kes melibatkan rayuan anak berusia tujuh tahun bersama ibu bapanya. Kronologi kes bermula apabila anak atau perayu pertama dilahirkan pada tahun 2010 dalam masa lima bulan dan 27 hari menurut kalendar *Qamariah* Islam dari tarikh pernikahan (Norliza, 2017). Semasa pendaftaran anak, ibu bapa secara bersama telah memohon nama bapa dimasukkan dalam sijil pendaftaran iaitu berbin atau berbintikan nama bapa, namun permohonan ditolak. Pada Februari 2015, permohonan sekali lagi dibuat untuk membetulkan nama bapa dan turut ditolak. Hal demikian menyebabkan mereka memfailkan semakan kehakiman di Mahkamah Rayuan (*JPN tidak terikat fatwa*, 2017). Salah seorang panel Hakim

dari awal perbicaraan kerana permohonan berkenaan isu anak tidak sah taraf melibatkan Mahkamah Rayuan Persekutuan meskipun pada asalnya kes permohonan pengesahan taraf status anak adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah di peringkat negeri[3].

ii. Namun demikian, keputusan kehakiman tersebut menyalahi pandangan hukum yang telah lama diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Malaysia mengenai penasaban iaitu,

> "(a) Anak tak sah taraf ialah: (i) Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan; (ii) Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 lahzhah (saat) mengikut Takwim Qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh). (b) Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali" (Anak tak sah taraf, 2003: 206-207)

MKI juga sebenarnya telah mengeluarkan Garis panduan penamaan dan kedudukan anak tak sah taraf (1998) bagi rujukan pihak-pihak berkenaan hal ehwal pendaftaran nama anak. Menurut garis panduan tersebut, anak tidak sah

Universiti Utara Malaysia

Mahkamah Rayuan yang terlibat menegaskan bahawa, adalah keterlaluan untuk memberi hebahan bahawa anak adalah anak tidak sah taraf dengan menyertakan 'Abdullah' bersama nama dalam sijil kelahiran. Tambah beliau, Islam tidak menyokong perbuatan memalukan anak yang tidak bersalah secara terbuka. Perayu pertama (si anak), terpaksa melalui kehidupan dengan rasa sedih dan malu kerana membawa stigma anak tidak sah taraf dan berbeza dengan adik beradik yang lain (jika ada), sedangkan ibu dan bapa bernikah secara sah sebelum anak dilahirkan. Beliau juga menambah, bahawa Seksyen 13A (2) *Birth and Death Registration Act (BDRA)* tidak memberi kuasa kepada ketua pengarah JPN untuk menolak hasrat bapa yang mahukan anak dinisbahkan kepada namanya sekaligus menafikan keterikatan fatwa dalam pelaksanaan gerak kerja JPN (*JPN tidak terikat fatwa*, 2017). Kes seterusnya dibawa ke pihak Mahkamah Persekutuan oleh desakan banyak pihak, termasuk Menteri Dalam Negeri ketika itu (Hazwan, 2017; Hafiz, 2017) dan Ketua Pengarah JAKIM sendiri (Fahmy Azril, 2017). Peguam Kanan Persekutuan membawa hujah menyokong tindakan JPN mendaftarkan nama anak berbinkan atau berbintikan kepada 'Abdullah' kerana menepati fatwa MKI. Wakil peguam bagi Jabatan Agama Islam Negeri Johor yang mencelah juga menekankan bahawa Seksyen 13A *BDRA* tidak boleh diguna pakai untuk mendaftarkan kanak-kanak Islam (Murni, 2018).

[3] Menurut Jadual Kesembilan [Perkara 74, 77] Senarai Perundangan: "Senarai II-Senarai Negeri: 1. Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan denga pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkhawinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; …" (Perlembagaan Malaysia, 2010)

taraf hendaklah didaftarkan dengan berbin atau bintikan Abdullah atau *Asmā' ul-Husnā* (nama-nama Allah) yang lain berpangkalkan Abdul.

iii. Kajian mendapati walaupun pandangan hukum oleh MKI telah ada dan diimplementasikan oleh penguatkuasaan JPN[4], Mahkamah Rayuan tetap memutuskan keputusan sebaliknya. Tindakan tersebut menimbulkan tanda tanya perihal faktor percanggahan sedemikian rupa boleh berlaku.

iv. Apabila penelitian dilakukan, hasil memperlihatkan bahawa, selain daripada pandangan hukum oleh MKI, terdapat fatwa lain yang berbeza mengenai penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Jawatankuasa Fatwa Negeri (JFN) Perlis telah mengambil pandangan berbeza di dalam isu tersebut semenjak dari awal. Bermula pada mesyuarat JFN Perlis bagi tahun 2008, JFN Perlis memutuskan keputusan fatwa bahawa anak kelahiran kurang enam bulan dari tarikh pernikahan tetap boleh dinasabkan kepada Pemohon iaitu suami si ibu. Fatwa berikut kemudiannya diwartakan pada tarikh 17 Januari 2013, dengan *ṣīghah* (teks) seperti berikut:

> "Anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami" (Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006)

Universiti Utara Malaysia

[4] DYMM Yang di-Pertuan Agung adalah Ketua Agama Islam yang mempunyai majlis penasihat iaitu MKI. Dalam masa yang sama Parlimen dengan perkenan Yang di-Pertuan Agung boleh membuat peruntukan undang-undang bagi mengawal selia hal agama Islam seperti yang termaktub dalam Perkara 3 Agama bagi Persekutuan: "(5) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam" (Perlembagaan Malaysia, 2010). Justeru selaku agensi kerajaan di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri, JPN terikat dengan pandangan hukum dari MKI.

Oleh hal demikian, keputusan Mahkamah Rayuan tersebut dilihat adalah selari dengan fatwa dari JFN Perlis.

v. Berdasarkan literatur berkaitan permasalahan, kajian mendapati keputusan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan yang berbeza oleh MKI dan JFN Perlis adalah disebabkan perbezaan di dalam penentuan *maṣlaḥah* (kebaikan). MKI melihat kemaslahatan di dalam isu ini dari sudut pandang yang menghubungkaitkan penasaban dan penzinaan. Oleh hal demikian, MKI meletakkan implikasi zina di dalam *maṣlaḥah* umum serta anak zina di dalam *maṣlaḥah* khusus. Disebabkan hal tersebut, MKI berpendapat pemeliharaan *maṣlaḥah* umum lebih diutamakan dari *maṣlaḥah* khas di dalam penentuan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan (*Isu Penamaan "Bin/Binti Abdullah",* 2017).

   Sebaliknya, perkara tersebut adalah berbeza menurut pendapat JFN Perlis. Hal demikian kerana, JFN Perlis membincangkan *maṣlaḥah* yang perlu dijaga di dalam situasi zina yang telah berlaku. Menurut Mufti Perlis, fatwa penasaban yang dikeluarkan adalah untuk meletakkan tanggungjawab kepada pihak terbabit (lelaki penzina dan perempuan penzina) untuk bernikah, serta memberi ruang kepada mereka bertaubat, berubah dan menutup keaiban. Oleh sebab itu, syarat yang disepakati oleh JFN Perlis di dalam pensabitan nasab anak adalah berlakunya pernikahan antara pasangan zina tersebut. Beliau menjelaskan lagi bahawa, sebarang fatwa yang membawa kepada penderitaan manusia atau bencana, bukan merupakan fatwa yang bersifat rahmat. Hal demikian kerana, pendekatan meletakkan bin atau binti Abdullah bukan lagi hukuman kepada ibu bapa, tetapi keaiban untuk anak (Sharilfuddin, 2017).

Universiti Utara Malaysia

Justeru, isu penggalakkan zina dari fatwa penasaban tidak seharusnya timbul, kerana penasaban adalah bagi menutup keaiban lepas bagi pasangan zina yang telah bertaubat (Sharilfuddin, 2017), serta dapat membantu mereka yang terlanjur meneruskan kehidupan dan membina keluarga dengan sejahtera. Anak-anak turut terlindung dari perasaan malu dan terasing apabila tidak dinasabkan kepada bapa disebabkan faktor kelahiran kurang enam bulan (Mohd Asri, 2015).

vi. Walau bagaimanapun, fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh JFN Perlis tidak dipersetujui oleh Mufti-Mufti Negeri lain. Alasannya adalah fatwa dikhuatiri menimbulkan perselisihan kerana bertentangan dengan pendapat Mazhab Syafii yang diamalkan di Malaysia (Farah Marshita & Ahmad Suhael, 2017). Mufti negeri Perak turut memberi respon bahawa tindakan fatwa JFN Perlis boleh menjurus kepada menghalalkan perbuatan zina di masa hadapan (Shakira, 2017).

Begitu juga, keputusan Mahkamah Rayuan yang dilihat selari dengan fatwa penasaban oleh JFN Perlis telah dikritik pihak berautoriti agama kerana bertentangan dengan pandangan hukum MKI, serta dilihat akan membuka ruang yang lebih luas ke atas permohonan pengesahan taraf anak oleh pihak yang tidak sepatutnya (Farah Marshita & Ahmad Suhael, 2017). Menurut Mufti Selangor, keputusan tersebut membawa kepada pelbagai kecelaruan seperti peningkatan anak tidak sah taraf, percampuran nasab serta permohonan hak yang sama dalam perihal pewarisan dan pewalian (Norzamira, 2017). Hujah disokong oleh Ketua Hakim Syarii Selangor, bahawa isu penasaban anak perlu dilihat dalam kerangka yang lebih terperinci kerana kesan

Universiti Utara Malaysia

penasaban membabitkan harta pusaka, pewalian dan aurat anak berkenaan (Nor Afzan & Nor Hatina, 2017).

vii. Sedangkan hakikatnya, keputusan Mahkamah Rayuan mensabitkan sah taraf anak kelahiran kurang enam bulan bukan merupakan keputusan pertama di Malaysia. Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) Kuala Terengganu, Terengganu pernah meluluskan permohonan pengesahan taraf anak kelahiran empat bulan 24 hari dari tarikh pernikahan pada tahun 2012. Alasan penghakiman oleh Ketua Hakim Syarii Terengganu ketika itu adalah berpandukan kepada dalil syarak yang digunapakai oleh Dr. Abdul Karim Zaidan, iaitu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan boleh disabitkan sekiranya *iqrār* (pengakuan) bapa tidak disertakan pengakuan bahawa anak adalah hasil perbuatan zina, namun dalam masa yang sama, pensabitan tidak bersama hak pewarisan dan pewalian (Zafrin Zulhilmi Pauzi *lwn* Noor Aini Nasron, 2012).

viii. Kajian berpendapat, isu anak kelahiran kurang enam bulan akan tetap menjadi perkara yang berbangkit di dalam masyarakat berdasarkan kepada realiti yang berlaku. Hal demikian dibuktikan oleh kewujudan 49 lagi kes permohonan pengesahan taraf anak yang mahu mencelah sepanjang berlangsungnya prosiding kes rayuan terbabit di Mahkamah Rayuan Putrajaya (Siti Fatimah, 2018). Lalu, kajian melihat bahawa fatwa penasaban oleh JFN Perlis yang berbeza di dalam isu anak kelahiran kurang enam bulan dapat membuka ruang perbincangan seiring keperluan yang berbangkit.

ix. Namun demikian, semenjak diputuskan pada tahun 2008, dan kemudiannya diwartakan pada tahun 2013, fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh JFN Perlis belum dapat dilaksanakan secara lancar pada peringkat negeri Perlis, kerana polisi pendaftaran kelahiran JPN adalah berpandukan

Universiti Utara Malaysia

pandangan hukum MKI (*Bapa anak tidak*, 2019). Fatwa penasaban akhirnya dapat dilaksanakan selepas mendapat persepakatan bersama JPN dalam kunjung hormat bersama DYMM Yang Dipertua MAIPs pada tahun 2020 (Mohd Nazim, 2022). Walaupun begitu, pemakaian pada peringkat perundangan masih terganggu oleh faktor pertindihan dengan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (UUKI) sedia ada (Mohamad Fauzi, 2019).

x. Justeru, berdasarkan kes permohonan pengesahan taraf di Mahkamah, serta perbezaan pandangan oleh pihak-pihak terbabit mengenai penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, kajian dapat menyimpulkan beberapa permasalahan yang menimbulkan persoalan.

Persoalan paling utama ialah, bagaimana permasalahan dari isu ketidak sah tarafan dapat diketengahkan sebagai keperluan terhadap pandangan ulama yang membenarkan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan sebagaimana yang dipilih penghujahannnya oleh JFN Perlis.

Hal demikian kerana, keputusan fatwa adalah terasing dari pandangan hukum MKI. JPN sendiri tidak mempunyai rekod mengenai jumlah pasangan yang bernikah selepas mempunyai anak tidak sah taraf (Lim, 2017). Bermakna, belum ditemui lagi mana-mana kajian yang memperincikan keadaan masyarakat yang mahu bertaubat atas keterlanjuran dan memerlukan fatwa penasaban sebagai sokongan ke arah perubahan.

Selain itu, memandangkan fatwa penasaban oleh JFN Perlis belum dapat dilaksanakan dengan lancar meskipun wujud percubaan bermula dari tahun 2008, didapati wujud keperluan ke arah perbincangan yang lebih komprehensif terhadap kebolehlaksanaan fatwa tersebut secara praktikal menurut perundangan.

Universiti Utara Malaysia

xi. Berdasarkan literatur bersangkutan permasalahan, terdapat beberapa kajian seputar permasalahan secara umum, namun tidak menjawab persoalan daripada permasalahan kajian di atas. Tesis sarjana Mohd Alimin (2011) melibatkan kedudukan dan perlindungan hak anak buangan atau *al-laqīṭ* yang diambil daripada sudut pandang perundangan dan hukum Islam. Kajian Tengku Fatimah, Siti Khatijah dan Najmiah (2011) pula adalah mengenai keperluan penggunaan *deoxyribonucleic acid* (DNA) bagi penentuan nasab '*al-walad lil firāsy'* dalam peruntukan perundangan Islam di Malaysia. Selain itu, terdapat kajian terhadap keputusan MTS Terengganu dalam membenarkan kes anak tidak sah taraf dibinkan kepada bapa yang dilihat tidak bertentangan dengan fatwa oleh JFN Terengganu (Irwan, Zukifli & Lukman, 2015).

xii. Justeru, sebuah kajian baharu terhadap isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan berasaskan fatwa JFN Perlis perlu dilakukan bagi mengenal pasti keperluan dan kebolehlaksanaannya menurut perundangan.

Universiti Utara Malaysia

1.3 Persoalan Kajian

Kajian adalah berdasarkan kepada empat persoalan utama iaitu:

1.3.1 Apakah pandangan dan penghujahan ulama klasik dan kontemporari berkenaan hukum penasaban anak kelahiran kurang enam bulan?

1.3.2 Apakah penghujahan fatwa Negeri Perlis dan negeri lain berkenaan penetapan status penasaban anak kelahiran kurang enam bulan?

1.3.3 Adakah fatwa Negeri Perlis berkenaan penetapan status penasaban anak kelahiran kurang enam bulan perlu dilaksanakan di Malaysia?

1.3.4 Adakah fatwa Negeri Perlis berkenaan penetapan status penasaban anak kelahiran kurang enam bulan boleh dilaksanakan di Malaysia?

1.4 Objektif Kajian

Kajian meletakkan empat objektif seperti berikut:

1.4.1 Meneliti pandangan dan penghujahan ulama klasik dan kontemporari berkenaan hukum penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

1.4.2 Mengkaji penghujahan fatwa Negeri Perlis dan negeri lain berkenaan penetapan status penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

1.4.3 Menganalisis keperluan pelaksanaan fatwa Negeri Perlis di Malaysia berkenaan penetapan status penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

1.4.4 Menilai kebolehlaksanaan fatwa Negeri Perlis di Malaysia berkenaan penetapan status penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian merangkumi lima aspek, iaitu (i) Sampel; (ii) Lokasi; (iii) Tempoh; (iv) Kategori anak tidak sah taraf; dan (v) Fatwa dari Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis.

(i) Sampel kajian.

Sampel yang digunakan di dalam kajian adalah kes permohonan pengesahan taraf anak oleh Pemohon iaitu ibu dan bapa yang direkodkan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN). Hal demikian kerana permohonan pengesahan taraf anak berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Namun ketetapan kuasa perbicaraan permohonan tersebut sama ada di bawah Mahkamah Rendah Syariah (MRS) atau di MTS adalah bergantung kepada peruntukan Enakmen mengikut negeri. Misalnya Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri Perlis[5], Perak[6] dan Johor[7] memberi kuasa

[5] Menurut Seksyen 61, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 2006 (2008).
[6] Menurut Seksyen 50, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.
[7] Menurut Seksyen 61, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003.

hanya kepada MTS dalam mensabitkan status sah taraf. Manakala negeri Selangor[8] dan Terengganu [9] memberi bidang kuasa kepada kedua-dua mahkamah dalam membicarakan kes permohonan tersebut.

Sampel turut melibatkan kes anak kelahiran ibu tanpa pernikahan merangkumi kelahiran selamat dan kelahiran tidak selamat. Bagi sampel kelahiran tidak selamat iaitu melibatkan kes anak buang atau anak pungut, kajian mengambil data arkib dari JKM selaku agensi kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang terlibat secara langsung menguruskan permasalahan pembuangan bayi[10] di seluruh Malaysia.

Bagi sampel anak kelahiran selamat tanpa pernikahan, kajian melimitasikan kutipan data dari kelahiran anak oleh penghuni rumah perlindungan seliaan JKM sahaja memandangkan tiada data yang boleh diperolehi bagi kelahiran selamat di rumah perlindungan *Non-Government Organization* (NGO) atau di rumah peribadi. Rumah perlindungan atau asrama akhlak seliaan JKM ialah Taman Seri Puteri (TSP), iaitu rumah perlindungan bagi remaja perempuan hamil di bawah usia 18 tahun[11] atau tidak dapat dikawal menurut aduan di bawah Seksyen 46, Akta Kanak-Kanak 2001[12]. TSP

Universiti Utara Malaysia

[8] Menurut Seksyen 62, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
[9] Menurut Seksyen 32, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986.
[10] Menurut Seksyen 17 (1)(e)(ii): "17. (1) Seseorang kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan pelindungan jika— … (e) kanak-kanak itu— … (ii) telah dibuang oleh ibu atau bapa atau penjaganya dan selepas siasatan yang munasabah ibu atau bapa atau penjaga itu tidak dapat ditemui, dan tiada orang lain yang sesuai sanggup dan berupaya memelihara kanak-kanak itu;" (Akta Kanak-Kanak, 2006)
[11] "Seksyen 41(2): Seseorang kanak-kanak memerlukan pelindungan dengan segera jika ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa— (d) jika kanak-kanak itu seorang perempuan, bahawa dia sedang hamil anak luar nikah" (Akta Kanak-Kanak, 2006. Hal. 58).
[12] "Seksyen 46(1): Jika ibu atau bapa atau penjaga seseorang kanak-kanak membuat permintaan bertulis kepada Mahkamah Bagi KanakKanak supaya menahan seseorang kanak-kanak di sesuatu sekolah diluluskan, tempat perlindungan, asrama akhlak atau pusat atas alasan bahawa ibu atau bapa atau penjaga itu tidak dapat menjalankan kawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak itu, maka Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu—... (c) boleh memerintahkan supaya kanak-kanak itu ditahan buat sementara di suatu sekolah diluluskan, tempat perlindungan, asrama akhlak atau pusat jika difikirkannyaperlu untuk berbuat demikian.
Seksyen 46(2) Jika selepas menimbangkan laporan yang disebut dalam perenggan (1)(b) Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu berpuas hati bahawa- (a) suai manfaat untuk memperlakukan kanak-kanak itu sedemikian; dan (b) ibu atau bapa atau penjaga itu faham tentang akibat berikutan daripada perintah itu

juga menyediakan perkhidmatan Pusat Jagaan Sinar Kasih (PJSK) bagi memberi perlindungan kepada perempuan hamil di atas usia 18 tahun sebagai usaha KPWKM membendung masalah buang bayi (*Intistusi kebajikan*, 2018).

Justeru, sampel yang diambil dari data kelahiran anak oleh penghuni TSP dan PJSK adalah bagi memahami jumlah anak kelahiran selamat tanpa pernikahan. Manakala, bagi sampel temu bual, kajian melibatkan penghuni PJSK sahaja kerana melihat kepada faktor umur yang diperlukan dalam dapatan kajian, iaitu telah mencapai umur 18 tahun dan ke atas. Umur 18 tahun dinilai sebagai umur matang untuk membuat pemilihan dalam kehidupan[13], dan dalam kajian kes ini, pemilihan yang perlu dilakukan adalah memilih untuk bernikah atau tidak dengan pasangan zina.

Seterusnya sampel terakhir adalah dokumen dari Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis melibatkan minit mesyuarat, kertas kerja dan surat rasmi. Sampel tersebut adalah bagi memahami proses perjalanan yang diambil dalam menghasilkan keputusan fatwa, serta proses pewartaan dan penguatkuasaannya di dalam negeri Perlis.

(ii) Lokasi Kajian

Memandangkan JPN tidak mempunyai rekod mengenai jumlah pasangan yang bernikah selepas mempunyai anak tidak sah taraf (Lim, 2017), purata bagi kes permohonan nasab anak kepada bapa di setiap negeri di Malaysia turut tidak didokumentasikan. Kajian memperincikan penyelidikan di negeri-negeri yang mempunyai jumlah penduduk Melayu yang besar berdasarkan perbandingan negeri-

dan mengizinkan perintah itu dibuat, maka Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu boleh, atas syor pegawai akhlak itu, memerintahkan supaya kanak-kanak itu- (aa) dihantar ke suatu sekolah diluluskan, tempat perlindungan, asrama akhlak atau pusat mengikut mana-mana yang sesuai..;" (Akta Kanak-Kanak, 2006. Hal. 66).

[13] Menurut pindaan penurunan umur pengundi Pilihan Raya di Malaysia, dari umur 21 tahun kepada 18 tahun (*Pelaksanaan umur kelayakan*, t.t).

negeri di Semenanjung Malaysia. Taburan penduduk adalah seperti berikut (Jumlah penduduk Malaysia, 2010):

Jadual 1.1

Jumlah Penduduk Malaysia

Negeri	Jumlah penduduk	Jumlah penduduk berbangsa Melayu	Peratus
Perlis	231,541	198,710	85.8%
Kedah	1,947,651	1,460,746	75%
Pulau Pinang	1,561,383	636,146	40.7%
Perak	2,352,743	1,238,357	52.6%
Kelantan	1,539,601	1,426,373	92.6%
Terengganu	1,035,977	985,011	95%
Pahang	1,500,817	1,052,774	70.1%
Selangor	5,462,141	3,161,994	57.9%
Kuala Lumpur	1,674,621	679,236	40.6%
Negeri Sembilan	1,021,064	572,006	56%
Melaka	821,110	517,441	63%
Johor	3,348,283	1,759,537	52.5%

Berdasarkan kepada jadual, didapati negeri Terengganu mempunyai jumlah penduduk Melayu terbanyak bagi negeri-negeri di Timur, dan negeri Selangor mendahului bagi negeri-negeri Tengah Malaysia. Walaupun Johor mempunyai peratusan bangsa Melayu paling sedikit bagi negeri-negeri Selatan, jumlah penduduk Melayu di Johor adalah paling tinggi. Perak pula dipilih kerana melihat kepada jumlah penduduk tertinggi bagi negeri-negeri di Utara Malaysia.

Justeru, kajian memilih negeri-negeri berikut, iaitu negeri Perak, Terengganu, Selangor dan Johor bagi melihat kes permohonan pengesahan taraf anak di Mahkamah Syariah. Hal demikian kerana, konflik hanya berlaku bagi penduduk berbangsa Melayu dan beragama Islam di Malaysia, memandangkan penganut agama lain tidak terikat dengan keputusan fatwa. Kajian arkib turut melibatkan Negeri Perlis sebagai model pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan di Malaysia.

Manakala kajian terhadap PJSK pula melibatkan PJSK Batu Gajah, Perak. PJSK Batu Gajah dipilih berbanding dua PJSK yang lain iaitu di Sungai Buloh, Selangor dan di Telaga Air, Kuching Sarawak (*Senarai Pejabat*, t.t) adalah kerana faktor lokasi yang mudah diakses tanpa halangan rentas negeri oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), berbanding dua lokasi lain sepanjang tahun 2020 dan 2021. Selain itu, jumlah penghuni semasa didapati sudah mencukupkan bilangan responden bagi tema kajian kes ibu hamil tanpa pernikahan menurut reka bentuk temu bual kualitatif bagi mengelak ketepuan dapatan (Dworkin, 2012).

Universiti Utara Malaysia

(iii) Tempoh kajian

Semua kajian arkib bagi data dari Mahkamah Syariah dan JKM adalah melibatkan rekod dalam tempoh 10 tahun, iaitu dari tahun 2009 hingga 2019. Limitasi diletakkan bagi tujuan pengumpulan data yang berfokus dan tidak mengganggu proses penganalisisan kajian. Tempoh 10 tahun dilihat relevan kerana kes-kes yang terlibat belum terlalu lama di dalam kategori fail tidak aktif[14].

[14] "7.8 Rekod Tidak Aktif: Rekod yang telah tamat tindakan atau tiada tindakan lanjut dan tidak dirujuk dalam masa 5 tahun. Rekod ini perlu dipindahkan ke tempat simpanan rekod tidak aktif bagi jangka waktu yang tertentu sebelum ianya dimusnahkan atau dipindahkan" (Jadual Pelupusan Rekod, 2012: Hal. 3)

(iv) Kategori anak tidak sah taraf

Anak tidak sah taraf dibahagikan kepada tiga kategori iaitu pertama, anak yang dilahirkan secara tidak selamat dan dibuang sama ada dengan tujuan dilupuskan atau tidak. Bagi anak buangan yang ditemui hidup, mereka adalah anak pungut yang tidak mempunyai sebarang dokumentasi dan tidak diiktiraf sebagai warganegara Malaysia (Berhanundin, 2014). Anak pungut merupakan definisi menurut maksud *al-laqīṭ* di dalam perbincangan hukum syarak, iaitu anak yang dijumpai di jalanan atau dari mana-mana lokasi, tanpa diketahui perihal siapa ibu bapanya, lalu anak itu perlu dipelihara dan diberi didikan yang baik, serta wajib dibuat penyaksian atas tindakan memungut tersebut terlebih dahulu (Mustafa al-Khind, Mustafa al-Bugha, & Ali al-Syarbaji, 1998).

Kedua, kelahiran anak yang berlaku secara selamat tetapi tanpa pernikahan ibu bapa. Anak akan dibesarkan sendiri oleh ibu atau diberikan kepada keluarga angkat (Mohd Anuar, & Nik Rasyidah, 2016). Bagi dua kategori tersebut, anak-anak berada di bawah pemantauan dan seliaan KPWKM, JKM dan NGO yang terlibat (Nuarrual Hilal, & Abd Ghani, 2014).

Ketiga, anak yang dihamili oleh perbuatan zina, kemudian berlaku pernikahan antara lelaki penzina dengan perempuan penzina, namun pernikahan melewati usia tiga bulan dalam kandungan. Justeru, anak didaftarkan sebagai anak tidak sah taraf kerana anak dilahirkan kurang enam bulan dari pernikahan ibu bapa (Garis panduan penamaan, 1998). Kategori ketiga merupakan skop utama dalam kajian tesis kerana berasaskan kepada fatwa penasaban oleh JFN Perlis. Namun dalam masa yang sama, kategori pertama dan kategori kedua turut dimasukkan dalam perbincangan berkaitan

Universiti Utara Malaysia

permasalahan yang dihadapi oleh status tidak sah taraf serta perbandingan jumlah ketiga-tiga kategori dalam perbentangan bab empat.

(v) Fatwa dari Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis

Skop fatwa dari JFN Perlis yang diambil sebagai asas perbincangan tesis adalah fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan yang diputuskan pada tahun 2008 dan diwartakan pada tahun 2013 dengan *ṣīghah* seperti berikut:

> "Anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami" (Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006)

Fatwa diambil kerana merupakan satu-satunya fatwa yang memberi status sah taraf kepada anak kelahiran kurang enam bulan di Malaysia (Paizah, 2013).

1.6 Signifikan Kajian

Dapatan kajian dapat memberi manfaat kepada MKI, dalam mengetengahkan pandangan yang membenarkan fatwa penasaban dilaksanakan. Hal demikian kerana, kajian membuktikan secara kualitatif bahawa terdapat keperluan masyarakat terhadap penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Oleh hal demikian, seiring usaha penyelesaian gejala salah laku seksual oleh pelbagai pihak, MKI perlu turut terbuka dalam membincangkan secara akademik mengenai solusi kepada akibat perbuatan zina, iaitu anak tidak sah taraf dalam konteks anak yang dilahirkan di dalam pernikahan namun kurang enam bulan dari tarikh pernikahan.

Bagi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), kajian membawa perbincangan mengenai kewujudan keperluan fatwa diaplikasikan ke dalam perundangan semasa. Hal demikian kerana, pelaksanaan undang-undang yang membantu ibu bapa untuk bertanggungjawab ke atas anak kelahiran kurang enam bulan, dapat menggalakkan pasangan yang telah terlanjur untuk berubah kepada lebih baik. Kajian turut telah

Universiti Utara Malaysia

membuktikan bahawa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah boleh dilaksanakan oleh faktor kelompongan dalam kehakiman.

Bagi ibu bapa, kajian ini adalah harapan baru untuk menyelamatkan maruah pasangan dan anak yang dilahirkan kurang enam bulan. Kajian ini dapat memberi galakan kepada lelaki penzina dan perempuan penzina untuk membina kehidupan baharu bersama anak yang tidak berdosa. Paling penting, kajian bertujuan memelihara kemaslahatan anak agar tidak menanggung kesilapan ibu dan bapa sepanjang hidup.

1.7 Definisi Konseptual

Terdapat keperluan terhadap definisi konseptual bagi beberapa istilah yang diguna pakai di dalam kajian. Istilah tersebut ialah:

1.7.1 Suami si ibu

Dalam perbincangan tesis, kajian menggunakan empat istilah bagi merujuk kepada bapa, iaitu: (a) suami si ibu; (b) lelaki penzina; (c) bapa penzina; dan (d) Pemohon. Pemilihan istilah digunakan menurut kesesuaian isu perbincangan. Namun begitu, suami si ibu menjadi istilah utama kerana asas rujukan adalah fatwa penasaban oleh JFN Perlis, iaitu:

> "boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami" (Enakmen Pentadbiran Agama Islam, 2006)

Selain itu, istilah suami si ibu merujuk kepada teks hadis yang bermaksud:

> "*anak adalah untuk al-firāsy"* (Hadis riwayat al-Bukhari no.6749 dan Muslim no. 1457)

Al-firāsy bermaksud pernikahan. Lalu, *ṣāḥibul firāsy* (pemilik pernikahan) membawa maksud suami si ibu.

Universiti Utara Malaysia

Dalam urusan pendaftaran kelahiran anak di Malaysia, sijil pernikahan bapa dan ibu diperlukan sebagai bukti untuk dimasukkan maklumat bapa ke dalam pendaftaran anak. Setelah kelahiran anak dipastikan dalam tempoh enam bulan atau lebih, baru dapat disabitkan suami si ibu sebagai bapa dan maklumat bapa dimasukkan ke dalam dokumen pendaftaran anak[15] (*Kelahiran-Soalan Lazim,* t.t.).

1.7.2 Anak kelahiran kurang enam bulan

Istilah anak kelahiran kurang enam bulan yang digunakan di dalam perbincangan tesis adalah diambil dari fatwa JFN Perlis[16]. Kategori anak kelahiran kurang enam bulan terbentuk oleh kerana tidak mencapai tempoh minima kehamilan yang ditetapkan, iaitu dalam kiraan enam bulan dari tarikh pernikahan ibu dan bapa dengan tarikh kelahiran anak. Lebih tepat lagi, kiraan diambil dari tarikh permulaan *dukhūl* (hubungan seksual) antara bapa dan ibu selepas pernikahan (Wahbah Zuhaili, 2010). Dalil kepada tempoh enam bulan kehamilan adalah dari dua ayat al-Quran, iaitu:

> *"Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan." (al-Ahqaf 46:15)*
>
> *"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun genap" (al-Baqarah 2:233)*

Tempoh 30 bulan secara umum untuk proses kehamilan dan penyusuan pada ayat pertama dikhususkan kepada 24 bulan tempoh penyusuan oleh ayat kedua. Bermakna, baki enam bulan yang tinggal adalah tempoh minima kehamilan ibu menurut pandangan ulama (Wahbah Zuhaili, 2010).

---

[15] Kelonggaran hanya diberikan kepada bukan Islam apabila anak yang dilahirkan di luar pernikahan boleh disabitkan kepada bapa sekiranya bapa mengakui pihak yang didaftarkan sebagai anak, dan bapa menandatangani daftar kelahiran bersama-sama dengan ibu anak tersebut (*Kelahiran-Soalan Lazim*, t.t.).

[16] "Anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami" (Enakmen Pentadbiran Agama Islam, 2006)

1.7.3 Fatwa

Menurut *Mu'jam al-Ma'ānī* (t.t), fatwa bermaksud jawapan kepada permasalahan *syarī'ah* (hal ehwal agama Islam) yang dirujuk kepada pihak yang *faqīḥ* (berautoriti). Dalam konteks di Malaysia, pihak berautoriti yang dimaksudkan adalah institusi fatwa yang dipengerusikan oleh Mufti Negeri[17] dan diberi nama Jawatankuasa Fatwa Negeri (JFN) [18], atau Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak (JPHS) bagi Wilayah Persekutuan [19]. Setiap JFN mempunyai kuasa penuh dan bebas dalam proses perbincangan, pewartaan dan penguatkuasaan fatwa di negeri masing-masing (Zaini Nasohah, 2005).

Terdapat tiga pembahagian kategori fatwa di Malaysia iaitu (i) fatwa sedia ada namun berkemungkinan tidak didokumentasikan dengan baik, (ii) fatwa yang diwartakan berdasarkan hasil mesyuarat rasmi JFN, dan terakhir, (iii) fatwa yang dikeluarkan secara persendirian oleh Mufti sama ada secara lisan atau bertulis (Ahmad Hidayat, 2002). Bagi kategori pertama dan kedua, fatwa boleh diaplikasikan oleh institusi yang terlibat sebaliknya tidak berlaku bagi kategori ketiga[20]. Oleh hal yang demikian, fatwa

[17] Seksyen 45. Fungsi Mufti: "Mufti hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini" (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003)

[18] Seksyen 46. Jawatankuasa Fatwa: "(1) Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa" (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003)

[19] Seksyen 37. Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak: "(1) Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak" (Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993)

[20] Seksyen 34. Fatwa: "…(2) Tiada pernyataan yang dibuat oleh Mufti boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika dan sehingga pernyataan itu disiarkan dalam Warta menurut subseksyen (1); (3) Apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang bermastautin di Wilayah-Wilayah Persekutuan sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan, atau pendapat peribadi" (Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993)

tidak boleh diwartakan melainkan adalah hasil keputusan Mufti dan JFN secara *ijtihād jamā'ī* iaitu berdasarkan perbincangan bersama[21] (Mahmood Zuhdi, 2004).

1.8 Sorotan Karya

Terdapat empat tema penting dalam memberikan gambaran yang jelas mengenai keperluan kajian berkaitan tajuk dijalankan. Tema-tema berikut dibina hasil dari analisis bermula dari permasalahan, seterusnya dibentuk berdasarkan kepada objektif kajian. Empat tema tersebut ialah: (i) isu penasaban anak zina dan kelahiran kurang enam bulan; (ii) kajian terhadap amalan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan di luar negara; (iii) kaedah penjagaan *maṣlaḥah* anak tidak sah taraf di Malaysia; serta (iv) salah laku seksual di Malaysia dan kaedah penyelesaiannya.

1.8.1 Isu penasaban anak zina dan kelahiran kurang enam bulan

Terdapat beberapa perbincangan mengenai isu penasaban khususnya melibatkan anak zina dan kelahiran kurang enam bulan di dalam soal hukum. Misalnya kajian oleh Muhammad Adam Abd. Azid, Khadher Ahmad, Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir dan Rahim Kamarul Zaman (2020) mengenai pemahaman hadis *al-walad lil-firāsy* serta kesan pengaruhnya terhadap fatwa penasaban anak tak sah taraf di Malaysia. Dapatan penulis telah mengetengahkan perbezaan antara ulama dalam memahami teks hadis tersebut iaitu: (a) Pemahaman berdasarkan zahir hadis; serta (b) Pemahaman berdasarkan *maqāṣid* daripada hadis. Perbezaan dalam kefahaman telah menatijahkan

[21] Seksyen 37. Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak: "…(5) Bilamana Mufti bercadang hendak membuat fatwa di bawah seksyen 34 dia hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu; (6) Sebelum Mufti membuat fatwa, dia boleh menyebabkan kajian-kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan" (Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993)

pendirian yang berbeza antara institusi fatwa di Malaysia berkaitan status nasab bagi anak tidak sah taraf sama ada mensabitkan sah taraf kepada suami si ibu atau tidak.

Begitu juga kajian dari Mohd Noor Daud *et al* (2015) terhadap kaedah *al-iqrār* dan kesannya kepada nasab anak zina. Penulis membawa kedua-dua pandangan iaitu pandangan yang tidak menerima dan pandangan yang menerima, serta mengambil pandangan yang tidak menerima kerana penulis berpendapat hujah pihak terbabit lebih kuat. Namun kajian terhadap kedua-dua pandangan yang dibincangkan hanya berdasarkan dalil al-Quran, hadis dan pendapat ulama semata-mata. Penulis tidak mengetengahkan realiti keperluan *maṣlaḥah* atau kemudaratan kesan daripada kaedah penasaban tersebut.

Lukman Abdul Mutalib dan Mohamad Azhan (2016) turut mengetengahkan pandangan berbeza dari perundangan Malaysia. Lukman dan Mohamad (2016) membentangkan kajian literatur terhadap isu penasaban anak hasil perbuatan zina menurut ulama Islam, dan dapatan memilih untuk mengambil serta mengusulkan pandangan Hanafiah dalam hal penasaban. Hal demikian kerana, penulis mendapati pandangan Hanafiah dilihat hampir dengan usaha memelihara kemaslahatan dan *maqāṣid al-syarī'ah*. Sekalipun begitu, kajian penulis tidak diteruskan dengan perincian bukti keperluan terhadap pelaksanaan pandangan Hanafiah di Malaysia.

Berdasarkan kepada tiga dapatan di atas, didapati tiada kajian lapangan yang dapat membuktikan hubungan isu penasaban dalam perbezaan pandangan tersebut terhadap *maṣlaḥah ḍarūrī* anak serta ibu bapa yang telah bertaubat diperlukan, terutama melibatkan realiti di Malaysia.

Universiti Utara Malaysia

Sedangkan, menurut kajian Zulkifli, Irwan dan Lukman (2013) terdapat beberapa kes bapa telah membuat permohonan pengesahan taraf anak kelahiran kurang enam bulan di Mahkamah Syariah. Melalui semakan kes-kes tersebut, dapat diperhatikan kesungguhan mereka walaupun majoriti kes ditolak oleh pihak mahkamah. Namun demikian didapati bahawa penulis hanya membincangkan status pengesahan sabitan bagi kes permohonan, tanpa mengetengahkan kes permohonan sebagai bukti keperluan pelaksanaan penasaban yang memberi *maṣlaḥah* terhadap anak dan bapa yang mahu bertanggungjawab.

Kajian lapangan dari Lukman Abdul Mutalib, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Syukran Baharuddin, Hasnizam Hashim, Zulfaqar Mamat dan Norma Yusof (2021) pula mendedahkan mengenai hujah penghakiman terhadap kes permohonan pengesahtarafan anak oleh Hakim Syarii dalam kes membabitkan anak yang diragui nasab seperti anak kelahiran kurang sembilan bulan, anak kelahiran dalam empat tahun dan anak yang dinafikan oleh bapa. Dapatan mendapati Hakim Syarii bersikap bebas mengambil pandangan Mazhab Muktabar dalam membuat keputusan berdasarkan kepada penelitian khusus terhadap setiap perincian kes secara individu.

Universiti Utara Malaysia

Oleh hal demikian, kajian melihat kepada keperluan untuk dijalankan penyelidikan dalam memahami sokongan terhadap pandangan Mazhab Muktabar yang lain selain dari pandangan hukum MKI bagi pelaksanaan pensabitan nasab.

Tambahan pula, syarat enam bulan dua *laḥzhah* tempoh kehamilan yang ditetapkan oleh ulama juga memerlukan kepada perbincangan lanjut. Ahmad Irfan (2013) di dalam kajiannya membahaskan mengenai perbezaan isu di dalam perkiraan enam bulan dua lahzhah sehingga menimbulkan beberapa persoalan seperti: (a) Bilakah tempoh *laḥzhah al-firāsy* itu dikira? Bermula dari tarikh pernikahan atau dari tarikh

dukhūl (persetubuhan seksual)? (b) Bilakah *laḥzhah wilādah* itu bermula? Bagaimanakah dalam situasi kelahiran kecemasan? (c) Bagaimanakah penerimaan kaedah kiraan umur janin di dalam kandungan daripada sudut perubatan moden.? (d) Bagaimanakah kaedah pengiraan sama ada mengambil kaedah bulan *syamsiyah* atau *qamariah* iaitu 180 hari atau 175 hari? Keempat-empat persoalan tersebut merupakan isu penting melibatkan soal penasaban dengan syarat enam bulan kehamilan kerana syarat tersebut adalah asas pandangan ulama dan menjadi penentu sah taraf seseorang.

Dalam masa yang sama, terdapat kajian oleh Fatimah Yusro, Anisah Che Ngah, Mohammad Azhan, dan Ahmad Azam (2021) berhubungan keperluan Undang-Undang Keterangan Islam dalam mensabitkan sah taraf anak. Penulis mengusulkan dapatan agar dalam pensabitan nasab anak oleh pihak mahkamah, kes perlu disokong oleh pembuktian sains bahawa anak adalah kelahiran dari persetubuhan dalam pernikahan meskipun anak dilahirkan melebihi enam bulan tetapi kurang dari tempoh kelahiran normal (Sembilan bulan).

Universiti Utara Malaysia

Walaubagaimanapun, kajian mendapati bahawa dapatan dari penulis tersebut berlawanan dengan konsep asal ulama empat mazhab, iaitu anak kelahiran melebihi enam bulan adalah boleh dinasabkan kepada suami si ibu kecuali jika dinafikan oleh si suami. Lalu, kajian melihat kepada syarak tidak meletakkan keperluan untuk mengkaji sejauhmana sifat dan kejadian anak dihasilkan dari dalam pernikahan atau bermula dari luar pernikahan.

Mengenai perihal aplikasi penasaban dalam institusi fatwa negeri-negeri di Malaysia, kajian Abdul Hafiz Othman (2018) telah mengemukakan *sīghah* fatwa dan perbincangannya oleh setiap negeri. Di awal penelitian, penulis mengetengahkan pandangan ulama terhadap kaedah penasaban, kategori anak zina serta syarat

penasaban anak zina. Seterusnya penulis menyenaraikan keputusan fatwa yang diambil oleh JFN serta kaedah *fiqh* yang diaplikasikan di dalam keputusan fatwa. Namun, mengenai fatwa penasaban JFN Perlis yang berbeza, penulis hanya memaklumkan sahaja tanpa disertakan bagaimana kaedah fatwa JFN Perlis diputuskan.

1.8.2 Kajian terhadap amalan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan di luar negara

Terdapat beberapa kajian terhadap pelaksanaan penasaban yang diamalkan oleh Muslim di negara luar. Dapatan memperlihatkan kebanyakan amalan adalah bersandarkan kepada penasaban dengan syarat kelahiran dalam tempoh enam bulan dari tarikh pernikahan ibu bapa. Misalnya di India, walaupun majoriti rakyatnya beragama Hindu, namun 172 juta orang penduduk Muslim mempunyai rujukan statut sendiri iaitu, *Muslim Personal Law (Shariat) Application Act 1937* atau dikenali juga sebagai *Mohammaden Law*. Dequen (2020) di dalam kajiannya terhadap pelaksanaan penasaban bagi penganut Islam India mendapati bahawa undang-undang yang diterima pakai oleh penganut Islam adalah terasing dari Undang-Undang Sivil India. *Muslim Personal Law (Shariat) Application Act 1937* mensabitkan sah taraf anak oleh *al-firāsy*, iaitu pernikahan sahih, atau fasid dengan syarat kelahiran dalam tempoh enam bulan dari tarikh pernikahan. Fasid di dalam *Muslim Personal Law* adalah bermaksud fasid pada akad. Sebaliknya sekiranya fasid pada pasangan seperti pernikahan adik beradik sedarah atau adik beradik susuan, anak tidak boleh disabitkan nasab kepada suami si ibu. Dapatan mengetengahkan pindaan yang berlaku dalam perundangan tersebut dari amalan sebelum ini iaitu perkiraan enam bulan dari tarikh *dukhūl* kepada perkiraan enam bulan dari tarikh pernikahan. Perbincangan turut memasukkan nikah *mut'ah* (bertempoh) dalam pensabitan nasab anak hasil hubungan tersebut tanpa

Universiti Utara Malaysia

mengiktiraf isteri dari nikah *mut'ah* sebagai isteri yang sah. Selain itu, kaedah *iqrār* diterima sekiranya anak *majhūl* nasab, anak bukan berstatus tidak sah taraf; dan tiada perkara yang boleh menyangkal pensabitan *iqrār*.

Begitu juga amalan penasaban di Tunisia, iaitu penasaban anak diterima dengan kewujudan pernikahan sahih serta dalam lingkungan enam bulan dari tarikh pernikahan (*Tunisian Family Law*, t.t). Meskipun Tunisia mengalami dua kali reformasi dalam pindaan undang-undangnya (Charrad, 2012), namun undang-undang penasaban masih dikekalkan dengan syarat tersebut.

Perkara sama telah menjadi amalan di Andalusia suatu ketika dahulu, menurut Serrano-Ruano (2013). Di Andalusia, penasaban anak tersabit oleh asas hukum, iaitu kelahiran dalam tempoh enam bulan dari tarikh pernikahan ibu bapa. Walaubagaimanapun, sekiranya lelaki penzina bernikah dengan perempuan penzina, dan dikenakan hudud zina atas kesalahan penzinaan sebelum pernikahan, kemudian didapati perempuan penzina iaitu si isteri hamil, anak tersebut boleh disabitkan nasab kepada lelaki penzina tersebut, iaitu suami si ibu.

Terdapat isu berbangkit yang diketengahkan dalam usaha memelihara kebajikan anak di negara-negara yang melaksanakan penasaban dengan syarat kelahiran dalam tempoh enam bulan tersebut. Engelcke dan Yassari (2019) di dalam kajian mereka telah memberi penekanan terhadap keperluan mereformasikan undang-undang perihal nasab agar kesejahteraan hidup anak yang tidak bersalah lebih terjamin. Konklusi tersebut disokong oleh dapatan dari Fisher (2015) terhadap isu tekanan dan diskriminasi yang dihadapi oleh anak tidak sah taraf serta ibu kepada anak tidak sah taraf di dalam masyarakat dan perundangan khususnya bagi negara-negara Arab.

Universiti Utara Malaysia

Dalam masa yang sama, terdapat kajian yang membawa bukti keberkesanan pelaksanaan nasab tanpa syarat kehamilan enam bulan di zaman kontemporari. Schlumpf (2016) dalam kajian telah memperincikan pelaksanaan kaedah penasaban di Maghribi semenjak tahun 2012, berserta hujah syarak yang menjadi dalil penggubalan undang-undang tersebut. Kaedah penasaban termaktub di dalam Akta *Moudawana*, iaitu sebuah perundangan berkaitan wanita, keluarga dan anak-anak di negara terbabit. Misalnya Artikel 142 *Moudawana* membenarkan penasaban anak walaupun dari luar pernikahan sahih atas konsep *'filiation parentale' (bunuwwah*). Kajian mendapati, kesan penasaban membolehkan ibu menuntut hak nafkah anak daripada bapa.

Maghribi adalah negara arab Islam pertama yang mengiktiraf ujian *DNA* dalam penentuan nasab. Kajian Serrano-Ruano (2018) mendapati pengesahan ujian *DNA* membantu memberi hak kepada anak-anak terbuang di Maghribi apabila nasab mereka dapat dikenal pasti.

Begitu juga di Indonesia, Ikhsan Fatah (2016) memperincikan mengenai keputusan Mahkamah Konstitusi yang membenarkan nasab disabitkan ke atas bapa apabila dapat dibuktikan oleh teknologi sains. Penulis menganalisis keputusan tersebut berdasarkan konsep *al-laqīṭ* dan wasiat *wājibah*, serta didapati bahawa keputusan yang ditentang oleh masyarakat itu adalah sebenarnya bersesuaian dengan hukum syarak.

Ketiga-tiga kajian mengenai kaedah pelaksanaan penasaban di atas membantu memahami pelaksanaan tanpa syarat kelahiran dalam tempoh enam bulan melibatkan negara luar. Sedangkan di dalam Malaysia, JFN Perlis sendiri mempunyai fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, namun belum ditemui lagi kajian yang memperincikan latar belakang pewartaan dan penguatkuasaan fatwa tersebut.

Universiti Utara Malaysia

1.8.3 Kaedah penjagaan *maṣlaḥah* anak tidak sah taraf di Malaysia

Terdapat beberapa kajian mengenai usaha penjagaan *maṣlaḥah* atau lebih spesifik penjagaan kebajikan anak tidak sah taraf. Bermula dari penjagaan nyawa, pihak berkuasa telah berusaha menyediakan *baby hatch* sebagai ruang diletakkan anak yang tidak diingini khususnya anak tidak sah taraf agar anak tidak dibuang ke tempat tidak selamat yang akhirnya akan ditemui dalam keadaan cedera atau mati. Kajian Mohd Mahyeddin, Nisar dan Nur Mohammad (2018) telah menyelidik mengenai keberkesanan program *baby hatch* dalam memenuhi *hifzh al-nafs* (penjagaan nyawa). Meskipun ada pihak yang melemparkan tuduhan bahawa program *baby hatch* bakal menggalakkan lagi penzinaan dalam masyarakat, keutamaan *maṣlaḥah* melindungi nyawa anak tidak sah taraf adalah lebih penting didahulukan.

Kajian Rispalman dan Nor Najihah (2022) terhadap *baby hatch*, turut mengkonklusikan bahawa insentif pihak berkuasa tersebut, adalah memenuhi *maqāṣid al-syarī'ah*. Namun begitu dalam masa yang sama, penulis mengetengahkan usul keperluan untuk difahami bahawa *baby hatch* tidak boleh menjadi satu-satunya solusi dalam kes pembuangan bayi dari anak tidak sah taraf.

Hal demikian kerana bayi yang ditinggalkan di dalam *baby hatch* atau di tempat lain, tetap mengalami kesulitan dalam pengurusan sebagai anak tidak sah taraf yang dibuang. Kajian Nurhafizah Mohd Sukor, *et al* (2015) menunjukan anak yang dibuang atau anak pungut akan diuruskan oleh JKM mahupun NGO tanpa mengira warna kulit dan latar belakang bangsa bayi tersebut. Penulis mendapati bahawa anak yang ditinggalkan sukar untuk dinisbahkan kepada agama asalnya melainkan menurut lokasi bayi ditemui semata-mata.

Abd Ghani Ahmad dan Nuarrual Hilal (2018) dalam kajian mereka terhadap institusi kebajikan dan rumah perlindungan JKM mendapati bahawa penempatan anak tidak sah taraf atau lebih tepat anak luar nikah ke dalam institusi tersebut memberi permasalahan sosial kerana keterbatasan tenaga staf JKM untuk memantau pendidikan akhlak anak tersebut. Lebih-lebih lagi institusi JKM turut melibatkan perlindungan ke atas anak dalam kelompok lain seperti anak yatim, mangsa penderaan dan anak yang diperintahkan oleh mahkamah kerana berkelakuan tidak sopan. Penulis telah mengusulkan agar pihak berkuasa menyediakan rumah perlindngan lain khusus untuk anak luar nikah agar proses tumbesaran mereka dapat terpelihara dari anasir yang tidak baik dan proses pendidikan akhlak mereka menjadi lebih baik.

Berdasarkan dapatan-dapatan tersebut, kajian melihat kepada keperluan ke arah menyediakan sokongan dan bantuan ke atas ibu dalam soal kebaikan dan *maṣlaḥah* anak tidak sah taraf perlu difikirkan bagi mengelak kejadian buang bayi atau penyerahan anak tidak diingini khususnya anak tidak sah taraf kepada insitusi selain keluarga dari terus berlaku.

Universiti Utara Malaysia

Asas kebajikan anak tidak sah taraf melibatkan soal nafkah, *ḥaḍānah* (penjagaan) dan pewarisan harta pusaka. Zanariah Nor (2018) menyenaraikan lima keperluan asas seorang anak iaitu identiti diri, nafkah, hadanah, harta pewarisan dan hubungan kekeluargaan. Anak tidak sah taraf secara hukumnya terputus dari memperolehi kelima-lima asas tersebut dari bapa dan waris bapa. Anak tidak sah taraf memperolehi keperluan kebajikannya hanya dari ibu dan waris ibu semata-mata.

Pandangan sama telah diulas oleh Muhammad Aunurrochim dan Mohamad Zakwan (2018) bahawa nafkah anak hasil penzinaan tidak boleh dibiayai oleh bapa penzina. Kewajipan menafkahi anak adalah di bawah tanggungjawab ibu kepada anak tersebut

sahaja. Sekiranya ibu tidak mahu bertanggungjawab atau tidak mampu, kewajipan dipertanggungjawabkan ke atas waris terdekat atau pihak kerajaan melalui baitulmal.

Kedua-dua kajian yang diketengahkan hanya melibatkan soal hukum di sisi syarak dan perundangan. Kajian tidak membincangkan dari sudut kekangan yang dihadapi oleh pihak ibu dan waris ibu apabila kebajikan anak tidak sah taraf diletakkan di bawah tanggungjawab mereka semata-mata. Sedangkan terdapat kajian lain yang menunjukkan keperluan dan kebergantungan dari ibu kepada pihak lain dalam perihal kebajikan anak tidak sah taraf apabila dipertanggungjawabkan secara tunggal.

Kajian Nuarrual Hilal dan Abd Ghani Ahmad (2014) terhadap anak tidak sah taraf mengetengahkan dapatan bahawa pihak berkuasa terutamanya KPWKM, JKM dan NGO memainkan peranan penting dalam menjaga kebajikan anak tersebut. Walaupun pihak utama yang perlu bertanggungjawab dalam perihal anak tidak sah taraf menurut Islam adalah ibu dan waris ibu, sebahagian besar telah menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada pihak berkuasa dengan alasan terdapat peruntukan kewangan yang cukup dan prasarana yang selesa. Kajian menyimpulkan bahawa pelaksanaan kebajikan anak tidak sah taraf orang Islam di Malaysia masih kurang memuaskan meskipun terdapat peruntukan jelas dalam hukum syarak dan undang-undang.

Kajian disokong oleh kajian lain dari Abd Ghani dan Nuarrual (2016) mengenai keperluan terhadap sebuah mekanisma dalam soal nafkah anak tidak sah taraf seperti tindakan pihak berkuasa di Malaysia mewujudkan Peraturan Khas mengikat “bapa” atas dasar tanggungjawab sosial untuk memberikan nafkah dan menjaga kebajikan anak tak sah taraf secara bersama demi mengelakkan “bapa” bersikap lepas tangan.

Universiti Utara Malaysia

Mohd Hazwan Ismail dan Jasni Sulong (2021) turut membawa bukti dari kajian kes di Mahkamah Syariah Pulau Pinang mengenai tuntutan nafkah anak tidak sah taraf dari ibu terhadap bapa. Terdapat bapa ingin mengelak dari bertanggungjawab telah membuat penafian nasab meskipun anak adalah kelahiran melebihi enam bulan. Sedangkan sabitan tidak sah taraf dilakukan bagi kes tersebut mesti berlaku dalam tempoh tertentu yang dibenarkan sahaja bersama disertakan keterangan dan saksi. Penulis juga dapat membawa bukti terdapat kes tuntutan nafkah anak tidak sah taraf yang telah diluluskan oleh pihak mahkamah selepas Hakim Syarii mengambil inisiatif meneliti situasi di pihak ibu dan dipersetujui oleh pihak bapa.

Ketiga-tiga kajian di atas menunjukkan terdapat usaha untuk mensabitkan kewajipan menafkahi anak tidak sah taraf meskipun nasab kekal tidak tersabit ke atas bapa. Hal demikian kerana, dapat dikesan berlakunya kelompongan dalam kebajikan anak tidak sah taraf apabila pihak bapa tidak dipertanggungjawabkan secara bersama.

Antara usaha lain dari pihak berkuasa di Malaysia dalam memelihara kebajikan anak tidak sah taraf, adalah dengan mengiktiraf buang bayi sebagai jenayah berat dalam perundangan. Kajian Mustafa ‘Afifi, *et al* (2013) memperlihatkan bahawa kes buang bayi sebelum ini dibicarakan di bawah Seksyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001, yang mana jika tersabit kesalahan, pihak tertuduh boleh dihukum denda maksimum RM20,000 atau penjara sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali. Seksyen 31 meliputi kesalahan berkaitan penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak. Namun oleh kerana kes pembuangan bayi semakin meningkat, Kabinet Malaysia telah memutuskan bahawa kes pembuangan bayi disiasat sebagai ‘kes bunuh atau percubaan membunuh’ dalam memastikan perbuatan tidak berperikemanusiaan itu menerima hukuman berat. Kes bunuh disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang membawa kepada hukuman gantung sampai mati,

Universiti Utara Malaysia

manakala kes percubaan membunuh mengikut Seksyen 307 Kanun sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun.

Meskipun pindaan pemilihan Akta dalam perbicaraan kes pembuangan bayi adalah suatu penambah baikan, namun kajian melihat kepada hukuman yang disabitkan pasti adalah kepada ibu yang membuang bayi selepas melahirkan. Hukuman sukar disabitkan kepada bapa penzina sedangkan ketiadaan sokongan dan kesan akibat lepas tangan bapa merupakan faktor penyebab ibu yang ketakutan dan keliru memilih untuk membuang bayi berstatus tidak sah taraf.

Dari sudut perspektif terhadap anak tidak sah taraf, masyarakat di Malaysia didapati semakin berkesedaran dan berpengetahuan. Dua kajian telah membuktikan sebahagian besar responden tidak memiliki pandangan negatif terhadap anak tidak sah taraf (Noraini Aqiilah Ismail & Ahmad Munawar Ismail, 2018; Hamizah Muhammad, *et al*,2021). Namun dalam masa yang sama, Hamizah Muhammad, *et al* (2021) mengetengahkan isu kegelisahan dan ketakutan yang masih membelenggu kehidupan ibu bapa kepada anak tidak sah taraf. Mereka risau, bimbang dan berasa terganggu dengan status tidak sah taraf tersebut. Dalam hal demikian, kajian melihat kepada keperluan untuk diteliti dari perspektif pihak yang terkesan oleh status tidak sah taraf kerana mereka yang berhadapan dengan kesan langsung tersebut.

1.8.4 Salah laku seksual di Malaysia dan kaedah penyelesaiannya

Terdapat beberapa kajian mengenai salah laku seksual dalam kalangan masyarakat di Malaysia, merangkumi bentuk salah laku, faktor penyumbang serta kaedah penyelesaian. Namun begitu, kaedah penyelesaian yang dicadangkan adalah berbentuk membendung gejala seksual dari terus menular tanpa penyelesaian kepada akibat salah laku tersebut.

Universiti Utara Malaysia

Misalnya kajian Kamarul Jazmi (2017). Penulis memulakan kajian dengan definisi salah laku seksual iaitu, perbuatan melakukan aktiviti seksual tanpa ikatan pernikahan, atau dipanggil sebagai seks bebas dan perbuatan zina. Seterusnya diketengahkan dua faktor mempengaruhi remaja kepada salah laku seksual iaitu terdiri dari faktor dalaman dan faktor luaran. Kemudian, penulis mengetengahkan kesan buruk yang dihadapi akibat dari salah laku seksual, dan bagaimana bentuk pencegahan anjuran Islam agar remaja tidak terlibat dengan salah laku seperti tidak bercinta sebelum komitmen pernikahan dan tidak berdua-duaan antara lelaki dan perempuan *ajnabi.*

Begitu juga dengan kajian Noor 'Ashikin, Shariffah Nuridah, Lily dan Nur Amani (2015) mengenai aktiviti khalwat dalam kalangan remaja Malaysia dan Acheh. Kajian mendapati khalwat termasuk dalam definisi salah laku seksual atau maksiat di dalam Islam. Kajian seterusnya mengetengah bentuk penyelesaian gejala khalwat dengan memperkukuhkan pelaksanaan Undang-Undang Syariah seperti hukuman rotan kepada pelaku khalwat.

Universiti Utara Malaysia

Fakhrurrazi (2013) di dalam laporan sarjana membawa bentuk salah laku seksual yang biasa dilakukan oleh pasangan bakal pengantin di Johor Bharu iaitu berpelukan, berciuman, meraba dan oral seks. Faktor yang dapat dikenal pasti adalah, kurangnya kesedaran terhadap keperluan pemilihan pasangan berdasarkan agama. Aspek pemilihan pasangan menjadi faktor penyumbang perbuatan zina. Lalu, aspek berikut perlu menjadi penekanan kepada masyarakat dalam usaha pencegahan salah laku seksual.

Kajian Safiya (2011) pula mengetengahkan hubungkait bahan pornografi dengan salah laku seksual dalam kalangan remaja. Kajian terhadap remaja hamil luar nikah di Raudhatul Sakinah mendapati, 97 persen daripada penghuni pernah menonton dan

mendapat pendedahan seksual dari bahan pornografi. Penulis mendapati pengetahuan penghuni mengenai organ seksual adalah baik tetapi kurang pada pengetahuan kesan aktiviti seksual dan kehamilan. Pendapat disokong oleh kajian sarjana Syamsul Anuar (2003) mengenai faktor penularan seks siber atau bahan pornografi dalam kalangan pengguna dan signifikannya terhadap salah laku seksual. Namun kedua-dua kajian di atas didapati hanya membawa isu pornografi sebagai faktor salah laku seksual tanpa disertakan solusi kepada masalah tersebut.

Salasiah Hanin *et al* (2014) dalam penelitian terhadap 50 orang remaja hamil luar nikah mendapati, kegagalan komunikasi antara ibu bapa dengan anak membawa kepada kegagalan membendung pengaruh buruk terhadap anak. Remaja perempuan yang tidak mendapat kasih sayang dari ahli keluarga terutama ibu bapa, didapati mudah terjerat dengan konflik percintaan yang membawa kepada aktiviti seksual bersama kekasih. Oleh kerana itu, dalam pencegahan, penulis menekankan peranan ibu bapa dalam membentuk institusi keluarga yang harmoni, dengan menjadi contoh dan terlibat secara langsung dalam pendidikan anak-anak.

Universiti Utara Malaysia

Begitu juga kajian Khairani *et al* (2010) mendapati ketidak pedulian ibu bapa terhadap aktiviti atau bersama siapa anak-anak bergaul selepas waktu persekolahan, meningkatkan risiko penglibatan anak dalam salah laku seksual. Selain itu, terdapat faktor lain yang dibuktikan oleh dapatan kajian, iaitu faktor keluarga tunggal serta taraf pendidikan dan ekonomi keluarga yang rendah menjadi asbab berlaku kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja. Dalam kajian, penulis mengetengahkan keperluan ibu bapa untuk mengambil berat perihal anak agar membendung penglibatan remaja terhadap salah laku seksual.

Seterusnya, kaji selidik Nor Jumawaton, Mariani, Zainal dan Hanina (2017) terhadap 130 orang remaja hamil luar nikah mendapati hubungan signifikan antara populariti rakan sebaya dan estim diri terhadap salah laku seksual remaja. Hal demikian kerana, pengaruh aspek populariti rakan sebaya yang tinggi dalam salah laku seksual akan meningkatkan estim diri remaja kerana diterima dalam kelompok tersebut. Penulis melihat keperluan pemerkasaan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dan Program Pementoran di sekolah-sekolah bagi membantu remaja berisiko tinggi yang mengalami konflik pengaruh rakan sebaya serta konflik komunikasi ibu bapa agar menjauhi salah laku seksual. Hasil kajian Maryam, Hanina, Haslinda, Asnarulkhadi dan Amna (2014) juga membawa pengaruh rakan sebaya sebagai faktor pendorong remaja di kawasan luar bandar terlibat dalam gejala seksual.

Danish dan Mohammad (2017) pula mengetengahkan faktor keperibadian dalam mengganggu personaliti seksual. Kajian ke atas 120 orang responden rawak menunjukkan bahawa lelaki yang belum bernikah dan mempunyai ciri-ciri personaliti *neuroticism-anxiety*, lebih mudah untuk terjebak dalam salah laku seksual berbanding yang tidak mempunyai ciri-ciri personaliti jenis berikut. Hal demikian kerana, mereka cuba mengalihkan dan menyalurkan emosi tidak menentu seperti kesunyian dan memendam rasa kepada kecenderungan naluri seksual. Hasil kajian menunjukkan, lelaki yang mengalami kemurungan lebih cenderung untuk berfantasi seksual dan beronani. Oleh hal demikian, sebagai langkah pencegahan, perhatian dan rawatan perlu diberikan kepada individu yang mempunyai tret psikologikal tertentu supaya mereka dapat mengawal dan mencegah diri dari terjebak ke tingkah laku seksual yang mampu membawa kepada ketagihan.

Universiti Utara Malaysia

Seterusnya, kajian Roslee, Mohamed Sharif, Sulaiman Shakib dan Ahmad Jazimin (2008) mengangkat keperluan pendekatan Kaunseling Islam diamalkan khususnya kepada kaunselor Islam bagi menggantikan pendekatan Kaunseling Barat dalam menangani klien yang mengalami masalah kerohanian dan terjerumus ke dalam salah laku seksual. Hal demikian kerana, penulis mendapati agama adalah penyelesaian kepada segala permasalahan aspek kerohanian dan pendekatan Kaunseling Barat dilihat telah gagal dalam menangani isu tersebut.

Namun begitu, kesemua kajian di atas hanya memberi penekanan kepada faktor penyumbang gejala seksual dan kaedah penyelesaian yang berfokus kepada melindungi remaja dari terjebak dalam salah laku seksual. Kajian-kajian berikut tidak menyentuh perihal kaedah penyelesaian terhadap akibat gejala seksual seperti kehamilan luar nikah yang memerlukan kepada perbincangan isu anak tidak sah taraf.

Misalnya, terdapat kajian mengenai sikap remaja terhadap salah laku seksual sebelum bernikah. Kajiselidik Surammah dan Balan (2012) terhadap 250 pelajar Universiti Malaysia Sabah menunjukkan, pelajar lelaki lebih cenderung liberal mengenai aktiviti seksual sebelum bernikah berbanding pelajar perempuan. Hal demikian kerana, penglibatan lelaki dalam aktiviti seksual sebelum bernikah sukar untuk dikenalpasti berbanding perempuan. Kesan seperti kehamilan luar nikah juga tidak menjadi isu kepada lelaki, sebaliknya menjadi risiko besar kepada perempuan. Kajian penulis mendapati berlaku kecenderungan awal pelajar lelaki untuk bersikap lepas tangan terhadap akibat aktiviti seksual.

Namun kelompongan kajian adalah tidak membawa bentuk penyelesaian kepada usaha memupuk dan mendorong lelaki agar bertanggungjawab selepas melakukan kesalahan seksual, terutama apabila melibatkan kehamilan luar nikah. Kelompongan kepada

Universiti Utara Malaysia

pendidikan atau pelaksanaan undang-undang dalam membentuk sikap bertanggungjawab lelaki adalah perlu diisi kerana tidak sewajarnya perempuan hamil luar nikah menanggung kesan sendirian.

Kelompongan tersebut disokong oleh kajian mengenai faktor perasaan romantis dan kasih sayang dalam mendorong remaja kepada salah laku seksual. Kajian Yunira (2014) menunjukkan kecenderungan responden dalam mendefinisikan aktiviti seksual sebagai simbol cinta dan kesetiaan. Begitu juga temu bual Salamatussaadah dan Nor Ba'yah (2009), bersama penghuni pusat pemulihan mengenai signifikan antara hubungan romantik, intim dengan aktiviti seksual bersama pasangan. Responden mengaku hubungan romantik membawa kepada perasaan intim dan rasa percaya sehingga aktiviti seksual dilakukan secara sukarela. Kepercayaan membuatkan responden mengalami depresi kerana terpaksa melalui kehamilan tanpa sokongan teman lelaki (Su Xu Vin *et al*, 2014; Nor Jana, Mona dan Mehdi, 2014).

Keempat-empat kajian berikut membawa faktor romantis sebagai pendorong salah laku seksual dan tekanan yang dihadapi oleh remaja hamil luar nikah tanpa sokongan pasangan. Namun penulis tidak mengetengahkan kaedah yang perlu diambil oleh pihak terbabit terutamanya dari sudut penguatkuasaan undang-undang sebagai penyelesaian untuk mendorong lelaki bertanggungjawab dari akibat salah laku seksual. Perbincangan mendapati wujud keperluan kepada sebuah kajian yang mengetengahkan akibat salah laku seksual terutama melibatkan anak tidak sah taraf sebagai keperluan dibincangkan penyelesaian dan rawatan salah laku. Hal demikian bagi mendorong lelaki untuk bertanggungjawab secara bersama.

Universiti Utara Malaysia

*** Berdasarkan sorotan karya, didapati berlaku kelompongan perbincangan yang menghubungkaitkan empat tema tersebut. Pertama, dalam keadaan kekurangan kajian di Malaysia mengenai kaedah penasaban selain syarat kehamilan enam bulan, JFN Perlis mengambil langkah berbeza dan terkehadapan dalam mewartakan fatwa membenarkan pensabitan nasab anak kelahiran kurang enam bulan. Fatwa JFN Perlis dilihat sebagai usaha pemeliharaan *maqāṣid al-syarī'ah* anak, namun, belum ditemui kajian mengenai proses dan kesan pewartaan fatwa di negeri Perlis. Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan diambil sebagai isu utama kerana, fatwa JFN Perlis adalah asas rujukan kajian.

Kedua, belum ditemui kajian dari kutipan kes pelanggaran hak anak yang berlaku di dalam masyarakat di Malaysia sebagai sokongan data bagi melihat keperluan kepada penasaban anak kelahiran kurang enam bulan secara realiti. Ketiga, belum ditemui kajian terhadap hujah penghakiman di dalam isu pengesahan taraf anak kelahiran kurang enam bulan di Mahkamah Syariah dalam melihat kebolehlaksanan fatwa penasaban menurut perundangan. Oleh hal demikian, tajuk kajian 'Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan: Kajian terhadap keperluan pelaksanaannya berasaskan fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis' adalah mesti dilakukan demi penambahbaikan terhadap solusi.

Universiti Utara Malaysia

1.9 Kerangka konseptual



Rajah 1.1. Kerangka konseptual

Rajah di atas merupakan kerangka yang membina konsep perbincangan keseluruhan tesis. Bermula dari melihat kepada penghujahan ulama Islam seputar isu penasaban dan kesan kepada penasaban, kajian seterusnya melihat kepada fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh JFN Perlis dalam perihal proses pewartaan, perbincangan dan penguatkuasaan. Dalam masa yang sama kajian melihat kepada penghujahan pandangan hukum dari MKI bagi memahami faktor perbezaan pendapat.

Kajian diteruskan pula dengan menganalisis permasalahan yang berlaku kesan status tidak sah taraf terhadap anak, masyarakat dan negara bagi melihat kepada keperluan pelaksanaan penasaban anak tidak sah taraf. Kemudian, kajian melihat kepada kebolehlaksanaannya melalui hujah penghakiman memandangkan di peringkat Mahkamah Syariah terdapat ruang yang disediakan melalui permohonan pengesahan taraf status anak.

1.10 Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian adalah kualitatif, iaitu sebuah kaedah yang memerlukan kepada kutipan data berbentuk tulisan, berbanding angka. Hal demikian kerana, kualitatif memerlukan kepada latar belakang maklumat yang lebih, untuk memahami kerelevanan konteks, konsep dan teori (Walliman, 2011). Kualitatif turut menekankan proses, kefahaman dan pengertian, dengan penyelidik sebagai instrumen utama (Merriam, 2009), menjadikan bentuk kaedah tersebut sesuai dengan fenomena kajian kes iaitu perihal isu masyarakat setempat.

Universiti Utara Malaysia

Isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan berasaskan fatwa penasaban oleh JFN Perlis memerlukan kepada perincian kajian dokumentasi daripada ulama Islam selain pemerhatian dan temubual separa berstruktur bersama responden. Hal demikian kerana, konteks kajian tidak bergantung kepada dapatan yang tinggi dari kaji selidik, sebaliknya kefahaman terhadap latar belakang kajian adalah lebih diperlukan. Dapatan kemudiannya direduksikan agar mudah difahami menggunakan kaedah analisis yang bersesuaian (Berg, 2001).

1.10.1 Pengumpulan Data

Terdapat tiga bentuk kaedah yang dipilih untuk proses pengumpulan data, iaitu kaedah kajian dokumentasi, kajian arkib serta temu bual responden.

i. Kajian Dokumentasi

Kajian dokumentasi merupakan asas dalam penulisan bab dua serta turut digunakan dalam bab-bab yang lain bagi menjawab keempat-empat objektif. Antara sumber yang digunakan dalam proses pengumpulan data ialah buku-buku tafsir, hadis dan *fiqh*, *sīghah* fatwa, statut di Malaysia, artikel di dalam jurnal penyelidikan, tesis, kertas kerja seminar, data temu bual bersama responden serta bahan-bahan bercetak dan tidak bercetak lain yang berkaitan. Hal demikian bertujuan untuk mendapatkan perincian informatif mengenai perbincangan ulama perihal penasaban serta keterangan data terhadap keperluan pdan kebolehlaksanaan fatwa penasaban oleh JFN Perlis.

ii. Kajian Arkib

Kajian merujuk kepada fail permohonan pengesahan taraf anak di Mahkamah Syariah yang didaftarkan sama ada selesai diterima atau ditolak atau ditarik balik, sepanjang tempoh 10 tahun, iaitu dari tahun 2009 hingga 2019. Penetapan bilangan fail yang perlu diakses adalah minima 10 persen dari jumlah asal fail yang didaftarkan. Hal demikian kerana diketahui bahawa fail permohonan pengesahan taraf anak adalah sulit dan sukar untuk dibuka dalam jumlah maksima.

Pemilihan lokasi mahkamah adalah melibatkan ibu pejabat Jabatan Kehakiman Syariah negeri atau pusat pengumpulan bahan arkib bagi negeri-negeri terbabit. Walau bagaimanapun, bagi negeri Selangor, pengurusan fail di bawah urus selia pentadbiran setiap MRS. Lalu proses mengakses bahan arkib melibatkan tiga buah MRS iaitu MRS Petaling, MRS Shah Alam dan MRS Hulu Langat. Sebaliknya, proses mengakses

bahan arkib di empat negeri lain iaitu Perlis, Perak, Terengganu dan Johor hanya melibatkan satu lokasi, iaitu MTS Perlis, MTS Ipoh, MTS Johor Bahru, dan MRS Kuala Terengganu. Berikut merupakan jumlah fail yang berjaya diakses mengikut negeri:

Jadual 1.2

Jumlah Fail Diakses Mengikut Negeri

Negeri	**Jumlah**	**Persen**
Perlis	26 dari 26	100 persen
Perak	38 dari 380	10 persen
Selangor	101 dari 917	11 persen
Terengganu	82 dari 224	36.6 persen
Johor	21 dari 38	55.3 persen

Universiti Utara Malaysia

Pengaksesan fail sebanyak 10 persen dari jumlah asal kes adalah signifikan bagi kajian kualitatif memandangkan kuantitatif turut meletakkan 10 persen sebagai maksima capaian data bagi kaedah uji selidik populasi (Prashant, & Supriya, 2010).

Kajian turut melibatkan data kes anak tidak sah taraf, merangkumi anak pungut dan anak kelahiran selamat tanpa pernikahan ibu melalui agensi kerajaan, JKM. Semua bahan arkib yang bersifat sulit dan tidak boleh didedahkan melainkan dalam bentuk perbincangan umum. Kesemua data yang tetap dan tidak berubah (Sabitha, 2005) seperti berikut digunakan dalam bab tiga, empat dan lima bagi menjawab objektif dua, tiga, empat dan lima.

iii. Temu bual responden

Temu bual responden bagi kajian adalah berbentuk semi-struktur agar sesi temu bual lebih fleksibel tetapi berformat dan tidak terkeluar dari konsep kajian (Merriam, 2009). Hal demikian kerana, topik perbincangan adalah topik yang konflik dan sensitif, iaitu perihal penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dan isu ketidaksah tarafan anak. Justeru soal jawab perlu berlaku dalam keadaan yang tidak memberi tekanan dan mewujudkan konfrontasi terhadap responden.

Temu bual melibatkan lapan kategori pihak berautoriti dalam isu penasaban anak tidak sah taraf, iaitu (a) ahli JFN Perlis; (b) ahli MAIPs; (c) Hakim Syarii; (d) pegawai JKM; (e) individu berstatus tidak sah taraf; (f) ibu hamil tanpa pernikahan; (g) bapa kepada anak tidak sah taraf; dan (h) individu yang menjadi rujukan pihak terkesan. Responden dari kategori (a), (b) dan (c) dipilih bagi menjawab dua objektif iaitu pertama, penelitian terhadap fatwa penasaban dalam bentuk penghujahan dan penguatkuasaannya di negeri Perlis; serta kedua, memahami sudut pandang pihak pelaksana terhadap fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Responden dari kategori (d), (e), (f), (g) dan (h) pula dipilih bagi memahami sudut pandang pihak terkesan terhadap fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dan keperluan terhadap pelaksanaannya berdasarkan permasalahan oleh status tidak sah taraf.

Data temu bual tersebut digunakan dalam bab tiga, empat dan lima bagi menjawab objektif dua, tiga dan empat. Berikut merupakan perincian responden bagi lapan kategori yang dipilih:

a. Tiga orang responden dari ahli JFN Perlis: Timbalan Mufti, Roslan Esa (2020), dan dua ahli biasa iaitu Abdul Hadi Osman (2020) dan Ahmad Jusoh (2020).

Universiti Utara Malaysia

b. Seorang responden dari ahli MAIPs: Ketua Pengarah Esekutif, Mohd Nazim (2022).

c. Lima orang responden Hakim Syarii: Mohamad Fauzi Ismail (2019) sebagai Hakim MTS Negeri Perlis; Mohammad Esham Abdul Samad (2020) sebagai Hakim MTS Ipoh; Syukran Yusuf (2020) sebagai Hakim MRS Petaling; Wan Abdul Malik Wan Sidek (2020) sebagai Ketua Pendaftar MTS Terengganu; dan Syahrulnizam Saat (2020) sebagai Hakim MTS Johor Bahru.

d. Dua orang pegawai JKM yang menguruskan Taman Seri Puteri: Timbalan Pengetua, Nurul Muna Mohd Shapri (2020) dan Pegawai Asrama dan Operasi, Nurisah Abdullah (2020).

e. Dua orang individu berstatus tidak sah taraf: Satu responden diperolehi melalui carian di media sosial (Individu A, 2020) dan satu responden diperolehi melalui bantuan dari individu yang menjadi rujukan pihak terkesan (Individu B, 2021). Kriteria pemilihan adalah 18 tahun ke atas.

f. Lapan orang ibu hamil tanpa pernikahan: Semua responden (Penghuni A, 2020; Penghuni B, 2020; Penghuni C, 2020; Penghuni D, 2020; Penghuni E, 2020; Penghuni F, 2020; Penghuni G, 2020; Penghuni H, 2020) merupakan penghuni PJSK. Kriteria pemilihan adalah 18 tahun ke atas.

g. Tiga orang bapa anak tidak sah taraf: Dua orang responden (Bapa A, 2020; Bapa B, 2020) diperolehi dari fail permohonan surat sokongan Jabatan Mufti Negeri Perlis untuk pengesahan taraf anak dan satu responden (Bapa C, 2021) diperolehi dari carian di media sosial. Kriteria pemilihan adalah berlakunya pernikahan antara bapa dengan ibu.

Universiti Utara Malaysia

h. Dua orang individu yang menjadi rujukan pihak terkesan: Individu pertama adalah Syed Azmi al-Habsyee (2021) selaku pihak yang terlibat secara langsung dalam isu kebajikan dan anak tidak sah taraf (Rujuk Lampiran H1). Individu kedua adalah Rozaimi Ramle (2021), merupakan seorang pensyarah dan pendakwah yang menjadi rujukan masyarakat dalam hal pensaban anak kelahiran kurang enam bulan (Rujuk Lampirah H2).

   Dalam masa yang sama, pengkaji memasukkan lima kisah pihak terkesan yang berkongsi pengalaman mereka kepada Syed Azmi (2021) sebagai '(kisah dari Syed Azmi, 2021), memandangkan pihak terkesan tersebut tidak mahu ditemu bual apabila dihubungi semula oleh pengkaji. Pengkaji memasukkan kisah pihak terkesan tersebut dalam perbincangan bab empat kerana melihat kepada maklumat yang menyokong data sedia ada (Rujuk Lampiran H1).

Jumlah keseluruhan responden adalah 27 orang bagi lapan kategori tersebut, bermakna kajian berjaya memenuhi jumlah saranan sampel saiz yang signifikan bagi kajian temu bual kualitatif, iaitu antara 25 hingga 30 (Dworkin, 2012). Walau bagaimanapun, kualitatif sebenarnya tidak meletakkan minima saiz sampel bagi kajian menggunakan kaedah temu bual, kerana saiz sampel bergantung pada kajian kes, konsep, ketepuan dan fokus penyelidikan (Boddy, 2016). Sebagaimana dalam kajian kes berikut, responden melibatkan kategori (e) dan (g) adalah sukar untuk dicari, memandangkan status anak tidak sah taraf atau anak zina merupakan isu sensitif dalam masyarakat. Stigma yang masih menebal (Khairunnisa Kasnoon, 2020) menghalang capaian responden meskipun kes anak tidak sah taraf adalah tinggi di Malaysia.

Begitu juga, kajian telah berusaha mendapatkan keizinan bagi temu bual bersama tiga pihak berautoriti yang lain, iaitu: Mufti Negeri Perlis, wakil JPN cawangan Negeri Perlis dan Yang Berhormat (YB) anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) Hal

Ehwal Agama Negeri Perlis, namun permohonan telah ditolak dengan alasan seperti berikut:

a) Mufti Negeri Perlis menolak untuk ditemu bual atas alasan kesibukan waktu untuk berurusan.
b) JPN Negeri Perlis menolak untuk ditemu bual atas alasan tiada kuasa mencampuri urusan Persekutuan dan memanjangkan permohonan pengkaji kepada JPN cawangan utama. JPN cawangan utama kemudiannya memberi keputusan menolak permohonan tanpa disertakan alasan.
c) YB exco menolak untuk ditemu bual atas alasan tidak bersedia ditemu bual.

Dalam masa yang sama, kaedah temu bual berbentuk rujukan telah diguna pakai dalam bab lima, sebagai pengesahan perihal langkah ke arah pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Temu bual melibatkan dua orang responden, iaitu Roslan Esa (2021) selaku pegawai Hal Ehwal Ugama JAKIM; dan Ibrahim Deris (2022) selaku Yang Arif Ketua Hakim Syarii Negeri Perlis.

Universiti Utara Malaysia

Temu bual bersama ahli JFN Perlis; Hakim Syarii; pegawai JKM; ibu hamil tanpa pernikahan dan Ibrahim Deris (2021) dijalankan secara bersemuka. Sebaliknya temu bual bersama individu berstatus tidak sah taraf; bapa anak tidak sah taraf; individu yang menjadi rujukan pihak terkesan; Roslan Esa (2021) dan Mohd Nizam (2022), adalah menggunakan perkhidmatan panggilan telefon, serta penggunaan aplikasi internet, iaitu *whatsapp* dan *google meet*. Hal demikian kerana, kaedah atas talian seperti berikut dipilih sendiri oleh responden kes oleh faktor:

a. Keselesaan mereka untuk tidak bersemuka.
b. Pandemik COVID19 yang menghalang pergerakan sepanjang tahun 2020 hingga 2022.

Penggunaan aplikasi *whatsapp* atau teknologi digital sebagai medium temu bual bagi kajian kualitatif adalah diterima (King, & Horrocks, 2010). Menurut Jowett, Peel dan Shaw (2011), temu bual melalui aplikasi mesej seperti berikut membantu mengakses responden yang keberatan atau tidak mampu untuk bersemuka.

1.10.2 Analisis Data

Data yang telah terkumpul bagi keperluan kajian seterusnya dilakukan pengolahan dan penyimpulan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan dipilih adalah kerana intepretasi terhadap data lebih bersifat objektif, sistematik dan kuantitatif, merangkumi dapatan dari sumber bertulis atau sumber lisan, dengan tujuan untuk meneroka tema dan persoalan dapatan tersebut (Sulaiman Masri, 2005). Menurut Krippendorff (2004), pendekatan menganalisis kandungan dipanggil interpretif dan mempunyai kriteria seperti berikut:

i. Pendekatan ini memerlukan bacaan yang mendalam terhadap bahan teks yang secara hakikatnya adalah sedikit.
ii. Pendekatan ini melibatkan interpretasi semula terhadap bahan teks kepada sebuah perbincangan yang boleh diterima dalam konteks kesarjanaan tertentu.

Dalam kajian ini, kaedah tersebut digunakan secara keseluruhan memandangkan data tersedia adalah berbentuk teks seperti fail permohonan pengesahan taraf anak, minit mesyuarat, kitab-kitab fiqh, jurnal dan bahan bertulis yang lain selain.

Terdapat enam langkah dalam analisis kandungan seperti yang disenaraikan oleh Asiah Sarji (1999:23) iaitu: (i) mengenal pasti permasalahan kajian; (ii) memilih sampel dan memberi definisi kepada konsep-konsep terpilih; (iii) membaca dan merekodkan isi kandungan mengikut peraturan yang objektif; (iv) menentukan skor-

Universiti Utara Malaysia

skor yang dipilih; (v) membandingkan skor-skor yang dipilih; (vi) memberi interpritasi hasil kajian berdasarkan konsep dan teori tertentu.

Jadual berikut merujuk kepada contoh penggunaan langkah-langkah tersebut dalam menganalisis kandungan minit mesyuarat fatwa dari JFN Perlis bagi perbincangan bab tiga dan analisis kandungan fail permohonan pengesahan taraf anak di Mahkamah Syariah bagi perbincangan bab empat.

Jadual 1.3

Langkah-langkah analisis kandungan

Bil	Langkah	Bab 3	Bab 4
1	Mengenal pasti permasalahan kajian	Fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan yang telah diputuskan oleh JFN Perlis belum didokumentasikan secara kemas bermula dari proses perbincangan, pewartaan dan penguatkuasaan.	Belum ditemui kajian terhadap kebolehlaksanaan fatwa penasaban oleh JFN Perlis.
2	Memilih sampel dan memberi definisi kepada konsep-konsep Terpilih	Sampel kajian adalah dokumen dari JFN Perlis sepanjang proses mengeluarkan keputusan, melaksanakan pewartaan sehingga kepada proses penguatkuasaan di dalam negeri Perlis.	Sampel melibatkan kes permohonan pengesahan taraf anak.
3	Membaca dan Merekodkan isi kandungan mengikut peraturan yang objektif	Setiap dokumen yang terpilih, dibaca dan diteliti bagi melihat kepada perjalanan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, bersesuaian dengan objektif kajian.	Setiap kes permohonan yang terpilih, dibaca dan diteliti bagi melihat kepada hujah penghakiman, dan kelompongan dalam penghakiman yang membolehkan pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

Sambungan Jadual 1.3

4	Menentukan skor-skor yang dipilih	Setiap isu atau skor yang difokuskan akan direkod.	Setiap isu atau skor yang difokuskan akan direkod.
5	Membandingkan skor-skor yang dipilih	Setiap skor dari dokumen terpilih akan dibandingkan bagi melihat kepada keseluruhan proses perbincangan, pewartaan dan penguatkuasaan fatwa.	Setiap skor dari fail terpilih akan dibandingkan bagi melihat kepada keseluruhan proses penghujahan dalam penghakiman dan alasan disabitkan sah taraf atau tidak.
6	Memberi interpritasi hasil kajian berdasarkan konsep dan teori tertentu	Merumuskan proses perbincangan dan hujah yang dibawa oleh JFN Perlis dalam proses mengeluarkan fatwa serta usaha ke arah pewartaan dan penguatkuasaan di dalam neegri Perlis.	Merumuskan kebolehlaksanaan fatwa berdasarkan kepada percanggahan alasan penghakiman yang menolak permohonan pengesahan taraf anak kelahiran kurang enam bulan.

Sumber: Asiah Sarji (1999:23).

Dalam masa yang sama, dapatan temu bual ditranskipsi menggunakan *Atlas.ti software program*, iaitu *qualitative data analysis (QDA)* kerana peranti tersebut sesuai untuk menyusun atur dan menganalisis bahan tidak berstruktur seperti audio dan video. *Atlas.ti* dipilih kerana mempunyai keistimewaan dari segi margin area yang memaparkan *hyperlinks* dan memo sebagai tambahan kepada kod. Selain itu, *Atlas.ti* mempunyai sistem *quotation* yang baik dan bentuk *coding* yang lebih mesra pengguna berbanding *QDA* yang lain seperti *NVIVO* dan *MAXQDA* (*Atlas.ti –Alternative,* t.t). Transkipsi temu bual kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan seperti dapatan yang lain.

Analisis keseluruhan kajian pula adalah berbentuk induktif, iaitu tidak memerlukan kepada hipotesis dan teori di awal penyelidikan. Pendekatan demikian memberi kebebasan dalam mengubah hala tuju kajian selepas proses penyelidikan bermula berdasarkan kepada pemerhatian dan keperluan yang ditentukan oleh penyelidik

(Bennard, 2011). Pendekatan proses daripada peringkat bawah ke atas menjadikan hasil pengumpulan dan analisis data sebagai gambaran permasalahan atau fenomena yang sedang dikaji.

Bermula dengan perbincangan ulama Islam terhadap isu penasaban, kemudian diikuti penghujahan JFN Perlis terhadap pewartaan fatwa anak kelahiran kurang enam bulan, kedua-duanya membantu memahami konteks dari sudut perbincangan hukum syarak. Seterusnya diperkukuhkan lagi oleh dapatan data dari lapangan sehingga dapat membentuk sebuah teori dalam masyarakat (Lodico, Spaulding, & Voegtle, 2010). Dalam konteks kajian, pembentukan teori ialah keperluan dan kebolehlaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan berasaskan fatwa JFN Perlis.

1.11 Kesimpulan

Pandangan hukum MKI menetapkan bahawa anak kelahiran kurang enam bulan tersabit sebagai anak tidak sah taraf. Dalam masa yang sama, JFN Perlis mengambil pandangan berbeza dalam hal tersebut dengan mengambil tindakan mensabitkan nasab anak kelahiran kurang enam bulan bagi memelihara *maṣlaḥah* anak. Namun begitu, fatwa tersebut belum dapat dilaksanakan secara langsung oleh sebab wujudnya kekangan teknikal. Lalu kajian diketengahkan bagi menjawab empat persoalan utama daripada permasalahan, iaitu: (i) Apakah penghujahan ulama klasik dan kontemporari berkenaan hukum penasaban anak kelahiran kurang enam bulan?; (ii) Apakah penghujahan fatwa Negeri Perlis berkenaan penetapan status penasaban anak kelahiran kurang enam bulan?; (iii) Adakah fatwa Negeri Perlis berkenaan penetapan status penasaban anak kelahiran kurang enam bulan perlu dilaksanakan di Malaysia?; (iv) Adakah fatwa Negeri Perlis berkenaan penetapan status penasaban anak kelahiran kurang enam bulan boleh dilaksanakan di Malaysia?

Keperluan kepada tajuk kajian turut disokong oleh kelompongan dari sorotan karya lepas. Berdasarkan pemerhatian kepada konteks tajuk, metodologi yang dipilih adalah kualitatif serta menggunakan bentuk kajian dokumentasi, arkib dan temu bual. Manakala dapatan kajian dintepretasikan ke dalam penulisan tesis melalui kaedah analisis kandungan. Daripada penelitian, tajuk kajian yang berbunyi “Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan: Kajian terhadap keperluan pelaksanaannya berasaskan kepada fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis” adalah relevan untuk dilakukan bagi memelihara kemaslahatan masyarakat di Malaysia.

Universiti Utara Malaysia

BAB DUA

PENASABAN ANAK DALAM ISLAM

2.0 Pengenalan

Bab dua membincangkan perihal penasaban dalam Islam, dimulai oleh konsep penasaban. Seterusnya perbahasan melibatkan kaedah penasaban anak merangkumi empat subtopik bagi setiap kaedah, iaitu pertama, pembahagian; kedua, aspek penting pelaksanaan; ketiga, kaedah pensabitan; dan keempat, perbincangan terhadap isu berkaitan kaedah tersebut. Perbahasan disusuli oleh kajian terhadap pandangan ulama mengenai kesan kepada penasaban dari sudut hukum syarak. Kemudian, kajian menyertakan perbincangan ulama mengenai kaedah *istinbāṭ* (pengeluaran) hukum bagi memahami konsep ijtihad yang diketengahkan di dalam isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Akhir sekali, bab membentangkan contoh pelaksanaan penasaban di dunia Islam yang menerima pakai kaedah selain *al-firāsy* dengan syarat kelahiran melebihi enam bulan.

Universiti Utara Malaysia

2.1 Penasaban anak dalam Islam

Perkataan nasab adalah dari kata dasar *naṣaba*, iaitu kerabat atau hubungan kekeluargaan dari jalur lelaki, bermula daripada bapa dan ke atas (Ahmad Ridha, 1960). Allah SWT memerintahkan agar seseorang dipanggil dengan penasaban nama bapa, dari maksud ayat,

> *"Panggilah mereka (anak-anak angkat itu) dengan (memakai) nama bapak-bapak mereka." (Surah al-Ahzab 33:5)*

Hal demikian kerana, penasaban adalah jalur kekeluargaan daripada pertalian darah (al-Sabouni, 1981). Allah SWT berfirman dengan maksud,

> *"Dan Dia (lah) yang menciptakan manusia dari air lalu dia jadikan manusia itu (mempunyai) keturunan nasab dan pertalian keluarga, dan adalah Tuhanmu Maha Berkuasa" (Surah al-Furqan 25:54)*

Di dalam perbincangan hukum syarak, perkataan lain bagi nasab adalah *naslu* atau dari kata dasar *nasala*, yang bermaksud *walad* atau zuriat iaitu anak (Ahmad Ridha, 1960).

Islam mengangkat nilai nasab atau anak pada satu darjat yang *ḍarūrī*, kerana itu memelihara nasab dan *naslu* adalah salah satu urgensi *maqāṣid al-syarī'ah* (Ibnu 'Asyur, 2012). Pensyariatan pernikahan antara ibu dan bapa dalam Islam, adalah sebagai indikator jelas kepada penentuan nasab dari jalur yang asal (Hamid, 2013; Ibnu 'Asyur, 2012). Nasab yang bersambung membuatkan seseorang diiktiraf sebagai anak kepada lelaki yang dinasabkan. Hal demikian kerana, konsep penasaban dan konsep *naslu* atau anak adalah seiring, sebagaimana kata-kata masyhur, *"lā naslu illā bil naṣab*" yang bermaksud, "tiada anak kecuali dengan nasab" (Muhammad Sa'ad, 1998). Nasab yang bersambung membolehkan antara anak dengan bapa memperolehi hak masing-masing seperti hak nafkah, perwarisan dan mahram (Ibnu 'Asyur, 2012).

Universiti Utara Malaysia

Sebagaimana menurut al-Ghazali (1993), penjagaan yang dimaksudkan dalam *maqāṣid al-syarī'ah* adalah dalam dua bentuk. Pertama, penjagaan terhadap sesuatu dalam bentuk penglupusan sesuatu, iaitu dengan menghalang daripada kemunculannya atau dengan memusnahkannya selepas ia wujud. Kedua, penjagaan dalam bentuk mengadakan sesuatu, iaitu dengan mengekalkan, meneruskan dan memperbanyakkannya.

Justeru, dapat difahami secara umum bahawa, pernikahan adalah proses menggalakkan kewujudan zuriat bagi situasi penjagaan *naslu*. Manakala dari sudut penjagaan nasab, pernikahan adalah proses menghapuskan pertalian terhadap nasab-nasab yang meragukan dan kepada pihak yang tidak sepatutnya. Hal demikian kerana,

penasaban seseorang kepada jalur seseorang yang lain akan membenarkan hak-hak tertentu untuk diperolehi dan juga menghalang hak-hak tertentu ke atas dirinya.

Menurut Abdul Karim Zaidan (1993), penasaban adalah hak anak, hak bapa dan hak Allah. Nasab merupakan hak anak hasil pembentukan dirinya dari air mani bapa, oleh hal demikian larangan ke atas bapa melakukan penafian nasab tanpa mematuhi syarat *li'ān*. Maksud hak bapa adalah nasab diberikan selepas lelaki melalui pernikahan syarii, kerana penasaban membuatkan bapa memperolehi manfaat dari anak yang dinasabkan ke atasnya. Hak Allah pula adalah penasaban itu sendiri merupakan perintah yang wajib dipenuhi, serta terdapat beberapa situasi larangan penasaban yang ditetapkan oleh Allah untuk dipatuhi oleh manusia seperti larangan oleh perbuatan zina yang keji serta larangan oleh pengangkatan.

Dharūrī penjagaan nasab di dalam Islam adalah untuk mencegah hubungan seksual dari dilakukan di luar pernikahan, kerana asas kepada *maqāṣid* dari pernikahan adalah menghalalkan hubungan seksual antara lelaki dan perempuan oleh akad yang mengikat bersama hak dan tanggungjawab (*Sabab kaunu walad*, 2010). Sedangkan, zina adalah perbuatan yang melanggar fitrah apabila hubungan seksual dilakukan tanpa batas dan tanpa wujudnya keterikatan oleh akad. Allah SWT telah berfirman bahawa zina membawa banyak kerosakan di dalam masyarakat dengan maksud,

> *"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)" (Surah al-Isra' 17: 32)*

Selain itu, Allah melarang perbuatan menasabkan anak kepada bapa angkat sepertimana sirah Rasulullah SAW bersama Zaid bin Harithah kerana ketiadaan wujud hubungan darah antara keduanya. Allah menegur kebiasaan tersebut dengan firman yang bermaksud:

> *"Panggillah anak-anak angkat itu dengan ber'bin'kan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai "maula-maula" kamu" (Surah al-Ahzab 33:5)*

Wahbah Zuhaili (1997) menjelaskan maksud '*aqsaṭu*' (lebih adil) adalah darjat yang diangkat oleh Allah SWT ke atas bapa terhadap anaknya melebihi lelaki lain. Oleh hal demikian, anak boleh diberi bin atau dibintikan kepada bapa sahaja walaupun dipelihara oleh bapa angkat.

Pensabitan nasab ke atas bapa menjadi subjek perbincangan tanpa melibatkan ibu kerana anak kekal dinasabkan kepada ibu dan tersabit segala hak *bunuwwah* dari ibu walaupun anak adalah dari penzinaan (Ibnu Qayyim, 2010). Ironinya, menurut Abdul Karim (1993), nasab tersabit ke atas ibu oleh wujudnya bukti kelahiran tanpa menilai kepada faktor kehamilan sama ada dari penzinaan atau dari pernikahan. Pensabitan nasab anak zina terhadap ibu penzina diiktiraf tanpa membawa penghinaan dari jenayah zina si ibu (Ibnu Baz, t.t) oleh maksud ayat al-Quran:

Universiti Utara Malaysia

> *"Dan tidaklah seseorang membuat dosa melainkan kemudaratannya kembali kepada dirinya sendiri; dan seseorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain" (Surah al-An'am 6: 164)*

Disebabkan hal tersebut, kajian melihat bahawa wujudnya isu berbangkit di dalam perihal penasaban anak zina yang tersabit ke atas ibu, dalam masa yang sama tidak disabitkan ke atas bapa kerana faktor *ghair al-muḥtarām* (tiada kemuliaan) oleh kehamilan dari jalan kemaksiatan, bukan dari jalan ketaatan (al-Baihaqi, 2018). Perbincangan lanjut terhadap isu tersebut akan dibawa kepada subtopik '*al-Iqrār* terhadap anak zina'.

2.2 Kaedah penasaban dan kesan susulan daripadanya menurut hukum syarak

Ulama Islam telah mengetengahkan lima kaedah bagi pensabitan nasab, iaitu: (i) *al-firāsy* (Pernikahan); (ii) *al-iqrār* (Pengakuan); (iii) *al-bayyinah* (Pembuktian); (iv) *al-qiyāfah* (Pemiripan); dan (v) *al-qur'ah* (Undian) (Ibnu Hazm, 2002).

i. *Al-firāsy* merupakan pensabitan disebabkan oleh akad pernikahan yang sahih, atau fasid, atau persetubuhan syubhah. Kaedah tersebut merupakan kaedah utama dan paling kukuh tanpa boleh dinafikan nasab, melainkan berlaku *li'ān* oleh suami terlebih dahulu.

ii. *Al-Iqrār* pula merupakan pengakuan bapa bahawa anak tersebut adalah anak, atau pengakuan anak bahawa bapa tersebut adalah bapa. *Al-Iqrār* hanya boleh dilakukan pada situasi *majhul* (tidak diketahui) nasab dan memenuhi syarat lain seperti kemungkinan jarak usia antara anak dan bapa, serta pengakuan adalah antara dua pihak sahaja, iaitu anak-bapa atau bapa-anak. Sekiranya pengakuan melibatkan jenis kedua, iaitu pengakuan pihak lain seperti ibu, bapa saudara dan abang, pengakuan mesti disertakan bersama *al-bayyinah*.

iii. *Al-bayyinah* merupakan pembuktian oleh *al-syahādah*, iaitu kesaksian *qābilah al-muwalladah* (bidan perempuan) terhadap kehamilan dan proses kelahiran, atau status jantina anak semasa kelahiran, serta merupakan kaedah yang mensabitkan nasab anak kepada ibu, atau kepada suami si ibu. *Al-bayyinah* yang diterima boleh membatalkan pensabitan nasab oleh sebab *iqrār*.

iv. *Al-qiyāfah* merupakan pensabitan oleh sebab persamaan atau pemiripan antara pihak yang boleh dinasabkan, iaitu anak-bapa atau bapa-anak.

v. *Al-qur'ah* merupakan kaedah yang menggunakan proses cabutan undi bagi menentukan penasaban melibatkan beberapa orang lelaki yang mengaku sebagai bapa.

Universiti Utara Malaysia

Dalam bahagian berikut, kajian meletakkan tumpuan dan perincian perbincangan di dalam *al-firāsy* dan *al-iqrār* memandangkan objektif utama adalah penelitian terhadap hujah penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dan hujah penasaban anak zina. Perbincangan melibatkan *al-bayyinah* dan *al-qiyāfah* pula dimasukkan sebagai keterangan pelaksanaan kaedah *al-firāsy* dan *al-iqrār* di dalam pensabitan nasab menurut Islam. Sebaliknya kaedah *al-qur'ah* tidak mempunyai kaitan dengan objektif kajian, lalu tidak dimasukkan ke dalam kajian. Perbincangan seterusnya turut merangkumi kesan susulan menurut hukum syarak selepas tersabitnya penasaban, terutama dalam perihal anak kelahiran kurang enam bulan.

2.2.1 *Al-firāsy* (pernikahan)

Al-firāsy adalah *kināyah* kepada pernikahan. Lalu, anak yang dilahirkan di dalam *al-firāsy* tersabit ke atas suami si ibu atau *ṣāḥib lil-firāsy* (Abdul Karim, 1993). Asas kepada hukum pensabitan nasab tersebut adalah berpandukan kepada hadis perselisihan antara Sa'ad Bin Abi Waqqas dan Abdu Bin Zam'ah terhadap anak seorang hamba perempuan, yang bermaksud,

> *"Ya Rasulullah, sesungguhnya ini adalah anak abangku, Utbah Bin Abi Waqqas. Dia bersumpah kepadaku bahawa anak ini adalah anaknya. Lihatlah pada syabīḥnya (yang menyerupai Utbah)". Dan berkata pula Abdu Bin Zam'ah,"ini adalah adikku Ya Rasulullah. Dia dilahirkan di dalam al-firāsy bapaku bersama hamba perempuan". Rasulullah melihat kesyabīḥannya dan mendapati syabīḥnya menyerupai 'Utbah. (Namun baginda memutuskan),"anak ini adalah milik (adik) 'Abdu, kerana anak adalah untuk al-firāsy, manakala lelaki yang berzina ditegah (dari penasaban)" (Hadis riwayat al-Bukhari no.6749 dan Muslim no. 1457)*

Berdasarkan hadis berikut, tindakan Rasulullah SAW menyerahkan anak sebagai saudara 'Abdu, menjadi dalil bahawa penasaban dalam hadis tidak ditentukan oleh kaedah lain seperti *al-iqrār,* atau *syabīḥ* iaitu dari kaedah *al-qiyāfah*, tetapi ditentukan oleh *al-firāsy* walaupun terdapat keraguan (Musa Syahin, 2002).

Sebelum memasuki perbincangan lanjut berkenaan pembahagian, aspek penting pelaksanaan dan kaedah pensabitan *al-firāsy*, kajian memperhalusi berkenaan beberapa pandangan ulama terhadap konteks yang disampaikan oleh hadis tersebut mengenai "*al-walad lil firāsy*", seperti berikut:

i. Menurut al-Nawawi (1973), maksud hadis adalah pada situasi seorang lelaki yang mempunyai isteri atau hamba, yang menjadi *al-firāsy* kepadanya iaitu tempat boleh dilakukan *dukhūl* (hubungan seksual), kemudian lahirnya anak dalam tempoh yang membolehkan *imkān al-dukhūl* (yang memungkinkan berlakunya *dukhūl*), anak dinasabkan kepada lelaki tersebut dan tersabit antara keduanya hukum pewarisan dan sebagainya.

ii. Menurut al-Zaila'i (1895), *al-firāsy* di dalam konteks hadis membawa maksud jaminan keyakinan bahawa anak yang dilahirkan oleh seseorang ibu adalah dari satu pihak lelaki sahaja. *Al-firāsy* menjadi kaedah utama dalam pensabitan nasab kerana, dari *dukhūl* di dalam pernikahan akan membawa kepada kelahiran dan anak yang dilahirkan secara jelas terjamin merupakan milik bapa iaitu suami si ibu.

iii. Al-Manawi (2004) berpendapat bahawa hadis bermaksud apabila seseorang lelaki mempunyai isteri atau hamba sebagai *al-firāsy* baginya, kemudian datangnya anak yang mungkin diperolehi dari hubungan tersebut, lalu anak dinasabkan kepada suami si ibu sama ada dia bersetuju atau tidak dengan persamaan antara mereka (bapa-anak).

Daripada perkara di atas, didapati bahawa asas kepada maksud hadis *al-walad lil firāsy* adalah jaminan untuk mengesahkan bahawa anak adalah milik suami si ibu oleh wujudnya keyakinan bahawa hanya suami melakukan *dukhūl* bersama ibu di dalam pernikahan. Di samping hal demikian, ulama meletakkan beberapa syarat

Universiti Utara Malaysia

sebagaimana yang akan dibincangkan di dalam subtopik seterusnya bagi mengukuhkan lagi jaminan bahawa sabitan antara anak dengan suami si ibu adalah sabitan antara dua pihak yang sepatutnya dan layak untuk dinasabkan.

i. Pembahagian:

Al-firāsy terbahagi kepada tiga bahagian iaitu: Pertama, pernikahan sahih; Kedua, pernikahan fasid; dan Ketiga, persetubuhan syubhah (Abdul Wahab, 1938; Wahbah Zuhaili, 2010).

Pertama, pernikahan sahih, iaitu pernikahan yang memenuhi syarat pernikahan dalam Islam seperti *ījāb* dan *qabūl*; pihak-pihak yang berkahwin iaitu lelaki dan perempuan; mahar; wali; dan saksi.

Kedua, pernikahan fasid, iaitu pernikahan yang melanggar satu atau lebih dari syarat pernikahan sahih, misalnya pernikahan tanpa saksi atau tanpa wali. Pernikahan fasid mesti difasakhkan oleh hakim selepas diketahui kefasidannya kerana pernikahan fasid bukan pernikahan hakiki (Abdul Karim, 1993). Namun, anak yang lahir akibat pernikahan fasid akan dinasabkan kepada suami fasid sama seperti pernikahan sahih (Abdul Karim, 1993; Wahbah Zuhaili, 2010) sekiranya memenuhi syarat yang akan dibincangkan di dalam subtopik "syarat penasaban pernikahan fasid".

Ketiga, persetubuhan syubhah. Persetubuhan syubhah berlaku bukan dari perbuatan zina, serta bukan juga dari akad pernikahan sahih atau fasid (Wahbah Zuhaili, 2010). Menurut al-Mawardi (1999), persetubuhan syubhah merupakan situasi yang mana secara zahirnya halal, namun secara batin adalah haram. Abdul Karim (1993) merumuskan bahawa persetubuhan syubhah mempunyai tiga situasi:

a) Syubhah disebabkan pemilikan, iaitu situasi bapa menyetubuhi hamba perempuan kepada anak. Situasi tersebut berdasarkan hadis yang bermaksud,

"Kamu dan hartamu milik bapamu" (Hadis Riwayat Abu Daud no. 3530)

b) Syubhah disebabkan akad. Hal demikian berlaku apabila akad wujud secara zahir tetapi tidak pada hakikat kerana pernikahan berlaku antara dua pihak yang diharamkan untuk bernikah, misalnya pada pernikahan perempuan di dalam tempoh *'iddah* dan antara dua pihak yang mahram oleh penyusuan atau darah.

c) Syubhah pada perbuatan, iaitu pada sangkaan sesuatu perbuatan adalah halal tetapi sebenarnya adalah haram. Misalnya disangka perempuan yang disetubuhi di dalam rumah adalah isteri, sedangkan perempuan itu adalah perempuan ajnabi.

Anak yang lahir akibat persetubuhan syubhah akan dinasabkan kepada pelaku (Abdul Karim, 1993; Wahbah Zuhaili, 2010) sekiranya memenuhi syarat yang akan dibincangkan di dalam subtopik "syarat penasaban persetubuhan syubhah".

ii. Aspek penting pelaksanaan:

Syarat pensabitan nasab oleh pernikahan sahih adalah empat, iaitu:

a) Jarak antara tarikh kelahiran anak dan akad adalah dalam tempoh minima kehamilan.

Ulama empat mazhab sepakat bahawa minima kehamilan yang diperlukan untuk pensabitan nasab ialah enam bulan. Hal demikian adalah bersandarkan kepada *athār* Ali RA dalam menafsir dua firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan" (al-Ahqaf 46:15)[22]

[22] Ahli tafsir berpendapat bahawa asbabun nuzul ayat 15 dari surah al-Ahqaf adalah untuk Saidina Abu Bakr RA. Allah SWT berfirman dengan maksud:

"Kami perintahkan kepada manusia supaya berbuat baik kepada dua orang ibu bapanya, ibunya mengandungnya dengan susah payah, dan melahirkannya dengan susah payah (pula). Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah tiga puluh bulan sehingga apabila dia telah dewasa dan umurnya sampai empat

> *"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun genap" (al-Baqarah 2:233)*

Athār tersebut adalah seperti berikut:

> *Uthman bin Affan didatangi seorang perempuan yang telah melahirkan dalam tempoh enam bulan, lalu dia memerintahkan untuknya (perempuan tersebut) direjam. Lalu berkata kepadanya (Uthman RA) Ali bin Abi Talib RA, bahawa bukan begitu (hukuman) ke atasnya (perempuan tersebut), "Allah SWT telah berkata di dalam kitabNya "Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan" (al-Ahqaf 46:15) dan berkata "Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun genap" (al-Baqarah 2:233). Lalu, kehamilan adalah dalam tempoh enam bulan, dan tiadalah hukuman rejam ke atasnya". Bergegaslah Uthman bin Affan menghantar utusan ke tempatnya (berlakunya hukuman), dan didapati bahawa perempuan tersebut telah direjam" (Riwayat dari Malik, no. 1763)*

Tempoh 30 bulan secara umum untuk proses kehamilan dan penyusuan pada ayat pertama telah diperincikan kepada 24 bulan tempoh penyusuan oleh ayat kedua. Bermakna, baki enam bulan yang tinggal adalah tempoh minima kehamilan, dan kelahiran bayi dalam tempoh akan dinasabkan kepada suami si ibu secara jelas kecuali bagi kes *li'ān* (Abdul Wahab, 1938: Ibnu Qudamah, 1968; Wahbah Zuhaili, 2010).

Namun demikian, terdapat perbezaan pada kiraan enam bulan sama ada bermula dari tarikh pernikahan atau dari tarikh *dukhūl* atau dari waktu *imkān al-dukhūl*.

---

puluh tahun dia berdoa, "Ya Tuhanku, tunjukilah aku untuk mensyukuri nikmat Engkau yang telah Engkau berikan kepadaku dan kepada ibu bapaku dan supaya aku dapat berbuat amal yang soleh yang Engkau redai; berilah kebaikan kepadaku dengan (memberi kebaikan) kepada anak cucuku Sesungguhnya aku bertaubat kepada Engkau dan sesungguhnya aku temasuk orang-orang yang berserah diri"

Menurut al-Wahidi (1994) dan Ibnu al-Jauzi (2001), ayat tersebut adalah mengenai doa Saidina Abu Bakr RA Ketika berusia 40 tahun, dan Allah SWT telah memakbulkan doa tersebut dengan mengIslamkan kedua orang ibu bapanya, serta keseluruhan anak-anak lelaki dan perempuan. Tiada sahabat yang diberi nikmat pengIslaman keseluruhan keluarga sebagaimana yang dinikmati oleh Saidina Abu Bakr RA.

- Jumhur

  Syafi'iyah dan Hanabilah meletakkan permulaan pada waktu *imkān al-dukhūl* iaitu pada waktu yang membolehkan antara suami dan isteri bertemu secara privasi (Ibnu Qudamah, 1968; al-Syirbini, 1998). Oleh hal demikian, Syafi'iyah mengiktiraf *khulwah saḥīḥah* sebagai ketetapan untuk disabitkan mahar dan *'iddah* talak (al-Juwaini, 2007). Begitu juga Malikiyah dalam mensabitkan *khulwah* sebagai permulaan *imkān al-wuṭu'* (al-Dusuqi, t.t)

- Hanafiah

  Hanafiah pula berpendapat permulaan adalah pada tarikh akad pernikahan sahih (al-Sarkhasi, 1989; al-Kasani, 1986) berdasarkan hadis Rasulullah SAW,

  "*al-walad lil firāsy*" *(Hadis Riwayat al-Bukhari no. 6749)*

- Ibnu Qayyim al-Jauziyah

  Ibnu Qayyim (2010) meletakkan permulaan adalah pada tarikh *dukhūl* kerana melihat kepada keyakinan kepada permulaan *dukhūl* adalah maksud *al-firāsy.*

Dalam hal tersebut, kajian men*tarjīḥ*kan pandangan pertama, iaitu pandangan jumhur kerana melihat kepada ketepatan penetapan tersebut dalam konteks maksud hadis "*al-walad li al-firāsy*" iaitu memastikan anak adalah milik satu pihak lelaki sahaja (al-Zaila'i, 1895) dengan memastikan berlakunya hubungan fizikal antara ibu dengan si suami berlaku terlebih dahulu.

Universiti Utara Malaysia

b) Hubungan antara suami dan isteri boleh berlaku sepanjang dari tarikh pernikahan sehingga tarikh kelahiran.

- Jumhur

  Berdasarkan kepada perbincangan mengenai waktu bermulanya kiraan tempoh kehamilan, Malikiyah, Syafi'iyah dan Hanabilah berpendapat sekiranya suami dan isteri bernikah, tetapi terpisah oleh jarak, yang mustahil untuk berhubungan antara kedua-duanya, konsep *al-firāsy* tidak boleh diterima. Suami boleh mengingkari nasab jika tidak pernah berlaku *dukhūl* antara suami dan isteri (Ibnu Qudamah, 1968; al-Syirbini, 1998; al-Dusuqi, t.t).

- Hanafiah

  Hanafiah cuma mensyaratkan akad pernikahan sahih dan membolehkan penasaban tanpa berlakunya *dukhūl* (Ibnu 'Abidin, 1992). Menurut Hanafiah, syarat akad nikah sebagai maksud *waṭ-u* adalah untuk perihal penasaban sahaja, sebaliknya suami atau isteri masih terhukum tidak *waṭ-u* dan tidak terhukum *muḥṣān* untuk *ḥad al-zinā* (Ibnu 'Abidin, 1992).

c) Suami adalah dari lelaki yang boleh menghamilkan.

Begitu juga, ulama empat mazhab mensyaratkan suami mesti telah mencapai usia baligh dan tidak mandul (Ibnu Qudamah, 1968; al-Sarkhasi, 1989; al-Syirbini, 1998; al-Dusuqi, t.t). Mengenai umur baligh yang membolehkan suami dinasabkan anak, Hanafiah berpandangan bahawa minima umur suami adalah 12 tahun (al-Sarkhasi, 1989); Syafi'iyah meletakkan syarat 10 tahun bagi suami untuk disabitkan nasab (al-'Imrani, 2000); begitu juga yang ditarjih oleh Ibnu Qudamah (1968) bagi pandangan Hanabilah. Manakala Malikiyah tidak menetapkan had (al-Dusuqi, t.t).

Universiti Utara Malaysia

d) Anak tidak diingkari oleh si suami dengan perbuatan *li'ān*

Dalam masa yang sama, anak yang memenuhi semua syarat di atas, juga disyaratkan tidak diingkari oleh suami si ibu dengan perbuatan *li'ān.* Sekiranya wujud *li'ān* oleh suami dan *li'ān* tersebut memenuhi syarat, anak tetap tidak boleh disabitkan nasab kepada suami si ibu (Abdul Karim, 1993). Perbincangan lanjut berkenaan pengingkaran oleh suami dibawa ke dalam subtopik "Kaedah pensabitan *al-firāsy*".

Dalam perihal kematian suami atau talak dari pernikahan sahih, wujudnya syarat tambahan yang dibincangkan oleh ulama berkenaan pensabitan nasab. Anak akan dinasabkan kepada suami si ibu yang telah mati, atau bekas suami si ibu sekiranya memenuhi syarat kelima, iaitu:

e) Anak tidak dilahirkan melebihi tempoh maksima kehamilan.

Ulama empat mazhab mensyaratkan anak tidak dilahirkan melebihi tempoh maksima kehamilan, namun demikian, ulama berbeza pandangan mengenai tempoh tersebut.

Universiti Utara Malaysia

- Jumhur

Syafi'iyah dan Hanabilah meletakkan tempoh empat tahun (al-Maruzi, 2002; al-Juwaini, 2007). Pendapat masyhur dalam Malikiyah pula adalah lima tahun (Ibnu Rushd, 2004). Dalil yang digunakan oleh kedua-dua pandangan tersebut adalah berdasarkan kepada pemerhatian di zaman itu.

> *Al-Walid bin Muslim berkata, aku pernah memberitahu Malik bin Anas mengenai kata-kata Aisyah RAnha "anak tidak akan berada di dalam rahim ibu melebihi dua tahun", kemudian Malik bin Anas terus berkata, "SubhanaAllah, siapakah yang berkata sedemikian? Di sini ada kejiranan kami isteri kepada Muhammad bin 'Ajlan, perempuan yang benar dan suaminya lelaki yang benar, telah mengandung tiga kali dalam masa 12 tahun, dan setiap kehamilan adalah selama empat tahun" (Hadis Riwayat al-Baihaqi, no. 15553)*

- Hanafiyah

  Hanafiah menetapkan tempohnya dua tahun (Ibnu ‘Abidin, 1992) berdasarkan kata-kata Aisyah RA,

  > *“anak tidak akan berada di dalam rahim ibu melebihi dua tahun” (Hadis riwayat al-Daruquthni no. 3874)*

- Al-Zhāhirī

  Ibnu Hazm (2002) berpandangan tempoh maksima adalah selama sembilan bulan berdasarkan *athār* dari Umar bin al-Khattab RA, iaitu:

  > *“Mana-mana lelaki yang mentalakkan isterinya, lalu dia (isteri) didatangi haid, sekali atau dua kali kemudian berhenti, lalu tunggulah sehingga sembilan bulan, sehingga jelas terbukti kehamilannya. Sekiranya tidak jelas terbukti kehamilannya pada waktu sembilan bulan, dia (isteri) perlu menunggu selama tempoh tiga bulan lagi selepas sembilan bulan tersebut” (Hadis Riwayat Abdul Razzaq, no. 11095)*

Berkenaan hal demikian, kajian cenderung kepada pandangan al-Zhahiri sebagaimana Abdul Wahab (1938) telah menegaskan bahawa tempoh maksima kehamilan perlu merujuk kepada pembuktian sains agar hukum dapat ditentukan dengan lebih tepat. Anggapan yang diletakkan oleh ulama klasik seperti empat tahun dan dua tahun adalah tempoh yang tidak logik. Hal tersebut diakui oleh Ibnu Rushd (2004), bahawa permasalahan berkaitan tempoh maksima berkait rapat dengan kebiasaan dan pengalaman, bukan pada kes-kes yang ganjil.

Dalam masa yang sama, terdapat perincian dalam penetapan sabitan nasab anak bagi kematian suami atau talak dari pernikahan sahih sebagai jaminan anak adalah benar-benar merupakan hasil dari *al-firāsy*. Terdapat perbezaan perincian tersebut menurut pandangan jumhur dan pandangan mazhab Hanafiah, kerana mazhab Hanafiah memperincikan perbincangan kepada tiga situasi isteri, iaitu sama ada isteri telah *dukhūl* atau belum; isteri dalam situasi talak *raji’ī* atau talak *bā’in*, serta isteri telah

baligh atau belum. Sebaliknya jumhur hanya membincangkan perihal nasab talak membabitkan isteri telah *dukhūl* tanpa melibatkan dua situasi lain (Abdul Karim, 1993).

Sebagai usaha memahami perincian pensabitan nasab oleh kematian atau talak menurut keempat-empat mazhab, kajian membahagikan perincian kepada tiga bahagian, iaitu: (a) Isteri belum *dukhūl*; (b) Isteri baligh telah *dukhūl*; dan (c) Isteri belum baligh telah *dukhūl*.

a) Isteri belum *dukhūl*

Kajian mendapati, hanya Hanafiah membincangkan situasi tersebut oleh kerana Hanafiah melihat kepada akad sebagai bukti *al-firāsy* berbanding mazhab lain. Penasaban dalam situasi tersebut tersabit sekiranya kelahiran berlaku dalam tempoh enam bulan dari bermulanya akad sahih (Ibnu ‘Abidin, 1992; Nizam, 2000). Hukum terhadap isteri belum *dukhūl* menurut Hanafiah melibatkan semua situasi, iaitu sama ada isteri belum baligh atau telah baligh, serta melibatkan talak *raj’ī* atau talak *bā’in* (al-Kasani, 1986).

- Hanafiah

  Isteri yang ditalakkan tanpa *‘iddah* kerana belum berlaku *dukhūl*, anak yang lahir selepas talak tidak dinasabkan kepada bekas suami melainkan jika diyakini anak adalah anak bekas suami dan kelahiran berlaku sebelum enam bulan dari tarikh talak (al-Kasani, 1986; Nizam, 2000). Hal demikian kerana Hanafiah melihat kepada kemungkinan berlakunya persetubuhan tanpa sedar di dalam tempoh pernikahan, dan suami isteri beranggapan belum berlakunya *dukhūl*.

  Namun demikian, sekiranya anak dilahirkan dalam tempoh enam bulan atau lebih dari tarikh talak, anak tidak dinasabkan kepada bekas suami (al-

Kasani, 1986; al-Sarkhasi, 1989) kerana kehamilan tidak berlaku sebelum talak (Nizam, 2000).

- Wahbah Zuhaili (2010)

  Dalam masa yang sama, Wahbah Zuhaili (2010) memasukkan perbincangan sebelum *dukhūl* bersama istilah sebelum *khulwah saḥīḥah*, dan membahagikan hukum sebagaimana pandangan Hanafiah, iaitu:

  Anak yang dilahirkan kurang enam bulan dari tarikh talak dan dalam tempoh atau lebih enam bulan dari tarikh pernikahan, anak dinasabkan kepada bekas suami. Hal demikian kerana, anak diyakini dihamilkan dalam tempoh pernikahan.

  Anak yang dilahirkan melebihi enam bulan dari tarikh talak, anak tidak dinasabkan kepada bekas suami kerana kehamilan tidak berlaku sebelum perceraian.

b) Isteri baligh telah *dukhūl*

- Jumhur

  Anak yang dilahirkan tidak kurang enam bulan dari tarikh *imkān al-dukhūl*, dan tidak melebihi tempoh maksima kehamilan dari tarikh talak, iaitu empat tahun bagi Syafi'iyah dan Hanabilah, serta lima tahun bagi Malikiyah, anak dinasabkan kepada bekas suami (al-Maruzi, 2002; al-Juwaini, 2007; al-Tha'labi, t.t), kecuali sekiranya isteri berkahwin lain (al-Maruzi, 2002).

  Anak yang dilahirkan di luar tempoh maksima menurut tiga mazhab dari tarikh talak, anak tidak dinasabkan kepada bekas suami (al-Maruzi, 2002; al-Juwaini, 2007; al-Tha'labi, t.t) walaupun sekiranya bekas suami mengaku bahawa itu adalah anaknya (Abdul Wahab, 1938).

Universiti Utara Malaysia

Namun demikian, Hanabilah mengecualikan bagi situasi isteri mengaku hamil di dalam tempoh *'iddah,* lalu anak kelahiran melebihi empat tahun masih boleh dinasabkan kepada bekas suami (al-Buhuti, 1983).

- Hanafiah

  Hanafiah membahagikan perbincangan kepada dua situasi, iaitu isteri ditalak *raj'ī* dan isteri ditalak *bā'in.*

  - Dalam situasi isteri ditalak *raj'ī,* jika isteri mengaku hamil dalam tempoh '*iddah*, anak dinasabkan kepada bekas suami selagi mana dalam tempoh dua tahun atau lebih lama, iaitu 27 bulan dari tarikh talak. Hal demikian kerana, boleh jadi bekas suami mendatangi isteri semasa di dalam '*iddah* (al-Kasani, 1986; al-Sarkhasi, 1989; Ibnu 'Abidin, 1992; Nizam, 2000), dan keberangkalian membolehkan nasab disabitkan (Abdul Wahab, 1938).

    Sebaliknya, jika isteri mengaku hamil selepas tamat '*iddah*, kelahiran anak perlu berlaku dalam tempoh kurang enam bulan dari tarikh pengakuan tersebut. Hal demikian kerana, anak tidak dinasabkan kepada bekas suami jika kelahiran adalah melebihi enam bulan kandungan, kecuali jika berlaku pengesahan dari bekas suami (al-Kasani, 1986; Ibnu 'Abidin, 1992; Nizam, 2000).

  - Dalam situasi isteri ditalak *bā'in* atau kematian suami, jika isteri mengaku hamil dalam tempoh '*iddah*, anak dinasabkan kepada bekas suami selagi tidak melebih dua tahun dari tarikh kematian atau tarikh talak (al-Sarkhasi, 1989). Kelahiran tidak boleh melebihi dua tahun kerana, talak *bā'in* tidak mempunyai '*iddah* yang membenarkan rujuk tanpa akad (al-Sarkhasi, 1989; Ibnu 'Abidin, 1992; Nizam, 2000).

Universiti Utara Malaysia

Pengecualian berlaku jika bekas suami bagi talak *bā'in iqrār* bahawa anak tersebut adalah anaknya dan bukan anak zina, penasaban tersabit ke atas bekas suami (Abdul Karim, 1993).

Sebaliknya, jika isteri mengaku hamil selepas tamat '*iddah*, kelahiran anak perlu berlaku dalam tempoh enam bulan dari tarikh pengakuan dan tidak boleh melebihi dua tahun dari tarikh talak atau kematian (al-Kasani, 1986).

c) Isteri belum baligh telah *dukhūl*

Kajian mendapati, jumhur melakukan perbincangan isteri telah *dukhūl* secara umum tanpa membezakan baligh atau belum baligh (al-Buhuti, 1983; al-Juwaini, 2007; al-Tha'labi, t.t). Hanya Hanafiah meletakkan istilah isteri baligh dan belum baligh di dalam perbincangan nasab selepas talak, walaubagaimanapun, hukum pensabitan anak isteri belum baligh adalah sebagaimana isteri baligh.

Universiti Utara Malaysia

- Hanafiah.

  Sekiranya isteri mengaku hamil selepas tamat *'iddah*, anak dinasabkan kepada suami jika kelahiran dalam tempoh kurang enam bulan dari tarikh pengakuan. Jika anak dilahirkan melebihi enam bulan dari tarikh pengakuan, anak tidak dinasabkan kepada bekas suami (al-Kasani, 1986; al-Sarkhasi, 1989).

  Sekiranya isteri mengaku hamil dalam tempoh '*iddah*, Hanafiah membahagikan tempoh penasaban sebagaimana isteri baligh, iaitu pensabitan nasab ke atas bekas suami boleh berlaku sehingga mencapai maksima kehamilan dua tahun untuk talak *bā'in* dan 27 bulan untuk talak *raj'ī* (Ibnu 'Abidin, 1992).

> Sekiranya isteri tidak mengaku hamil sehingga akhirnya, namun berlaku kelahiran kurang dari enam bulan dari tarikh talak sama ada *bā'in* atau *raj'ī*, anak dinasabkan kepada bekas suami (Ibnu 'Abidin, 1992).

Berdasarkan kepada perincian tersebut, kajian melihat kepentingan yang ditekankan oleh keempat-empat mazhab dalam membawa hukum maksima tempoh kehamilan di dalam pensabitan nasab anak bagi isteri yang telah ditalak atau kematian suami adalah untuk menghubungkaitkan keberangkalian anak dihamilkan di dalam *al-firāsy.* Hal demikian adalah bagi memastikan anak merupakan dari satu pihak lelaki sahaja sebagaimana maksud *al-firāsy* (al-Zaila'i, 1895).

Oleh hal demikian, kajian cenderung memilih pandangan jumhur dalam membincangkan pensabitan nasab oleh situasi telah *imkān al-dukhūl* bagi isteri yang ditalak atau kematian suami. Hal tersebut kerana, *imkān al-dukhūl* lebih menjamin ketepatan *al-firāsy* telah berlakunya sentuhan fizikal. Dalam masa yang sama, kajian cenderung memilih pandangan mazhab Hanafiah berkenaan pembahagian talak *bā'in* dan *raj'ī*, oleh wujudnya keberangkalian isteri didatangi bekas suami di dalam tempoh *'iddah*.

Universiti Utara Malaysia



Rajah 2.1. Pensabitan pernikahan sahih

Syarat pensabitan nasab oleh pernikahan fasid adalah lima, iaitu:

a) Suami dan isteri jahil terhadap kefasidan pernikahan.

- Malikiyah

  Malikiyah membenarkan penasaban sekiranya pernikahan fasid tidak membawa kepada hudud zina iaitu suami isteri jahil terhadap kefasidan sebagaimana syubhah tidak disabitkan sebagai zina (Ibnu Juzai, t.t) serta kefasidan melibatkan hal-hal yang menjadi khilaf antara ulama seperti pernikahan tanpa wali dan tanpa saksi. Sebaliknya sekiranya kefasidan dalam hal yang disepakati, seperti pernikahan perempuan di dalam tempoh

Universiti Utara Malaysia

'iddah atau pernikahan antara dua pihak mahram, suami isteri disabitkan hudud kecuali jika suami isteri mengaku jahil (Ibnu Juzai, t.t).

- Hanafiah dan Syafi'iyah

  Hanafiah tidak meletakkan sebarang syarat bagi pensabitan nasab oleh pernikahan fasid seperti jenis kefasidan atau mensyaratkan kejahilan. Sebaliknya al-Kasani (1986) menjelaskan bahawa pernikahan fasid terhukum selepas *dukhūl*, dan kelahiran oleh pernikahan fasid tersabit ke atas suami si ibu oleh wujudnya *dukhūl*. Begitu juga yang disepakati di dalam mazhab Syafi'i (al-Syirbini, 1998)

- Hanabilah

  Hanabilah tidak mensyaratkan suami dan isteri jahil terhadap kefasidan, namun sekiranya diketahui kefasidan, lalu suami isteri terhukum berdosa dan sekiranya tidak diketahui kefasidan, suami isteri tidak terhukum berdosa (Ibnu Qudamah, 1968). Namun, sekiranya telah diketahui terbatalnya pernikahan, suami dan isteri masih mengekalkan pernikahan fasid, anak yang lahir tidak dinasabkan kepada suami dan pihak-pihak dikenakan hudud zina (Ibnu Qudamah, 1968).

- al-Zhahiri

  Pernikahan fasid mesti berlaku dalam keadaan suami dan isteri jahil terhadap kefasidan, sekiranya kefasidan diketahui, anak tidak dinasabkan kepada suami si ibu (Ibnu Hazm, 2002).

Di dalam perihal kejahilan terhadap kefasidan, kajian melihat kepada wujudnya perbezaan terhadap keperluan syarat jahil bagi mensabitkan pernikahan dan mensabitkan nasab. Kajian bersetuju sebagaimana tarjih dari Abdul Karim (1993) dalam melihat kelonggaran syarat jahil bagi situasi

Universiti Utara Malaysia

kefasidan yang tidak disepakati misalnya seperti pernikahan tanpa wali dan tanpa saksi. Sebaliknya, bagi situasi kefasidan yang disepakati dalam situasi misalnya pernikahan di dalam tempoh *'iddah* dan pernikahan antara pihak mahram, kejahilan suami isteri diambil kira dalam pensabitan nasab. Hal demikian adalah bagi mengambil sikap berhati-hati dalam memastikan kefasidan tidak membawa maksud zina.

b) Telah berlaku *dukhūl* antara suami dan isteri.

- Jumhur

  Syafi'iyah, Hanabilah dan Malikiyah menerima perbuatan *imkān al-dukhūl* (al-Buhuti, 1983; al-Syirbini, 1998; Ibnu Juzai, t.t) dalam mensabitkan pernikahan fasid sebagaimana pensabitan oleh pernikahan sahih.

- Hanafiah

  Hanafiah mensabitkan hukum pernikahan fasid hanya apabila telah berlaku *dukhūl* antara suami dan isteri (Ibnu 'Abidin, 1992). Hanafiah berbeza berbanding syarat pensabitan nasab dalam pernikahan sahih, kerana pernikahan fasid bermula pada *dukhūl*, bukan pada akad sebagaimana pernikahan sahih (Ibnu 'Abidin, 1992).

Al-firāsy yang membawa maksud *dukhūl* hakiki untuk pernikahan fasid, adalah dalil yang lebih kuat dari *al-firāsy* untuk akad bagi pernikahan sahih dalam hal penasaban. Hal demikian kerana *dukhūl* dalam penikahan fasid tidak membenarkan penafian nasab (Abdul Wahab, 1938). Oleh sebab itu, mazhab yang meletakkan syarat *dukhūl* bagi pernikahan sahih, akan lebih lagi mengutamakan *dukhūl* sebagai syarat di dalam pernikahan fasid (Abdul Karim, 1993)

Universiti Utara Malaysia

c) Kelahiran berlaku dalam tempoh minima dari tarikh *dukhūl* dan di dalam tempoh maksima selepas dipisahkan

Sebagaimana kelahiran di dalam pernikahan sahih, ulama empat mazhab juga mensyaratkan anak dari pernikahan fasid adalah anak kelahiran enam bulan atau lebih dari tarikh *imkān al-dukhūl* atau *dukhūl* (al-Buhuti, 1983; Ibnu 'Abidin, 1992; al-Syirbini, 1998; al-Jazi, t.t). Abdul Karim (1993) juga meletakkan syarat yang sama, namun membenarkan nasab sekiranya anak kelahiran kurang enam bulan dari tarikh *dukhūl* pernikahan fasid dibuat pengakuan oleh suami dengan *iqrār* tanpa menyebut anak adalah anak zina.

Selain itu, ulama empat mazhab mensyaratkan kelahiran anak berlaku dalam tempoh maksima kehamilan menurut mazhab masing-masing selepas tarikh dipisahkan. Jika kelahiran berlaku melebihi tempoh maksima selepas tarikh dipisahkan, anak tidak dinasabkan kepada bekas suami (al-Buhuti, 1983; Ibnu 'Abidin, 1992; al-Syirbini, 1998; al-Jazi, t.t). Kelahiran dalam tempoh diambil kira hanya untuk urusan penasaban, bukan untuk urusan rujuk (Ibnu 'Abidin, 1992).

d) Suami boleh menghamilkan

Sebagaimana syarat penasaban di dalam pernikahan sahih, suami bagi pernikahan fasid disyaratkan telah baligh dan tidak mandul (Abdul Wahab, 1938: Ibnu Qudamah, 1968; al-Syirbini, 1998; al-Dusuqi, t.t).

e) Anak tidak diingkari oleh si suami dengan perbuatan *li'ān*.

- Jumhur

  Malikiyah, Syafi'iyah dan Hanabilah berpendapat bahawa anak dari pernikahan fasid yang memenuhi semua syarat di atas, tidak boleh diingkari oleh suami si ibu kecuali dengan perbuatan *li'ān* sebagaimana di

Universiti Utara Malaysia

dalam pernikahan sahih (Ibnu Qudamah, 1968; Ibnu Rushd, 1988; al-Syirazi, 1983). Sekiranya wujud *li'ān* oleh suami dan *li'ān* tersebut memenuhi syarat, anak tidak boleh disabitkan nasab kepada suami si ibu. Perbincangan lanjut berkenaan pengingkaran oleh suami dibawa ke dalam subtopik "Kaedah pensabitan *al-firāsy*".

- Hanafiah

  Hanafiah pula berpandangan bahawa nasab anak oleh pernikahan fasid tidak boleh diingkari sama sekali walaupun dengan *li'ān*, kerana *li'ān* adalah untuk pernikahan sahih sahaja (al-Kasani, 1986), berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

  > *"Dan orang-orang yang menuduh isterinya (berzina)" (Surah al-Nur 24:6)*

  Hal demikian kerana, ayat menceritakan mengenai tuduhan ke atas isteri dari *zawāj* yang boleh ditalakkan. Lalu, pernikahan sahih sahaja mempunyai kebenaran menggunakan talak, sebaliknya pernikahan fasid dipisahkan oleh perintah hakim (al-Kasani, 1986).

Universiti Utara Malaysia



Rajah 2.2. Pensabitan pernikahan fasid

Syarat pensabitan nasab oleh persetubuhan syubhah adalah:

a) Persetubuhan syubhah bukan dari perbuatan zina.

Sekiranya didapati persetubuhan yang berlaku adalah perbuatan zina, bukan persetubuhan syubhah, anak tidak dinasabkan (Wahbah Zuhaili, 2010). Dalam memastikan persetubuhan bukan dari perbuatan zina, ulama berbeza pendapat berkenaan jahil terhadap pengharaman persetubuhan.

- Jumhur

  Syafi'iyah, Hanabilah dan Malikiyah mensyaratkan jahil terhadap pengharaman persetubuhan bagi pensabitan nasab ke atas pelaku. Sekiranya pelaku tidak mengetahui pengharaman, anak dinasabkan ke atasnya dan tidak dikenakan hudud zina. Manakala pelaku yang

Universiti Utara Malaysia

mengetahui pengharaman akan disabitkan hudud dan tidak tersabit nasab (al-Kharshi, 1899; Ibnu Qudamah, 1994; al-Syirbini, 1994).

Hanabilah mengambil dalil dari kisah Umar RA berkenaan khabar perbuatan zina oleh salah seorang penduduk Syams disebabkan oleh kejahilan pelaku terhadap pengharamannya. Ketika ditanya kepada Umar RA, Umar RA menjawab,

> *"Sekiranya dia mengetahui pengharamannya, maka laksanakanlah hudud, sekiranya dia tidak mengetahui, maka ajarkanlah. Jika dia mengulangi lagi, lalu rejamlah" (Hadis riwayat al-Albani, no. 2315 dan terhukum sebagai dha'if)*

- Hanafiah

  Hanafiah pula berpendapat anak tetap dinasabkan kepada pelaku dan tidak dikenakan hudud zina bagi kedua-dua situasi sama ada jahil atau tidak terhadap pengharaman (Ibnu 'Abidin, 1992). Hal demikian kerana, Hanafiah melihat kepada asas perbezaan antara persetubuhan syubhah dengan perbuatan zina adalah disebabkan wujudnya keraguan oleh hukum atau sangkaan halal (al-Zaila'i, 1895). Justeru pensabitan persetubuhan sebagai persetubuhan syubhah sendiri adalah mengangkat hudud zina dari disabitkan ke atas pelaku sama ada pelaku jahil atau tidak terhadap pengharaman.

  Hanafiah mengambil dalil dari hadis yang bermaksud,

  > *"tahanlah (pelaksanaan) hudud, sekiranya wujud di dalam (pelaksanaan)nya halangan (keraguan)" (Hadis riwayat al-Albani, no. 2356, dan terhukum sebagai dha'if)*

Dalam perihal disyaratkan jahil terhadap pengharaman, kajian cenderung kepada pandangan Hanafiah dalam menjustifikasikan asas perbezaan antara persetubuhan syubhah dengan perbuatan zina adalah disebabkan berlaku

keraguan terhadap hukum dan wujudnya sangkaan halal terhadap sesuatu persetubuhan. Justifikasi perbezaan tersebut disepakati oleh ulama empat mazhab (al-Zaila'i, 1895; Ibnu Qudamah, 1968; al-Syirazi, 1992; al-Qayrawani, 2011).

Oleh hal demikian, jahil terhadap pengharaman tidak menjadi syarat untuk disabitkan nasab sekiranya diyakini bahawa persetubuhan yang berlaku adalah persetubuhan syubhah dan dikecualikan dari hudud zina. Kajian melihat kepada penentuan dalam pengecualian hudud zina sendiri adalah jaminan bahawa persetubuhan berlaku oleh unsur syubhah yang diyakini.

b) Wujud *iqrār* nasab oleh pelaku

Pensabitan nasab di dalam persetubuhan syubhah memerlukan kepada kepastian dan *iqrār* dari pelaku, kerana penetapan oleh persetubuhan syubhah tidak semudah penetapan oleh *al-firāsy* (Abdul Wahab, 1938). Hanafiah dan Hanabilah membincangkan syarat berlakunya *iqrār* dari pelaku terhadap anak kelahiran persetubuhan syubhah terlebih dahulu sebelum disabitkan nasab ke atasnya (al-Buhuti, 1983: al-Sarkhasi, 1989).

Menurut al-Sarkhasi (1989), *iqrār* nasab oleh pelaku menjadi syarat adalah berdasarkan kepada hadis *"al-walad li al-firāsy"* itu sendiri, apabila kedua-dua Sa'ad Bin Abi Waqqas dan Abdu Bin Zam'ah membuat *iqrār* di hadapan Rasulullah SAW dengan pengakuan sebelum Rasulullah SAW mensabitkan keputusan nasab.

> *"Ya Rasulullah, sesungguhnya ini adalah anak abangku, Utbah Bin Abi Waqqas. Dia bersumpah kepadaku bahawa anak ini adalah anaknya. Lihatlah pada syabihnya (yang menyerupai Utbah)". Dan berkata pula Abdu Bin Zam'ah,"ini adalah adikku Ya Rasulullah. Dia dilahirkan di dalam al-firāsy bapaku bersama hamba perempuan" (Hadis riwayat al-Bukhari no.6749 dan Muslim no. 1457)*

Selain itu, Hanabilah melihat *iqrār* dari pelaku sebagai tanda zahirnya keyakinan oleh sangkaan pelaku bahawa persetubuhan tersebut halal baginya (Ibnu Qudamah, 1968).

c) Nasab anak tersabit menurut kaedah yang ditetapkan.

Ulama membahagikan perbincangan terhadap kaedah yang ditetapkan kepada dua situasi, iaitu satu situasi perempuan belum bernikah; dan dua, situasi perempuan berada di dalam pernikahan.

- Situasi perempuan belum bernikah

  Dalam perihal persetubuhan syubhah bagi situasi perempuan belum berkahwin, kaedah pensabitan yang ditetapkan adalah pada kiraan tempoh sahaja.

  - Jika anak dari persetubuhan syubhah dilahirkan di dalam tempoh enam bulan atau lebih dari tarikh persetubuhan, anak dinasabkan kepada pelaku. Sebaliknya jika perempuan itu melahirkan anak kurang dari enam bulan, anak tidak dinasabkan kepada pelaku kecuali jika berlaku dakwaan pernah berlaku persetubuhan syubhah yang lain sebelum itu (Ibnu Qudamah, 1968; Ibnu ‘Abidin, 1992). Anak akan tetap ternasab kepada pelaku walaupun mereka terpisah selepas persetubuhan syubhah, sepertimana penasaban berlaku dalam pernikahan fasid (Wahbah Zuhaili, 2010).

- Situasi perempuan berada di dalam pernikahan

  Perlu diperjelaskan bahawa asas penasaban anak dari *al-firāsy* adalah tersabit ke atas suami si ibu meskipun di dalam persetubuhan syubhah (al-Qazwaini, 1997). Justeru, bagi situasi kelahiran anak adalah kurang enam bulan dari tarikh persetubuhan syubhah atau pelaku mengingkari nasab,

Universiti Utara Malaysia

anak dinasabkan secara langsung kepada suami (Ibnu Qudamah, 1968). Terdapat dua kaedah pensabitan, iaitu perkiraan tempoh dan kaedah *al-qiyafāh* bagi persetubuhan syubhah dalam situasi perempuan berada di dalam pernikahan yang memungkinkan disabitkan nasab ke atas pelaku, iaitu:

- Jika isteri disetubuhi oleh pelaku secara syubhah dalam satu tempoh suci, sedangkan suami tidak menyentuh isteri, anak yang dilahirkan selepas enam bulan dari tarikh persetubuhan syubhah dinasabkan kepada pelaku. Suami perlu mengingkari nasab tanpa perbuatan *li'ān* (Ibnu Qudamah, 1968: al-Qazwaini, 1997).
- Jika isteri disetubuhi oleh pelaku secara syubhah dan suami menyetubuhi isteri dalam satu tempoh suci yang sama, anak yang dilahirkan berkemungkinan anak salah seorang dari mereka. Oleh kerana itu, kaedah *al-qiyāfah* perlu dilakukan (Ibnu Qudamah, 1968; al-Juwaini, 2007). Suami tidak boleh mengingkari nasab dengan perbuatan *li'ān* sebagaimana di dalam pernikahan sahih dan fasid, anak kelahiran syubhah hanya boleh diingkari oleh kaedah *al-qiyāfah* (Ibnu Qudamah, 1968; al-Sarkhasi, 1989; al-Juwaini, 2007).

Berdasarkan kepada penelitian, kajian mendapati di dalam perbincangan syarat penasaban oleh persetubuhan syubhah, mazhab Hanafiah dan Hanabilah lebih banyak membahaskan perihal tersebut berbanding dua mazhab lain. Kajian beranggapan hal demikian disebabkan oleh aspek penting pelaksanaannya adalah hanya untuk memastikan persetubuhan bukan dari perbuatan zina yang disengajakan.

Universiti Utara Malaysia

Selain daripada perihal tersebut, konsep pelaksanaannya adalah sama di bawah konteks *al-firāsy*, iaitu memastikan anak dari satu pihak lelaki sahaja (al-Zaila'i, 1895). Disebabkan usaha memastikan jaminan tersebut, wujud keperluan untuk mensabitkan nasab menerusi kaedah *al-qiyāfah* dalam situasi persetubuhan syubhbah bersama perempuan di dalam pernikahan oleh faktor keberangkalian berlakunya pencampuran air mani dari dua pihak lelaki.



Rajah 2.3. Pensabitan persetubuhan syubhah

iii. Kaedah pensabitan *al-firāsy*:

Al-firāsy terutama pernikahan sahih dan fasid adalah kaedah asal dan paling diutamakan di dalam pensabitan nasab. Penasaban yang tersabit oleh pernikahan sahih dan fasid menghalang suami si ibu dari mengingkari anak hanya disebabkan warna kulit atau rupa yang berbeza (Abdul Karim, 1993), sebagaimana Rasulullah SAW bersabda dalam satu kisah seperti berikut:

> *"Datang seorang lelaki mengadu:"Bahawa isteriku telah melahirkan anak yang hitam"-dengan maksud mahu menafikan anak itu- Rasulullah bertanya, "Adakah kamu memiliki unta?", lelaki itu menjawab "Ya". Disoal lagi, "Apakah warnanya?" dan dijawab, "Merah". Rasulullah SAW bertanya lagi, "Bukankah ada anak unta itu bewarna hitam?' dan dijawab, "Benar". Tanya Rasulullah lagi, "Dari mana datangnya warna itu?' dan dijawab, "Mungkin dari keturunan". Lalu Rasulullah menjelaskan, "Begitu jugalah untuk anak itu, kemungkinan dari keturunan" (Hadis riwayat al-Bukhari no. 5305 dan Muslim no. 3766)*

Menurut al-Qatallani (1905), kisah tersebut adalah penegasan bahawa nasab dari pernikahan adalah kuat dan tidak boleh diingkari oleh dakwaan yang lemah serta tidak berasas. Pengingkaran hanya boleh berlaku sekiranya suami melihat sendiri kejadian zina yang dilakukan si isteri, atau suami tidak pernah *imkān al-dukhūl* bersama isteri atau kelahiran kurang dari enam bulan, atau kelahiran melebihi tempoh maksima.

Oleh hal demikian, pengingkaran suami si ibu terhadap anak yang dilahirkan di dalam pernikahan sahih menurut ulama empat mazhab (Ibnu Qudamah, 1938; al-Kasani, 1986; Ibnu Rushd, 1988; al-Mawardi, 1999) dan pernikahan fasid menurut jumhur (Ibnu Qudamah, 1968; Ibnu Rushd, 1988; al-Syirazi, 1983) selain Hanafiah (al-Kasani, 1986) tidak diterima kecuali dengan dua syarat:

a) Didahului oleh perbuatan *li'ān* dari suami

   Ulama empat mazhab (Ibnu Qudamah, 1938; al-Kasani, 1986; Ibnu Rushd, 1988; al-Mawardi, 1999) bersepakat bahawa pengingkaran suami si ibu terhadap anak mesti didahului oleh tindakan suami me*li'ān* si isteri, kerana mengingkari nasab anak yang dilahirkan bermaksud menuduh isteri melakukan aktiviti zina. Tuduhan perlu disertai syarat-syarat *li'ān*, iaitu dibawakan empat orang saksi, dan jika tidak mampu, berlaku perbuatan sumpah suami dan dijawab dengan sumpah isteri sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

   > *"Dan orang-orang yang menuduh isterinya (berzina), padahal mereka tidak mempunyai saksi-saksi selain diri mereka sendiri, maka persaksian orang itu ialah empat kali bersumpah dengan nama Allah, bahawa sesungguhnya ia benar (dalam tuduhannya).*

> *Dan sumpah yang kelima adalah laknat Allah atasnya, jika ia termasuk orang-orang yang berdusta. Dan isteri itu terhindar dari hukuman apabila dia bersumpah empat kali atas (nama) Allah bahwa dia (suaminya) benar-benar termasuk orang-orang yang berdusta. Dan (sumpah) yang kelima adalah kemurkaan Allah akan menimpanya (isteri), jika dia (suaminya) itu termasuk orang yang berkata benar" (surah al-Nur 24:6-10)*[23]

Sekiranya tuduhan suami didapati salah, suami dikenakan hukuman *qaẓaf* (Abdul Wahab, 1938; Ibnu Qudamah, 1968; al-Kasani, 1986). Allah SWT telah berfirman dengan maksud:

> *"Orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya kemudian mereka tidak membawakan empat saksi, maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebatan dan janganlah kamu menerima penyaksian mereka itu selama-lamanya kerana mereka adalah orang yang fasik" (Surah al-Nur 24:4)*

Namun demikian, dalam masa yang sama, anak boleh diingkari tanpa perbuatan *li'ān* dari suami, dengan syarat pengingkaran tanpa maksud berlakunya tuduhan zina ke atas isteri (al-Syafi'i, 1983: Ibnu Qudamah, 1986;

Universiti Utara Malaysia

[23] Asbabun nuzul ayat 6 hingga 10 dari surah al-Nur adalah berdasarkan kisah:

'Uwaimir Al-Ajlani datang kepada `Asim bin Ad Al-Ansari dan berkata kepadanya, "Wahai `Asim! Andaikata seorang suami melihat lelaki lain bersama isterinya, adakah dia (suami) perlu membunuhnya (lelaki itu) lalu kemudian, mereka membunuhnya (melaksanakan hudud ke atas si suami) pula, atau apakah yang harus dia lakukan? Tolong, wahai `Asim, tanyakan tentang perkara ini bagi pihak saya". `Asim bertanya kepada Rasulullah SAW tentang hal itu. Rasulullah SAW tidak menyukai persoalanan tersebut dan menganggapnya memalukan. Apa yang didengari oleh `Asim daripada Rasulullah SAW amat berat baginya. Apabila `Asim kembali kepada keluarganya, 'Uwaimir datang kepadanya dan bertanya, "Wahai `Asim! Apakah yang Rasulullah SAW katakan kepadamu?" `Asim berkata kepada 'Uwaimir, "Engkau tidak pernah mendatangkan kebaikan kepadaku. Rasulullah SAW tidak menyukai masalah yang aku tanyakan kepadanya". 'Uwaimir berkata, "Demi Allah, saya tidak akan berputus asa dalam perkara ini sehingga saya bertanya kepada baginda mengenainya." Maka 'Uwaimir meneruskan perjalanan sehingga dia datang kepada Rasulullah SAW di tengah-tengah orang ramai, dan berkata, "Wahai Rasulullah! Jika seorang lelaki melihat lelaki lain bersama isterinya, adakah dia perlu membunuhnya (lelaki itu), lalu kemudian kamu membunuhnya (melaksanakan hudud ke atas si suami), atau apakah yang harus dia lakukan?" Rasulullah SAW berkata, "Allah telah menurunkan beberapa ketetapan mengenai hal kamu dan isterimu. Pergilah dan bawalah dia (si isteri ke mari)". Maka mereka menlaksanakan proses li'an sedangkan aku berada di antara orang ramai bersama Rasulullah SAW. Apabila mereka telah selesai li'an, 'Uwaimir berkata, "Wahai Rasulullah! Jika sekarang saya harus membiarkan dia bersama saya sebagai seorang (berstatus) isteri lagi, maka saya telah berdusta". Lalu dia menceraikannya tiga kali sebelum Rasulullah memerintahkannya. -Ibn Shihab berkata: Maka dari peristiwa tersebut perceraian adalah tradisi bagi semua orang yang terlibat dalam kes li'an- (Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 5308).

al-Sarkhasi, 1989; Ibnu Jallab, 2007). Pengingkaran dalam hal tersebut berlaku oleh faktor misalnya sangkaan pertukaran jantina semasa kelahiran, atau kejahilan bekas suami terhadap kehamilan dan kelahiran berlaku selepas talak, sebagaimana Rasulullah SAW tidak memerintahkan *li'ān* atau menghukum *qaẓāf* terhadap pertanyaan seorang lelaki yang mempertikai warna kulit anak yang baru dilahirkan. Rasulullah SAW bersabda dalam kisah tersebut seperti berikut:

> *"Datang seorang lelaki mengadu:"Bahawa isteriku telah melahirkan anak yang hitam"-dengan maksud mahu menafikan anak itu- Rasulullah bertanya, "Adakah kamu memiliki unta?", lelaki itu menjawab "Ya". Disoal lagi, "Apakah warnanya?" dan dijawab, "Merah". Rasulullah SAW bertanya lagi, "Bukankah ada anak unta itu bewarna hitam?' dan dijawab, "Benar". Tanya Rasulullah lagi, "Dari mana datangnya warna itu?' dan dijawab, "Mungkin dari keturunan". Lalu Rasulullah menjelaskan, "Begitu jugalah untuk anak itu, kemungkinan dari keturunan" (Hadis riwayat al-Bukhari no. 5305 dan Muslim no. 3766)*

Perihal pengingkaran tersebut akan dibincangkan lanjut di dalam subtopik 'Syarat *al-syahādah* bagi *iqrār* penasaban bapa-anak oleh isteri yang diingkari suami tanpa li'ān' dan '*al-syahādah* bagi *iqrār* penasaban bapa-anak oleh isteri yang ditalak'.

b) Waktu pengingkaran

Ulama empat mazhab sepakat bahawa pengingkaran mesti berlaku dalam kadar yang segera. Sekiranya suami mendiamkan diri meskipun telah diketahui kehamilan dan kelahiran, pengingkaran adalah dilarang dan anak dinasabkan kepada suami. Namun, penetapan tempoh untuk suami mengingkari anak adalah berbeza menurut ulama.

Universiti Utara Malaysia

- Hanafiah

  Hanafiah menetapkan pengingkaran mesti berlaku pada saat kelahiran atau selagi dalam tempoh di awal kesyukuran iaitu tujuh hari (al-Kasani, 1986). Hanafiah tidak membenarkan pengingkaran di dalam tempoh kehamilan sebelum kelahiran berlaku bagi memastikan kewujudan anak berlaku sebelum diingkari (al-Kasani, 1986).

- Malikiyah

  Malikiyah menetapkan pengingkaran di dalam situasi isteri di*li'ān* mesti berlaku semasa kehamilan, jika kelahiran tidak berlaku di dalam tempoh kurang enam bulan dari tarikh *li'ān* (al-Sawi, 1952). Sebaliknya bagi situasi isteri tidak di*li'ān*, pengingkaran berlaku sebaik sahaja anak dilahirkan (Ibnu Jallab, 2007).

- Syafi'iyah

  Syafi'iyah menetapkan pengingkaran di dalam situasi isteri di *li'ān* boleh berlaku di dalam tempoh kehamilan atau selepas kelahiran sekiranya kehamilan berlaku selepas perbuatan *li'ān*. Pengingkaran selepas kelahiran boleh dilakukan dalam tempoh tiga hari dari tarikh pengkhabaran kelahiran (al-Mawardi, 1999) bagi kedua-dua situasi sama ada isteri di *li'ān* atau tidak.

- Hanabilah

  Hanabilah menetapkan pengingkaran mesti berlaku sebaik sahaja anak dilahirkan (Ibnu Qudamah, 1938).

Sebaliknya, sekiranya berlaku perbuatan *li'ān* ke atas isteri pula, walaupun tanpa mengingkari anak, ulama empat mazhab sepakat bahawa *li'ān* tetap membatalkan nasab (al-Sawi, 1952; al-Syafi'i, 1983; al-Kasani, 1986; al-Maruzi, 2002). Ibnu

Qudamah (1968) mengecualikan pembatalan bagi situasi *li'ān* yang disusuli *iqrār* oleh suami si ibu bahawa anak dari isteri yang di*li'ān* adalah anaknya. Pembatalan nasab oleh perbuatan *li'ān* adalah berdasarkan hadis yang bermaksud:

> *"seorang lelaki telah meli'ān isterinya di zaman Nabi SAW, maka Rasulullah SAW memisahkan mereka berdua dan anak itu dinasabkan kepada ibunya" (Hadis riwayat Muslim no. 1494)*

Ibnu Qayyim (2010) memperincikan hal tersebut dengan memberi dua hukum terhadap dua situasi berbeza:

a) Suami mengetahui kehamilan sebelum dia melihat perbuatan zina isteri. Lalu, anak adalah anak suami si ibu dan tidak boleh diingkari nasab walaupun dengan *li'ān*.

b) Suami mengetahui kehamilan selepas perbuatan zina isteri. Situasi tersebut memerlukan kepada pemerhatian terhadap tarikh kelahiran anak:

   - Jika anak dilahirkan kurang dari enam bulan dari tarikh perbuatan zina, anak akan dinasabkan kepada suami si ibu dan suami tidak boleh mengingkari nasab walaupun dengan *li'ān*.
   - Jika anak dilahirkan melebihi enam bulan dari tarikh perbuatan zina, pandangan ditentukan oleh dua keadaan: Pertama, jika suami mengasingkan diri dari isteri selepas perbuatan zina, anak tidak boleh dinasabkan kepada suami si ibu tidak kira sama ada suami mengingkari atau tidak; dan Kedua, jika suami tidak mengasingkan diri dari isteri, terdapat kemungkinan bahawa anak adalah anak suami si ibu atau anak pelaku zina. Lalu, suami dibolehkan untuk mengingkari nasab oleh perbuatan *li'ān*, atau tidak mengingkari nasab dengan perbuatan *iqrār* selepas *li'ān*.

Universiti Utara Malaysia

Selain itu, Ibnu Qayim (2010) berpendapat bahawa nasab anak selepas tindakan *li'ān* turut boleh disabitkan oleh *al-qiyāfah,* berdasarkan kisah Hilal bin Umaiyah[24] di dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

> *"Perhatikan perempuan itu, jika nanti anak (yang dilahirkan) putih, berambut lurus dan mata agak merah, tandanya bayi tersebut anaknya Hilal bin Umayah, namun jika matanya agak hitam, rambutnya keriting dan betisnya ramping, maka bayi tersebut adalah milik Syarik bin Sahma`" (Hadis riwayat Muslim no. 2749).*

Berdasarkan kepada perbincangan di dalam kaedah pensabitan nasab oleh *al-firāsy*, kajian mendapati bahawa *al-firāsy* adalah bukti paling kukuh yang tidak boleh diragui melainkan dengan perbuatan *li'ān* yang memenuhi syarat (al-Buhuti, 1983; al-Kasani, 1986; al-Syirbini, 1998; Ibnu Rushd, 2004). Hal demikian adalah disebabkan *al-firāsy* memberi jaminan bahawa anak adalah dari satu pihak lelaki sahaja (al-Zaila'i, 1895), melainkan dibuktikan sebaliknya secara yakin.

[24]Hadis Riwayat al-Bukhari, no 4747:

> *"Hilal bin Umaiya membawa pertuduhan kepada Rasulullah SAW bahawa isterinya melakukan persetubuhan haram dengan Syarik bin Sahma'. Rasulullah SAW berkata (kepada Hilal), "(Bawakan) bukti (empat saksi) atau (kamu akan menerima) hukuman (sebatan) di belakang kamu". Hilal berkata, "Wahai Rasulullah! Jika seseorang di antara kami melihat seorang lelaki atas isterinya, adakah dia akan pergi mencari saksi?" Rasulullah SAW tetap bersabda, "(Bawakan) bukti (empat saksi) atau (kamu akan menerima) hukuman (sebatan) di belakang kamu". Hilal kemudian berkata, "Demi Dia yang mengutus kamu dengan kebenaran, aku berkata benar dan Allah akan mendedahkan kepadamu apa yang dapat menyelamatkan belakangku dari (hukuman) hudud". Kemudian Jibril turun dan mewahyukan kepada baginda: "Adapun orang-orang yang menuduh isteri-isteri mereka..." (Surah al-Nur, 24: 6-9) baginda membacakannya sehingga sampai: "... (penuduhnya) memberitahu kebenaran". Kemudian Rasulullah SAW pergi dan menghantar (utusan memanggil) wanita itu, dan Hilal pun tiba dan kemudian mengangkat sumpah (mengesahkan dakwaan itu). Rasulullah SAW bersabda, "Allah mengetahui bahawa salah seorang di antara kamu adalah pendusta, maka adakah di antara kamu yang bertaubat?" Kemudian perempuan itu bangun dan bersumpah dan apabila dia hendak mengangkat sumpah yang kelima, orang ramai menghalangnya dan berkata, "Sumpah yang kelima itu pasti akan mendatangkan laknat Allah kepada kamu (jika kamu bersalah)." Berkata Ibnu 'Abbas, perempuan itu teragak-agak dan berundur (daripada mengangkat sumpah) sehingga kami menyangka bahawa dia akan menarik balik penafiannya. Tetapi kemudian dia berkata, "Saya tidak akan menghina keluarga saya pada hari ini," dan meneruskan (proses bersumpah). Rasulullah SAW kemudian bersabda, ""'Perhatikan perempuan itu, jika nanti anak (yang dilahirkan) bermata hitam dengan pinggul besar dan betis yang gemuk maka (anak) itu adalah anak Syarik bin Sahma." Kemudian perempuan itu melahirkan seorang anak seperti itu. Maka Rasulullah SAW berkata, "Seandainya perkara itu tidak diselesaikan dengan hukum Allah (menurut surah al-Nur 24: 6-9), aku akan menghukumnya dengan seberat-beratnya".*

iv. *Al-firāsy* dan tempoh kehamilan

Ulama empat mazhab sepakat bahawa syarat tempoh minima kehamilan bagi *al-firāsy* adalah enam bulan, berdasarkan kepada *athār istinbāṭ* (pengeluaran) hukum oleh ‘Ali RA dari dua ayat al-Quran di dalam kisah seperti berikut:

> *Uthman bin Affan didatangi seorang perempuan yang telah melahirkan dalam tempoh enam bulan, lalu dia memerintahkan untuknya (perempuan tersebut) direjam. Lalu berkata kepadanya (Uthman RA) Ali bin Abi Talib RA, bahawa bukan begitu (hukuman) ke atasnya (perempuan tersebut), “Allah SWT telah berkata di dalam kitabNya “Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan” (al-Ahqaf 46:15) dan berkata “Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun genap” (al-Baqarah 2:233). Lalu, kehamilan adalah dalam tempoh enam bulan, dan tiadalah hukuman rejam ke atasnya”. Bergegaslah Uthman bin Affan menghantar utusan ke tempatnya (berlakunya hukuman), dan didapati bahawa perempuan tersebut telah direjam” (Riwayat dari Malik, no. 1763)*

Pada ayat pertama, 30 bulan yang disebut adalah merangkumi proses kehamilan dan penyusuan, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

> *“Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan. Setelah ia besar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur empat puluh tahun, berdoalah ia dengan berkata: "Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatmu yang engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu, dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadamu)". (al-Ahqaf 46:15)*

Ahli mufassir Al-Mawardi (t.t) dan al-Baghawi (1997) kedua-duanya mengetengahkan bahawa wujud perbezaan pandangan mengenai sama ada 30 bulan yang dinyatakan di dalam ayat, menceritakan perihal minima kehamilan dan maksima penyusuan atau perihal tempoh penyusuan yang sepatutnya mengikut kadar tempoh kehamilan bagi

mencukupkan 30 bulan. Perbezaan pandangan tersebut adalah disebabkan oleh keumuman dalil yang tidak diperincikan oleh dalil khusus.

Meskipun berlaku pengkhususan istilah penyusuan sempurna bagi tempoh 2 tahun genap di dalam ayat kedua, kajian mendapati ulama berbeza pandangan terhadap tempoh yang ditetapkan sama ada kewajipan atau saranan. Allah SWT berfirman dengan maksud:

> *"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada). kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan" (al-Baqarah 2:233)*

Universiti Utara Malaysia

Menurut al-Mawardi (t.t), '*ḥaulāin*' di dalam ayat tersebut ditafsir sebagai tahun memandangkan '*ḥaul*' merupakan gambaran keterikatan waktu atau jarak. Ayat ini juga merupakan perintah kepada bapa dalam penyediaan makan minum dan tempat tinggal bagi ibu yang sedang menyusukan anak sama ada ibu tersebut masih di dalam pernikahan atau telah ditalak oleh bapa. Berkenaan ayat "*Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya",* adalah bermaksud larangan kepada berlakunya kemudaratan oleh faktor penghalangan ibu dari menyusukan bayi dengan memisahkan antara keduanya selepas berlakunya talak. Al-Mawardi berpendapat bahawa penyusuan melebihi atau kurang dari dua '*ḥaul*' adalah dibolehkan sekiranya mencapai persetujuan bersama.

Al-Baghawi (1997) melihat bahawa ayat tersebut diturunkan di dalam situasi ibu yang telah ditalakkan, serta perintah penyusuan bersifat perintah *istiḥbāb* (harus) dan bukan perintah mewajibkan. Begitu juga pandangan Muhammad al-Zuhaili (2011). Al-Zuhaili melihat bahawa 24 bulan tempoh penyusuan yang dimaksudkan bukan merupakan tanggungjawab, namun merupakan hak ibu terhadap upah susuan bagi ibu yang ditalakkan. Allah SWT berfirman dengan maksud,

> *"kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik. Dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya" (Surah al-Talaq, 65:6)*

Ibu yang ditalak dan menyusukan anak mempunyai hak untuk meminta upah selama mana ibu menyusukan anak bagi tempoh 24 bulan. Hal demikian kerana kewajipan ke atas ibu hanya memberikan susu *al-libā'*, iaitu susu yang keluar di awal *wilādah* (Muhammad al-Zuhaili, 2011). Jumhur sepakat bahawa penyusuan tidak diwajibkan melainkan wujudnya kemudaratan terhadap anak (Ibnu Qudamah, 1968; Ibnu 'Abidin, 1992; al-Sharbaini, 1998). Hanya Malikiyah mewajibkan penyusuan ke atas ibu kecuali ibu dari kalangan terhormat yang secara 'adatnya tidak menyusukan anak mereka (al-Dusuqi, t.t).

Berdasarkan kepada *istinbāṭ* hukum dari dua ayat al-Quran tersebut, kajian mendapati terdapat tiga perbezaan yang dibahaskan oleh ulama melibatkan (a) perbezaan di dalam tempoh penyusuan; (b) perbezaan di dalam had pensabitan mahram oleh penyusuan; serta (c) perbezaan di dalam kaedah kiraan enam bulan.

a) Perbezaan di dalam tempoh penyusuan

   Dalam memahami tempoh minima kehamilan yang ditetapkan syarak, perbincangan ulama terhadap tempoh penyusuan juga perlu diteliti. Al-Baghawi (1997) mengetengahkan di dalam tafsirnya bahawa perintah dua

tahun genap telah diringankan dengan sambungan ayat *"iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu*". Lalu, al-Baghawi bersetuju bahawa penetapan tempoh adalah tidak ditetapkan.

Oleh hal demikian, tempoh penyusuan sama ada melebihi atau kurang dari 24 bulan adalah dibenarkan selagi mana tidak memberi kemudaratan terhadap anak dan dalam persetujuan bersama ibu dan bapa (al-Qurtubi, 1964). Ibnu Qayyim (1971) mengharuskan penyusuan selepas tempoh 24 bulan sehingga ke separuh tahun ketiga atau lebih.

b) Perbezaan di dalam had pensabitan mahram oleh penyusuan

Meskipun terdapat pandangan membenarkan penyusuan melebihi dua tahun genap, hukum pensabitan mahram dari penyusuan selepas pada tempoh tersebut adalah diperselisihkan oleh ulama.

- Malikiyah

  Malikiyah menerima pensabitan mahram sekiranya penyusuan diteruskan kepada dua tahun dua bulan, namun disyaratkan penerusan penyusuan tersebut tidak bersama pencampuran makanan lain. Sekiranya bersama pencampuran makanan lain, lanjutan tempoh dari dua tahun genap adalah tidak dihitung sebagai tempoh pensabitan mahram (al-Dusuqi, t.t).

- Hanafiah

  Hanafiah berpendapat mahram tersabit sekiranya penyusuan diteruskan kepada 30 bulan (al-Kasani, 1986), berdasarkan kepada dalil al-Quran yang bermaksud:

  > *"Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan." (al-Ahqaf 46:15)*

Universiti Utara Malaysia

- Syafi'iyah dan Hanabilah

  Syafi'iyah dan Hanabilah berpandangan bahawa selepas pada dua tahun genap, penyusuan tidak mensabitkan mahram (Ibnu Qudamah, 1968; al-Mawardi, 1999). Hal demikian bersandarkan kepada hadis yang bermaksud:

  > *"Nabi SAW pernah datang kepadaku ketika mana seorang lelaki berada di rumahku. Baginda bertanya, "Wahai `Aisyah! Siapakah (lelaki) ini?" Aku menjawab, "Saudara ku dari susuan". Baginda berkata, "Wahai `Aisyah! Berhati-hatilah dengan saudara-saudara lelaki mu (dari susuan) kerana penyusuan hanya sah jika ia berlaku dalam tempoh kebuluran (tempoh penyusuan amat diperlukan, iaitu sebelum umur dua tahun)" (Hadis riwayat al-Bukhari, no. 2647)*

  Berikut adalah pandangan yang di*tarjiḥ*kan oleh Wahbah Zuhaili (2010), bahawa kebenaran penyusuan melebihi 24 bulan, tidak bermaksud pensabitan mahram terhukum ke atas anak susuan yang menyusu selepas tempoh tersebut. Ibu yang ditalak juga tidak lagi boleh menuntut upah.

c) Perbezaan di dalam kaedah kiraan enam bulan

Walaupun ulama empat mazhab sepakat mengenai enam bulan sebagai tempoh minima kehamilan dalam penetuan nasab, kajian mendapati tiada penetapan yang disepakati mengenai kaedah pengiraan enam bulan tersebut sama ada mengguna pakai kiraan dari bulan *syamsiyah* atau dari bulan *qamariah*. Berdasarkan kepada semakan, kajian mendapati hanya Syafi'iyah telah memperincikan kiraan tersebut.

- Al-Haitami (1983) meletakkan nisbah hari di dalam satu bulan adalah sebanyak 30 hari. Lalu, Syafi'iyah menetapkan pengiraan enam bulan di dalam pensabitan nasab adalah 180 hari.

  Syafi'iyah turut mengambil perkiraan dua *laḥzhah* (detik) sebagai pemula dan penutup tempoh enam bulan, iaitu satu *laḥzhah* pada saat nikah iaitu

imkān al-dukhūl dan satu *laḥzhah* pada saat kelahiran anak (al-Ramli, 1983) bagi memberi keyakinan terhadap maksud enam bulan sebagai syarat pensabitan nasab.

- Malikiyah pula menetapkan kiraan 175 hari bagi tempoh enam bulan berdasarkan kepada 29 hari di dalam bulan *qamariah*. Pandangan ini telah dinaqalkan oleh Wahbah Zuhaili (2010) di dalam kitab *Fiqh Islamī wa adillatuhu*.

Berdasarkan kepada tiga perbezaan tersebut, kajian melihat bahawa tempoh minima enam bulan yang dimaksudkan merupakan hasil *istinbāṭ* hukum secara zahir dari dua dalil dan tergolong di dalam perkara *ijtihādī*, terutama apabila dua tahun genap tidak bermaksud tempoh yang disepakati untuk penyusuan melainkan merupakan dalil bagi hukum nafkah ibu yang ditalak serta tempoh pensabitan mahram[25].

Dalam masa yang sama, terdapat beberapa kajian sains kontemporari mengenai tempoh minima dan maksima kehamilan. Sains kontemporari membantu mengukur ketepatan untuk penetapan tempoh minima dan maksima kehamilan dalam soal penasaban anak memandangkan tiada dalil tepat dari al-Quran dan hadis mengenai kedua-dua tempoh tersebut.

a) Tempoh minima

Pada tahun sebelum 1970, kelahiran bayi pra-matang dengan berat kurang 700gram atau berusia kurang 24 minggu dalam kandungan akibat kecemasan adalah sukar diselamatkan (Bennett Britton, Chir, Fitzhardinge, & Ashby, 1981; Saigal,

[25] Walaupun demikian, pada sudut pandangan pihak yang tidak mengharuskan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, ayat daripada surah al-Baqarah ini ialah dalil kepada tempoh penyusuan yang sempurna di mana ianya menjelaskan bahawa harus seorang bayi menyusu kurang atau lebih dua tahun. Namun, penyusuan yang sempurna ialah dua tahun. Oleh itu ayat ini dijadikan oleh ulama sebagai dalil tempoh susuan yang biasa bagi seorang bayi iaitu dua tahun. Hukum ini adalah berasaskan kaedah yang mengatakan bahawa hukum fekah tersabit ke atas perkara yang biasa dan bukannya perkara yang jarang berlaku.

Rosenbaum, Stoskopf, & Sinclair, 1984). Namun, sains membuktikan berlaku peningkatan ke atas graf bayi yang berjaya hidup dengan berat dan usia kelahiran tersebut.

Peningkatan adalah hasil penambah baikan dalam pengurusan *neonatal* terutama di sudut teknik diagnos dan pemantauan (Saigal, Rosenbaum, Hattersley, & Milner, 1989; La Pine, Craig Jackson, & Bennett, 1995; Sauer *et al*, 2016) serta penjagaan dan penyediaan nutrisi bayi (Kumar *et al*, 2017). Proses tumbesaran bayi yang dipantau di dalam *newborn intensive care unit (NICU)* adalah semakin cepat dan bertambah baik (Horbar *et al,* 2015).

Sepanjang tahun 1984 hingga 1993, kajian Oishi, Nishida dan Sasaki (1997) melaporkan bahawa, jumlah bayi yang lahir kurang dari 24 minggu usia kandungan dan berjaya hidup di Jepun adalah sebanyak 17 persen, iaitu 128 orang bayi dari jumlah 748 kelahiran. Manakala bayi yang dilahirkan dengan berat kurang daripada 500 gram dan berat antara 500 hingga 599 gram, mempunyai jumlah bayi hidup sebanyak 16 persen (82/510) dan 32 persen (375/1145). Jangkaan yang dibuat oleh Hirata *et al* (1983) adalah, 50 persen dari kelahiran bayi dengan berat 501 hingga 750 gram akan mampu hidup setanding perkembangan teknologi kesihatan. Sehingga tahun 2019, direkodkan bahawa bayi paling muda dilahirkan dan berjaya hidup adalah pada usia 17 minggu dalam kandungan dengan berat 243.8 gram (Aulds, 2019).

Walaupun bayi yang lahir kurang dari usia 24 minggu atau kurang dari berat 800 gram boleh mengalami beberapa komplikasi seperti masalah pembelajaran (Brown, Kilbride, Turnbull, & Lemanek, 2003; Kilbride, Thorstad, & Daily, 2004) dan perkembangan awal kanak-kanak yang rendah (Killeen, Shiel, Law, Segurado, & O'Donovan, 2015), komplikasi kesihatan tersebut tidak mencapai tahap serius.

Universiti Utara Malaysia

Justeru, kelahiran bayi berusia kurang dari 24 minggu atau kurang enam bulan dalam kandungan adalah normal di zaman kontemporari kerana perkembangan sains dan teknologi perubatan yang membantu memanjangkan jangka hayat bayi pra-matang[26].

b) Tempoh maksima

Ulama klasik meletakkan tempoh maksima kehamilan adalah selama lima, empat dan dua tahun berdasarkan kepada sangkaan hamil bagi seorang perempuan yang tidak berasaskan fakta. Sedangkan menurut sains kontemporari, pemulaan usia janin hanya boleh ditentukan oleh tarikh akhir haid atau *last menstrual period (LMP), sonography*, dan pemeriksaan klinikal (Jimenez, Tyson, & Reisch, 1983).

Sains juga membuktikan bahawa tempoh maksima janin untuk hidup di dalam rahim adalah 42 minggu sebelum kemudiannya janin akan mati sendiri kerana *placenta* berhenti dari berfungsi sebagai penyalur makanan dan keperluan janin (*Pregnancy and birth*, 2018). Kajian mendapati *perinatal mortality* di usia kandungan melebihi 42 minggu adalah dua kali ganda berbanding 41 minggu ke bawah. Hal demikian kerana risiko *perinatal motality* meningkat selepas usia kandungan melebihi 40 minggu (Nakling & Backe, 2006; Norwitz, Snegovskikh, & Caughey, 2007).

Selain itu, kelahiran pada waktu melebihi 42 minggu dalam kandungan atau 294 hari akan membawa kepada komplikasi anak seperti *meconium aspiration syndrome* dan *fetal macrosomia* (Treger *et al*, 2002; Norwitz *et al*, 2007). Begitu juga dengan jangkitan sepsis terhadap anak (Alexander, McIntire, & Leveno, 2000). Ibu yang melahirkan anak pada usia kandungan melebihi 41 minggu turut boleh terlibat dalam

[26] Namun begitu, pihak yang tidak mengharuskan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan berpandangan bahawa kelahiran bayi berusia kurang dari 24 minggu merupakan kes yang jarang berlaku. Hal ini kerana kebiasaan bayi lahir dalam keadaan matang dan sihat dalam jangka masa enam bulan dan lebih seperti yang dikatakan oleh fuqaha dan diakui oleh sains perubatan. Justeru, kes yang jarang berlaku ini tidak boleh menjadi sandaran kepada ketetapan hukum memandangkan hukum fekah hanya sabit ke atas keadaan yang biasa dan bukan ke atas keadaan yang jarang berlaku (Lihat: Wahbah, 2010, Abdul Karim Zaidan, 1993).

komplikasi berbahaya seperti *severe perineal injury* dan *postpartum haemorrhage* (Caughey & Bishop, 2006; Heimstad *et al*, 2006).

Pegawai perubatan akan melakukan *induction* atau pembedahan *caesarean* terhadap ibu selepas melepasi 42 minggu dalam kandungan bagi menyelamatkan janin dan ibu (Roach & Rogers, 1997; Heimstad, Romundstad, Eik-Nes, & Salvesen, 2006; Arwa, Mohammad, Aamer, & Zulfiqa, 2011). Hal demikian kerana, kehamilan yang melepasi 40 minggu adalah kehamilan amat berisiko, lebih-lebih lagi sekiranya mencecah 42 minggu dalam kandungan (Caughey & Musci, 2004).

Sebagaimana Abdul Wahab (1938) melihat bahawa anggapan tempoh maksima dari ulama klasik adalah tidak logik, dan memerlukan kepada sokongan rujukan sains agar penetapan hukum nasab *al-firāsy* dapat disabitkan dengan lebih tepat, kajian telah mengetengahkan berlakunya percanggahan antara kedua-duanya. Lalu, dapat difahami bahawa tindakan mengekalkan kaedah pensabitan nasab menurut tempoh yang ditetapkan oleh ulama klasik terutama di dalam situasi isteri yang ditalak adalah tidak tepat. Hal demikian kerana, sains dan teknologi telah membuktikan bahawa tempoh maksima kehamilan adalah hanya 42 minggu dari bermulanya proses persenyawaan antara sperma dari pihak lelaki dengan ovum dari pihak perempuan (Kate Gerster, t.t). Sperma juga terbukti akan kering selepas diejakulasi serta hanya mampu bertahan hidup sehingga 120 jam di dalam ovum atau 72 jam di dalam *incubator* sebelum mati dan tidak berfungsi (Ashley Marcin, 2017). Justeru, adalah mustahil anak kelahiran di dalam tempoh empat tahun masih merupakan anak kepada bekas suami sekiranya tidak berlaku *dukhūl* bagi proses persenyawaan.

Universiti Utara Malaysia

*** Oleh hal demikian, dalil mengenai tempoh minima enam bulan kehamilan adalah bersifat *ijtihādi* yang memerlukan kepada perbincangan lanjut oleh wujudnya percanggahan sama ada dalam perihal penyusuan, kaedah pengiraan, juga dalam perihal pembuktian teknologi sains.

Sebaliknya kajian mendapati syarat 'tidak diingkari oleh suami' adalah keutamaan di dalam pensabitan nasab oleh kaedah *al-firāsy* terutama di dalam pernikahan sahih dan fasid, kerana syarat tersebut lebih menepati maksud hadis "*al-walad lil firāsy"*, iaitu jaminan *al- firāsy* sebagai ketetapan kukuh dalam memastikan anak adalah dari satu pihak lelaki sahaja (al-Zaila'i, 1895), bagi mengelakkan kecelaruan dan pencampuran antara hasil air mani lelaki-lelaki di dalam penentuan nasab.

Justeru, dalil terhadap pengingkaran oleh *li'ān* adalah jelas memberi hak kepada suami apabila berlakunya pengkhianatan dari isteri yang berzina, namun wujudnya kekangan untuk suami membawa saksi oleh sebab perbuatan zina dilakukan di dalam rumah, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud,

> *"Dan orang-orang yang menuduh isterinya (berzina), padahal mereka tidak mempunyai saksi-saksi selain diri mereka sendiri .." (surah al-Nur 24:6-10)*

Ayat tersebut dikhususkan hanya kepada suami (al-Kasani, 1986) di dalam pengecualian dari membawa empat orang saksi bagi pertuduhan zina ke atas isteri, lantaran dakwaan zina tanpa pembawaan saksi merupakan jenayah berat di dalam Islam. Si pendakwa akan disebat sebanyak 80 kali dan terhukum fasik sehingga langsung tidak boleh diambil kesaksian dari dirinya sehingga mati, sebagaimana firman Allah SWT:

> *"Orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya kemudian mereka tidak membawakan empat saksi, maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebatan dan janganlah*

kamu menerima penyaksian mereka itu selama-lamanya kerana mereka adalah orang yang fasik" (Surah al-Nur 24:4)

Di dalam hukum *li'ān*, suami mendapat pembelaan untuk mengingkari nasab dari hasil penzinaan antara isteri dengan lelaki lain, lalu dari tindakan tersebut dapat mengelakkan dirinya dari tersabit nasab bersama anak yang bukan dari sebahagian dirinya secara biologi.

Sebaliknya, selagimana anak yang dilahirkan tidak diingkari dengan *li'ān* oleh suami si ibu, nasab boleh tersabit meskipun di dalam situasi anak kelahiran kurang enam bulan atau anak kelahiran melebihi tempoh maksima, kerana tindakan tanpa pengingkaran membuktikan bahawa anak adalah dari satu pihak lelaki sahaja, iaitu suami si ibu. Berkenaan keraguan terhadap isu anak adalah dari hasil penzinaan antara ibu dengan suami si ibu oleh pensabitan nasab tanpa syarat tempoh minima kehamilan, perbincangan lanjut akan dibawa kepada subtopik '*al-iqrār* terhadap anak zina'.

2.2.2 *Al-Iqrār* (pengakuan)

Al-Iqrār adalah pengakuan penasaban yang memerlukan kepada dua pihak, iaitu pihak yang mengaku serta pihak yang dibuat pengakuan. *Al-Iqrār* menjadi kaedah kedua, kerana *iqrār* diperlukan dalam situasi berlaku perselisihan mengenai nasab tanpa dapat dibuktikan oleh *al-firāsy* (Abdul Karim, 1993).

i. Pembahagian:

Al-Iqrār mempunyai dua pembahagian (Abdul Wahab, 1938; Wahbah Zuhaili, 2010) iaitu: (a) *Iqrār* oleh jalur asal penasaban; dan (b) *Iqrār* penasaban ke atas orang lain.

Pertama, *iqrār* oleh jalur asal penasaban, iaitu melibatkan antara bapa-anak atau anak-bapa.

Universiti Utara Malaysia

Kedua, *iqrār* penasaban ke atas orang lain, atau ke atas *furu'* nasab bagi situasi pihak asal iaitu bapa telah mati, sebagai contoh, pengakuan ke atas saudara lelaki atau saudara perempuan. Termasuk di dalam pembahagian ini adalah *iqrār* perempuan sebagai pihak yang mengaku sekiranya perempuan tersebut mempunyai suami.

ii. Aspek penting pelaksanaan:

Syarat bagi jenis pertama ialah:

a) *Majḥūl* nasab.

Ulama empat mazhab sepakat bahawa pihak yang dibuat pengakuan mesti adalah *majḥūl* nasab dan tidak berlaku pertindihan *iqrār* oleh pihak lain. Namun pengecualian melibatkan anak kepada isteri yang di*li'ān* oleh suami (al-Kharshi, 1899; Ibnu Qudamah, 1968; al-Kasani, 1986; al-Syirazi, 1992).

b) Disokong oleh kebenaran logik akal.

Ulama empat mazhab sepakat bahawa pihak yang dibuat pengakuan mesti adalah dalam situasi yang memungkinkannya dinasabkan kepada pihak yang mengaku. Sebagai contoh, pihak yang dibuat pengakuan sebagai anak mesti adalah jauh lebih muda atau menyerupai pihak yang mengaku sebagai bapa. Jika berlaku percanggahan terhadap logik akal, anak atau pihak yang dibuat pengakuan tidak tersabit nasab (al-Kharshi, 1899; al-Nawawi, 1967; al-Sarkhasi, 1989; al-Buhuti, 1993).

c) *Iqrār* yang dibuat adalah untuk penasaban ke atas diri sendiri, bukan ke atas pihak lain.

Ulama empat mazhab sepakat bahawa *iqrār* hanya boleh dilakukan bagi penasaban ke atas diri sendiri seperti pengakuan "ini adalah anakku". Hal demikian kerana *iqrār* adalah hujah terakhir individu, sebaliknya bagi pihak lain, proses kehakiman memerlukan kepada kaedah *syahādah*. *Iqrār* terhadap

Universiti Utara Malaysia

pihak lain adalah seperti kenyataan, "itu adalah anak si fulan" (al-Kharshi, 1899; al-Nawawi, 1967; al-Sarkhasi, 1989; al-Buhuti, 1993).

d) *Iqrār* pihak yang mengaku perlu disokong oleh pihak yang dibuat pengakuan.

Kajian mendapati keperluan kepada sokongan tersebut dibincangkan oleh Hanafiah, Syafi'iyah dan Hanabilah sahaja, sebaliknya Malikiyah tidak meletakkannya di dalam syarat *al-iqrār* (al-Kharshi, 1899).

- Jumhur mensyaratkan *iqrār* memerlukan kepada sokongan atau pengesahan dari *iqrār* pihak yang dibuat pengakuan, sekiranya pihak yang dibuat pengakuan memenuhi ciri-ciri yang boleh menjadi hujah, iaitu berakal dan baligh (al-Zaila'i, 1895; al-Nawawi, 1967; al-Buhuti, 1993). Hal demikian kerana, *iqrār* adalah hujah yang tidak kuat dan bersifat individu (al-Buhuti, 1993). Pensabitan nasab juga akan membawa kepada pensabitan hak dan tanggungjawab antara kedua-dua pihak yang mengaku dan pihak yang dibuat pengakuan, oleh sebab itu *iqrār* memerlukan pengesahan sebagai tanda persetujuan (Abdul Karim, 1993).
- Malikiyah pula tidak meletakkan syarat tersebut kerana melihat kepada penasaban adalah hak anak dari bapa. Lalu nasab tersabit ke atas pihak yang dinasabkan tanpa memerlukan kepada sokongan pengakuan, jika pengakuan asal adalah benar. Pendapat tersebut di*naqa*lkan oleh Wahbah Zuhaili (2010).

e) Pihak yang mengaku tidak boleh mengakui di dalam *iqrār* bahawa pihak yang dibuat pengakuan adalah anak zina.

Hanafiah, Malikiyah dan Syafi'iyah meletakkan syarat bahawa *iqrār* yang dilakukan mesti tidak disertakan pengakuan bahawa anak adalah hasil perbuatan zina (al-Sawi, 1952; al-Sarkhasi, 1989; al-Syirbini, 1998). Namun,

Universiti Utara Malaysia

berkenaan keperluan mendapatkan penjelasan terlebih dahulu mengenai asbab melakukan *iqrār* dari pihak yang mengaku, kajian menemui perbincangan dari kalangan Hanafiah dan Malikiyah sahaja.

- Malikiyah meletakkan syarat penjelasan terlebih dahulu sebelum diperakui bahawa *iqrār* yang dilakukan adalah sahih dan nasab tersabit. Penjelasan adalah bagi memastikan pihak yang mengaku dengan ibu kepada pihak yang dibuat pengakuan telah berada di dalam *al-firāsy* terlebih dahulu (al-Hattab, 1992). Sekiranya *al-firāsy* didapati tidak wujud di antara keduanya, *iqrār* tidak diterima (al-Kharshi, 1899).
- Abdul Karim (1993) pula menyatakan bahawa Hanafiah tidak mensyaratkan penjelasan dari pihak yang mengaku.

Abdul Karim (1993) men*tarjīḥ*kan bahawa tidak disyaratkan untuk mendapatkan penjelasan dari pihak yang mengaku berkenaan asbab perbuatan *iqrār*, kerana Abdul Karim melihat bahawa tidak disertakan pengakuan sebagai anak zina sudah memadai di dalam pengakuan.

Oleh kerana itu, terdapat perbezaan terhadap penerimaan *iqrār* bapa dalam situasi tidak memenuhi syarat *al-firāsy* terlebih dahulu.

- Abdul Wahab (1938) membenarkan *iqrār* bapa terhadap anak yang lahir kurang enam bulan sebagai anak selagi tiada pengakuan sebagai anak zina.
- Wahbah Zuhaili (2010) meletakkan *iqrār* bapa perlu terlebih dahulu memenuhi syarat kaedah *al-firāsy* sebelum disabitkan nasab.

Perbincangan lanjut akan dibawa kepada subtopik '*al-iqrār* terhadap anak zina'.

Universiti Utara Malaysia

f) Anak disyaratkan masih hidup.

Berikut merupakan syarat tambahan yang dibincangkan oleh Hanafiah sahaja. Hanafiah berpandangan bahawa anak yang mati tidak memerlukan kepada penasaban, kerana penasaban membawa kepada penghormatan dan kemuliaan, lalu si mati tidak memerlukan perkara tersebut. Nam un, sekiranya si mati mempunyai anak (cucu si bapa), tindakan bapa melakukan *iqrār* menasabkan si mati kepada dirinya adalah sahih kerana penasaban memberi kemaslahatan kepada anak si mati (cucu si bapa) yang hidup (al-Sarkhasi, 1989).

Syarat bagi jenis kedua, *iqrār* penasaban ke atas orang lain, atau ke atas *furu'* nasab adalah sama seperti syarat bagi jenis pertama, beserta penambahan satu syarat lain, iaitu:

g) Bersama sokongan *iqrār* pihak lain.

Bagi *iqrār* isteri terhadap penasaban bapa-anak, Hanafiyah, Syafi'iyah dan Hanabilah sepakat meletakkan syarat bahawa *iqrār* memerlukan kepada *al-bayyinah*, atau sokongan *iqrār* suami (Ibnu Qudamah, 1968; al-Kasani, 1986; al-Mawardi, 1999), atau *iqrār* anak jika telah mencapai usia mumaiyiz atau separa mumaiyiz (Abdul Wahab, 1938). Sebaliknya Malikiyah tidak membincangkan syarat tersebut (al-Dusuqi, t.t).

Manakala di dalam perihal *iqrār* terhadap penasaban pertalian *furu'* atau kerabat umum seperti "ini abangku", ulama empat mazhab sepakat bahawa sokongan *iqrār* atau *syahādah* dari ahli waris lain diperlukan sebagai syarat pensabitan nasab (Ibnu Qudamah, 1968; Malik Anas, 1985; Ibnu 'Abidin, 1992; al-Mawardi, 1999). Namun, ulama berbeza pandangan mengenai jumlah ahli waris yang perlu terlibat dan perihal tersebut akan dibincangkan lanjut di

Universiti Utara Malaysia

dalam subtopik ‘syarat *al-syahādah* bagi *iqrār* penasaban *furu’* dan kerabat umum’.

Sekiranya tiada sokongan *iqrār* atau *syahādah* dari ahli waris lain, atau jumlahnya tidak mencukupi serta tiada bukti lain membenarkan *iqrār*, ulama empat mazhab sepakat bahawa pihak yang mengaku tetap boleh mengamalkan pengakuan dan terhukum pensabitan ke atas dirinya sahaja (Ibnu Qudamah, 1968; Malik Anas, 1985; Ibnu ‘Abidin, 1992; al-‘Imrani, 2000). Sebaliknya, pensabitan tidak terpakai ke atas pihak lain tanpa sokongan pembuktian, oleh kerana itu pihak yang mengingkari tidak bertanggungjawab terhadap pihak yang dibuat pengakuan dan hak-hak mereka tidak diganggu (Abdul Wahab, 1928; Ibnu Qudamah, 1968).

Bagi *iqrār* jenis kedua, Abdul Wahab (1938) telah membahagikan keperluan berdasarkan dua situasi berbeza, iaitu pertama, *iqrār* orang lain untuk pertalian bapa-anak, dan kedua, *iqrār* orang lain untuk pertalian *furu’* atau kerabat umum:

a) Bagi situasi *iqrār* pertalian bapa-anak terutama dari perempuan yang telah berkahwin, sekiranya kedua-dua atau salah seorang anak atau bapa kepada pihak yang dibuat pengakuan masih hidup, *iqrār* adalah dituntut. Hal demikian kerana di dalamnya, terdapat hak pihak yang terbabit dan pensabitan adalah keperluan. Jika bapa dan anak pihak yang dibuat pengakuan telah mati, tidak perlu kepada *iqrār* kecuali jika ada dakwaan, terdapat hak pihak lain yang terbabit dalam pertalian.
b) Bagi *iqrār* pertalian *furu’*, tidak ada keperluan *iqrar* sama ada dalam keadaan *furu’* pihak yang dibuat pengakuan hidup atau mati, kecuali membabitkan hak pihak lain dalam pertalian. Hal demikian kerana, penasaban dalam *furu’* tidak membawa keperluan kepada pihak yang dibuat pengakuan.

Universiti Utara Malaysia



Rajah 2.4. Pensabitan *al-iqrār*

iii. Kaedah pensabitan nasab oleh kaedah *al-iqrār*:

Sekiranya *iqrār* bapa atau anak memenuhi semua syarat, penasaban anak dari jalur pihak yang menasabkan adalah sahih dan penasaban tidak boleh dirujuk untuk pembatalan semula (Ibnu Qudamah, 1968; al-Sarkhasi, 1989; al-Syirazi, 1992; al-Jazami, 2003). Ulama empat mazhab sepakat mensabitkan *al-iqrār* yang memenuhi syarat walaupun dalam keadaan pihak yang mengaku sedang tenat (Ibnu Qudamah, 1968; al-Kasani, 1986; al-Qayrawani, 1999; al-Bantani, 2002).

Contoh permasalahan yang mengambil kaedah *al-iqrār* adalah, *al-laqīṭ*. *Al-laqīṭ* adalah *majhūl al-naṣab,* lalu sekiranya terdapat pihak yang mengaku *al-laqīṭ* adalah anak pihak yang mengaku, sama ada dari pihak yang menemui atau orang lain, nasab *al-*

laqīṭ adalah tersabit. Ulama berbeza pandangan mengenai keperluan membawa *al-bayyinah* di dalam *iqrār al-laqīṭ.*

a) Jumhur

Hanafiah, Syafi'iyah dan Hanabilah berpendapatan bahawa *iqrār* pihak yang mengaku tidak memerlukan kepada *al-bayyinah* (al-Buhuti, 1983; al-Kasani, 1986; al-Syirbini, 1998). Hal demikian kerana, penasaban memberi manfaat kepada kedua-dua pihak dan tidak mendatangkan kemudaratan kepada pihak lain (Ibnu Qudamah, 1968; al-Buhuti, 1983).

Namun, Hanafiah menggalakkan wujudnya *tarjīḥ* (kepastian) dari pihak lain bahawa *al-laqīṭ* adalah anak kepada pihak yang mengaku dalam usaha memastikan kebaikan kepada pihak *al-laqīṭ* dan kepada pihak yang mengaku serta mengelakkan kemudaratan kepada semua pihak (al-Kasani, 1986). Syafi'iyah pula menyarankan kadi untuk menyelidik terlebih dahulu pihak yang mengaku berkenaan *al-laqīṭ* merupakan anak dari isteri atau hamba atau dari persetubuhan syubhah bagi memastikan kesahihan nasab (al-Syirbini, 1998).

b) Malikiyah

Malikiyah pula berbeza pendapat kerana mewajibkan pihak yang mengaku membawa *al-bayyinah* terlebih dahulu untuk disabitkan nasab *al-laqīṭ* ke atas dirinya (Al-Sawi, 1952).

Perbezaan *al-iqrār* dengan *al-bayyinah* dalam penasaban adalah *al-iqrār* bukan pembuktian kukuh yang terhasil untuk menasabkan, sebaliknya hanya salah satu kaedah penetapan. Oleh kerana itu, anak yang dinasabkan dengan *al-bayyinah* adalah lebih kuat dan mempunyai hak walaupun pada asalnya anak telah mempunyai bapa.

Universiti Utara Malaysia

Sebaliknya penasaban *al-iqrār* hanya boleh tersabit jika anak tidak diketahui bapanya (Wahbah Zuhaili, 2010).

iv. *Al-Iqrār* terhadap anak zina

Dalam hal penasaban anak zina, ulama empat mazhab sepakat bahawa hukum asal anak zina adalah tidak disabitkan nasab kepada bapa penzina, sebaliknya penasaban hanya tersabit ke atas ibu sahaja (al-Kharshi, 1899; Ibnu Qudamah, 1968; al-Sarkhasi, 1989; al-Mawardi, 1999; Ibnu Hazm, 2002), berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

> "anak itu untuk *al-firāsy* manakala lelaki yang berzina di tegah (dari penasaban)" (Hadis riwayat al-Bukhari no. 6749).

Anak akan tersabit kepada ibu di dalam mana-mana situasi oleh *al-bayyinah* melibatkan *syahādah* kelahiran dari saksi perempuan (Ibnu Qudamah, 1968; al-Syafi'i, 1983; al-Sarkhasi, 1989; al-Baghdadi, 1999). Penjelasan lanjut berkenaan perbincangan *syahādah al-wilādah* di dalam kalangan ulama akan dibawa ke subtopik syarat *al-syahādah* bagi *iqrār* penasaban bapa-anak oleh isteri yang diingkari suami tanpa *li'ān*.

Namun demikian, perbezaan pendapat di dalam kalangan ulama terhadap penasaban anak zina berlaku apabila wujudnya *al-iqrār* dari bapa penzina. Terdapat dua bentuk pandangan, iaitu: (a) menolak pensabitan nasab walaupun wujud *iqrār* dari lelaki penzina; dan (b) menerima pesabitan nasab dengan lafaz *iqrār* dari lelaki penzina.

a) Menolak pensabitan nasab walaupun wujud *iqrār* dari lelaki penzina

Pendapat pertama, adalah pendapat majoriti dari ulama empat mazhab dan Mazhab *al-Zhāhirī* (al-Kharshi, 1899; Ibnu Qudamah, 1968; al-Syafi'i, 1983; al-Sarkhasi, 1989; Ibnu Hazm, 2002). Ulama klasik menolak penasaban anak zina walaupun berlaku *iqrār* oleh bapa iaitu lelaki penzina kerana penasaban hanya boleh tersabit dalam *al-firāsy*

sama ada sahih, fasid atau persetubuhan syubhah (Ibnu Qudamah, 1968; al-Syafi'i, 1983). Begitu juga merupakan pendapat ulama kontemporari seperti Ibrahim Muhammad, Abdul Razaq Afifi, Abdullah Ghadyan, & Abdullah Mani' (2003) dan Ibnu Baz (t.t b). Hal demikian adalah bersandarkan kepada tiga dalil dari hadis.

Pertama, hadis yang bermaksud:

> *"anak itu untuk al-firāsy manakala lelaki yang berzina ditegah (dari penasaban)" (Hadis riwayat al-Bukhari no. 6749).*

Hadis tersebut merupakan asas utama kaedah pensabitan nasab di dalam Islam sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam subtopik '*al-firāsy'*.

Kedua, hadis yang bermaksud:

> *Dari Shua'ib dari datuknya Abdullah Bin Amru: Rasulullah SAW bersabda: "Mana-mana pihak yang mensabitkan (dirinya) kepada bapa oleh dakwaannya selepas bapa yang disabitkan itu mati, dan (telah) diperakui (sabitan tersebut oleh waris yang lain) selepas kematian (si bapa), dia mewarisi dari kematian bapanya, dan dia (kekal) terhukum sebagaimana demikian. (Sekiranya) anak tersebut dilahirkan oleh hamba perempuan yang dimiliki bapa semasa bapa mendatanginya, anak (tetap) tersabit kepada pihak yang layak untuk dia disabitkan (si bapa). Namun, dia tidak mendapat pembahagian di dalam mirath yang telah diagihkan sebelum (pensabitan) itu. Dan dia mendapat bahagian pada mirath yang belum diagihkan (sahaja). Dan anak tidak tersabit ke atas bapa sekiranya bapa mengingkarinya. (Juga) sekiranya anak dilahirkan dari hamba perempuan yang tidak dimiliki oleh mana-mana tuan, atau dari perempuan merdeka yang berzina, maka anak itu tidak tersabit nasab dan tidak mewarisi sekalipun bapa yang didakwa (olehnya) memperakuinya" (Hadis riwayat Ibnu Majah no. 2746 dan Abu Daud, no. 2265. Terhukum hasan oleh al-Albani)*

Menurut al-Baidawi (2012), hadis tersebut merupakan pensyariatan awal perihal pensabitan nasab di dalam Islam. Dijelaskan di dalam hadis bahawa anak tersabit oleh dakwaan sekalipun dakwaan berlaku selepas kematian bapa, namun pensabitan hanya melibatkan anak kelahiran *al-firāsy* sama ada dari hamba perempuan atau perempuan merdeka.

Ketiga, hadis yang bermaksud:

> *"Tidak ada penzinaan dalam Islam. Bagi mereka yang berzina semasa jahiliyah, tetap diteruskan hubungan dengan anak sedia ada. Barangsiapa yang mengakui anak bukan dari risydah -panggilan untuk anak al-firāsy, maka tidaklah dia mewariskan dan tidak pula anak itu mewarisi" (Hadis riwayat Abu Daud no. 2264 dan Ahmad no. 3416, terhukum ḍa'īf oleh al-Albani)*

Al-Khattabi (1932) menceritakan bahawa hadis tersebut diucapkan oleh Rasulullah SAW pada keadaan di zaman sedang berlakunya paksaan zina oleh pemilik hamba perempuan. Hamba perempuan diarah untuk melacurkan diri dan bayarannya diambil oleh pemilik dengan tukaran ganti jaminan perlindungan dan keselamatan dari pemilik. Lalu, Allah SWT menurunkan larangan paksaan tersebut di dalam Surah al-Nur ayat 33:

> *"Dan janganlah kamu memaksa hamba perempuanmu untuk melakukan pelacuran, sedang mereka sendiri menginginkan kesucian, (semata-mata) kerana kamu hendak mencari keuntungan kehidupan duniawi. Barangsiapa memaksa mereka, maka sungguh, Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang (kepada mereka) setelah mereka dipaksa"*

Universiti Utara Malaysia

Selepas pensyariatan larangan anak yang bukan dari *risydah* dilaksanakan, apabila berlakunya *iqrār* pelaku zina terhadap kelahiran anak oleh hampa perempuan *al-firāsy*, Rasulullah SAW akan menolak *iqrār* tersebut dan mensabitkan nasab kepada *ṣāḥib al-firāsy* (al-Khattabi, 1932). Selain itu, Ibnu Ruslan (2016) berpendapat bahawa tindakan "mengakui anak bukan dari *risydah*" di dalam hadis adalah membawa maksud berlakunya *iqrār* bahawa anak adalah anak zina. Lalu, pengakuan tersebut merupakan faktor terbatalnya hak pewarisan antara anak dengan bapa.

Dalam masa yang sama, kajian mendapati terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama yang menolak *iqrār* dari lelaki penzina terhadap maksud hadis '*al-walad lil firāsy*, *wa lil 'āhir ḥajar',* iaitu sama ada pensabitan hukum nasab *ṣāḥib al-*

firāsy dan pencegahan ke atas lelaki penzina, adalah disebabkan oleh wujudnya *al-firāsy* atau oleh kemuliaan *al-firāsy*.

- Sabitan oleh wujudnya *al-firāsy*

  Al-Kasani (1986) melihat bahawa hadis tersebut membawa dua maksud. Pertama, *'al-walad lil firāsy'* adalah perintah bahawa nasab hanya tersabit oleh *al-firāsy* semata-mata, lalu anak yang dilahirkan di luar dari *al-firāsy* tidak boleh tersabit kepada pihak yang mengaku. Kedua, *'wa lil 'āhir ḥajar'* adalah perintah mencegah pensabitan nasab ke atas lelaki penzina adalah kerana ketiadaan *al-firāsy* yang boleh mensabitkan nasab.

  Al-Jassas (1994) menggambarkan bahawa *al-walad* di dalam hadis adalah objek yang diikat oleh *al-firāsy,* lalu membawa maksud seseorang tidak akan diiktiraf sama sekali sebagai anak melainkan sekiranya dia adalah anak dari *al-firāsy*.

- Sabitan oleh kemuliaan *al-firāsy*

  Sebahagian ulama pula berpandangan bahawa maksud hadis adalah mengangkat kemuliaan *al-firāsy* yang mensabitkan nasab, sebaliknya kehinaan perbuatan zina adalah faktor penghalang (Ibnu Baz, t.t b).

  Al-Baihaqi (2018) menjelaskan bahawa penghalangan pensabitan ke atas bapa penzina adalah kerana *ghair al-muḥtarām* (tiada kemuliaan) disebabkan oleh kehamilan dari jalan kemaksiatan, bukan dari jalan ketaatan.

  Al-Sawi (1952) pula mensifatkan *ghair al-muḥtarām* bagi air mani lelaki penzina adalah kerana perbuatan zina merupakan jenayah yang disabitkan hudud. Lalu, nasab yang *syarif* dan *takrīm* (mulia) tidak boleh tersabit bagi keadaan tersebut.

Universiti Utara Malaysia

Oleh faktor kehinaan tersebut, al-Syafi'i (1983) berpendirian bahawa sekiranya bapa penzina menikahi anak perempuannya yang dilahirkan oleh perbuatan zina, pernikahan tersebut tidak perlu difasakhkan kerana hubungan antara keduanya langsung tidak pernah diiktiraf. Walaupun terdapat pandangan di dalam Mazhab Syafii yang mengharamkan sekiranya diyakini anak zina adalah dari air mani lelaki penzina, tetapi pendapat yang diterima dalam mazhab adalah halal pernikahan antara kedua-duanya (al-Nawawi, 1991). Hal demikian adalah berdasarkan tiga dalil, iaitu:

Pertama, hadis yang bermaksud:

> *"Tidak diharamkan oleh perkara yang haram ke atas sesuatu yang halal" (Hadis riwayat Ibnu Majah no. 2015. Terhukum ḍā'if)*

Kedua, Syafi'iyah berpendapat berkenaan perintah Rasulullah SAW ke atas Saudah RA untuk kekal berhijab[27] dengan anak yang disabitkan nasab kepada saudara lelakinya, Zam'ah adalah menunjukkan bahawa hubungan antara kedua-duanya tidak pernah tersabit (al-Syirazi, 1983).

Universiti Utara Malaysia

Ketiga, firman Allah SWT yang bermaksud:

> *"Dan Dia (lah) yang menciptakan manusia dari air lalu Dia menjadikan manusia itu (mempunyai) keturunan dan ṣihra, dan adalah Tuhanmu Maha Berkuasa" (al-Furqan 25 : 54)*

Menurut al-Mawardi (1999), *'ṣihra*' di dalam ayat tersebut ditafsirkan sebagai pernikahan. Lalu pengiktirafan dari Allah terhadap keturuan manusia hanya sekiranya percampuran air mani berlaku di dalam pernikahan.

[27] Perintah Rasulullah SAW di dalam hadis, "*al-walad lil fīrāsy"* yang bermaksud: *"berhijablah kamu terhadapnya" (Hadis Riwayat al-Bukhari no.6749 dan Muslim no. 1457).*

Disebabkan perbezaan di dalam memberi tafsiran kepada maksud hadis *al-walad lil firāsy*, Hanafiah berpendirian bahawa penasaban tidak tersabit oleh *iqrār* bapa melainkan apabila wujudnya *al-firāsy* antara bapa iaitu lelaki penzina dengan ibu semasa kelahiran anak berlaku, dan *iqrār* tidak disertakan pengakuan anak zina. Pernikahan yang wujud membolehkan anak yang dilahirkan kurang enam bulan dari tarikh pernikahan dan dihamilkan sebelum pernikahan dinasabkan kepada suami si ibu (al-Sarkhasi, 1989; Nizam, 2000).

Al-Iqrār dalam hal tersebut tidak membawa maksud lafaz secara *ṣarīḥ* semata-mata, sebaliknya *al-firāsy* yang berlaku antara lelaki penzina dengan perempuan penzina yang hamil juga merupakan maksud *iqrār*. Lalu, perbuatan zina yang dirahsiakan membolehkan penasaban terhadap anak tersabit (Nizam, 2000; Ali Jum'ah, 2014). Hanafiah mengambil kira keberangkalian untuk disabitkan nasab, bagi menjaga kemaslahatan hidup dan sangkaan baik masyarakat terhadap anak dan isteri yang mengandung (Abdul Wahab, 1938).

Universiti Utara Malaysia

Abdul Karim Zaidan (1993) me*tarjīḥ*kan pandangan tersebut, iaitu hukum asal anak zina yang dilahirkan kurang enam bulan tidak dinasabkan suami si ibu iaitu bapa penzina yang menikahi perempuan penzina (ibu), kecuali berlaku *iqrār* oleh bapa dan *iqrār* tidak disertakan perihal zina.

b) Menerima pensabitan nasab dengan lafaz *iqrār* dari lelaki penzina.

Pendapat kedua, iaitu membenarkan penasaban anak zina oleh kaedah *al-iqrār* sahaja merupakan pendapat Ibnu Taimiyah (1987), Muhammad Rasyid Ridha (1990), Yusuf al-Qardhawi (2006), Muhammad Soleh al-'Uthaimin (2007), dan Ibnu Qayyim al-Jauziyah (2010). Hal demikian adalah bersandarkan kepada sembilan jenis dalil merangkumi hujah akal, *qiyās*, penggunaan hadis yang sama oleh pandangan yang

menolak, namun menurut kaedah pendalilan yang berbeza serta hadis lain yang menyokong.

Pertama, anak adalah dari air mani pihak yang mengaku.

Secara biologinya, anak zina mempunyai hubungan darah dengan bapa penzina dan bapa penzina adalah pihak paling berhak untuk mengakuinya sebagai anak (Muhammad Soleh, 2006). Menurut Ibnu Qayyim (2010), proses penyusuan anak yang tidak mempunyai hubungan darah boleh menjadi mahram kepada suami si ibu melalui proses penyusuan yang memenuhi syarat, lebih-lebih lagi air mani bapa yang mencampuri pembenihan anak adalah lebih perlu menjadi faktor pensabitan nasab antara anak dengan bapa. Ibnu Qayyim (2010) turut membawa *qiyās* mengenai anak zina yang dinasabkan kepada ibu, dan tersabit mahram ke atas suami si ibu iaitu bapa penzina oleh penyusuan.

Sekiranya dibimbangi berlakunya percampuran nasab kerana faktor *jahālah* ke atas penentuan air mani bapa di zaman klasik, perkembangan teknologi sains terbukti dapat mengelakkan situasi tersebut (Doucoure & Muneer, 2017).

Kedua, berkenaan hadis yang bermaksud:

> *"anak itu untuk al-firāsy manakala lelaki yang berzina ditegah (dari penasaban)" (Hadis riwayat al-Bukhari no. 6749).*

Ibnu Taimiyah (1987), Muhammad Soleh (2007), dan Ibnu Qayyim (2010) berpendapat bahawa konteks hadis "*al-walad lil firāsy*" adalah pada situasi pertembungan antara pengakuan pelaku zina dengan *ṣāḥib al-firāsy* iaitu suami si ibu. Sebaliknya jika ibu kepada anak hasil penzinaan tidak terikat dengan *al-firāsy*, *iqrār* lelaki penzina sebagai bapa adalah diterima[28].

[28] Dalil ini ditolak oleh pihak yang tidak mengharuskan penasaban anak kurang daripada enam bulan kerana ia bertentangan dengan *mantuq* (apa yang disebut) dalam hadis. (Rujuk: Al-Daqilani, 2004)

Muhamamd Soleh (2006) menjelaskan bahawa asas kepada pensabitan hukum syarak adalah didasari oleh dua perkara, iaitu pertama *Syari'ī* (dalil syarak), dan kedua *Kaunī* (dalil fakta). *Syari'ī* mesti didahului sekiranya wujud dalil syarak di dalam permasalahan kerana *kaunī* tidak boleh bercanggahan dengan *syari'ī.* Namun, sekiranya tiada *syari'ī*, permasalahan boleh dihukum menurut *kaunī.* Muhammad Soleh berpendirian, bagi situasi perempuan di dalam *al-firāsy*, '*al-walad lil firāsy'* adalah *syari'ī*, yang jelas. Sebaliknya, bagi situasi perempuan tanpa *al-firāsy*, anak boleh tersabit oleh *iqrār* bapa penzina. Hal demikian kerana, *kaunī* mendahului oleh ketiadaan dalil syarak secara terang dan jelas melarang pensabitan nasab oleh *iqrār* bapa penzina sekiranya tidak berlaku pertembungan dengan *ṣāḥib al-firāsy.*

Ketiga, berkenaan hadis yang bermaksud:

> *Dari Shua'ib dari datuknya Abdullah Bin Amru: Rasulullah SAW bersabda: "(Juga) sekiranya anak dilahirkan dari hamba perempuan yang tidak dimiliki oleh mana-mana tuan, atau dari perempuan merdeka yang berzina, maka anak itu tidak tersabit nasab dan tidak mewarisi sekalipun bapa yang didakwa (olehnya) memperakuinya" (Hadis riwayat Ibnu Majah no. 2746 dan Abu Daud, no. 2265. Terhukum hasan oleh al-Albani)*

Menurut al-Baihaqi (2003), hadis tersebut didapati mempunyai permasalahan dari segi perawi yang lemah di dalam sanad sehingga status hadis tidak mencapai kedudukan hujah.

Keempat, berkenaan hadis yang bermaksud:

> *"Tidak ada penzinaan dalam Islam. Bagi mereka yang berzina semasa jahiliyah, tetap diteruskan hubungan dengan anak sedia ada. Barangsiapa yang mengakui anak bukan dari risydah -panggilan untuk anak al-firāsy, maka tidaklah dia mewariskan dan tidak pula anak itu mewarisi" (Hadis riwayat Abu Daud no. 2264 dan Ahmad no. 3416, terhukum ḍa'īf)*

Ibnu Qayyim (2010) berpendapat bahawa hadis tersebut juga boleh ditolak sebagai hujah kerana statusnya yang lemah, kerana menurut Abu Daud (t.t), di dalam sanad hadis terdapat seorang lelaki *majḥūl* sebagai perawi.

Kelima, terdapat beberapa ulama klasik lain yang menerima *al-iqrār* sebagai penasaban anak zina seperti Ishak bin Rahuyah, Urwah bin Zubair dan Sulaiman bin Yasar (Ibnu Qudamah, 1986; Ibnu Qayyim, 2010).

Terdapat *athār* Sulaiman Bin Yasar yang bermaksud:

> *"Bilamana seorang lelaki mendatangi kanak-kanak lelaki, mengakui bahawa anak itu adalah anaknya dan bahawa dia (lelaki itu) telah berzina dengan ibu kanak-kanak tersebut, dan (kemudian) tiada orang lain yang membuat pengakuan akan kanak-kanak itu, maka dia (anak itu ternasab dan) mewarisinya (lelaki itu)" (Riwayat dari al-Darimi, no. 3148)*

Sulaiman berhujah, bahawa Saidina Umar al-Khattab telah mengekalkan nasab antara anak zina dengan bapa iaitu lelaki penzina yang melakukan *iqrār* semasa jahiliyah, walaupun selepas mereka memeluk Islam (Malik Anas, 1985).

Universiti Utara Malaysia

Mawardi (1999) yang menolak *iqrār* bapa penzina, mendakwa bahawa pensabitan oleh Umar RA adalah bagi nasab yang tersabit oleh *iqrār* di zaman jahiliyah. Namun dakwaan tersebut ditolak kerana menurut al-Baji (1913), peristiwa Umar RA mensabitkan anak kepada pihak yang mengaku adalah pada keadaan Islam telah disyariatkan. *Iqrār* oleh bapa terhadap anak berlaku selepas dari zaman jahiliyah.

Keenam, hadis mengenai kisah ahli ibadah bernama Juraij yang dituduh berzina oleh perempuan hamil luar nikah, yang bermaksud:

> *"Juraij mendatangi bayi yang baru dilahirkan itu dan bertanya, "Wahai bayi, siapakah bapamu?" Jawab bayi itu, "Si pengembala" (Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 3436).*

Berdasarkan hadis, didapati anak *majḥūl* nasab atau anak zina boleh tersabit nasab berdasarkan *al-iqrār* sama ada oleh bapa kepada anak atau oleh anak kepada bapa

(Ibnu Qayyim, 2010). Al-Qurtubi (1964) berpendirian bahawa hadis tersebut merupakan pendalilan mengenai pensabitan nasab anak zina. Hal demikian kerana, kejadian di luar adat telah berlaku apabila Allah SWT mengizinkan bayi berkata-kata, serta diceritakan kembali oleh Rasulullah SAW kepada para sahabat RA. Lalu, dalil tersebut mensabitkan *bunuwwah* serta segala hukum yang berkaitan dengannya[29].

Ketujuh, *qiyās* pensabitan nasab kepada ibu

Menurut Ibnu Qayyim (2010), anak zina tersabit nasab ke atas ibu dan terhukum segala hak *bunuwwah* antara mereka walaupun anak adalah dari perbuatan zina. Lalu, penasaban seharusnya turut disabitkan ke atas bapa kerana anak merupakan hasil air mani dari bapa penzina. Ibnu Qayyim berpendapat, sewajarnya tidak wujud halangan sekiranya tiada pertembungan dengan pengakuan *ṣāḥib al-firāsy* sebagaimana menurut hadis *'al-walad lil firāsy'*.

Di dalam perihal tersebut, kajian bersetuju dengan *qiyās,* kerana mendapati hujah dari pihak yang menolak *iqrar* bapa penzina berkenaan penghalangan nasab oleh faktor tiada kemuliaan dari perbuatan zina adalah tidak kukuh. Menurut al-Sawi (1952), al-Syafi'i (1983), al-Baihaqi (2018) dan Ibnu Baz (t.t b), penghalangan pensabitan ke atas bapa penzina adalah disebabkan perbuatan zina yang kotor dan keji. Kenyataan tersebut menimbulkan persoalan, bagaimana anak boleh tersabit ke atas ibu penzina, sedangkan ibu turut terlibat dengan perbuatan kotor dan keji tersebut? Anak tetap boleh tersabit ke atas ibu dan sabitan tidak membawa bersama dosa dari perbuatan zina ibu (Ibnu Baz, t.t) oleh dalil al-Quran yang bermaksud:

[29] Dalil ini ditolak oleh pihak yang tidak mengharuskan penasaban anak kurang daripada enam bulan oleh dua aspek seperti berikut: (i) Tujuan Juraij bertanya kepada anak tersebut: "Siapa ayah kamu?"…adalah untuk mengetahui siapa ayah yang menjadi sebab kelahiran anak tersebut dan bukan untuk mensabitkan bapa syar'ii yang boleh dinasabkan anak kepadanya dan bukan juga untuk mengharuskan perwarisan di antara bapa dan anak. Perkatan 'bapa' di sini disebut secara majaz dan bukannya bapa syar'ii; (ii) Penasaban anak kurang daripada enam bulan diharuskan dalam syariat umat yang terdahulu dan bukannya umat Nabi Muhammad SAW (Lihat al-Nawawi, 1972).

> *"Dan tidaklah seseorang membuat dosa melainkan kemudaratannya kembali kepada dirinya sendiri; dan seseorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain" (Surah al-An'am 6: 164)*

Lalu, sekiranya disepakati bahawa ibu penzina tersabit oleh jaminan anak adalah dari satu pihak perempuan sahaja dengan hanya berasaskan *syahādah al-wilādah* (Ibnu Qudamah, 1968; al-Syafi'i, 1983; al-Sarkhasi, 1989; al-Baghdadi, 1999), bagaimana pula situasi apabila wujud jaminan anak adalah dari satu pihak lelaki sahaja oleh *iqrār* bapa penzina semata-mata atau *iqrār* beserta wujudnya *al-firāsy* atau *al-bayyinah* atau *al-qiyāfah*?[30]

Kajian berpandangan bahawa persoalan-persoalan tersebut merupakan kesimpulan kepada dalil dan pendalilan yang dibawa oleh pihak yang bersetuju mensabitkan nasab anak zina oleh *iqrār* bapa, kerana secara asasnya tiada dalil syarak yang jelas membawa hukum pengharaman atau pelaksanaan berkenaan penasaban anak zina di dalam situasi ibu bukan dari *al-firāsy*.

Kelapan, *maqāṣid* di dalam larangan penasaban anak zina.

Sebagaimana persoalan ditimbulkan di dalam *qiyās* penasaban anak zina terhadap ibu penzina, kajian mendapati *maqāṣid* larangan penasaban anak zina terhadap bapa adalah masih boleh dibahaskan apabila wujud percanggahan terhadap konsep larangan.

[30] Sebaliknya, pihak yang tidak mengharuskan penasaban anak kurang daripada enam bulan berpandangan bahawa qias tersebut adalah batil. Hal ini kerana, kaedah penasaban seorang anak kepada ibunya adalah berbeza dengan kaedah penasabannya kepada bapanya. Seseorang anak dinisbahkan kepada ibunya secara *tabi'i* dan semulajadi. Hal demikian kerana secara hakikatnya, ibulah yang melahirkan anak dan merasai kelahiran tersebut. Justeru, anak dinasabkan kepada ibu, sama ada ibu berada dalam *al-firāsy* atau tidak. Begitu juga sama ada anak itu adalah hasil daripada pernikahan yang halal atau pun zina. Hal ini disepakati oleh semua ulama dan tiada khilaf di antara mereka. Berbeza dengan ibu, anak tidak dinasabkan kepada bapa kecuali jika diikitiraf oleh syarak. Syarak tidak mengiktiraf zina. Oleh itu, pihak yang tidak mengharuskan berpendapat, anak tidak boleh dinasabkan kepada bapa penzina (Rujuk: Ibn Qudamah, 1968; Abu Lail, 2018).

- Larangan sebagai hukuman kepada bapa.

  Menurut al-Sarkhasi (1989) pengharaman nasab ke atas pelaku zina adalah sebagai hukuman ke atasnya yang telah melakukan kemaksiatan. Pengharaman merupakan pencegahan dari dia melakukan perbuatan zina yang lain. Abdul Karim (1993) juga sependapat dalam perihal tersebut, iaitu pengharaman merupakan hukuman ke atas lelaki penzina, yang menghalangnya dari memperolehi hak sebagai seorang bapa, iaitu manfaat dan kebaikan dari anak. Namun, realiti yang berlaku hari ini adalah, penghalangan nasab membuatkan lelaki penzina bersikap lepas tangan dan tidak memperdulikan kebajikan anak zina. Permasalahan oleh sikap berlepas tangan lelaki penzina ini akan dibincangkan lanjut di dalam bab empat.

  Justeru, kajian bersetuju dengan pandangan Doucoure dan Muneer (2017), bahawa pensabitan nasab anak zina bukan bermaksud menghalalkan zina, kerana dalil hudud ke atas jenayah zina tidak pernah diingkari. Sebaliknya penasaban anak zina adalah memenuhi *ḥifzhu al-nasl*.

- Ancaman terhadap percampuran nasab.

  Larangan penasaban juga adalah disebabkan oleh keberangkalian penasaban berlaku ke atas bukan bapa sebenar apabila perempuan penzina berkemungkinan turut melakukan zina bersama lelaki lain (al-Sarkhasi, 1989). Terdapat ancaman dari Rasulullah SAW kepada perempuan yang berzina dengan lelaki ajnabi, kemudian menasabkan anak kepada lelaki lain atau kepada suami si ibu yang bukan bapa. Ancaman berikut adalah berdasarkan hadis yang bermaksud:

Universiti Utara Malaysia

> *"mana-mana perempuan yang memasukkan (menasabkan anaknya) ke dalam sesuatu kaum yang bukan dari kaumnya, dia tidak mendapat apa-apa (kebaikan) dari Allah SWT dan Allah SWT tidak akan memasukkannya ke dalam syurga. Mana-mana lelaki yang tidak mengakui (bahawa anak) itu adalah anaknya, sedangkan dia melihat (mengetahui kebenaran), Allah (tidak akan memandang dengan) menghijab dirinya (di hari kiamat), dan Allah SWT akan memalukan dia di hadapan seluruh makhluk sejak mula mereka diciptakan sehinggalah yang terakhir" (Hadis riwayat Abu Daud no. 2263; al-Nasaii no. 5645; Ibnu Hibban no 4104; al-Baihaqi no. 15333)*

Menurut Ibnu Ruslan (2016), ancaman tersabit ke atas ke atas perempuan bagi mengelakkan percampuran nasab, dalam masa yang sama juga merupakan ancaman ke atas lelaki atau suami si ibu yang mengetahui bahawa status anak adalah anak kepadanya, namun tetap mengingkari nasab (Ibnu Ruslan, 2016).

Oleh hal demikian, kajian berpendapat bahawa ancaman melibatkan kedua-dua pihak, iaitu pertama, perempuan yang berzina dengan lelaki penzina lalu menasabkan kepada lelaki yang lain, dan kedua, ke atas lelaki penzina yang menghamilkan perempuan, tetapi tidak mahu bertanggungjawab, sehingga anak mengalami kepayahan dan kemudaratan kerana hidup tanpa nasab.

Kesembilan, penasaban membawa kepada *maṣlaḥah*[31].

Menurut Muhammad Soleh (2007), syarak sentiasa berusaha mensabitkan nasab agar anak memperolehi kebaikan dari penasaban yang jelas. Lalu, mengaitkan anak zina kepada bapanya dengan penasaban adalah berdasarkan kesedaran terhadap kepentingan tersebut, lebih-lebih lagi ketiadaan nasab akan membuka ruang anak kepada kepelbagaian permasalahan dan pelanggaran hak sedangkan dia tidak bersalah

[31] Namun begitu, pihak yang tidak mengharuskan penasaban anak kurang daripada enam bulan menyatakan bahawa *maṣlaḥah* yang disebutkan itu terbatal kerana ia bertentangan dengan hadis: *al-walad lil firāsy*. Melalui hadis ini, dapat difahami bahawa syarak hanya mengiktiraf nasab anak yang terhasil daripada *al-firāsy* syar'ii. Sebaliknya, syarak tidak mengiktiraf zina untuk mengharuskan penasaban. Dalam kes ini, fatwa penasaban anak kurang daripada enam bulan tidak dianggap sebagai memberi *maṣlaḥah* kepada anak zina (Rujuk Abu Lail, 2018; al-Daqilani, 2004).

dalam hal tersebut (Abdullah Muhammad al-Tayyar, Abdullah Muhamamd al-Mutlaq, & Muhammad Ibrahim, 2011). Allah SWT berfirman dengan maksud:

> *"Dan tidaklah seseorang membuat dosa melainkan kemudaratannya kembali kepada dirinya sendiri; dan seseorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain" (Surah al-An'am 6: 164)*

Muhammad Ahmad Soleh (t.t) juga bersetuju bahawa pensabitan nasab anak zina adalah melihat kepada kemaslahatan yang dibawa dalam memelihara kebajikan dan keselamatan anak dari jenayah, juga perlakuan buruk masyarakat. Disebabkan hal tersebut, Muhammad Rasyid Ridha (1990) mewajibkan bapa iaitu lelaki penzina untuk melakukan *iqrār* terhadap anak zina yang diyakini sebagai anak sebenar agar penasaban tersabit, sekaligus menjaga hak dan kesejahteraan hidup anak.

Berkenaan syarat pensabitan nasab oleh *iqrār* bapa penzina, terdapat dua pandangan yang membincangkan syarat tersebut:

- Wujudnya *iqrār* dari jenis pertama

  Yusuf al-Qardhawi (2006) mensyaratkan berlakunya *al-iqrār* jenis pertama oleh bapa iaitu lelaki yang berzina dengan ibu untuk mensabitkan nasab anak kepada bapa. Sekiranya tidak berlaku *iqrār* oleh bapa, dan kelahiran bukan di dalam *al-firāsy* sama ada sahih, fasid atau syubhah, anak tidak boleh dinasabkan walaupun berlaku dakwaan oleh ibu, kerana dakwaan tersebut merupakan *al-iqrār* jenis kedua.

- Pensabitan hudud berlaku terlebih dahulu

  Hasan al-Basri, Ibnu Sirrin, dan Ibrahim pula mensyaratkan berlakunya hudud ke atas bapa iaitu lelaki penzina sebelum disabitkan nasab (Ibnu Qudamah, 1986; Ibnu Qayyim, 2010).

Universiti Utara Malaysia

*** Keseluruhan perbincangan tersebut melibatkan perihal anak zina di dalam situasi (a) anak yang dilahirkan tanpa berlaku *al-firāsy* antara ibu dan lelaki penzina; dan (b) anak yang dilahirkan kurang enam bulan dari tarikh pernikahan atau *imkān al-dukhūl* ibu dan bapa penzina. Manakala, dakwaan anak yang dihamilkan oleh perbuatan zina namun kelahiran berlaku di dalam tempoh melebihi enam bulan dari tarikh pernikahan atau *imkān al-dukhūl* ibu dan suami si ibu, tidak berlaku permasalahan kerana anak dinasabkan mengikut kaedah asal *al-firāsy* sekiranya tiada pengingkaran dengan perbuatan *li'ān* dari suami si ibu. Berikut adalah pendapat ulama empat mazhab (Ibnu Qudamah, 1968; al-Sarkhasi, 1989; al-Syirbini, 1998; al-Dusuqi, t.t).

Sebaliknya, isu berkenaan sekiranya wujud *iqrār* bahawa anak kelahiran melebihi enam bulan adalah dari perbuatan zina antara suami si ibu atau ibu sebelum berlakunya *al-firāsy*, setakat dari semakan dan penelitian, kajian mendapati bahawa tiada perbahasan mengenainya di dalam perbincangan ulama. Hal demikian berkemungkinan kerana, ulama empat mazhab telah sepakat sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam subtopik '*al-firāsy',* bahawa asas kepada tidak tersabitnya nasab anak yang memenuhi syarat adalah apabila wujudnya pengingkaran dari tindakan *li'ān* suami si ibu. Pensyariatan *li'ān* adalah bagi mengelakkan berlakunya pelanggaran kepada maksud asal *al-firāsy*, iaitu anak bukan dari satu pihak lelaki sahaja. Justeru, tanpa perbuatan *li'ān*, nasab anak kelahiran melebihi enam bulan kekal tersabit kerana *iqrār* anak adalah dari perbuatan zina antara suami si ibu dan ibu sebelum *al-firāsy* tidak menjadi faktor penghalang nasab.

Kajian berpendirian, di dalam permasalahan *al-iqrār* terhadap anak zina, *iqrār* dari bapa adalah hujah dalam ketetapan nasab sebagaimana *al- firāsy* dalam memastikan jaminan anak adalah dari satu pihak lelaki sahaja (al-Zaila'i, 1895). Lebih-lebih lagi dalil yang menjadi asas kaedah penasaban tidak menyatakan secara jelas larangan

Universiti Utara Malaysia

pensabitan nasab anak zina di dalam situasi tidak berlakunya pertembungan antara *ṣāḥib al-firāsy* dengan pelaku zina[32]. Oleh hal demikian, kajian cenderung terhadap pendapat Hanafiah yang tidak menerima penasaban anak zina melainkan pengecualian pada situasi kelahiran anak zina berlaku di dalam *al-firāsy.* Pandangan tersebut lebih selamat berdasarkan kepada keberangkalian untuk berlaku pensabitan nasab antara bapa-anak dan pensabitan memenuhi kaedah utama penasaban anak di dalam Islam[33].

2.2.3 *Al-Bayyinah* (bukti)

Al-Bayyinah di dalam pendakwaan adalah bersandarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

> *"Sekiranya manusia diberikan pada setiap yang didakwa, (lalu) manusia akan meminta darah (nyawa) manusia dan harta kekayaannya. Namun al-bayyinah (adalah tanggungjawab) untuk pihak yang mendakwa, dan sumpah (adalah tanggungjawab) untuk pihak yang didakwa" (Hadis riwayat al-Baihaqi, no 1423. Manakala hadis riwayat al-Bukhari no. 4552 dan Muslim no 1711 hanya mencatatkan "namun sumpah untuk pihak yang didakwa" sahaja tanpa disertakan "al-bayyinah untuk pihak yang mendakwa")*

Menurut al-Nawawi (1973), hadis tersebut merupakan asas terhadap prinsip pensabitan penghakiman di dalam hukum syarak. Sebarang pendakwaan tidak boleh

[32] Walaupun begitu, pihak yang menolak penasaban anak kurang daripada enam bulan berhujah dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Manakala lelaki yang berzina ditegah dari penasaban".* Kaedah penghujahan: Maksud 'lelaki yang berzina' dalam hadis ini merangkumi semua penzina yang melakukan zina dengan perempuan tidak kira perempuan itu berada dalam *al-firāsy* atau tidak. Nasab tetap tidak akan diberi kepada anak hasil daripada zina walau dalam apa jua keadaan pun (Rujuk: al-Daqilani, 2004).

[33] Namun begitu, pihak yang cenderung kepada pandangan jumhur ulama yang menolak penasaban mentarjihkan pandangan mereka berdasarkan hujah-hujah seperti berikut: (i) Zina tidak akan sama sekali boleh menjadi sama kedudukannya dengan nikah yang sahih berasaskan banyak dalil daripada al-Quran dan sunnah sehinggakan syarak menganggapnya salah satu daripada dosa besar; (ii) Zina merupakan satu sebab untuk mendapatkan nasab, yang mana hukumnya adalah haram. Syarak menganggapnya sebagai *ma'dum* (tidak wujud). Sesuatu yang dianggap sebagai tidak wujud dari sudut syarak juga dianggap tidak wujud secara *ḥissi* (yang boleh didapati melalui pancaindera). Maka ia tidak memberi apa-apa kesan iaitu tidak sabit nasab kerananya (alQarafi, 1998); (iii) Perselisihan ulama dalam isu ini berlaku pada satu jangka masa yang terhad dan tertentu. Bahkan Ibn Rusyd (2004) menyatakan bahawa ia merupakan satu pandangan yang pelik oleh sebahagian kecil ulama. Setelah berlalu satu jangka masa, Ibn 'Abd al-Bar (2000) menyatakan bahawa para ulama sepakat menyatakan bahawa anak zina tidak harus dinasabkan kepada penzina walaupun wujud *iqrār* daripada penzina. Oleh itu, pihak yang menolak penasaban anak di dalam isu ini bersetuju bahawa berpegang kepada pandangan ini adalah lebih kuat.

terpakai melainkan pihak yang mendakwa mendatangkan bersama dakwaannya bukti bahawa dia berkata benar. Namun pendakwaan yang belum tersabit boleh diingkari dengan sumpah penafian dari pihak yang didakwa.

Di dalam proses penghujahan bagi pembuktian dakwaan, terdapat empat kaedah yang dinilai oleh hakim iaitu pertama *al-syahādah* (kesaksian), kedua sumpah penafian, ketiga sanggahan kepada dakwaan, dan keempat adalah *iqrār* atau kesaksian bersama sumpah penafian (Wahbah Zuhaili, 2010). Hakim juga akan mensabitkan keputusan berdasarkan *qarīnah* (keterangan) sepanjang proses penghujahan dan pembuktian. *Qarīnah* merupakan penafsiran dan kesimpulan terhadap fakta di sebalik bukti yang dapat dikemukakan secara zahir atau tidak. Justeru, berdasarkan kepada *al-bayyinah* dan *al-qarīnah* tersebut, hakim akan membentuk alasan penghakiman di dalam mensabitkan keputusan di akhir perbicaraan (Sa'ad Umar al-Kharasyi, t.t).

Walaupun *al-bayyinah* adalah sebarang pembuktian yang tidak terikat oleh jenis dan bentuk (Ibnu Qayyim, t.t) terutama di dalam dunia perundangan moden seperti contoh DNA dan rakaman elektronik (*Real and Demonstrative*, 2019), tetapi *al-syahādah* adalah yang paling kuat kerana merupakan asas kepada *al-bayyinah* dan disepakati oleh ulama empat mazhab (Ibnu Qudamah, 1968; Malik Anas, 1985; Ibnu 'Abidin, 1992; al-Mawardi, 1999). Hal demikian adalah bersandarkan kisah Hilal bin Umaiya semasa penurunan hukum *li'ān.* Apabila Rasulullah SAW memerintahkan Hilal membawa bukti berbentuk *syahādah* bagi mengelak hukuman *qaẓāf* dengan ayat yang bermaksud:

> *"(Bawakan) bukti (empat saksi) atau (kamu akan menerima) hukuman (sebatan) di belakang kamu" (Hadis riwayat al-Bukhari no. 4747)*

Universiti Utara Malaysia

Al-syahādah yang diterima di dalam maksud *al-bayyinah* adalah perilaku melihat atau mendengar daripada mata atau telinga saksi itu sendiri (Wahbah Zuhaili, 2010), berdasarkan kepada hadis yang bermaksud:

> *"adakah kamu melihat matahari itu?" Dijawab: "Ya". Bersabda Rasulullah SAW, "Begitulah misalan kepada perbuatan melihat atau mendengar" (Hadis riwayat al-Baihaqi a no. 10469)*

Ulama empat mazhab mengiktiraf *syahādah* oleh perilaku mendengar melibatkan hal-hal seperti pernikahan, *dukhūl*, penyusuan dan kelahiran (Ibnu Qudamah, 1968; al-Sarkhasi, 1989; al-Syirbini, 1998; al-Dusuqi, t.t). Namun, perihal *al-syahādah* oleh perilaku mendengar pengkhabaran dari pihak lain, berlaku khilaf dalam kalangan ulama.

a) Hanafiah menetapkan definisinya adalah pada perkara yang menyakinkan sahaja dan dikhabarkan kepada saksi melalui dua orang lelaki adil atau seorang lelaki adil dan dua orang perempuan adil (al-Sarkhasi, 1989).
b) Syafi'iyah dan Hanabilah memberi definisi yang sama, iaitu saksi mendengar dari sekelompok besar orang yang diyakini tidak berbohong, sehingga berita yang disampaikan mencapai tahap pengkhabaran atau sangkaan yang pasti (Ibnu Qudamah, 1968; al-Syirbini, 1998).
c) Malikiyah pula bersikap sederhana, dengan tidak menghadkan kesaksian berdasarkan kepada perkara yang disebarkan atau orang yang menyampaikan (al-Dusuqi, t.t).

i. Pembahagian:

Dalam pensabitan nasab, *al-syahādah* diperlukan bagi tiga situasi melibatkan *iqrār* penasaban ke atas orang lain, iaitu: (i) *iqrār* penasaban *furu'* dan kerabat umum; (ii) *iqrār* penasaban bapa-anak oleh isteri yang diingkari suami dengan *li'ān,* dan (iii) *iqrār* penasaban bapa-anak oleh isteri yang diingkari suami tanpa *li'ān*.

Universiti Utara Malaysia

Pembahagian pertama, *iqrār* penasaban *furu'* dan kerabat umum, *al-syahādah* diperlukan kerana *iqrār* tidak melibatkan dua pihak utama, iaitu bapa-anak atau anak-bapa.

Pembahagian kedua, *iqrār* penasaban bapa-anak oleh isteri yang diingkari suami dengan *li'ān.* Pada asalnya *syahādah* tidak diperlukan kerana *li'ān* membatalkan nasab walaupun isteri melakukan *iqrār* (Abdul Wahab, 1938), namun *syahādah* diperlukan sekiranya anak dilahirkan kurang enam bulan dari perbuatan *li'ān*, atau isteri telah hamil sebelum perbuatan *li'ān*. Bagi situasi berikut, suami dilarang mengingkari nasab dan sekiranya bapa tetap mengingkari, isteri boleh membawa *syahādah* dari jenis *iqrār* penasaban bapa-anak oleh isteri yang diingkari suami tanpa *li'ān*.

Pembahagian ketiga, *iqrār* penasaban bapa-anak oleh isteri yang diingkari suami / bekas suami tanpa *li'ān*, iaitu melibatkan pengingkaran suami si ibu pada urusan anak sahaja seperti dakwaan perbezaan jantina asal kelahiran atau dakwaan anak tersebut adalah anak pungut atau bekas suami tidak mengetahui kehamilan sebelum talak.

Universiti Utara Malaysia

ii. Aspek penting pelaksanaan:

Syarat *al-syahādah* bagi *iqrār* penasaban *furu'* dan kerabat umum adalah:

a) *Syahādah* ahli waris.

Berlaku perbezaan pandangan mengenai jumlah ahli waris yang perlu memberi kesaksian.

- Hanafiah berpandangan *syahādah* yang diperlukan adalah *iqrār* dua orang lelaki atau seorang lelaki dan dua orang perempuan (Ibnu 'Abidin, 1992).
- Malikiyah mensyaratkan *syahādah* melebihi dari seorang ahli waris (Malik Anas, 1985).

- Syafi'iyah mensyaratkan majoriti. Yang dimaksudkan dengan majoriti adalah syahadah dari pihak yang menerima majoriti pewarisan (al-Mawardi, 1999)
- Hanabilah mensyaratkan *syahādah* dari semua ahli waris (Ibnu Qudamah, 1968)

Syarat *al-syahādah* bagi *iqrār* penasaban bapa-anak oleh isteri yang diingkari suami / bekas suami tanpa *li'ān* dibahagikan mengikut dua situasi, iaitu:

a) Situasi suami / bekas suami mengingkari nasab kerana tidak mengetahui akan kehamilan dan kelahiran isteri. Kajian mendapati hanya Hanafiah yang membincangkan perihal situasi tersebut.
   - Hanafiah berpendapat, *al-syahādah* memerlukan kepada dua orang lelaki atau seorang lelaki dan dua orang perempuan untuk pengakuan dan kesaksian berlakunya kehamilan (Ibnu 'Abidin, 1992).

   Manakala syarat kesaksian kelahiran adalah sebagaimana menurut situasi kedua.

b) Situasi suami / bekas suami berpengetahuan akan kehamilan namun tidak mengetahui akan kelahiran; atau situasi suami / bekas suami yang mengetahui kehamilan dan kelahiran, namun mengingkari anak yang dilahirkan sebagai anak sebenar.

   Ulama empat mazhab sepakat hanya saksi perempuan diperlukan bagi pembuktian kelahiran, tetapi berlaku perbezaan pandangan mengenai bilangan kesaksian yang diperlukan.
   - Menurut Hanafiah dan Hanabilah, seorang saksi perempuan atau *qābilah al-muwalladah* (bidan perempuan) sahaja diperlukan (al-Sarkhasi, 1989;

Universiti Utara Malaysia

Ibnu Qudamah, 1968), berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

> *"dibenarkan kesaksian al-qābilah (bidan kelahiran)" (Hadis riwayat al-Daruquthni no. 4557)*

- Malikiyah menetapkan dua orang saksi perempuan (al-Baghdadi, 1999).
- Syafi'iyah pula menetapkan empat orang bagi mewakili jumlah kebiasaan saksi dua orang lelaki (al-Mawardi, 1999).

Saksi dari seorang perempuan sudah cukup mensabitkan *ḍarūrah al-wilādah*, iaitu pihak yang dilahirkan serta pihak yang melahirkan (al-Sarkhasi, 1989), kerana menurut al-Zaila'i (1997), soal kelahiran termasuk dalam perkara yang tidak perlu ditunjukkan meskipun di dalam kalangan sesama perempuan.

Dalam masa yang sama, *syahādah* seorang lelaki terhadap kelahiran adalah diterima (Ibnu Qudamah, 1968). Justeru, Abdul Karim (1993) men*tarjīḥ*kan bahawa dalam perihal kelahiran, *syahādah* seorang pegawai perubatan sudah memadai tanpa mengira sama ada lelaki atau perempuan.

Menurut Hanafiah, di dalam penasaban selepas talak *raj'ī* atau *bā'in,* isteri tetap perlu membawa *syahādah* kehamilan dan *al-wilādah* sekalipun tidak diingkari oleh bekas suami. Hal demikian kerana, penasaban kelahiran anak selepas talak adalah termasuk di dalam *iqrār* penasaban orang lain yang memerlukan kepada *al-bayyinah* (Ibnu 'Abidin, 1992).

Universiti Utara Malaysia



Rajah 2.5. Pensabitan *al-bayyinah*

iii. Kaedah pensabitan nasab oleh *al-bayyinah*:

Al-Bayyinah atau *al-syahādah* merupakan hujah yang tetap serta pengukuhan dalam pendakwaan bukan sahaja kepada diri sendiri, tetapi juga kepada pihak lain, kerana *al-bayyinah* adalah dalil yang paling kuat dalam perundangan. Nasab yang diingkari atau yang disabitkan oleh *al-iqrār*, boleh disabitkan atau terbatal dengan *al-syahādah* (Abdul Wahab, 1938; Abdul Karim, 1993; Wahbah Zuhaili, 2010).

Al-Bayyinah mensabitkan nasab bagi situasi suami si ibu iaitu bapa yang mengingkari anak oleh sebab *li'ān* atau tanpa *li'ān* (Abdul Karim, 1993). *Al-Bayyinah* juga mensabitkan nasab meski waris lain mengingkari anak si mati yang lahir dalam tempoh maksima kandungan dari tarikh kematian (Abdul Wahab, 1938; Abdul Karim, 1993).

Universiti Utara Malaysia

iv. *Al-Bayyinah* kehamilan dan *wilādah* di zaman kontemporari

Di Malaysia, rekod perubatan pesakit merupakan keterangan bukti yang diterima pada peringkat perundangan (Garis panduan pengendalian, 2010). Hal demikian kerana, semua rekod awam yang dibuat oleh pekhidmat awam semasa proses menjalankan tugas adalah diiktiraf sebagai bukti prosiding kehakiman menurut Seksyen 35, Akta Keterangan 1950[34].

Perempuan yang didapati hamil dan mendapatkan rawatan di institusi kesihatan akan diberikan buku rekod kesihatan ibu[35] atau lebih dikenali sebagai buku merah, di bawah seliaan Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga Kementerian Kesihatan. Buku merah merangkumi rekod kehamilan berdasarkan temu janji rawatan. Bermula dari *Urine Pregnancy Test* (UPT) yang positif, rawatan diteruskan dengan pemeriksaan *ultrasound*, ukuran tinggi rahim, serta pemeriksaan jantung dan gerakan janin oleh staf kesihatan sama ada jururawat atau pegawai perubatan (Garis panduan penggunaan, 2012). Rekod tersebut adalah dokumentasi yang menentukan kehamilan ibu adalah benar atau palsu, serta bukti ke atas janin yang hidup sehingga mencapai tarikh kelahiran.

Buku merah juga mengandungi dokumentasi kelahiran anak, iaitu maklumat pengesahan staf kesihatan yang menyambut, tarikh, lokasi, komplikasi dan cara kelahiran. Rekod keadaan anak semasa dilahirkan juga diambil seperti berat, jantina,

[34] "Seksyen 35: Sesuatu catatan dalam mana-mana buku, daftar atau rekod awam atau dalam buku, daftar atau rekod rasmi lain yang menyatakan sesuatu fakta persoalan atau fakta berkaitan dan dibuat oleh seseorang pekhidmat awam pada menunaikan tugas rasminya atau oleh mana-mana orang lain dalam melaksanakan sesuatu kewajipan yang diperintahkan dengan khususnya oleh undang-undang negara di mana buku, daftar atau rekod itu disimpan, dengan sendirinya suatu fakta berkaitan" (Akta Keterangan 1950).

[35] KIK/ 1(a)/ 96 (Pind. 2012) untuk simpanan ibu dan KIK/ 1(b)/ 96 (Pind. 2012) untuk simpanan pihak klinik.

ukuran panjang dan lilitan kepala, keadaan anak serta *abnormaliti kongenital* (Garis panduan penggunaan, 2012).

Semua maklumat di dalam buku merah adalah rekod penting bagi memastikan kehamilan ibu dan kewujudan anak yang hidup selepas dilahirkan adalah benar. Sekiranya didapati buku merah tidak dapat dikesan oleh kedua-dua pihak yang menyimpan –ibu dan institusi kesihatan-, pengesahan kehilangan perlu dibuat secara bertulis dan disertakan laporan polis (Garis panduan pengendalian, 2010). Ketepatan rekod buku merah boleh mencapai tahap *al-bayyinah* ke atas *wilādah* seorang perempuan di Malaysia disebabkan oleh pindaan rekod tanpa keperluan adalah jenayah yang boleh didakwa[36]. Dalam masa yang sama, sokongan keterangan dari staf kesihatan yang terlibat turut diperakui dalam prosiding mahkamah[37]. Justeru, buku merah dan keterangan staf kesihatan memenuhi aspek *syahādah* bagi memberi pengesahan kehamilan dan kelahiran anak oleh ibu.

2.2.4 *Al-qiyāfah*

Al-qiyāfah adalah penasaban melalui penelitian kepada kemiripan antara cabang (anak) dengan asal (bapa) (Wahbah Zuhaili, 1997). *Al-qiyāfah* bermaksud menjejaki kesan (al-Tabari, 2000), atau dari segi istilahnya adalah mengetahui *syabīḥ* (kemiripan) dan menilai perbezaan jejak, sehingga menghasilkan kesinambungan jalur

[36] *"*Seksyen 166: *Whoever, being a public servant, knowingly disobeys any direction of the law as to the way in which he is to conduct himself as such public servant, intending to cause, or knowing it to be likely that he will, by such disobedience, cause injury to any person, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to one year or with fine or with both"* (Penal Code, 2015)
*"*Seksyen 167: *Whoever, being a public servant, and being, as such public servant, charged with the preparation or translation of any document, frames or translates that document in a manner which he knows or believes to be incorrect, intending thereby to cause, or knowing it to be likely that he may thereby cause, injury to any person, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to three years or with fine or with both"* (Penal Code, 2015).

[37] "Seksyen 22: Pengakuan lisan tentang kandungan sesuatu dokumen tidak berkaitan melainkan jika dan sehingga pihak yang bercadang hendak membuktikannya menunjukkan yang dia berhak memberi keterangan sekunder mengenai kandungan dokumen itu di bawah kaedah yang disebut kemudian daripada ini, atau melainkan jika ketulenan sesuatu dokumen yang dikemukakan itu dipersoalkan" (Akta Keterangan 1950).

kepada sesuatu perkara (Badruddin, 2001). Ketika di zaman Rasulullah SAW, ilmu tersebut dipelopori oleh Bani Muldaj yang bukan berasal dari kaum Quraisy (al-Tabari, 2000).

Rasulullah SAW mengiktiraf kaedah *al-qiyāfah* sebagai salah satu jalan penasaban melalui hadis yang bermaksud:

> *"Bahawa Rasulullah SAW suatu hari datang menemuiku dengan gembira dan wajah berseri-seri lalu beliau bersabda: Tidakkah kamu melihat bagaimana Mujazziz al-Mudliji tadi? Ketika dia masuk dan ternampak Usamah bin Zaid dan Zaid bin Harithah dan kedua mereka berada di bawah selimut, tertutup kepala mereka berdua dan terserlah kaki mereka berdua. Lalu dia berkata: Sesungguhnya sebahagian dari kaki-kaki ini berasal dari sebahagian yang lain (mirip)" (Hadis riwayat Muslim no. 1459)*

Menurut al-Nawawi (1973), Rasulullah SAW berasa sangat gembira dengan pengiktirafan pemiripan antara kaki Usamah dengan Zaid RA dari Mujazziz yang merupakan seorang Bani Muldaj sebagaimana yang diceritakan di dalam hadis. Hal demikian kerana, ketika itu masyarakat Arab Jahiliyyah sering mempertikai nasab antara keduanya oleh sebab kulit Usamah yang hitam dan Zaid RA pula seorang yang berkulit putih.

Selain itu, hadis "Perhatikan perempuan itu[38]" di dalam kisah perbuatan zina isteri Hilal bin Umaiyah menunjukkan panduan Rasulullah SAW mengenai kaedah *al-qiyāfah* dalam melihat *syabīḥ* (Ibnu Qayyim, 2010). Saidina Umar al-Khattab dan Saidina Ali turut diceritakan menggunakan kaedah *al-qiyāfah* bagi situasi berlaku dua pengakuan (Ibnu Hazm, 2002; Ibnu Qayyim, 2010).

[38] hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:
"Perhatikan perempuan itu, jika nanti anak (yang dilahirkan) putih, berambut lurus dan mata agak merah, tandanya bayi tersebut anaknya Hilal bin Umayah, namun jika matanya agak hitam, rambutnya keriting dan betisnya ramping, maka bayi tersebut adalah milik Syarik bin Sahma`" (Hadis riwayat Muslim no. 2749).

i. Pembahagian:

Kaedah *al-qiyāfah* digunakan dalam dua hal (Ibnu Qudamah, 1968), iaitu:

Pertama, berlaku dakwaan dua pihak terhadap anak *majḥūl* nasab sama ada kedua-duanya tidak mempunyai *al-bayyinah* atau kedua-duanya mempunyai *al-bayyinah* yang sama.

Kedua, berlaku persetubuhan dari dua pihak terhadap seorang perempuan yang membolehkan kemungkinan anak dinasabkan kepada salah seorang antara dua pihak tersebut. Persetubuhan merangkumi persetubuhan syubhah bagi kedua-dua pihak, atau persetubuhan dengan suami dan diceraikan kemudian berlaku persetubuhan dalam pernikahan fasid atau persetubuhan syubhah.

ii. Aspek penting pelaksanaan:

Syarat penerimaan *al-qiyāfah* di dalam pensabitan nasab didapati tidak dibincangkan banyak melainkan oleh Safi'iyah dan Hanabilah, sebagaimana perincian seperti berikut:

Universiti Utara Malaysia

a) Memenuhi syarat *qāif.*

   Pelaku *al-qiyāfah (qāif)* disyaratkan sebagai seorang muslim, adil dan berkelayakan. Sebaliknya tidak disyaratkan merdeka, jantina lelaki atau dari Bani Muldaj sahaja (Ibnu Qudamah, 1968; al-Syirbini, 1998).

b) Lulus ujian kelayakan sebagai *qāif*.

   Qāif perlu melalui ujian kelayakan secara berperingkat (Ibnu Qudamah, 1968; al-Qazwaini, 1997).

c) Bilangan *qāif* yang perlu dirujuk.

   Terdapat perbezaan bilangan yang tidak disepakati oleh ulama.

   - Malikiyah menetapkan hanya seorang *qāif* sudah mencukupi (al-Dusuqi, t.t)

- Syafi'iyah tidak menetapkan syarat jumlah *qāif* (al-Syirbini, 1998).
- Hanabilah pula menetapkan dua orang *qāif* diperlukan menyamai jumlah dua orang dalam syarat *al-syahādah* (Ibnu Qudamah, 1968).

d) Perselisihan yang membatalkan.

Sekiranya dua *qāif* berselisih secara serentak, dakwaan kedua-duanya terbatal. Jika berselisih antara satu dengan dua dari tiga *qāif*, dakwaan dua *qāif* lebih diterima dari satu (Ibnu Qudamah, 1968; al-Haitami, 1983). Sebaliknya jika dakwaan seorang *qāif* telah tersabit oleh hakim, kemudian diingkari oleh seorang *qāif* yang lain, pensabitan nasab tidak terbatal (Ibnu Qudamah, 1968; al-Haitami, 1983).

e) *Al-Bayyinah* lebih didahulukan dari *al-qiyāfah*.

Bagi anak yang tersabit oleh *al-qiyāfah*, kemudian didatangi lelaki yang mengaku sebagai bapa bersama *al-bayyinah*, terbatal penasaban *al-qiyāfah* dan tersabit oleh *al-bayyinah* (Ibnu Qudamah, 1968; al-Haitami, 1983).

Universiti Utara Malaysia



Rajah 2.6. Pensabitan *al-qiyāfah*

iii. Kaedah pensabitan nasab oleh *al-qiyāfah*:

Malikiyah, Syafi'iyah, Hanabilah dan Zhahiriyah sepakat bahawa penggunaan *al-qiyāfah* dalam pensabitan nasab dibenarkan dalam situasi pertindihan dakwaan sebagai bapa oleh lelaki-lelaki, dan juga dibenarkan penggunaannya terhadap dakwaan ibu antara perempuan-perempuan yang tidak dapat dibuktikan oleh *al-bayyinah* (Ibnu Qudamah, 1968; al-Syirbini, 1994; Ibnu Hazm, 2002; Ibnu Rushd, 2004).

Rasulullah SAW bersabda bahawa *syabīḥ* dalam kejadian anak berlaku kerana percampuran air mani bapa bersama air mani ibu. Hadis tersebut bermaksud:

> *"Mengenai pemiripan seorang anak, jika air lelaki mencampuri air perempuan terlebih dahulu, (di dalam kejadian) akan ada pemiripan kepada lelaki. Manakala jika air perempuan mencampuri air lelaki terlebih dahulu, (di dalam kejadian anak) akan ada pemiripan perempuan" (Hadis riwayat al-Bukhari no. 3329)*

Sebaliknya, Hanafiah menolak kaedah tersebut kerana *al-qiyāfah* cenderung kepada sangkaan dan kemungkinan (al-Sarkhasi, 1989). Hanafiah mengambil dalil Rasulullah SAW tidak menerima faktor pemiripan dalam perbuatan *li'ān* (Wahbah Zuhaili, 1997), berdasarkan hadis yang bermaksud,

> *"Datang seorang lelaki mengadu:"Bahawa isteriku telah melahirkan anak yang hitam"-dengan maksud mahu menafikan anak itu- Rasulullah bertanya, "Adakah kamu memiliki unta?", lelaki itu menjawab "Ya". Disoal lagi, "Apakah warnanya?" dan dijawab, "Merah". Rasulullah SAW bertanya lagi, "Bukankah ada anak unta itu bewarna hitam?' dan dijawab, "Benar". Tanya Rasulullah lagi, "Dari mana datangnya warna itu?' dan dijawab, "Mungkin dari keturunan". Lalu Rasulullah menjelaskan, "Begitu jugalah untuk anak itu, kemungkinan dari keturunan" (Hadis riwayat al-Bukhari no. 5305 dan Muslim no. 3766)*

Ibnu Qudamah (1968) dan Ibnu Qayyim (2010) berbeza pandangan dengan Hanafiah mengenai maksud hadis. Menurut Ibnu Qudamah dan Ibnu Qayyim, hadis menceritakan bahawa tiada hukuman hudud dikenakan ke atas kenyataan bapa yang mempersoal *syabīḥ* anak dalam bentuk pertanyaan atau meminta fatwa. Hal demikian kerana, kenyataan untuk bertanya tidak menyerupai tuduhan *qaẓaf.* Selain itu, menurut

Universiti Utara Malaysia

Abdul Karim (1993) dan Ibnu Hazm (2002), kaedah *al-qiyāfah* hanya dilakukan pada keadaan berlaku dakwaan lelaki-lelaki terhadap anak tanpa *al-bayyinah* serta tiada ikatan *al-firāsy*.

Oleh kerana penggunaan kaedah *al-qiyāfah* tidak mencapai tahap sepakat ulama empat mazhab, *al-qiyāfah* menjadi kaedah yang keempat dan tidak diperlukan sekiranya kaedah *al-firāsy*, atau *al-iqrār*, atau *al-bayyinah* sudah mensabitkan nasab anak. Hal demikian bermaksud, *al-qiyāfah* juga tidak boleh membatalkan pensabitan oleh kaedah-kaedah terawal.

iv. Pandangan ulama terhadap ujian DNA

DNA merupakan komponen kimia utama kromosom yang diperolehi secara warisan. Kebanyakan DNA berada di dalam nukleus sel dan mempunyai identiti yang sama bagi satu tubuh badan (*What is DNA*, t.t). Ujian DNA melibatkan sampel darah, helaian rambut, kulit, *amniotic fluid* dan lain-lain tisu organ manusia (*How is genetic*, t.t).

Ujian DNA diikraf sebagai salah satu proses *al-bayyinah* kes jenayah dalam Undang-Undang Syariah (Umar Muhammad, 2002; Tariq Saleh, 2008; Ahmad Syukran, 2017). Hal tersebut berdasarkan dalil yang bermaksud:

> *"Dan (bagi mengesahkan dakwaan itu) mereka pula melumurkan baju Yusuf dengan darah palsu. Bapa mereka berkata: "Tidak! Bahkan nafsu kamu memperelokkan kepada kamu suatu perkara (yang tidak diterima akal). Kalau demikian, bersabarlah aku dengan sebaik-baiknya, dan Allah jualah yang dipohonkan pertolonganNya, mengenai apa yang kamu katakan itu" (Surah Yusuf 12:18)*

Menurut Tariq Saleh (2008), ayat tersebut menceritakan bagaimana saudara-saudara Yusuf AS menggunakan darah sebagai bukti pembunuhan Yusuf AS yang didakwa telah dimakan oleh serigala. Walaupun pada hakikatnya darah palsu tersebut adalah dari haiwan, darah yang digunakan dan dibawa pulang dilihat sebagai maksud pembuktian kewujudan jenayah yang didakwa.

Selain itu, keberhasilan kaedah sains forensik biologi atau ujian DNA dalam menyelesaikan kes penentuan identiti mempunyai signifikan terhadap penentuan nasab, iaitu salah satu elemen penting *dharūriyyāt* dalam *maqāṣid al-syarī'ah* (Ahmad Syukran, Mohamad Amir, Aminuddin, & Abdul Rahim, 2015). Hal demikian kerana, pensabitan nasab dan penentuan jalur biologi melalui darah adalah seiring (Ayman, 2012).

Abdul Karim (1993) membenarkan pensabitan nasab menggunakan ujian darah bagi melihat persamaan antara anak dengan bapa atau ibu oleh pegawai perubatan. Perbuatan tersebut di*qiyās*kan kepada pendapat al-Buhuti (1983) mengenai *al-bayyinah* air susu ibu terhadap pertindihan dakwaan anak yang berbeza jantina oleh dua perempuan yang melahirkan. Al-Buhuti (1983) mendapati, air susu ibu mempunyai perbezaan berdasarkan kepada jantina anak. Air susu ibu untuk anak lelaki adalah lebih pekat dan timbangannya adalah lebih berat berbanding air susu untuk anak perempuan.

Universiti Utara Malaysia

Berbanding kaedah *al-qiyāfah* klasik, hasil ujian DNA adalah lebih tepat dan lebih diyakini (Umar Muhammad, 2002). Oleh kerana itu, Majlis Ulama Islam Sedunia bersepakat bahawa pembuktian ujian DNA boleh membatalkan dakwaan *li'ān* suami ke atas isteri, serta diiktiraf sebagai sebahagian dari kaedah pengesahan nasab dalam Islam dengan beberapa syarat (Umar Muhammad, 2002).

Antara syarat yang ditetapkan oleh kesepakatan ulama di dalam Majlis Persidangan Hal Ehwal *Fiqh* Islam, di bawah Majlis Ulama Islam Sedunia, mengenai ujian DNA dalam pensabitan atau penafian nasab (Umar Muhammad, 2002) adalah:

a) Dilarang sama sekali penggunaan ujian DNA untuk tujuan membuat pengesahan atau penafian ke atas nasab yang telah tersabit oleh *al-firāsy* atau

al-iqrār atau *al-bayyinah* atau *al-qiyāfah*. Pemerintah perlu menghalang perbuatan tersebut dan menghukum pihak yang melakukannya. Hal demikian kerana, Islam mengiktiraf kemuliaan maruah manusia dan kehormatan nasab yang telah tersabit.

b) Dilarang sama sekali penggunaan ujian DNA untuk tujuan penafian nasab lebih-lebih lagi sekiranya mendahului kaedah *li'ān.*

c) Penggunaan ujian DNA untuk membuat pengesahan nasab hanya boleh dilakukan dalam tiga keadaan, iaitu:

- Anak adalah dari *majḥūl* nasab kerana pertikaian bukti, sama ada bukti tidak ada atau berlaku keraguan seperti dalam situasi persetubuhan *syubhah.*
- Berlaku pertukaran anak kerana persamaan, seperti berlaku pertukaran di hospital, tabung uji bayi dan pusat asuhan anak.
- Pengecaman anak dalam situasi seperti kemalangan, bencana alam dan peperangan.

Universiti Utara Malaysia

Majlis Persidangan Hal Ehwal *Fiqh* Islam turut memutuskan bahawa penggunaan ujian DNA tidak diperlukan dalam situasi (Umar Muhammad, 2002) seperti berikut:

a) Sekiranya bapa melakukan *iqrār* terhadap anak *majḥūl* nasab dan memenuhi ciri-ciri *iqrār*, penggunaan kaedah *al-qiyāfah* tidak lagi diperlukan.

b) *Iqrār* sebahagian saudara bahawa seseorang itu adalah saudaranya tidak menjadi hujah sekiranya saudara-saudara yang lain tidak membenarkan *iqrār* tersebut. Nasab tidak tersabit dan tidak memerlukan ujian DNA.

c) Sekiranya anak disabitkan kepada bapa menggunakan kaedah *al-qiyāfah*, tetapi didatangi oleh lelaki lain bersama *al-bayyinah* bahawa anak adalah anak si lelaki lain tersebut, sabitan oleh *al-qiyāfah* akan gugur dan ujian DNA tidak

diperlukan. Hal demikian kerana, *al-bayyinah* adalah kaedah yang disepakati oleh jumhur ulama dan mendahului *al-qiyāfah.*

Yusuf al-Qardhawi (2006a) menekankan bahawa permohonan dilakukan ujian DNA adalah merupakan hak isteri, bukan hak suami. Ujian DNA diambil sebagai *al-bayyinah* untuk mensucikan tuduhan *li'ān* suami, meyakinkan suami akan nasab anak, serta memberi hak penasaban anak kepada bapa iaitu suami si ibu. Oleh sebab itu, permintaan isteri untuk dilakukan ujian DNA adalah wajib dipenuhi oleh pihak mahkamah, sebaliknya pihak terbabit tidak perlu memenuhi permintaan dari suami.

Yusuf al-Qardhawi (2006) mengetengahkan dalil bahawa Rasulullah SAW tidak menerima pengingkaran suami si ibu terhadap nasab anak melalui kaedah *al-qiyāfah,* berdasarkan hadis yang bermaksud:

> *"Datang seorang lelaki mengadu:"Bahawa isteriku telah melahirkan anak yang hitam"-dengan maksud mahu menafikan anak itu- Rasulullah bertanya, "Adakah kamu memiliki unta?", lelaki itu menjawab "Ya". Disoal lagi, "Apakah warnanya?" dan dijawab, "Merah". Rasulullah SAW bertanya lagi, "Bukankah ada anak unta itu bewarna hitam?' dan dijawab, "Benar". Tanya Rasulullah lagi, "Dari mana datangnya warna itu?' dan dijawab, "Mungkin dari keturunan". Lalu Rasulullah menjelaskan, "Begitu jugalah untuk anak itu, kemungkinan dari keturunan" (Hadis riwayat al-Bukhari no. 5305 dan Muslim no. 3766)*

Berdasarkan perkara tersebut, dapat difahami bahawa meskipun ujian DNA adalah *al-bayyinah* yang paling tepat, namun di dalam soal pensabitan nasab anak, ulama meletakkan ujian DNA di bawah kaedah *al-qiyāfah*. Justeru, pembuktian ujian DNA tidak boleh melangkaui kaedah penasaban *al-firāsy, al-iqrār* dan *al-bayyinah* (Umar Muhammad, 2002). Oleh kerana itu, penggunaan ujian DNA untuk pensabitan nasab anak zina adalah dilarang (*Tahāllil al-ḥamīd al-nawāwī*, 2005) tanpa didahului oleh kaedah-kaedah lain (Yusuf al-Qardhawi, 2006).

2.2.5 Kesan penasaban menurut hukum syarak

Penasaban anak dengan bapa yang tersabit oleh kaedah yang ditetapkan membawa kepada kesan susulan atau *al-āthār al-mutarātibah* dalam sudut hukum syarak. Anak yang dinasabkan mempunyai hak kerabat; terhalang pernikahan bersama mereka yang *mamnū'ah*; berhak ke atas nafkah kerabat; dan pewarisan harta puasaka (Wahbah Zuhaili, 2010). Walaupun pada asalnya nasab diingkari, tetapi selepas disabitkan dengan *al-bayyinah*, pihak yang dinasabkan akan mendapat semua hak kerabat sama ada sebagai anak dengan bapa, atau sebagai saudara (Abdul Wahab, 1938).

Namun, perselisihan ulama berlaku terhadap kesan penasaban anak zina yang tersabit oleh *iqrār* bapa sahaja, atau *iqrār* suami si ibu iaitu bapa terhadap kelahiran yang berlaku kurang enam bulan dari tarikh pernikahan ibu dan bapa. Perbincangan terhadap perselisihan dibahagikan kepada tiga kesan susulan membabitkan hak dan tanggungjawab iaitu: (i) Nafkah; (ii) Mahram dan aurat kerabat; dan (iii) Pewarisan.

Universiti Utara Malaysia

i. Nafkah

Bagi anak zina yang tersabit nasab dengan kaedah *al-iqrār*, pengiktirafan nasab disusuli dengan hak nafkah anak ke atas bapa (Muhammad Soleh, 2000). Hal demikian kerana, penasaban membawa bersama segala hak dan hukum antara *bunuwwah* (al-Qurtubi, 1964). Lebih-lebih lagi, nafkah adalah salah satu hal yang *ḍarūrī* selepas penasaban (*Ḥukum qaḍā-i*, 2017). Oleh sebab itu, anak zina adalah lebih berhak dan lebih utama dinafkahi oleh bapa dari menafkahi hamba dan haiwan ternak (Muhammad Jamil, 2012).

ii. Mahram

Selepas anak zina tersabit nasab kepada bapa penzina, anak akan memperolehi hak mahram dari sudut pernikahan dan aurat kerabat dari bapa. Kajian mendapati Hanafiah, Malikiyah dan Hanabilah sepakat bahawa anak zina diharamkan secara hakiki untuk dinikahi oleh lelaki penzina walaupun sekiranya tidak berlaku pensabitan nasab, dalam keadaan diketahui bahawa lelaki penzina adalah yang menghamilkan ibu. Pengharaman anak zina terpakai ke atas *uṣūl* dan *furu'* lelaki penzina. Pengharaman juga terpakai ke atas *furu'* anak zina seperti anak perempuan kepada anak lelaki (cucu perempuan) lelaki penzina (al-Buhuti, 1983; Ibnu Taimiyah, 1987; Ibnu 'Abidin, 1992; al-Dusuqi, t.t).

Manakala, bagi kerabat atau pihak selain *furu'* dan *uṣūl* lelaki penzina seperti saudara lelaki kepada lelaki penzina atau pakcik kepada lelaki penzina, ulama berbeza pandangan.

a) Hanafiah mengharamkan anak zina dari dinikahi oleh kerabat lelaki penzina namun dibolehkan nikah bagi anak perempuan kepada anak lelaki (cucu perempuan) lelaki penzina dengan bapa saudara lelaki penzina (Ibnu 'Abidin, 1992). Hanafiah menyimpulkan bahawa, pihak yang menjadi mahram kepada anak zina adalah sama seperti pihak yang mahram oleh sebab pernikahan (al-Kasani, 1986).
b) Malikiyah dan Hanabilah pula hanya mengharamkan pernikahan anak zina ke atas kerabat lelaki penzina sahaja (al-Buhuti, 1983; al-Dusuqi, t.t).

Terdapat enam hujah yang diguna pakai oleh pandangan jumhur terhadap pengharaman anak zina meskipun nasab tidak tersabit.

Universiti Utara Malaysia

Pertama, berdasarkan ayat al-Quran yang bermaksud:

> *"Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut): ibu-ibu kamu, dan anak-anak perempuan kamu, dan saudara-saudara perempuan kamu…" (al-Nisa' 4: 23)*

Jumhur sepakat bahawa pengharaman nikah tersabit oleh persetubuhan antara bapa dengan ibu sama ada di dalam *al-firāsy* atau di luar *al-firāsy* (al-Sawi, 1952; al-Buhuti, 1983; al-Kasani, 1986). Hal demikian bersandarkan kepada maksud pengharaman di dalam perihal anak tiri dari isteri yang telah disetubuhi sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

> *"dan anak-anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telahpun menceraikan mereka), maka tidaklah salah bagi kamu (berkahwin dengannya)" (al-Nisa' 4: 23)*

Kedua, pengharaman oleh penyusuan berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud,

> *"Mereka yang haram dikahwini kerana keturunan, haram juga dikahwini dengan susuan." (Hadis riwayat al-Bukhari no 2645, dan Muslim no 1445)*

Universiti Utara Malaysia

Hanafiah dan Malikiyah berpandangan bahawa penyusuan susu ibu merupakan asbab yang turut mensabitkan pengharaman nikah antara anak zina dengan lelaki penzina (al-Sawi, 1952; Ibnu 'Abidin, 1983). Menurut Ibnu Qayyim (2010), pengharaman menikahi anak zina adalah sama berat dengan pengharaman menikahi anak susuan, sebaliknya Muhammad Rasyid (1990) berpendirian bahawa pengharaman nikah anak zina adalah lebih berat dan lebih utama dari pengharaman oleh sebab penyusuan.

Ketiga, anak adalah dari air mana lelaki penzina.

Ibnu Qudamah (1968) dan al-Sarkhasi (1989) berpandangan bahawa sekalipun anak zina tidak disabitkan nasab kepada lelaki penzina secara hukum syarak, anak tetap adalah anak kepada lelaki penzina secara biologi. Di dalam kisah Hilal bin Umaiyah,

Rasulullah SAW memerintahkan agar diperhati anak yang akan dilahirkan oleh isterinya, melalui maksud hadis seperti berikut:

> *"Perhatikan perempuan itu, jika nanti anak (yang dilahirkan) putih, berambut lurus dan mata agak merah, tandanya bayi tersebut anaknya Hilal bin Umayah, namun jika matanya agak hitam, rambutnya keriting dan betisnya ramping, maka bayi tersebut adalah milik Syarik bin Sahma`" (Hadis riwayat Muslim no. 2749).*

Perintah tersebut menunjukkan bahawa sekalipun nasab tidak tersabit oleh penzinaan, namun Rasulullah SAW mengiktiraf *syabīḥ* yang wujud oleh faktor air mani dari lelaki penzina.

Keempat, mengenai perihal Rasulullah SAW mengarahkan Saudah RA berhijab dalam hadis, "*al-walad lil firāsy"*, yang bermaksud:

> *"berhijablah kamu terhadapnya" (Hadis Riwayat al-Bukhari no.6749 dan Muslim no. 1457).*

Al-Buhuti (1983) menghuraikan bahawa hadis bermaksud *syabīḥ* secara zahir boleh menjadi dalil mahram walaupun anak dinasabkan kepada suami si ibu yang bukan bapa. Al-Nawawi (1973) dan al-Maziri (1991) pula melihat bahawa, perintah adalah sebagai langkah berhati-hati kerana anak memiliki *syabīḥ* terhadap 'Utbah.

Selain itu, menurut Musa Syahin (2002), arahan di dalam hadis adalah dituju kepada Sa'udah RA, iaitu Ummul Mukminin. Hukum ke atas Ummul Mukminin adalah khusus ke atas mereka sebagaimana perintah Rasulullah SAW kepada Maimunah RA untuk berhijab ketika didatangi oleh Abdullah Ibnu Ummi Makhtum walaupun Ibnu Ummi Makhtum seorang yang buta.

Kelima, hadis mengenai kisah ahli ibadah bernama Juraij ketika dituduh berzina, yang bermaksud:

> *"Juraij mendatangi bayi yang baru dilahirkan itu dan bertanya, "Wahai bayi, siapakah bapamu?" Jawab bayi itu, "Si pengembala" (Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 3436).*

Menurut Ibnu Hajar al-Athqalani (1959) dan Badruddin al-'Aini (2009), Allah SWT telah membenarkan perbuatan Juraij dalam menghubungkan antara anak dengan lelaki penzina, oleh kejadian di luar adat yang berlaku apabila Allah SWT menjadikan anak zina tersebut mampu berkata-kata. Hadis tersebut menjadi hujah bagi pihak yang menerima pensabitan nasab anak oleh *iqrār* bapa penzina, dalam masa yang sama, Ibnu Hajar (1959) dan Badruddin al-'Aini (2009) berpandangan bahawa hadis tersebut juga merupakan hujah bagi pihak yang menolak pensabitan nasab oleh *al-iqrār* namun mensabitkan mahram antara anak zina dengan lelaki penzina. Justeru, sekalipun sekiranya nasab tidak tersabit dan menyebabkan bapa-anak tidak boleh saling mewarisi, hadis tersebut menjadi hujah bahawa anak tetap terhukum sebagai anak kepada bapa secara alami.

Keenam, penolakan pensabitan nasab anak zina adalah sebagai hukuman ke atas bapa penzina.

Menurut al-Sarkhasi (1989) dan Abdul Karim (1993), penghalangan nasab oleh penzinaan adalah sebagai hukuman ke atas bapa penzina yang telah melakukan kemaksiatan agar tidak memperolehi manfaat dari anak. Lalu, pandangan membenarkan bapa menikahi anak perempuan dari zina dilihat tidak bersesuaian sebagai maksud hukuman dan penghinaan. Bagaimana mungkin seorang bapa tidak dibenarkan bertanggungjawab dalam perihal kebajikan anak oleh alasan halangan dari memperolehi manfaat anak, namun dalam masa yang sama dia dibolehkan menikahi anak sedangkan dia telah menyetubuhi ibu anak tersebut?

Berkenaan pandangan Syafi'iyah yang tidak mengharamkan anak zina ke atas lelaki penzina (al-Syirazi, 1983) sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam subtopik '*al-iqrār* terhadap anak zina', kajian mendapati faktor kehinaan perbuatan zina adalah

tidak cukup kuat untuk mengingkari pensabitan biologi serta hujah pihak yang mengharamkan anak zina ke atas bapa penzina tanpa nasab.

*** Namun demikian, bagi situasi anak zina yang tidak dinasabkan, Ibnu Qudamah (1968) menjelaskan bahawa pengharaman hanya melibatkan soal pernikahan antara anak dengan lelaki penzina serta *furu'* dan *uṣūl* lelaki tersebut. Anak zina tetap diharamkan dari memperlihatkan aurat kerana nasab tidak tersabit. Lalu lelaki penzina serta *furu'* dan *uṣūl* lelaki tersebut dilarang dari melihat aurat anak perempuan zina. Kajian mendapati, dua mazhab lain iaitu Hanafiah dan Malikiyah pula tidak membincangkan soal aurat anak zina tanpa nasab tersebut.

Kesimpulan perbahasan menunjukkan bahawa anak zina yang tersabit nasab memperolehi hak mahram dan aurat dari bapa penzina, sebagaimana pandangan jumhur mensabitkan mahram anak zina ke atas bapa penzina meskipun tidak tersabit nasab.

Universiti Utara Malaysia

iii. Pewarisan

Anak zina yang tersabit nasab ke atas bapa oleh *iqrār* turut memperolehi hak dan tanggungjawab dalam perihal pewarisan (al-Zaila'i, 1895; Muhammad Rasyid, 1990; Ibnu Qayyim, 2010). Hal demikian kerana, Muhammad Rasyid (1990) melihat bahawa pewarisan adalah hak susulan selepas penasaban. Manakala Hassan al-Basri dan Ibnu Sirrin terlebih dahulu mewajibkan hudud zina ke atas lelaki penzina iaitu bapa sebelum tersabit pewarisan (Ibnu Qudamah, 1968), dan pendapat tersebut di*tarjīḥ*kan oleh Ibnu Qudamah (1968). Terdapat tiga dalil yang diguna pakai dalam mensabitkan pewarisan, iaitu:

Pertama, hadis yang bermaksud,

> *Dari Shua'ib dari datuknya Abdullah Bin Amru: Rasulullah SAW bersabda: "Mana-mana pihak yang mensabitkan (dirinya) kepada bapa oleh dakwaannya selepas bapa yang disabitkan itu mati, dan (telah) diperakui (sabitan tersebut oleh waris yang lain) selepas kematian (si bapa), dia mewarisi dari kematian bapanya, dan dia (kekal) terhukum sebagaimana demikian. (Sekiranya) anak tersebut dilahirkan oleh hamba perempuan yang dimiliki bapa semasa bapa mendatanginya, anak (tetap) tersabit kepada pihak yang layak untuk dia disabitkan (si bapa). Namun, dia tidak mendapat pembahagian di dalam mirath yang telah diagihkan sebelum (pensabitan) itu. Dan dia mendapat bahagian pada mirath yang belum diagihkan (sahaja). Dan anak tidak tersabit ke atas bapa sekiranya bapa mengingkarinya. (Juga) sekiranya anak dilahirkan dari hamba perempuan yang tidak dimiliki oleh mana-mana tuan, atau dari perempuan merdeka yang berzina, maka anak itu tidak tersabit nasab dan tidak mewarisi sekalipun bapa yang didakwa (olehnya) memperakuinya" (Hadis riwayat Ibnu Majah no. 2746 dan Abu Daud, no. 2265. Terhukum hasan oleh al-Albani)*

Menurut riwayat Abu Daud no. 2266, hadis di atas mempunyai tambahan yang bermaksud:

> *"berlaku penambahan makna menerusi sanad ini, iaitu: Anak zina (yang dimaksudkan) adalah dari ibu (nya) sama ada dari perempuan merdeka atau hamba perempuan. Dan pensabitan (dilaksanakan) di permulaan (pensyariatan) Islam. Dan sebarang harta yang telah dibahagikan sebelum Islam, anak tersebut tidak memperolehi bahagiannya" (Hadis riwayat Abu Daud no. 2266. Terhukum hasan oleh al-Albani)*

Berdasarkan kepada dua hadis tersebut, Ibnu Qayyim (2010) berpandangan bahawa, dalil menceritakan tindakan Rasulullah SAW menghukum sabitan nasab dan pewarisan kepada lelaki yang membuat *iqrār* merangkumi anak yang dilahirkan dari perempuan hamba atau perempuan merdeka. *Iqrār* menyebabkan pensabitan tersabit dan anak memperolehi hak pewarisan dari bapa, tetapi anak tidak memperolehi bahagian dari pewarisan yang telah dilaksanakan sebelum nasab tersabit.

Dalam masa yang sama, pihak yang menerima pensabitan nasab anak zina oleh *iqrār* bapa telah berhujah bahawa status hadis tersebut adalah lemah oleh permasalahan perawi di dalam sanad (al-Baihaqi, 2003). Justeru, kajian melihat bahawa asas

penolakan pensabitan nasab anak zina oleh *iqrār* serta penolakan pewarisan ke atas anak yang telah tersabit nasab oleh *iqrār* itu sendiri adalah tidak cukup kuat disebabkan pertikaian terhadap darjat hadis tersebut.

Kedua, berkenaan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

> *"Tidak ada penzinaan dalam Islam. Bagi mereka yang berzina semasa jahiliyah, tetap diteruskan hubungan dengan anak sedia ada. Barangsiapa yang mengakui anak bukan dari risydah -panggilan untuk anak al-firāsy, maka tidaklah dia mewariskan dan tidak pula anak itu mewarisi" (Hadis riwayat Abu Daud no. 2264 dan Ahmad no. 3416. Terhukum ḍa'īf oleh al-Albani)*

Terdapat seorang lelaki *majḥūl* di dalam sanad periwayatan hadis (Abu Daud, t.t), lalu Ibnu Qayyim (2010) berpendapat bahawa hadis tersebut juga boleh ditolak sebagai hujah kerana hadis tidak mencapai darjat dalil yang kuat.

Selain itu, hadis membawa maksud situasi *iqrār* bapa disertakan pengakuan anak adalah dari perbuatan zina (Ibnu Ruslan, 2016). Pengakuan tersebut telah membatalkan hak pewarisan antara anak dengan bapa. Hal tersebut jelas menepati syarat pensabitan nasab anak zina oleh Hanafiah (al-Sarkhasi, 1989; Nizam, 2000) dan Abdul Karim (1993), iaitu *iqrār* bapa diterima hanya sekiranya perbuatan zina dirahsiakan. Kajian mendapati bahawa penolakan sabitan pewarisan antara kedua-duanya adalah oleh pandangan yang tidak mensahihkan pensabitan nasab (Badruddin al-'Aini, 2009) itu sendiri. Oleh hal demikian, dapat difahami di sini bahawa hadis menggambarkan situasi anak zina yang tidak tersabit nasab.

Ketiga, penggunaan *qiyās*.

Menurut Muhammad Jamil (2012), anak zina yang tersabit nasab kepada ibu penzina membawa bersama sabitan pewarisan antara kedua-duanya. Lalu, nasab yang tersabit antara anak zina dengan bapa penzina turut boleh mensabitkan hak pewarisan antara kedua-duanya.

Universiti Utara Malaysia

*** Justeru, kajian bersetuju bahawa anak zina yang tersabit nasab ke atas bapa penzina membawa bersama pensabitan di dalam perihal pewarisan antara kedua-dua pihak, kerana secara asasnya sebagaimana menurut Ibnu ‘Asyur (2012), penasaban antara anak dengan bapa mensabitkan hak bersama seperti nafkah, perwarisan dan mahram.



Rajah 2.7. Kesan penasaban anak zina di sudut syarak

Berdasarkan kepada perbincangan, difahami bahawa pensabitan nasab anak zina yang berlaku dengan kaedah yang dibenarkan oleh syarak seperti kelahiran dalam *al-firāsy* walaupun kurang enam bulan dari tarikh pernikahan atau oleh sebab *iqrār* bapa iaitu lelaki penzina, membawa kepada *al-āthār al-mutarātibah* dari sudut nafkah, mahram

pernikahan dan aurat, serta pewarisan. Kesemua hak berikut merupakan hak asasi seorang anak yang diperolehi dari bapa.

2.2.6 *Maṣlaḥah* dan *Mafsadah* dalam isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

Di dalam memahami perbezaan pandangan terhadap isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, kajian mendapati pemahaman secara ringkas terhadap kaedah ulama mengeluarkan hukum adalah penting bagi menilai sisi pandang kedua-dua pihak sama ada yang menolak dan yang menerima. Hal demikian kerana, pemilihan jenis dalil yang berbeza oleh sudut pandang yang berbeza membawa kepada perbezaan konteks perbincangan sekaligus hukum yang tidak sama. Malah, di dalam jenis dalil yang sama, misalnya qias, sekiranya berlaku perbezaan sekalipun sedikit di dalam penentuan subjek sama ada *al-aṣlu* (subjek asal) atau *al-furu'* (subjek yang memerlukan kepada hukum) atau *ḥukum al-aṣlu* (hukum subjek asal) atau *'illah* (sifat yang membina *ḥukum al-aṣlu*), telah dapat menghasikan hukum yang tidak sama (Hussain Anis Saeed, 2011).

Universiti Utara Malaysia

Secara asasnya, berdasarkan kepada literatur berkaitan, kajian mendapati di dalam proses *istinbāṭ* hukum, ulama telah sepakat memberi penekanan dalam penilaian dua eleman penting, iaitu: *maṣlaḥah* dan *mafsadah*, selain daripada kaedah pemahaman terhadap teks dalil.

i. Perbincangan perihal *maṣlaḥah*

Maṣlaḥah merupakan keutamaan di dalam pensyariatan, namun ulama berbeza pandangan mengenai maksudnya.

a) Ibnu Qayyim (1991) semasa membincangkan isu perubahan fatwa dan perbezaan pandangan di dalam perihalnya telah menyentuh penekanan

mengenai hukum syariah terbina dari kemaslahatan hamba. Menurut Ibnu Qayyim, syariah adalah binaan hukum yang berdiri dengan maksud membawa kemaslahatan manusia di dalam kehidupan dunia dan akhirat. Justeru, syariah membicarakan mengenai keadilan secara keseluruhannya, rahmah secara keseluruhannya, kemaslahatan secara keseluruhannya, dan hikmah secara keseluruhannya, lalu sekiranya sesuatu perihal itu mengeluarkan manusia dari keadilan kepada ketidakadilan, atau dari rahmah kepada yang berlawanan dengannya, atau dari *maṣlaḥah* kepada *mafsadah*, atau dari hikmah kepada perkara yang sia-sia, perihal tersebut adalah bukan sebahagian dari syariah (Ibnu Qayyim, 1991).

b) Al-Ghazali (1993) pula memperincikan *maṣlaḥah* dengan maksud bukan sekadar *'ibrah* dari *al-aṣlu* sama ada dalam bentuk membawa kepada manfaat atau menjauhi kemudaratan, namun *maṣlaḥah* merupakan penjagaan kepada -lima- maksud hukum syari'ah. Lalu, sekiranya sesuatu perihal itu memenuhi penjagaan maksud hukum syari'ah, ia adalah *maṣlaḥah*, sebaliknya jika perihal itu tidak memenuhi maksud hukum syari'ah, ia adalah *mafsadah* dan tidak membawa *maṣlaḥah*.

c) Namun demikian, pendapat yang mengkhususkan *maṣlaḥah* hanya pada penjagaan lima maksud hukum syari'ah diperjelaskan semula oleh Ibnu Taimiyah (2004) sebagai pendapat yang kurang tepat. Penjagaan lima maksud hukum syarak adalah hanya sebahagian dari *maṣlaḥah*, kerana manfaat yang diberi di dalam pengertian *maṣlaḥah* adalah lebih luas, merangkumi *maṣlaḥah* di dalam urusan dunia dan di dalam urusan *al-dīn* (agama) selagi mana tiada dalil larangan menurut syariah.

Terdapat beberapa pembahagian perbincangan ulama di bawah topik *maṣlaḥah* atau turut dikenali sebagai *maqāṣid al-syarī'ah* (maksud hukum syari'ah) (Ibnu 'Asyur, 2012). Namun, kajian memilih untuk mengetengahkan secara ringkas empat pembahagian sahaja, iaitu:

a) Pembahagian oleh jenis kekuatan yang mempunyai tiga kategori iaitu *al-ḍarūriyat* (keperluan), *al-ḥājiyat* (kehendak) dan *al-taḥsīniyat* (kecukupan) (al-Syatibi, 1997). Al-Syatibi berpendapat bahawa setiap pembahagian itu saling bertindih dan berkait antara satu sama lain, misalnya perkahwinan adalah *al-ḥājiyat* namun, menjaga keturunan adalah *al-ḍarūriyat* lalu, antara keduanya saling berhubungan (al-Syatibi, 1997).

   Sekiranya berlaku kelompongan pada kategori bawah, ia akan berubah dan menaikkan kedudukannya menjadi kategori atas. Misalnya perniagaan merupakan *al-ḥājiyat* namun, apabila berlaku krisis kewangan yang buruk di peringkat negara atau dunia, perbincangan perihal perniagaan tersebut berada di bawah *al-ḍarūriyat*. Oleh hal demikian, terdapat ulama yang menilai pembahagian jenis kekuatan tersebut sebagai 'satu kitaran yang bertindih', berbanding hanya sebagai hieraki yang tidak boleh berubah (Jamaludin 'Atiyyah, 2001).

b) Pembahagian oleh *i'tibar al-aṣlu* yang mempunyai lima kategori iaitu *maṣlaḥah ḥifzh al-dīn* (penjagaan agama), *maṣlaḥah ḥifzh al-nafs* (penjagaan nyawa), *maṣlaḥah ḥifzh al-'aql* (penjagaan akal), *maṣlaḥah ḥifzh al-nasl* (penjagaan keturunan), dan terakhir adalah *maṣlaḥah ḥifzh al-māl* (penjagaan harta) (Ibnu 'Asyur, 2012). Pada asalnya, lima kategori tersebut adalah dari perbincangan *al-ḍarūriyat* di dalam pembahagian oleh jenis kekuatan (al-Syatibi, 1997).

Universiti Utara Malaysia

c) Pembahagian dari sudut penyempurnaannya yang mempunyai dua kategori, iaitu *maṣlaḥah ‘āmmah* dan *maṣlaḥah khāṣah*.

- *Maṣlaḥah ‘āmmah*

  Maṣlaḥah kategori ini turut dikenali sebagai *maqāṣid al-kuliyyah* (maksud yang dibawa untuk semua) iaitu kemaslahatan yang dibawa memberi manfaat kepada umat manusia keseluruhannya atau sebahagian besar darinya (Hussain Anis, 2011).

  Ibnu ‘Asyur (2012) berpendapat, hal bersifat individu tidak termasuk di dalam kategori tersebut melainkan sekiranya perihal tersebut melibatkan sebahagian besar dari umat manusia seperti contoh melindungi pihak pelabur dari kebakaran dan lemas, kerana banyak manusia boleh mendapat manfaat darinya dan kebakaran atau lemas memutuskan *maṣlaḥah* dan manfaat yang boleh diperolehi tersebut. Ibnu ‘Asyur juga memasukkan perbincangan hukum fardu kifayah di dalam kategori ini, seperti menuntut ilmu *al-dīn*, berjihad dan menuntut ilmu yang dapat memberi kekuatan kepada umat manusia.

- *Maṣlaḥah khāṣah*

  Maṣlaḥah kategori ini juga dikenali sebagai *maqāṣid al-ba’diyyah* (maksud yang dibawa untuk sebahagian) iaitu kemaslahatan melibatkan sebahagian manusia (Hussain Anis, 2011).

  Ibnu ‘Asyur (2012) pula memberi maksud yang lebih terperinci iaitu perbincangan yang memberi manfaat kepada individu melalui penilaian salah seorang atau sebahagian dari ahli masyarakat sebagai proses memelihara kemaslahatan di dalam masyarakat, seperti contoh melindungi individu yang gila dari boros dengan mencatu pengeluaran

duitnya selagi mana dia masih di dalam kegilaan. Pencegahan tersebut memberi manfaat kepadanya apabila dia telah waras atau kepada ahli warisnya, namun tidak kepada masyarakat.

Ibnu Taimiyah (2004) memberi contoh mengenai perbezaan *maṣlaḥah 'āmmah* dan *khāṣah* adalah, sekiranya seorang pembunuh membunuh mangsa kerana wang, lalu si pembunuh hendaklah dijatuhkan hukuman hudud bunuh tanpa waris si mati diberi keizinan untuk memaafkannya kerana pembunuhan tidak bersifat khusus di dalam motifnya. Namun, sekiranya seorang pembunuh membunuh mangsa kerana wujud pertelingkahan antara keduanya, lalu waris si mati mempunyai hak untuk memaafkan dan melepaskan si pembunuh dari hukuman atau tidak memaafkan dan meneruskan hukuman kepada si pembunuh. Hal demikian kerana, situasi pertama bersifat memelihara *maṣlaḥah 'āmmah* kerana pembunuhan dengan motif umum membahayakan manusia lain, sebaliknya di dalam situasi kedua hanya bersifat *khāṣah*.

Daripada perbincangan kedua-dua tersebut, ulama telah mengeluarkan beberapa *qawā'id al-fiqhiyah* (kaedah fiqh) berkaitan, namun kajian hanya mengetengahkan satu kaedah sahaja, iaitu:

- *"Maṣlaḥah 'āmmah* didahulukan dari *maṣlaḥah khāṣah"*

  Sebagaimana yang telah disepakati para ulama, di dalam situasi wujud kedua-dua kemaslahatan, *maṣlaḥah 'āmmah* adalah yang terlebih dahulu perlu dilaksanakan, namun kajian mendapati terdapat tiga syarat pelaksanaan kaedah tersebut yang mana sekiranya wujud situasi yang tidak memenuhi syarat-syarat tersebut, hukum boleh berubah, iaitu:

  - Bukan di dalam keadaan *maṣlaḥah khāṣah* lebih kuat dari *maṣlaḥah 'āmmah*.

Sekiranya pertembungan antara keduanya di dalam keadaan *maṣlaḥah khāṣah* adalah dari *al-ḍarūriyat* dan *maṣlaḥah ‘āmmah* dari *al-ḥājiyat*, lalu *maṣlaḥah khāṣah* adalah lebih diutamakan (Mu-assasah Zaid, 2013). Al-Syatibi (1997) memberi misalan bahawa, keutamaan tersebut terbatal sekiranya pelaksanaan menjerumuskan pihak pelaksana ke dalam kebinasaan dirinya sendiri. Lalu, dia tidak lagi dipertanggungjawabkan mendahulukan *maṣlaḥah ‘āmmah* melainkan hanya melaksanakan apa yang telah dikhususkan kepadanya (*maṣlaḥah khāṣah*).

- Di dalam keadaan tidak mungkin dapat digabungkan secara damai antara kedua-dua kemaslahatan atau tidak dapat di*ṭārjīḥ*kan salah satu dari keduanya.

  Hal demikian kerana, asas kepada pelaksanaan *maṣlaḥah ‘āmmah* dan *khāṣah* adalah keadilan dan keseimbangan, tanpa mengetepikan salah satu dari keduanya (Mu-assasah Zaid, 2013). Perkara tersebut dibincangkan oleh Muhammad Soleh (2005) dengan mengetengahkan dalil dari kisah Rasulullah SAW memberhentikan khutbah semata-mata kerana didatangi oleh seorang lelaki asing yang bertanyakan perihal agama Islam[39]. Muhamamd Soleh menjawab persoalan mengenai

[39] Hadis yang bermaksud:
"Dari Tamim bin Usaid, "Aku mendatangi Rasulullah SAW Ketika baginda sedang menyampaikan khutbah dan aku berkata, "Wahai Rasulullah, seorang lelaki asing (iaitu dirinya sendiri) telah datang bertanyakan mengenai agamanya kerana dia tidak tahu mengenai agamanya". Lalu, Rasulullah SAW memberhentikan khutbah baginda dan mendatangiku. Kemudian dibawakan kerusi kepada baginda dan baginda duduk di atasnya. Baginda mengajarkanku apa yang telah diajarkan Allah kepadanya. Kemudian baginda menyambung khutbahnya sehingga selesai" (Riwayat dari Muslim, no. 606).

bagaimanakah boleh berlaku situasi sedemikian sedangkan hajat lelaki itu bersifat khusus dan hadirin yang mendengar khutbah bersifat umum? Beliau menjawab, situasi tersebut tidak sedikitpun menghapuskan *maṣlaḥah ʻāmmah* kerana para hadirin memperolehi ilmu dari apa yang diajar Rasulullah SAW kepada lelaki asing tersebut dan dalam masa yang sama tindakan baginda menambat hati lelaki asing tersebut sehingga beliau merasai kasih sayang dari baginda SAW. Begitulah hikmah dari tauladan Rasulullah SAW (Muhammad Soleh, 2005).

- Di dalam keadaan *maṣlaḥah khāṣah* dapat memperolehi pampasan atau ganti rugi disebabkan tindakan mengutamakan *maṣlaḥah ʻāmmah*.

  Maṣlaḥah khāṣah yang boleh diketepikan dalam memberi keutamaan kepada *ʻāmmah* perlu di dalam bentuk yang boleh digantikan dengan nilai yang sama seperti harta benda dan pemilikan hartanah. Sebaliknya sekiranya *maṣlaḥah khāṣah* dalam bentuk tidak boleh digantikan, misalnya mengorbankan sebahagian nyawa manusia untuk melindungi nyawa *ʻāmmah*, lalu tidak dibolehkan (Mu-assasah Zaid, 2013). Melainkan sekiranya kematian akan tetap berlaku pada *maṣlaḥah khāṣah* meskipun dalam keadaan tidak melaksanakan *maṣlaḥah ʻāmmah*, serta didapati dengan pelaksanaan *maṣlaḥah ʻāmmah* tersebut dapat melindungi kematian yang lebih banyak dan

Universiti Utara Malaysia

kemudaratan yang lebih dahsyat, barulah didahulukan *maṣlaḥah ‘āmmah* (al-Syatibi, 1997).

d) Dalam masa yang sama, ulama kontemporari telah membahagikan perbahasan *maqāṣid al-syarī’ah* dengan tiga klasifikasi baru (Jamaludin ‘Atiyyah, 2001), iaitu:

- *Maqāṣid al-‘āmmah*

  Perbincangan *maqāṣid* dari hukum syarak melibatkan *al-ḍarūriyat* dan *al-ḥājiyat* secara umum, misalnya perbincangan mengenai *‘adālah* (keadilan), *al-‘alamiyah* (sejagat) dan *al-taithir* (kemudahan).

- *Maqāṣid al-khāṣah*

  Perbincangan *maqāṣid* dari hukum syarak secara pengkhususan mengikut jenis tertentu atau beberapa jenis, misalnya perbincangan kebajikan dan kemaslahahan anak di dalam undang-undang keluarga.

- *Maqāṣid al-juz-iyyah*

  Perbincangan *maqāṣid* dari hukum syarak dalam menilai *‘illah* bagi kegunaan di dalam kaedah qias oleh pengiktirafan terhadap *ḍabiṭ*nya.

Jamaludin ‘Atiyyah (2001) juga merangkumkan pembahagian oleh jenis kekuatan, pembahagian oleh *i’tibar al-aṣlu* serta pembahagian dari sudut penyempurnaan kepada sebuah perbincangan di dalam pembahagian empat skop penting, iaitu: (a) skop melibatkan nilai individu; (b) skop melibatkan nilai kekeluargaan; (c) skop melibatkan nilai kemasyarakatan; dan terakhir (d) skop melibatkan nilai kemanusiaan. Pembahagian tersebut mempersembahkan kepentingan setiap *maṣlaḥah* serta keluasan dalam melihat setiap isu terutama apabila berlakunya perbezaan pandangan ulama dalam penentuan jenis kekuatan dan *i’tibar al-aṣlu.*

Universiti Utara Malaysia

Syarat penilaian terhadap penentuan *maṣlaḥah* (Wahbah Zuhaili, 1995), adalah:

a) *Maṣlaḥah* adalah memenuhi hukum syarak dengan tidak menafikan perkara asal dan tidak berlawanan dengan nas atau dalil yang jelas.
b) *Maṣlaḥah* diterima akal secara hakikat dalam penentuan pembawaan manfaat dan pencegahan mudarat.
c) *Maṣlaḥah* adalah untuk manusia secara umum, bukan bersifat individu tertentu seperti pemimpin atau ahli keluarganya semata-mata.

Kajian mendapati perbezaan definisi, konsep dan kategori di dalam perbincangan *maṣlaḥah* membawa kepada satu kesedaran bahawa isu berkaitan kemaslahatan adalah isu yang luas dan memerlukan kepada keterbukaan sikap dalam bertoleransi terhadap sudut pandang yang tidak sama selagi mana *maṣlaḥah* yang dinilai menepati maksud hukum syariah, diterima akal secara hakikat dan tidak melibatkan individu berkepentingan sahaja. Konsep menjaga *maṣlaḥah* ini membawa kepada pembentukan beberapa dalil yang tidak disepakati seperti *al-Istiḥsān* dan *maṣlaḥah* iaitu pembentukan hukum oleh *maṣlaḥah* dalam keadaan tiada dalil yang melarang (Wahbah Zuhaili, 1995).

iii. Perbincangan perihal *mafsadah*

Penilaian *mafsadah* adalah eleman ketiga yang dititik beratkan oleh ulama di dalam proses *istinbāṭ* hukum kerana melindungi makhluk dari kejahatan dan kerosakan adalah termasuk maksud hukum syariah (al-Syatibi, 1997). Meskipun dalam banyak hal, *mafsadah* tidak dapat dihilangkan sepenuhnya, pelaksanaan syari'ah atau penghapusan sesuatu perbuatan adalah tetap membawa tujuan pengurangan *mafsadah* dari terus berlaku.

Universiti Utara Malaysia

Ulama telah pembahagian *mafsadah* kepada beberapa bahagian bagi memahami keperluan pencegahannya namun, kajian memilih untuk mengetengahkan secara ringkas tiga perbincangan sahaja, iaitu:

a) Al-Syatibi (1997) membahagikan *mafsadah* atau kemudaratan oleh sesuatu perbuatan kepada tiga situasi, iaitu:

    - Pencegahan *mafsadah* yang disepakati misalnya perbuatan mencerca agama lain dengan kesedaran bahawa penganutnya akan mencerca Allah sebagai ganti
    - Disepakati tiada keperluan kepada pencegahan, misalnya penjual meletakkan harga barang yang mahal termasuk barangan asas, oleh sebab memenuhi keperluan kehidupannya.
    - Perbezaan sama ada dicegah *mafsadah* atau tidak, dan perbezaan pandangan tersebut akan tetap terus berlaku.

b) Kemudian dari tiga pembahagian tersebut, Wahbah Zuhaili (1995) mengeluarkan empat pembahagian yang lebih terperinci, iaitu:

    - Situasi diyakini bahawa *mafsadah* akan berlaku secara pasti

      Hukum pencegahan di dalam situasi tersebut adalah disepakati sebagai wajib, misalnya larangan mengorek perigi di hadapan pintu masuk rumah dalam keadaan suasana gelap kerana berlakunya kegelinciran dan terjatuh ke dalam lubang adalah sesuatu yang pasti berlaku.

    - Situasi keberangkalian berlakunya *mafsadah* adalah kecil

      Di dalam situasi ini, pencegahan tidak perlu dilakukan kerana asal perbuatan tersebut dibenarkan dan keberangkalian *mafsadah* yang dibawa adalah kecil, misalnya mengorek telaga di kawasan yang jauh

Universiti Utara Malaysia

dari kemungkinan untuk orang terjatuh ke dalamnya atau kerisauan berlakunya zina di dalam urusan jual beli rumah kepada pembeli.

- Situasi keberangkalian berlakunya *mafsadah* adalah besar dan kemungkinan itu tidak kecil, serta *zhanni* kepada berlakunya *mafsadah* itu dominan

  Di dalam situasi ini, jumhur tidak melarang perbuatan tersebut kerana asal hukum adalah harus sehingga terbukti berlakunya *mafsadah*, namun Malikiyah mencegahnya dan Wahbah Zuhaili men*tarjīḥ*kan pencegahan tersebut kerana berpendapat bahawa ia termasuk dalam tolong menolong terhadap perkara dosa dan perbalahan, misalnya di dalam situasi menjual anggur kepada pembuat arak atau menjual senjata kepada orang yang suka berperang.

- Situasi keberangkalian berlakunya *mafsadah* adalah besar dan kemungkinan itu tidak kecil tetapi *zhanni* kepada berlakunya *mafsadah* itu tidak dominan

  Perbezaan pandangan berlaku di dalam situasi tersebut oleh kekeliruan kerana asal hukum perbuatan adalah harus dan *zhanni* kepada *mafsadah* tidak jelas, lalu keberangkalian yang besar sahaja tidak menjadikan *mafsadah* akan berlaku. Oleh sebab itu, sebahagian ulama tidak mencegah perbuatan di dalam situasi tersebut, dan sebahagian yang lain mencegahnya kerana berpendapat keberangkalian yang besar sahaja sudah mencukupkan maksud *mafsadah*, misalnya kerisauan berlakunya pencabulan ke atas perempuan yang bermusafir tanpa mahram.

Universiti Utara Malaysia

c) Ibnu Qayyim (1991) pula membawa perbahasan penilaian mengenai *maṣlaḥah* dan *mafsadah* bagi men*tarjīḥ*kan antara satu sama lain dengan pembahagian empat kategori, iaitu:

- Tindakan yang pasti membawa kepada *mafsadah* tanpa terzahir sedikitpun hal sebaliknya, misalnya meminum air yang memabukkan pasti akan membawa kepada *mafsadah* mabuk, lalu hal tersebut adalah dilarang sama sekali.
- Perkara yang asalnya membawa kepada perkara harus dan dibenarkan, tetapi tindakannya membuatkan perkara tersebut menjadi haram sama ada secara sengaja atau tidak, misalnya jual beli dengan maksud riba, atau solat tanpa sebab di waktu larangan solat, lalu perkara tersebut juga adalah dilarang sama sekali.
- Perkara yang asalnya adalah harus dan tindakannya juga tidak membawa kepada *mafsadah*, tetapi keberangkalian kepada *mafsadah* itu lebih besar dan *mafsadah*nya lebih *rājiḥ* berbanding *maṣlaḥah* di dalam situasi tersebut, misalnya mencerca sembahan musyrik di belakang mereka, lalu perkara tersebut adalah dilarang.
- Perkara yang asalnya adalah harus akan tetapi dalam masa yang sama membawa kepada *mafsadah*, namun *maṣlaḥah*nya lebih *rājiḥ* berbanding *mafsadah*, misalnya melihat perempuan ajnabi yang telah menjadi tunangan dan berurusan dengannya dalam rangka taaruf antara keduanya, lalu perkara tersebut dibenarkan.

Daripada perbincangan perihal pencegahan *mafsadah*, ulama telah mengeluarkan beberapa *qawā'id al-fiqhiyah* berkaitan, namun kajian hanya mengetengahkan satu kaedah sahaja, iaitu:

Universiti Utara Malaysia

a) "*Masyaqqah* (keperitan) membawa kepada kemudahan"

Kaedah tersebut merupakan salah satu dari kaedah utama di dalam *qawā'id al-fiqhiyah* yang menghasilkan beberapa kaedah lain seperti "kemudaratan mengangkat larangan" dan "kemudaratan menghilangkan" (al-Zarqaa', 2011). Abdul Karim (2003) membahagikan dua kategori *masyaqqah*, iaitu:

- *Masyaqqah* yang kebiasaannya tidak menyebabkan terhentinya pelaksanaan hukum syariah, misalnya kesakitan dari pelaksanaan hudud tidak membatalkan hudud ke atas si pelaku, atau kepayahan perjalanan haji tidak membatalkan kewajipan ibadah haji. *Masyaqqah* kategori ini tidak termasuk di dalam perbincangan kaedah di atas.
- *Masyaqqah* yang kebiasaannya menyebabkan terhentinya pelaksanaan hukum syariah, dan di dalam kategori ini mempunyai tiga jenis, iaitu:
    - *Masyaqqah* yang teruk dan berbentuk kecelakaan, misalnya ketakutan oleh ancaman ke atas nyawa dan kelompok sehingga keutamaan perlindungannya mendahului pelaksanaan ibadah. Lalu, jenis ini memenuhi kaedah di atas.
    - *Masyaqqah* yang ringan seperti kecederaan di jari, atau mengalami sakit kepala, atau mengalami perubahan hormon dan emosi yang tidak teruk. Lalu, jenis ini tidak memenuhi kaedah di atas kerana pelaksanaan hukum syariah lebih diutamakan dari meringankan *masyaqqah* yang dihadapi.
    - *Masyaqqah* yang berada di antara dua *masyaqqah* tersebut iaitu di antara *masyaqqah* yang teruk dan berbentuk kecelakaan atau *masyaqqah* yang ringan. Di dalam situasi ini, sekiranya *masyaqqah* menghampiri jenis pertama, lalu ia adalah termasuk

Universiti Utara Malaysia

di dalam kaedah, sebaliknya sekiranya ia menghampiri jenis kedua, lalu ia tidak termasuk di dalam kaedah.

Secara ringkas, terdapat tujuh sebab yang diterima sebagai *masyaqqah* al-*mu'tabarah* (Abdul Karim, 2003; al-Zarqaa', 2011), iaitu: bermusafir; sakit; *al-ikrāh* (bukan kehendak si pelaku); terlupa; jahil; kepayahan dan kesulitan yang diketahui umum dalam menyelesaikannya atau menghadapinya; dan terakhir, kekurangan misalnya secara fizikal, atau usia -kanak-kanak-, atau jantina -perempuan-.

Menurut Abdul Karim Zaidan (2003), kemudahan yang dibenarkan syarak merangkumi tujuh bentuk iaitu, dalam bentuk dibolehkan berhenti; atau dibolehkan pengurangan; atau dibolehkan untuk diganti; atau dibolehkan untuk diawalkan; atau dibolehkan untuk diperlambatkan; atau dibolehkan untuk dipermudahkan; atau terakhir dibolehkan untuk diubah.

Dalam masa yang sama, penentuan kadar *maṣlaḥah* dan *mafsadah* dalam penilaian antara keduanya memerlukan kepada dua syarat (Hisham 'Uqdah, 2003), iaitu:

a) Penentuan *maṣlaḥah* dan *mafsadah* adalah berdasarkan hukum syarak, bukan menurut hawa nafsu semata-mata.

   Hal demikian dijelaskan oleh Ibnu Taimiyah (2004) bahawa penentuan *maṣlaḥah* dan *mafsadah* adalah menurut timbangan syariah (dalil), dan sekiranya pada keadaan tiada dalil jelas, dibolehkan ijtihad menurut pandangan pihak terbabit di dalam ilmu dan pemahaman terhadap persamaan dan prinsip. Misalnya di dalam situasi pertembungan antara seruan jihad dan berbakti kepada ibu bapa yang telah tua, tedapat hadis yang jelas telah menetapkan

Universiti Utara Malaysia

pemilihannya[40], namun bagi permasalahan lain yang tiada dalil sama ada mengenai *mafsadah* yang dibawa atau terhalang *maṣlaḥah* atau mendahulukan *maṣlaḥah*, dibenarkan untuk berijtihad dalam penentuannya (Hisham 'Uqdah, 2003).

b) Wajib membuat pertimbangan kepada *consequences* (kesan) dalam penilaian *maṣlaḥah* dan *mafsadah*.

Menurut al-Syatibi (1997), pertimbangan yang dimaksudkan adalah pemerhatian ke hadapan sama ada keputusan dalam pemilihan sama ada *maṣlaḥah* atau *mafsadah* akan menghasilkan kesan yang menepati asas maksud syarak, iaitu membawa kepada *maṣlaḥah* dan menjauhi dari *mafsadah* atau menyebabkan berlakunya pengurangan *maṣlaḥah* dan menambah lagi *mafsadah*. Misalnya, berlaku larangan untuk membunuh orang munafik di zaman Rasulullah SAW atas kebimbangan sangkaan buruk manusia bahawa baginda telah membunuh sahabatnya, lalu menjauhi Islam (Hisham 'Uqdah, 2003).

Universiti Utara Malaysia

Kajian mendapati sebagaimana keluasan perbincangan *maṣlaḥah*, perbincangan terhadap *mafsadah* turut berlaku perbezaan sudut pandang terutama dalam penentuan kadar *mafsadah* dan keperluan pencegahannya. Justeru, perbincangan memerlukan keterbukaan sikap dalam bertoleransi terhadap sisi pandang yang tidak sama selagi mana *mafsadah* yang dinilai adalah berasaskan kepada hukum syarak dan dipertimbangkan kesannya secara saksama menurut hukum syarak. Konsep menjauhi *mafsadah* ini membawa kepada pembentukan beberapa dalil yang tidak disepakati

[40] Hadis yang bermaksud:
"Apakah amalan yang paling disukai oleh Allah? Baginda menjawab, "Solat pada waktunya". Aku bertanya lagi, "Selepas itu apa lagi?" Baginda menjawab, "Berbuat baik kepada kedua ibu bapa", aku bertanya lagi, "Selepas itu apa lagi?" Baginda menjawab, "Berjihad di jalan Allah" (Riwayat dari Muslim, no. 160)

seperti *sadd al-ẓarā-i'* iaitu penghalangan pada perkara yang asalnya harus namun perkara tersebut sedang berada di dalam situasi membawa kepada *mafsadah* dan kemudaratan (Wahbah Zuhaili, 1995), dalam keadaan telah di*tarjīḥ*kan bahawa *mafsadah*nya lebih besar berbanding *maṣlaḥah* (Ibnu Qayyim, 1991).

*** Perbincangan lanjut perihal *maṣlaḥah* dan *mafsadah* akan dibawa ke dalam bab lima bagi analisis kebolehlaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

2.3 Bentuk pelaksanaan penasaban anak di dunia Islam

Dalam bahagian berikut, kajian melibatkan perundangan negara Islam yang menerima kaedah pensabitan nasab selain dari kelahiran melebihi enam bulan *al-firāsy*. Kajian juga memperincikan kepada isu *al-āthār al-mutarātibah* oleh negara terbabit bagi memahami dengan lebih lanjut, konsep pelaksanaan pensabitan nasab menurut hukum syarak dalam realiti kontemporari. Negara yang diambil sebagai topik perbincangan adalah negara Maghribi, Jordan dan Indonesia. Kajian mendapati, ketiga-tiga negara tersebut mengambil pandangan yang menyerupai fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh JFN Perlis.

2.3.1 Pelaksanaan di Maghribi

Secara umum, Maghribi mengambil Mazhab Maliki sebagai mazhab utama negara. Hal tersebut tercatat di dalam risalah terbitan Kementerian Hal Ehwal Awam dan Islam tulisan Abdul Salam al-Asri (1996), mengenai saranan rujukan kepada *qawl al-rājiḥ, al-masyḥūr* atau *al-'amal* dalam Mazhab Maliki bagi hal-hal yang tidak termaktub dalam akta perundangan.

Menurut Abdul Salam (1996), asas rujukan hukum oleh perundangan Maghribi adalah menggunakan kaedah *Uṣūl al-Fiqh* dan *Fiqh al-Islāmī*. Bagi masalah *fiqh*, rujukan perlu berpandukan kepada Mazhab Maliki sepenuhnya. Manakala bagi masalah yang

memerlukan kepada kaedah *istinbāṭ al-ḥukmi* menggunakan ilmu *Uṣūl al-Fiqh*, kebebasan diberikan kepada pihak yang terlibat untuk mengambil pandangan dari mana-mana empat mazhab besar iaitu, Mazhab Hanafi, Syafii, Hanbali dan Maliki. Namun disarankan untuk mengambil pandangan yang cenderung dengan Mazhab Maliki.

Selain itu, berdasarkan perundangan Maghribi, raja selaku '*Amīrul Mu'minīn* berada di posisi berkelayakan untuk mengeluarkan ijtihad serta boleh melakukan rombakan dalam perundangan dan adat *(The Moroccon Family Code: Moudawana,* 2004*)*.

Pada tahun 2004, Akta *Moudawana* atau Undang-Undang Keluarga di Maghribi telah direformasikan dengan beberapa perubahan berdasarkan tuntutan semasa dalam masyarakat. Perkara yang dititikberatkan dalam pembaharuan adalah mengenai kebajikan anak-anak (Foblets, 2007; Monjid, 2014; Schlumpf, 2016). Oleh hal demikian, antara pembaharuan yang telah diwartakan adalah mengenai pensabitan nasab anak yang dilahirkan di luar *al-firāsy*, namun dapat disabitkan hubungan dengan jalur bapa melalui kaedah penasaban lain.

Menurut Akta *Moudawana* Artikel 152[41], 153[42], 154[43] dan 159[44], asas penasaban anak kepada bapa adalah masih berpandukan pendapat ulama empat mazhab, iaitu *al-firāsy*

[41] *Article 152: Paternity is established by: (1) the conjugal bed; (2) acknowledgement; (3) sexual relations by error.*
[42] *Article 153: The conjugal bed is proven by the same means used to prove the marital relationship. The conjugal bed that meets the required conditions is irrefutable proof of paternity, only subject to disavowal by the husband through a sworn allegation of adultery committed by his spouse, or by means of an irrefutable expertise, upon two conditions: (1) The husband must present solid proof of his allegations; (2) Issuance of a judicial decision ordering the expertise.*
[43] *Article 154: The paternity of a child is proven by the conjugal bed: (1) If the child is born six months after the marriage contract was concluded and the opportunity for sexual intercourse has existed, whether the marriage contract is valid or defective; (2) When the child is born during the year that follows the date of separation.*
[44] *Article 159: The husband's paternity of the child and the pregnancy of his wife may only be refuted by judicial decision, in accordance with preceding Article 153.*

dengan syarat kelahiran melebihi enam bulan. Pensabitan *al-firāsy* tidak boleh disangkal kecuali dengan perbuatan *li'ān* atau bukti tuduhan zina isteri oleh suami.

Reformasi melibatkan Artikel 151[45], 155[46] dan 156[47] *Moudawana,* iaitu pengesahan pensabitan nasab anak pada kelahiran oleh sebab persetubuhan syubhah. Artikel 156 memasukkan status pertunangan sebagai persetubuhan syubhah, dengan syarat pertunangan berlaku di bawah pengetahuan keluarga bagi kedua-dua belah pihak. Pembaharuan turut melibatkan Artikel 16[48], 153, 156 dan 158[49] *Moudawana* apabila prosiding kehakiman membenarkan ujian DNA dilakukan terhadap anak dari persetubuhan syubhah, yang diingkari oleh bapa tanpa membawa bukti *li'ān*.

Menurut Leon Buskens (2010), pembaharuan Akta *Moudawana* memberi bidang kuasa yang lebih luas kepada hakim dalam mensabitkan jalur bapa kepada anak serta mensabitkan kewujudan sesuatu pernikahan. Bidang kuasa tersebut adalah selaras dengan konsep keluasan ijtihad yang berpandukan kepada dalil syarak. Misalnya

Universiti Utara Malaysia

[45] *"Article 151: Paternity is established by presumption and may only be refuted by judicial decision.*

[46] *Article 155: If a pregnancy results from sexual relations by error and the woman delivers within the minimum and maximum statutory pregnancy period, the child's paternity shall be attributed to the author of the sexual intercourse. Paternity due to sexual relations by error is established by all legal means.*

[47] *Article 156: If an engagement takes place by an offer and acceptance but for reasons of force majeure the marriage contract was not officially concluded, and during the engagement period the engaged woman shows signs of pregnancy, the child is affiliated to the engaged man on the grounds of sexual relations by error when the following conditions are met: (1) If the two engaged person's families are aware of the engagement, and if the woman's legal tutor, if required, has approved the engagement; (2) If it appears that the engaged woman became pregnant during the engagement period; (3) If the two engaged persons mutually acknowledge that they are responsible for the pregnancy. These conditions are established by a judicial decision not open to appeal. If the engaged man denies responsibility for the pregnancy, all legal means may be used to prove paternity.*

[48] *Article 16: A marriage contract is the accepted legal proof of marriage. If for reasons of force majeure the marriage contract was not officially registered in due time, the court may take into consideration all legal evidence and expertise; During its enquiry the court shall take into consideration the existence of children or a pregnancy from the conjugal relationship, and whether the petition was brought during the couple's lifetimes; Petitions for recognition of a marriage are admissible within an interim period not to exceed five years from the date this law goes into effect.*

[49] *Article 158: Paternity is proven by the conjugal bed, the father's acknowledgement, the testimony of two public notaries (adouls), oral testimony, and by all other legal means, including judicial expertise (The Moroccon Family Code: Moudawana,* 2004*)*

melalui Artikel 16, hakim mempunyai kuasa untuk mengesahkan kontrak pernikahan walaupun pernikahan itu terdapat kelompongan. Hal demikian kerana, kehamilan dan kelahiran anak diambil sebagai bukti kewujudan kontrak pernikahan. Selanjutnya, Artikel 155 dan 156 memperakui bahawa apabila lelaki dan perempuan menyangka mereka berada dan sedang mempertahankan hubungan suami dan isteri, walaupun tanpa kontrak pernikahan yang rasmi, hal demikian termasuk dalam situasi syubhah.

Bagi memastikan ketelitian dalam pelaksanaan pensabitan nasab yang berlaku di luar dari konteks asas, mekanisma saintifik digunakan. Maghribi menggunakan kaedah DNA dalam pelaksanaan kepada pembaharuan Akta *Moudawana* (Serrano-Ruano, 2018) terutama apabila berlaku *iqrār* penasaban ke atas orang lain atau *iqrār* oleh ibu ke atas bapa tanpa *al-firāsy*. Namun begitu, hanya hakim yang mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada ujian DNA perlu atau tidak dalam prosiding kehakiman. Hal demikian kerana, metode utama seperti *al-firāsy, al-iqrār* dan *al-bayyinah* adalah keutamaan dalam pensabitan nasab (Foblets, 2007; Schlumpf, 2016).

Universiti Utara Malaysia

Penerimaan kaedah lain adalah sebagai langkah ke arah mengekang dan menyulitkan lelaki yang telah menghamilkan perempuan daripada perbuatan mengingkari nasab dan berlepas tangan terhadap kebajikan anak (Buskens, 2010; Schlumpf, 2016). Hal demikian kerana, Artikel 145[50] dan 157[51] *Moudawana* memperakui bahawa, nasab yang telah tersabit walaupun di luar dari *al-firāsy*, akan mengiktiraf anak sebagai anak

[50] *Article 145: When the filiation of a child of unknown paternity is established by acknowledgement of paternity or by judicial decision, the child shall become legitimate, acquire his father's name and religion, they mutually inherit from each other, and such filiation creates the marriage impediments and results in the paternity and filiation rights and duties…*

[51] *Article 157: When paternity is proven, even if the marriage is defective, if it results from sexual relations by error, or by acknowledgement, it produces all of the effects of kinship, including the prohibition of marriage within degrees of kinship and breastfeeding relations, and creates kinship maintenance and inheritance rights (The Moroccon Family Code: Moudawana,* 2004*)*

sah taraf dan mendapat hak yang sama dalam mahram, nafkah, pewarisan dan pewalian dari jalur bapa.

2.3.2 Pelaksanaan di Jordan

Qānūn Al-Aḥwāl al-Syakhṣiyah atau Undang-Undang Keluarga di Jordan pada asasnya mengamalkan kaedah pensabitan nasab mengikut ulama empat mazhab, iaitu *al-firāsy* dengan syarat kelahiran melebihi enam bulan[52]. Oleh kerana itu, anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan adalah berstatus anak tidak sah taraf.

Pada tahun 2018, Dewan Parlimen Jordan serta Bahagian Pentadbiran Kehakiman telah bersetuju meluluskan kebenaran pensabitan nasab menggunakan kaedah DNA bagi persetubuhan syubhah. Persetubuhan syubhah di sisi perundangan juga berlaku penelitian semula dan membawa maksud seperti berikut, "sekiranya tidak wujud akad sahih atau fasid, serta wujud hubungan *dukhūl* bersama perempuan itu, sehingga perempuan itu mendatangkan (melahirkan) anak oleh sebab *dukhūl* tersebut" (Sameer Hadadin, 2018).

Universiti Utara Malaysia

Pembaharuan dalam keterangan undang-undang tersebut adalah reformasi yang baik untuk pensabitan nasab. *Madah* 157[53] Undang-Undang Keluarga Jordan sebelum ini hanya menerima pensabitan anak oleh ujian DNA sekiranya disertakan pembuktian *al-firāsy al-zaujiyah*. Oleh hal demikian, larangan *li'ān* bapa terhadap anak yang tersabit

[52] "*Madah* 156: Tempoh minima kehamilan adalah enam bulan dan tempoh maksima adalah satu tahun" dan *Madah* 158: "(a) anak adalah milik *ṣāḥib al-firāsy* (suami) sekiranya jarak kelahiran dengan akad pernikahan adalah dalam tempoh minima kehamilan; (b) tersabit nasab anak ke atas akad fasid atau persetubuhan syubhah sekiranya anak dilahirkan dalam tempoh minima kehamilan dari tarikh *dukhūl* atau persetubuhan syubhah"

[53] "*Madah* 157: Tidak tersabit nasab anak kepada bapa nya kecuali dengan: …. (d) dengan kaedah DNA bersama bukti pernikahan antara suami dan isteri"

oleh ujian DNA seperti termaktub dalam *Madah* 163[54], hanya terpakai ke atas anak yang dilahirkan dalam *al-firāsy* yang terbukti, iaitu pernikahan sahih atau fasid.

Susulan dari pembaharuan tersebut, Majlis Fatwa dan Penyelidikan Islam Jordan mengusulkan pindaan terhadap *Madah* 157 dengan rumusan baru seperti berikut: "(1) Penasaban anak tersabit ke atas bapa oleh *al-firāsy al-zaujiyah*; atau oleh *al-iqrār*; atau oleh *al-bayyinah*; (2) ke atas (bidang kuasa) mahkamah untuk mensabitkan nasab anak oleh kaedah saintifik menurut pertimbangan hukum-hukum yang membolehkan tersabit nasab anak berasaskan (keberangkalian) wujud hubungan *al-firāsy*" (*Ḥukmu ithbāt al-naṣab*, 2018). Keputusan berikut dibuat bagi membenarkan pensabitan nasab anak tanpa pernikahan menggunakan kaedah ujian DNA di bawah perintah mahkamah, terutama membabitkan kelahiran dari mangsa rogol.

Lebih-lebih lagi, jenayah rogol mengakibatkan mangsa yang hamil terpaksa menanggung kesulitan sendirian dan anak dipisahkan dari mangsa kerana tidak mempunyai bukti pernikahan (*Taḍāmīn: Qarār lil majlis*, 2018). Kesan kepada pembaharuan menyebabkan anak yang tersabit nasab ke atas bapa memperolehi segala hak anak di sisi perundangan negara Jordan seperti hak nafkah[55], hak pewalian[56], hak mahram dan hak pewarisan.

Menurut Ketua Hakim Negara Jordan, pembaharuan adalah untuk memelihara kebajikan seluruh komponen keluarga, terutama ibu dan anak. Pembaharuan mengambil kira penggunaan teknik dan kaedah saintifik seiring perkembangan

[54] "*Madah* 163: …. (c) Terhalang ke atas bapa yang melakukan *li'ān* untuk menafikan nasab anak yang sedang dikandung atau telah dilahirkan, bagi situasi seperti berikut: ..(iii) jika tersabit nasab melalui ujian DNA bahawa anak yang dikandung atau yang dilahirkan adalah anak kepadanya" (Qānūn al-Aḥwāl, 2010).

[55] "*Madah* 187:..nafkahnya (anak) adalah ke atas bapa tanpa bercampur dengan pihak lain kecuali sekiranya bapa adalah seorang fakir atau tidak berkemampuan fizikal atau mental.."

[56] "*Madah* 223: Bersamaan Madah 14 dalam kanun ini, wali anak perempuan adalah bapanya, kemudian wakil dari bapanya, kemudian datuk sahih, kemudian wakil datuknya …" (Qānūn al-Aḥwāl, 2010).

semasa. Hal tersebut memberi kuasa yang lebih bebas kepada Mahkamah Syariah dalam penggunaan ujian DNA untuk prosiding kehakiman nasab anak yang dilahirkan di luar *al-firāsy* (*Qāḍī al-quḍāh*, 2019). Pembaharuan Akta *Moudawana* di Maghribi menjadi model kepada Kerajaan Jordan memperkasakan pemeliharaan hak anak dalam hal penasaban. Kemaslahatan anak adalah tumpuan semua pihak kerana anak tidak seharusnya menanggung dosa ibu bapa (Rasyid al-'Asaf, 2018).

2.3.3 Pelaksanaan di Indonesia

Agama Islam tidak menjadi agama rasmi Undang-Undang Dasar Negara (UUDN) Republik Indonesia, namun, tercatat dalam Pasal 29, UUDN Republik Indonesia, seperti berikut:

> "1. Negara berdasar atas Ketuhanan Yang Maha Esa" (Undang-Undang Dasar (1945): Hal. 15)

Indonesia dinisbahkan sebagai negara Islam dan menganggotai Pertubuhan Kerjasama Islam atau *OIC* (*Member states*, t.t), kerana jumlah penganut agama Islam adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 87.2 persen (*Indonesia: People and society*, 2019).

Asas penasaban anak di Indonesia adalah kelahiran di dalam pernikahan tanpa syarat tempoh minima kehamilan sebagaimana yang ditetapkan oleh ulama empat mazhab. Hal demikian tercatat di dalam Pasal 99[57] Kompilasi Hukum Islam (KHI) Indonesia, serta Undang-Undang Indonesia (UUI) Pasal 42 [58] melibatkan warganegara berpenganut Islam dan bukan Islam. Sebaliknya anak yang dilahirkan di luar dari

[57]"Pasal 99: Anak yang sah adalah: a. anak yang dilahirkan dalam atau akibat perkawinan yang sah; b. hasil perbuatan suami isteri yang sah diluar rahim dan dilahirkan oleh isteri tersebut" (Kompilasi Hukum Islam, 2001)

[58]"Pasal 42: Anak yang sah adalah anak yang dilahirkan dalam atau sebagai akibat perkawinan yang sah" (Undang-Undang Republik, 1974).

pernikahan adalah anak tidak sah taraf menurut kedua-dua perundangan seperti yang tercatat dalam Pasal 43 ayat (1) UUI[59] dan Pasal 100 KHI[60].

Pada tahun 2012, Mahkamah Konstitusi (MK) melalui kes MK No.46/PUUVIII/2010, telah mengiktiraf penggunaan sebarang teknologi untuk menghubungkaitkan bapa dengan anak[61] walaupun anak dilahirkan di luar pernikahan. MK berpendapat Pasal 43 ayat (1) UUI tidak mempunyai kekuatan untuk melupuskan hubungan biologi antara anak dengan bapa dalam hal yang dapat dibuktikan oleh teknologi saintifik seperti ujian DNA. Penghujahan MK membawa kepada perubahan huraian bagi Pasal 43 ayat (1) daripada maksud asal, iaitu anak yang lahir di luar pernikahan hanya mempunyai hubungan dengan ibu sahaja, kepada:

> "Anak yang dilahirkan di luar perkawinan mempunyai hubungan perdata dengan ibunya dan keluarga ibunya serta dengan laki-laki sebagai ayahnya yang dapat dibuktikan berdasarkan ilmu pengetahuan dan teknologi dan/atau alat bukti lain menurut hukum mempunyai hubungan darah, termasuk hubungan perdata dengan keluarga ayahnya" (Putusan Nomor 46/PUU-VIII/2010: 37)

Universiti Utara Malaysia

[59] "Pasal 43(1): Anak yang dilahirkan diluar perkawinan hanya mempunyai hubungan perdata dengan ibunya dan keluarga ibunya." (Undang-Undang Republik, 1974)

[60] "Pasal 100: Anak yang lahir di luar perkawinan hanya mempunyai hubungan nasab dengan ibunya dan keluarga ibunya" (Kompilasi Hukum Islam, 2001)

[61] Penghujahan MK: "Secara alamiah, tidaklah mungkin seorang perempuan hamil tanpa terjadinya pertemuan antara ovum dan spermatozoa baik melalui hubungan seksual (coitus) maupun melalui cara lain berdasarkan perkembangan teknologi yang menyebabkan terjadinya pembuahan. Oleh karena itu, tidak tepat dan tidak adil manakala hukum menetapkan bahwa anak yang lahir dari suatu kehamilan karena hubungan seksual di luar perkawinan hanya memiliki hubungan dengan perempuan tersebut sebagai ibunya. Adalah tidak tepat dan tidak adil pula jika hukum membebaskan laki-laki yang melakukan hubungan seksual yang menyebabkan terjadinya kehamilan dan kelahiran anak tersebut dari tanggungjawabnya sebagai seorang bapak dan bersamaan dengan itu hukum meniadakan hak-hak anak terhadap lelaki tersebut sebagai bapaknya. Lebih-lebih manakala berdasarkan perkembangan teknologi yang ada memungkinkan dapat dibuktikan bahwa seorang anak itu merupakan anak dari laki-laki tertentu" (Putusan Nomor 46/PUU-VIII/2010: 34)

Pensabitan sebagai anak membolehkan anak menikmati hak mempunyai keluarga dan hidup tanpa diskriminasi[62], sekaligus mendapat semua hak sebagai seorang anak dari bapa berdasarkan Pasal 45[63].

Keputusan tersebut tidak dipersetujui oleh Majelis Ulama Indonesia (MUI). MUI sebaliknya mencadangkan beberapa tindakan yang lebih menepati pandangan ulama, iaitu:

> "Pertama (Ketentuan Umum): …4. Wasiat *wajibah* adalah kebijakan *ulil amri* (penguasa) yang mengharuskan laki-laki yang mengakibatkan lahirnya anak zina untuk berwasiat memberikan harta kepada anak hasil zina sepeninggalnya…Kedua (Ketentuan Hukum): …5. Pemerintah berwenang menjatuhkan hukuman *ta'zir* kepada lelaki pezina yang mengakibatkan lahirnya anak dengan mewajibkannya untuk: (a) mencukupi kebutuhan hidup anak tersebut; dan (b) memberikan harta setelah ia meninggal melalui wasiat wajibah. 6. Hukuman sebagaimana dimaksud nomor lima bertujuan melindungi anak, bukan untuk mensahkan hubungan nasab antara anak tersebut dengan lelaki yang mengakibatkan kelahirannya" (Fatwa Majelis Ulama, 2012: 9-10).

Walaupun begitu, pertindihan antara keputusan MK dengan Pasal 42 UUI dan Pasal 99 KHI, adalah tidak menyalahi perundangan. Hal demikian kerana, pada dasarnya pihak hakim tidak terikat dengan pihak-pihak untuk mensabitkan nasab anak, seperti yang tercatat dalam Pasal 44 (2)[64] UUI.

Justeru, kebebasan memberi bidang kuasa kepada pihak hakim dalam membuat keputusan berdasarkan kepada pemerhatian terhadap keperluan semasa dan situasi pihak pemohon. Terutama apabila melibatkan anak yang dilahirkan dari hubungan pernikahan yang tidak diiktiraf perundangan, seperti pernikahan *sirrī* (Sri Budi, 2014;

---

[62] Pasal 28B ayat (1): "Setiap orang berhak membentuk keluarga dan melanjutkan keturunan melalui perkawinan yang sah"; Pasal 28B ayat (2): "Setiap anak berhak atas kelangsungan hidup, tumbuh, dan berkembang serta berhak atas perlindungan dari kekerasan dan diskriminasi" (Undang-Undang Dasar. Hal. 12)
Pasal 28D ayat (1): "Setiap orang berhak atas pengakuan, jaminan, perlindungan, dan kepastian hukum yang adil serta perlakuan yang sama di hadapan hukum." (Undang-Undang Dasar. Hal. 13)

[63] Pasal 45 ayat (1): "Kedua orang tua wajib memelihara dan mendidik anak-anak mereka sebaik-baiknya" (Undang-Undang Republik, 1974)

[64] Pasal 44 (2): "(2) Pengadilan memberikan keputusan tentang sah/tidaknya anak atas permintaan pihak yang berkepentingan" (Undang-Undang Republik, 1974).

Prihatini, 2016). Sedangkan pernikahan sahih di sisi hukum adat perlu diiktiraf sebagai *al-firāsy* menurut Pasal 2 ayat (1)[65] UUI.

2.4 Kesimpulan

Terdapat beberapa kaedah pensabitan nasab anak menurut Islam yang dibincangkan di dalam bab, iaitu: (i) *al-firāsy*; (ii) *al-iqrār*; (iii) *al-bayyinah*; dan (iv) *al-qiyāfah*. Dalam kaedah *al-firāsy*, ulama empat mazhab berpendapat pensabitan hanya berlaku sekiranya kelahiran anak melebihi enam bulan dari tarikh pernikahan ibu bapa. Dalam masa yang sama, anak mesti dilahirkan dalam tempoh maksima kehamilan seperti dua, empat, dan lima tahun bagi pensabitan nasab selepas perpisahan suami dan isteri melibatkan talak atau kematian.

Sedangkan, kajian melihat bahawa pelaksanaan hukum pengecualian penasaban di dalam *al-firāsy* oleh pengingkaran dengan perbuatan *li'ān* adalah asas paling kuat dan paling jelas dalam isu pensabitan nasab anak menurut Islam. Sebaliknya pensyaratan tempoh minima dan maksima adalah perbincangan yang tidak kuat dan boleh dibahaskan kerana berlaku perbezaan pandangan dalam perihal tempoh penyusuan, had pensabitan mahram dan kaedah kiraan enam bulan serta percanggahan dalam perihal pembuktian teknologi sains. Sains kontemporari mendapati bahawa kelahiran anak berusia kurang 24 minggu dalam kandungan adalah mampu hidup dan membesar dengan sihat. Begitu juga pembuktian usia maksima janin adalah 42 minggu dalam kandungan sebelum kemudian akan mati dengan sendiri.

[65] Pasal 2 ayat (1): "Perkawinan adalah sah, apabila dilakukan menurut hukum masing-masing agamanya dan kepercayaannya itu" (Undang-Undang Republik, 1974)

Perbezaan pandangan turut berlaku dalam kaedah *al-iqrār*. *Iqrār* terhadap anak zina secara umumnya ditolak oleh ulama empat mazhab, namun sebahagian ulama membenarkan *iqrār* bapa tanpa *al-firāsy* terhadap anak zina, sekiranya tidak berlaku pertembungan dengan pemilik *al-firāsy*. Hal demikian kerana, dalil yang menolak pensabitan nasab anak zina adalah berpandukan hadis perselisihan antara Sa'ad Bin Abi Waqqas dan Abdu Bin Zam'ah serta dua hadis lain yang tidak kuat sebagai hujah. Selain itu, penerimaan penasaban anak zina tanpa *al-firāsy,* dan anak zina yang dilahirkan di dalam *al-firāsy* namun kurang enam bulan adalah untuk memelihara kemaslahatan anak dan memelihara anak dari kemudaratan.

Bagi *iqrār* penasaban ke atas orang lain, *al-bayyinah* diperlukan untuk pensabitan nasab. *Al-Bayyinah* adalah *syahādah* dalam perihal kehamilan atau kelahiran atau jenis jantina anak semasa dilahirkan bergantung kepada situasi. Kajian mendapati dokumentasi kesihatan untuk ibu hamil dan dokumentasi kelahiran yang disahkan oleh staf kesihatan pada zaman kontemporari adalah *syahādah* kehamilan, kelahiran dan jantina anak.

Universiti Utara Malaysia

Jumhur ulama kontemporari mengiktiraf ujian DNA sebagai *al-qiyāfah* dan ketepatannya adalah lebih diyakini. Namun, beberapa syarat penggunaan ujian DNA telah digariskan iaitu, larangan ujian DNA terhadap anak yang telah tersabit nasab serta larangan penggunaannya sebelum dilakukan perbuatan *li'ān*. Begitu juga larangan ujian DNA terhadap anak zina tanpa didahului oleh kaedah penasaban lain. Sebaliknya ujian DNA boleh dilakukan terhadap *majḥūl* nasab kerana pertikaian bukti, atau pengesahan anak yang tertukar, atau pengecaman anak yang terpisah akibat bencana.

Kesan penasaban menggunakan kaedah yang dibenarkan menurut Islam terhadap anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan *al-firāsy* atau anak zina membawa kepada *al-āthār al-mutarātibah* melibatkan hak dan tanggungjawab yang sama seperti anak yang dilahirkan melebihi enam bulan *al-firāsy* melibatkan nafkah, mahram dari sudut pernikahan dan aurat, serta pewarisan dari bapa.

Di dalam memahami perbezaan pandangan terhadap isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, perbincangan ringkas perihal kaedah *istinbāṭ* hukum oleh ulama membantu menilai sisi pandang kedua-dua pihak sama ada yang menolak dan yang menerima. Secara asasnya, perbezaan di dalam penilaian dua eleman penting, iaitu: *maṣlaḥah* dan *mafsadah* telah membawa kepada pendapat yang tidak sama dan kajian mendapati bahawa hal tersebut tidak menjadi suatu masalah selagimana penentuan tersebut bertepatan dengan ciri dan syarat yang telah ditetapkan.

Tiga negara Islam telah diambil sebagai contoh untuk melihat kaedah pelaksanaan pensabitan nasab selain syarat kelahiran melebihi enam bulan *al-firāsy*. Tiga negara tersebut adalah Maghribi, Jordan dan Indonesia. Di Maghribi, akta *Moudawana* mengiktiraf sebarang keraguan berhubung *al-firāsy* yang membolehkan tersabit nasab serta menerima kaedah *al-iqrār* bagi keadaan di luar *al-firāsy*. Kesan perubahan akta telah memasukkan kehamilan dalam tempoh pertunangan sebagai kehamilan dari persetubuhan syubhah dan membolehkan anak dinasabkan kepada bapa iaitu suami si ibu, dengan syarat pertunangan diketahui oleh kedua-dua pihak keluarga.

Negara Jordan turut mengiktiraf penggunaan ujian DNA terhadap penasaban anak oleh sebab persetubuhan syubhah. Persetubuhan syubhah juga diberi maksud dengan lebih meluas, iaitu persetubuhan yang tidak dapat dibuktikan oleh pernikahan sahih atau fasid, namun kewujudan anak telah membuktikan persetubuhan tersebut. Hal demikian

Universiti Utara Malaysia

membantu ibu yang melahirkan anak di luar *al-firāsy* untuk membawa permohonan pensabitan nasab terhadap lelaki penzina yang tidak bertanggungjawab di meja perundangan.

Indonesia pula sememangnya menerima penasaban anak yang dilahirkan dalam pernikahan tanpa syarat kelahiran melebihi enam bulan *al-firāsy*. Pembaharuan yang berlaku adalah melibatkan penerimaan pensabitan nasab oleh ujian DNA ke atas anak yang dilahirkan di luar *al-firāsy*, terutama melibatkan pernikahan yang tidak iiktiraf oleh perundangan akibat tiada rekod pendaftaran atau pernikahan *sirrī*. Pembaharuan membantu mensabitkan nasab anak kepada bapa, dan memberi hak anak dalam hal nafkah, mahram, pewarisan dan pewalian.

Universiti Utara Malaysia

BAB TIGA

PENASABAN ANAK KELAHIRAN KURANG ENAM BULAN BERASASKAN FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS

3.0 Pengenalan

Bab tiga adalah kesinambungan dari bab dua, iaitu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan berasaskan fatwa JFN Perlis. Bab dimulai oleh perbincangan terhadap teks fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan merangkumi latar belakang fatwa serta jalur waktu pewartaan dan penguatkuasaannya. Kemudian perbincangan memperhalusi penghujahan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan merangkumi semakan terhadap kertas kerja pembentangan yang digunakan semasa proses penghasilan fatwa, serta membentangkan keputusan yang disepakati. Kajian turut membawakan perbezaan penghujahan antara JFN Perlis dan MKI di dalam melihat isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Selain itu, kajian mengetengahkan reaksi terhadap pewartaan fatwa, seterusnya diikuti perbincangan terhadap keputusan fatwa susulan fatwa penasaban, iaitu melibatkan: (i) penasaban anak angkat kepada bapa angkat; (ii) penentuan DNA dalam kes anak tidak sah taraf; (iii) tempoh kehamilan; (iv) hukum bernikah dengan perempuan hamil hasil hubungan dengan lelaki lain; dan (v) fatwa berkaitan *mīrāth*, wali perkahwinan dan *maḥrāmiyyah* bagi anak tidak sah taraf, bagi memahami konteks JFN Perlis dalam memutuskan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

Universiti Utara Malaysia

3.1 Fatwa penasaban anak kelahiran kurang dari enam bulan

Pada tahun 2008, mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri (JSN)[66] Perlis kali ke-3 telah memutuskan satu keputusan fatwa mengenai anak tidak sah taraf. Fatwa tersebut adalah seperti berikut:

> "anak yang lahir kurang dari enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh suami" (Hukum menasab anak, 2008. Hal. 3).

Mesyuarat berlangsung pada 27 Ogos 2008 di Hotel The Regency, Alor Setar Kedah dan dihadiri oleh lapan orang ahli majlis JSN serta seorang urusetia[67].

Fatwa berikut kemudiannya diwartakan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam pada tarikh 17 Januari 2013, dengan *ṣīghah* seperti berikut:

> "Anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami" (Enakmen 4 Tahun 2006)

3.1.1 Latar belakang fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

Menurut Timbalan Mufti (Roslan Esa, 2019), permulaan fatwa adalah cetusan dari Mohd Asri selaku Mufti pada waktu tersebut. Hal demikian berlaku apabila wujud persoalan dari masyarakat kepada Jabatan Mufti dan pihak Jabatan Mufti melihat kepada kepincangan dalam realiti masyarakat (Abdul Hadi, 2019). Selaku ahli JFN semenjak tahun 2008, Abdul Hadi (2019) memberi penegasan bahawa, keputusan

[66] Istilah Jawatankuasa Syariah Negeri (JSN) Perlis diguna pakai sebelum ditukar menjadi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis pada tahun 2006 menurut subSeksyen 46(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam, namun hanya dikuatkuasakan pada tahun 2010 (Roslan Esa, 2019).
Ahli Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis tahun 2008: Pengerusi: Mohd Asri Bin Zainal Abidin. Ahli: (a) Mohd Radzi Bin Othman; (b) Ahmad Bin Jusoh: (c) Mat Jahya Bin Hussin; (d) Juanda Bin Haji Jaya; (e) Azwira Bin Abd. Aziz; (f) Abdullah Bin Yasin; (g) Abd. Malik Bin Hussin; (h) Johari Bin Mat; (i) Nurudin Bin Ismail; (j) Dahlan Bin Mohd Zain; dan (k) Abdul Hadi Bin Othman. Ustaz Roslan Bin Esa sebagai urusetia.

[67] Hadir: (a) Mohd Asri Bin Zainal Abidin; (b) Muhd Radzi Bin Othman; (c) Ahmad Bin Jusoh; (d) Mat Jahya Bin Husin; (e) Juanda Bin Haji Jaya; (f) Azwira Bin Abdul Aziz; (g) Abdullah Bin Yasin; (h) Abd. Malik Bin Husin; dan (i) Roslan Bin Esa. Tidak hadir: (a) Johari Bin Mat; (b) Nordin Bin Ismail; (c) Dahlan Bin Mohd Zain; dan (d) Abdul Hadi Bin Othman

fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan sama sekali tidak pernah bermaksud menghalalkan perbuatan zina, sebaliknya merawat kesan penzinaan yang telah berlaku, iaitu kewujudan anak tidak sah taraf. Status tidak sah taraf didapati telah terbukti memberi kesukaran dalam kehidupan anak yang tidak bersalah.

Tambah Abdul Hadi (2019), Islam telah menyediakan solusi dalam setiap permasalahan manusia dan solusi yang ditawarkan oleh Islam akan menjadi hidayah untuk manusia kembali kepadanya sebagai jalan kehidupan sebenar. Konsep *maṣlaḥah* yang tidak difahami oleh ramai pihak ini yang mahu dipelihara oleh fatwa penasaban sebagaimana yang dibawa juga oleh fatwa keperluan maula dalam perihal anak angkat (Abdul Hadi, 2019).

Hal demikian disokong oleh Roslan Esa (2019), apabila mengulangi bahawa wujudnya keperluan dalam masyarakat agar anak selaku mangsa keadaan mendapat pembelaan.

> "bin Abdullah jadi satu fitnah kepada anak. Misalnya dalam satu *family*, sulung dan bongsu walaupun muka sama, berlainan bin. Sedangkan sepatutnya aib ini ditutup" (Roslan Esa, 2019)

Maṣlaḥah anak adalah keutamaan dalam perbincangan fatwa penasaban. Oleh hal demikian, kesan kepada fatwa penasaban yang diputuskan oleh ahli mesyuarat JSN Perlis walaupun tidak dinyatakan dalam fatwa, adalah merujuk kepada pensabitan segala hukum ke atas anak dengan suami si ibu iaitu bapa dan sebaliknya (Roslan, 2019; Abdul Hadi, 2019).

Dalam usaha memelihara keaiban selepas anak dinasabkan, JFN juga memutuskan agar surat perakuan nikah ibu dan bapa bagi permohonan nikah anak perempuan sulung tidak diwajibkan.

> "surat perakuan tidak ditanya. Yang penting berlaku perkahwinan" (Roslan, 2019)

3.1.2 Jalur waktu pewartaan dan penguatkuasaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

Pada tahun 2011, dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke-4[68], di bawah hal-hal berbangkit, berlaku perbincangan mengenai kuasa Negeri dan kuasa Persekutuan terhadap isu fatwa melibatkan anak tidak sah taraf. Hal demikian kerana, isu pendaftaran anak tidak sah taraf melibatkan pihak penguatkuasa JPN yang tidak memperakui fatwa yang telah dikeluarkan oleh JFN Perlis semenjak tahun 2008[69].

Ahli JFN sedia maklum bahawa hal tersebut telah diteliti hampir dua tahun dan berlaku kekangan terhadap pelaksanaan fatwa. Hakikat yang difahami adalah, kuasa agama berada di bawah bidang kuasa negeri dan semua agensi yang berada di negeri tersebut mesti akur kepada kuasa negeri. Namun dalam masa yang sama, pihak penguatkuasa terikat dengan keputusan Pejabat Pusat apabila melibatkan isu nasional.

Ahli JFN juga maklum bahawa permasalahan telah diangkat kepada DYMM Tunku Raja Muda Perlis, dan dimaklumkan kepada Menteri Besar Perlis. Justeru mesyuarat memutuskan agar diadakan satu forum tertutup bagi menyemak semula Enakmen negeri yang berkaitan Agama Islam. Mesyuarat juga bersetuju agar ditubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi mengkaji secara keseluruhan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Isu fatwa: Kuasa negeri, 2011).

---

[68] Berlangsung pada 22 Oktober 2011, di Grand Review Hotel, Kota Bharu Kelantan. Hadir: (a) Juanda Bin Jaya; (b) Ahmad Bin Jusoh; (c) Mohd Radzi Bin Osman; (d) Johari Bin Mat; (e) Azuwa Bin Bin Abd Aziz; (f) Abdullah Bin Yasin (g) Roslan Bin Esa; dan (h) Nafizah Binti Abd Halim. Tidak hadir: (a) Abd. Hadi Bin Osman.

[69] Pihak Jabatan Mufti Negeri Perlis telah menghantar surat makluman kepada pihak JPN cawangan negeri Perlis berkaitan keputusan menasabkan anak zina kepada Pemohon iaitu suami si ibu. Surat maklum balas diterima daripada pihak JPN cawangan negeri Perlis menyatakan bahawa perkara tersebut telah dipanjangkan kepada ibu pejabat JPN untuk jawapan balas.
Surat Jabatan Mufti bertarikh 16 November 2011. Ruj: MUFTI ®(S)351/301(01)(49).
Surat balas JPN bertarikh 21 November 2011. Ruj: JPN.R.PT.:163/15/4(8).

Pada tahun 2012, dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke-5[70], wakil pengurusan MAIPs bahagian 'Nikah, Cerai dan Rujuk' telah dijemput untuk memberi taklimat berkaitan 'Isu dan prosedur perkahwinan di negeri Perlis' kepada ahli JFN. Hasil taklimat tersebut, ahli mesyuarat memutuskan untuk memberi beberapa cadangan kepada MAIPs, antaranya adalah mengenai usul tidak mewajibkan sijil perakuan nikah ibu bapa untuk permohonan perkahwinan anak perempuan sulung. Ahli mesyuarat berpandangan bahawa dengan mewajibkan sijil perakuan nikah ibu bapa akan membuka aib dan memberi implikasi buruk terhadap mereka yang terlibat[71]"

Bagi memperkukuhkan lagi pelaksanaan fatwa, dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke-6[72], ahli mesyuarat JFN[73] membangkitkan keperluan bengkel atau persidangan meja bulat diadakan untuk mengkaji dan menambah baik enakmen berkaitan anak tidak sah taraf (Bengkel atau persidangan, 2012. Hal. 10). Hasil persidangan meja bulat tersebut[74], permohonan dari JFN Perlis telah diambil perhatian oleh ahli MAIPs. Ahli Majlis bersetuju membawa kertas cadangan memasukkan fatwa anak tidak sah taraf ke dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (UUKI) 2006 bagi urusan angkat sembah perkenan ke bawah DYMM Tuanku Raja Perlis (Kertas cadangan untuk, 2012).

Universiti Utara Malaysia

[70] Berlangsung pada 20 Februari 2012, di Hotel Seri Malaysia, Kangar Perlis. Hadir: (a) Juanda Bin Jaya; (b) Ahmad Bin Jusoh; (c) Mohd Radzi Bin Osman; (d) Johari Bin Mat; (e) Azuwa Bin Abd Aziz; (f) Abdullah Bin Yasin; (g) Roslam Bin Esa; (h) Abdul Hadi Bin Osman; dan (i) Nafizah Binti Abdul Halim.

[71] Surat bertarikh 20 April 2012. Ruj: MUFTI®(S)351/301(01)Jld.2(14)

[72] Berlangsung pada 25 Julai 2012 di Bilik Mesyuarat, Jabatan Mufti Negeri Perlis.
Hadir: (a) Juanda Bin Jaya; (b) Ahmad Bin Jusoh; (c) Azuwa Bin Bin Abd Aziz; (d) Roslan Bin Esa; (e) Abdul Hadi Bin Osman; dan (f) Nafizah Binti Abd Halim. Tidak hadir: (a) Mohd Radzi Bin Osman; (b) Johari Bin Mat; dan (c) Abdullah Bin Yasin.

[73] Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis 2012: Pengerusi: Juanda Bin Jaya. Ahli: (a) Ahmad Bin Jusoh; (b) Azuwa Bin Bin Abd Aziz; (c) Roslan Bin Esa; (d) Abdul Hadi Bin Osman; (e) Mohd Radzi Bin Osman; (f) Johari Bin Mat; dan (g) Abdullah Bin Yasin. Nafizah Binti Abd Halim sebagai setiausaha.

[74] Berlangsung pada 26 Julai 2012, di Bilik Mesyuarat Bangunan MAIPs.

Pada tahun 2013, DYMM telah memperkenan keputusan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan untuk di*gazette* di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Warta kerajaan, 2013). Namun demikian, usaha ke arah pindaan Enakmen UUKI 2006 tidak diteruskan selepas pewartaan fatwa di bawah Enakmen Pentadbiran.

Pada tahun 2016, mesyuarat teknikal pertama antara JPN bersama Jabatan Mufti Negeri Perlis telah diadakan[75]. Beberapa perkara berbangkit telah dibincangkan antaranya adalah (i) penjelasan mengenai alasan-alasan kepada pengeluaraun fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh JFN Perlis; serta (ii) permohonan dari Dato' Mufti agar JPN dapat mempertimbangkan supaya fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dapat dikuatkuasakan dalam pendaftaran anak tidak sah taraf terhadap rakyat negeri Perlis; atau orang yang berdaftar di negeri Perlis; atau bermastautin di negeri Perlis; tanpa melibatkan negeri-negeri lain[76].

Pada tahun 2020, iaitu selepas 12 tahun fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan diputuskan oleh JSN Perlis, Ketua Pengarah JPN telah mengadakan kunjung hormat terhadap DYMM Tuanku Raja Muda Perlis selaku Yang Dipertua MAIPs[77] bagi membincangkan kaedah pelaksanaan fatwa tersebut pada peringkat negeri Perlis. Hasil daripada kunjung hormat antara dua agensi berikut membawa kepada kesepakatan mengenai mekanisma pendaftaran anak kelahiran kurang enam bulan.

[75] Berlangsung pada 18 April 2016 di Bilik Mesyuarat Utama, Jabatan Pendaftaran Negeri Perlis. Hadir: (a) Mohd Yazid Bin Ramli, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JPN; (b) Mohd Asri Bin Zainul Abidin, Mufti Negeri Perlis; (c) Norehan Bin Abdullah, SUB Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan Kementerian Dalam Negeri; (d) Hamidi Bin Adam, TSUB Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan Kementerian Dalam Negeri; (e) Aliza Binti Jamaluddin, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis; (f) Mohd Hafiz Bin Othman, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis; (g) Nafizah Binti Abd Halim dan (h) Roslan Bin Esa.

[76] Ruj: Minit Mesyuarat Teknikal Berkaitan Fatwa Anak Tidak Sah Taraf Bagi Negeri Perlis JPN.LM.163/9/6 (41)

[77] Berlangsung pada 27 November 2020 di Kompleks AKSEM Padang Besar, Perlis. Hadir: (a) Ketua Pengarah JPN; (b) Timb. Pengarah JPN; (c) Mufti negeri Perlis; (d) Ketua Hakim Syarii; (e) Pengarah Esekutif MAIPs; (f) Pengarah JAIPs; (g) Pengarah JPN negeri Perlis; (h) bersama-sama wakil dari Jabatan Pendaftaran Negara (Mohd Nazim, 2022)

JPN negeri Perlis bersetuju mengiktiraf surat perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah terhadap keabsahan pernikahan Pemohon dan pensabitan nasab anak terhadap suami si ibu. Berdasarkan hal demikian, JPN akan mengambil tindakan mendaftarkan anak sesuai menurut perintah mahkamah (Mohd Nazim, 2022).

Berkenaan tempoh masa panjang yang diambil untuk mewartakan fatwa yang telah diputuskan semenjak tahun 2008 di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam, Roslan Esa (2019) dan Mohd Nazim (2022) berpendapat bahawa pewartaan sesuatu keputusan fatwa adalah mengambil kira keperluan penguatkuasaan dengan pewartaan. Justeru, semasa fatwa penasaban diputuskan, JSN Perlis beranggapan bahawa tiada keperluan untuk mewartakan keputusan tersebut. Sehingga pada tahun 2011, JFN Perlis mendapati bahawa fatwa penasaban tidak pernah dapat dikuatkuasakan oleh wujudnya permasalahan kesan dari ketidak wartaan fatwa tersebut. Selepas daripada hal tersebut, baru lah usaha ke arah pewartaan dijalankan.

3.2 Penghujahan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

Fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh JFN Perlis adalah berbeza dengan pandangan hukum anak tidak sah taraf oleh MKI. Perbezaan adalah disebabkan oleh pendirian yang tidak sama antara Jabatan Mufti Negeri Perlis dengan MKI dalam perihal metode yang menjadi prinsip utama penghujahan. Jabatan Mufti negeri Perlis berpegang pada prinsip keterbukaan dalam menerima *qawl* muktamad dari empat mazhab sebagaimana tercatat di dalam Seksyen 54, bahawa hanya al-Quran dan hadis sebagai sumber rujukan:

> "(1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengikut AI-Quran dan atau Sunnah Rasulullah Sallallahualaihi Wassalam" (Enakmen Pentadbiran Agama, 2008)

Manakala, MKI mengguna pakai metode satu mazhab utama, iaitu mendahului *qawl* muktamad Mazhab Syafii (Garis panduan pengeluaran, 2017).

Menurut Abdul Hadi (2019), metode tersebut memberi ruang dan peluang kepada ahli mesyuarat JFN mengambil manfaat dalam menjawab isu-isu dan persoalan masyarakat dengan lebih terperinci berdasarkan hujah yang lebih *rājiḥ* (tepat).

> "Ada baiknya (JFN) Perlis tidak terikat mazhab kerana ada kelonggaran untuk mengambil pandangan paling *rājiḥ* berdasarkan sokongan pakar-pakar (ulama) dan melihat manfaat masyarakat" (Abdul Hadi, 2019)

Hal demikian kerana, metode tersebut meletakkan ahli JFN untuk mendahulukan al-Quran dan Sunnah, berbanding mendahulukan pandangan sesuatu mazhab (Roslan Esa, 2019). Misalnya di dalam perbincangan isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan ini, apabila rujukan dilakukan terhadap hadis Nabi Muhammad SAW, terdapat keluasan terhadap hukum tanpa dikhususkan kewajipan sama ada menerima atau menolak pensabitan nasab. Tambah Roslan Esa (2019), meskipun sumber dalil yang sama diguna pakai, namun perbezaan fahaman yang terhasil oleh perbezaan metode akan menghasilkan pandangan hukum yang tidak sama.

Universiti Utara Malaysia

> "apabila wujud isu ini, bila dirujuk hadis nabi, ada keluasan ditambah dengan pandangan-pandnagan ulama. Itu yang membezakan fatwa. Hatta di peringkat majlis kebangsaan (MKI) sekalipun, dia (MKI) terikat dengan Mazhab Syafii. dia (MKI) payah untuk berubah pandangan" (Roslan Esa, 2019)

Begitu juga perbezaan yang sama berlaku dalam kalangan ulama terhadap status mahram anak zina (Roslan Esa, 2019). Sepertimana yang diketahui, pandangan Mazhab Syafii mensabitkan anak zina dengan bapa sebagai tidak mahram oleh faktor meletakkan penghinaan terhadap perbuatan zina yang buruk. Namun demikian, pandangan tersebut dilihat sebagai perkara yang berlawanan dengan normalisasi akal, sekaligus tidak sesuai dan tidak logik untuk dipraktikkan (Roslan Esa, 2019; Abdul Hadi, 2019). Lebih-lebih lagi, pandangan Mazhab Syafii terhadap anak zina juga

didasari oleh fahaman *ijtihādi*, bukan berdasarkan dalil yang nyata, sama seperti isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan (Roslan Esa, 2019).

Roslan Esa (2019) menekankan bahawa asas yang perlu difahami dalam perbezaan pandangan hukum dan fatwa adalah, perbezaan bukan bermakna wujudnya pandangan yang lemah atau kuat, sebaliknya perbezaan wujud oleh lumrah dalam memahami dalil dan pendalilan (Roslan Esa, 2019).

> "dia sebenarnya tak wujud pandangan yang lemah atau kuat. Sebab yang ada hanyalah perbezaan metode. Kalau terikat hanya pada Mazhab Syafii, akan menolak pandangan lain dan kata pandangan mazhab lain lemah" (Roslan Esa, 2019)

Abdul Hadi (2019) berpendapat bahawa sebagaimana institusi fatwa di Malaysia meraikan pandangan Imam al-Syafii, institusi fatwa juga perlu merai pandangan Imam-Imam Mazhab Muktabar yang lain. Beliau juga memberi penegasan bahawa, dalam pengambilan pandangan ulama, pilihan tidak dilakukan untuk mengambil pandangan yang meringankan oleh maksud bermudah-mudah, sebaliknya penelitian mengambil kira pendalilan yang jelas melibatkan isu mutakhir dan keperluan semasa.

> "Kita boleh rai dengan Imam al-Syafii, mengapa tak boleh rai imam-imam yang lain? Sedangkan mereka adalah orang yang disebut oleh Nabi, *Ulamā' wārithatul anbiyā'*, pandangan dia … Mereka hidup kerana amal …. Depa (imam mazhab) buat (ijtihad) *lillahita'ālā*" (Abdul Hadi, 2019)

3.2.1 Perbincangan terhadap kertas kerja Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis

Kajian memperincikan perbincangan terhadap kertas kerja JSN Perlis dalam proses menghasilkan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pada tahun 2008. Hal demikian bagi memahami hujah syarak yang diguna pakai oleh JSN Perlis berdasarkan kepada dalil dan pendalilan dari ulama mengenai isu nasab anak zina. Perbincangan ahli JSN Perlis dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu, pertama, rujukan dalil yang digunakan; kedua, rujukan pendalilan oleh ulama; dan terakhir, kesimpulan

yang dibentangkan oleh kertas kerja (Kertas kerja untuk pertimbangan, 2008). Berikut merupakan jadual kerta kerja dari Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis:

Jadual 3.1

Kertas kerja dari Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis

i. Rujukan dalil yang digunakan

Hadis pertama yang bermaksud:

> *Daripada Aisyah RAnha berkata: Utbah bin Abi Waqqas berpesan kepada saudaranya Saad bin Abi Waqqas: "Anak lelaki Zam'ah dengan hamba perempuannya adalah anakku maka engkau ambillah dia". Pada tahun pembukaan Mekah, Saad mengambil budak tersebut dan berkata: "Ya Rasulullah, sesungguhnya ini adalah anak abangku, Utbah Bin Abi Waqqas. Dia bersumpah kepadaku bahawa anak ini adalah anaknya. Lihatlah pada syabihnya (yang menyerupai Utbah)". Dan berkata pula Abdu Bin Zam'ah,"ini adalah adikku Ya Rasulullah. Dia dilahirkan di dalam al-firāsy bapaku bersama hamba perempuan". Rasulullah melihat kesyabīhannya dan mendapati syabīhnya menyerupai 'Utbah. (Namun baginda memutuskan),"anak ini adalah milik (adik) 'Abdu, kerana anak adalah untuk al-firāsy, manakala lelaki yang berzina di tegah (dari penasaban)". Kemudian baginda berkata kepada Saudah Binti Zam'ah:"berhijablah kamu terhadapnya" (Hadis riwayat al-Bukhari no.6749 dan Muslim no. 1457)*

Hadis kedua yang bermaksud:

> *Dari Shua'ib dari datuknya Abdullah Bin Amru: Rasulullah SAW bersabda: "Setiap anak yang didapati setelah kematian ayahnya, yang anak itu dinasabkan kepadanya, maka ahli warisnya hendaklah menasabkan anak tersebut kepada ayahnya". Maka Rasulullah SAW memutuskan: (1) Setiap anak yang dilahirkan oleh hamba perempuan yang dimiliki tuannya semasa hayat dan disetubuhi maka anak itu dinasabkan kepada tuannya. Dan anak itu tidak mendapat harta warisan yang telah dibahagikan sebelum anak disabitkan nasab, manakala bagi harta warisan yang belum dibahagi, anak itu mendapat bahagiannya. Sebaliknya anak tidak tersabit jika bapa yang didakwa mengingkari ke atas dakwaan tersebut; (2) Jika anak dilahirkan dari hamba perempuan yang tidak dimiliki oleh mana-mana tuan, atau dari perempuan merdeka yang berzina, maka anak itu tidak tersabit nasab dan tidak mewarisi dari sebelah bapa yang didakwa" (Hadis riwayat Ahmad no. 7042)*

Sambungan Jadual 3.1

Kedua-dua hadis memiliki *sabāb al-wurud* yang sama iaitu, isu nasab anak yang diragui status bapa kerana realiti hamba perempuan di zaman jahiliyah adalah dipelacurkan kepada lelaki lain oleh tuan hamba perempuan tersebut.

ii. Rujukan pendalilan oleh ulama

Dua situasi di dalam perbincangan ulama, iaitu (a) situasi dakwaan anak zina yang dilahirkan di dalam pernikahan; dan (b) perempuan yang melahirkan anak zina tanpa pernikahan.

a. Dakwaan anak zina yang dilahirkan di dalam pernikahan

Ulama sepakat bahawa anak tersebut dinasabkan kepada bapa iaitu suami si ibu. Hal demikian berdasarkan kepada hadis mengenai Utbah menuntut anak yang dilahirkan oleh hamba perempuan Zam'ah.

b. Anak yang lahir dari perempuan yang tidak bernikah

Terdapat dua pandangan ulama dalam hal berikut. Pandangan pertama adalah pandangan yang tidak menasabkan dan pandangan kedua adalah pandangan yang membenarkan nasab.

- Pandangan yang tidak menasabkan.

  Ulama empat mazhab menetapkan bahawa anak tidak dinasabkan kepada lelaki penzina dan dinasabkan kepada ibu sahaja (*Walad al-zinā*, 2012). Berdasarkan hadis yang bermaksud:

  > "anak adalah untuk *al-firāsy,* manakala lelaki yang berzina di tegah (dari penasaban)" (Hadis riwayat al-Bukhari no.6749 dan Muslim no. 1457)

  Wahbah Zuhaili (2010) berpendapat bahawa nasab anak tersabit kepada ibu sama ada dalam keadaan dilahirkan secara syarii atau tidak syarii. Sebaliknya nasab anak kepada bapa tidak tersabit kecuali dengan pernikahan yang sahih atau fasid, atau persetubuhan syubhah atau *al-iqrār*.

Sambungan Jadual 3.1

Hal demikian kerana, Islam telah membatalkan amalan jahiliyyah yang menasabkan anak kepada bapa dengan perbuatan zina. Dalam masa yang sama, ulama menetapkan bahawa anak zina adalah mahram kepada lelaki penzina (*Walad al-zinā*, 2012). Perkara tersebut disepakati oleh jumhur selain Syafi'iyah, termasuk diharamkan juga anak zina ke atas usul -seperti datuk dan bapa kepada lelaki penzina- dan *furu'* –seperti anak dan cucu lelaki penzina- kerana pihak-pihak tersebut adalah sebahagian dari lelaki penzina pada hakikatnya. Namun, ulama menetapkan bahawa lelaki penzina tidak mewarisi harta anak zina dan sebaliknya (*Walad al-zinā*, 2012).

Mazhab Syafii pula berpendapat bahawa anak zina tidak diharamkan kepada lelaki penzina. Hal tersebut dinyatakan oleh Al-Nawawi (1991) dengan maksud, adalah dibolehkan lelaki penzina menikahi anak zina dengan hukum makruh perbuatan tersebut. Sebaliknya jika diyakini bahawa anak perempuan adalah dari air maninya, hukum bertukar menjadi haram. Begitu juga terdapat pandangan di dalam Mazhab Syafii yang mengharamkan secara mutlak pernikahan antara lelaki penzina dengan anak zina. Namun yang sahih di dalam mazhab, adalah halal.

- Pandangan yang membenarkan nasab.

  Sebahagian ulama klasik berpendapat bahawa anak zina adalah anak hakiki kepada bapa iaitu lelaki penzina, lalu anak boleh dinasabkan kepada bapa dan dibolehkan mewarisi harta antara mereka (*Walad al-zinā*, 2012). Berikut adalah pendapat Ibnu Sirrin, Hasan al-Basri, Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qayyim al-Jauziyah.

Universiti Utara Malaysia

Sambungan Jadual 3.1

Dalil bagi pandangan kedua adalah: Pertama, hadis al-Juraij yang bermaksud:

> *"Juraij mendatangi bayi yang baru dilahirkan itu dan bertanya, "Wahai bayi, siapakah bapamu?" Jawab bayi itu, "Si pengembala" (Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 3436).*

Hadis jelas menunjukkan dinisbahkan perkataan bapa kepada anak zina dengan lelaki penzina, mengikut kaedah "asal sesuatu kalimah adalah hakikat". Sekiranya lelaki penzina bukan bapa kepada anak zina, hadis tidak menggunakan perkataan bapa.

Ibnu Hajar (1959) menjelaskan bahawa Maliki berpendapat dalil perkataan Juraij membawa maksud anak perempuan zina tidak boleh bernikah dengan lelaki penzina. Hal demikian kerana Juraij menasabkan anak zina kepada lelaki penzina dan Allah membenarkan tindakan Juraij dengan mengizinkan kejadian yang menyalahi adat, iaitu bayi tersebut boleh berkata-kata. Ucapan anak tersebut bahawa "bapaku adalah si pengembala" adalah nasab yang sahih dan diwajibkan pelaksanaan hukum nasab antara anak dengan bapa kecuali pewarisan dan pewalian. Berdasarkan kepada keterangan Ibnu Hajar (1959), didapati terdapat ulama yang membenarkan nasab anak zina, tetapi dikecualikan hukum perwalian dan pewarisan.

Kedua, didapati hadis-hadis yang tidak menerima nasab anak zina kepada lelaki penzina adalah apabila ibu anak zina berada di dalam *al-firasy* (isteri lelaki lain), dan didapati tiada dalil yang jelas terhadap situasi nasab anak zina bagi ibu anak zina yang tidak berada di dalam *al-firasy* (bukan isteri lelaki lain). Lalu, situasi kedua perlu kembali kepada konsep asal anak, iaitu kewujudan adalah hasil air mani lelaki. Sekiranya anak zina tidak boleh dinasabkan kepada bapa iaitu lelaki penzina, sudah tentu Utbah Bin Abi

Universiti Utara Malaysia

Sambungan Jadual 3.1

Waqqas tidak menuntut nasab terhadap anak Zam'ah, begitu juga kejadian dalam hadis kedua riwayat Ahmad no. 7042, tidak akan berlaku perebutan nasab antara lelaki penzina dengan pemilik hamba perempuan yang telah berbuat zina.

Ketiga, ulama tiga mazhab selain Syafi'iyah sepakat bahawa anak zina adalah mahram kepada bapa iaitu lelaki penzina. Faktor kepada mahram terdiri daripada faktor nasab, semada atau susuan. Ibnu Kathir (1999) menyebut bahawa mahram antara anak zina dengan bapa secara jelas adalah disebabkan faktor nasab, kerana bukan disebabkan semada atau susuan. Mengenai perihal pandangan ulama yang berpendapat bahawa anak zina tidak boleh mewarisi dari bapa dan begitu juga sebaliknya, pandangan tersebut tidak membawa maksud penafian ke atas nasab antara kedua-duanya (Ibnu Qayyim, 1991).

iii. Kesimpulan yang dibentangkan oleh kertas kerja

Pertama, ulama empat mazhab sepakat bahawa anak yang dilahirkan di dalam tempoh pernikahan antara perempuan dan lelaki yang dituduh berzina, dan berlaku di dalam tempoh yang memungkinkan proses kehamilan dari suami akan dinasabkan kepada suami si ibu.

Kedua, ulama berbeza pandangan sekiranya secara jelas anak adalah anak zina, iaitu apabila dilahirkan di luar dari pernikahan:

a. Anak zina tidak dinasabkan kepada bapa tetapi anak adalah mahram kepada bapa. Kesannya, pewarisan tidak berlaku antara mereka. Berikut adalah pandangan jumhur.

Universiti Utara Malaysia

Sambungan Jadual 3.1

b. Anak zina tidak dinasabkan kepada bapa dan anak juga tidak menjadi mahram kepada bapa. Kesannya, pewarisan tidak berlaku antara mereka. Berikut merupakan pandangan Syafiiyah.

c. Anak zina dinasabkan kepada bapa tetapi tidak berlaku hukum pewarisan. Berikut adalah pendapat Maliki yang disebut oleh Ibnu Hajar al-Athqalani.

d. Anak zina dinasabkan kepada bapa secara syarii dan segala hukum tersabit ke atas anak dan bapa. Berikut merupakan pendapat Hasan al-Basri, Sulaiman Bin Yasar, Ishaq Bin Rahuwaih, Urwah Bin Zubair, Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qayyim al-Jauziyah.

Pandangan yang di*tarjīḥ*kan oleh kertas kerja adalah pandangan keempat, iaitu penasaban anak zina dan segala hukum tersabit ke atas kedua-duanya. Hal demikian kerana tiada dalil yang sahih berkenaan masalah anak zina dan dalil sedia ada bersifat *zanni* sahaja.

Universiti Utara Malaysia

Berdasarkan kepada kertas kerja di atas, dapat difahami bahawa pandangan keempat yang di*tarjīḥ*kan iaitu "anak dinasabkan kepada bapa secara syarii dan segala hukum tersabit ke atas anak dan bapa", merupakan pandangan "pihak yang menerima pensabitan nasab dengan lafaz *iqrār* dari lelaki penzina" sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam bab dua.

Dalam masa yang sama, hasil semakan ke atas kertas kerja mendapati telah berlaku kesalahan dalam memahami isi kandungan dua petikan daripada kitab *turath* berhubung pendalilan ulama dalam isu ini. Kesalahan ini perlu diperbaiki oleh pihak yang berautoriti kerana ia menyebabkan kesalahan dalam membuat kesimpulan hukum. Petikan pertama,

> "Ibnu Kathir (1999) menyebut bahawa mahram antara anak zina dengan bapa secara jelas adalah disebabkan faktor nasab, kerana bukan disebabkan semada atau susuan".

Pemahaman yang betul ialah, "Ibnu Kathir (1999) menyebut bahawa mahram antara anak zina dengan bapa biologi adalah faktor anak zina dimasukkan dalam maksud umum ayat "*wa banātukūm*". Namun, anak bukan merupakan anak syarii dan tidak boleh saling mewarisi kerana tidak termasuk sebagai anak di dalam ayat "*yūṣīkumullahu fī aulādikum*". Petikan kedua pula adalah,

> "Mengenai perihal pandangan sarjana yang berpendapat bahawa anak zina tidak boleh mewarisi dari bapa dan begitu juga sebaliknya, pandangan tersebut tidak membawa maksud penafian ke atas nasab antara kedua-duanya (lbnu Qayyim, 1991)"

Sedangkan pemahaman yang betul ialah, "Begitu juga yang diperakui oleh Ibnu Qayyim (1991), bahawa anak zina tersabit sebagai mahram kepada pihak yang diyakini sebagai bapa penzina, namun tidak tersabit bersama hak pewarisan dan nafkah di antara mereka".

Universiti Utara Malaysia

Selain itu, berkenaan pandangan ketiga yang telah disimpulkan oleh kertas kerja sebagai pendapat Maliki menurut Ibnu Hajar (1959), iaitu anak zina dinasabkan kepada bapa tetapi tidak berlaku hukum pewarisan, kajian mendapati terdapat pandangan berbeza dalam penafsiran teks tersebut. Menurut sebahagian pihak, Ibnu Hajar (1959) menjelaskan bahawa sesetengah daripada ulama mazhab Maliki berpendapat perkataan Juraij membawa maksud anak perempuan zina tidak boleh bernikah dengan lelaki penzina. Hal demikian kerana Juraij menisbahkan anak zina kepada lelaki penzina dan Allah membenarkan tindakan Juraij dengan mengizinkan kejadian yang menyalahi adat, iaitu bayi tersebut boleh berkata-kata. Ucapan anak tersebut bahawa "bapaku adalah si pengembala" adalah nisbah yang sahih dan diwajibkan pelaksanaan hukum antara anak dengan bapa kecuali pewarisan dan pewalian.

Penyataan Ibnu Hajar *" diwajibkan pelaksanaan hukum antara anak dengan bapa"* menunjukkan sabit hukum mahram di antara lelaki penzina dengan anak zina yang tidak mengharuskan perkahwinan di antara mereka. Namun begitu, ia bukanlah bermaksud sabit nasab syar'i di antara mereka. Justeru, tidak boleh berlaku perwalian dan pewarisan di antara mereka.

Pemahaman yang berbeza terhadap petikan Ibnu Hajar (1959) beserta pemahaman yang betul berkenaan teks dari Ibnu Qayyim (1991) dan Ibnu Kathir (1999) menunjukkan bahawa tidak ada pandangan ulama yang menyatakan bahawa anak zina boleh mendapat nasab syar'i daripada penzina dan pada masa yang sama tidak mendapat hak perwalian dan perwarisan. Akan tetapi, ketiga-tiga petikan tersebut menyebut tentang sabit hukum mahram antara anak zina dan lelaki penzina. Justeru, lelaki penzina tidak boleh mengahwini anak hasil daripada perbuatan zinanya sekiranya dia seorang perempuan. Oleh itu, kajian mendapati bahawa pandangan yang menyatakan sabit nasab syar'i terhadap anak zina dan tidak sabit hak perwalian dan perwarisan sepertimana yang disebutkan dalam kertas kerja perlu dibuang oleh pihak yang berautoriti. Begitu juga, perlu dibuang ketiga-tiga petikan di atas yang dikatakan dalil pandangan ini. Sebaliknya, ketiga-tiga petikan tersebut harus dinyatakan sebagai hujah terhadap hukum sabit mahram antara lelaki penzina dan anak perempuan daripada zina.

Universiti Utara Malaysia

3.2.2 Keputusan yang disepakati oleh ahli Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis

Selepas perbincangan dan perbahasan, majoriti ahli JSN bersetuju untuk membuat keputusan seperti berikut:

> "anak yang lahir kurang dari enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh suami" (Hukum menasab anak, 2008. Hal. 3).

Pada dasarnya, keputusan difahami oleh ahli mesyuarat sebagai keputusan terhadap anak zina iaitu anak yang lahir selepas ibunya bernikah dengan lelaki penzina yang menghamilkan. Namun, salah seorang ahli mesyuarat berpendapat kurang setuju dengan penggunaan perkataan 'enam bulan'. Beliau memohon agar turut digunakan *ṣīghah* lain, iaitu:

> "anak luar nikah yang dilahirkan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya yang sah, kecuali jika dinafikan oleh si suami" (Hukum menasabkan anak, 2008. Hal. 5)

Ahli JSN memutuskan untuk dikekalkan *ṣīghah* asal. Dalam masa yang sama, ahli mesyuarat bersetuju untuk memasukkan pandangan Ahmad Bin Jusoh di dalam laporan mesyuarat fatwa sebagai pandangan minoriti (pandangan kedua), iaitu: "anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, tidak boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika suaminya mengaku". Ahli JSN juga bersetuju untuk memasukkan pandangan Nordin Bin Ismail di dalam laporan, bahawa,"anak zina tidak boleh dinasabkan" (Hukum menasab anak, 2008).

Universiti Utara Malaysia

Perselisihan yang berlaku dalam mesyuarat JSN ke-3/2008 adalah disebabkan oleh perbezaan penghujahan dalam sudut peletakan asbab penasaban. Menurut Ahmad Jusoh (2019), beliau berpendapat bahawa anak kelahiran kurang enam bulan tidak terhukum sebagai anak suami si ibu melainkan sekiranya suami si ibu melakukan *iqrār*.

Hal demikian kerana Ahmad Jusoh (2019) melihat dari sudut *i'tirāf lilwalad* berdasarkan kaedah *al-iqrār* adalah dalil yang kuat. Pendalilan tersebut tidak memerlukan kepada dalil *maṣlaḥah* untuk mengambil *al-firāsy* tanpa syarat enam bulan kehamilan kerana apabila berlakunya *iqrār*, anak akan dinasabkan kepada bapa dan tersabitnya hak *bunuwwah*.

Walaupun wujud perselisihan, ahli mesyuarat tetap bersepakat bahawa kelahiran perlu berlaku dalam pernikahan antara ibu dan bapa. Pernikahan adalah syarat pensabitan nasab. Pengakuan zina oleh ibu bapa iaitu Pemohon yang berlaku sebelum pernikahan tidak menghalang penasaban selagi mana kelahiran dalam pernikahan (Roslan Esa, 2019).

3.2.3 Perbezaan penghujahan antara JFN Perlis dan MKI di dalam isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

Sebagaimana diketahui, pandangan hukum oleh MKI terhadap isu anak kelahiran kurang enam bulan adalah menolak pensabitannya melalui *sīghah* yang telah dikeluarkan semenjak tahun 2003, seperti berikut,

> "(a) Anak tak sah taraf ialah: (i) Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan; (ii) Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 lahzhah (saat) mengikut Takwim Qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh). (b) Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali" (Anak tak sah taraf, 2003: 206-207)

Paizah Ismail (2013) di dalam kajiannya telah membentangkan bahawa pandangan hukum tersebut diterima pakai dan diwartakan oleh negeri-negeri di Malaysia dengan *ṣighah* yang pelbagai dan berbeza.

i. *Ṣighah* dan penghujahan fatwa bagi negeri-negeri lain

Memandangkan konteks fatwanya adalah sama bagi kesemua negeri di Malaysia kecuali bagi negeri Perlis, kajian hanya mengetengahkan *ṣighah* dari tiga negeri lain sahaja, iaitu negeri Johor, negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

- Pada tahun 2004, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor telah bersidang bagi mengeluarkan keputusan mengenai anak tidak sah taraf sebelun kemudiannya diwartakan pada tahun 2018, dengan *ṣighah*:

> 1. Anak tak sah taraf mengikut Hukum Syarak ialah :
> a) Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan; b) Anak yang dilahirkan kurang daripada 6 bulan 2 *laḥzhah* mengikut *Takwim Qamariah* dari waktu setubuh kali pertama selepas akad nikah yang sah.
> 2. Anak tak sah taraf hendaklah di "bin" atau di "binti" kan kepada Abdullah atau lain-lain nama "*Asma Al-Husna*" berpangkalkan Abdul.
> 3. Oleh itu, adalah dilarang dan haram mengikut Hukum Syarak:
> a) Mana-mana individu menasabkan anak tak sah taraf kepada lelaki sama ada yang menyebabkan kelahirannya atau yang mengaku menjadi bapa kepada anak tak sah taraf tersebut; b) Mana-mana individu lelaki yang menyebabkan kelahiran anak tak sah taraf atau yang mengaku menjadi bapa kepada anak tak sah taraf tersebut menjadi wali kepada anak tak sah taraf tersebut; dan
> c) Anak tak sah taraf dengan lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau dengan mana-mana individu yang mengaku menjadi bapa kepada anak tak sah taraf tersebut pusaka mempusakai" (*Fatwa anak tak sah*, t.t)

- Jawatankuasa Fatwa negeri Selangor pula mengeluarkan fatwa berkenaan anak tidak sah taraf pada tahun 2005 dan telah diwartakannya pada tahun yang sama dengan *ṣighah* yang berbunyi:

> "*Ṣighah* berkaitan anak tak sah taraf menurut hukum *syara*' ialah:
> (1) Anak yang dilahirkan tanpa nikah sama ada hasil daripada zina, rogol atau melalui cara saintifik yang bertentangan dengan hukum *syara*';
> (2) Anak yang dilahirkan kurang daripada 6 bulan 2 *laḥzhah qamariah* dari waktu "*Imkān ad Dukhūl*" dan bukan hasil daripada persetubuhan syubhat;
> (3) Anak yang dilahirkan lebih daripada 6 bulan 2 *laḥzhah qamariah* dari segi waktu "*Imkān ad Dukhūl*" selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi *syara*' bahawa anak tersebut ialah anak tanpa nikah melalui *iqrār* (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau 4 orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut hukum syara'" (Enakmen 1 Tahun 2003).

Universiti Utara Malaysia

- Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah-Wilayah Persekutuan pada tahun 2017 telah bersidang bagi menambah baik fatwa berkenaan anak tidak sah taraf. Fatwa telah diputuskan dan diwartakan pada tahun yang sama dengan *ṣighah* seperti berikut:

> "1. Anak tidak sah taraf ialah— (a) anak yang dilahirkan hasil— (i) persetubuhan yang berlaku sebelum akad nikah sama ada akibat zina atau rogol; atau (ii) melalui cara saintifik yang bertentangan dengan hukum Syarak, dan bukan anak yang dilahirkan hasil daripada persetubuhan syubhah atau bukan anak perhambaan; atau (b) anak yang dilahirkan dalam tempoh kurang daripada enam bulan mengikut *takwim qamariah* dari tarikh akad nikah;
> 2. Anak tidak sah taraf dalam perenggan 1— (a) boleh dinasabkan, iaitu dibinkan atau dibintikan kepada— (i) nama ibunya; (ii) nama datuk wa in 'alaw (dan ke atas) sebelah ibunya; (iii) nama "Abdullah"; atau (iv) mana-mana nama asma' ul-husna yang hendaklah dimulai dengan nama "Abdul" sebelum nama asma' ul-husna itu; (b) tidak boleh dinasabkan, iaitu dibinkan atau dibintikan kepada— (i) bapa biologinya; atau (ii) suami ibunya (bukan bapa biologinya)" (Akta Pentadbiran, 1993)

Berdasarkan penelitian, kajian mendapati perbezaan berkenaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dengan fatwa anak tidak sah taraf bukan sekadar melibatkan antara JFN Perlis dengan JFN bagi negeri yang lain, tetapi turut melibatkan perbezaan di antara JFN – JFN yang lain. Hal demikian kerana, fatwa negeri Selangor adalah berbeza dengan fatwa negeri Johor dan Wilayah Persekutuan, malah boleh disimpulkan bahawa perbezaan tersebut melibatkan pertindihan dengan pandangan ulama mengenai anak kelahiran melebihi enam bulan apabila dibuat pengkhususan kelompok mengenai anak yang,

> "ada bukti dari segi syara' bahawa anak tersebut ialah anak tanpa nikah melalui *iqrār* (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau 4 orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut hukum syara'" (Enakmen 1 Tahun 2003).

Universiti Utara Malaysia

Sedangkan di dalam perbincangan bab dua, kajian mendapati anak kelahiran melebihi enam bulan yang disertakan pengakuan bahawa anak tersebut merupakan anak dari hasil perbuatan zina sebelum *al-firāsy* tidak dibahaskan oleh ulama kerana asasnya, anak kelahiran melebihi enam bulan adalah terikat oleh kekuatan *al-firāsy* sehinggalah wujudnya pengecualian iaitu berlakunya pengingkaran oleh suami si ibu dengan perbuatan *li'ān*. Berikut adalah pendapat ulama empat mazhab (Ibnu Qudamah, 1968; al-Sarkhasi, 1989; al-Syirbini, 1998; al-Dusuqi, t.t).

Dalam masa yang sama, daripada teks fatwa ketiga-tiga negeri, semakan mendapati, hanya fatwa dari JPHS Wilayah-Wilayah Persekutuan disertakan bersama penghujahan fatwa. Berikut merupakan penghujahan fatwa dari JPHS Wilayah Persekutuan (*Isu Penamaan "Bin/Binti Abdullah",* 2017), berkenaan anak tidak sah taraf:

Jadual 3.2

Penghujahan dari Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah-Wilayah Persekutuan

Mesyuarat bersetuju bahawa hujah yang melarang dibin atau dibintikan anak tidak sah taraf kepada bapa biologi adalah berdasarkan dalil kuat dari nas al-Qur'an, hadith, amalan sahabat dan jumhur fuqaha. Nasab anak kepada ibunya tetap tersabit di dalam semua keadaan kelahiran samada secara syarii atau tidak. Adapun nasab anak kepada bapa, ia tidak tersabit kecuali melalui pernikahan sahih atau fasid (seperti yang telah kami kemukakan syaratnya) atau *wat'ī* syubhah atau ikrar. Islam telah membatalkan amalan di zaman Jahiliyyah yang menghubungkan nasab anatara anak hasil penzinaan kepada si pelaku zina.

Universiti Utara Malaysia

Sambungan Jadual 3.2

Fahaman sebenar berkenaan dengan sabda Rasulullah SAW (الْحَجَرُ لِلْعَاهِرِ) adalah dengan makna bahawa anak dinasabkan kepada bapa yang berada di dalam perkahwinan sahih. Hal demikian kerana, *al-firāsy* telah sedia difahami dengan maksud perempuan mengikut kebanyakan ulama' dan dit*a'bīr*kan dengan maksud dalam keadaan *iftirāsy*. Adapun zina tidak harus menjadi penyebab untuk mensabitkan nasab. Sebaliknya, yang berhak kepada pelaku zina adalah rejaman batu. Begitu juga zahir hadith menunjukkan bahawa anak dihubungkan kepada bapa atau dibinkan kepadanya hanya selepas tersabit hubungan antara bapa dengan ibunya, oleh jaminan persetubuhan berlaku di dalam perkahwinan sahih atau fasid. Berikut merupakan pendapat jumhur. Sedangkan riwayat Abu Hanifah bahawa tersabit semata-mata dengan akad oleh *zhan* adalah ditolak kerana berlawanan dengan zahir hadis, iaitu bukan hanya oleh fakor akad. Bahkan mesti adanya *imkān al-wat'ī* atau keberangkalian untuk bersetubuh. Bagi pasangan yang baru memeluk agama Islam dan mempunyai anak yang dianggap sah taraf menurut perkahwinan sivil atau adat, anak tersebut turut dianggap sah taraf di dalam Islam kerana diqiaskan dengan zaman jahiliyyah. Keputusan ini juga mengambil kira bahawa *maṣlaḥah* umum (implikasi zina) perlu diutamakan dari *maṣlaḥah* khas (anak zina) dan ianya bertepatan dengan *maqāṣid al-syarī'ah* yang utama iaitu memelihara nasab.

Justeru, penghujahan dari JPHS Wilayah Persekutuan tersebut dijadikan sebagai rujukan di dalam memahami penghujahan MKI dan JFN negeri-negeri lain memandangkan secara asasnya fatwa JPHS Wilayah Persekutuan adalah menyamai pandangan hukum MKI dan fatwa dari JFN lain. Hasil semakan memperlihatkan,

Universiti Utara Malaysia

kaedah pendalilan yang diambil oleh JPHS Wilayah Persekutuan menyerupai pendalilan "Pihak yang menolak pensabitan nasab walaupun wujud *iqrār* dari lelaki penzina" sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam bab dua.

ii. Faktor perbezaan penghujahan MKI dan negeri-negeri lain dengan JFN Perlis

Berdasarkan kepada penghujahan JPHS Wilayah Persekutuan, kajian mendapati selain daripada perbezaan metode di dalam pengambilan pendapat Mazhab, perbezaan pandangan hukum MKI atau fatwa negeri-negeri lain dengan fatwa JFN Perlis di dalam isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah oleh dua faktor lain iaitu, pertama oleh faktor kaedah pemahaman hadis "*al-walad lil firāsy"*, serta kedua adalah oleh faktor di dalam penentuan *maṣlaḥah*.

- Faktor pertama: Kaedah pemahaman hadis "*al-walad lil firāsy"*

JFN Perlis melihat bahawa di dalam situasi "*al-walad lil firāsy*" bagi mengadili perselisihan nasab anak antara Sa'ad bin Abi Waqqas dan Abd bin Zam'ah, Rasulullah SAW telah memutuskan anak tersebut adalah anak Zam'ah kerana *al-firāsy* walaupun dari sudut *al-qiyāfah*, anak itu menyerupai Utbah (Sharilfuddin, 2017). Justeru, anak yang boleh dinasabkan sebagai "*al-walad lil firāsy*" merupakan anak yang dilahirkan di dalam pernikahan tanpa pengingkaran oleh suami si ibu secara *li'ān*. Kaedah ini dikenali sebagai memahami hadis daripada mafhumnya (perkara yang difahami daripada hadis).

Sebaliknya MKI dan Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri lain mengguna pakai hadis yang sama dengan metode berbeza, iaitu mengambil hukum daripada zahir hadis dalam mengeluarkan pandangan bahawa anak yang boleh dinasabkan sebagai "*al-walad lil firāsy*" hanya melibatkan anak yang dihamilkan melalui jalan pernikahan (*Isu Penamaan "Bin/Binti Abdullah",* 2017). Kaedah ini dikenali sebagai memahami hadis daripada *mantuq*nya (perkara yang disebut dalam hadis).

- Faktor kedua: Penentuan *maṣlaḥah*.

MKI membincangkan kemaslahatan di dalam isu anak kelahiran kurang enam bulan dari sudut pandang yang menghubungkaitkan penasaban dan penzinaan. MKI telah meletakkan perlindungan masyarakat dari implikasi zina di dalam *maṣlaḥah* umum serta isu kebajikan anak zina di dalam *maṣlaḥah* khusus. Justeru di dalam penentuan pandangan hukum berkaitan isu ini, MKI berpendapat pemeliharaan *maṣlaḥah* umum iaitu melindungi masyarakat dari perbuatan zina adalah lebih perlu diutamakan berbanding *maṣlaḥah* khas iaitu kemaslahatan anak tidak sah taraf (*Isu Penamaan "Bin/Binti Abdullah",* 2017).

Namun demikian, perkara tersebut adalah berbeza menurut pendapat JFN Perlis. Sebagaimana Abdul Hadi (2019) telah menegaskan bahawa konteks yang dibincangkan oleh fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah pada merawat kesan penzinaan yang telah berlaku dan melibatkan situasi ibu bapa yang telah bertaubat. Isu pencegahan perbuatan zina adalah isu lain yang memerlukan kepada usaha sama semua pihak di dalam perihal pendidikan masyarakat dan penguatkuasaan undang-undang pencegahan.

Oleh hal demikian, menurut Rozaimi (2021), isu *maslahah 'ammah* dan *maslahah khassah* tidak diimplementasikan di dalam isu ini kerana fatwa tidak mengaitkan penzinaan dengan penasaban, tetapi melibatkan isu apabila tidak berlakunya penafian nasab terhadap anak kelahiran kurang enam bulan dari tarikh pernikahan oleh suami si ibu.

*** Perbincangan lanjut perihal perbezaan kaedah pemahaman hadis dan kemaslahatan tersebut akan dibawa ke dalam bab lima bagi penelitian mengenai kebolehlaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

Universiti Utara Malaysia

3.3 Reaksi terhadap pewartaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

Fatwa yang diwartakan adalah mengikat orang Islam seperti yang tercatat dalam Seksyen 49:

> "(1) Apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Perlis sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya di sisi agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan" (Enakmen Pentadbiran Agama 2006).

Justeru, kajian membuat perincian terhadap reaksi mengenai pewartaan fatwa melibatkan tiga katgeori iaitu, (i) Reaksi dari Mufti negeri lain; (ii) Reaksi dari Hakim Syarii selaku pihak pelaksana; dan (iii) Reaksi dari pihak terkesan yang terdiri dari masyarakat di Malaysia.

3.3.1 Reaksi dari Mufti

Reaksi Mufti negeri lain selaku tokoh agamawan diambil dari sumber media yang diperolehi dalam maklum balas terhadap fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh JFN Perlis semasa isu kes[78] permohonan memasukkan nama bapa ke dalam pendaftaran anak di Mahkamah Rayuan Putrajaya pada tahun 2017. Berdasarkan dapatan dari temu bual wartawan Farah Marshita dan Ahmad Suhael (2017) bersama dua orang Mufti dari negeri Selangor dan Negeri Kelantan serta seorang bekas Mufti dari Negeri Pulau Pinang, didapati bahawa fatwa penasaban tidak dipersetujui oleh alasan tiada hukum syarak yang membenarkan pensabitan nasab.

Menurut Mufti Negeri Selangor ketika itu, alasan agar anak tidak menanggung malu adalah tidak wajar kerana yang berdosa adalah ibu bapanya. Pandangan yang membenarkan juga akan mendorong lebih banyak anak tidak sah taraf menuntut status

[78] (A child & ORS v. Jabatan Pendaftaran Negara & ORS, 2017).

sah taraf mereka diiktiraf. Begitu juga Mufti Negeri Kelantan berpendapat bahawa penasaban anak tidak sah taraf akan membawa kepada kekeliruan hukum pewalian dan pewarisan. Meskipun terdapat pandangan yang membenarkan nasab, namun beliau khuatiri perbezaan akan menimbulkan perselisihan kerana bertentangan dengan pendapat Mazhab Syafii yang diamalkan di Malaysia (Farah & Ahmad Suhael, 2017). Mufti Negeri Perak ketika itu di dalam temu bual bersama wartawan Shakira Buang (2017) juga memberi respon bahawa tindakan fatwa JFN Perlis boleh menjurus kepada menghalalkan perbuatan zina di masa hadapan. Malah tambah beliau lagi, fatwa penasaban turut telah mengubah hukum yang telah diputuskan oleh al-Quran, hadis dan ijmak ulama. Semua pandangan tersebut membawa kepada kesimpulan bahawa reaksi dari Mufti negeri lain merupakan tanggapan dan kerisauan terhadap penguatkuasaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh JFN Perlis.

3.3.2 Reaksi dari Hakim Syarii selaku pihak pelaksana

Penelitian terhadap reaksi Hakim Syarii selaku pelaksana fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan di peringkat Mahkamah Syariah, melibatkan permasalahan teknikal dari pewartaan bagi pemakaian di peringkat undang-undang. Hal demikian kerana, Mahkamah Syariah merupakan pihak yang bertanggungjawab mengeluarkan surat perintah terhadap keabsahan pernikahan Pemohon serta mensabitkan sah taraf anak, sebelum Pemohon membawa surat perintah tersebut kepada pihak JPN bagi urusan pendaftaran nama anak dalam situasi kelahiran yang tidak menepati garis panduan yang telah dikeluarkan oleh MKI (Garis panduan penamaan, 1998).

Universiti Utara Malaysia

Reaksi dari Hakim Syarii dibahagikan kepada dua skop perbincangan iaitu: (i) Konteks fatwa yang diwartakan; serta (ii) Pewartaan tanpa penyelarasan pindaan UUKI.

i. Konteks fatwa yang diwartakan

Fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan telah diwartakan dalam *ṣīghah* seperti berikut:

> "Anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami" (Enakmen Pentadbiran Agama 2006)

Kajian mendapati, konteks yang dinyatakan di dalam teks fatwa tersebut adalah ringkas dan tidak membawa tafsiran khusus sebagaimana yang dimaksudkan oleh JFN Perlis. Menurut Hakim MTS Johor Bahru, Syahrulnizam Saat (2020), kenyataan pendek tanpa disertakan huraian dan maksud kepada teks asal akan menimbulkan kepelbagaian tafsiran dan tafsiran-tafsiran tersebut tidak boleh menjadi sokongan dalam pemakaian teks asal di peringkat perundangan. Hal demikian kerana, dalam pemakaiannya di peringkat undang-undang, pihak pelaksana melihat kepada teks asal dan tafsiran yang dinyatakan di dalam teks semata-mata tanpa melihat di sebalik proses penggubalan teks atau maksud yang ingin dibawa oleh penggubal teks.

Tambah beliau lagi, JFN Perlis sepatutnya memasukkan segala tafsiran yang diperlukan sebagai penjelasan terhadap maksud fatwa ke dalam teks asal agar pemakaian di peringkat perundangan menjadi lebih jelas dan mudah untuk dilaksanakan, seperti contoh tafsiran anak kelahiran kurang enam bulan yang dimaksudkan adalah anak kelahiran dari hubungan zina atau perhubungan haram atau dengan maksud lain.

> "Maksud penggubal tidak boleh diambil kira dalam perundangan, kita melihat pada teks. Justeru, untuk melaksanakannya, kita kena melihat pada tafsiran asal fatwa dan selaraskan dengan Enakmen" (Syahrulnizam, 2020)

Universiti Utara Malaysia

Konteks fatwa yang ringkas tersebut juga adalah berbeza dengan maksud yang dibawa oleh ahli JFN Perlis sebagaimana menurut kenyataan Roslan Esa (2019). Teks fatwa berbunyi 'anak boleh dibin kepada suami' sahaja, namun sebaliknya Roslan Esa (2019) mengatakan bahawa fatwa bermaksud mensabitkan nasab anak kepada suami si ibu iaitu bapa sekaligus menjadikan anak tersabit segala hak dari bapa. Perkara tersebut menimbulkan permasalahan untuk dilaksanakan pada peringkat perundangan kerana maksud tidak terpakai selagimana tidak dicatatkan bersama teks yang diwartakan (Syahrulnizam, 2020).

Syahrulnizam (2020) mempersoal perihal teks asal yang tidak disertakan tafsiran penting bahawa 'anak boleh dibin kepada suami' yang dinyatakan adalah bermaksud sabitan sah taraf terhadap anak. Begitu juga tidak disertakan tafsiran mengenai perihal pewalian, pewarisan dan lain-lain hak *bunuwwah* antara anak dengan bapa. Sedangkan semua tafsiran tersebut adalah penting dalam pemakaian di peringkat undang-undang. Tambah beliau lagi, sekiranya tidak diletakkan tafsiran ke dalam teks asal, dan berlaku kematian penggubal iaitu ahli JFN Perlis yang terlibat, teks asal fatwa penasaban kekal tergantung tanpa tafsiran yang jelas dan tidak sesuai dilaksanakan pemakaiannya dalam perundangan.

> "Bila orang tanya, boleh ke nasabkan anak kurang enam bulan? Kita jawab, boleh Perlis kata boleh. Tapi bila kita lihat rupa-rupanya ini ja fatwanya. Perlis sendiri tiada fatwa nasab. Saya pun baru tahu dan baca fatwa asal, yang ini lah satu ini sahaja. Maksudnya tak adalah. Semua perkara lain, 'kenapa boleh dikeluarkan fatwa, bagaimana dikeluarkan fatwa' semua itu, tidak di*gazette* dan tidak terpakai" (Syahrulnizam, 2020)

ii. Pewartaan tanpa penyelarasan pindaan UUKI

Pewartaan fatwa penasaban adalah di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Enakmen 4 Tahun 2006), bukan di bawah Enakmen UUKI 2006. Justeru, pada

Universiti Utara Malaysia

peringkat Mahkamah Syariah Negeri Perlis sendiri, pelaksanaan fatwa adalah sukar kerana bertentangan dengan Enakmen UUKI sedia ada yang tidak dipinda.

> Penemubual: "jadi maksudnya fatwa di*gazette* tetapi tak dimasukkan di dalam Enakmen?" Hakim: "Ya. Kita utamakan Enakmen yang dah ada berbanding fatwa yang keluar kemudian" (Mohamad Fauzi, 2019)

Menurut Hakim Syarii MTS Negeri Perlis, Mohamad Fauzi (2019), Enakmen UUKI negeri Perlis berkaitan pensabitan nasab dan kedudukan anak tidak sah taraf adalah belum dibuat pindaan oleh mana-mana pihak dan masih mengekalkan peruntukan asal. Jelas beliau lagi, pewartaan tanpa disertakan pindaan UUKI menyukarkan mahkamah untuk terlibat dalam pelaksanaan fatwa.

Dapatan tersebut diperakui apabila kajian mendapati terdapat dua seksyen berkaitan pensabitan sah taraf anak di dalam Enakmen UUKI yang belum pernah dipinda semenjak dari pewartaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh JFN Perlis pada tahun 2013, iaitu:

> Seksyen 111: "Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan *qamariah* dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun *qamariah* selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara *li'an* atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah"
>
> Seksyen 115: "Jika seseorang lelaki mengaku seorang lain, sama ada dengan nyata atau dengan tersirat, sebagai anaknya yang sah, lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu jika, syarat-syarat yang berikut dipenuhi, iaitu-(a) tiada seseorang lain disifatkan sebagai bapa anak itu; (b) perbezaan antara umur lelaki itu dengan umur anak itu memunasabahkan pertalian antara mereka sebagai bapa dan anak; (c) jika anak itu telah akil baligh, di mana dia boleh membuat keputusan, anak itu telah mempersetujui tentang dia diakui sebagai anak; (d) lelaki dan ibu anak itu mungkin boleh disatukan dengan sah dalam perkahwinan pada masa pembenihan; (e) pengakuan itu bukannya cuma mengakui anak itu sebagai anaknya, bahkan mengakui anak itu sebagai anak sahtarafnya; (f) lelaki itu adalah berkeupayaan membuat kontrak; (g) pengakuan itu dibuat dengan tujuan semata-mata untuk memberi taraf kesahtarafan; atau (h) pengakuan itu adalah jelas maksudnya dan anak itu adalah diakui sebagai

anak kandungnya" (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Perlis 2006, 2008).

Dalam pemakaian di peringkat perundangan, mahkamah merupakan sebuah badan berautoriti yang tidak terikat dengan sesuatu keputusan fatwa (Nur Sarah, & Alias, 2018) terutama apabila fatwa bertentangan dengan Enakmen sedia ada. Pengiktirafan terhadap fatwa menurut Seksyen 49[79] Enakmen Pentadbiran Agama (2008) Negeri Perlis, adalah tidak bermaksud mengikat pihak Hakim (Mohamad Fauzi, 2019). Hal demikian kerana, institusi fatwa dan institusi kehakiman adalah dua bidang kuasa yang berbeza dan berautoriti. Hakim berkelayakan untuk merujuk mana-mana pandangan dan mendahulukan Enakmen sesuai dengan tuntutan kes.

Hal demikian dipersetujui oleh Syahrulnizam (2020) dan Hakim Syarii MTS Ipoh, Mohammad Esam (2020) apabila kedua-duanya bertegas bahawa di peringkat perundangan, kedudukan Enakmen adalah lebih besar dari fatwa oleh JFN. Sekiranya berlaku pertembungan antara kedua-duanya, pihak hakim terikat untuk mendahulukan pemakaian Enakmen dalam penghakiman.

Oleh hal demikian, dalam konteks fatwa penasaban oleh JFN Perlis, Mahkamah Syariah Negeri Perlis bersikap bebas dalam mensabitkan hukum sebagai pihak pelaksana, lebih-lebih lagi isu nasab adalah isu nasional (Mohamad Fauzi, 2019).

3.3.3 Reaksi dari masyarakat

Penelitian terhadap reaksi dari masyarakat melibatkan permohonan terhadap surat sokongan dari Jabatan Mufti Negeri Perlis bagi urusan kes permohonan pengesahan taraf anak di Mahkamah Syariah. Jabatan Mufti Negeri Perlis merekodkan bahawa

[79] "(2) Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah di dalam Negeri Perlis tentang semua perkara yang dinyatakan dalamnya" (Enakmen Pentadbiran Agama, 2008)

sebanyak 170 permohonan diterima agar dikeluarkan surat sokongan terhadap kes pengesahan taraf anak bagi tahun 2013 hingga 2019. Pemohon terdiri dari rakyat Malaysia yang tinggal di dalam dan di luar negeri Perlis[80]. Hal demikian menunjukkan fenomena dalam kalangan masyarakat yang berkehendak kepada fatwa.

Jadual 3.3

Permohonan Surat Sokongan Terhadap Kes Pengesahan taraf Anak

Tahun	**Jumlah kes**
2013	9
2014	17
2015	25
2016	20
2017	38
2018	35
2019	26

Universiti Utara Malaysia

Jadual 3.4

Jumlah Permohonan Berdasarkan Negeri-Negeri

Negeri	**Jumlah kes**
Perlis	40
Kedah	18
Pulau Pinang	25

[80] Ruj: Senarai kes permohonan sokongan anak tidak sah taraf
MUFTI (R) (S) 351/311 (01) JLD. 2) 2013
MUFTI (R) (S) 351/311 (01) JLD. 3) 2014
MUFTI (R) (S) 351/311 (01) JLD. 4) 2015
MUFTI (R) (S) 351/311 (01) JLD. 5) 2016
MUFTI (R) (S) 351/311 (01) JLD. 6) 2017
MUFTI (R) (S) 351/311 (01) JLD. 7) 2018
MUFTI (R) (S) 351/311 (01) JLD. 8) 2019

Sambungan Jadual 3.4

Perak	13
Selangor	24
Kelantan	2
Terengganu	4
Pahang	5
Kuala Lumpur	7
Negeri Sembilan	10
Melaka	2
Johor	15
Sabah	1
Sarawak	1
Wilayah Persekutuan	3

Universiti Utara Malaysia

Jadual menunjukkan permintaan terhadap fatwa dari Jabatan Mufti Negeri Perlis untuk dijadikan penghujahan dalam kes permohonan pengesahan taraf anak oleh masyarakat di negeri-negeri lain. Perkara tersebut boleh difahami sebagai kehendak masyarakat terhadap fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan bagi urusan pengesahan taraf anak.

Hasil semakan mendapati, Pemohon mengaku telah bertaubat, menginsafi kesalahan lampau dan mengambil keputusan untuk memohon pengesahan taraf anak bagi menutup keaiban anak yang tidak bersalah serta membolehkan anak tersabit sebagai anak yang bernasab kepada bapa iaitu suami si ibu.

Selain itu, hasil semakan fail di Mahkamah Syariah, didapati terdapat dua contoh kes permohonan pengesahan taraf anak yang mengambil sokongan dari Jabatan Mufti Negeri Perlis. Fail melibatkan kes 09100-006-0088-2017 dari MTS Negeri Perlis dan kes 08100-006-0674-2015 dari MTS Ipoh, Perak. Pihak pemohon masing-masing melampirkan sokongan fatwa di bahagian penghujahan. Hakim MTS Ipoh, Mohammad Esham (2020) juga mengakui bahawa banyak Pemohon menggunakan fatwa dari JFN Perlis sebagai sokongan hujah dalam perihal kes pengesahan taraf anak. Perkara tersebut mengukuhkan dakwaan wujud keperluan masyarakat terhadap fatwa terutama dalam urusan memohon penasaban anak pada peringkat Mahkamah.

*** Pemerhatian terhadap reaksi pewartaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan membawa kepada dua bentuk reaksi iaitu reaksi positif dan reaksi negatif. Reaksi positif dari masyarakat dilihat berdasarkan kepada permohonan surat sokongan dari Jabatan Mufti Negeri Perlis. Sebaliknya reaksi negatif melibatkan kerisauan dari tokoh agamawan di Malaysia serta permasalahan teknikal fatwa bagi pemakaian di peringkat undang-undang.

Universiti Utara Malaysia

Oleh hal demikian, kedua-dua bentuk reaksi dapat difahami akan kewujudan keperluan terhadap penasaban anak kelahiran kurang enam bulan di dalam masyarakat, namun, wujudnya permasalahan teknikal yang perlu diperbaiki dalam proses penguatkuasaannya di peringkat perundangan. Dalam masa yang sama, tidak dinafikan berlakunya tentangan terhadap fatwa oleh pihak yang tidak bersetuju.

3.4 Fatwa-fatwa lain yang diputuskan susulan fatwa penasaban

Terdapat beberapa fatwa lain yang diputuskan oleh ahli JFN Perlis susulan dari fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Hal demikian berikutan berlakunya rentetan persoalan atau keperluan terhadap isu berbangkit yang perlu diberi perhatian

oleh JFN Perlis. Antara fatwa yang berkaitan adalah: (i) Fatwa menasabkan anak angkat kepada bapa angkat; (ii) Fatwa penentuan DNA dalam kes anak tidak sah taraf; (iii) Fatwa tempoh kehamilan; (iv) Fatwa hukum bernikah dengan perempuan hamil hasil hubungan dengan lelaki lain; dan (v) Fatwa berkaitan *mīrāth*, wali perkahwinan dan *maḥrāmiyyah* bagi anak tidak sah taraf.

Namun demikian, kelima-lima fatwa berikut sehingga kajian ini berakhir, tidak diwartakan di bawah peruntukan Seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006[81]. Justeru, kesemua fatwa tidak memberi impak dalam perundangan dan kehakiman, berdasarkan Subskesyen (9), iaitu:

> "Apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa tidak boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika pernyataan itu disiarkan dalam Warta menurut subseksyen (6)"

Rajah 3.1. Fatwa-fatwa lain dari JFN Perlis susulan fatwa penasaban

[81] Subseksyen (6): Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, Majlis hendaklah memaklumkan Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan selepas itu hendaklah menyebabkan fatwa itu disiarkan dalam Warta.
Subseksyen (7): Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam Warta hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

3.4.1 Fatwa menasabkan anak angkat kepada bapa angkat

Dalam mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis kali ke-3/2008, selepas ahli mesyuarat JSN memutuskan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, turut berbangkit isu penasaban anak angkat terhadap bapa angkat pada masa yang sama. Hal demikian kerana, objektif fatwa penasaban anak tidak sah taraf adalah mengambil kira keutamaan terhadap *maqāṣid* anak. Lalu, ahli mesyuarat melihat kepada keperluan memperhalusi kebajikan anak angkat yang dipelihara oleh pihak lain kerana tidak mempunyai ibu dan ayah (Abdul Hadi, 2019).

Perbincangan penasaban anak angkat dibawa kepada Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis kali ke-4/2008[82]. Berdasarkan kepada perbincangan kertas kerja, ahli mesyuarat bersepakat memutuskan fatwa penasaban anak angkat dengan *ṣīghah* yang berbunyi:

> "anak yang tidak diketahui bapa dan ibunya, boleh disandarkan kepada penjaganya dengan diletakkan kalimah 'maula', seperti Muhammad Maula Ibrahim atau Fatimah Maula Ibrahim" (Hukum menasabkan anak angkat, 2008. Hal. 7)

3.4.2 Fatwa penentuan DNA dalam kes anak tidak sah taraf

Dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke-5, berlaku perbincangan mengenai penentuan DNA terhadap anak tidak sah taraf, berdasarkan kepada soalan yang diperolehi dari laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Perlis. Soalan yang dibangkitkan adalah mengenai ujian DNA ke atas anak yang dilahirkan kurang enam bulan tetapi tidak diakui oleh suami.

[82] Berlangsung pada 16-17 September 2008, di Grand RiverView Hotel, Kota Bharu Kelantan.

Ahli mesyuarat JFN memutuskan bahawa pengakuan suami si ibu diperlukan dalam penasaban bagi mengelak penasaban anak ke atas suami si ibu yang bukan bapa (Isu penentuan DNA, 2012). Perbuatan tersebut diberi ancaman oleh Islam kerana mencampur adukkan nasab. Ancaman juga berlaku terhadap bapa yang menafikan anak, berdasarkan hadis yang bermaksud:

> "mana-mana wanita yang memasukkan (menasabkan anaknya) ke dalam sesuatu kaum yang bukan dari kaumnya, dia tidak mendapat apa-apa (kebaikan) dari Allah SWT dan Allah SWT tidak akan memasukkannya ke dalam syurga. Mana-mana lelaki yang tidak mengakui (bahawa anak) itu adalah anaknya, sedangkan dia melihat (mengetahui kebenaran), Allah (tidak akan memandang dengan) menghijab dirinya (di hari kiamat), dan Allah SWT akan memalukan dia di hadapan seluruh makhluk sejak mula mereka diciptakan sehinggalah yang terakhir" (Hadis riwayat Abu Daud no. 2263; al-Nasaii no. 5645; Ibnu Hibban no 4104; al-Baihaqi no. 15333)

Selain itu, ahli mesyuarat JFN turut memasukkan fatwa dari Majlis Persidangan Hal Ehwal *Fiqh* Islam (Umar Muhammad, 2002) terhadap isu ujian DNA dalam hal penasaban ke dalam keputusan mesyuarat, iaitu ujian DNA hanya boleh dilakukan bagi kes penafian bapa iaitu suami si ibu terhadap anak yang dilahirkan dalam tempoh enam bulan *al-firāsy* atau lebih sahaja (Isu penentuan DNA, 2012).

3.4.3 Fatwa tempoh kehamilan

Pengusulan fatwa mula dicetuskan dalam mesyuarat JFN Perlis kali ke-6 di bawah skop hal-hal lain[83], apabila Jabatan Mufti mengemukakan kertas cadangan penelitian semula keabsahan dan praktikal bagi Seksyen 111 (Kesahtarafan anak) - Enakmen UUKI 2006, iaitu melibatkan minima dan maksima tempoh yang membolehkan anak disabitkan nasab kepada suami ibu[84](Hal-hal lain: 5.1, 2012).

[83] Ahli JFN bersetuju untuk menangguhkan perkara tersebut ke mesyuarat seterusnya dengan menjemput pakar di dalam bidang yang bersesuaian untuk membuat penentuan berkaitan tempoh terpendek dan terpanjang sesuatu kehamilan boleh berlaku (Hal-hal lain: 5.1, 2012).

[84] "Seksyen 111: Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan anak seorang anak lebih daripada enam bulan *qamariah* dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa

Pada mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis ke-7[85], seorang Pakar Perunding Perbidanan dan Sakit Puan, Hospital Tuanku Fauziah, Kangar Perlis dijemput membentangkan di hadapan ahli JFN Perlis mengenai tempoh kehamilan di dalam perubatan moden (Kehamilan dan tempohnya, 2012). Selepas perbincangan, ahli JFN Perlis kemudiannya bersetuju untuk memutuskan keputusan fatwa yang berbunyi:

> "Tempoh kehamilan mengikut kebiasaan ialah sekitar 288 hari, kecuali dibuktikan sebaliknya oleh pakar perubatan yang bertauliah. Manakala tempoh minima kehamilan yang dijangka boleh hidup ialah selama 154 hari" (Tempoh kehamilan, 2012. Hal. 42)[86].

3.4.4 Fatwa hukum bernikah dengan perempuan hamil hasil hubungan dengan lelaki lain

Persoalan mengenai pernikahan dengan perempuan hamil hasil hubungan dengan lelaki lain dikemukakan oleh MAIPs dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke-12[87] dan dibawa perbincangannya ke dalam mesyuarat kali ke-14[88], di bawah laporan perkara-perkara berbangkit (Hukum berkahwin, 2014).

Universiti Utara Malaysia

Hasil perbincangan, ahli mesyuarat JFN bersetuju sebulat suara dengan keputusan mengambil pandangan kedua iaitu, pandangan Mazhab Syafii dan Hanafi yang membenarkan perbuatan menikahi perempuan hamil dari zina kerana hujah lebih jelas

---

empat tahun *qamariah* selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara *li'ān* atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan mahkamah" (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Perlis 2006)

[85] Berlangsung pada 17 September 2012, di Hotel The Regency, Alor Setar Kedah.

[86] Dipersetujui oleh: (a) Juanda Bin Jaya; (b) Mohd Radzi; (c) Ahmad Bin Jusoh; (d) Abdullah Bin Yasin; (e) Johari Bin Mat; (f) Azwira Bin Abd Aziz; (g) Abd Hadi Bin Osman; (h) Roslan Bin Esa; dan (i) Nafizah Binti Abd Halim (setiausaha)

[87] Berlangsung pada 30 Oktober 2013, di Darul Aman Suit, Jitra Kedah.

[88] Berlangsung pada 4-5 Mei 2014, di Harbour View Hotel, Kuching Sarawak.
Hadir: (a) Juanda Bin Jaya; (b) Ahmad Bin Jusoh; (c) Mohd Radzi Bin Osman; (d) Roslan Bin Esa; (e) Abdul Hadi Bin Osman; (f) Azuwa Bin Abd Azizi; dan (g) Nafizah Binti Abdul Halim. Tidak hadir: (a) Johari Bin Mat; dan (b) Abdullah Bin Yasin.

dan kuat. Hal demikian kerana, hubungan zina tiada kemuliaan dan tidak dapat mensabitkan nasab.

Ahli mesyuarat berpendapat, sekiranya perempuan hamil kerana zina bernikah dengan lelaki yang bukan menghamilinya, mereka tidak dihalalkan melakukan hubungan persetubuhan sehingga perempuan hamil melahirkan anak zina, berdasarkan dua hadis yang bermaksud:

> *"Jangan disetubuhi perempuan (kerana zina) sehingga dia melahirkan kandungannya" (Riwayat Abi Daud no.2157, Ahmad no. 2319 dan al-Tirmizi no.1564)*

Sebaliknya, jika perempuan itu bernikah dengan lelaki penzina, mereka boleh melakukan hubungan seksual berdasarkan pandangan kedua. Pernikahan tersebut adalah sah (Hukum berkahwin, 2014). Keputusan fatwa kemudiannya dibawa semula ke peringkat MAIPs sebagai maklum balas[89] (Hukum berkahwin, 2014a).

3.4.5 Fatwa berkaitan *mīrāth*, wali perkahwinan dan *maḥrāmiyyah* bagi anak tidak sah taraf

Pada mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke-52[90], kertas kerja mengenai hukum wali perkahwinan anak tidak sah taraf telah dibentang susulan daripada teks fatwa asal penasaban anak kelahiran kurang enam bulan yang tidak lengkap. Ahli mesyuarat bersetuju secara sepakat dengan keputusan fatwa seperti berikut:

[89] Jabatan Mufti Negeri Perlis memberi maklum kepada MAIPs mengenai hasil mesyuarat JFN Perlis (Bertarikh 21 Mei 2014. Ruj: MUFTI(R)351/303 Jld.2(66). Seterusya, pihak MAIPs telah memperakui keputusan dalam mesyuarat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis Bil.3/2014 yang berlangsung pada 7 Julai 2014 (Hukum berkahwin, 2014a).

[90] Berlangsung pada 19-20 Mac 2021, di Hotel Gold Sand, Langkawi.
Hadir: (a) Mohd Asri Bin Zainul Abidin; (b) Mohd Radzi Bin Osman; (c) Johari Bin Mat;(d) Basri Bin Ibrahim; (e) Muhamad Rozaimi Bin Ramle; (f) Zaharuddin Bin Abdul Rahman; (g) Azman Bin Mohd Noor; (h) Mohd Akram Bin Dahaman@Dahlan; (i) Kamilin Jamilin @ Ahmad Kamilin Jamilin; (j) Ahmad Sufian Bin Che Abdullah; (k) Ahmad Wifaq Bin Mokhtar; (l) Syed Abu Bakar Bin Syed Kamal Bharin dan (m) Muhammad Khidhir Bin Abdul Ghani. Tidak hadir: (a) Ahmad Bin Jusoh.

> "Anak yang telah dibinkan oleh mahkamah kepada bapanya, mereka saling mewarisi harta pusaka, terlaksana hukum-hakam perwalian dan *maḥrāmiyyah* (status mahram)" (Fatwa berkaitan, 2021. Hal. 7)

*** Kelima-lima fatwa tersebut merupakan fatwa yang menjawab isu dan persoalan lain yang timbul susulan selepas fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Berdasarkan fatwa-fatwa tersebut, dapat difahami akan keseriusan dan kesungguhan JFN Perlis dalam perihal fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Hal demikian dilihat mengenai penekanan *maṣlaḥah* dan *maqāṣid* anak yang dimaksudkan di dalam fatwa penasaban, turut menjadi asas kepada fatwa susulan seperti (i) membenarkan peletakan maula bagi anak angkat; serta (ii) mensabitkan hak dalam *mīrāth*, wali perkahwinan dan *maḥrāmiyyah* bagi anak kelahiran kurang enam bulan.

Dalam masa yang sama, sikap cermat dan berhati-hati JFN Perlis dalam membuat keputusan mensabitkan nasab anak kelahiran kurang enam bulan dapat diperhatikan berdasarkan juga kepada fatwa susulan, iaitu: (i) Tindakan tidak menasabkan anak yang tiada hubungan darah meskipun anak merupakan anak tanpa ibu dan ayah; (ii) Tindakan mengambil kira *iqrār* bapa dalam penasaban bagi menjawab isu DNA; (iii) Tindakan menyemak tempoh maksima kehamilan bagi urusan penasaban anak selepas berlaku perpisahan antara suami dan isteri sama ada disebabkan kematian atau perceraian; serta (iv) Tindakan cermat dalam mengambil pandangan yang membenarkan pernikahan antara lelaki dengan perempuan hamil disebabkan hubungan dengan lelaki lain. Hal demikian bagi memastikan tiada penasaban ke atas suami si ibu yang bukan bapa.

3.5 Kesimpulan

Hasil mesyuarat JSN Perlis pada tahun 2008 telah memutuskan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan yang berbunyi:

> "anak yang lahir kurang dari enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh suami"

Fatwa diusulkan dan diputuskan selepas melihat kepada *maṣlaḥah* dalam masyarakat. *Maṣlaḥah* anak adalah keutamaan yang diambil kira oleh ahli JSN Perlis. Pada tahun 2013, fatwa penasaban anak telah diwartakan dan dimasukkan ke dalam Enakmen Pentadbiran Agama 2006 selepas diluluskan oleh ahli Majlis MAIPs, dengan sembah perkenan DYMM Tuanku Raja Perlis.

Penghujahan fatwa penasaban dimulai oleh perbezaan antara metode JFN Perlis dengan metode MKI. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis membenarkan fatwa dikeluarkan berpandukan kepada al-Quran dan hadis sahaja, tanpa terikat oleh pandangan Mazhab Syafii. Hal demikian memberi kebebasan kepada ahli JFN Perlis untuk mengambil pandangan *rājiḥ* dalam perbincangan terhadap sesuatu masalah.

Kajian terhadap kertas kerja pembentangan JSN Perlis pada tahun 2008 memperlihatkan bahawa rujukan dalil hukum berpandukan kepada dalil hadis dan pendalilan oleh ulama menjadi asas keputusan menasabkan anak hasil penzinaan. Justeru, ahli JFN sepakat memutuskan anak kelahiran kurang enam bulan adalah boleh dinasabkan dengan syarat kelahiran berlaku di dalam pernikahan ibu dan bapa.

Dalam masa yang sama, kajian membawa *ṣighah* fatwa anak tidak sah taraf dari tiga negeri lain bagi melihat *ṣighah* dan penghujahan JFN terbabit. Penghujahan dari JPHS Wilayah Persekutuan dijadikan sebagai rujukan di dalam memahami penghujahan MKI dan JFN negeri-negeri lain memandangkan secara asasnya fatwa JPHS Wilayah Persekutuan adalah menyamai pandangan hukum MKI dan fatwa dari JFN lain. Hasil

Universiti Utara Malaysia

semakan memperlihatkan, kaedah pendalilan yang diambil menyerupai pendalilan "Pihak yang menolak pensabitan nasab walaupun wujud *iqrār* dari lelaki penzina" sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam bab dua. Oleh sebab itu, selain daripada perbezaan metode di dalam pengambilan pendapat Mazhab, kajian mendapati perbezaan pandangan hukum MKI dan fatwa JFN Perlis adalah oleh dua faktor lain iaitu, pertama oleh faktor kaedah pemahaman hadis "*al-walad lil firāsy"*, serta kedua adalah oleh faktor di dalam penentuan *maṣlaḥah*.

Pewartaan fatwa menghasilkan dua bentuk reaksi dalam kalangan Mufti selaku tokoh agamawan, Hakim Syarii selaku pihak pelaksana dan masyarakat. Dalam kalangan Mufti, fatwa penasaban tidak dipersetujui kerana dilihat bertentangan dengan Mazhab Syafii dan penguatkuasaannya akan menggalakkan lagi penzinaan. Pihak pelaksana undang-undang pula melihat teks fatwa yang diwartakan belum mencapai status teks perundangan yang lengkap. Hal demikian kerana, teks asal fatwa adalah ringkas dan tidak disertakan tafsiran lengkap kepada maksud yang ingin dibawa dalam pemakaian di peringkat perundangan. Lebih menyulitkan lagi keadaan adalah apabila fatwa tidak di*gazette* di bawah Enakmen UUKI, menyebabkan fatwa bertentangan dengan Enakmen sedia ada. Dua pandangan tersebut merupakan reaksi negatif terhadap pewartaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan melibatkan tanggapan serta permasalahan teknikal dalam penguatkuasaan. Manakala reaksi masyarakat menunjukkan berlakunya permintaan dan keperluan terhadap fatwa penasaban. Sebanyak 170 permohonan telah diajukan kepada Jabatan Mufti negeri Perlis oleh masyarakat dari 13 negeri di seluruh Malaysia, sepanjang tahun 2013 hingga 2019 sahaja.

Universiti Utara Malaysia

Dalam pada itu, JFN Perlis turut membuat keputusan terhadap lima fatwa lain susulan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Hal demikian disebabkan wujudnya rentetan persoalan atau keperluan terhadap isu berbangkit, seperti (i) fatwa menasabkan anak angkat kepada bapa angkat; (ii) fatwa penentuan DNA dalam kes anak tidak sah taraf; (iii) fatwa tempoh kehamilan; (iv) fatwa hukum bernikah dengan perempuan hamil hasil hubungan dengan lelaki lain; dan (v) fatwa berkaitan *mīrāth,* wali perkahwinan dan *maḥramiyyah* bagi anak tidak sah taraf. Kelima-lima fatwa memperkukuhkan lagi fatwa penasaban kerana *maṣlaḥah* anak menjadi bukti keutamaan dan isu pertindihan nasab dapat dielakkan.

Universiti Utara Malaysia

BAB EMPAT

KEPERLUAN PELAKSANAAN PENASABAN ANAK KELAHIRAN KURANG ENAM BULAN

4.0 Pengenalan

Bab empat menganalisis dapatan kajian dari lapangan dan dokumentasi bagi memahami keperluan pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Hal demikian kerana, penilaian terhadap *ḍarūrī* sesuatu isu merupakan keutamaan di dalam proses *istinbāṭ* hukum, bagi menghasilkan asas perbincangan menurut dua eleman penting iaitu*, maṣlaḥah* dan *mafsadah* sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam bab dua. Justeru di dalam bab ini, kajian memperincikan perbincangan berdasarkan respon keperluan perlaksanaannya dari sudut pihak terkesan, serta dari sudut pihak pelaksana sabitan penasaban anak di peringkat perundangan. Seterusnya, kajian mengetengahkan analisis permasalahan yang dihadapi pihak terkesan oleh status tidak sah taraf di Malaysia sebagai asas bagi mengukuhkan lagi kesedaran ke arah keperluan pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

Universiti Utara Malaysia

Rajah 4.1. Keperluan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

4.1 Respon terhadap keperluan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

Dalam permasalahan anak tidak sah taraf, status ketidak sahtarafan memberi kesan kepada pihak-pihak tertentu secara jelas. Dapatan dari kajian bab dua dan tiga menunjukkan bahawa antara pihak yang terkesan secara langsung adalah anak iaitu individu berstatus tidak sah taraf dan bapa apabila mereka terhalang dalam memperolehi hak dari nasab dan *bunuwah* seperti hak kerabat, hak nafkah dan hak pewarisan harta puasaka (Wahbah Zuhaili, 2010). Ibu juga turut terkesan terutama melibatkan ibu yang hamil tanpa pernikahan kerana segala hak *bunuwwah* menjadi tanggungjawab ibu dan jalur lelaki dari ibu sahaja (Ibnu Qudamah, 1968).

Dalam masa yang sama, terdapat inisiatif pada peringkat Mahkamah Syariah bagi pihak terkesan untuk membuka fail permohonan pengesahan taraf status sekiranya permohonan pendaftaran nama anak beserta bin / binti bapa iaitu suami si ibu ditolak pada peringkat JPN. Kebiasaannya, Pemohon iaitu suami si ibu bertindak membawa kes ke peringkat Mahkamah Syariah kerana Pemohon meyakini wujud keberangkalian berlaku pensabitan nasab antara anak dengan bapa. Proses pengesahan status sama ada sah taraf atau tidak ditentukan oleh Hakim Syarii menurut hukum syarak dan Enakmen UUKI sedia ada.

Oleh hal demikian, kajian memperincikan respon terhadap keperluan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan melalui dua bentuk perbincangan, iaitu: pertama, respon dari pihak terkesan; dan kedua, respon dari pihak pelaksana.

Universiti Utara Malaysia

4.1.1 Respon pihak terkesan terhadap keperluan pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

Pihak terkesan atau subjek kes yang ditemu bual bagi melihat respon terhadap keperluan pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah terdiri daripada dua kelompok, iaitu kelompok pertama adalah pihak terkesan secara langsung, merangkumi: (i) individu berstatus tidak sah taraf; (ii) ibu hamil tanpa pernikahan; dan (iii) bapa kepada anak tidak sah taraf; seterusnya kelompok kedua adalah pihak terkesan secara tidak langsung (sekunder) oleh faktor pengalaman dan aduan dari kelompok pertama, seperti: (iv) pegawai JKM; dan (v) individu yang menjadi rujukan pihak terkesan.

i. Individu berstatus tidak sah taraf

Dua orang subjek kes telah ditemu bual bagi melihat sisi pandang individu berstatus tidak sah taraf dan kedua-dua subjek kes bersetuju dengan pelaksanaan fatwa.

Berikut merupakan perincian pandangan terhadap pelaksanaan fatwa dari individu berstatus tidak sah taraf.

Jadual 4.1

Pandangan Terhadap Pelaksanaan Fatwa Dari Individu Berstatus Tidak Sah Taraf

Bil	Responden	Pandangan
1	Individu A (2020)	Beliau sangat bersetuju dengan pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, kerana melihat kepada *maṣlaḥah* terhadap pasangan yang sudah terlanjur, dan bertekad untuk memulakan kehidupan baru selepas bertaubat. Hal demikian kerana, individu A melihat kepada keperluan penasaban dalam membantu ibu bapa memulakan hidup baru yang bebas dari beban psikologi dan kesalahan.

Sambungan Jadual 4.1

		"Saaaaangat membantu! Yang paling penting lebih membantu untuk mana-mana pasangan yang mungkin dah terlanjur dengan adanya anak dan kemudian benar-benar bertaubat dan mulakan hidup baru. Bebas dari semua beban psikologi dan kesalahan"
2	Individu B (2021)	Beliau menyokong pelaksanaan fatwa kerana melihat kepada perasaan anak apabila mengetahui status ketidak sahtarafan. Begitu juga sekiranya masyarakat mengetahui status anak, hal demikian tidak membantu, malah memburukkan lagi kehidupan anak. Menurut individu B, pandangan serong oleh imej tidak sah taraf, boleh mendorong kepada pembentukan akhlak yang tidak baik dalam diri anak, melainkan sekiranya anak membesar dalam institusi keluarga yang baik. Berdasarkan pengalaman peribadinya, beliau sedar dan menerima keadaan dirinya hanya disebabkan keyakinan sebenar terhadap tujuan manusia diciptakan di dunia ini, iaitu beriman kepada Allah dan bersabar dengan ujian yang diberikan.
		"Saya *share* kan pengalaman saya pada Syed Azmi pon bertujuan untuk bagi sedikit buah fikir orang yang sedang lalui ni. Dan saya benar faham apa yang si anak rasa. Sebab saya telah laluinya. Dan saya juga suka kalau anak anak tak sah taraf ni diberikan atau dilihat sama rata oleh orang lain. Mereka istimewa saya fikir. Mereka tak bersalah (Muka sedih). Tiap kali saya rasa *down*, saya yakin Allah tahu tujuan apa saya diciptakan."

Universiti Utara Malaysia

ii. Ibu hamil tanpa pernikahan

Seramai lapan orang penghuni PJSK Taman Seri Puteri, Batu Gajah Perak, telah ditemu bual bagi melihat sisi pandang ibu hamil tanpa pernikahan. Empat orang penghuni bersetuju dengan pelaksanaan fatwa, manakala seorang tidak bersetuju dan empat orang penghuni lain bersikap berkecuali.

Berikut merupakan perincian pandangan terhadap pelaksanaan fatwa dari ibu hamil tanpa pernikahan.

Jadual 4.2

Pandangan Terhadap Pelaksanaan Fatwa Dari Ibu Hamil Tanpa Pernikahan

Bil	Responden	Pandangan
1	Penghuni A (2020)	Beliau sangat bersetuju dengan fatwa dan melihat fatwa tersebut membantu pihak yang pernah terlanjur memulakan kehidupan baru selepas bertaubat. Meskipun dalam kes Penghuni A, beliau sendiri menolak teman lelakinya yang mahu bertanggungjawab kerana tidak meyakini usaha lelaki itu untuk berubah dari perilaku suka berhibur kepada perilaku yang lebih baik, beliau bersetuju kerana melihat kepada keperluan penasaban dalam hal pasangan lelaki dan perempuan yang lebih baik, namun tersilap langkah dan terlanjur berzina. Beliau berasa sedih dan bersimpati dengan nasib yang bakal dialami oleh anaknya yang tidak bersalah oleh kecuaian dirinya sendiri. "… kalau terjadi pada pasangan yang lebih baik, memang sangat membantu untuk mereka memulakan hidup baru. Saya menyesal dan sedih bila terjadi macam ini. Kesian dekat anak ini terpaksa melalui hidup hasil dosa saya"

Sambungan Jadual 4.2

2	Penghuni B (2020)	Beliau tidak bersetuju dan berpendapat fatwa akan menyebabkan pasangan terlanjur berasa selamat dan tidak berasa insaf. Lebih-lebih lagi, dalam kes yang dialami oleh beliau sendiri, teman lelakinya bersikap acuh tidak acuh untuk bertanggungjawab terhadap anak yang dikandung. "Saya rasa macam tak menginsafkan sangat nanti sebab rasa selamat, dapat binkan pada bapa dia"
3	Penghuni C (2020)	Beliau bersikap berkecuali. "Tak tahu"
4	Penghuni D (2020)	Beliau bersikap berkecuali kerana berdasarkan kes yang dialaminya sendiri, teman lelaki bersikap acuh tidak acuh untuk bertanggungjawab terhadap anak yang dikandung. Lebih-lebih lagi, beliau risau akan perilaku ibu kepada teman lelaki yang berkemungkinan untuk mengungkit status tidak sah taraf anak di kemudian hari. "Saya tak tau la, sebab laki tu macam nak taknak ja bertanggungjawab. Saya tak harap dekat dia"
5	Penghuni E (2020)	Beliau bersikap berkecuali. "Tak tahu"
6	Penghuni F (2020)	Beliau sangat bersetuju dengan fatwa kerana secara peribadinya, beliau sendiri tidak pernah terfikir akan terlanjur dan berhadapan dengan pengalaman menghamili anak hasil penzinaan. Individu F meluahkan kekesalan yang amat terhadap kesalahan yang dilakukan dan tidak pernah terbayang akan mengalaminya sendiri. Namun akibat kelalaian yang membuka peluang dan terpengaruh oleh bisikan syaitan, beliau terjerumus ke dalam kesalahan yang membawa kepada kesalahan lain, iaitu status anak tidak sah taraf.

Universiti Utara Malaysia

Sambungan Jadual 4.2

		"Saya sendiri pun tak terfikir akan jadi macam ni dan tak terfikir yang saya akan berzina … Taknak pun sebenarnya perkara ni terjadi. Kalau boleh memang taknak pun. Tapi dah terjadi, nak buat macam mana"
7	Penghuni G (2020)	Beliau sangat bersetuju dengan fatwa kerana memelihara aib dan memberi hak anak menurut hukum syarak dan perundangan. "Sangat membantu. Sebab dari segi aib, status, nak mewalikan apa semua"
8	Penghuni H (2020)	Beliau bersetuju kerana melihat kepada keperluan untuk lelaki bertanggungjawab terhadap dosa bersama. "Memang patutlah dia bertanggungjawab. Takkan nak lepas macam tu ja. Dah buat sama-sama tapi yang sakit kita sorang saja"

Dalam masa yang sama, tiga orang subjek kes, iaitu Penghuni F, Penghuni G dan Penghuni H (2020) mengambil berat soal keberangkalian wujudnya galakkan terhadap aktiviti zina sekiranya fatwa dilaksanakan. Sikap mengambil berat tersebut mempamerkan bahawa meskipun mereka adalah pihak terkesan yang memerlukan kepada fatwa penasabanan anak kelahiran kurang enam bulan, namun mereka memikirkan keberangkalian buruk yang mungkin terjadi kepada masyarakat umum.

iii. Bapa kepada anak tidak sah taraf

Seramai tiga orang bapa, telah ditemu bual bagi melihat sisi pandang bapa kepada anak tidak sah taraf. Ketiga-tiga subjek kes bersetuju dengan pelaksanaan fatwa.

Berikut merupakan perincian pandangan terhadap pelaksanaan fatwa dari bapa kepada anak tidak sah taraf.

Jadual 4.3

Pandangan Terhadap Pelaksanaan Fatwa Dari Bapa Anak Tidak Sah Taraf

Bil	Responden	Pandangan
1	Bapa A (2020)	Bapa A sangat bersetuju dengan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan kerana melihat aspek penjagaan aib anak dan bapa. Selain itu, beliau berpendapat bahawa penasaban akan menggalakkan lebih banyak bapa bertanggungjawab. Sekalipun sekiranya anak tidak boleh mewarisi atau diwalikan, Bapa A melihat kepada keperluan anak dibinkan kepada bapa agar aib anak terjaga dan anak dapat menjalani kehidupan tanpa terpalit sejarah lama kesilapan ibu bapanya. "Sangat membantu. Terutama sekali supaya si bapa tidak lari dari tanggungjawab terhadap anak" Menurut Bapa A, antara usaha dalam permohonan pensabitan nasab anak, beliau pernah membawa surat sokongan Jabatan Mufti Negeri Perlis bagi permohonan pendaftaran nama anak di JPN, namun ditolak. Sebaliknya, beliau tidak pernah membuat permohonan pengesahan taraf anak di Mahkamah Syariah, kerana beliau pernah mendapatkan pandangan peguam Syarii, dan diberitahu bahawa permohonan bagi anak kelahiran kurang enam bulan adalah pasti tidak diluluskan. Sebagai seorang bapa, beliau sangat berharap akan pelaksanaan fatwa penasaban di Malaysia pada suatu hari nanti agar hak anak dapat

Sambungan Jadual 4.3

		diperolehi. "Saya menyokong penuh usaha tuan Mufti Perlis tentang perkara ini. Bilamana ada seseorang yang berpengetahuan tinggi tentang agama mengatakan perkara ini ada solusinya, saya rasa ada harapan dan jalan keluar"
2	Bapa B (2020)	Bapa B sangat bersetuju dengan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan di Malaysia. Hal demikian kerana pelaksanaan penasabaan akan memelihara keaiban dan *maṣlaḥah* dalam kehidupan anak. Beliau mengakui telah bertaubat dan berharap kehidupan dapat diteruskan tanpa membawa kesalahan lampau yang menyakitkan. Dalam masa yang sama beliau sedar di atas kekuasaan Allah lah yang menerima taubat atau memberi hukuman atas kesalahan zina di akhirat nanti. Beliau bersetuju dengan penasaban anak kerana melihat kewujudan pandangan ulama yang membenarkan, dan perkara tersebut memberi harapan kepada beliau. Menurut Bapa B, perasaan memiliki nama sendiri di dalam nama anak adalah suatu perasaan kebapaan yang tidak dapat digambarkan oleh perkataan. Apabila beliau mendapat tahu bahawa namanya tidak dapat disertakan ke dalam pendaftaran nama anak di JPN, beliau mengalami rasa kesal dan tidak berguna sebagai seorang bapa. "Bagi saya sendiri lah kan, dia ada satu rasa semangat untuk anak tu, sebab nama tu ada kan. Bila nama kita tu ada, dia ada satu rasa lain. Lain lah. Masa mula-mula buat permohonan dekat JPN tu, bila depa kata tak boleh, dia ada satu rasa macam, rasa tak berguna. Pastu duduk fikir-fikir balik, cari jugalah cara lain. Kita tak putus asa la kan. Tapi kalau kata dapat tu, kita rasa lainlah, kita rasa lagi semangat.

Universiti Utara Malaysia

Sambungan Jadual 4.3

		Sebab kita pun dah bertaubat apa semua. Rasa syukur sangatlah kalau dapat tu”
		Dalam usaha sebagai seorang bapa, beliau pernah dua kali memohon pengesahan taraf anak di Mahkamah Syariah namun kedua-duanya ditolak, meskipun pada permohonan kali kedua, beliau membawa bersama surat sokongan dari pejabat Jabatan Mufti.
3	Bapa C (2021)	Bapa C bersetuju dengan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan kerana melihat aspek penjagaan aib anak terutama melibatkan urusan anak di alam persekolahan. Selain itu, beliau berpendapat bahawa penasaban akan menggalakkan lebih banyak bapa untuk berkahwin dengan si ibu dan bertanggungjawab terhadap anak. Hal demikian kerana, Bapa C melihat kepada pernikahan sebagai mekanisme yang mengikat bapa dengan tanggungjawab kepada anak, sekaligus menyelamatkan anak dari dibuang merata-rata oleh rasa takut si ibu yang menanggung malu dan beban seorang diri. Tambah beliau lagi, kebiasaannya perempuan yang hamil tanpa pernikahan akan dibuang oleh keluarga. Lalu, Bapa C melihat kepada keperluan penasaban untuk menggalakkan pernikahan selepas terlanjur dan menghalang dari lelaki bersikap lepas tangan terhadap kesilapan bersama. Sikap tersebut adalah kebiasaan yang sering berlaku lantaran lelaki tidak dipertanggungjawabkan ke atas anak zina. Beliau berpendapat bahawa, isu pernikahan antara ibu dan bapa akan bertahan lama atau tidak merupakan isu lain yang tidak bersangkutan dengan urusan keperluan anak dalam hal nasab. Paling kurang, bapa dapat memberi manfaat dalam perihal dokumentasi anak dan tidak Akui beliau lagi, kesusahan yang perlu ditanggung oleh anak tidak sah taraf adalah besar melibatkan soal aib sehingga anak berasa malu dan rendah diri.

Universiti Utara Malaysia

Sambungan Jadual 4.3

		"Nanti semua cikgu-cikgu duk tanya kenapa bin Abdullah. Tanya soalan sama, berulang dan terperinci, jadi kita pun duk kena jawab selalu"
		Bapa C tidak pernah membuat permohonan pengesahan taraf anak di Mahkamah Syariah, sebaliknya hanya berusaha memohon di JPN. Namun begitu permohonan ditolak kerana tidak mencukupi syarat, lebih-lebih lagi anak dilahirkan di luar pernikahan.

Kesungguhan sebagai bapa yang mahu bertanggungjawab dan mensabitkan nasab anak diperlihatkan dengan kerelaan dua orang subjek untuk disabitkan hukuman di bawah Enakmen Jenayah Syariah bagi kesalahan persetubuhan luar nikah sekiranya perkara tersebut menjadi syarat pensabitan nasab anak (Bapa A, 2020; Bapa B, 2020).

iv. Pegawai JKM

Dua orang pegawai JKM dari Taman Seri Puteri, Batu Gajah Perak, ditemu bual sebagai mewakili agensi kerajaan yang terkesan dengan isu anak tidak sah taraf. Hasil temu bual mendapati kedua-dua orang pegawai bersetuju dengan pelaksanaan fatwa penasaban anak tidak sah taraf.

Berikut merupakan perincian pandangan terhadap pelaksanaan fatwa dari responden pihak JKM.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.4

Pandangan Terhadap Pelaksanaan Fatwa Dari Pegawai JKM

Bil	Responden	Pandangan
1	Nurisah Abdullah (2020)	Beliau berpendapat bahawa fatwa dapat membantu ibu hamil tanpa pernikahan dengan memberi galakkan kepada lelaki untuk bertanggungjawab. Nurisah berpendapat, fatwa tidak bermaksud menghalalkan zina kerana hukum haram zina tidak pernah berubah. Namun demikian, fatwa membantu ibu agar tidak menanggung kesilapan bersama secara seorang diri. Menurut Nurisah, anak tidak sah taraf terpaksa menjadi beban ibu seorang, apabila anak tidak boleh disabitkan kaitannya dengan bapa, malah tiada peruntukan undang-undang untuk membolehkan ibu membuat laporan polis atas dakwaan atau permohonan perintah. Tambah Nurisah, fatwa juga memelihara hak anak yang sepatutnya diperolehi dari bapa, namun terhalang kerana tiadanya pernikahan antara ibu dan bapa, atau pernikahan berlaku tetapi tidak mencukupi syarat penasaban. Anak yang lahir oleh benih bapa yang kaya, namun berstatus tidak sah taraf menyebabkan hubungan anak-bapa langsung terputus dan menjadikan dia tidak layak untuk memperolehi bahagian selayaknya meskipun secara saintifiknya dia adalah anak biologi si bapa. "Bagi saya fatwa ni bagus. Boleh diwujudkan. Dia bagi melindungi perempuan-perempuan yang tadi tulah. Dia bukan semuanya bersalah. Dan dia bila dah ada lelaki yang nak bertanggungjawab, apa salahnya kita bagi. Biar diorang bina hidup baru diorang macam mana kan. Dalam Islam pun kita kena maafkan diorang sebab mungkin waktu tu diorang tak sedar ke, diorang tersalah ke"
2	Nurul Muna Mohd Shapri (2020)	Beliau berpendapat fatwa dapat memberi galakkan untuk lelaki bertanggungjawab dan memudahkan untuk keluarga perempuan memberi izin dalam pernikahan. Hal demikian kerana, kebiasaannya kehamilan diketahui

Sambungan Jadual 4.4

	lambat iaitu selepas tiga bulan kandungan, dan proses mendapat restu dari kedua-dua belah keluarga bagi urus pernikahan memakan waktu sehingga menyebabkan anak dilahirkan kurang dari syarat penasaban yang ditetapkan, iaitu enam bulan dari tarikh pernikahan ibu dan bapa. Menurut Nurul Muna, berkemungkinan oleh hal demikian menyebabkan kebanyakan pasangan tidak bernikah kerana melihat kepada penasaban yang tetap tidak boleh tersabit meskipun pernikahan berlangsung. Anak tetap tidak boleh dibinkan kepada bapa dan keluarga tetap menangung malu. Akhirnya kebiasaan yang berlaku adalah, lelaki memilih jalan mudah dengan berlepas tangan dan membiarkan perempuan menanggung beban seorang diri. Justeru, Nurul Muna melihat kepada pelaksanaan penasaban akan menjadi pendorong kepada lelaki-lelaki yang berniat untuk bertanggungjawab dan juga membantu perempuan-perempuan yang mahukan pasangan mereka bertanggungjawab, namun terhalang oleh pandangan hukum yang diguna pakai selama ini. Tambah Nurul Muna, fatwa juga memberi kebaikan kepada masa hadapan anak yang tidak bersalah. "*So* kalau kata ibu bapa tu ok untuk dikahwinkan walaupun dah lapan bulan sarat, *atleast* anak tu terjamin masa depan dia"

v. Individu yang menjadi rujukan pihak terkesan

Dua orang individu yang menjadi rujukan pihak terkesan, ditemu bual sebagai mewakili pandangan tokoh terhadap isu anak tidak sah taraf. Hasil temu bual mendapati kedua-dua individu terbabit bersetuju dengan pelaksanaan fatwa penasaban anak tidak sah taraf.

Berikut merupakan perincian pandangan terhadap pelaksanaan fatwa dari individu yang menjadi rujukan pihak terkesan.

Jadual 4.5

Pandangan Terhadap Pelaksanaan Fatwa Dari Individu Yang Menjadi Rujukan

Bil	Responden	Pandangan
1	Syed Azmi al-Habsyee (2021)	Beliau bersetuju dengan pelaksanaan fatwa sekiranya fatwa memberi kebaikan kepada pihak terkesan. "pada saya, kalau memang ada usaha-usaha ke arah pelaksanaan fatwa ini, saya sangat yakin mereka akan gembira"
2	Rozaimi Ramle (2021)	Beliau bersetuju dengan pelaksanaan fatwa kerana asas perbincangan nasab adalah pada *maṣlaḥah* anak bersama dalil dan pendalilan yang jelas. Rozaimi menekankan bahawa, fatwa penasaban tidak menolak pandangan hukum yang melarang, namun fatwa melihat kepada ruang pelaksanaan oleh pandangan yang membenarkan. Lebih-lebih lagi apabila wujudnya keperluan penasaban dalam kes anak tidak sah taraf yang banyak di Malaysia. Beliau berpendapat, sekiranya disabitkan tidak boleh oleh alasan anak adalah hasil penzinaan, persoalan yang perlu dibangkitkan adalah, bagaimana anak boleh dinasabkan kepada ibu sedangkan ibu juga adalah perempuan penzina juga? Beliau menjelaskan bahawa, begitulah *qiyās* yang dibawa oleh Ibnu Qayyim dalam meletakkan persamaan antara status zina bapa dengan status zina ibu yang membolehkan pensabitan nasab anak dalam keadaan bapa memperakui bahawa anak adalah anak biologinya. Tambah Rozaimi lagi, sekiranya diperkatakan bahawa nasab ibu jelas oleh kelahiran, nasab bapa tidak jelas misalnya, beliau membangkitkan permasalahan utamanya adalah pandangan yang tidak mensabitkan nasab anak kepada bapa bukan kerana wujudnya alasan keraguan, namun atas alasan anak adalah *ghairu muḥtarām* iaitu hasil penzinaan, lalu bagaimana pula nasab dengan ibu boleh tersabit? Sedangkan sekiranya alasan oleh keraguan sekalipun, nasab tetap dapat tersabit oleh kaedah *qiyāfah* sebagaimana kisah Zaid RA.

Sambungan Jadual 4.5

> "Jadi sebab tu Perlis mengambil jalan, nak menjaga *maṣlaḥah*. Kita tidak menolak pandangan majoriti ulama. Kita cuma mengambil pandangan yang menasabkan dengan syarat dua tadi (pernikahan dan tiada penafian)"

Lebih-lebih lagi, Rozaimi melihat pada pertindihan yang berlaku oleh alasan penolakan nasab anak kelahiran kurang enam bukan kerana anak zina, sedangkan dalam masa yang sama, anak kelahiran kurang sembilan bulan boleh dinasabkan oleh alasan melebih enam bulan.

> "Macam mana anak zina yang lahir lambat boleh dibinkan, sedangkan anak zina yang lahir cepat sebab kawin lambat, tak boleh dibinkan pula? Sedangkan dua-dua terhasil dari zina"

Berkenaan dakwaan fatwa penasaban sebagai pandangan yang memberi lebih ruang penzinaan dalam masyarakat, Rozaimi berpendapat sebaliknya, kerana jumlah anak tidak sah taraf di negeri Perlis adalah rendah berbanding negeri yang menolak fatwa tersebut. Hal demikian menjadi hujah bahawa penzina tidak pernah merujuk fatwa sebelum melakukan zina. Beliau menegaskan bahawa tuduhan tersebut tidak berasaskan, malah fatwa diputuskan untuk membantu ibu ayah yang telah bertaubat dan berkahwin dalam membina kehidupan yang lebih baik.

> "Tak ada orang nak berzina cek dulu, nanti anak yang akan dilahirkan nanti boleh atau tak boleh dibinkan pada dia. Ada ke orang nak berzina buat rujukan dulu? Tak kan saya rasa. Jadi tuduhan kata fatwa ini membuka ruang zina, saya rasa tak dapat dibuktikan secara fakta.."

Malah menurut Rozaimi, fatwa penasaban sebenarnya merupakan inisiatif untuk mengekang penzinaan apabila bapa penzina diberi pensabitan nasab dan ruang

Sambungan Jadual 4.5

bertanggungjawab terhadap anak. Tegas beliau, selain dari bertujuan menutup aib dan memelihara psikologi tumbesaran anak, fatwa bertujuan mengikat bapa dari berlepas tangan.

Beliau menjelaskan bahawa, kepincangan yang berlaku pada hari ini adalah anak dilihat sebagai beban dan banyak bapa bersikap tidak bertanggungjawab meskipun anak berstatus sah taraf. Berbeza dengan situasi di zaman dahulu, apabila anak merupakan kebanggaan seorang bapa. Lalu, sekiranya anak kekal disabitkan nasab kepada ibu semata-mata, lelaki-lelaki akan lebih seronok berzina kerana tiada tanggungan yang peril dipertanggungjawabkan.

Rozaimi mempersoal, dalam hal demikian, adakah boleh dikatakan bahawa negeri-negeri yang memilih untuk berpegang pada tidak tersabitnya nasab adalah telah membuka ruang penzinaan dengan lebih banyak kerana membiarkan lelaki tidak berasa takut untuk berzina?

> "… bapa dia yang berzina tu tak tersabit, lelaki lagi syok lah berzina. Dia kata takpa bukan tanggung apa. Di sini, kita boleh kata, negeri yang berpegang pada menolak nasab, telah membuka ruang lelaki penzina untuk berzina dengan lagi banyak, sebab dia tak ada tanggungan apa-apa"

Paling penting, menurut Rozaimi, anak adalah *maṣlaḥah* utama dalam fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan kerana dalam hal tersebut, mereka tidak bersalah dan tidak sepatutnya menanggung kesan dari kesalahan kedua ibu bapa mereka. Hal demikian dilihat melalui *maqāṣid al-syarī'ah*, iaitu *ḥifzhu al-naṣab al-walad*.

Beliau berhujah bahawa, pada zaman dahulu, wujudnya sistem kabilah yang kuat. Anak tidak mempunyai masalah sekiranya dinasabkan kepada ibu semata-mata kerana, sistem kabilah yang ada akan menjaga si anak merangkumi semua aspek seperti peranan kebapaan, keperluan makan minum tempat tinggal dan

Sambungan Jadual 4.5

	perlindungan. Namun demikian, sistem tersebut tidak wujud pada hari ini, dan tindakan mempertanggungjawabkan ibu semata-mata akan memberi kemudaratan dalam kehidupan si anak. Hakikatnya Rozaimi melihat bahawa menghalang pensabitan nasab kepada bapa bukan lagi menjadi hukuman untuk ibu bapa, sebaliknya merupakan ancaman untuk kehidupan anak menurut realiti hari ini. "… Ada yang kata, anak tidak boleh dinasabkan sebab siapa suruh berzina? Masalahnya kesan tak sah taraf tu adalah pada anak. Kita nak menghukum mak dan ayah, tapi sebenarnya kita menghukum anak yang tak bersalah tu sendiri"

4.1.2 Respon pihak pelaksana terhadap keperluan pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

Lima orang Hakim dan Ketua Pendaftar selaku mantan Hakim telah ditemu bual meliputi Hakim Syarii di MTS negeri Perlis, MTS Ipoh Perak, MRS Petaling Jaya Selangor, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Terengganu, dan MTS Johor Bahru Johor.

Hasil temu bual mendapati dua orang responden bersetuju, iaitu dari negeri Perlis dan Selangor, serta dua orang tidak bersetuju, iaitu responden dari negeri Perak dan Terengganu. Manakala responden dari negeri Johor pula bersikap berkecuali kerana berpendapat konteks fatwa perlu dipinda agar memenuhi teks rujukan perundangan.

Berikut merupakan perincian pandangan terhadap pelaksanaan fatwa dari responden pihak mahkamah.

Jadual 4.6

Pandangan Terhadap Pelaksanaan Fatwa Dari Hakim Syarii

Bil	Responden	Pandangan
1	Mohamad Fauzi Ismail, Hakim MTS Negeri Perlis (2019)	Beliau berpendapat mahkamah tiada masalah menerima fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan kerana fatwa berasaskan kepada dalil dan hujah syarak yang jelas. Namun dari segi pelaksanaannya, beliau berpendapat pelaksanaan hanya dapat dilakukankan dengan lebih mudah sekiranya berlaku dalam keadaan seragam pada peringkat nasional, iaitu apabila diputuskan oleh MKI. Hal demikian kerana, fatwa tersebut melibatkan penguatkuasaan di negeri-negeri lain dari segi proses pernikahan anak perempuan atau faraid bagi keadaan situasi yang berlaku di luar dari negeri Perlis. Selain itu, pelaksanaan pada peringkat JPN turut terikat dengan pandangan hukum MKI. Justeru, Mohammad Fauzi melihat kepada keperluan untuk dibawa perbincangan ke peringkat MKI bagi mengulang semak pandangan hukum sedia ada berdasarkan isu-isu baru atau alasan-alasan terkini agar pelaksanaan dapat diperluaskan kerana hal penasaban merupakan isu nasional dan memerlukan keseragaman dalam pelaksanaan di Malaysia. "Fatwa yang dipersetujui bersama tak ada masalah sebenarnya, sebab JPN pelaksana utama yang melaksanakan. Dan JPN akan pegang pada pandangan terbesar, iaitu Fatwa Majlis Kebangsaan atau Fatwa Wilayah Persekutuan untuk dijadikan SOP dalam kes-kes seperti ni"
2	Mohammad Esham Abdul Samad, Hakim MTS Ipoh, Perak (2020)	Beliau tidak bersetuju dengan pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan kerana melihat kepada kepentingan *saddu al-zarāi'*, iaitu menutup ruang-ruang yang menggalakkan aktiviti zina. Selain itu, fatwa tersebut bertentangan dengan Mazhab Syafii yang dipegang pada peringkat pentadbiran Malaysia.

Sambungan Jadual 4.6

		Mohammad Esham melihat kepada tindakan membenarkan penasaban anak menyebabkan masyarakat mengganggap mudah untuk berzina kerana dengan pernikahan dapat menutup status anak yang dihamili oleh penzinaan. Tegas beliau lagi, fatwa penasaban akan membuka lebih banyak ruang kerosakan dalam masyarakat, dalam keadaan masyarakat sedang berada pada fasa *mafāsidul akhlāq fī ākhirul zamān.* Jumlah anak tidak sah taraf yang banyak, tidak boleh menjadi alasan untuk beranggapan tiada salahnya dinasabkan mereka. Beliau melihat kepada perlunya pencegahan di peringkat undang-undang agar anak tidak sah taraf kekal tidak tersabit nasab. Namun beliau berpendapat, sekiranya fatwa tersebut diterima pada peringkat MKI, dan Jabatan Mufti Negeri Perak menerima fatwa tersebut, beliau tiada masalah melaksanakannya. Lebih-lebih lagi sekiranya pandangan hukum MKI meletakkan pensabitan nasab terus kepada JPN tanpa melalui keputusan sah taraf dari Mahkamah Syariah. Malah menurut beliau lagi, hakikatnya di peringkat perundangan sendiri tiada peruntukan mengenai anak kelahiran kurang enam bulan dua lahzhah tersebut. Sebaliknya yang diperuntukan dalam Enakmen hanya melibatkan anak tidak sah taraf seperti pewalian anak tidak sah taraf dan pewarisan anak tidak sah taraf. Hakim Syarii selaku pihak pelaksana yang meletakkan tafsiran menurut kesesuaian dari hukum syarak. "Dari segi undang-undang sebenarnya tak dinyatakan pun anak kurang enam bulan dua *laḥzhah* tu, cuma yang dinyatakan adalah anak tak sah taraf, misalnya pewalian anak tak sah taraf, pewarisan anak tak sah taraf. Cuma kita yang meng*extract* dari hukum syarak"
3	Syukran Yusuf, Hakim MRS Petaling, Selangor (2020)	Beliau bersetuju dengan fatwa penasaban dan menyokong penuh pelaksanaannya. Hal demikian kerana beliau berpendapat dalil yang digunakan oleh fatwa Negeri Perlis adalah lebih kuat berbanding dalil tempoh enam bulan kehamilan

Sambungan Jadual 4.6

	berdasarkan takwilan. Fatwa penasaban merujuk kepada fahaman zahir hadis, sebaliknya pandangan hukum yang melarang adalah berdasarkan dalil umum dari dua ayat al-Quran. Jelas Syukran Yusuf lagi, berdasarkan takwilan tersebut, dikeluarkan pandangan mensyaratkan enam bulan dua *laḥzhah*. Manakala, Mazhab Syafii mengambil ikhtiar untuk lebih bersikap cermat dengan menetapkan 180 hari bagi enam bulan syamsiyah. Justeru, beliau berpegang kepada dalil yang diguna pakai oleh fatwa penasaban, iaitu berdasarkan kepada hadis "*al-walad lil firāsy*", iaitu selagimana anak adalah kelahiran dalam pernikahan tanpa disertakan syarat tempoh, melainkan sekiranya suami si ibu menafikan. Sekiranya wujud penafian, anak tidak tersabit nasab. Menurut Syukran, dalil yang diguna pakai oleh JFN Perlis adalah lebih jelas dan kuat. Tiada takwilan yang diperlukan dalam memahami nas hadis tersebut. Oleh hal demikian, kedua-dua pandangan adalah sesuai dilaksanakan tanpa perlu menolak sekiranya tidak dipersetujui, kerana hujah yang diguna pakai adalah dari hadis sahih, bukan berstatus *ḍā'if*. Namun dari segi pelaksanaannya, beliau mencadangkan pindaan pada peringkat undang-undang agar mahkamah dapat melaksanakannya dengan baik. Hal demikian kerana pihak pelaksana terikat dengan arahan amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia[91] dan Enakmen sedia ada. Beliau berpendapat bahawa, tiada masalah sekiranya negeri Selangor ingin melaksanakan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan tersebut, namun pindaan perlu dilakukan terlebih dahulu. Tambah beliau lagi, masalah yang sama berlaku di peringkat negeri Perlis apabila Hakim Syarii terikat oleh amalan *endorsement* yang telah dikeluarkan

[91] "Pemakaian Pendapat Mazhab *Fiqh*: Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.2/2000 pada 9-11 Oktober 2000 di Melaka dan keputusan Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie kali ke 17 di Labuan 27 Oktober 2000 bersamaan dengan 26 Rejab 1421 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan berhubung pemakaian pendapat dari mazhab-mazhab *fiqh*. Pengambilan pendapat mazhab *mu'tabar* hendaklah berpandukan kepada dasar yang telah ditetapkan oleh Raja Pemerintah bagi negeri yang mengeluarkan "tauliah" kepada Hakim-Hakim Syarie. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta" (Arahan Amalan No. 9, 2001)

Sambungan Jadual 4.6

oleh JKSM. Disebabkan hal demikian, meskipun fatwa telah diwartakan dan perlu diiktiraf oleh mahkamah, namun pihak pelaksana tetap terikat oleh undang-undang, lebih-lebih lagi apabila fatwa penasaban bertentangan dengan undang-undang sedia ada.

Walaubagaimanapun, pindaan adalah tidak mustahil untuk dilakukan. Meskipun Enakmen Pentadbiran, Seksyen 54[92] menekankan *qawl* muktamad Mazhab Syafii, namun di bawah subseksyen 2 menyebut, sekiranya *qawl* muktamad Mazhab Syafii bertentangan dengan *maṣlaḥah* awam, JFN boleh mengguna pakai *qawl* muktamad dari Mazhab Hanafi, Hanbali dan Maliki Justeru beliau berpandangan, sekiranya fatwa Perlis adalah pandangan salah satu dari empat mazhab, atau pandangan ulama yang berada di dalam mazhab tertentu, fatwa tersebut boleh diaplikasikan tanpa masalah mengikut subseksyen berikut.

> "Jadi mereka duk sebut Syafii dulu Syafii dulu, tapi sedangkan dalam perundangan empat-empat boleh pakai. Jadi kalau kata empat-empat, kalau kata pandangan perlis tu ada dalam mana-mana mazhab, Hanbali ke apa, boleh la pakai"

Dalam masa yang sama, Syukran Yusuf turut mencadangkan JFN dan JKSM untuk bersikap lebih terbuka tanpa meletakkan had kepada mazhab-mazhab tertentu, kerana semua pandangan Imam Mazhab Muktabar adalah hebat. Tambah beliau lagi, perbincangan perlu dilakukan atas dasar ilmu dan tasawur, tanpa disertakan ketaasuban terhadap satu-satu mazhab.

[92] "Seksyen 54: Qaul muktamad yang hendaklah diikuti: (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie; (2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali; (3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu" (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003)

Sambungan Jadual 4.6

		Beliau sendiri mengakui bahawa beliau adalah pengikut Mazhab Syafii, namun beliau melihat dalam konteks sebagai pihak pelaksana, apabila melibatkan *maṣāliḥ mursalah* dan *maṣlaḥah* masyarakat, pihak pelaksana perlu bersikap adil dan terbuka. Fatwa penasaban dilihat memang menepati dalil syarak dan wujudnya *maṣlaḥah* dalam pelaksanaannya yang hanya boleh difahami oleh kesedaran *tathawwūr* yang luas. Tegas beliau lagi, fatwa adalah boleh dilaksanakan dengan melibatkan usaha dalam meminda perundangan sedia ada, serta usaha ke arah memberi penjelasan dan pendidikan dalam masyarakat agar tidak menolak sesuatu tanpa mengetahui hukum sebenar. "Jadi bila dah ada yang ni (seksyen 54), tersangkutlah fatwa. Sebab mereka akan lihat fatwa perlis, oh ini bukan Mazhab Syafii, terus *reject.* Undang-undang membenarkan, cuma berani tak berani untuk orang yang nak melaksanakan tu lah"
4	Wan Abdul Malik Wan Sidek, Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan negeri Terengganu (2020)	Beliau tidak bersetuju dengan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan kerana melihat ketidak wujudan pandangan yang membenarkan. Wan Abdul Malik menegaskan bahawa tiada dalil yang membenarkan anak kelahiran kurang enam bulan dinasabkan kepada bapa. Begitu juga fatwa sedia ada tidak mensabitkan nasab dalam perihal tersebut. Beliau mempersoal dalil dan pendalilan mana yang diguna pakai oleh JFN Perlis dalam mengeluarkan fatwa penasaban. Beliau berpendapat bahawa *maṣlaḥah* tidak boleh menjadi alasan dalam mensabitkan nasab, kerana asas rujukan fatwa mesti adalah dari hukum syarak. Lalu, beliau melihat akan wujudnya halangan sekiranya fatwa penasaban dilaksanakan. "Dia ambil pandangan fekah mana yang kata boleh nasabkan anak kurang enam bulan? Tak ada. Kalau cuma mengambil pandangan *maṣlaḥah*, tak bolehlah" Selain itu, pandangan tersebut dilihat membuka kepada kecelaruan hukum dalam masyarakat dan menggalakkan lebih banyak penzinaan. Dalam situasi tiada pelaksanaan penasaban tersebut,

Sambungan Jadual 4.6

		masyarakat telah sanggup berbohong untuk dinasabkan anak mereka, lalu Wan Abdul Malik melihat fatwa penasaban akan membawa kerosakan yang lebih teruk, iaitu sehingga anak yang dilahirkan tanpa pernikahan turut boleh disabitkan nasab. Tegas beliau lagi, pandangan hukum sekarang perlu dipertahankan agar penzinaan tidak berleluasa dalam masyarakat di Malaysia. Beliau berpendapat kemaslahatan yang dibawa oleh fatwa penasaban hanyalah bersifat individu, sedangkan memelihara masyarakat dari penzinaan lebih bersifat kemaslahatan umum. Saya lebih cenderung kepada kita kena pertahankan hukum syarak dan jangan meraikan kemaslahatan individu di Malaysia ini. Kerana hukum syarak itu menjaga kemaslahatan *'āmmah*, bukan untuk meraikan kepentingan seseorang"
5	Syahrulnizam Saat, Hakim MTS Johor Bahru, Johor (2020)	Beliau berkecuali dalam memberi persetujuan kerana melihat kepada konteks fatwa yang belum sesuai untuk dibincangkan dari sudut perundangan. Hal demikian kerana, konteks asal fatwa dilihat tidak bertentangan dengan Enakmen sedia ada. Namun demikian, apabila melihat kepada tafsiran oleh ahli JFN Perlis, fatwa penasaban membawa maksud nasab dalam perihal anak zina, lalu perkara tersebut tidak dipersetujui oleh beliau. Tafsiran tersebut juga dilihat tersasar dari konteks asal teks fatwa, iaitu 'anak kelahiran kurang enam bulan' tanpa disertakan kenyataan anak zina. Beliau berpendapat, sekiranya fatwa penasaban membawa maksud anak zina, fatwa tersebut turut akan melibatkan perbincangan hukum lain yang lebih luas, iaitu hukum susulan dari nasab anak zina. Lalu, semua perbincangan dan penjelasan hukum yang diguna pakai oleh fatwa penasaban perlu diberi tafsiran yang jelas dan lengkap terlebih dahulu, kerana isu penasaban anak zina tidak boleh dipermudahkan pelaksanaannya. Oleh kerana itu, beliau berpendapat fatwa perlu dipinda dan dimasukkan penerangan agar maksud lebih jelas untuk menjadi teks rujukan undang-undang.

Universiti Utara Malaysia

Sambungan Jadual 4.6

	"Pada saya, tafsirkan dahulu, apa sebenarnya yang dimaksudkan oleh fatwa ini secara khusus. Apa kelebihan dan kekurangan fatwa tersebut, dan dia tidak boleh ditafsirkan ikut suka-suka. Kalau berdasarkan ayat fatwa yang pendek ini, saya kira tiada lah pertentangan sangat dengan fatwa dan Enakmen negeri Johor"
Dalam masa yang sama, beliau bersetuju bahawa syarat enam bulan tempoh kehamilan yang ditetapkan ulama adalah dari takwilan berdasarkan dua ayat al-Quran. Lalu, takwilan tersebut masih boleh diijtihadkan semula menurut keperluan semasa kerana tiada nas yang jelas menyebut perihal syarat enam bulan dalam mensabitkan nasab anak.	
	"Itu semua tafsiran ulama. Sedangkan yang tidak boleh diubah hanya al-Quran dan Sunnah"
Cadangan beliau lagi, sekiranya fatwa penasaban mahu diselaraskan dengan Enakmen, kenyataan 'kecuali jika dinafikan oleh suami' turut perlu diberi tafsiran sama ada melibatkan hukum *li'ān* atau tidak agar pemakaiannya menjadi lebih mudah.	

Universiti Utara Malaysia

Responden juga memberi pandangan mengenai *maṣlaḥah* yang dibawa oleh fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan terhadap anak tidak sah taraf, melalui perspektif pihak pelaksana undang-undang. Empat orang responden berpendapat bahawa keaiban atau kesulitan anak tidak menjangkau peringkat mudarat yang boleh menjadi alasan untuk menggubal pindaan pandangan hukum sedia ada. Terdapat empat isi penting yang dibawa oleh responden dalam perihal tersebut.

i. Anak tidak perlu menanggung aib oleh status tidak sah taraf.

Responden berpendapat bahawa anak tidak terikat dengan status kesalahan ibu bapa (Mohammad Fauzi, 2019) kerana kesalahan sebenar adalah pada ibu dan ayah, bukan pada anak. Kesalahan tersebut melibatkan dosa antara mereka dengan Allah SWT. Justeru dalam hal tersebut, anak tiada keperluan untuk terpalit mengalami kepayahan dan kesusahan (Mohammad Eshaam, 2020).

ii. Isu tekanan yang dihadapi oleh anak tidak sah taraf adalah tidak berasas.

Tiada pembuktian yang kuat terhadap dakwaan kepada keperluan fatwa penasaban untuk melindungi anak dari *inferiority complex*, kemurungan dan rasa malu. Sedangkan kehidupan anak tidak sah taraf dapat diteruskan seperti biasa dan isu yang perlu dibangkitkan adalah kaedah mengadaptasi kehidupan yang diberikan (Mohammad Eshaam, 2020).

iii. Anak tidak sah taraf mempunyai hak yang sama.

Anak tidak sah taraf memperolehi hak yang sama dengan anak berstatus sah taraf. Melainkan dari segi syarak, nasab kepada bapa tidak tersabit, namun mereka tetap memperolehi hak dengan cara tersendiri. Syarak mengiktiraf anak tidak sah taraf dengan mensabitkan nasab kepada ibu dan jalur dari ibu, sekaligus membawa kepada pensabitan pewarisan dari ibu (Mohamamd Eshaam, 2020). Selain itu, anak tidak sah taraf mempunyai hak dan *platform* dari sudut undang-undang dan kebajikan dari pihak kerajaan. Tiada permasalahan dalam isu anak tidak sah taraf yang terpinggir kerana hak mereka termaktub di dalam undang-undang, seperti misalnya dalam urusan pernikahan, anak tidak sah taraf boleh memohon wali hakim (Mohammad Fauzi, 2019).

Universiti Utara Malaysia

iv. Kemaslahatan anak tidak sah taraf bersifat kemaslahatan individu

Penasaban anak tidak boleh disabitkan oleh alasan menutup rasa malu anak kerana alasan tersebut berasaskan kemaslahatan individu. Keutamaan penasaban mesti adalah berasaskan hukum syarak yang melarang pensabitan nasab anak kelahiran kurang enam bulan oleh alasan memelihara kemaslahatan umum iaitu pencegahan perbuatan zina dalam masyarakat (Wan Abdul malik, 2020). Selain itu, dakwaan keaiban dan kesusahan yang dialami oleh anak disebabkan status tidak sah taraf merupakan faktor yang tidak cukup kuat dari segi perundangan Islam. Hal demikian kerana perundangan perlu melihat kepada isu yang lebih besar melibatkan kemaslahatan umum. Misalnya dalam kes anak Rohingya, isu kasihan terhadap status pelarian dan ancaman yang bakal dihadapi sekiranya dihantar pulang, tidak boleh menjadi faktor mempengaruhi penggubalan undang-undang kewarganegaraan Malaysia (Syahrulnizam Saat, 2020).

Responden dari negeri Selangor sahaja yang bersetuju dengan *maṣlaḥah* yang dibawa oleh fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, dan melihat dakwaan menggalakkan penzinaan adalah dakwaan yang boleh dicegah.

i. Penjagaan anak adalah *maṣlaḥah* yang perlu dipelihara

Responden melihat kepada wujudnya keperluan untuk memelihara *maṣlaḥah* anak tidak sah taraf terutama melibatkan anak kelahiran di dalam pernikahan namun kelahirannya adalah kurang dari enam bulan, dalam keadaan ibu bapanya telah bertaubat dan anak akan / telah mempunyai adik beradik seibu sebapa yang lain. Tambahan pula, fatwa adalah berasaskan kepada dalil dan pendalilan yang membenarkan (Syukran Yusuf, 2020).

ii. Dakwaan menggalakkan penzinaan adalah tidak berasas

Di peringkat pentadbiran, usaha ke arah pencegahan zina boleh diteruskan dan diperketatkan agar aktiviti zina dalam masyarakat dapat dikekang. Justeru, responden berpendapat bahawa, isu zina adalah isu kedua dalam soal pensabitan nasab anak kelahiran kurang enam bulan, kerana keutamaannya adalah pada anak. Oleh hal demikian, dalam membantu ke arah pelaksanaan penasaban dan pencegahaan penzinaa, proses pernikahan dipermudahkan agar hukum syarak dipelihara (Syukran Yusuf, 2020)

Berdasarkan kepada respon dari kedua-dua pihak, kajian mendapati wujudnya pertembungan antara pengakuan dari pihak terkesan yang membenarkan pemahaman terhadap keperluan kepada penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, dengan pertikaian dari pihak pelaksana yang menidakkan pemahaman tersebut. Hal demikian dapat difahami sebagai perbezaan cara pandang antara dua pihak yang berada di posisi berlainan dan melihat dari sisi pandang yang tidak sama. Analisis dari respon pihak terkesan dan pihak pelaksana seterusnya akan dibawa kepada bab lima di dalam subtopik 'Kelompongan penghujahan yang membolehkan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan'.

4.2 Permasalahan dari ketidak sahtarafan status anak di Malaysia

Sebagai usaha memperolehi pemahaman terhadap keperluan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dengan lebih mendalam, kajian memerlukan kepada pemahaman terhadap konteks permasalahan dan kemudaratan status tidak sah taraf terhadap subjek kes. Hal demikian adalah penting bagi meletakkan kesesuaian hukum sebagaimana terdapat kaedah dari *qawā'id al-fiqhiyyah* menekankan aspek pengukuran konteks kemudaratan, iaitu: *al-ḍarūrah tuqaddiru biqadarihā*, yang bermaksud kemudaratan diukur mengikut kadarnya (al-Zarqaa, 2011).

Oleh hal demikian, bagi memahami permasalahan dan kemudaratan status tidak sah taraf terhadap pihak terkesan, kajian membahagikan perbincangan kepada dua kategori, iaitu: pertama, perbincangan terhadap permasalahan fizikal; dan kedua, perbincangan terhadap permasalahan mental dan emosi.

4.2.1 Permasalahan fizikal

Individu berstatus tidak sah taraf merupakan pihak yang terkesan secara langsung dalam bentuk fizikal, terutama bagi anak tidak sah taraf yang menjadi anak pungut. Terdapat tiga bentuk kesan fizikal oleh status tidak sah taraf, iaitu (i) tiada dokumentasi dan kewarganegaraan; (ii) tiada bin / binti dalam dokumentasi pengenalan diri; dan (iii) Terputus nasab dari jalur bapa.

i. Tiada dokumentasi dan kewarganegaraan

Anak pungut adalah anak yang tidak mempunyai dokumentasi kelahiran dan maklumat ibu dan bapa. Hal demikian menyebabkan anak pungut tidak diiktiraf sebagai warganegara Malaysia kerana JPN mewajibkan maklumat dan pengesahan kewarganegaraan ibu atau bapa bagi urusan dokumentasi pengenalan anak (*Syarat permohonan*) menurut Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan[93]. Tanpa maklumat keluarga, menjadikan anak pungut adalah manusia tanpa warganegara dan berhadapan dengan banyak kesukaran.

Meskipun anak pungut diambil sebagai anak angkat oleh warganegara Malaysia, proses permohonan kewarganegaran anak angkat adalah sukar dan memakan masa panjang (Nurul Muna, 2020), kerana permohonan tertakluk

[93] "Perkara 15: (2) Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh ibu atau bapa atau penjaga mana-mana orang yang di bawah umur dua puluh satu tahun, maka Kerajaan Persekutuan boleh menyebabkan orang itu didaftarkan sebagai warganegara jika sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu bapanya adalah sekarang (atau pada masa kematiannya) seorang warganegara" (Perlembagaan, 2010. Hal. 29).

kepada budi bicara Perkara 15(A) [94] . Menurut Nurul Muna (2020), kebiasaannya permohonan tidak diluluskan meskipun anak diyakini memiliki rupa paras sebagai rakyat Malaysia. Begitu juga dengan permohonan sebagai *permanent residency (PR)* yang sukar diperolehi sehingga terdapat kes melibatkan anak pungut yang menjadi anak angkat terpaksa ditinggalkan di Malaysia kerana tiada kewarganegaraan yang memungkinkannya memperolehi passport.

> "Ada kes anak yang saya serahkan, dah tujuh tahun datang mengadu, puan anak ni dah tujuh tahun, nak sekolah tak boleh, saya mohon dengan JPN tak dapat lagi kerakyatan, dia terpaksa pergi luar negara tinggalkan anak tu sebab anak tu tak boleh keluar, tak boleh buat passport, mykid pun dia takda. Hanya sijil lahir yang ada nama dia sahaja yang ada. Kalau anak tu anak orang luar takpa, tapi ni kita tahu memang anak orang Malaysia" (Nurul Muna, 2020)

Permasalahan oleh ketiadaan dokumen kewarganegaraan menyebabkan anak pungut tidak boleh mendapatkan kad pengenalan *MyKad* di usia 12 tahun (*Permohonan Mykad*), sekaligus menghalang anak dari mendapatkan akses pendidikan, kesihatan dan lain-lain manfaat dari kerajaan Malaysia. Mereka dikenakan caj warga asing sekiranya mendapatkan perkhidmatan kesihatan di bawah KKM (Garis panduan pelaksanaan, 2014). Caj tersebut melibatkan dua atau tiga kali ganda dari caj warganegara berdasarkan jenis perkhidmatan. Pengecualian berlaku terhadap anak pungut yang diambil sebagai anak angkat secara sah [95] oleh warganegara Malaysia. Mereka mendapat status caj warganegara bagi perkhidmatan kesihatan tertentu dari KKM, selagi di bawah usia 18 tahun (Garis panduan pelaksanaan, 2014). Selepas melepasi usia 18 tahun, mereka dikenakan kembali caj sebagai warga asing.

[94] "Perkara 15(A): Tertakluk kepada Perkara 18, Kerajaan Persekutuan boleh, dalam apa-apa hal keadaan khas yang difikirkannya patut, menyebabkan mana-mana orang yang di bawah umur dua puluh satu tahun didaftarkan sebagai warganegara" (Perlembagaan, 2010. Hal. 30).
[95] Menurut Akta 257, Akta Pengangkatan 1952. Undang-Undang Malaysia.

Dalam hal pendidikan, walaupun terdapat usul membenarkan ibu bapa angkat berwarganegara Malaysia membuat permohonan pendaftaran kemasukan ke sekolah kerajaan sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan (No. soalan 49), namun dari segi pelaksanaan masih belum diaplikasikan dengan baik. Berikutan hal tersebut, permasalahan akan timbul apabila melibatkan keluarga angkat yang bukan berpendapatan sesuai untuk menampung kos perbelanjaan anak bukan warganegara sehingga memaksa keluarga angkat menyerahkan kembali anak jagaan kepada pihak JKM (Nurul Muna, 2020).

> "bila nak serahkan tu, saya beritahu, puan anak yang puan dapat ni masih belum ditentukan warganegara, jaga, jaga macam biasa lah, tapi selepas umur dua tahun boleh buat permohonan 15A tapi tak tahulah dapat ke tak sebab susah. Kalau diorang ok, jagalah, kalau diorang taknak, diorang kembalikanlah *baby* tu" (Nurul Muna, 2020)

ii. Tiada bin / binti dalam dokumentasi pengenalan diri

Bagi situasi anak tidak sah taraf yang dilahirkan secara selamat sama ada dipelihara oleh ibu tanpa pernikahan atau dalam pernikahan, atau diserahkan kepada keluarga angkat, anak tidak mengalami masalah kewarganegaraan kerana maklumat dan pengesahan kewarganegaraan ibu dicatatkan dalam dokumentasi pendaftaran. Namun anak tidak didaftarkan bersama bin atau binti kepada bapa iaitu suami si ibu kerana dokumen pernikahan atau perceraian turut menjadi ukuran dalam pendaftaran nama anak oleh JPN (*Prosedur permohonan*). Anak tidak boleh dibin atau dibintikan kepada bapa, sebaliknya anak dibin atau dibintikan kepada nama Abdullah atau nama-nama Allah yang lain berpangkalkan "Abdul" (Garis panduan penamaan, 1998).

iii. Terputus nasab dari jalur bapa

Anak mengalami kesan status tidak sah taraf seperti yang diketahui iaitu, terputusnya nasab antara anak dengan bapa dan jalur dari bapa[96]. Nasab yang tidak wujud menyebabkan anak terhalang dari hak nafkah, pewalian dan pewarisan antara anak-bapa. Semua perbelanjaan hidup dan pewarisan berada di bawah tanggungjawab ibu dan jalur ibu sahaja. Bagi anak tidak sah taraf berjantina perempuan, mereka perlu membuat permohonan wali Hakim dalam urusan pernikahan (Garis panduan bagi prosedur, t.t).

4.2.2 Permasalahan mental dan emosi

Berdasarkan kepada temu bual bersama responden, kesan status tidak sah taraf terhadap emosi dan mental disusun mengikut pembahagian dua kategori, iaitu: Pertama, kategori permasalahan mental dan emosi oleh faktor luaran; dan kedua, kategori permasalahan mental dan emosi oleh faktor dalaman kendiri.

Kategori pertama: Permasalahan mental dan emosi oleh faktor luaran

Terdapat empat perkara yang menjadi faktor luaran kepada permasalahan mental dan emosi pihak terkesan, iaitu: (i) Status tidak sah taraf menyebabkan anak tidak diterima oleh waris; (ii) Individu tidak mendapat hak kasih sayang ibu bapa dan keluarga; (iii) Pasangan lelaki tidak bertanggungjawab selepas kehamilan; serta (iv) Stigma yang dihadapi sepanjang kehidupan.

Universiti Utara Malaysia

[96] "Anak tak sah taraf adalah: (1) Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan; (2) Anak dilahirkan kurang dari enam bulan dua *laḥzhah* (saat) mengikut Takwim *Qamariah* daripada tarikh *tamkīn* (bersetubuh); dan (3) Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali" (Garis panduan penamaan, 1998).

i. Status tidak sah taraf menyebabkan individu tidak diterima oleh waris

Anak tidak sah taraf berhadapan stigma bukan sahaja dari masyarakat, namun turut melibatkan waris dari keluarga sendiri. Status tidak sah taraf menyebabkan kedua-dua pihak sama ada waris dari sebelah ibu atau waris dari sebelah bapa penzina menolak kewujudan anak. Pada keadaan ibu hamil tanpa pernikahan serta tanpa bapa penzina yang bertanggungjawab, situasi waris sebelah ibu yang menolak menambah buruk lagi keadaan. Kejadian anak tidak sah taraf dibuang menjadi anak pungut atau diserahkan kepada keluarga angkat adalah bukti kewujudan stigma tidak sah taraf yang kuat oleh waris keluarga dalam mempengaruhi tindakan ibu tersebut.

> "Anak pungut kita terima banyak. Anak penghuni sini yang diserahkan kepada JKM pun banyak. Diorang taknak, mak bapa taknak bela cucu diorang sebab malu" (Nurisah Abdullah, 2020)
>
> "Bila mak bapa tak bagi kawin, perempuan yang perlu tanggung, yang menanggung malu satu hal, *and then* anak tu bila dia jaga, dia yang akan malu dan jadi satu masalah, *so* dia terpaksa buang" (Nurul Muna, 2020)
>
> "yang buang-buang ni, ye la takut satu, dan mungkin dia tak tahu banyak tempat sebenarnya yang menempatkan ibu-ibu hamil …. Mungkin masih kurang pendedahan. Stigma pun ya" (Nurul Muna, 2020)
>
> "Kalau tak kawin, tu yang jadi kes buang-buang tu. Takut orang kata satu, takut dengan keluarga satu. Orang duk buang anak tu sebab keluarga tak terima lah" (Bapa C, 2021)
>
> "Saya dapat tahu yang masa saya lahir, keluarga saya hampir nak buang saya" (Kisah 3 dari Syed Azmi, 2021)

Hal tersebut diakui oleh temu bual bersama penghuni PJSK apabila terdapat situasi ibu yang berhajat untuk memelihara anak, namun waris dan keluarga tidak membenarkan.

> "Tapi *family* tak bagi bawa balik". Penemubual: "Kalau ikutkan adik, adik nak bela sendiri ya anak ni?" Penghuni: *Mengganggguk dan menangis teresak*" (Penghuni F, 2020)
>
> "Kalau ikutkan mama nak jaga je, tapi sebab duduk dekat perumahan taman, sedara mara duduk dekat-dekat, jadi takut orang

Universiti Utara Malaysia

> tahu … Kalau ikut abang-abang, semua tak bagi bawa balik" (Penghuni G, 2020)

Dapatan dari Abd. Ghani dan Nuarrual Hilal (2017) terhadap dua orang responden dari Daerah Kubang Pasu, Kedah turut menunjukkan tentangan yang sama terhadap penerimaan anak tidak sah taraf apabila ahli waris mendesak supaya anak diserahkan kepada keluarga angkat.

Walaupun tiada sokongan data dari kajian lain terhadap peratus anak tidak sah taraf yang tidak diterima oleh waris, namun penelitian boleh diperolehi dengan pemerhatian terhadap trend rumah perlindungan ibu hamil tanpa pernikahan. Sekiranya anak tidak sah taraf diterima oleh keluarga, dari awal kehamilan ibu akan dipelihara sendiri oleh waris tanpa perlu menghuni di rumah perlindungan seliaan JKM atau NGO.

Dalam masa yang sama, bagi kelahiran selamat terutama membabitkan anak tidak sah taraf kelahiran dalam pernikahan, responden individu dan bapa mengakui bahawa wujud situasi ketidakselesaan dan kesukaran ahli waris dalam menerima kehadiran anak tidak sah taraf sebagai cucu dan saudara mereka. Hal demikian diterjemahkan ke dalam beberapa situasi seperti:

Universiti Utara Malaysia

(a) Mempamerkan keraguan terhadap hukum mahram dengan anak tidak sah taraf (Individu A, 2020)

(b) Layanan kurang mesra dari ahli waris terhadap anak tidak sah taraf (Bapa B, 2020) dan berbeza berbanding saudara lain yang seusia (Individu B, 2021; Kisah 5 dari Syed Azmi, 2021)

> "ikutkan permulaan tu saya tengok, depa tak boleh terima la anak tu, tapi bila tengok la ni, depa mau dah la main dengan cucu-cucu ni, kira boleh la tu. Pelan-pelan. Mula-mula tu dia ikut kata orang la, mula-mula dulu" (Bapa B, 2020)
> "mak saudara saya belah ayah. Tak bagi saya makan. Sorokkan makanan. Dan hanya bagi makanan tu pada sepupu sepupu yang lain" (Individu B, 2021)

> "Saya juga baru sedar, patutlah kedua pihak keluarga ibu ayah saya kurang baik. Layanan yang diberikan kepada saya semasa kecil amat berbeza dari sepupu-sepupu lain, terutamanya atok nenek" (Kisah 5 dari Syed Azmi, 2021)

(c) Berpeluang untuk berjumpa dengan ahli waris seperti datuk dan nenek hanya selepas berusia antara lima hingga enam tahun. Sebelum pada usia tersebut, anak tidak sah taraf tidak pernah dibawa menemui ahli waris dan tiada memori bersama mereka (Individu B, 2021)

> ".. Saya tak ada banyak memori waktu kecil dengan org lain selain mak ayah saya. Itu yang saya pelik. Sebab saya boleh ingat banyak perkara walaupon saya masih kecil …. Dan pasal gambar pon. Mak ayah saya banyak ambil gambar. Tapi masa gambar saya kecil tak ada gambar saya dengan atok nenek saya. Padahal sepupu sepupu saya ada je gambar mereka dengan arwah atok dan nenek. Sedangkan usia kami lebih kurang sebaya" (Individu B, 2021)

(d) Mempamerkan sikap tidak menyukai anak tidak sah taraf secara terang-terangan (Bapa C, 2021)

> "Banglong memang terasa dengan nenek sampai sekarang. Banglong pernah cakap, nenek pun bukan suka banglong. Adik beradik lain pun kurang juga rasanya … tapi paling nyata nampak dia tak suka tu dekat banglong la" (Bapa C, 2021)

(e) Mempertikai hubungan biologi anak tidak sah taraf kerana tidak dapat menerimanya sebagai ahli keluarga (Bapa C, 2021; Kisah 4 dari Syed Azmi, 2021)

> "Masa sambut *birthday* anak tiga tahun, lepas kahwin, jemput keluarga suami. Mak suami datang tanya, ini anak dengan wan ka? Takda rupa wan pun. Isteri jawab, tak percaya, pergilah buat ujian DNA. Saya yang tidur dengan wan, saya tahulah anak wan" (Bapa C, 2021)

> "Adik-adik saya pernah cakap yang saya ni bukan kakak mereka sebab saya binti nama lain" (Kisah 4 dari Syed Azmi, 2021)

Universiti Utara Malaysia

ii. Individu tidak mendapat hak kasih sayang ibu bapa dan keluarga

Bagi anak tidak sah taraf yang membesar di Rumah Kanak-Kanak (RKK) seliaan JKM, anak mengalami proses tumbesaran tanpa kecukupan kasih sayang sebuah keluarga. Anak mengalami zaman kanak-kanak tanpa sentuhan emosi dan hubungan fizikal yang secukupnya. Hal demikian berlaku kepada anak-anak tidak sah taraf yang ditinggalkan tanpa perakuan dari ibu selaku bekas penghuni TSP atau PJSK, untuk memberi izin penyerahan anak kepada keluarga angkat.

Pada asalnya ibu berada dalam situasi keliru membuat keputusan disebabkan ibu belum tamat pelajaran dan tidak mendapat restu waris keluarga. Namun akhirnya yang berlaku adalah, ibu tidak dapat dihubungi semula oleh pihak JKM dan anak terbiar tanpa pembelaan (Nurul Muna, 2020).

Menurut Nurisah (2020), anak tidak sah taraf yang menghuni di RKK adalah ramai dan diuruskan oleh staf JKM yang kebiasaannya telah dianggap sebagai ibu dan ayah kerana penghuni berada di RKK semenjak dari usia bayi yang baru dilahirkan. Penghuni membesar di RKK sebagai rumah mereka dan hanya mengenali staf JKM yang bertugas seperti attendan dan PKM iaitu pembantu kebajikan masyarakat. Beliau berkongsi mengenai susana yang meruntun hati setiap kali beliau berada di RKK adalah apabila anak-anak tersebut akan memanggil mana-mana staf JKM yang lain sebagai ibu ayah serta datang memeluk mencari kasih sayang dan bermanja.

> "Kalau puan pergi sana, memang sedih lah, kita masuk je pagar, ibu.. ayah.. bayangkan anak kita ni Ya Allah datang peluk-peluk kita, ha bayangkan. Saya memang sedih, sebab tu saya tak boleh kerja bahagian kanak-kanak, setiap hari saya menangis karang. Tulah suasana di RKK. Sebab saya pernah ada kursus di RKK, kami staf JKM ni masuk, ayah ibuuuu datang peluk kita. Yang kita ni Ya Allah.. anak-anak tak ada ibu ayah, memang sebak. Sebak ... Sebab tu bila kita pergi tu, diorang dah jemu dah dengan mak bapa

> yang ada tu haha, jadi diorang, ibuu ayah ada gula-gula tak? Tu yang bila kita pergi sana tu, memang dah siap dah gula-gula ke keropok-keropok ke bagi sorang satu. Saya memang tak tak boleh, sebak sungguh" (Nurisah Abdullah, 2020)

Menyedihkan sekali apabila anak tidak sah taraf di RKK mengalami proses tumbesaran tanpa suasana kekeluargaan, juga tanpa hubungan emosi dan fizikal yang sepatutnya kerana ketidakcukupan staf untuk menampung pengurusan dan penyeliaan penghuni yang ada. Penghuni tidak berpeluang untuk dibelai, diberikan kasih sayang dan tumpuan selayaknya sebagai bayi dan anak kecil.

> "Staf dua orang contohnya. Makan duduk panjang ramai-ramai, macam asrama orang besar. Staf kita tak ramai, bukannya satu budak satu staf. Katalah staf satu-satu masa tiga orang, tiga orang tu juga lah yang kena bawa budak sakit ke hospital, yang jaga taska, yang basuh berak lagi, yang bagi susu lagi (Nurul Muna, 2020)

Kesan dari tumbesaran serupa demikian telah membentuk sikap dan sifat anak yang berdikari, keras dan tersendiri. Lebih-lebih lagi, anak di RKK yang telah melepasi usia sesuai melalui proses penyerahan keluarga angkat, akan lebih sukar berpeluang mempunyai keluarga angkat. Menurut Nurul Muna (2020), anak dalam usia empat hingga lima tahun ke atas, sekalipun diambil sebagai anak angkat, anak kemudiannya akan diserahkan kembali ke RKK oleh alasan sikap anak yang sukar dikawal. Situasi tersebut memburukkan lagi kehidupan anak kerana secara emosinya anak akan lebih terluka dan berasa diri dibuang.

> "Bila budak dah besar, saya tak syorkan ambil anak angkat yang dah besar. Sebab hubungan satu, *and then* dia susah nak dikawal sikit. Dia macam liar sikit. Nakal, buas. Sebab dia tak ada mak ayah dari kecil. Macam anak, kita belai, dukung. Dekat RKK semua duduk dekat sana ramai-ramai, siapa nak belai-belai? … *So* budak ni memang tak boleh diberi" (Nurul Muna, 2020)

Oleh hal demikian, Nurul Muna (2020) menegaskan bahawa dalam situasi kelahiran anak tidak sah taraf, ibu -dan bapa yang mahu bertanggungjawab- perlu bertindak awal membuat keputusan sama ada memelihara sendiri anak

Universiti Utara Malaysia

tersebut atau menyerahkan terus kepada keluarga angkat, kerana anak yang diletakkan di RKK tanpa keputusan adalah dalam situasi yang sangat kasihan.

> "Sebab bila semakin besar, orang dah taknak jaga dah tau. Sebab acuan dia tak sama, nak bentuk dia, kalau kata 4-5 tahun ni dia dah sebati dengan cara dia dari dia *baby* tu. Berdikari dia, jiwa dia sorang-sorang tu. Kalau dari *baby* lain. Budak yang dipeluk lain dengan budak yang tak dipeluk, tak disayang, yang tak dituturkan kata sayang, sayang ibu, sayang mama, lain. Karakter dia memang berbeza" (Nurul Muna, 2020)

iii. Pasangan lelaki tidak bertanggungjawab selepas kehamilan

Ibu hamil tanpa pernikahan berhadapan situasi bapa tidak mahu bertanggungjawab terhadap anak yang dikandung hasil aktiviti seksual bersama. Terdapat beberapa reaksi dari lelaki penzina apabila mengetahui berita kehamilan menurut responden, seperti:

a) Pasangan menuduh kehamilan adalah hasil hubungan seksual bersama lelaki lain kerana ingin mengelak dari dipertanggungjawabkan (Nurisah Abdullah, 2020; Penghuni C, 2020).

> "lepas dah mengandung, dia cakap itu bukan anak dia, dan dia pergi" (Penghuni C, 2020)

b) Memutuskan hubungan selepas dimaklumkan perihal kehamilan (Penghuni C, 2020; Penghuni E, 2020)

> "Selepas saya beritahu saya mengandung, dia terus dah tak *contact* saya" (Penghuni C, 2020)

c) Menyuruh ibu melakukan proses penguguran janin (Penghuni B, 2020)

> "Saya beritahu melalui *whatsapp.* Dia diam. Kemudian lama tu baru dia balas, dia suruh gugurkan je. Saya jawab bahaya untuk *baby* dan saya" (Penghuni B, 2020)

d) Bersikap acuh tidak acuh dalam berjanji untuk bertanggungjawab (Penghuni B, 2020; Penghuni D, 2020; Penghuni H, 2020)

> "Dia macam nak taknak ... selepas tu dia kata nak sambung belajar dan dia kata lepas habis belajar baru dia nak bertanggungjawab. Saya cakap, tiga tahun awak dekat sana,

> kalau nak bertanggungjawab kena sekarang. Nampak dia tak bersungguh dan saya tak percaya dah pada dia" (Penghuni B, 2020)
>
> "Dia suka cakap lain. Depan mak abah saya cakap lain. Bila mesej cakap lain. Waktu bawa mai depan mak abah saya, dia cakap ha takpa nanti saya habaq dekat mak ayah, padahal sampai ke sudah mak ayah dia tak tau apa" (Penghuni D, 2020)
>
> "Pakwe saya cakap ok, dia nak bertanggungjawab, nanti *baby* dah keluar dia akan bagi duit *allowance* bulan-bulan macam tu. Tapi rupa-rupanya dia dah ada makwe lain dan dia mula macam taknak bertanggungjawab" (Penghuni H, 2020)

Sebaliknya, terdapat tiga kes penghuni PJSK berkecuali apabila pasangan lelaki mahu bertanggungjawab, namun tidak diteruskan kerana dua kes adalah akibat tentangan waris dan keluarga (Penghuni F, 2020; Penghuni G, 2020), dan satu kes ditolak sendiri oleh penghuni kerana sikap lelaki yang tidak bermoral (Penghuni A, 2020). Walaupun begitu, situasi berikut tetap menghasilkan konklusi yang sama, iaitu lelaki tidak (dapat) bertanggungjawab.

> "Nak, tapi saya yang tak bagi sebab saya kenal dengan dia kaki *clubbing*. Dia berjanji nak insaf tetapi saya yang tak percaya" (Penghuni A, 2020)
>
> "Dia nak jaga anak ni, dia nak bertanggungjawab.. tapi *family* tak bagi. *Family* saya tak restu. Tak bagi kawin dengan dia. Dia ok, *family* dia ok. Sebelum datang sini, memang nak isi borang nikah, waktu tu dalam 4 bulan (kandungan) macam tu. Nak isi borang nikah, tapi tak boleh sebab *family* sekat. *Family* tak bagi kawin dengan dia" (Penghuni F, 2020)
>
> "Dia nak bertanggungjawab, dia nak kawin, memang dah *call family* semua dah …. *family* memang betul-betul taknak …. Dia pernah datang jumpa *family* semua, tapi *family* memang taknak. Dia memang naklah, tak main-main, macam saya tengok dekat sini banyaknya yang lepas tau mengandung terus tinggal, ha dia tak macam tu" (Penghuni G, 2020)

iv. Stigma yang dihadapi sepanjang kehidupan

Kajian mendapati, di dalam beberapa pemerhatian terhadap stigma masyarakat mengenai status tidak sah taraf anak, hasil membentangkan dapatan bahawa masyarakat secara umumnya bersikap positif, namun demikian masih terdapat segelintir yang cenderung bersikap negatif. Misalnya dari soal selidik Noraini

Universiti Utara Malaysia

Aqiilah dan Ahmad Munawar (2018) terhadap 30 orang penduduk di Hulu Langat, Selangor, dapatan menunjukkan dua dari 30 orang responden mengakui memiliki pandangan serong terhadap anak tidak sah taraf, begitu juga seorang dari 30 orang responden masih melihat anak tidak sah taraf adalah manusia berdosa.

Begitu juga pemerhatian Najihah Zakaria (2019) terhadap persepsi penduduk di Negeri Kedah memperlihatkan tindakan sebahagian masyarakat yang tidak dapat menerima status tidak sah taraf anak, oleh alasan bahawa anak tersebut dilahirkan dari aktiviti haram penzinaan. Sehingga masyarakat bertindak membuat batasan dalam pergaulan seharian bersama anak tidak sah taraf, yang mengakibatkan sebahagian besar hak anak tidak sah taraf tidak terpenuhi dalam kehidupan bermasyarakat.

Dapatan tersebut disokong oleh hasil temu bual bersama pihak terkesan dalam melihat keperluan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Kajian melihat bahawa anak tidak sah taraf berhadapan stigma sepanjang kehidupan walaupun hakikatnya kesalahan bukan dari anak terbabit. Kebiasaannya stigma tersebut berlaku di zaman persekolah disebabkan oleh permasalahan status pendaftaran nama anak.

> "Dengan membawa nama tanpa bin/binti … Segala pandangan negatif tu melekat pada dirinya … umpama di sekolah, di sini yang selalunya banyak timbul perkara yang tak bagus. Ejekan kawan-kawan, soksek di belakang tentang siapa dirinya. Kadang-kadang kalau dapat cikgu yang kurang bagus, sindir menyindir. Semua ni umpama '*body shaming'* terhadap anak tu sendiri …. Andai dapat dibin/binti itu pun sudah cukup supaya saya dapat menjaga aib yang ditunding kepada anak" (Bapa A, 2020)
>
> "Stigma yang mereka hadapi banyaknya di waktu sekolah" (Syed Azmi, 2021)
>
> "Saya diejek kat sekolah, sebelum saya dapat tahu pasal status saya. Mula-mula sorang dua je sebut anak haram bila saya lalu sebelah orang tahu pasal saya. Makin lama makin ramai. Sampai

> satu tahap saya tanya kat diri saya sendiri, siapa anak haram ni? Setahu saya saya anak tunggal mama ngan papa je. Saya tak yakin saya anak haram sebab saya nampak gambar kahwin *parents* saya. Makin lama, makin ramai ejek saya. Saya masa tu keliru sangat, sebab tiap kali saya lalu kat *group-group* tertentu, saya mesti dengar ayat tu. Mental saya makin koyak" (Kisah 3 dari Syed Azmi, 2021)
>
> "Waktu sekolah menengah saya satu sekolah dengan adik saya lepastu cikgu tanya kenapa nama ayah saya berbeza dengan adik saya, lepastu cikgu cakap saya anak luar nikah. Satu kelas gelakkan saya, saya malu sangat. Sekarang ni bila masuk IPT pensyarah saya pulak tanya kenapa nama berbeza dalam surat beranak, saya tak tahu nak jawab apa, saya malu dengan kawan-kawan saya" (Kisah 4 dari Syed Azmi, 2021)
>
> "Kita boleh lihat, realitinya status tak sah taraf menjadi stigma kepada pasangan dan anak apabila ke sekolah. Anak tak sah taraf tu" (Rozaimi, 2021)

Stigma melibatkan ejekan sebagai 'anak haram', anggapan serong mengenai anak zina sebagai 'anak nakal', 'susah nak berjaya' dan 'tidak dapat masuk syurga'. Anak tidak sah taraf juga dianggap pembawa malang dalam kehidupan keluarga.

> "menganggap anak luar nikah tak mampu berjaya dan ada juga yang cakap kami ini tidak akan masuk syurga. Dasyat orang islam melayu ni" (Individu B, 2021)
>
> "Stigma tu ada. Orang selalu cakap nanti anak jadi jahat, budak tu akan jadi degil. Anak luar nikah ni susah jaga, jahat. Padahal didikan tu dari kita. Sedangkan elok ja dia tolong buat kerja rumah, tolong banyak benda" (Bapa C, 2021).
>
> "saya dilabelkan sebagai anak sue sebab saya ni anak luar nikah" (Kisah 3 dari Syed Azmi, 2021)

Lebih memburukkan lagi apabila anak didoakan dengan doa-doa yang tidak baik hanya kerana status sebagai anak zina. Nurul Muna (2020) berpendapat, hal demikian boleh membawa pengaruh yang tidak baik dalam kehidupan anak apabila anak mengambil tanggapan terhadap dirinya itu adalah kenyataan yang benar. Malah, beliau melihat kebiasaannya kesalahan yang dilakukan oleh anak tidak sah taraf akan diungkit sebagai akibat dari status yang dibawa oleh mereka.

> "Nakal tu semua anak ada nakal, anak kita sendiri pun ada nakal tapi kita tak terfikir apa-apa sebab itu anak kita. Tapi bila anak tak sah taraf nakal, kita akan cakap, itulah ikut perangai mak ayah dia, itulah sebab anak tak sah taraf, bapa dia ni mesti keturunan tak elok. Benda tu secara tak langsung aura dia akan pergi pada anak, benda yang dia selalu dengar, benda yang didoakan, jadi tak mustahil dia pun akan bertindak macam tu lah. Sebab otak dia tersimpan, oo aku memang macam ni, aku memang teruk. Dia nampak macam hina sangatlah" (Nurul Muna, 2020)

Stigma tidak sah taraf juga tidak hanya melibatkan zaman tumbesaran oleh faktor pendaftaran nama anak, namun turut dibawa sepanjang kehidupan kerana status sebagai anak luar nikah diketahui apabila proses pernikahan anak perempuan memerlukan wali hakim.

> "Hal ini akan menjadi bualan orang ramai apabila akad nikah nanti. Disebabkan saya perlu berwalikan hakim bukan wali (bapa kandung). Dan saya akan dicop anak luar nikah. Status anak luar nikah inilah yang melekat terus sehingga saya menghembuskan nafas terakhir" (Kisah 5 dari Syed Azmi, 2021)

Ibu hamil tanpa pernikahan pula berhadapan reaksi negatif dari keluarga dan masyarakat apabila berita kehamilan diketahui. Responden ibu hamil tanpa pernikahan melaporkan bahawa reaksi negatif melibatkan beberapa keadaan, seperti:

a) Berhadapan kekecewaan keluarga terhadap perbuatan hamil tanpa pernikahan (Penghuni B, 2020; Penghuni E, 2020; Penghuni G, 2020). Menurut dapatan dari Salina Nen dan Farah Hidayah (2020), kekecewaan tersebut selalunya diterjemahkan dalam bentuk emosi seperti sangat marah, sedih dan kecewa, kemudian disusuli dengan tingkah-laku dari ahli keluarga seperti menyindir, enggan bercakap, melemparkan kata-kata kesat serta meminggirkan ibu hamil.

> "… bila mereka tahu saya mengandung, mereka sedih giler. Mak ayah saya kecewa sangat-sangat, tapi mak ayah kan, mereka masih terima saya" (Penghuni B, 2020)

Universiti Utara Malaysia

> "Penemubual: "Bagaimana penerimaan keluarga?" Penghuni: *Diam dan menangis*" (Penghuni E, 2020)
>
> "Abang sulung saya yang tak dapat terima. Saya rapat dengan abang sulung sebelum ni …. Abang sulung tu orang yang paling sedih bila jadi macam ni" (Penghuni G, 2020)

b) Diperlaku secara kekerasan oleh keluarga dan berlaku ancaman bunuh (Penghuni F, 2020)

> "Abang saya hampir nak bunuh saya. Nasib baik ada mak, mak tahan abang dari tikam saya" (Penghuni F, 2020)

c) Ibu hamil dihalau keluar dari rumah dan 'dibuang' atas faktor melindungi maruah keluarga dari tercemar. Ibu diletakkan di rumah perlindungan agar berita kehamilan tidak diketahui umum (Penghuni B, 2020; Penghuni F, 2020; Nurisah, 2020; Rozaimi, 2021). Kajian dari Abd. Ghani dan Nuarrual (2017) turut mendapati responden ibu hamil dihalau oleh bapa dan terpaksa berpisah dengan keluarga kerana kehamilan anak luar nikah membawa rasa marah dan malu bagi pihak keluarga.

> "…mereka hantar saya ke sini, saya taknak, saya tak sanggup duduk jauh dengan mak ayah. Saya tak pernah duduk jauh" (Penghuni B, 2020)
>
> "Saya lari dari rumah hari tu, tapi sebenarnya keluarga yang halau ... Keluarga tahu, keluarga terkejut dan halau, kemudian tu panggil balik dan hantar datang sini" (Penghuni F, 2020)
>
> "Keluarga tanggung malu, hantar budak-budak tu ke sini" (Nurisah Abdullah, 2020)
>
> "Tambah pula, sekarang ni, kalau mak tu diketahui ada anak zina, *family* buang terus.." (Rozaimi, 2021)

d) Berhadapan dengan tanggapan buruk dari masyarakat (Nurisah, 2020).

> "Masyarakat boleh kata tu lah sapa suruh gatal, sapa suruh ikut *boyfriend* lah, tapi tu lah, siapa nak lalui ujian besar ni. Dia ada peluang untuk bertaubat" (Nurisah Abdullah, 2020)

Stigma yang dihadapi membuatkan ibu mengalami tekanan perasaan oleh faktor rasa bersalah terhadap keluarga, ketakutan dalam mendepani kehamilan luar nikah dan malu untuk berhadapan dengan masyarakat (Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah, & Muhammad Yusuf, 2020).

Malah, stigma bukan sahaja terpalit pada ibu hamil tanpa pernikahan, tetapi turut melibatkan rumah perlindungan ibu hamil. Institusi kebajikan tersebut sering dikaitkan dengan anggapan menggalakkan lebih banyak penzinaan dalam masyarakat (Bahyah Abdul Halim, & Aida Othman, 2021), sedangkan objektif rumah perlindungan ibu hamil adalah melindungi anak tidak sah taraf yang tidak bersalah.

> "Orang kata rumah-rumah perlindungan ibu hamil ni menggalakkan zina, sedangkan tak. Yang berlaku tu dah berlaku. Kita nak selamatkan anak. Masa depan anak. Yang dah lepas tu antara dia dengan Tuhan lah. Kalau kita tak buat macam tu, kesan dia apa? Kes buang bayi" (Nurul Muna, 2020)

> "Macam rumah perlindungan ni pun *netizens* marah kata menggalakkan zina" (Penghuni G, 2020)

Universiti Utara Malaysia

Dalam masa yang sama, meskipun pernikahan telah berlangsung dan bapa memilih untuk bertanggungjawab terhadap anak, stigma dari masyarakat dan ahli keluarga masih boleh berlaku sekiranya status tidak sah taraf anak diketahui. Stigma yang dihadapi oleh bapa dan ibu kepada anak tidak sah taraf adalah berbentuk pandangan dan kata-kata buruk terhadap kesalahan zina yang pernah dilakukan.

> "Saya kecik hati sikit pada ibu ibu saudara sebab jadikan isu anak tak sah taraf ni macam bahan sensasi. Padahal mereka patut tidak ceritakan hal ini pada anak anak mereka" (Individu B, 2021)

> "Adakala saya dengar orang cakap benda buruk pasal mak saya. Dan saya ada imaginasi lihat mak saya selalu menangis di belakang belakang masa saya di kampung ayah. Dalam saya sekolah rendah" (Individu B, 2021)
> "Stigma paling pedih selalunya dari sedara mara la. Kawan-kawan dah tak hairan sangat. Orang kampung sedara mara ni lain, kata-

> kata sepanjang isteri mengandung dan beranak tu memang buat taknak balik kampunglah. Keluarga punya kata-kata ni lebih makan dalam. Pernah bila balik, orang kampong datang tanya, tu anak yang kau mengandung tak kawin dulu tu ke? … Orang pandang serong tu biasa lah. Mak suami pun duk pandang serong lagi" (Bapa C, 2021)

Namun, hal demikian tidak menjadi halangan untuk bapa melaksanakan tanggungjawab dengan baik dalam memelihara kebajikan anak tidak sah taraf tersebut. Stigma negatif tidak mempengaruhi ibu bapa untuk membina kehidupan yang lebih baik bersama anak.

> "Stigma negatif tu sudah pasti …. Kalau bab 'dari pandangan orang' tu saya tak perduli. Saya fokus untuk beri yang terbaik pada anak sahaja" (Bapa A, 2020)

> "Waktu mengandung dulu, ada orang duk kata mengandung tak kawin tapi isteri jawab, baik aku jaga dia dari aku buang dia. Waktu tu kawan-kawan pun bising suruh cuci dari awal. Tapi isteri nekad nak pelihara" (Bapa C, 2021)

> "Mujur isteri jenis menjawab, jadi mereka tak berani sangat cakap depan-depan. Biarlah orang nak kata apa, janji kami jaga elok-elok" (Bapa C, 2021)

> "Dia dah kawin kan. Dia dah bertanggungjawab. Pakej dia lain lah, pakej dia nak hadap respon anak tu, nak hadap stigma masyarakat semua tu lah" (Syed Azmi, 2021)

Kategori kedua: Permasalahan mental dan emosi oleh faktor dalaman kendiri

Terdapat enam perkara yang menjadi faktor dalaman kepada permasalahan mental dan emosi pihak terkesan, iaitu: (i) Kekeliruan terhadap identiti peribadi; (ii) Konflik perasaan sebagai individu berstatus tidak sah taraf: (iii) Pandangan terhadap ibu bapa; (iv) Kehamilan dilalui sendirian; (v) Perasaan bersalah terhadap anak; serta (vi) Perasaan rendah diri oleh masa lampau.

Universiti Utara Malaysia

i. Kekeliruan terhadap identiti peribadi

Anak berhadapan persoalan mengenai siapakah identiti bapa apabila mendapati nama bapa dengan nama di dalam pendaftaran anak adalah berbeza oleh penggunaan ganti nama Abdullah atau nama-nama Allah yang lain selepas pangkal Abdul di hadapan.

> "Dalam surat beranak anak, memang maklumat tentang bapa tiada. Jadi bila kanak-kanak tu tengok, dia memang akan tanya bapa saya nama apa, bin Abdullah, Abdullah ni siapa? Mana dia?" (Nurisah Abdullah, 2020)
>
> "Kemudian dia tanya, dia anak siapa, dia malu tanya maktok tak cakap, tanya tokma tak cakap. Masa sekolah rendah dulu cikgu kelas tanya depan-depan kawan-kawan, kakak ni anak siapa kenapa bin tak sama dengan nama bapa." (Kisah 1 dari Syed Azmi, 2021)
>
> "Anak-anak pernah bertanya kenapa nama ayah mereka Abdullah tak sama dengan nama ayah mereka" (Kisah 3 dari Syed Azmi, 2021)
>
> "Saya dah lama perasan yang surat beranak saya tu berbintikan Abdul Qayyum tapi dekat maklumat bapa nama lain …. Semalam saya tanya ibu saya, tapi ibu saya cakap ayah saya tukar nama sebab tu jadi macam tu" (Kisah 4 dari Syed Azmi, 2021)

Lebih-lebih lagi, dalam situasi nama bapa di dalam pendaftaran nama anak adalah tidak sama dengan nama bapa di dalam pendaftaran nama adik beradik sebapanya yang lain.

> "Sebab dia pun ada adik yang hampir sebaya. Beza setahun ja. Jadi kami bimbang la kan. Nanti depa tengok nanti .." (Bapa B, 2020)
>
> "Dulu waktu sekolah rendah saya binti sama macam adik saya yang lain tapi bila buat ic, nama pada surat beranak saya berubah dan dalam ic juga berbeza daripada adik saya yang lain" (Kisah 4 dari Syed Azmi, 2021)

Kekeliruan yang sama berlaku pada pendaftaran nama anak yang tidak disertakan bin atau binti kepada sesiapa walaupun hakikatnya sesetengah keadaan, pendaftaran tanpa bin adalah disebabkan permasalahan teknikal kelahiran anak di luar negara, bukan oleh status tidak sah taraf (Rozaimi Ramle, 2021).

> “Bila balik Malaysia, daftar anak buat mykid, anak tiada bin. Anak pergi sekolah, cikgu dan kawan-kawan bertanya, kenapa tiada bin. Anak balik rumah tanya semula, kenapa tak ada nama ayah dekat nama dia sebab orang lain ada nama ayah? Jadi rupa-rupanya, tiada nama bapa dah menimbulkan satu persoalan, satu masalah pula. Itu tak apalah, kes nya hanya pada teknikal sahaja. Bagaimana yang berlaku pada anak-anak yang memang berstatus tak sah taraf?” (Rozaimi, 2021)

Bermula dengan kekeliruan terhadap identiti bapa, anak kemudiannya akan berhadapan konflik penerimaan kenyataan apabila mengetahui pengkhabaran status tidak sah taraf diri. Konflik secara psikologinya semakin memburuk apabila anak berada di dalam fasa remaja (Diana Azis *et al*, 2022)

> “Masa tu tengah tengok surat khabar berita pasal *baby* kena buang. Lepas tu kita tunjuk dekat mak .. tanya kenapa … yang ingat masa tu la mak pun bagitau lembut-lembut kita macam *baby-baby* tu (maksudnya lahir luar nikah) …. ingat masa tu tak berapa faham sangat ... Jadi mungkin lebih kepada *confused*” (Individu A, 2020)

> “Masa nak terima tu memang saya perlukan masa. Sebab masa tu juga saya nak kahwin dan lain lain" (Individu B, 2021)

> “Papa tanya kenapa? Saya jawab, 'pia rasa mcm kena ejek anak haram kat sekolah'. Papa cakap, 'pia memang anak luar nikah' … Saya tergamam tuan … Kenapa saya tak tahu perkara ni selama ni?” (Kisah 3 dari Syed Azmi, 2021)

> “Bila saya *search* google tentang ni, keluar tentang anak tak sah taraf. Saya tanya ibu saya sekali lagi tapi ibu saya marah. Saya cakap kat ibu saya yang kalau betul saya ni anak tak sah taraf, saya rasa selama ni saya ditipu hidup-hidup … Saya rasa buntu sangat. Saya tak tahu nak cakap macam mana perasaan saya ni, saya rasa nak lari dari semua orang” (Kisah 4 dari Syed Azmi, 2021)

> “Saya turut bingung dan bertanya, "Kenapa kak, ada masalah?". Staff itu menjawab, "Kena guna wali hakim ni" … Staff itu juga mengajukan soalan pelik kepada ibu saya, "Maaf puan. Tapi mahu tanya, masa puan nikah dulu, memang sudah ada isi ka atau macam mana?" dan ibu saya hanya mengangguk, mengiyakan soalan yang diaju ….. Hati saya tertusuk sakit tuan. Hati saya sakit, hati saya hancur. Saya baru tahu yang saya adalah anak luar nikah. Anak tak sah taraf” (Kisah 5 dari Syed Azmi, 2021)

ii. Konflik perasaan sebagai individu berstatus tidak sah taraf

Anak tidak sah taraf mengalami konflik perasaan sepanjang proses tumbesaran, terutama apabila anak merasakan kewujudan dan kelahirannya adalah pada keadaan tidak diingini, serta menjadi punca permasalahan dalam keluarga. Konflik membawa kepada tindakan mempersoal akan kewujudan diri anak dalam kehidupan di dunia.

> "Konflik dalaman.. ha yang ni sangat banyak sebenarnya. Banyaaaaaak sangat. Menanggung kegilaan seorang diri …. Kita rasa selama ni sebenarnya kita banyak salahkan diri. Kalau mak tak *pregnant*kan kita, mungkin banyak hal tak jadi. Sebab *family* kita ni sebenarnya banyak konflik" (Individu A, 2020)

> "Penemubual: Adakah puan mengalami tekanan perasaan dan lain-lain oleh status dan stigma tersebut? Individu: ya ..... Saya selalu tanya kenapa saya" (Individu B, 2021)

Selain itu, status sebagai anak hasil penzinaan membuatkan anak tidak sah taraf berasa malu dan hina, serta beranggapan tidak layak untuk hidup sebagai manusia normal di dalam masyarakat.

> "saya rasa jijik sangat dengan diri saya ni lepastu ibu saya tampar saya bila dengar saya cakap macam tu" (Kisah 4 dari Syed Azmi, 2021)

> "Saya malu tuan, naik turun pejabat agama. Malu untuk semua perkara …. Saya rasa saya tak layak hidup dan bercampur gaul dengan orang sekeliling. Saya rasa hina. Saya rasa sedih teramat. Saya rela mati dalam janin ibu saya daripada dilahirkan di muka bumi ini. Sungguh besar ujian ini" (Kisah 5 dari Syed Azmi, 2021)

Konflik dalaman yang besar membawa kepada tekanan perasaan yang melampau sehingga anak didiagnos sebagai kemurungan (Individu A, 2020). Lebih memburukkan lagi, tekanan membawa kepada cetusan fikiran untuk membunuh diri dan juga berlakunya tindakan ke arah tersebut.

> ".. Pada akhir bulan 11, dia nak gantung diri sendiri. Alasan, dia nak rasa kasih sayang ibu bapa ... Tiba-tiba dia masuk bilik, kebetulan saya rasa tak sedap hati, tengok dia gantung tali nak bunuh diri.." (Kisah 1 dari Syed Azmi, 2021)

Universiti Utara Malaysia

> "Terus terang saya cakap tuan, saya nak bunuh diri masa tu … Dan disebabkan kisah silam saya, saya *depression* tuan tapi terpaksa kuat sebab saya anak tunggal" (Kisah 3 dari Syed Azmi, 2021)

> "Satu hari saya murung tuan. Dari lapar terus hilang rasa lapar pada pagi tu. Saya sangat emosi. Saya menangis. Saya menangis tersedu dan tak kisah dilihat oleh orang lain yang berada di situ ... Perasaan ingin bunuh diri itu kuat, tuan. Kalau boleh masa dalam perjalanan ke Mahkamah Syariah petang itu saya nak buka pintu kereta dan terjun di jalan raya dan biar digilis dengan kenderaan lain" (Kisah 5 dari Syed Azmi, 2021)

> "Bila terfikir semula, saya nangis tuan. Tapi saya masih tak boleh nak terima tuan. Susah untuk saya nak terima dengan status saya tuan" (Kisah 5 dari Syed Azmi, 2021)

iii. Pandangan terhadap ibu bapa

Kajian mendapati kesan status tidak sah taraf anak turut mewujudkan unsur negatif dalam pandangan anak terhadap ibu bapa. Anak berasa telah ditipu oleh perlakuan baik ibu bapa sedangkan status tidak sah taraf yang terpalit ke atas anak adalah dari kesalahan penzinaan yang telah dilakukan oleh mereka.

> "Saya rasa semua orang yang ada di sekeliling saya ni penipu" (Kisah 4 dari Syed Azmi, 2021)

Universiti Utara Malaysia

Hal demikian membawa kepada rasa benci dan kecewa anak terhadap ibu bapa dan keluarga sehingga anak memilih untuk memberontak.

> "kenapa saya menjadi anak yang pemarah, memberontak, benci pada ibu bapa dan berkata kasar pada adik-adik, kerana saya dapat tahu saya anak tak sah taraf pada umur saya 14 tahun. Masa tu saya rasa kecewa, sedih, benci. Saya benci bila pandang adik-adik lain. Saya dapat rasakan seperti saya tak setaraf mereka. Saya rasa macam anak yang dipinggir walaupun mak ayah tak pernah pun begitu" (Kisah 2 dari Syed Azmi, 2021)

Namun dalam masa yang sama, kajian mendapati terdapat anak yang bersimpati terhadap situasi dan permasalahan ibu bapa yang pernah tersilap langkah, dalam masa yang sama terpaksa menyimpan rahsia dan aib dari diketahui oleh orang lain.

> "Saya rasa kasihan dengan mereka sebab terpaksa merahsia semua ni dari saya. Dan mungkin saya dah cukup dewasa untuk faham keadaan mak dan ayah saya … Jadi saya tak ada apa apa masalah" (Individu B, 2021)

> "… Saya bukan mencemuh kedua orang tua saya. Saya sayang mereka. Syukur saya masih dapat berfikiran waras untuk tidak berbuat perkara yang tidak diingini daripada berlaku …. Mereka adalah orang tua kandung saya tuan. Cuma mereka tersalah langkah. Dalam pada masa yang sama saya juga tidak mahu mereka menahan malu disebabkan hal ini" (Kisah 5 dari Syed Azmi, 2021)

Begitu juga, terdapat anak yang bersimpati terhadap situasi ibu bapa yang berada dalam kehidupan kurang baik oleh faktor konflik kekeluargaan dan kesihatan.

> "Kita sebenarnya kesian dekat mak kita. Kalau dari apa yang kita tahu pasal *mental health issues*, kita rasa mak kita pun macam tak sihat sangat tu. Ayah pun sama … *somehow* kita rasa ayah pun dia bukan la *mentally healthy* sangat. Nampak macam ada ciri-ciri bipolar. *So,* bila fikir macam tu, tanggapan kat mak ayah lebih kepada kesian" (Individu A, 2020)

Pandangan baik anak terhadap ibu bapa didorong oleh rasa syukur terhadap pilihan ibu bapa yang tidak membuang kandungan disebabkan tekanan pihak lain. Lebih-lebih lagi, apabila ibu bapa telah memelihara anak dalam kehidupan dan pendidikan yang baik.

> "Saya bersyukur sebab mak tak buang saya. Sebab saya ada dengar mak saya ada cakap salah seorang bapa saudara belah mama lepas tahu yang dia mengandungkan saya suruh mak saya buang saya saja (Gambar menangis)" (Individu B, 2021)

> "Dan ayah dan mak saya telah didik dan jaga saya sama sahaja" (Individu B, 2021)

> "…Saya bersyukur mereka menjaga saya dengan baik sehinggalah sekarang. Mereka juga yang menjadi tulang belakang saya dalam menjayakan majlis akad tidak lama lagi" (Kisah 5 dari Syed Azmi, 2021)

Universiti Utara Malaysia

iv. Kehamilan dilalui sendirian

Berhadapan dengan proses kehamilan secara sendiri mewujudkan risiko kesunyian dan kemurungan, serta penghargaan kendiri yang rendah dalam kalangan ibu hamil tanpa pernikahan (Rohany *et al*, 2015). Kajian membuktikan kehamilan tanpa pernikahan memberi permasalahan psikologi dan emosi yang berbahaya kepada ibu. Temu bual Siti Nur Arwina, Mohd Nasir dan Wan Mohd Azam (2019) bersama empat orang ibu hamil menunjukkan keputusan kesihatan mental yang terganggu berskala sangat teruk, teruk dan sederhana apabila responden mengalami ciri-ciri *anxiety, stress* dan *depression*. Perasaan takut, sedih, kecewa, keliru, hilang selera makan, emosi yang tidak dikawal, rasa bersalah serta perasaan ingin membunuh diri merupakan antara kecelaruan perasaan yang dialami responden.

Kajian yang sama dari Salina dan Farah Hidayah (2020) membuktikan kehamilan ibu tanpa pernikahan memberi tekanan dalam hidup sehingga terdapat seorang responden mengaku telah menjalani proses pengguguran janin namun tidak berjaya kerana usia janin telah matang. Begitu juga seorang lagi responden mengaku sengaja melakukan aktiviti lasak dan berat pada awal kehamilan untuk menggugurkan janin secara alami.

Lebih-lebih lagi kehamilan di luar pernikahan adalah kesalahan berat di bawah peruntukan Enakmen Jenayah dalam Syarak[97]. Apabila pendakwaan di

[97] Seksyen 15: "(1) Mana-mana orang perempuan yang didapati hamil atau melahirkan anak di luar nikah tidak termasuk persetubuhan syubhah adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; (2) Mana-mana orang perempuan yang melahirkan anak yang penuh sifat kurang daripada enam bulan hijrah selepas dia berkahwin tidak termasuk persetubuhan syubhah boleh disifatkan sebagai melahirkan anak di luar nikah; (3) Beban membuktikan bahawa seorang perempuan itu telah disetubuhi dengan cara syubhah atau sebagainya atau berkahwin atau anak itu dilahirkan dalam jangka masa yang boleh diterima mengikut Hukum Syarak adalah terletak di atas

Mahkamah Syariah tersabit, ibu akan berhadapan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Sebaliknya, lelaki yang menghamilkan ibu tidak didakwa kerana tiada peruntukan Enakmen bagi kesalahan lelaki yang menghamilkan.

Temu bual bersama lapan orang penghuni PJSK memberi gambaran lebih dekat mengenai emosi ibu hamil tanpa pernikahan. Sepanjang temu bual, terdapat penghuni yang berada dalam konflik perasaan seperti: menangis dan berekspresi sedih (Penghuni A dan Penghuni F); menangis teresak-esak dan emosi sangat terganggu (Penghuni B); serta menangis dan termenung (Penghuni E). Dalam masa yang sama, terdapat penghuni yang memberi reaksi tiada perasaan (Penghuni C); bersahaja (Penghuni D); dan positif (Penghuni G dan Penghuni H).

Sekalipun ibu hamil berlindung di PJSK, mereka terpaksa menghadapi semua proses kehamilan dan kelahiran sendirian, sehinggalah mereka dijemput oleh waris dan keluarga (Nurisah Abdullah, 2020). Hal demikian kerana, ibu hamil di rumah perlindungan hanya mempunyai staf JKM yang terdiri dari pembantu pembangunan dan warden sebagai penjaga, lalu terdapat keterbatasan dalam melayani keperluan mereka lebih-lebih lagi membabitkan sokongan emosi dan fizikal. Penghuni turut terikat dengan peraturan di asrama rumah perlindungan dan tidak boleh bertindak bebas sebagaimana kebiasaan di rumah (Nurisah Abdullah, 2020).

Menurut Nurisah (2020), setiap kali ibu hamil mempunyai masalah, mereka akan datang membuat aduan dan memberitahu permasalahan mereka kepada penjaga seperti rindu akan keluarga atau keinginan terhadap sesuatu makanan,

perempuan itu; dan (4) Seksyen 112 Akta Keterangan 1950 tidak boleh dipakai bagi maksud seksyen ini" (Enakmen Jenayah dalam Syarak negeri Perlis 1991)

dan penjaga berusaha memenuhi mengikut kemampuan. Dalam situasi permasalahan yang berat melibatkan gangguan emosi dan sebagainya, ibu hamil akan dibawa kepada seliaan pegawai kaunselor.

Beliau sangat bersimpati dengan penghuni kerana kehamilan yang dilalui sendiri menyebabkan ibu sering kelihatan dalam keadaan sedih dan kemurungan. Proses kelahiran juga dilalui sendirian tanpa peneman melainkan staf perubatan. Penjaga yang ada hanya mampu berkongsi pesanan, nasihat dan doa sebelum ibu dihantar ke hospital.

> "diorang ni sangat cekal lah. Sebab sorang-sorang, terpaksa urus semua sendiri, sebab hanya staff sahaja yang jaga diorang. Yang lain semua diorang buat sendiri. Jadi diorang ni tabah dan kuat semangat … Ibu-ibu ni sebenarnya kesian. Bawa perut sorang-sorang … muka sedih ja, muka yang takda keceriaan. Sebab diorang yang merasakan, dia perit tau. Sebab menanggung sorang-sorang tu. Pastu waktu nak bersalin, siapa yang ada? .. Diorang ni tabah tau, bawa sampai sembilan 10 hari, lepas tu bersalin" (Nurisah Abdullah, 2020)

Kesedihan yang ditanggung penghuni sebagaimana menurut Noraini Abdullah oleh faktor tiada sokongan sosial diakui oleh kaji selidik Rohany Nasir *et al* (2016) terhadap 215 orang reponden ibu hamil tanpa pernikahan. Dapatan menunjukkan bahawa ibu yang tidak mendapat sokongan sosial yang baik dari keluarga, rakan dan kenalan sekeliling, lebih tinggi keberangkalian untuk mengalami gejala kesunyian yang membawa kepada kemurungan teruk. Rohany Nasir *et al* (2016) melihat bahawa impak psikologi dari permasalahan tersebut perlu ditangani kerana boleh membawa pengaruh yang menjejaskan modal insan negara.

v. Perasaan bersalah terhadap anak

Bapa mengakui bahawa mereka amat menyayangi anak tidak sah taraf terbabit, dan disebabkan hal demikian bapa memilih untuk bertanggungjawab. Bapa berhadapan rasa bersalah terhadap anak kerana terpaksa menempuh kehidupan

yang tidak sama dengan adik beradik lain, dan bapa amat berharap anak dapat memperolehi hak selayaknya sebagai seorang anak terutama melibatkan pendaftaran nama.

> "Hubungan baik dan perasaan kasih sayang tak berbelah bagi. Rasa bersalah tu yang utama. Dan saya berharap anak saya dapat hak yang selayaknya sebagai seorang anak" (Bapa A, 2020)

> "Kalau ikutkan panjang la hat tu. Sayang sangat lah. Bila tengok anak, ada rasa bersalah, teringat masa depan. Kalau ada apa-apa cara lagu mana pun, saya nak berusaha buat untuk dia la" (Bapa B, 2020)

> "Perasaan bapa-bapa tu, macam tulah, yang dari hati tu saya tak pandai nak terjemah sangat. Tapi sayang tu memang sayang sangatlah. Tak boleh tengok lah kalau dia sakit sikit pun ka. Kadang-kadang bila dia tidur tu duk tengok, fikir macam mana lah nama dia. Macam tu la, waktu dia tidur lah kita tengok duk fikir macam-macam" (Bapa B, 2020)

> "Hubungan ok dan suami sayangkan anak. Antara suami dengan anak, boleh bawa bersembang, suami bising bila anak main *game* lama macam ayah-ayah biasa. Takda masalah. Kalau isteri tak bagi apa yang anak nak, suami yang marah sebab cakap kesian dekat anak. Sama ja perasaan sayang tu dengan anak-anak kemudian. Anak saya, saya sayanglah. Tak percaya apa, tengok adik-adik dia sama ja muka" (Bapa C, 2021)

> "Semua yang rujuk tu adalah semua yang nak tahu macam mana nak masukkan nama di dalam nama anak. Sokongan dia tu baguslah. Semua tu nak bertanggungjawab" (Syed Azmi, 2021)

Bapa juga mengalami situasi yang sukar dalam proses pemberitahuan anak mengenai status tidak sah taraf kerana proses tersebut merupakan konflik yang berat bagi kedua-dua pihak. Hal demikian kerana di pihak bapa, pemberitahuan melibatkan aib dan maruah oleh kesalahan lampau, beban rasa bersalah serta kerisauan dalam menerima reaksi anak semasa dan selepas pemberitahuan. Dan bapa beranggapan di pihak anak pula, pemberitahuan akan mempengaruhi hubungan kekeluargaan antara ibu bapa dengan anak serta menyebabkan anak berada dalam konflik dan kekeliruan.

Hal demikian diakui oleh dapatan Yessie Angelia (2014) apabila pemberitahuan merupakan risiko yang diambil oleh ibu bapa kerana pemberitahuan boleh membawa kepada permasalahan seperti penolakan (*in-denial*) dari anak, anak mengalami kekecewaan dan merosakkan hubungan antara ibu bapa dengan anak.

> "Mama cakap dia terpaksa rahsia kan semua ni lebih 30 tahun. Juga masa bincang dengan arwah ayah masa dia nak meninggal. Ayah suruh beritahu saya dengan baik. Cuma kadang kadang di hati kecil saya sedih untuk mak ayah saya yang terpaksa simpan rahsia sampai mereka meninggal contoh macam ayah saya. Mak saya minta maaf dekat saya … Mama saya cakap setiap hari dia berdoa yang suatu hari nanti dia akan mudah dapat bagitahu saya apabila sampai waktunya" (Individu B, 2021)

> "Yang dah tahu tu, biasanya ambil masa sikit lah (anak) untuk dia *adjust*, untuk dia faham. Anak-anak tu biasanya kalau bawah 12 tahun, dapat tahu, biasanya dia akan ada banyak soal, kenapa itu kenapa ini. Sebab dia banyak soal tu sebab bermaksud, dia masih boleh lagi berkomunikasi dengan ibu bapa dia. Tapi kalau atas 12, bawah 18 tahun tu, biasanya dia akan memberontak. Dia akan murung ke, dia akan senyap ke, dia akan lari dari rumah ke macam tu lah" (Syed Azmi, 2021)

> "Anak-anak pernah bertanya kenapa nama ayah mereka Abdullah tak sama dengan nama ayah mereka, saya dan suami hanya mampu diam dan bagi tahu sampai masa nanti mereka akan tahu" (Kisah 3 dari Syed Azmi, 2021)

Namun demikian, oleh kerana pemakaian pandangan hukum di Malaysia adalah anak kelahiran kurang enam bulan disabitkan sebagai anak tidak sah taraf, lalu proses pemberitahuan tetap perlu dilakukan kerana status tidak sah taraf melibatkan halangan kepada hukum *bunuwwah* yang lain seperti pewalian dan pewarisan. Dalam realiti pemakaian tersebut, mendiamkan diri dari memberi penjelasan adalah pilihan yang tidak tepat.

> "banyak benda yang akan jadi kalau anak dapat tahu, perkara yang anak mungkin buat ialah memberontak, negatif, biadap, dan mungkin sampai tahap nak bunuh diri. Tapi kalau ibu pilih untuk diam dan tak bagitahu, ibu mungkin akan dibenci oleh anak sendiri" (Kisah 3 dari Syed Azmi, 2021)

Terdapat anak yang dapat menerima dengan baik dan terdapat juga anak yang sukar menerima kenyataan. Anak yang dapat menerima dengan baik kebiasaannya adalah apabila proses pemberitahuan dilakukan awal dan penjelasan dilakukan dengan baik secara berulang kali.

> "Saya dah menceritakan status dia dari umur 10 tahun, lebih baik saya cerita dan fahamkan keadaan dia.. dan mengapa namanya begitu. Berat bagi kami, tetapi demi persediaan awal sebelum apa-apa berlaku dan menjadi salah faham. Lebih baik saya yang berterus terang. Jangkaan kami tepat.. apabila usianya mencapai 12 tahun, ada ahli keluarga yang bercakap buruk padanya. Dan dia tahu bagaimana nak memberi respon" (Bapa A, 2020)

> "Anak tahu. Sebab selalu ulang, *mummy* bela banglong sorang-sorang. Alhamdulillah anak sayang *mummy* dengan *daddy* dan anak selalu *back up mummy daddy*. Bila orang kata, kawan-kawan sekolah pertikai, anak akan jawab, bin Abdullah pun takda masalah sebab *still* ada ayah di rumah. *Daddy* ada bagi duit belanja" (Bapa C, 2021)

> "Saya berterus terang dekat anak yang dia anak kami, Cuma mama mengandung dulu sebelum kahwin. Papa tetap papa kakak. Lagipun benda dah lama tak payah la kenang, tu kan sekolah rendah, sekarang sekolah menengah cikgu dah tak tanya kan. Kalau cikgu tanya apa-apa, biar cikgu tanya mama ja .." (Kisah 1 dari Syed Azmi, 2021)

vi. Perasaan rendah diri oleh masa lampau

Keaiban yang terpamer oleh status anak membuatkan kesilapan lampau tidak dapat dilupakan dalam usaha meneruskan kehidupan baru. Ibu bapa mengalami rasa rendah hati dan malu dengan kesalahan yang pernah dilakukan.

> "Sebab kita kalau boleh nak lupakan benda yang lepas. Sebab kalau difikirkan balik tu, bila tak dapat tu (sah tarafkan anak), isu ni akan timbul balik la nanti .. Dia akan timbul balik suatu hari nanti. Tu la harap sangat dapat (sah taraf). Harap sangat dapat lupakan sebab saya dan isteri dah bertaubat semua dah" (Bapa B, 2020)

> "Mereka ini selalunya menjadi wakil sebab saya tak betul-betul pasti, tapi kemungkinan pihak sebenar, malu untuk bertanya atau risau aib peribadi terbuka" (Rozaimi, 2021)
> "Yelah, mereka sendiri nak menutup kesalahan dan kesilapan yang pernah dibuat. Lagipun, bila bertanya pada pihak berautoriti ni, yang pertama mungkin mereka takut, yang kedua mungkin mereka

> malu. Jadi mereka akan minta wakil, itu yang biasanya" (Rozaimi, 2021)

Walau bagaimanapun, terdapat bapa yang memilih untuk bersikap positif dan tidak menganggap pandangan masyarakat sebagai halangan dalam kehidupan. Hal demikian kerana, bapa meyakini bahawa Allah SWT Maha Penerima taubat, meskipun masyarakat masih memandang serong.

> "Pada saya, tidak beri kesan apa-apa …. Bab proses memperbaiki diri tu, tiada penyebab atau halangan untuk kita memperbaiki diri. Cumanya, orang akan pandang dan nampak saya pernah silap. Saya tak peduli apa pandangan orang. Taubat itu milik Maha Pencipta bukan milik manusia" (Bapa A, 2020)

> "Rasa lebih baik sebab kami dah berubah dan tak buat perangai dah. Suami pun mau sembahyang. Isteri dari mengandung lagi dah mula jaga solat dan mengaji. Walaupun orang duk cakap kata berzina la apalah, isteri tetap tak pernah *miss* solat. Suami pun bila sesekali leka, isteri tegur, suami akan solat. Isteri selalu puasa ganti yang lepas-lepas" (Bapa C, 2021)

> "Sebab kami percaya dosa zina tu antara kami dengan Tuhan. Jadi kami sama-sama pun salah, kena sama-sama taubat lah" (Bapa C, 2021)

Ibu bapa juga memilih untuk berubah ke arah lebih baik dalam memperbaiki kehidupan jauh dari pengalaman silam. Anak-anak turut dididik dengan nilai-nilai agama agar kesalahan lama yang pernah dilakukan tidak berulang kepada anak.

> "Selepas lahirnya anak saya, saya lebih fokus pada kebajikan dan masa depannya. Saya tidak pernah berhenti untuk memikirkan masa depannya dan saya bertanggungjawab sepenuhnya tentang pendidikan dunia dan akhirat dia. Saya tidak lari dari tanggungjawab terhadap anak" (Bapa A, 2020)

> "Anak-anak kena ajar solat, mengaji. Kita yang corak anak-anak. Kalau kita taknak berubah, nanti anak-anak tengok, anak-anak ikut. Kena didik anak-anak supaya tak jadi macam *mummy daddy.* Nanti diri sendiri yang malu, diri sendiri yang rosak. Duk pantau supaya tak jadi macam kami. Biarlah ujian tu kena dekat kami ja, janganlah anak-anak pun alami ujian sama" (Bapa C, 2021)

Universiti Utara Malaysia

Dapatan dari keseluruhan kajian kes terhadap pihak terkesan di dalam memahami permasalahan oleh status tidak sah taraf di Malaysia memperlihatkan wujudnya keperluan terhadap penasaban agar permasalahan yang dikesan dapat dihindari terutama bagi anak kelahiran dalam pernikahan, namun kurang enam bulan dari tarikh pernikahan ibu bapa.

Permasalahan yang diperolehi juga dilihat telah dapat memberi jawapan terhadap perbezaan respon antara pihak terkesan dengan pihak pelaksana mengenai keperluan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Hal demikian boleh difahami mengenai *ḍarūrī* yang dialami oleh pihak terkesan merupakan pengalaman yang telah / sedang dilalui sendiri di dalam kehidupan. Dapatan tersebut kemudiannya akan dibawa ke dalam perbincangan di dalam bab lima, di bawah subtopik 'Kelompongan penghakiman yang membolehkan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan'.

Universiti Utara Malaysia

4.3 Kesimpulan

Kajian terhadap keperluan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan melibatkan temu bual bersama dua pihak yang berkaitan dalam isu anak tidak sah taraf, iaitu pihak terkesan dan pihak pelaksana di peringkat perundangan. Pihak terkesan merangkumi pihak terkesan secara langsung, iaitu (i) individu berstatus tidak sah taraf; (ii) ibu hamil tanpa pernikahan; dan (iii) bapa kepada anak tidak sah taraf; manakala pihak terkesan secara tidak langsung (sekunder) pula merangkumi: (iv) pegawai JKM; dan (v) individu rujukan pihak terkesan. Hasil temu bual bersama pihak terkesan mendapati, 13 dari 17 responden bersetuju terhadap pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Hanya seorang tidak bersetuju dan tiga lagi berkecuali.

Temu bual bersama pihak pelaksana pula melibatkan lima orang Hakim Syarii dan dapatan mendapati dua orang responden dari Perlis dan Selangor bersetuju dengan pelaksanaan penasaban; dua orang responden dari Perak dan Terengganu tidak bersetuju; dan seorang responden dari Johor memilih berkecuali. Dalam isu *maṣlaḥah* yang dibawa oleh penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pula, empat orang responden tidak bersetuju oleh empat alasan, iaitu (i) Anak tidak perlu menanggung aib oleh status tidak sah taraf; (ii) Isu tekanan yang dihadapi oleh anak tidak sah taraf adalah tidak berasas; (iii) Anak tidak sah taraf mempunyai hak yang sama; dan (iv) Kemaslahatan anak tidak sah taraf bersifat kemaslahatan individu. Sebaliknya seorang responden Hakim Syarii dari Negeri Selangor bersetuju dengan maksud *maṣlaḥah* yang dibawa oleh fatwa dengan dua alasan, iaitu (i) Penjagaan anak adalah *maṣlaḥah* yang perlu dipelihara; dan (ii) Dakwaan menggalakkan penzinaan adalah tidak berasas.

Permasalahan status tidak sah taraf di Malaysia diperlihatkan melalui kajian kes terhadap pihak terkesan secara langsung. Kajian membahagikan perbincangan kepada dua bentuk permasalahan iaitu: (i) permasalahan fizikal; serta (ii) permasalahan mental dan emosi. Permasalahan fizikal hanya melibatkan pihak individu berstatus tidak sah taraf, iaitu (a) tiada dokumentasi dan kewarganegaraan; (b) tiada bin / binti dalam dokumentasi pengenalan diri; dan (c) Terputus nasab dari jalur bapa.

Sebaliknya permasalahan mental dan emosi melibatkan ketiga-tiga pihak. Justeru, kajian membahagikan kepada dua kategori. Pertama, permasalahan mental dan emosi oleh faktor luaran merangkumi empat perkara, iaitu: (a) Status tidak sah taraf menyebabkan anak tidak diterima oleh waris; (b) Individu tidak mendapat hak kasih sayang ibu bapa dan keluarga; (c) Pasangan lelaki tidak bertanggungjawab selepas kehamilan; serta (d) Stigma yang dihadapi sepanjang kehidupan. Kedua, permasalahan

Universiti Utara Malaysia

mental dan emosi oleh faktor dalaman kendiri merangkumi enam perkara iaitu: (a) Kekeliruan terhadap identiti peribadi; (b) Konflik perasaan sebagai individu berstatus tidak sah taraf: (c) Pandangan terhadap ibu bapa; (d) Kehamilan dilalui sendirian; (e) Perasaan bersalah terhadap anak; serta (f) Perasaan rendah diri oleh masa lampau.

Universiti Utara Malaysia

BAB LIMA

KEBOLEHLAKSANAAN PENASABAN ANAK KELAHIRAN KURANG ENAM BULAN

5.0 Pengenalan

Bab lima merupakan perbincangan akhir dalam menganalisis kelompongan menurut penghujahan dan perundangan yang memungkinkan pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Kajian dimulai oleh penelitian terhadap kebolehlaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan menurut perundangan melibatkan pemerhatian terhadap dua aspek. Aspek pertama merupakan pemerhatian terhadap hujah penghakiman bagi kes permohonan pengesahan taraf oleh alasan anak kelahiran kurang enam bulan di lima buah negeri, iaitu Perlis, Perak, Selangor, Terengganu dan Johor. Aspek kedua pula merupakan halangan pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan secara perundangan.

Universiti Utara Malaysia

Seterusnya, kajian meneliti kebolehlaksanaan menurut kelompongan penghujahan dari analisis data arkib dan data temu bual dari pihak kehakiman yang menterjemahkan ruang pelaksanaan penasaban bagi anak kelahiran kurang enam bulan. Akhir sekali, kajian mengetengahkan analisis kebolehlaksanaan beserta cadangan langkah pelaksanaannya sebagai memahami kebolehlaksanaan menurut perundangan yang sah di Malaysia.

Bab ini merupakan lanjutan perbincangan berdasarkan dapatan dari bab dua, tiga dan empat, yang telah memperlihat dampak keperluan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan berasaskan fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. Kajian mendapati, pandangan hukum syarak membenarkan penasaban oleh beberapa dalil dan pendalilan,

serta wujudnya keperluan dalam masyarakat oleh kemudaratan status tidak sah taraf anak. Justeru, di dalam bab ini, kajian akan mengetengahkan kelompongan yang memungkinkan pemakaiannya di peringkat perundangan.

5.1 Kebolehlaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan menurut kelompongan di dalam perundangan

Dalam usaha memahami kebolehlaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, kajian mengfokuskan kepada penelitian terhadap dua perkara, iaitu (i) fail permohonan oleh alasan anak kelahiran kurang enam bulan bagi melihat alasan penghakiman dalam kes tersebut; serta (ii) bentuk halangan dalam pelaksanaan fatwa penasaban menurut perundangan.

5.1.1 Analisis kes permohonan pengesahan taraf anak di Mahkamah Syariah

Kajian terhadap sampel fail permohonan pengesahan taraf anak oleh alasan anak kelahiran kurang enam bulan melibatkan Mahkamah Syariah di lima buah negeri iaitu negeri Perlis, Perak, Selangor, Terengganu dan Johor. Sebanyak 1,585 kes permohonan telah direkodkan sepanjang tahun 2009 hingga 2019 bagi kelima-lima negeri tersebut. Dapatan paling tinggi adalah dari negeri Selangor, iaitu sebanyak 917 kes dan dapatan paling rendah adalah dari negeri Perlis iaitu 26 kes.

Jadual 5.1

Jumlah Kes Permohonan Bagi Lima Buah Negeri

Negeri	Jumlah kes
Perlis	26
Perak	380
Selangor	917
Terengganu	224

Sambungan Jadual 5.1

Johor	38

a) Analisis kes permohonan pengesahan taraf anak di negeri Perlis

Terdapat 26 kes permohonan pengesahan taraf anak bagi negeri Perlis sepanjang 2009 hingga 2019[98]. Daripada 26 kes tersebut, terdapat lima pembahagian keputusan mahkamah iaitu 13 kes permohonan diluluskan, empat kes ditolak, tiga kes dibuang, lima kes ditarik balik oleh pemohon, dan satu kes belum selesai bicara.

Bagi memahami bentuk alasan permohonan, kesemua 26 fail telah dibuka dan dilakukan pemerhatian. Berikut merupakan jenis alasan permohonan bagi kes pengesahan taraf anak di negeri Perlis.

Jadual 5.2

Jenis alasan pengesahtarafan anak di negeri Perlis

Jenis alasan pengesahtarafan	**Bilangan kes**
Kelahiran kurang enam bulan	11
Lewat pendaftaran nikah	2
Kelahiran dari pernikahan fasid atau syubhah	8
Kelahiran selepas talak	1
Tidak dikenal pasti	4

[98] Terdapat hanya sebuah Mahkamah Tinggi Syariah sahaja bagi Negeri Perlis.

Daripada 26 kes tersebut, 11 kes adalah permohonan oleh alasan anak kelahiran kurang enam bulan. Penelitian mendapati dari 11 kes tersebut, tiga kes ditolak, tiga kes diluluskan, satu kes dibuang dan empat kes ditarik balik oleh pemohon secara sukarela. Berikut merupakan perincian fail kes tersebut:

Jadual 5.3

Fail Permohonan Oleh Alasan Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Di Negeri Perlis

No. fail	Tempoh tarikh pernikahan dengan tarikh kelahiran anak	Status
09100-006-0166-2013 (0166)	Lima bulan dua hari	Tidak sah taraf
09100-006-0142-2014 (0142)	Empat bulan 19 hari	Sah taraf
09200-006-0031-2016 (0031)	-	Ditarik balik
09200-006-0066-2016 (0066)	Empat bulan lapan hari	Ditarik balik
09200-006-0081-2016 (0081)	Empat bulan 17 hari	Sah taraf
09100-006-0006-2017 (0006)	Lima bulan 14 hari	Buang kes
09200-006-0016-2017 (0016)	Satu bulan lima hari	Tidak Sah taraf
09100-006-0088-2017 (0088)	Tiga bulan 16 hari	Tidak sah taraf
09100-006-0129-2017 (0129)	Empat bulan dua hari	Ditarik balik
09200-006-0133-2017 (0133)	Empat bulan 12 hari	Ditarik balik
09100-006-0072-2018 (0072)	Lima bulan 14 hari	Sah taraf

Bagi tiga kes yang ditolak, alasan penghakiman menunjukkan bahawa dua darinya (0088; 0166) adalah disebabkan oleh permohonan bertentangan dengan Seksyen 111 EUUKI Perlis 2006 serta wujud pengakuan zina dari Pemohon. Manakala satu kes ditolak (0016) disebabkan oleh keraguan terhadap status mastautin Pemohon.

Universiti Utara Malaysia

Bagi kes yang diluluskan pula, kajian mendapati terdapat hanya satu dari tiga kes (0081) melibatkan kelulusan pengesahan taraf anak tanpa syarat. Alasan penghakiman menjelaskan bahawa permohonan tersebut memenuhi fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh JFN Perlis walaupun berlaku pengakuan zina oleh Pemohon.

Sebaliknya, kelulusan bagi kes 0072 dan 0142 adalah kelulusan bersyarat, iaitu dibenarkan bin / binti kepada Pemohon iaitu suami si ibu namun wujud pengecualian terhadap pewalian dan pewarisan. Alasan penghakiman adalah kerana anak hanya boleh dibinkan kepada Pemohon sahaja tetapi tidak dinasabkan.

Berdasarkan kepada hal demikian, terdapat dua alasan penghakiman yang bercanggah dengan fatwa penasaban JFN Perlis, iaitu kes permohonan ditolak kerana wujud pengakuan zina oleh Pemohon, serta kes permohonan diluluskan beserta syarat pengecualian daripada pewalian dan pewarisan.

Menurut Mohamad Fauzi (2019), alasan penghakiman yang bercanggah adalah kerana pihak hakim mengambil pendapat Abdul Karim Zaidan, iaitu pengakuan zina Pemohon dalam kes pengesahan taraf anak adalah dilarang dan menghalang pensabitan nasab. Justeru, tindakan membenarkan anak dibin/ binti kepada Pemohon iaitu suami si ibu tidak bermaksud penasaban atau sah taraf anak turut tersabit. Permohonan dari Pemohon diluluskan namun, disertakan syarat pengecualian dalam pewalian dan pewarisan.

Alasan juga berkait rapat dengan perbezaan antara fatwa JFN Perlis dengan fatwa MKI dan negeri-negeri lain. Sekalipun anak kelahiran kurang enam bulan tersabit nasab dan menjadi anak sah taraf pada peringkat negeri Perlis, anak tetap berhadapan konflik pewalian dan pewarisan sekiranya keluarganya berpindah keluar dan bermastautin di negeri lain. Oleh hal demikian, Muhammad Fauzi (2019) menjelaskan bahawa, pihak

mahkamah menghormati fatwa dengan meluluskan bin / binti kepada Pemohon, namun tidak disabitkan nasab sebagaimana pihak mahkamah memahami pendapat dari Abdul Karim Zaidan berkenaan urusan anak zina tersabit oleh *aḥkām al-dunyā* semata-mata, iaitu perihal kebajikan anak tanpa membabitkan pewarisan dan pewalian.

b) Analisis kes permohonan pengesahan taraf anak di negeri Perak

Jumlah permohonan pengesahan taraf anak di negeri Perak bagi tahun 2009 sehingga 2019 adalah sebanyak 380 kes [99]. Daripada 380 kes tersebut, terdapat lima pembahagian keputusan mahkamah iaitu 138 kes permohonan diluluskan, 188 kes ditolak, 31 kes dibuang, 13 kes ditarik balik oleh pemohon, dan 10 kes belum selesai bicara.

Bagi memahami bentuk alasan permohonan, 38 fail telah dipilih secara rawak untuk dilakukan pemerhatian. Berikut merupakan jenis alasan permohonan bagi kes pengesahan taraf anak di negeri Perak.

Jadual 5.4

Jenis alasan pengesahtarafan anak di negeri Perak

Jenis alasan pengesahtarafan	Bilangan kes
Kelahiran kurang enam bulan	22
Lewat pendaftaran nikah	3
Kelahiran dari pernikahan fasid atau syubhah	9
Kelahiran selepas talak	2
Lain-lain	2

[99] Jumlah kes merangkumi tebaran dari tujuh buah MTS seluruh Perak, iaitu MTS Ipoh, MTS Taiping, MTS Parit Buntar, MTS Teluk Intan, MTS Tapah, MTS Manjung dan MTS Kuala Kangsar.

Daripada 38 buah fail permohonan pengesahan taraf anak, 22 kes adalah permohonan oleh alasan anak kelahiran kurang enam bulan. Penelitian mendapati 20 dari 22 kes permohonan tersebut adalah ditolak, kerana alasan penghakiman mensabitkan anak adalah hasil perbuatan zina. Terdapat hanya dua kes diluluskan, iaitu kes 0137 dan kes 0447. Berikut merupakan perincian fail kes tersebut:

Jadual 5.5

Fail Permohonan Oleh Alasan Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Di Negeri Perak

No. fail	Tempoh tarikh pernikahan dengan tarikh kelahiran anak	Status
08100-006-0393-2012 (0393)	Dua bulan 21 hari	Tidak sah taraf
08100-006-0422-2012 (0422)	Lima bulan 24 hari	Tidak sah taraf
08100-006-0424-2012 (0424)	Lima bulan tiga hari	Tidak sah taraf
08100-006-0448-2012 (0448)	Lima bulan tiga hari	Tidak sah taraf
08100-006-0455-2012 (0455)	Empat bulan 10 hari	Tidak sah taraf
08100-006-0486-2012 (0486)	Lima bulan 19 hari	Tidak sah taraf
08100-006-0488-2012 (0488)	Lima bulan 30 hari	Tidak sah taraf
08100-006-0540-2012 (0540)	Lima bulan 20 hari	Tidak sah taraf
08600-006-0012-2013 (0012)	Lima bulan 30 hari	Tidak sah taraf
08200-006-0013-2013 (0013)	Empat bulan 22 hari	Tidak sah taraf
08700-006-0137-2013 (0137)	Lima bulan 24 hari	Sah taraf
08700-006-0140-2013 (0140)	Lima bulan 15 hari	Tidak sah taraf
08100-006-0299-2014 (0299)	Lima bulan 27 hari	Tidak sah taraf
08100-006-0447-2014 (0447)	Lima bulan 20 hari	Sah taraf
08100-006-0576-2014 (0576)	Lima bulan 29 hari	Tidak sah taraf
08100-006-0706-2014 (0706)	Lima bulan 17 hari	Tidak sah taraf

Universiti Utara Malaysia

Sambungan Jadual 5.5

08100-006-0153-2015 (0153)	Lima bulan 28 hari	Tidak sah taraf
08100-006-0164-2015 (0164)	Lima bulan 17 hari	Tidak sah taraf
08100-006-0355-2015 (0355)	Lima bulan 30 hari	Tidak sah taraf
08100-006-0356-2015 (0356)	Dua bulan 29 hari	Tidak sah taraf
08100-006-0522-2015 (0522)	Tiga bulan 24 hari	Tidak sah taraf
08100-006-0674-2015 (0674)	Empat bulan 27 hari	Tidak sah taraf

Kes 0137 melibatkan anak kelahiran pra-matang. Pemohon bernikah pada tarikh 29 Januari 2010 dan anak dilahirkan pada tarikh 23 Julai 2010, ketika berusia 26 minggu kehamilan dengan berat 1.06 kg.

Kes 0447 pula adalah melibatkan anak kelahiran matang di usia 39 minggu kehamilan. Pemohon bernikah pada 13 Januari 2002 dan anak dilahirkan pada tarikh 3 Julai 2002, namun Pemohon kedua iaitu ibu melakukan amalan sumpah *al-muddā'ī* bahawa ibu tidak hamil semasa akad nikah dilakukan. Mahkamah mensabitkan sah taraf anak berdasarkan kepada amalan sumpah Mahkamah Syariah (Amalan 8(2)(a)[100].

Dalam masa yang sama, isu yang menjadi pemerhatian adalah alasan penghakiman bagi kes 0012, 0153, 0299, 0355 dan 0576. Hakim menjelaskan bahawa kiraan tempoh antara tarikh pernikahan dengan tarikh kelahiran menurut bulan *qamariah* adalah telah melebihi enam bulan dua *laḥzhah* (175 hari), namun Hakim tetap mensabitkan anak tersebut sebagai anak tidak sah taraf. Hakim berpendapat bahawa *iqrār* pemohon-pemohon mengenai anak telah dikandung sebelum diijab kabulkan adalah dengan sendirinya bertentangan dengan hadis *al-walad lil-fīrāsy.*

[100] Amalan sumpah apabila muddaa'ii gagal mengemukakan keterangan yang mencukupi (Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006; Amalan Sumpah Mahkamah Syariah, 2006).

Justeru, kajian mendapati keputusan sah taraf bagi kes 0137 dilihat bercanggah dengan alasan penghakiman anak zina dalam kes permohonan oleh anak kelahiran kurang enam bulan. Hal demikian kerana, kes 0137 diluluskan disebabkan oleh alasan bayi pra-matang. Namun hakikatnya, usia janin adalah enam bulan dua minggu, bermaksud anak adalah hasil pembentukan di luar pernikahan kerana jarak antara tarikh kelahiran dengan tarikh pernikahan adalah lima bulan 24 hari.

Begitu juga, terdapat satu lagi kes yang bercanggah, iaitu dari jenis alasan pernikahan syubhah. Kes 08100-006-0484-2014 (0484) melibatkan Pemohon iaitu ibu bapa yang bernikah pada 6 April 2007 di Sempadan Thailand dan anak dilahirkan matang pada 31 Oktober 2007. Mahkamah mensabitkan sah taraf anak walaupun anak dilahirkan dalam tempoh enam bulan 25 hari dari tarikh pernikahan syubhah. Sedangkan jarak enam bulan 25 hari bagi kelahiran bayi matang menunjukkan kemungkinan janin terbentuk di luar pernikahan.

c) Analisis kes permohonan pengesahan taraf anak di negeri Selangor

Selangor mencatatkan jumlah kes sebanyak 917 bagi tahun 2009 sehingga 2019[101]. Daripada 917 kes tersebut, terdapat lima pembahagian keputusan mahkamah iaitu 557 kes permohonan diluluskan, 182 kes ditolak, 91 kes dibuang, dan 65 kes ditarik balik oleh pemohon.

Bagi memahami bentuk alasan permohonan, 101 fail telah dipilih secara rawak untuk dilakukan pemerhatian. Berikut merupakan jenis alasan permohonan bagi kes pengesahan taraf anak di negeri Selangor.

[101] Jumlah kes merangkumi tebaran dari tujuh buah MRS seluruh Selangor, iaitu MRS Shah Alam, MRS Petaling Jaya, MRS Gombak Barat, MRS Gombak Timur, MRS Klang, MRS Hulu Langat, MRS Kuala Selangor, MRS Hulu Selangor, MRS Kuala Langat, MRS Sepang, MRS Ampang dan MRS Sabak Bernam.

Jadual 5.6

Jenis alasan pengesahtarafan anak di negeri Selangor

Jenis alasan pengesahtarafan	Bilangan kes
Kelahiran kurang enam bulan	23
Kelahiran kurang dari sembilan bulan	8
Kelahiran sebelum pernikahan	2
Lewat pendaftaran nikah	8
Kelahiran dari pernikahan fasid atau syubhah	47
Kelahiran selepas talak	2
Tiada rekod	3
Lain-lain	8

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 23 fail adalah membabitkan permohonan pengesahan taraf oleh alasan anak kelahiran kurang enam bulan. Keputusan menunjukkan 20 permohonan adalah ditolak, satu kes diluluskan, satu kes ditarik balik pemohon dan satu kes dibuang. Berikut merupakan perincian fail kes tersebut:

Jadual 5.7

Fail Permohonan Oleh Alasan Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Di Negeri Selangor

No. fail	Tempoh tarikh pernikahan dengan tarikh kelahiran anak	Status
10002-006-0539-2009 (0539)	Empat bulan dua hari	Tidak sah taraf
10002-006-0757-2009 (0757)	-	Tidak sah taraf
10002-006-0599-2011 (0599)	-	Tidak sah taraf
10002-006-0594-2012 (0594)	Lima bulan 17 hari	Tidak sah taraf

Sambungan Jadual 5.7

10002-006-1280-2012 (1280)	Lima bulan empat hari	Tidak sah taraf
10002-006-1452-2012 (1452)	Tiga bulan 13 hari	Tidak sah taraf
10002-006-1644-2012 (1644)	Empat bulan 28 hari	Tidak sah taraf
10002-006-0632-2015 (0632)	Lima bulan 18 hari	Tidak sah taraf
10002-006-1530-2015 (1530)	Empat bulan	Tidak sah taraf
10002-006-1875-2015 (1875)	-	Tidak sah taraf
10001-006-0047-2016 (0047)	15 hari	Tidak sah taraf
10002-006-1708-2016 (1708)	Satu bulan 13 hari	Tidak sah taraf
10002-006-2039-2016 (2039)	Lima bulan 20 hari	Tidak sah taraf
10001-006-0225-2017 (0225)	14 hari	Dibuang kes
10001-006-0381-2017 (0381)	Satu bulan lapan hari	Tidak sah taraf
10021-006-0396-2017 (0396)	Lima bulan 30 hari	Sah taraf
10001-006-0627-2017 (0627)	Dua bulan tiga hari	Tidak sah taraf
10001-006-0044-2018 (0044)	Dua bulan 12 hari	Tarik balik
10021-006-0172-2018 (0172)	Dua hari	Tidak sah taraf
10002-006-0191-2018 (0191)	Empat bulan lima hari	Tidak sah taraf
10002-006-0284-2018 (0284)	Lima bulan 29 hari	Tidak sah taraf
10002-006-0534-2018 (0534)	-	Tidak sah taraf
10002-006-0080-2019 (0080)	-	Tidak sah taraf

Kes yang diluluskan adalah kes 0396, iaitu melibatkan anak kelahiran lima bulan 30 hari atau 176 hari. Peguam membawa hujah kiraan melalui bulan *qamariah* berbanding kiraan kebiasaan dalam bulan *syamsiyah*. Dalam kes Pemohon, tempoh kehamilan melalui lima bulan yang mempunyai 29 hari dan hanya satu bulan mempunyai 30 hari.

Lalu jumlah keseluruhan enam bulan yang dimaksudkan adalah 175 hari, bukan kebiasaan kiraan 180 hari.

Dalam masa yang sama, terdapat satu kes (0599) yang ditolak pensabitan nasab, namun Hakim mengarahkan Pemohon untuk memberi nafkah bulanan dan baju raya baru kepada anak pada setiap tahun. Hal demikian disebabkan oleh wujud *iqrār* Pemohon bahawa anak adalah anak kepada Pemohon.

Di Selangor, keputusan terhadap pengesahan taraf anak kelahiran kurang enam bulan bukan sahaja dipengaruhi oleh tempoh minima kehamilan iaitu enam bulan *syamsiyah* atau kiraan 180 hari (Syukran Yusuf, 2020), namun turut melibatkan pengaruh fatwa status tidak sah taraf anak yang diputuskan oleh JFN Selangor pada tahun 2005[102]. Menurut Syukran Yusuf (2020), kenyataan, "ada bukti dari segi syarak bahawa anak tersebut ialah anak tanpa nikah melalui *iqrār* mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau empat orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut hukum syarak", adalah mengelirukan.

Terdapat Hakim Syarii menolak pengesahan taraf anak kelahiran kurang sembilan bulan atas dakwaan anak zina kerana dikandung sebelum pernikahan. Kebiasaannya penolakan sah taraf dimulai oleh tindakan menyoal Pemohon kedua iaitu ibu dengan soalan, "Adakah kamu telah mengandung sebelum bernikah?". Tindakan berikut tidak dipersetujui oleh Syukran Yusuf (2020), kerana beliau berpendapat, hal demikian

[102] *Ṣīghah* berkaitan anak tak sah taraf menurut hukum *syara'* ialah: "(1) Anak yang dilahirkan tanpa nikah sama ada hasil daripada zina, rogol atau melalui cara sainifik yang bertentangan dengan hukum *syara'*; (2) Anak yang dilahirkan kurang daripada 6 bulan 2 *laḥzhah qamariah* dari waktu *"Imkān ad Dukhūl*" dan bukan hasil daripada persetubuhan syubhat; (3) Anak yang dilahirkan lebih daripada 6 bulan 2 *laḥzhah qamariah* dari segi waktu *"Imkān ad Dukhūl"* selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi *syara'* bahawa anak tersebut ialah anak tanpa nikah melalui *iqrār* (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau 4 orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut hukum *syara'* (Warta kerajaan, 2005).

adalah bertentangan dengan pandangan ulama empat mazhab dan mengaibkan Pemohon.

Namun dalam masa yang sama, terdapat Hakim yang meluluskan permohonan pengesahan taraf anak meskipun cuma enam bulan satu hari atau 181 hari seperti fail kes bernombor 10005-006-1937-2017 (1937) dan 10005-006-1350-2017 (1350). Hal demikian kerana, Hakim membuat keputusan berasaskan pandangan hukum MKI tanpa merujuk anak tersebut sebagai anak zina. Bagi memantapkan lagi kenyakinan, pihak Hakim meminta Pemohon kedua iaitu ibu untuk melakukan sumpah penafian bahawa anak dihamilkan sebelum pernikahan.

d) Kes permohonan pengesahan taraf anak di negeri Terengganu

Di Terengganu, jumlah permohonan pengesahan taraf anak bagi tahun 2009 hingga 2019 adalah sebanyak 224 kes [103] . Daripada 224 kes tersebut, terdapat lima pembahagian keputusan mahkamah iaitu 98 kes permohonan diluluskan, 91 kes ditolak, 20 kes dibuang, lima kes ditarik balik oleh pemohon, dan lain-lain keputusan untuk 10 kes.

Bagi memahami bentuk alasan permohonan, 82 fail telah dipilih secara rawak dari jumlah asal keseluruhan kes untuk dilakukan pemerhatian. Berikut merupakan jenis alasan permohonan bagi kes pengesahan taraf anak di negeri Terengganu.

[103] Jumlah merangkumi kes yang dibicarakan di seluruh Terengganu, melibatkan MRS Kuala Terengganu, MRS Marang, MRS Dungun, MRS Hulu Terengganu, MRS Besut, MRS Kemaman dan MRS Setiau.

Jadual 5.8

Jenis alasan pengesahtarafan anak di negeri Terengganu

Jenis alasan pengesahtarafan	Bilangan kes
Kelahiran kurang enam bulan	50
Kelahiran kurang sembilan bulan	22
Kelahiran dari pernikahan fasid atau syubhah	5
Tiada rekod	3

Kajian mendapati kesemua permohonan tersebut ditolak oleh pihak mahkamah. Berikut merupakan perincian fail kes tersebut:

Jadual 5.9

Fail Permohonan Oleh Alasan Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Di Negeri Terengganu

No. fail	Tempoh tarikh pernikahan dengan tarikh kelahiran anak	Status
11006-006-0422-2011 (0422)	Lima bulan dua hari	Tidak sah taraf
11006-006-0610-2011 (0610)	Lima bulan 26 hari	Tidak sah taraf
11005-006-0698-2011 (0698)	Lima bulan 11 hari	Tidak sah taraf
11006-006-0335-2012 (0335)	Lima bulan 24 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0225-2014 (0225)	Lima bulan 26 hari	Tidak sah taraf
11006-006-0330-2014 (0330)	Lima bulan enam hari	Tidak sah taraf
11006-006-0344-2014 (0344)	Lima bulan 26 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0407-2014 (0407)	Lima bulan 15 hari	Tidak sah taraf
11006-006-0429-2014 (0429)	Lima bulan enam hari	Tidak sah taraf
11005-006-0437-2014 (0437)	Lima bulan 29 hari	Tidak sah taraf

Sambungan Jadual 5.9

11006-006-0448-2014 (0448)	Lima bulan 19 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0464-2014 (0464)	Lima bulan 26 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0589-2014 (0589)	Lima bulan 24 hari	Tidak sah taraf
11005-006-0756-2014 (0756)	Lima bulan tujuh hari	Tidak sah taraf
11005-006-0807-2014 (0807)	Lima bulan 15 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0042-2015 (0042)	Lima bulan lapan hari	Tidak sah taraf
11005-006-0196-2015 (0196)	Lima bulan 26 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0205-2015 (0205)	Sembilan hari	Tidak sah taraf
11006-006-0233-2015 (0233)	Empat bulan 27 hari	Tidak sah taraf
11006-006-0298-2015 (0298)	Empat bulan 21 hari	Tidak sah taraf
11006-006-0465-2015 (0465)	Empat bulan tujuh hari	Tidak sah taraf
11006-006-0506-2015 (0506)	Lima bulan lapan hari	Tidak sah taraf
11006-006-0526-2015 (0526)	Lima bulan 30 hari	Tidak sah taraf
11006-006-0646-2015 (0646)	Empat bulan 11 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0679-2015 (0679)	Lima bulan 13 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0727-2015 (0727)	Lima bulan 20 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0745-2015 (0745)	Lima bulan 28 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0798-2015 (0798)	Lima bulan 24 hari	Tidak sah taraf
11006-006-0818-2015 (0818)	Dua bulan dua hari	Tidak sah taraf
11006-006-0338-2016 (0338)	Lima bulan 20 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0582-2016 (0582)	Lima bulan 28 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0605-2016 (0605)	Dua bulan 19 hari	Tidak sah taraf
11007-006-1174-2016 (1174)	Tiga bulan tujuh hari	Tidak sah taraf
11006-006-0009-2017 (0009)	Lima bulan 26 hari	Tidak sah taraf

Universiti Utara Malaysia

Sambungan Jadual 5.9

11007-006-0072-2017 (0072)	Lima bulan tujuh hari	Tidak sah taraf
11007-006-0105-2017 (0105)	Lima bulan 27 hari	Tidak sah taraf
11006-006-0115-2017 (0115)	Lima bulan 18 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0187-2017 (0187)	Empat bulan 19 hari	Tidak sah taraf
11006-006-0252-2017 (0252)	Lima bulan 28 hari	Tidak sah taraf
11006-006-0308-2017 (0308)	Lima bulan 19 hari	Tidak sah taraf
11006-006-0431-2017 (0431)	Empat bulan tujuh hari	Tidak sah taraf
11006-006-0567-2017 (0567)	15 hari	Tidak sah taraf
11007-006-1168-2017 (1168)	Lima bulan 19 hari	Tidak sah taraf
11006-006-0268-2018 (0268)	Lima bulan 21 hari	Tidak sah taraf
11006-006-0285-2018 (0285)	Empat bulan 15 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0636-2018 (0636)	Lima bulan 30 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0050-2019 (0050)	Tiga bulan 28 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0092-2019 (0092)	Lima bulan 29 hari	Tidak sah taraf
11007-006-0675-2019 (0675)	Lima bulan 28 hari	Tidak sah taraf

Terdapat dua kes (0526; 0636) yang ditolak meskipun tempoh antara tarikh pernikahan dengan tarikh kelahiran sudah menjangkau lima bulan 30 hari. Hakim memberi alasan dalam penghakiman bahawa tempoh kedua-dua kes tersebut belum mencukupi sehingga mencapai enam bulan dua *laḥzhah*.

Isu yang menjadi pemerhatian adalah pada kaedah pengiraan sama ada menggunakan kiraan bulan *qamariah* atau *syamsiah*. Menurut Wan Abdul Malik (2020), kebiasaan kaedah yang diambil adalah menggunakan kiraan bulan *qamariah*. Namun, dua kes

(0526; 0636) berikut memperlihatkan keputusan dilakukan menggunakan kaedah kiraan bulan *syamsiah.*

Dalam masa yang sama, isu yang turut menjadi pemerhatian adalah mengenai keputusan Mahkamah Syariah meluluskan pensabitan nasab semua (empat)[104] kes permohonan oleh alasan anak kelahiran kurang sembilan bulan meskipun anak dilahirkan di dalam tempoh hanya enam bulan satu hari dari tarikh pernikahan Pemohon. Alasan penghakiman empat kes tersebut adalah seperti berikut:

> "Adalah anak yang lahir dalam tempoh 6 bulan 1 hari mengikut perkiraan Hijrah dalam tempoh perkahwinan antara Plaintif dan Defendan iaitu melebihi 6 bulan 1 *laḥzhah* (detik) yang membolehkan disabitkan nasab seseorang anak mengikut Hukum *Syara'*. Oleh itu SAYA sabit bahawa Nasab anak yang dilahirkan oleh Defendan (Nama dan No. Kad Pengenalan) tersebut adalah sabit kepada suaminya Plaintif (Nama dan No. Kad Pengenalan) dan hendaklah dibinkan kepadanya sebagai bapanya"

Pensabitan nasab membolehkan anak mendapatkan hak dari bapa tanpa syarat. Anak dan bapa dibenarkan untuk saling mempusakai, menjadi mahram dan dibenarkan pewalian (Wan Abdul Malik, 2020).

Menurut Wan Abdul Malik (2020), Hakim Syarii di Terengganu menolak pensabitan nasab anak kelahiran kurang enam bulan atas faktor perkiraan tempoh sahaja dan bukan disebabkan faktor anak adalah anak zina. Amalan yang dipilih Hakim adalah tidak menyelidik di sebalik perbuatan ibu bapa yang membawa kepada kehamilan atau sekiranya diberitahu oleh ibu bapa, pemberitahuan tersebut tidak direkod. Hal demikian kerana pihak Hakim menghormati pandangan Abdul Karim Zaidan dan berpegang hanya pada tempoh enam bulan dua *laḥzhah.*

[104] No. Fail Kes: 11005-006-0110-2015 (0110); 11006-006-0218-2015 (0218); 11007-006-0451-2015 (0451); dan 11007-006-0907-2016 (0907).

e) Kes permohonan pengesahan taraf anak di negeri Johor

Terdapat hanya 38 kes yang dicatatkan di negeri Johor bagi tahun 2009 hingga 2019[105]. Daripada 38 kes[106] tersebut, terdapat pembahagian kepada lima keputusan mahkamah iaitu 26 kes permohonan diluluskan, empat ditolak, satu kes dibuang, empat kes ditarik balik oleh pemohon, dan tiga kes mencapai persetujuan bersama.

Bagi memahami bentuk alasan permohonan, 21 fail telah dipilih secara rawak dari jumlah asal keseluruhan kes untuk dilakukan pemerhatian. Berikut merupakan jenis alasan permohonan bagi kes pengesahan taraf anak di negeri Johor.

Jadual 5.10

Jenis alasan pengesahtarafan anak di negeri Johor

Jenis alasan pengesahtarafan	Bilangan kes
Kelahiran kurang enam bulan	3
Lewat pendaftaran nikah	5
Kelahiran dari pernikahan fasid atau syubhah	6
Lain-lain alasan	7

Kajian mendapati, ketiga-tiga kes permohonan adalah ditolak. Berikut merupakan perincian fail kes tersebut:

[105] Perbicaraan kes melibatkan dua lokasi sahaja iaitu MTS Johor Bahru dan MTS Muar

[106] Terdapat hanya 38 kes yang dicatatkan di negeri Johor bagi tahun 2009 hingga 2019. Negeri Johor merupakan negeri kedua paling sedikit kes permohonan pengesahan taraf anak daripada lima negeri kajian kes. Namun menurut Syahrulnizam Saat (2020), kes permohonan pengesahan taraf bagi negeri Johor tidak boleh diukur dari jumlah kes 006 sahaja, kerana pengesahan taraf anak melibatkan dua kategori iaitu kategori induk dan kategori melibatkan kes-kes lain. Berdasarkan pengalaman Tuan Hakim, kategori kedua melibatkan kes-kes lain seperti kes faraid, kes nafkah anak, kes permohonan wali Hakim dan kes tuntutan mal adalah lebih banyak berbanding kes induk. Perbicaraan permohonan pengesahan taraf anak dilakukan di dalam perbicaraan asal, tanpa memerlukan pihak untuk membuka kes baru. Pihak mahkamah memilih kaedah tersebut bagi memudahkan dan tidak membebankan pihak-pihak terlibat. Tuan Hakim membuat kesimpulan bahawa kes pengesahan taraf anak bagi negeri Johor adalah melebihi angka 38 kes. Namun begitu, kajian mengkhususkan kepada angka asal iaitu 38 kes.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 5.11

Fail Permohonan Oleh Alasan Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan Di Negeri Johor

No. fail	Tempoh tarikh pernikahan dengan tarikh kelahiran anak	Status
01100-006-0924-2015 (0924)	Lima bulan 19 hari	Tidak sah taraf
01100-006-0174-2017 (0174)	Dua bulan lapan hari	Tidak sah taraf
01100-006-0929-2017 (0929)	Lima bulan 29 hari	Tidak sah taraf

Hakim Syarii menolak pensabitan nasab anak kerana tempoh tarikh kelahiran dengan tarikh pernikahan adalah di bawah enam bulan sekaligus memberi maklum bahawa status anak dihamilkan oleh aktiviti zina.

*** Berdasarkan kepada semakan dari alasan penghakiman dalam kes permohonan pengesahan taraf oleh kelahiran kurang enam bulan, terdapat isu permohonan bagi kelahiran lima bulan 30 hari yang ditolak atau diterima berserta syarat oleh tiga alasan, iaitu:

(i) Permohonan ditolak oleh alasan belum mencapai enam bulan dua *laḥzhah*.

(ii) Permohonan ditolak walaupun telah mencukupi enam bulan dua *laḥzhah* oleh alasan anak adalah hasil perbuatan zina.

(iii) Permohonan diterima berserta syarat pengecualian pewarisan dan pewalian oleh alasan menurut pendapat Abdul Karim Zaidan.

Bagi alasan jenis pertama, kajian melihat kepada keterikatan penghakiman terhadap pandangan yang mengambil kiraan enam bulan dalam bentuk 180 hari menurut Syafi'iyah, sedangkan di dalam kiraan bulan *qamariah* menurut Malikiyah sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam bab dua, 175 hari atau lima bulan 27 hari sudah mencukupkan enam bulan dua *laḥzhah*.

Universiti Utara Malaysia

Sebaliknya alasan jenis kedua merupakan penghakiman yang tidak mengambil pandangan mengenai syarat tempoh kehamilan enam bulan, sebaliknya mengambil pandangan yang menolak pensabitan nasab oleh status anak zina sekalipun anak adalah kelahiran enam bulan dua *laḥzhah*. Hal demikian adalah bertentangan dengan ulama empat mazhab sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam bab dua.

Alasan penghakiman jenis ketiga pula merupakan sabitan sah taraf, namun disertakan syarat pengecualian pewalian dan pewarisan oleh dakwaan mengguna pakai pandangan *aḥkām al-dunyā* menurut Abdul Karim Zaidan. Sedangkan kajian mendapati, istilah *aḥkām al-dunyā* yang dimaksudkan oleh Abdul Karim (1993) adalah, penasaban tersabit di dalam pemakaian kehidupan di dunia, namun menurut penilaian di akhirat adalah bergantung kepada penilaian dan penghisaban dari Allah SWT[107].

Ketiga-tiga alasan penghakiman tersebut merupakan isu percanggahan yang membawa kepada kelompongan dalam pelaksanaan perundangan sedia ada. Isu percanggahan alasan penghakiman tersebut seterusnya di bawa ke dalam perbincangan subtopik "Kelompongan penghujahan yang membolehkan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan"

Selain itu, terdapat kes permohonan pengesahan taraf yang ditarik balik oleh Pemohon secara sukarela kerana melihat kepada undang-undang sedia ada yang tidak dapat mensabitkan sah taraf anak. Menurut Mohammad Fauzi (2019), kebiasaannya kes permohonan ditarik balik adalah berlaku selepas Hakim Syarii memberi penerangan

[107] "Secara perundangan (*qada'an*) beliau bersependapat dengan Abu Hanifah iaitu boleh mem"bin/binti"kan anak zina kepada bapa biologi jika mereka berkahwin sebelum melahirkan anak tersebut, namun secara hukum agamanya (*diniyyan*) beliau bersama jumhur ulama yang tidak menyabitkan nasab tersebut. Justeru, jika isu itu berlaku maka dari sudut perundangan sabit nasab tetapi dari sudut dosa terpulanglah kepada Allah SWT, jika Dia ingin mengampunnya diampunkan sebaliknya jika ingin diazab maka diazab oleh Allah SWT" (petikan Lukman Abdul Mutalib et al (2021), hal. 796)

mengenai percanggahan alasan permohonan dengan Enakmen sedia ada, dan menyebabkan keberangkalian untuk diluluskan adalah mustahil. Lalu, Pemohon memilih untuk menarik balik kes yang belum selesai dibicarakan lagi.

Dalam hal demikian, kajian melihat kepada wujudnya keperluan dari pihak Pemohon terhadap status sah taraf, namun belum terdapat ruang dalam pemakaian di peringkat perundangan yang membantu memberi penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi oleh Pemohon.

5.1.2 Halangan kepada pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

Berdasarkan kepada dapatan dari temu bual bersama Hakim Syarii, kajian telah mengenal pasti halangan dalam pelaksanaan fatwa penasaban dari sudut pentadbiran dan perundangan, dengan pembahagian perbincangan ke dalam dua kategori, iaitu: (i) Halangan pelaksanaan di peringkat negeri Perlis; serta (ii) Halangan pelaksanaan di peringkat MKI. Namun demikian, kajian mendapati bahawa halangan tersebut adalah boleh diatasi sehingga pelaksanaannya boleh dilaksanakan menurut sistem perundangan dan pentadbiran di Malaysia. Justeru, di dalam subtopik berikut, kajian mengetengahkan bentuk halangan beserta cadangan dalam mengatasinya.

i. Halangan pelaksanaan di peringkat negeri Perlis

Terdapat dua bentuk halangan di peringkat negeri Perlis yang menyebabkan proses pelaksanaan fatwa terganggu meskipun fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan telah diputuskan pada tahun 2008 serta diwartakan pada tahun 2012. Dua halangan tersbeut adalah: (a) Konteks fatwa yang diwartakan JFN Perlis; serta (b) Pewartaan tidak disusuli oleh pindaan Enakmen UUKI.

a) Halangan pertama: Konteks fatwa yang diwartakan JFN Perlis

Pada tahun 2008, kemudian disusuli pewartaan pada tahun 2013, fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dikeluarkan dengan *ṣīghah* seperti berikut:

> "Anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami" (Enakmen Pentadbitan Agama Islam 2006)

Menurut Syahrulnizam Saat (2020), petikan teks fatwa adalah terlalu ringkas dan tidak disertakan keterangan dan perincian berkaitan tiga isu penting iaitu:

- Status anak kelahiran kurang enam bulan. Persoalan berbangkit adalah: Adakah status anak tersebut adalah menyamai anak zina?
- Status dibinkan kepada suami ibunya. Persoalan berbangkit adalah: Adakah dibinkan itu bermaksud *bunuwwah* dalam perkara keduniaan sahaja atau bermaksud dinasabkan?
- Status *al-āthār al-mutarātibah* selepas penasaban. Persoalan berbangkit adalah: Bagaimanakah hukum susulan ke atas anak selepas penasaban?

Walaupun telah berlaku perincian dalam perbincangan, sehingga membawa kepada keputusan fatwa susulan iaitu fatwa berkaitan *mīrāth*, wali perkahwinan dan *maḥramiyyah* bagi anak tidak sah taraf (2021), keputusan tersebut tidak mencapai taraf teks perundangan. Pelaksanaan undang-undang hanya boleh merujuk kepada teks yang telah diwartakan tanpa mengambil kira maksud di sebalik pewartaan atau keputusan mesyuarat fatwa tanpa pewartaan[108]. Selain itu, kajian juga mendapati fatwa susulan berkaitan *al-āthār al-mutarātibah* tersebut, adalah fatwa umum melibatkan

[108] Seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006, Subskesyen (9), iaitu: "Apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa tidak boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika pernyataan itu disiarkan dalam Warta menurut subseksyen (6)"

keseluruhan anak tidak sah taraf yang telah disabitkan sah taraf oleh Mahkamah Syariah (Roslan Esa, 2021).

Cadangan dalam mengatasinya: Terdapat dua pihak yang terlibat di dalam proses tersebut iaitu JFN Perlis dan MAIPs.

- **Langkah Satu: Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis**

Pada peringkat JFN Perlis, pemilihan terhadap dua keputusan adalah perlu dilakukan sebagai langkah pertama ke arah penambah baikan pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, iaitu sama ada: a. Mengekalkan teks asal fatwa; atau b. Menyemak semula teks fatwa. Berikut merupakan dua keputusan yang perlu dilakukan pemilihan, serta langkah yang perlu diambil sekiranya keputusan berikut dipilih.

a. Keputusan mengekalkan teks asal fatwa

Teks asal fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan yang dikekalkan adalah perlu disusuli dengan satu langkah dari JFN Perlis, iaitu seperti berikut:

Memohon pewartaan fatwa susulan dari MAIPs

JFN Perlis perlu membuat permohonan pewartaan fatwa dari ahli MAIPs terhadap keputusan yang disepakati pada tahun 2021, sebagai susulan kepada menjawab teks asal fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan yang tidak lengkap, iaitu fatwa berkaitan *mīrāth*, wali perkahwinan dan *maḥramiyyah* anak tidak sah taraf:

> "Anak yang telah dibinkan oleh mahkamah kepada bapanya, mereka saling mewarisi harta pusaka, terlaksana hukum-hakam perwalian dan *mahramiyyah* (status mahram)" (Fatwa berkaitan, 2021. Hal. 7)

Fatwa susulan boleh diwartakan dengan *ṣīghah* yang sama atau *ṣīghah* lain yang dirasakan sesuai oleh ahli JFN Perlis. Menurut Roslan Esa (2021), pewartaan fatwa

Universiti Utara Malaysia

susulan adalah tindakan paling pantas dan mudah untuk dilakukan berbanding penyemakan semula teks asal fatwa.

b. Keputusan menyemak semula teks fatwa

Pilihan kedua bagi JFN Perlis adalah dengan membuat semakan semula ke atas teks asal fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, agar keterangan berkaitan fatwa dapat dimasukkan sebagai satu teks lengkap. Meskipun terdapat fatwa susulan yang telah diputuskan oleh JFN Perlis pada tahun 2021[109], kajian mendapati semakan semula fatwa asal bagi pindaan kepada sebuah teks fatwa yang lengkap adalah lebih baik, berdasarkan kepada dua alasan:

- Fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan menjadi pemerhatian pihak-pihak di Malaysia kerana perbezaan fatwa adalah hasil mekanisma yang tidak sama dalam metode sumber rujukan antara MKI[110] dan JFN Perlis[111]. Terutama, isu Nasional yang disentuh adalah keperluan setiap manusia iaitu, status penasaban atau sah taraf.
- Teks fatwa dari kedua-dua agensi tersebut adalah penting dalam proses rujukan dan penerangan. Berikut merupakan perbandingan *ṣīghah* antara fatwa MKI mengenai anak tidak sah taraf dengan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dari JFN Perlis:

[109] Fatwa berkaitan *mīrāth*, wali perkahwinan dan *maḥrāmiyyah* bagi anak tidak sah taraf dengan *ṣīghah* seperti berikut:
"Anak yang telah dibinkan oleh mahkamah kepada bapanya, mereka saling mewarisi harta pusaka, terlaksana hukum-hakam perwalian dan mahramiyyah (status mahram)" (Fatwa berkaitan, 2021. Hal. 7)
[110] "13. Dalam mengeluarkan apa-apa pandangan hukum atau fatwa, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut *qawl* muktamad Mazhab Syafii" (Garis panduan pengeluaran, 2017. Hal. 8)
[111] Seksyen 54, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis:
"(1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengikut AI-Quran dan atau Sunnah Rasulullah *Sallallahualaihi Wassalam*" (Enakmen Pentadbiran Agama, 2008)

Jadual 5.12

Perbandingan Teks Antara Fatwa MKI Dengan Fatwa JFN Perlis

Isu	Fatwa MKI	Fatwa JFN Perlis
	"(a) Anak tak sah taraf ialah: (i) Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan; (ii) Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 *laḥzhah* (saat) mengikut Takwim *Qamariah* daripada tarikh *tamkīn* (setubuh). (b) Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusa kai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali"	"Anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami"
Status anak	"(i) Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan; (ii) Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 *laḥzhah* (saat) mengikut Takwim *Qamariah* daripada tarikh *tamkīn* (setubuh) …"	"Anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin …"
Status nasab kepada suami ibu	"… (b) Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada	Tiada

Universiti Utara Malaysia

Sambungan Jadual 5.12

	lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut …"	
Status *al-āthār al-mutarātibah* selepas pensabitan	"… Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali"	Tiada

Berdasarkan perbandingan berikut, kajian mendapati *ṣīghah* pandangan hukum anak tidak sah taraf dari MKI adalah lebih lengkap berbanding fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dari JFN Perlis.

Oleh hal demikian, kajian melihat kepada keperluan untuk disemak semula teks asal fatwa penasaban secara *jāmi' māni'* atau tindakan melihat keseluruhan konteks, kerana *ṣīghah* yang lengkap memudahkan rujukan berbanding fatwa susulan yang berasingan.

Sekiranya JFN Perlis memilih untuk menyemak semula teks asal fatwa, terdapat satu langkah yang perlu dilakukan oleh JFN Perlis, iaitu:

Meminda semula fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

JFN Perlis perlu meminda semula teks fatwa oleh JFN Perlis bagi menjawab tiga isu utama iaitu:

- Anak kelahiran kurang enam bulan adalah merangkumi anak yang dihamilkan oleh aktiviti seksual sebelum pernikahan seperti penzinaan atau jenayah rogol.

Universiti Utara Malaysia

- Anak dinasabkan kepada suami si ibu serta membolehkan anak dibinkan kepada lelaki terbabit.
- Penasaban membawa kepada hukum susulan antara anak dengan bapa termasuk dalam hal nafkah, mahram, pewalian dan pewarisan.

Usul teks fatwa yang diperbaharui adalah dengan *ṣīghah* seperti berikut:

> "Anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dinasabkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami.
>
> Penasaban melibatkan:
>
> (1) Anak yang lahir kurang enam bulan oleh sebab masalah kesihatan atau kehamilan berlaku sebelum pernikahan sama ada dari aktiviti seksual atau jenayah seksual; (2) Pensabitan hukum antara anak dengan bapa dalam perihal *bunuwwah*, nafkah, mahram, pewalian dan pewarisan"

i. Langkah Dua: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Perlis (MAIPs) merupakan agensi yang menguruskan pewartaan keputusan fatwa menurut Seksyen 48(6) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006[112]. Justeru, terdapat hanya satu langkah yang perlu dilakukan oleh ahli Majlis MAIPs selepas keputusan fatwa dikeluarkan oleh JFN Perlis tanpa mengira sama ada JFN Perlis memilih untuk membuat permohonan pewartaan ke atas fatwa susulan[113]; atau permohonan pewartaan ke atas teks fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan selepas pindaan[114].

---

[112]Seksyen 48. Tatacara pembuatan fatwa: "(6) Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, Majlis hendaklah memaklumkan Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan selepas itu hendaklah menyebabkan fatwa itu disiarkan dalam Warta"

[113] Fatwa berkaitan *mīrāth*, wali perkahwinan dan *maḥrāmiyyah* bagi anak tidak sah taraf dengan *ṣīghah* seperti berikut: "Anak yang telah dibinkan oleh mahkamah kepada bapanya, mereka saling mewarisi harta pusaka, terlaksana hukum-hakam perwalian dan mahramiyyah (status mahram)" (Fatwa berkaitan, 2021. Hal. 7)

[114] Usul teks fatwa yang diperbaharui adalah dengan *ṣīghah* seperti berikut:
"Anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dinasabkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami.
Penasaban melibatkan: (1) Anak yang lahir kurang enam bulan oleh sebab masalah kesihatan atau kehamilan berlaku sebelum pernikahan sama ada dari aktiviti seksual atau jenayah seksual; (2) Pensabitan hukum antara anak dengan bapa dalam perihal bunuwwah, nafkah, mahram, pewalian dan pewarisan"

a. Mewartakan teks fatwa yang telah diputuskan pada peringkat negeri Perlis

Ahli Majlis MAIPs perlu merafak fatwa kepada DYMM Tuanku Raja Perlis agar fatwa diwartakan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan disiarkan di Warta Negeri. Teks pewartaan tersebut sama ada melibatkan satu teks lengkap selepas pindaan atau teks yang dibawa secara berasingan, kedua-duanya menjadi asas kepada perbincangan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

b) Halangan kedua: Pewartaan tidak disusuli oleh pindaan Enakmen UUKI

Pewartaan fatwa penasaban di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Enakmen 4 Tahun 2006) pada tahun 2013, tanpa disusuli pindaan Enakmen UUKI 2006 telah membawa kepada kesukaran pelaksanaannya di peringkat Mahkamah Syariah Negeri Perlis sendiri (Mohamad Fauzi, 2019). Dua seksyen berkaitan pensabitan sah taraf anak di dalam Enakmen UUKI yang dimaksudkan adalah:

> Seksyen 111: "Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan *qamariah* dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun *qamariah* selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara *li'an* atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah"
> Seksyen 115: "Jika seseorang lelaki mengaku seorang lain, sama ada dengan nyata atau dengan tersirat, sebagai anaknya yang sah, lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu jika, syarat-syarat yang berikut dipenuhi, iaitu-(a) tiada seseorang lain disifatkan sebagai bapa anak itu; (b) perbezaan antara umur lelaki itu dengan umur anak itu memunasabahkan pertalian antara mereka sebagai bapa dan anak; (c) jika anak itu telah akil baligh, di mana dia boleh membuat keputusan, anak itu telah mempersetujui tentang dia diakui sebagai anak; (d) lelaki dan ibu anak itu mungkin boleh disatukan dengan sah dalam perkahwinan pada masa pembenihan; (e) pengakuan itu bukannya cuma mengakui anak itu sebagai anaknya, bahkan mengakui anak itu sebagai anak sahtarafnya; (f) lelaki itu adalah berkeupayaan membuat kontrak; (g) pengakuan itu dibuat dengan tujuan semata-mata untuk memberi taraf kesahtarafan; atau (h) pengakuan itu adalah jelas maksudnya dan anak itu adalah diakui sebagai anak kandungnya" (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Perlis 2006, 2008).

Cadangan dalam mengatasinya: Terdapat dua pihak yang terlibat di dalam proses tersebut iaitu MAIPs dan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis.

ii. Langkah Satu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis

Selepas fatwa diperkanan dan diwartakan di bawah Seksyen 48 Enakmen Pentabiran Agama Islam, MAIPs perlu melaksanakan satu langkah, iaitu:

a. Membawa fatwa kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri

Fatwa yang telah diwartakan perlu dibawa kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis. Hal demikian kerana, Penasihat Undang-Undang membantu meneliti dan membentuk draf pindaan dalam Enakmen Undang-Undang Negeri sedia ada mengikut fatwa yang diwartakan.

- **Langkah Tiga: Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis**

Penasihat Undang-Undang Negeri merupakan wakil Jabatan Peguam Negara Malaysia dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, sebagai penasihat hal ehwal perundangan pada peringkat negeri, termasuklah dalam perihal menggubal atau menyemak semula teks perundangan dan Enakmen Negeri (*Perundangan*, t.t). Terdapat tiga perkara yang perlu dilakukan oleh Pegawai Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis.

a. Menyediakan draf pindaan Enakmen

Teks perundangan usul pindaan yang disediakan perlu merangkumi dua perkara penting iaitu usul pindaan Enakmen UUKI, dan usul pindaan Enakmen Jenayah Syariah.

Universiti Utara Malaysia

a) Pindaan Enakmen UUKI

- Siapakah yang dikaitkan dengan bapa. Pindaan perlu dilakukan dari syarat enam bulan kehamilan bagi pensabitan nasab anak kepada kelahiran di dalam tempoh pernikahan ibu dan bapa.

  Dalam masa yang sama, pindaan mengenai sokongan ujian DNA bagi anak yang dinafikan oleh bapa perlu dimasukkan sebagai keterangan di dalam bahagian tersebut. Hal demikian kerana ujian DNA adalah hak ibu bagi membersihkan tuduhan dan mensabitkan nasab anak.

- Syarat-syarat bagi pengakuan yang sah. Pindaan melibatkan syarat pernikahan berlaku dalam masa pembenihan kepada syarat pernikahan berlaku dalam masa kelahiran anak.

b) Pindaan Enakmen Jenayah Syariah

Pindaan yang dimaksudkan adalah peruntukan Seksyen berhubung persetubuhan luar nikah. Bagi negeri Perlis, Enakmen Jenayah Syariah hanya memperuntukan Seksyen 15 bagi kesalahan hamil luar nikah. Peruntukan tersebut melibatkan perempuan hamil tanpa pernikahan sahaja, namun tidak mensabitkan kesalahan ke atas lelaki yang menjadi pelaku.

Justeru diusulkan pindaan bagi Enakmen Jenayah Syariah Negeri dalam peruntukan hukuman persetubuhan luar nikah. Pindaan berikut perlu memasukkan perincian perihal bapa yang memohon pengesahtarafan anak kelahiran kurang enam bulan. Pensabitan hukuman dari peruntukan tersebut menjadi syarat pensabitan nasab anak ke atas bapa biologi.

b. Membawa usul pindaan Enakmen ke Dewan Undangan Negeri

Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah penggubal kepada perundangan dan dasar negeri (Peranan & Keahlian, t.t). Justeru, dalam pelaksanaan penasaban anak kelahiran

kurang enam bulan pada peringkat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri, DUN Perlis berperanan dalam meluluskan usul pindaan Enakmen UUKI dan Enakmen Jenayah Syariah.

c. Menguruskan pewartaan Enakmen selepas pindaan

Usul pindaan Enakmen yang telah diluluskan oleh DUN kemudiannya dibawa semula ke Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri. Pegawai Undang-Undang perlu menguruskan penggubalan Enakmen yang telah dipinda bagi penyiaran dalam Warta Kerajaan Negeri Perlis (*Perundangan*, t.t.). Setelah diwartakan, Enakmen selepas pindaan adalah terpakai dalam undang-undang di Mahkamah Syariah oleh mana-mana pihak.



Rajah 5.1. Halangan pelaksanaan di peringkat negeri Perlis

ii. Halangan pelaksanaan di peringkat MKI

Halangan di peringkat MKI sebenarnya turut merupakan halangan di peringkat pelaksanaan di negeri-negeri lain. Hal demikian kerana, yang dimaksudkan sebagai halangan bagi kategori ini adalah halangan dari sudut proses *istinbāṭ* hukum di peringkat ahli Mesyuarat MKI dan ahli JFN negeri lain, iaitu halangan oleh ketetapan Garis panduan pengeluaran fatwa oleh MKI.

a) Ketetapan Garis panduan pengeluaran fatwa oleh MKI

Dalam Garis panduan pengeluaran fatwa (2017), MKI meletakkan secara jelas kenyataan berikut:

> "Dalam proses mengeluarkan hukum atau fatwa, kebanyakan negeri secara lazimnya akan mengeluarkan hukum atau fatwa berasaskan *qawl* muktamad Mazhab Syafi'i. Sekiranya *qawl* muktamad Mazhab Syafi'i bertentangan dengan kepentingan awam, mana-mana *qawl* muktamad Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali, atau mana-mana mazhab lain yang kaedah *istinbāṭ* hukumnya hampir kepada aliran-aliran ini boleh dirujuk. Jika dengan merujuk *qawl-qawl* muktamad tersebut Jawatankuasa Fatwa berpandangan terdapat percanggahan dengan kepentingan awam, maka Jawatankuasa Fatwa boleh menggunakan ijtihad mereka sendiri" (Hal. 4)

Ketetapan pertama dalam proses mengeluarkan pandangan hukum atau fatwa adalah mesti berasaskan *qawl* muktamad Mazhab Syafii. Hal demikian jelas menunjukkan bahawa MKI berpegang kepada pendapat Mazhab Syafii sebagai mazhab rujukan.

Ketetapan tersebut adalah seiring dengan '*qawl* muktamad yang hendaklah diikuti', menurut Enakmen Pentadbiran setiap negeri di Malaysia kecuali Perlis. Kajian mengetengahkan tiga negeri sahaja sebagai contoh, iaitu negeri Johor, negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

- Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003:

> Seksyen 54. Qaul muktamad yang hendaklah diikuti: (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatan kuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad

(pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie; (2) Jika Jawatan kuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatan kuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali; (3) Jika Jawatan kuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

- Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003:

  Seksyen 54. Qaul muktamad yang hendaklah diikuti: (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie; (2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali; (3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

- Menurut Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993:

  Seksyen 39. Nas-nas yang hendaklah diikuti: (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 34, atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 38, Mufti hendaklah pada lazimnya mengikut pandangan-pandangan diterima (qaul muktamad) Mazhab Syafie; (2) Jika Mufti berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie akan membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali; (3) Jika Mufti berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah menyelesaikan persoalan itu mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana Mazhab yang empat itu.

Universiti Utara Malaysia

Kajian mendapati, sejarah kedatangan Islam ke bumi Melaka melalui pendakwah dari Semenanjung Tanah Arab yang ketika itu merupakan wilayah Islam di bawa pengaruh Mazhab Syafi'ii memainkan peranan dalam mengangkat mazhab tersebut sebagai mazhab utama di Tanah Melayu. Rujukan dan panduan dari para pendakwah bermazhab Syafi'ii telah menjadikan praktik ibadah dan kehidupan majoriti orang Islam di Tanah Melayu adalah berpandukan kepada mazhab tersebut (Abdullah Ishak, 1992). Lebih-lebih lagi Mazhab Syafi'ii merupakan mazhab yang mempunyai perbincangan mendalam dan meluas perihal hukum syarak serta yang pertama di dalam ilmu usul fiqh (Mohd Yusri Ibrahim, 2019). Hukum Kanun Melaka turut mengguna pakai undang-undang seperti muamalat, munakahat dan jenayah berasaskan pendapat Mazhab Syafi'ii. Asas perundangan tersebut seterusnya diangkat menjadi pewartaan yang mengikat orang beragama Islam di bawah pegangan Mazhab Syafi'ii menurut Enakmen negeri masing-masing, kecuali Perlis (Muhammad Ikhlas, Mohd Anuar, Mohd Farhan, & Syamsul Azizul, 2015).

Universiti Utara Malaysia

Meskipun MKI tiada ketetapan Akta atau Enakmen yang mengikatnya dengan mazhab tertentu, namun sebagai persidangan yang diwakili oleh Mufti-Mufti negeri (*Jawatankuasa Muzakarah Majlis*, t.t) yang telah terikat oleh Enakmen negeri masing-masing, MKI juga turut terikat untuk menjadikan Mazhab Syafi'ii sebagai mazhab utama rujukan.

Namun demikian, dalam masa yang sama, MKI tidak mengeluarkan penjelasan atau ketetapan had mengenai maksud ayat 'bertentangan dengan kepentingan awam'[115] di dalam Garis panduan pengeluaran fatwa (2017). Tanpa penjelasan maksud ayat

[115] Hal ini kerana 'kepentingan awam' adalah sesuatu yang tidak dapat ditetapkan kerana tertakluk kepada *'urf* dan adat kebiasaan masyarakat setempat dan keadaan semasa masyarakat tersebut. Kepentingan tersebut boleh berubah mengikut perubahan masa dan tempat.

tersebut, proses perubahan kepada ketetapan kedua, iaitu rujukan boleh dilakukan terhadap *qawl* muktamad Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali adalah sukar dilakukan.

Menurut Syukran Yusuf (2020), selaku agensi yang terlibat sebagai rujukan kukuh perundangan dan masyarakat beragama Islam di Malaysia, MKI perlu bersikap terbuka dan berilmiah dalam membahas hukum syarak tanpa dipengaruhi oleh tuduhan atau pandangan skeptik terhadap sesuatu hujah. Lebih-lebih lagi sekiranya pendapat yang berbeza tersebut adalah berasaskan hujah kuat dan jelas.

Cadangan dalam mengatasinya: Terdapat dua pihak yang terlibat di dalam proses tersebut iaitu MKI atau Jawatankuasa Fatwa Negeri berdasarkan kepada lokaliti pelaksanaan. Kajian menggabungkan perbincangan kedua-duanya sekali kerana melihat kepada proses pelaksanaan yang sama, namun penggunaan istilah MKI lebih diutamakan dengan turut memaksudkan sebagai JFN.

iii. Langkah Satu: Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

Isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan perlu diusulkan pada peringkat MKI sekiranya pelaksanaan melibatkan peringkat Persekutuan. Usul perlu melalui muzakarah Jawatankuasa Muzakarah MKI kerana melibatkan permohonan pihak-pihak tertentu, berbanding mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah MKI yang hanya melibatkan permohonan Majlis Raja-Raja sahaja (Jawatankuasa Muzakarah, t.t). Sekiranya pelaksanaan di peringkat negeri sahaja, usul perlu dibawa kepada muzakarah di peringkat JFN.

Terdapat satu langkah perlu diambil oleh MKI atau JFN sebagai titik pemula pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

Universiti Utara Malaysia

a. Melangsungkan muzakarah Jawatankuasa MKI berasaskan Garis Panduan Pengeluaran Fatwa yang telah dikeluarkan oleh MKI

Menurut Syukran Yusof (2020), hakikatnya fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan boleh diaplikasikan perbincangannya di dalam muzakarah MKI atau mesyuarat fatwa JFN tanpa permasalahan perundangan kerana berdasarkan kepada Garis panduan pengeluaran fatwa (2017), sesuatu pendapat boleh dipertimbangkan pelaksanaannya selagimana merupakan pendapat mazhab tidak kira Hanafi, Maliki dan Hanbali, serta didapati *maṣlaḥah* pendapat tersebut mendahului pendapat Mazhab Syafii. Kajian berpendapat, kenyataan tersebut menunjukkan bahawa MKI terikat dengan Mazhab Syafii di dalam sebarang pengeluaran pandangan hukum termasuk di dalam isu ini, namun terdapat ruang kertebukaan di dalam pertimbangan terhadap penerimaan *qawl* muktamad mazhab muktabar yang lain. Namun begitu, terserah kepada MKI atau JFN di dalam penentuan tersebut.

Asasnya, isu penasaban adalah layak untuk dibahaskan secara akademik dan diberi ruang untuk diusulkan pelaksanaannya. Hal demikian kerana, pensabitan nasab anak kelahiran kurang enam bulan telah dibuktikan sebagai *qawl* muktamad Mazhab Hanafi serta disokong oleh pendapat ulama lain terhadap penasaban anak zina seperti Ibnu Taimiyah, Ibnu Qayyim al-Jauziyah, serta *Salafus ṣālīḥ* seperti Hasan al-Basri, Ibrahim Adham, Ishak bin Rahuyah, Urwah bin Zubair dan Sulaiman bin Yasar.

Dalam memperhalusi *maṣlaḥah*, MKI atau JFN boleh bertindak dengan mengkaji:

a) Permasalahan dari status tidak sah taraf. MKI atau JFN boleh memanggil agensi yang terlibat secara langsung dalam isu tersebut seperti JKM, NGO ibu hamil tanpa pernikahan dan NGO kanak-kanak.

b) Perbezaan jumlah lelaki penzina yang mahu bertanggungjawab dengan statistik sebenar anak status tidak sah taraf oleh pelaksanaan pandangan hukum sedia ada. Kajian perlu melibatkan penyelidikan terhadap kes-kes sedia ada yang banyak membuktikan bahawa bapa penzina berlepas tangan kerana tiada dorongan atau mekanisma yang mengikat bapa untuk bertanggungjawab terhadap kesalahan bersama.

c) Permasalahan yang perlu ditangani oleh masyarakat dan negara oleh faktor anak tidak sah taraf.

d) Pertimbangan hukuman untuk ibu dan bapa kepada anak kelahiran kurang enam bulan atas kesalahan aktiviti seksual sebelum pernikahan. Hal demikian bagi menjawab pertuduhan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah fatwa yang menggalakkan penzinaan. Pemohon yang tetap memilih untuk berhadapan hukuman bagi mensabitkan nasab anak adalah bukti penjagaan *maṣlaḥah*.

Berkenaan isu *maṣlaḥah* yang dibawa oleh fatwa, perbincangan lanjut akan diketengahkan di dalam subtopik 'kebolehlaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan menurut kelompongan di dalam penghujahan'.



Rajah 5.2. Halangan pelaksanaan di peringkat MKI

5.2 Kebolehlaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan menurut kelompongan di dalam penghujahan

Semakan alasan penghakiman serta penelitian terhadap respon Hakim Syarii menunjukkan bahawa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah boleh dilaksanakan. Hal demikian disebabkan oleh wujudnya percanggahan dan pertindihan yang menjadi bukti kelompongan. Walaupun terdapat halangan secara teknikal dari sudut perundangan dan pentadbiran, kajian mendapati halangan tersebut adalah boleh diatasi.

Berdasarkan kajian kes di Mahkamah Syariah, terdapat kelompongan pada lima isu utama berkaitan dakwaan atau penghujahan yang boleh dijawab, sekaligus memungkinkan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Lima dakwaan tersebut adalah: (i) Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan tidak mempunyai sumber hujah syarak; (ii) Anak kelahiran kurang enam bulan tidak boleh dinasabkan kerana anak zina; (iii) Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan akan menggalakkan lagi aktiviti zina di dalam masyarakat; (iv) Permasalahan status tidak sah taraf belum mencapai tahap kemudaratan yang perlu ditangani dengan penasaban; dan (v) Isu tidak sah taraf bersifat kemaslahatan individu bukan kemaslahatan umum. Perincian perbincangan terhadap lima dakwaan berikut adalah seperti berikut:

5.2.1 Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan tidak mempunyai sumber hujah syarak.

Pendapat dari Ketua Pendaftar MTS Terengganu merupakan tanggapan yang tidak tepat memandangkan dalil dan kaedah pendalilan mengenai penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah jelas berdasarkan hadis yang bermaksud:

> *"anak itu untuk al-firāsy, dan bagi penzina ditegah" (Hadis Riwayat al-Bukhari no. 6749)*

Sebagaimana telah dibincangkan di dalam bab dua, hadis tersebut merupakan dalil yang diguna pakai oleh ulama yang menolak penasaban anak zina, serta dalam masa yang sama turut menjadi dalil bagi ulama yang menerima penasaban anak zina dan anak kelahiran kurang enam bulan. Namun, kaedah pemahaman hadis tersebut adalah berbeza di antara kedua-dua pihak yang berselisih pendapat sehingga menyebabkan berlakunya kesimpulan hukum yang berbeza, seperti berikut:

i. Anak perlu dihasilkan dari benih dalam tempoh pernikahan. Pemahaman ini diambil daripada *mantuq* (apa yang disebut dalam hadis) *"anak itu untuk al-firāsy"*

ii. Anak yang dilahirkan di dalam pernikahan dan tidak berlaku penafian oleh si suami. Pemahaman ini diambil daripada mafhum (apa yang difaham daripada hadis) *"anak itu untuk al-firāsy"*

iii. Anak yang tidak dilahirkan di dalam pernikahan, dan bapa penzina mengakuinya sebagai anak dalam keadaan berlakunya perebutan terhadap anak oleh pemilik *al-firāsy* dan lelaki penzina. Pemahaman ini diambil daripada mafhum (apa yang difaham daripada hadis) *"anak itu untuk al-firāsy"*

Sebaliknya pendapat mewajibkan syarat penasaban adalah ke atas anak kelahiran melebihi enam bulan pula adalah berdasarkan *istinbāṭ* hukum ulama empat mazhab berdasarkan dua ayat al-Quran yang bermaksud,

> *"Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan." (al-Ahqaf 46:15)*
> *"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun genap" (al-Baqarah 2:233)*

Disebabkan oleh *istinbāṭ* hukum dari ayat al-Quran yang tidak mengkhususkan tempoh minima kehamilan yang sebenar, kajian mendapati tempoh enam bulan yang dimaksudkan tidak disertakan dengan kesepakatan ulama terhadap kaedah pengiraan sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam bab dua. Justeru, wujud perbezaan di

dalam pemakaian di peringkat perundangan sendiri apabila berlakunya perbezaan dalam kaedah pengiraan sama ada mengguna pakai bulan *syamsiyah* atau bulan *qamariah;* serta sama ada mengguna pakai kiraan 180 hari atau 175 hari.

Bagi pemakaian di Negeri Terengganu, Ketua Pendaftar mengakui bahawa di pihak mahkamah, kebiasaan kaedah yang diambil adalah kiraan menggunakan bulan *qamariah*, namun dalam masa yang sama, terdapat dua kes (0526; 0636) yang menunjukkan keputusan yang berbeza.

Begitu juga di negeri Perak dan Selangor, terdapat perbincangan terhadap perselisihan mengenai hal tersebut di dalam dua kes permohonan oleh alasan anak kelahiran kurang enam bulan (0012, 0153, 0284, 0299, 0355, 0396 dan 0576).

Misalnya di dalam kes 0299, Hakim sendiri mengakui bahawa tempoh kiraan *qamariah* pihak pemohon telah mencapai enam bulan dua *laḥzhah*, meskipun pada kiraan *syamsiyah*, tempoh tarikh pernikahan dengan tarikh kelahiran pemohon baru mencapai lima bulan 27 hari. Namun permohonan ditolak oleh alasan anak zina. Sebaliknya dalam kes 0397, Hakim bersetuju mensabitkan sah taraf anak berdasarkan kiraan bulan *qamariah* yang telah mencukupi enam bulan dua *laḥzhah*, iaitu 176 hari berbanding menurut pendapat Syafi'iyah yang memerlukan kepada 180 hari.

Justeru, kajian menjelaskan bahawa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah boleh dilaksanakan berdasarkan *istinbāṭ* hukum dari dalil umum sama seperti pelaksanaan penasaban anak kelahiran melebihi enam bulan yang turut di*istinbāṭ*kan berasaskan dalil umum.

Universiti Utara Malaysia

5.2.2 Anak kelahiran kurang enam bulan tidak boleh dinasabkan kerana anak zina.

Alasan penghakiman dari Hakim Syarii MTS Negeri Perlis, Hakim Syari MTS Ipoh, Ketua Pendaftar MTS Terengganu dan Hakim Syarii MTS Johor Bahru merupakan kenyataan bertindih dengan keputusan Hakim mensabitkan sah taraf terhadap anak kelahiran kurang sembilan bulan dalam keadaan, usia kandungan adalah matang. Hal demikian kerana, janin yang dilahirkan pada usia melebihi 37 minggu pada tempoh enam bulan satu hari atau tujuh bulan selepas tarikh pernikahan boleh dibuktikan secara saintifik bahawa anak adalah dihamilkan sebelum tarikh pernikahan. Kajian mendapati terdapat enam kes diluluskan oleh Hakim pada permohonan pengesahan taraf membabitkan anak kelahiran enam bulan satu hari iaitu kes 1937, 1350, 0110, 0218, 0451 dan 0907.

Sebaliknya keputusan menolak pensabitan sah taraf terhadap anak kelahiran kurang sembilan bulan atas alasan bahawa anak adalah anak zina sebagaimana yang diwartakan oleh Fatwa JFN Selangor, merupakan keputusan yang bertentangan dengan pendapat ulama. Hal demikian kerana, ulama empat mazhab meletakkan syarat minima kehamilan dari tarikh pernikahan dalam tempoh enam bulan sahaja.

Justeru, kajian berpendirian bahawa setiap anak kelahiran kurang atau melebihi enam bulan dalam pernikahan adalah boleh dinasabkan ke atas bapa iaitu suami si ibu kecuali jika bapa mengingkari anak tersebut. Kajian melihat keputusan tidak mensabitkan nasab oleh alasan anak zina sedangkan pernikahan wujud dan suami si ibu tidak mengingkari anak adalah tidak sepatutnya, kerana kelahiran di dalam pernikahan dan tidak wujud pengingkaran dari suami si ibu dengan perbuatan *li'ān* adalah asas kepada kaedah penasaban oleh *al-firāsy* sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam bab dua.

5.2.3 Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan akan menggalakkan lagi aktiviti zina dalam masyarakat.

Berikut merupakan salah faham yang sering berbangkit semenjak fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh JFN Perlis diputuskan sebagaimana kajian telah mengetengahkan salah faham tersebut di dalam bab tiga dan bab empat. Sedangkan salah faham berbangkit oleh kecelaruan dalam memahami wujudnya dua perkara berbeza yang membawa kepada dua perbincangan, iaitu: (i) aktiviti zina yang sememangnya telah wujud di dalam masyarakat; dan (ii) isu yang dibawa oleh fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

i. Aktiviti zina telah wujud sekian lama di dalam masyarakat[116].

   Sekalipun fatwa penasaban belum dilaksanakan di Malaysia dan pemakaian sedia adalah adalah pandangan hukum yang menghalang pensabitan nasab anak kelahiran kurang enam bulan, aktiviti zina telah wujud dan tetap berlaku di dalam masyarakat, serta lambakan anak tidak sah taraf telah dilahirkan oleh

Universiti Utara Malaysia

[116] Akan tetapi, bagi pihak yang menolak fatwa penasaban berpandangan bahawa fatwa yang mengharuskan penasaban akan menambahkan lagi jumlah bilangan aktiviti zina yang sememangnya sudah banyak dalam kalangan masyarakat Malaysia. Ini kerana ia berpotensi untuk menyebabkan kaum wanita terjerat dengan jaminan lelaki untuk bertanggungjawab. Dengan adanya fatwa penasaban ini, pihak lelaki yang tidak bertanggungjawab akan memujuk wanita untuk melakukan hubungan seksual sebelum perkahwinan dengan alasan mereka tidak akan menghadapi apa-apa masalah sekiranya wanita tersebut mengandung hasil daripada hubungan tersebut kerana nasab anak akan mudah diperolehi. Namun, realitinya ramai lelaki yang tidak mahu bertanggungjawab. Terbukti fatwa ini tidak banyak membantu dalam pembasmian/pengurangan perbuatan zina dalam masyarakat kerana kajian mendapati hanya sebilangan kecil penzina sahaja yang sanggup bertanggungjawab terhadap anak yang dilahirkan berbanding beribu orang yang tidak mahu bertanggungjawab. Sebaliknya, fatwa yang tidak mengharuskan penasaban anak kurang enam bulan berpotensi untuk mencantas perbuatan zina daripada akar umbinya di mana ia boleh memberi kesedaran kepada kaum wanita agar menghindari perbuatan ini kerana ia akan memudaratkan diri mereka sendiri. Mereka terpaksa menanggung segala kesusahan sendirian akibat perbuatan ini seperti yang dibincangkan dalam tesis ini apabila berhadapan dengan penzina yang tidak mahu bertanggungjawab. Adalah sangat penting bagi kaum wanita menyedari hakikat ini kerana merekalah menjadi punca utama bagi terjadinya perbuatan terkutuk ini. Perbuatan zina tidak akan berlaku sekiranya tidak mendapat persetujuan daripada kaum wanita. Oleh sebab itulah, menurut ulama tafsir, apabila menyebut tentang jenayah zina, Allah SWT mulakan dengan perempuan: {الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ }

dan apabila menyebut tentang jenayah curi, Allah SWT mulakan dengan lelaki:

{ وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا }

penzinaan tersebut. Penzinaan adalah kemungkaran dan asas kesedaran yang perlu difahami adalah, fatwa penasaban tidak pernah mengubah hukum agar zina dipermudahkan atau diberi kelonggaran.

ii. Isu yang dibawa oleh fatwa penasaban.

Sebaliknya fatwa penasaban membawa perbincangan perihal kesan dari penzinaan, iaitu apabila aktiviti zina telah berlaku dan anak tidak sah taraf telah dilahirkan. Skop situasi tersebut merupakan asas perbincangan yang dimaksudkan oleh fatwa penasaban, iaitu pengkhususan terhadap pasangan penzina yang telah bertaubat dan melangsungkan pernikahan[117].

Oleh hal demikian, kajian mendapati dakwaan Hakim Syarii MTS Negeri Perlis, Hakim Syari MTS Ipoh, Ketua Pendaftar MTS Terengganu dan Hakim Syarii MTS Johor Bahru adalah boleh disanggah oleh dapatan temu bual bersama responden. Kajian membentangkan tiga isu sebagai menjawab kepada dakwaan tersebut, iaitu: (i) Fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan membantu mendorong bapa penzina untuk bertanggungjawab; (ii) Pandangan hukum sedia ada menyebabkan lelaki penzina bersikap lepas tangan dan tiada kesedaran untuk bertaubat; dan (iii) Sekatan kepada lelaki penzina dari berlepas tangan adalah keutamaan kerana lelaki adalah faktor pertambahan kewujudan anak tidak sah taraf.

[117] Namun demikian, pihak yang menolak fatwa penasaban berhujah bahawa taubat tidak menghalang daripada pelaksanaan hukuman ke atas seseorang yang melakukan maksiat sama ada ia merupakan zina atau selainnya (Rujuk: Abu Lail, 2018).

i. Fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan membantu mendorong bapa penzina untuk bertaubat dan bertanggungjawab[118]

Responden bapa (Bapa A, 2020; Bapa B, 2020; Bapa C; 2021) bersetuju bahawa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan membantu lelaki penzina untuk bertaubat dan bertanggungjawab terhadap kesalahan bersama. Dapatan memperlihatkan kasih sayang dan kesungguhan mereka untuk mensabitkan nasab anak sehingga responden (Bapa A, 2020; Bapa B, 2020) memilih untuk sanggup disabitkan hukuman persetubuhan luar nikah terlebih dahulu, sekiranya hukuman merupakan salah satu langkah pensabitan nasab anak.

Dapatan kajian bersama responden ibu hamil tanpa pernikahan, pegawai JKM dan pihak yang menjadi rujukan pihak terkesan turut mengetengahkan persetujuan bahawa pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan mampu menggalakkan lebih banyak lelaki penzina bertanggungjawab. Hal demikian kerana, penasaban membantu mendorong lelaki penzina (Penghuni A; Penghuni F, 2020; Penghuni H, 2020; Rozaimi Ramle, 2021) yang mungkin pada awalnya keliru, namun terdorong untuk bertanggungjawab dengan galakan ibu hamil (Nurisah Abdullah, 2020; Nurul Muna, 2020) oleh wujudnya penasaban terhadap anak yang bakal dilahirkan.

Selain itu, penasaban tanpa melimitasikan usia kandungan dapat membantu proses yang memakan waktu dalam memujuk ahli waris mengizinkan urusan pernikahan pasangan penzina dipermudahkan; serta mendorong ibu bapa pasangan penzina untuk

[118] Pihak yang menolak penasaban pula berpendapat, lelaki penzina masih boleh bertanggungjawab walaupun dalam keadaan anak tidak mendapat nasabnya. Hal ini kerana setelah dia mengahwini ibu si anak, secara automatik lelaki tersebut menjadi bapa tiri kepada anak tersebut. Pihak yang menolak beranggapan bahawa, lelaki yang menjadi bapa tiri tersebut tetap boleh menjaga dan mendidik anak tersebut dengan penuh kasih sayang dan menanggung nafkahnya (walaupun tidak wajib baginya). Berkenaan anak tiri tidak boleh mewarisi bapa tirinya, pihak yang menolak berpendapat harta bapa tiri boleh diberi kepada anak tiri dalam bentuk yang lain seperti wasiat, hibah dan sebagainya.

memberi restu terhadap pernikahan oleh wujudnya penasaban terhadap cucu yang bakal dilahirkan (Nurul Muna, 2020).

Justeru, kajian menegaskan bahawa dakwaan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan akan menggalakkan lebih banyak aktiviti zina dalam masyarakat adalah dakwaan yang tidak tepat.

ii. Pandangan hukum sedia ada menyebabkan lelaki penzina bersikap lepas tangan dan tiada kesedaran untuk bertaubat[119]

Pelaksanaan pandangan hukum sedia ada dilihat telah terbukti memudahkan lagi lelaki penzina untuk terus melakukan penzinaan dan berlepas tangan dari dipertanggungjawabkan. Hal demikian kerana, dalam keadaan pemakaian pandangan hukum sedia ada yang melarang pensabitan nasab anak kelahiran kurang enam bulan, dapatan telah menunjukkan bahawa lelaki penzina yang memilih untuk bertanggungjawab adalah sedikit berbanding jumlah anak tidak sah taraf yang banyak. Berikut merupakan perbandingan jumlah kecil lelaki yang bertanggungjawab berbanding baki jumlah yang besar dari kalangan lelaki yang berlepas tangan dari aktiviti zina. Perbandingan melibatkan analisis terhadap data yang disediakan oleh pihak JPN mengenai statistik anak tidak sah taraf serta dapatan dari JKM bagi kategori

[119] Sebaliknya, pihak yang tidak mengharuskan penasaban anak kurang enam bulan menolak penyataan tersebut dengan kembali kepada realiti bahawa lelaki penzina yang sanggup bertanggungjawab ke atas perbuatan mereka adalah sangat sedikit. Hal ini berlaku dalam keadaan pengaplikasian fatwa yang tidak mengharuskan penasaban anak zina. Apatah lagi jika fatwa yang mengharuskan penasaban diaplikasikan, keadaan akan menjadi lebih teruk kerana fatwa ini akan membuka ruang yang lebih besar untuk aktiviti zina memandangkan terdapat jaminan bahawa anak akan tetap mendapat nasab bapa walaupun dilahirkan dengan sebab perbuatan zina. Seperti yang diketahui, banyak keistimewaan akan diperolehi oleh bapa dan anak jika sabit nasab antara mereka. Selain itu, peningkatan kes zina dalam masyarakat dan jumlah sedikit lelaki penzina yang sanggup bertanggungjawab adalah disebabkan oleh faktor lain yang tiada kaitan dengan fatwa yang tidak mengharuskan penasaban. Faktor tersebut adalah seperti kurang pendidikan agama, penyebaran bahan lucah di media sosial, pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan dan sebagainya. Ia tidak ada kena mengena dengan fatwa yang tidak mengharuskan penasaban.

lelaki penzina yang tidak bertanggungjawab dan dapatan dari Mahkamah Syariah bagi kategori lelaki penzina yang memilih untuk bertanggungjawab.

Statistik yang dikeluarkan oleh JPN bagi tahun 2008 hingga 2018 menunjukkan jumlah anak tidak sah taraf yang didaftarkan adalah sebanyak 566,488 orang dan 377,038 daripadanya adalah dari kalangan orang Islam. (No. soalan 1, 2019). Daripada jumlah tersebut, terdapat empat pembahagian kategori anak tidak sah taraf, iaitu (i) kategori anak pungut; (ii) anak kelahiran selamat tanpa pernikahan ibu; (iii) kategori anak yang dilahirkan di dalam pernikahan ibu bapa tetapi kelahiran adalah kurang dari enam bulan; serta kategori terakhir yang tidak termasuk dalam perbincangan, iaitu (iv) anak yang dilahirkan dari pernikahan tanpa bukti dokumentasi oleh kerajaan Malaysia. Hal demikian kerana, anak dalam kategori keempat pada asasnya adalah anak sah taraf dari segi hukum.



Rajah 5.3. Kategori anak tidak sah taraf

Memandangkan tiada dokumentasi mengenai jumlah tepat menurut pembahagian tiga kategori di atas, kajian memperincikan data di bawah rekod serta urus selia JKM dan Mahkamah Syariah sahaja, melibatkan jumlah anak pungut, jumlah anak kelahiran penghuni rumah perlindungan JKM, dan jumlah kes permohonan pengesahan taraf oleh alasan anak kelahiran kurang enam bulan.

Dapatan yang diperolehi di bawah seliaan JKM, melibatkan kategori anak pungut menunjukkan sepanjang tahun 2009 hingga 2019, terdapat 343 orang kanak-kanak dilindung di bawah Seksyen 17 (1)(e)(ii)[120] oleh faktor buang bayi (Nur Hidaah, 2020). Jumlah tersebut hanya melibatkan anak pungut yang ditemui selamat, sebaliknya anak pungut yang ditemui mati tidak dimasukkan di dalam jumlah tersebut[121]. Manakala jumlah kes anak kelahiran selamat tanpa pernikahan ibu oleh penghuni TSP dari tahun 2009 hingga 2019, adalah sebanyak 1,669 kes (Nur Hidaah, 2020).

Bagi jumlah anak kelahiran kurang enam bulan dari pernikahan ibu bapa, kajian menyemak dapatan dari kes permohonan pengesahan taraf di Mahkamah Syariah, dan melibatkan lima buah negeri sahaja, iaitu Perlis, Perak, Selangor, Terengganu dan Johor. Berdasarkan dapatan, jumlah permohonan pengesahan taraf bagi tahun 2009 hingga 2019 adalah sebanyak 1,585 kes. Dapatan paling tinggi adalah dari negeri Selangor, iaitu sebanyak 917 kes dan dapatan paling rendah adalah dari negeri Perlis iaitu 26 kes. Namun, jumlah tersebut tidak merangkumi permohonan oleh alasan anak kelahiran kurang enam bulan semata-mata, kerana turut melibatkan alasan-alasan lain.

Universiti Utara Malaysia

Permohonan pengesahan taraf oleh alasan anak kelahiran kurang enam bulan berdasarkan dapatan kajian fail dari lima buah negeri, adalah seperti berikut:

a) 11 dari 26 fail membawa alasan anak kelahiran kurang enam bulan. Hal demikian membawa maksud, alasan tersebut merupakan alasan dominan bagi negeri Perlis.

[120] "17. (1) Seseorang kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan pelindungan jika— … (e) kanak-kanak itu— … (ii) telah dibuang oleh ibu atau bapa atau penjaganya dan selepas siasatan yang munasabah ibu atau bapa atau penjaga itu tidak dapat ditemui, dan tiada orang lain yang sesuai sanggup dan berupaya memelihara kanak-kanak itu;" (Akta Kanak-Kanak, 2006)

[121] Anak dibuang atau anak pungut yang ditemui hidup diletakkan di bawah perlindungan agensi KPWKM menurut Seksyen 17 (1)(e)(ii). Sepanjang tahun 2009 hingga 2019, jumlah kanak-kanak yang diberi perlindungan oleh JKM di bawah Seksyen tersebut adalah sebanyak 554 orang (Nur Hidaah, 2020). Dari jumlah tersebut, sebanyak 343 orang kanak-kanak adalah disebabkan oleh faktor buang bayi (Nur Hidaah, 2020).

b) 22 dari 38 fail membawa alasan anak kelahiran kurang enam bulan. Hal demikian membawa maksud, alasan tersebut merupakan dominan di negeri Perak. Perkara tersebut diakui oleh Hakim Syarii MTS negeri Perak (Mohammad Esham, 2020), bahawa permohonan dari ibu bapa bagi mensabitkan sah taraf anak kelahiran kurang enam bulan adalah paling tinggi.

c) 23 dari 101 fail membawa alasan anak kelahiran kurang enam bulan. Hal demikian membawa maksud, alasan tersebut tidak dominan di negeri Selangor.

d) 50 dari 82 fail membawa alasan anak kelahiran kurang enam bulan. Hal demikian membawa maksud, alasan tersebut merupakan dominan di negeri Terengganu.

e) 3 dari 21 fail membawa alasan anak kelahiran kurang enam bulan. Hal demikian membawa maksud, alasan tersebut tidak dominan di negeri Johor. Tuan Hakim juga bersetuju bahawa alasan kelahiran kurang enam bulan adalah tidak banyak iaitu kurang dari separuh kes perbicaraan (Syahrulnizam Saat, 2020).

Justeru, kajian mendapati bahawa daripada jumlah 377,038 orang anak tidak sah taraf beragama Islam di Malaysia, kategori anak kelahiran kurang enam bulan adalah bukan dominan dalam statistik tersebut. Berdasarkan kepada dapatan, perbandingan bagi setiap kategori boleh dianggarkan dalam jumlah seperti berikut:

Universiti Utara Malaysia

Jadual 5.13

Jumlah Anak Tidak Sah Taraf Mengikut Kategori Bagi Tahun 2009 Hingga 2019

Kategori	Jumlah	Perincian
Anak pungut	343	
Anak kelahiran selamat tanpa pernikahan ibu	1,669	
Permohonan pengesahan taraf di Mahkamah Syariah	1,585	
Anak kelahiran kurang enam bulan		
Perlis		11 dari 26 (42.3%)
Perak		22 dari 38 (57.9%)
Selangor		23 dari 83 (27.7%)
Terengganu		50 dari 82 (61%)
Johor		3 dari 21 (14.3%)

Walaupun jumlah data adalah tidak tepat dan berdasarkan kepada anggaran dari jumlah kelahiran penghuni TSP bagi kategori kedua, serta jumlah permohonan pengesahan taraf anak di Mahkamah Syariah di lima buah negeri bagi kategori ketiga semata-mata, data tetap memberi kesimpulan bahawa anak kelahiran kurang enam bulan tidak menjadi dominan.

Perbandingan dari data sedia ada turut memperlihatkan jumlah kategori pertama dan kategori kedua adalah lebih tinggi berbanding kategori ketiga meskipun dapatan data kategori kedua adalah semata-mata dari JKM. Kajian menjangkakan jumlah bagi kategori kedua adalah jauh lebih tinggi sekiranya data turut melibatkan bilangan ibu hamil di rumah perlindungan seliaan NGO di seluruh Malaysia.

Hal demikian boleh difahami dengan jelas, bahawa dalam pemakaian pandangan hukum yang menghalang pensabitan nasab anak kelahiran kurang enam bulan, bapa penzina yang mahu bertanggungjawab adalah sedikit. Sebaliknya kes kelahiran dari

ibu hamil tanpa pernikahan serta anak pungut yang berlaku oleh faktor ketakutan ibu menghadapi kehamilan seorang diri (Bapa C; Nurul Muna, 2020; Nurisah 2020) kerana lelaki penzina tidak bertanggungjawab adalah lebih tinggi.

iii. Sekatan kepada lelaki penzina dari berlepas tangan adalah keutamaan kerana lelaki adalah faktor pertambahan kewujudan anak tidak sah taraf

Sebagai langkah pencegahan aktiviti zina dari berleluasa di dalam masyarakat, kajian melihat kepada keperluan untuk membuat sekatan terhadap lelaki dari berlepas tangan kerana lelaki penzina adalah faktor kepada lambakan kewujudan anak tidak sah taraf. Seorang lelaki boleh menghasilkan 365 orang anak tidak sah taraf sekiranya lelaki tersebut melakukan hubungan seksual dengan pasangan berbeza setiap hari, sedangkan seorang perempuan berkemampuan untuk hamil anak tidak sah taraf hanya satu kali setahun oleh faktor tempoh kehamilan normal adalah selama sembilan bulan.

Hal demikian kerana, secara biologinya perempuan mampu mengeluarkan satu ovum untuk satu bulan sahaja, berbanding lelaki boleh mencapai ejakulasi sebanyak 10 hingga 100 kali dalam masa satu bulan. Dalam satu hari, lelaki boleh mengalami ejakulasi beberapa kali, dan dalam satu ejakulasi, lelaki boleh menghasilkan jutaan sperma. Disebabkan hal demikian, lelaki boleh memperolehi anak lebih banyak dari perempuan sekiranya lelaki bertukar-tukar pasangan (Einon, 1998).

Dapatan dari Oberzaucher dan Grammar (2014) yang memenangi anugerah Nobel Proze telah menemui perkiraan bahawa seorang lelaki boleh mempunyai anak sehingga 1171 orang atau lebih sepanjang tempoh 32 tahun dengan limitasi pasangan sebanyak empat orang isteri dan 500 *hareem* (gundik) [122] . Perkiraan tersebut

[122] Dapatan adalah berdasarkan kajian kes terhadap Pemerintah Maghribi pada tahun sekitar 1672 hingga 1727, Moulay Ismael yang mempunyai anak seramai 888 orang yang dibiar hidup, kerana dalam masa yang sama sejarah mencatatkan bahawa ratusan lagi anak perempuan dari hareem telah dibunuh seusai sahaja dilahirkan.

mengambil kira tempoh haid yang menghalang persetubuhan, tempoh kesuburan, dan tempoh sembilan bulan kehamilan bagi setiap perempuan, selain daripada had limitasi jumlah perempuan yang disetubuhi iaitu 500 orang sepanjang 32 tahun tersebut.

Justeru, kajian melihat kepada fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah sebagai usaha menghalang dari berleluasanya penzinaaan apabila wujudnya keterikatan lelaki untuk dipertanggungjawabkan, berbanding membiarkan lelaki bersikap lepas tangan dan mengambil ringan perihal hubungan seksual yang telah dilakukan[123].

5.2.4 Permasalahan status tidak sah taraf belum mencapai tahap kemudaratan yang perlu ditangani dengan penasaban.

Berdasarkan kajian kes dalam bab empat, pemerhatian mendapati status tidak sah taraf memberi impak permasalahan kepada individu dan masyarakat, bahkan kepada negara. Permasalahan melibatkan dua kategori iaitu (i) kategori bapa mahu bertanggungjawab dan (ii) kategori bapa tidak mahu bertanggungjawab.

i. Kategori bapa mahu bertanggungjawab

Bagi kategori bapa mahu bertanggungjawab, kemudaratan melibatkan:

a) Anak berasa terasing dari adik beradik oleh kelainan bin/ binti. Pengasingan melibatkan perasaan peribadi dan juga layanan dari ahli keluarga (Nurisah, 2020; Nurul Muna, 2020; Individu A, 2020; Individu B, 2021; Bapa B, 2020; Bapa C, 2021)

[123] Pihak yang menolak penasaban anak kurang enam bulan pula berpandangan sebaliknya, kerana lelaki penzina masih boleh memilih sama ada untuk memohon penasaban atau tidak. Permohonan penasaban berlaku di atas kerelaannya sendiri dan tidak ada unsur paksaan daripada mana-mana pihak. Pihak yang menolak beperndapat fatwa penasaban tidak menyumbang kepada keterikatan lelaki untuk dipertanggungjawabkan kerana dapatan kajian menunjukkan sangat sedikit lelaki penzina yang sanggup bertanggungjawab ke atas perbuatannya.

b) Anak berhadapan dengan stigma dan konflik perasaan sepanjang kehidupan (Nurisah, 2020; Nurul Muna, 2020; Individu A, 2020; Individu B, 2021; Bapa A, 2020; Bapa C, 2021; Syed Azmi, 2021). Dalam fail kes permohonan pengesahan taraf oleh anak kelahiran kurang enam bulan, terdapat alasan stigma dan konflik anak oleh status tidak sah taraf, seperti yang tercatat berikut:

> "..Saya bimbang sekiranya permohonan ini tidak dibuat, anak tersebut akan dianggap sebagai anak luar nikah seterusnya mengganggu perkembangan emosi yang akan memberi kesan kepada masa depannya" (0129; 0006; 0016; 0031)
>
> "Pengesah taraf anak tersebut dapat menjaga dan menutup daripada anak yang tidak bersalah dihukum dan diaibkan pada masyarakat" (0031)
>
> "memudahkan pendaftaran kad pengenalan anak tersebut tanpa sebarang masalah dan spekulasi yang buruk" (0129; 0006; 0066; 0016; 0031)
>
> ".. Disebabkan kad pengenalan anak tersebut tiada tertera nama bapa, anak tersebut sering diejek oleh rakan-rakannya di sekolah. Perkara ini telah menimbulkan kesedihan dan membuatkannya kurang keyakinan kepada diri untuk bersekolah serta menjalani kehidupan pada masa depan.." (0674)

Universiti Utara Malaysia

c) Anak membesar dengan persoalan identiti (Nurisah, 2020; Nurul Muna, 2020; Individu A, 2020; Individu B, 2021). Dalam fail kes permohonan pengesahan taraf oleh anak kelahiran kurang enam bulan, terdapat alasan keperluan menjelaskan identiti antara anak-bapa, seperti yang tercatat berikut:

> "..permohonan ini amat perlu dibuat untuk menjelaskan identiti anak tersebut sebagai anak kandung saya dan Pemohon 2 mengikut undang-undang dan hukum Syarak" (0129, 0088, 0006, 0016, 0031, 0066)

d) Anak tidak memperolehi hak sebagai seorang anak dari bapa sebagaimana yang telah terhukum oleh keputusan Hakim. Dalam fail kes permohonan pengesahan taraf oleh anak kelahiran kurang enam bulan, terdapat alasan

memberi hak nasab serta hak mempusakai antara anak dengan bapa, seperti yang tercatat berikut:

> "..hal ini adalah untuk mengelakkan kekeliruan mengenai batasan dan halangan berkaitan hubungan nasab antara anak dengan bapa serta hak terhadap harta pusaka masing-masing menurut hukum Syarak" (0129, 0088, 0006, 0016, 0031, 0066)

e) Kesalahan lampau mengganggu kehidupan baru bapa walaupun telah bertaubat dan mahu bertanggungjawab (Individu B, 2021; Bapa A, 2020; Bapa B, 2020; Bapa C, 2021; Syed Azmi, 2021)

ii. Kategori bapa tidak mahu bertanggungjawab

Bagi kategori bapa tidak mahu bertanggungjawab pula, selain kemudaratan yang sama, terdapat juga kemudaratan lain seperti:

a) Ibu terpaksa mengharungi kehamilan sendirian (Penghuni A, 2020; Penghuni B, 2020, Penguni C, 2020; Penghuni D, 2020, Penghuni E, 2020; Penghuni F, 2020; Penghuni G, 2020; Penghuni H, 2020; Nurisah, 2020; Nurul Muna, 2020)

b) Anak pungut yang dibuang oleh ibu sekaligus memegang status tanpa warganegara dan terhalang dari keistimewaan sebagai masyarakat umum di Malaysia (Nurisah, 2020; Nurul Muna, 2020)

c) Anak yang dipisahkan oleh penyerahan keluarga angkat (Nurisah, 2020; Nurul Muna, 2020; Penghuni F, 2020; Penghuni G, 2020)

d) Anak yang mendiami RKK sepanjang tumbesaran dan mengalami konflik emosi dan mental kerana kekurangan kasih sayang dan sentuhan kekeluargaan (Nurisah, 2020; Nurul Muna, 2020)

Universiti Utara Malaysia

Kajian kes membuktikan wujud kemudaratan yang jelas terhadap status tidak sah taraf anak sama ada diabaikan atau dipelihara sendiri oleh bapa[124]. Dapatan disokong oleh persetujuan pihak terkesan terhadap pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan sebagai penyelesaian terhadap permasalahan yang dialami sendiri oleh pihak terbabit.

Hasil penelitian mendapati, kesan dari permasalahan anak zina di Malaysia bukan sahaja merangkumi pelanggaran hak kemanusiaan yang asasi seperti hak kekeluargaan dan hak memiliki nasab (Wahbah Zuhaili, 2010a), tetapi turut melibatkan hak kemanusiaan yang bersifat *al-Muwāṭanah* atau hak-hak kewarganegaraan. Individu yang tidak mempunyai dokumentasi pengenalan diri tidak dapat menerima sebarang manfaat dan jaminan dari mana-mana negara seperti hak pendidikan, hak perubatan dan hak terlibat dalam pilihan raya (Wahbah Zuhaili, 2010a).

Seperti yang diketahui, polisi sesebuah negara sukar untuk dilakukan pindaan bagi mempermudahkan kewarganegaraan kerana melibatkan isu keselamatan dan kedaulatan. Lalu, langkah pencegahan konflik anak tanpa kewarganegaraan perlu dilaksanakan dengan meningkatkan kesedaran lelaki untuk bertanggungjawab agar isu

[124] Pihak yang menolak penasaban anak kurang enam bulan pula berpandangan bahawa kemudaratan yang dinyatakan tidak hanya berlaku kepada anak tidak sah taraf di bawah kategori kelahiran kurang enam bulan sahaja kerana, anak tidak sah taraf daripada kategori yang lain juga turut menghadapi kemudaratan yang sama. Bukan itu sahaja, kemudaratan yang dinyatakan juga boleh dialami oleh anak sah taraf, misalnya di dalam situasi anak yang berada dalam keluarga yang pincang atau anak yang memiliki bapa si penagih dadah atau di penjara. Justeru, pihak yang menolak berpendapat, mengharuskan penasaban anak bukan jalan penyelesaian untuk menghilangkan kemudaratan yang dihadapi, kerana terdapat kaedah lain yang boleh digunapakai dan dijalankan di peringkat keluarga, masyarakat dan negara untuk mengatasi kemudaratan yang dihadapi oleh anak yang tidak memperolehi nasab. Pihak yang menolak turut beranggapan bahawa pemahaman berkenaan penafian nasab bapa penzina ke atas anak zina merupakan satu bentuk penjagaan kehormatan yang dilakukan oleh syarak kepada anak adalah perlu diterapkan. Pihak yang menolak melihat bahawa penafian tersebut memelihara anak daripada dinasabkan kepada pelaku perbuatan terkutuk menurut syarak dan anak tidak perlu bersedih terhadap kesalahan yang tidak dilakukan oleh dirinya sendiri. Justeru, pihak yang menolak berpendapat, anak perlu difahamkan bahawa dia perlu menerima status tidak sah taraf ini sebagai ujian daripada Allah SWT sebagaimana ujian kehidupan lain yang pasti diganjari sekiranya dia bersabar. Anak tersebut juga perlu dimotivasikan untuk memajukan kehidupannya dan hidup dalam ruh keimanan dan seterusnya menjadi hamba yang diredai oleh Tuhannya. Di samping itu, masyarakat juga perlu dididik agar tidak memandang serong dan rendah terhadap anak tidak sah taraf yang tidak berdosa serta menghargai mereka, kerena mereka perlu dikasihani, dididik dan dibantu untuk menjalani hidup secara normal.

anak pungut dapat dielakkan di masa hadapan. Pensabitan nasab diyakini dapat memberi keseimbangan sosial negara apabila pihak terkesan oleh kemudaratan dapat memberi penglibatan semula dalam pembangunan kemasyarakatan.

Keseluruhan dapatan tersebut telah menepati kaedah fiqh yang dibincangkan di dalam bab dua, iaitu "*Masyaqqah* (keperitan) membawa kepada kemudahan". Kajian mendapati, kemudaratan yang dihadapi oleh status tidak sah taraf sama ada berbentuk tekanan perasaan yang buruk dan membawa kepada keinginan untuk membunuh diri, atau berbentuk urusan kehidupan seperti dokumentasi pengenalan diri dan hak kewarganegaraan merupakan *masyaqqah* yang menghampiri jenis pertama di dalam pembahagian *'masyaqqah* yang kebiasaannya menyebabkan terhentinya pelaksanaan hukum syari'ah' sebagaimana menurut Abdul Karim (2003).

Lalu, *masyaqqah* yang membolehkan kemudahan di dalam hukum syarak membawa kepada salah satu dari kelonggaran yang disediakan iaitu sama ada dalam bentuk dibolehkan berhenti; atau dibolehkan pengurangan; atau dibolehkan untuk diganti; atau dibolehkan untuk diawalkan; atau dibolehkan untuk diperlambatkan; atau dibolehkan untuk dipermudahkan; atau terakhir dibolehkan untuk diubah (Abdul Karim, 2003). Dalam masa yang sama, terdapat dua kaedah susulan lain yang boleh diimplementasikan sebagai sokongan di dalam isu ini, iaitu "kemudaratan mengangkat larangan" dan "kemudaratan menghilangkan" (Abdul Karim, 2003; al-Zarqaa', 2011).

Semua *maṣlaḥah* dari pelaksanaan kaedah fiqh berikut adalah asas *ḥifzhu al-dīn* (menjaga agama) di dalam perbincangan *maqāṣid al-syarī'ah*. Hal demikian kerana, tunjang kepada pensyariatan adalah keadilan dan pelaksanaan keadilan adalah objektif pada setiap perangkaraan hukum dari awal Islam di turunkan ('Ilal al-Fasi, 2011).

Universiti Utara Malaysia

Lebih-lebih lagi secara asasnya, penasaban anak kelahiran kurang enam bulan merupakan perbahasan di dalam kerangka dalil hadis. Meskipun tidak disepakati oleh ulama empat mazhab, pensabitan nasab anak kelahiran kurang enam bulan atau anak zina merupakan pendapat sebahagian ulama berasaskan dalil dan pendalilan yang jelas bagi memenuhi objektif tersebut. Pensabitan telah memberi keadilan dan solusi kepada pihak terkesan dalam keadaan tidak melanggar asas hukum syarak. Pensabitan pada hakikatnya hanya membenarkan hak kepada pihak yang telah diperakui nasab secara biologi. Lalu, adalah di luar logik akal, untuk dilakukan tindakan menghalang pihak terkesan memperolehi status sebenar.

Selain itu, *maṣlaḥah* di dalam isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan turut melibatkan perbincangan di dalam *maqāṣid ḥifzhu al-nafs* (menjaga nyawa) dan *ḥifzhu al-nasl* (menjaga keturunan). Pensabitan yang memberi galakan kepada pembentukan keluarga dari dua pihak yang telah berzina, dapat menghindari isu anak pungut dan kemudaratan ibu hamil tanpa suami. Anak yang dilahirkan di dalam pernikahan dan diperakui hasil hubungan seksual ibu dengan bapa iaitu suami si ibu walaupun semasa akad belum berlaku, adalah mustahil untuk diragui kesucian nasab kerana telah berlaku pernikahan dan *iqrār* oleh bapa iaitu suami si ibu[125]. Pelaksanaan dua kaedah berikut didapati adalah tidak melanggar *ḥifzhu al-nasl* dalam objektif pensyariatan pernikahan iaitu untuk menjaga keturunan dari berlaku pencampuran nasab (Ibnu ‘Asyur, 2012).

[125] Kenyataan ini ditolak oleh pihak yang tidak mengharuskan penasaban kerana hubungan seksual yang berlaku sebelum adanya ikatan perkahwinan yang sah tidak sama sekali diiktiraf olek syarak dalam apa jua keadaan pun. Air mani penzina adalah sangat hina dan perbuatan tersebut adalah sangat terkutuk di sisi Allah SWT. Oleh sebab itu, pihak yang menolak berpendapat bahawa nasab tidak tersabit oleh perbuatan terkutuk kerana nasab ialah sesuatu yang suci dan mulia, serta merupakan kehormatan kepada bapa dan anak.

5.2.5 Isu tidak sah taraf bersifat kemaslahatan individu bukan kemaslahatan umum

Penghujahan Ketua Pendaftar MTS Terengganu dan Hakim Syarii MTS Johor Bahru adalah berdasarkan kepada kaedah fiqh yang telah dibincangkan di dalam bab dua, iaitu: *"Maṣlaḥah 'āmmah* didahulukan dari *maṣlaḥah khāṣah"*. Namun demikian, kajian mendapati bahawa dakwaan tersebut adalah tidak tepat.

Kajian membahagikan perbincangan kepada dua keadaan, iaitu (i) *Maṣlaḥah* yang dibawa fatwa bersifat maslahah *maṣlaḥah khāṣah*; serta keadaan kedua (ii) *Maṣlaḥah* yang dibawa fatwa bersifat *maṣlaḥah 'āmmah*.

i. *Maṣlaḥah* yang dibawa fatwa bersifat *maṣlaḥah khāṣah*

Sekiranya *maṣlaḥah* dari penasaban anak kelahiran kurang enam bulan yang melindungi pihak terkesan dari status tidak sah taraf dilihat sebagai *maṣlaḥah khāṣah*, ia tetap tidak menghalang untuk fatwa penasaban dibincangkan dan dilaksanakan. Kajian mengetengahkan dua perbahasan, iaitu: (a) Pertembungan tidak dapat di*ṭārjīḥ*kan kemaslahatan antara keduanya; serta (b) Dakwaan sebagai *maṣlaḥah 'āmmah* bersifat *zhanni*

a) Pertembungan tidak dapat di*ṭārjīḥ*kan kemaslahatan antara keduanya

   Sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam bab dua, salah satu syarat pelaksanaan kaedah fiqh *"Maṣlaḥah 'āmmah* didahulukan dari *maṣlaḥah khāṣah"* merupakan situasi apabila, pertembungan tersebut di dalam keadaan tidak mungkin dapat digabungkan secara damai antara kedua-dua kemaslahatan atau tidak dapat di*ṭārjīḥ*kan salah satu dari keduanya. Lantaran, asas kepada pelaksanaan *maṣlaḥah 'āmmah* dan *khāṣah* tetap adalah keadilan

dan keseimbangan, tanpa mengetepikan salah satu dari keduanya (Mu-assasah Zaid, 2013).

Dalam isu dakwaan bahawa *maṣlaḥah* yang dibawa oleh fatwa penasaban merupakan *maṣlaḥah khāṣah*, serta melindungi masyarakat dari perbuatan zina adalah *maṣlaḥah 'āmmah* menurut penghujahan pihak yang menolak, kajian mendapati bahawa pertembungan antara dakwaan tersebut adalah di dalam kerangka boleh didamaikan[126] oleh kekuatan kemaslahatan antara kedua-duanya.

Hal demikian kerana, pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan tidak bermaksud proses pendidikan di dalam masyarakat agar menjauhi perbuatan zina diberhentikan. Segala usaha pencegahan yang telah berlangsung selama ini seperti kempen jauhi zina, penguatkuasaan tangkapan khalwat dan penguatkuasaan hukuman salah laku seksual masih tetap diteruskan oleh pihak-pihak terbabit seperti Majlis Agama Islam Negeri dan NGO Islam. Malah, cadangan penasaban yang diawali dengan pensabitan hukum jenayah syariah terhadap ibu dan suami si ibu merupakan salah satu dari proses pelaksanaan hukuman di dalam pendidikan masyarakat. Justeru, kebolehlaksaan kedua-dua kemaslahatan secara serentak membatalkan kaedah fiqh tersebut.

[126]Pihak yang menolak penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pula berpandangan sebaliknya kerana melihat kepada perbezaan isu antara kedua-duanya. Pihak yang menolak beranggapan di dalam isu ini, *maṣlaḥah 'āmmah* adalah menyelamatkan masyarakat daripada perbuatan zina, lalu proses tersebut boleh tercapai dengan menghalang pemberian nasab kepada anak zina, kerana pensabitan nasab adalah sesuatu yang diingini dan didambakan. Manakala pihak yang menolak beranggapan *maṣlaḥah khāṣah* di dalam isu ini adalah *maṣlaḥah* yang boleh diperolehi oleh sebahagian kecil anak tidak sah taraf kelahiran kurang enam bulan dari tarikh pernikahan ibu dan bapa melalui pelaksanaan fatwa penasaban. Justeru, pihak yang menolak berpendapat bahawa kedua-dua *maṣlaḥah* ini adalah berbeza dan tidak dapat digabungkan. Selain itu, proses pendidikan dan usaha pencegahan zina adalah isu yang terasing, serta berlaku sama ada fatwa penasaban dilaksanakan atau tidak.

b) Dakwaan sebagai *maṣlaḥah ʻāmmah* bersifat *zhanni*

Pada asasnya, terdapat satu isu di dalam penghujahan yang menghalang pelaksanaannnya, iaitu dakwaan penolakan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan sebagai langkah pencegahan aktiviti zina di dalam masyarakat. Dakwaan tersebut ditimbulkan oleh sangkaan bahawa pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan akan memperbanyakkan lagi perbuatan zina di dalam masyarakat. Meskipun telah dijawab dakwaan tersebut di dalam subtopik 'Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan akan menggalakkan lagi aktiviti zina dalam masyarakat', di dalam subtopik ini kajian akan membawa perbahasan ke dalam konteks *mafsadah* bagi pelaksanaan *sadd al-zarā'i*.

Sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam bab dua, ulama secara sepakat menetapkan syarat penilaian *mafsadah* yang wajib dicegah adalah pada kepastian secara yakin bahawa *mafsadah* itu akan berlaku (Ibnu Qayyim, 1991; Wahbah Zuhaili, 1995). Sebaliknya pada situasi *zhanni* terhadap kewujudan *mafsadah*, perbezaan pandangan akan berlaku dan tetap akan terus berlaku dalam kalangan ulama (al-Syatibi, 1997).

Hasil penelitian mendapati bahawa dakwaan fatwa penasaban akan memperbanyakkan lagi perbuatan zina di dalam masyarakat, lalu pencegahannya adalah *maṣlaḥah ʻāmmah* adalah bersifat *zhanni* dan sangka-sangkaan[127], malah jauh dari piawaian syarat yang ditetapkan oleh ulama untuk

[127] Pihak yang menolak fatwa penasaban anak kelahiran kurang daripada enam bulan pula berpandangan bahawa sebagaimana dakwaan fatwa penasaban akan memperbanyakkan lagi perbuatan zina adalah bersifat *zhanni*, begitu juga dakwaan fatwa penasaban membantu lelaki penzina bertaubat dan bertanggungjawab juga bersifat *zhanni*. Sesuatu yang *zhanni* adalah terhasil daripada ijtihad. Kaedah fiqh ada menyebut: "الاجتهاد لا ينقض بالاجتهاد" Maksudnya: 'Suatu ijtihad tidak terbatal dengan ijtihad lain' (alSuyuti, 1983). Oleh sebab itu, pihak yang menolak beranggapan bahawa dakwaan fatwa penasaban akan memperbanyakkan lagi perbuatan zina tidak boleh ditolak.

dikategorikan sebagai *mafsadah* yang perlu dicegah (Ibnu Qayyim, 1991; Wahbah Zuhaili, 1995).

Sebagai sokongan perbincangan, kajian melihat bahawa dakwaan tersebut turut boleh disanggah dengan penghujahan di bawah kategori keempat oleh Ibnu Qayyim (1991) iaitu, perkara yang asalnya adalah harus akan tetapi dalam masa yang sama membawa kepada *mafsadah*, namun *maṣlaḥah*nya lebih *rājiḥ* berbanding *mafsadah*, lalu perkara tersebut dibenarkan.

Selain itu, dakwaan tersebut juga boleh disanggah oleh penghujahan yang telah dibawa di dalam subtopik 'Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan akan menggalakkan lagi aktiviti zina dalam masyarakat'. Kajian lapangan menunjukkan bahawa, pelaksanaan pandangan hukum sedia ada yang menolak penasaban anak kelahiran kurang enam bulan telah memperbanyakkan lagi perbuatan zina di dalam masyarakat oleh faktor ketiadaan mekanisma yang menghalang bapa penzina dari berlepas tangan terhadap kesalahan bersama.

dan tidak mencapai tahap mafsadah yang perlu dicegah

Justeru, dakwaan penolakan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan sebagai *maṣlaḥah 'āmmah* dan pelaksanaan fatwa penasaban akan memperbanyakkan lagi perbuatan zina adalah bersifat *zhanni* dan tidak mencapai tahap *mafsadah* di dalam kategori perlu dicegah.

ii. *Maṣlaḥah* yang dibawa fatwa bersifat *maṣlaḥah 'āmmah*.

Hasil penelitian terhadap literatur berkaitan, kajian mendapati fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan turut memenuhi konteks *maṣlaḥah 'āmmah* yang dibawa oleh pensyariatan sebagaimana menurut definisi Ibnu Taimiyah (2004) dan Ibnu 'Asyur (2012). Kesan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan tidak bersifat individu semata-mata kerana, penasaban dapat menggalakkan lebih banyak

bapa bertanggungjawab terhadap anak yang tidak bersalah, sekaligus mengurangkan risiko pengaliran kewangan negara dalam urusan perbelanjaan dan penyelenggaraan rumah perlindungan anak tidak sah taraf dan rumah perlindungan ibu hamil tanpa pernikahan[128].

Pada tahun 2009, kerajaan Malaysia terpaksa memperkenalkan Dasar Pelindungan Kanak-Kanak Negara (DPKN) dan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Pelindungan Kanak-kanak (PTKP) dengan memberikan tumpuan khusus terhadap peningkatan kesedaran dan komitmen untuk memberi pelindungan hak kepada kanak-kanak dalam menikmati kehidupan yang lebih baik. Salah satu faktor yang menggerak ke arah usaha tersebut adalah lambakan anak tidak sah taraf yang dilahirkan di luar pernikahan (Laporan mengenai status, 2012).

Oleh dasar dan kesedaran tersebut, kerajaan Malaysia telah memberi keutamaan kepada pelindungan dan kesejahteraan kanak-kanak termasuk anak luar nikah dengan menyediakan peruntukan besar dalam Rancangan Malaysia Ke – 10 (*Tenth Malaysia Plan*, 2010) dan Rancangan Malaysia Ke – 11 (*Rancangan Malaysia*, 2015). Peruntukan melibatkan pelaburan dalam peningkatan keupayaan khidmat penjagaan dan menaik taraf kemudahan institusi kebajikan sedia ada seperti rumah perlindungan ibu hamil dan rumah kanak-kanak. Kerajaan turut perlu memperuntukan bantuan kewangan dan sokongan moral terhadap agensi swasta dan NGO dalam inisiatif pihak tersebut membantu penubuhan pusat jagaan anak luar nikah secara persendirian.

[128] Pihak yang menolak fatwa penasaban pula melihat bahawa pengaliran kewangan negara dalam urusan perbelanjaan dan penyelenggaraan rumah perlindungan anak tidak sah taraf tetap boleh dikurangkan walaupun tanpa wujudnya fatwa penasaban. Hal ini kerana anak tidak sah taraf kategori kelahiran kurang enam bulan telah terjamin kebajikannya oleh faktor bapa penzina menjadi bapa tiri selepas mengahwini ibu si anak. Lalu, anak tersebut mendapat didikan dan kasih sayang daripada ibu dan bapa tirinya, serta tidak berlaku pengabaian nafkah. Justeru, pihak yang menolak berpendapat bahawa kerajaan tidak perlu menanggung kebajikan anak tidak sah taraf daripada kategori ini.

Justeru, kajian berpendapat bahawa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah bersifat memelihara *maṣlaḥah ʻāmmah* apabila penasaban membantu sosio-ekonomi sesebuah negara. Hal demikian kerana, kerajaan terpaksa menanggung dengan peruntukan dana yang besar kehidupan anak-anak yang sepatutnya dinafkahi oleh bapa di dalam institusi keluarga sebenar. Namun, oleh faktor tidak sah taraf menyebabkan anak terbiar di rumah-rumah perlindungan kerana pelaksanaan pandangan hukum yang menolak pensabitan nasab anak kelahiran kurang enam bulan tidak mendorong bapa untuk bertanggungjawab.

Penasaban juga berada di bawah kategori *maṣlaḥah ʻāmmah* kerana dorongan untuk bapa bertanggungjawab dapat mengelakkan lahirnya lebih banyak generasi yang terdedah kepada masalah akhlak. Kajian Abd Ghani Ahmad dan Nuarrual Hilal (2018) menunjukkan anak tidak sah taraf yang ditempatkan di institusi kebajikan dan rumah perlindungan JKM terdedah kepada permasalahan sosial oleh keterbatasan tenaga staf JKM dalam memantau pendidikan akhlak serta oleh faktor percampuran penghuni dari pelbagai kategori.

Universiti Utara Malaysia

Selain itu, ketiadaan dokumentasi sekaligus kelayakan sebagai kewarganegaraan oleh status anak pungut menyebabkan anak yang membesar tidak memperolehi peluang pendidikan dan pekerjaan selayaknya. Anak pungut hanya layak mendapat perlindungan di RKK sehingga berusia 18 tahun menurut Akta Kanak-Kanak (2001)[129] dan selepas melepasi tempoh usia tersebut, anak pungut perlu menjalani kehidupan mandiri. Kesukaran meneruskan kehidupan tanpa dokumentasi sebagai seorang warganegara boleh menyebabkan anak pungut terdedah kepada risiko melakukan

[129] Kanak-kanak yang dimasukkan di dalam Pengertian kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan Subseksyen 17(1)(c) mesti adalah kelompok yang memenuhi definisi kanak-kanak di bawah Subseksyen 2(1) Tafsiran "kanak-kanak"—(a) ertinya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun".

jenayah bagi memenuhi kelangsungan hidup. Justeru, kajian percaya tindakan melindungi masyarakat dari pertambahan individu-individu bermasalah moral dengan menggalakkan lebih banyak bapa penzina bertanggungjawab oleh pelaksanaan fatwa penasaban adalah memenuhi *maṣlaḥah ʻāmmah*.

5.3 Analisis kebolehlaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

Berdasarkan kepada perbincangan di dalam bab dua, tiga, empat dan lima, kajian membentangkan kesimpulan akhir bahawa, fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah boleh dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan di dalam masyarakat dan kelompongan di dalam perundangan. Kajian membahagikan analisis kepada dua bahagian, iaitu (i) penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah boleh dilaksanakan; serta (ii) Langkah yang perlu diambil sebagai syarat kebolehlaksanaan.

5.3.1 Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah boleh dilaksanakan

Kajian mendapati terdapat lima alasan kukuh yang membawa kepada kesimpulan kebolehlaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, iaitu:

i. Kajian telah mempersembahkan bahawa wujud perbezaan antara ulama dalam memahami hadis *"anak itu untuk al-firāsy"* sehingga membawa kepada perbezaan hukum seperti berikut:
    a) Pensabitan nasab diharuskan sekiranya anak adalah hasil dari *al-firāsy* semata-mata.
    b) Pensabitan nasab diharuskan sekiranya anak dilahirkan di dalam *al-firāsy* dan tiada penafian oleh suami si ibu dengan perbuatan *li'ān*.
    c) Pensabitan nasab diharuskan sekiranya anak yang tidak dilahirkan di dalam pernikahan, dan bapa penzina mengakuinya sebagai anak dalam

keadaan berlakunya perebutan terhadap anak oleh pemilik *al-firāsy* dan lelaki penzina.

Pensabitan nasab diharuskan sekiranya anak dilahirkan di dalam *al-firāsy* dan tiada penafian oleh suami si ibu dengan perbuatan *li'ān* merupakan salah satu daripada pandangan ulama. Justeru, ia membawa kepada kebolehlaksanaan hukum tersebut.

ii. Pensabitan yang menolak penasaban anak kelahiran melebihi enam bulan atas alasan anak zina oleh Fatwa JFN Selangor merupakan keputusan yang bertentangan dengan pendapat jumhur ulama. Kebolehlaksanaan fatwa tersebut membawa maksud kebolehlaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan di dalam masa yang sama.

iii. Pelaksanaan fatwa penasaban adalah konsisten bersama proses pencegahan perbuatan zina di dalam masyarakat melalui pendidikan dan penguatkuasaan. Dalam masa yang sama, dapatan menunjukkan bahawa, fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan membantu mendorong bapa penzina untuk bertanggungjawab, sebaliknya pandangan hukum sedia ada menyebabkan lelaki penzina bersikap lepas tangan dan bebas tanpa keterikatan untuk bertaubat. Sedangkan sekatan terhadap lelaki penzina adalah keutamaan kerana lelaki adalah faktor pertambahan kewujudan anak tidak sah taraf.

iv. Permasalahan oleh status tidak sah taraf menepati kaedah fiqh yang dibincangkan di dalam bab dua, iaitu "*Masyaqqah* (keperitan) membawa kepada kemudahan" apabila diperhalusi secara mendalam dan meluas. Hal demikian kerana, permasalahan bukan sekadar isu 'tidak memperolehi nasab dari bapa dan dari jalur bapa' tetapi melibatkan *consequences* (kesan susulan) yang berturutan dari isu tersebut. Hasil dapatan memperlihatkan bahawa asas

Universiti Utara Malaysia

perbincangan oleh fatwa penasaban perihal keadilan yang tidak berlawanan dengan dalil hukum syarak adalah di bawah *maṣlaḥah ḥifzhu al-dīn*; serta pensabitan yang memberi galakan kepada pembentukan keluarga dari dua pihak yang telah berzina, lalu dapat menghindari kemudaratan terhadap pihak terkesan merupakan sebahagian dari *maṣlaḥah ḥifzhu al-nafs.* Selain itu, pelaksanaan fatwa penasaban adalah tidak melanggar *maṣlaḥah ḥifzhu al-nasl* kerana anak dilahirkan di dalam *al-firāsy* tanpa wujud pengingkaran dari suami si ibu oleh perbuatan *li'ān*.

v. Penghujahan atas alasan mendahulukan *maṣlaḥah 'āmmah* berbanding *maṣlaḥah khāṣah* adalah tidak tepat kerana kebolehlaksanaan kedua-duanya di dalam waktu yang sama membatalkan kaedah fiqh tersebut. Lebih-lebih lagi apabila dakwaan mafsadah yang dibawa oleh fatwa penasaban adalah bersifat *zhanni* semata-mata, dan tidak *rajīḥ* untuk dicegah.

Oleh hal demikian, kajian sekali lagi mempertahankan penghujahan bahawa fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah boleh dilaksanakan menurut penghujahan hukum syarak, keperluan di dalam masyarakat, serta kewujudan kelompongan di dalam perundangan dan penghujahan yang menolak pelaksanaannya[130]. Fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah boleh

Universiti Utara Malaysia

[130] Walaupun begitu, pihak yang menolak penasaban anak kurang enam bulan berpandangan seperti berikut: Fatwa yang mengharuskan penasaban anak kurang enam bulan tidak diperlukan kerana:
(i) Wujudnya permohonan untuk mendapatkan nasab bagi anak kategori ini yang dijadikan alasan bahawa fatwa ini diperlukan adalah tidak tepat. Ini kerana bukan semua jenis permohonan dan permintaan perlu dipenuhi dan disantuni. Permohonan yang tidak dibenarkan oleh syara' tidak seharusnya dipenuhi sama sekali.
(ii) *Maslahah 'ammah* perlu diutamakan daripada *maslahah khassah*. *Maslahah 'ammah* ialah menyelamatkan masyarakat daripada perbuatan zina melalui fatwa yang menghalang pemberian nasab kepada anak zina. Manakala *maslahah khassah* ialah maslahah yang boleh diperolehi oleh sebahagian kecil anak tidak sah taraf yang lahir kurang daripada enam bulan daripada tarikh pernikahan ibu dan ayahnya melalui pengaplikasian fatwa yang memberi penasaban kepada anak ini. Menurut syara', *maslahah'ammah* perlu didahulukan daripada *maslahah khassah* berasaskan kaedah fiqh yang berbunyi:

"المصلحة العامة مقدمة على المصلحة الخاصة"

Maksudnya: '*Maslahah 'ammah* didahulukan daripada *maslahah khassah* (al-Suyuti,1983).

dilaksanakan dengan syarat pelaksanaan didahului oleh langkah-langkah yang akan dibincangkan di dalam subtopik seterusnya.

5.3.2 Langkah yang perlu diambil sebagai syarat kebolehlaksanaan

Perbincangan seterusnya adalah mengenai langkah yang perlu diambil tindakan oleh pihak-pihak berkenaan sekiranya fatwa penasaban ingin dilaksanakan pemakaiannya menurut perundangan di Malaysia. Perlu difahami terlebih dahulu bahawa kajian berikut merupakan usul yang diberikan hasil semakan terhadap ruang pelaksanaan melalui perundangan di Malaysia. Sebaliknya pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan tetap berbalik kepada bidang kuasa agensi penguatkuasaan di peringkat negeri masing-masing.

(iii) Fatwa yang tidak mengharuskan penasaban anak kurang enam bulan berpotensi untuk mencantas perbuatan zina daripada akar umbinya. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, fatwa ini mampu memberi kesedaran kepada kaum wanita agar tidak terperangkap dengan pujukan lelaki untuk melakukan zina. Ini kerana fatwa ini menghalang anak daripada mendapat nasab lelaki penzina sebagai hukuman ke atas perbuatan jijiknya. Jika lelaki penzina tidak mahu bertanggungjawab atas perbuatannya, wanita tersebut terpaksa menghadapi segala kesusahan seorang diri sejak mula mengandung, melahir dan membesarkan anak. Justeru, fatwa ini mampu memberi perasaan gerun kepada wanita apabila memikirkan kesusahan yang akan dihadapi sekiranya melakukan zina dan lelaki penzina tidak mahu bertanggungjawab. Lantas, kaum wanita tidak akan terjerat dalam pujukan lelaki. Kesedaran ini sangat penting terhadap kaum wanita kerana zina tidak akan berlaku melainkan dengan persetujuan kaum wanita.

(iv) Penyataan bahawa maslahah anak tidak sah taraf ini terjamin jika fatwa yang mengharuskan penasaban dilaksanakan adalah tidak tepat. Ini kerana maslahah anak ini tetap akan terpelihara walaupun fatwa ini tidak dilaksanakan memandangkan ibu anak ini jika mengahwini lelaki penzina, maka lelaki tersebut akan menjadi bapa tirinya. Anak ini masih boleh dipelihara oleh bapa biologinya sebagai bapa tiri dengan penuh kasih sayang dan terjamin segala kebajikannya. Selain itu, kajian-kajian perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi mengenalpasti pendekatan-pendekatan lain selain yang sedia ada yang boleh diambil daripada pelbagai pihak dalam menjamin maslahah anak tidak sah taraf kategori yang lahir kurang daripada enam bulan daripada tarikh pernikahan ibu dan ayahnya dan juga kategori-kategori yang lain.

(v) Fatwa penasaban anak kurang enam bulan ini akan mengundang kecelaruan dalam masyarakat Malaysia yang selama ini berpegang kepada hukum tidak harus menasabkan anak yang lahir kurang daripada enam bulan daripada tarikh penikahan ibu dan ayahnya.

Fatwa yang mengharuskan penasaban anak kurang enam bulan sukar dilaksanakan kerana:

(i) Kesepakatan antara semua Jawatankuasa Fatwa di seluruh Malaysia terhadap pelaksanaan fatwa ini sukar dicapai kerana ia melanggar prinsip-prinsip asas pengeluaran fatwa di Malaysia.

(ii) Fatwa ini bertentangan dengan pandangan jumhur fuqaha yang terdiri daripada keempat-empat mazhab fiqh yang mu'tabar. Manakala fatwa ini merupakan pandangan segelintir kecil fuqaha. Oleh itu, berpegang dengan mazhab jumhur adalah lebih selamat daripada berlakunya kesilapan.

(iii) Langkah-langkah pelaksanaan yang dicadangkan adalah tidak realistik dan sukar dilaksanakan. Ini kerana ia perlu mendapat persetujuan banyak pihak yang berautoriti di peringkat negeri dan persekutuan. Sedangkan berdasarkan realiti semasa dan setempat, kesepakatan tersebut sukar dicapai kerana tidak ada mana-mana badan berautoriti yang menyokong fatwa penasaban anak kurang enam bulan ini kecuali di negeri Perlis.

Perbincangan dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu: (i) langkah pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pada peringkat Negeri; dan (ii) langkah pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pada peringkat Persekutuan.

i. Langkah pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pada peringkat Negeri

Pelaksanaan pada peringkat Negeri secara individu melibatkan lima agensi utama iaitu: Jawatankuasa Fatwa Negeri; Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri; Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri; Jabatan Kehakiman Syariah Negeri serta Jabatan Pendaftaran Negara.



Rajah 5.4. Agensi terlibat dalam pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pada peringkat negeri

Universiti Utara Malaysia



Rajah 5.5. Langkah pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan di negeri

i. Langkah Satu: Jawatankuasa Fatwa Negeri

Jawatankuasa Fatwa Negeri merupakan agensi utama ke arah pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pada peringkat negeri. Terdapat dua perkara yang perlu dilakukan oleh JFN, iaitu:

Pertama: Mengeluarkan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

Jawatankuasa Fatwa Negeri perlu mengeluarkan keputusan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan berdasarkan dua pilihan, iaitu: (a) Mengambil fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh JFN Perlis[131] sebagai asas rujukan;

[131] Fatwa asal yang telah diwartakan dalam *ṣīghah* seperti berikut:

atau (b) Mengadakan perbincangan semata-mata berasaskan Garis panduan pengeluaran fatwa (2017) dari MKI. Hal demikian kerana, garis panduan tersebut menyatakan bahawa sesuatu pendapat boleh dipertimbangkan pelaksanaannya selagimana merupakan pendapat mazhab tidak kira Hanafi, Maliki dan Hanbali, serta didapati *maṣlaḥah* pendapat tersebut mendahului pendapat Mazhab Syafii. Proses perincian perbincangan dari pilihan kedua ini telah dibincangkan di dalam subtopik 'Halangan kepada pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan' yang lepas.

Hasil keputusan fatwa dari muzakarah JFN dalam isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, perlu lengkap menjawab perkara-perkara berikut, iaitu:

a) Anak kelahiran kurang enam bulan adalah merangkumi anak yang dihamilkan oleh aktiviti seksual sebelum pernikahan seperti penzinaan atau jenayah rogol.
b) Anak dinasabkan kepada suami si ibu serta membolehkan anak dibinkan kepada lelaki terbabit.
c) Penasaban membawa kepada hukum susulan antara anak dengan bapa termasuk dalam hal nafkah, mahram, pewalian dan pewarisan.

Usul teks fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, adalah dengan *ṣīghah* seperti berikut:

> "Anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dinasabkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami.
>
> Penasaban melibatkan:
>
> (1) Anak yang lahir kurang enam bulan oleh sebab masalah kesihatan atau kehamilan berlaku sebelum pernikahan sama ada dari aktiviti seksual atau jenayah seksual.
>
> (2) Pensabitan hukum antara anak dengan bapa dalam perihal *bunuwwah*, nafkah, mahram, pewalian dan pewarisan"

"Anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami"

Kedua: Membuat permohonan pewartaan fatwa dari MAIN

Selepas fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan telah diputuskan dengan *ṣīghah* tertentu, JFN perlu membuat permohonan pewartaan keputusan fatwa dari MAIN agar fatwa dapat dikuatkuasakan.

ii. Langkah Dua: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri

Keputusan dari JFN perlu dibawa ke peringkat MAIN bagi perbincangan dan penguatkuasaan seterusnya. Selaku agensi yang menguruskan pewartaan keputusan fatwa menurut Seksyen 48(6) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003[132], terdapat dua langkah yang perlu dilakukan oleh MAIN, iaitu:

Pertama: Mewartakan fatwa melalui Enakmen Pentadbiran

Ahli MAIN perlu menerima teks keputusan fatwa dari JFN sebagai langkah pertama pelaksanaan fatwa pada peringkat undang-undang negeri. Fatwa akan dipersembahkan kepada DYMM Raja atau Sultan untuk diperkenan. Selepas diperkenan oleh DYMM, proses pewartaan fatwa adalah secara langsung berkuatkuasa[133] di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam.

Kedua: Membawa fatwa kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri

Fatwa yang telah diperkenan dan diwartakan perlu dibawa kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri. Hal demikian kerana, Penasihat Undang-Undang membantu

[132]Seksyen 48. Tatacara pembuatan fatwa: "(6) Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, Majlis hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan selepas itu hendaklah menyebabkan fatwa itu disiarkan dalam Warta"

[133] Seksyen 49. Fatwa yang disiarkan atau dimaklumkan adalah mengikat: (1) Apabila mana-mana fatwa telah disiarkan atau dimaklumkan, maka fatwa itu hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Johor sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya di sisi agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia telah mendapat kecualian oleh Jawatankuasa Fatwa berdasarkan Hukum Syarak; (2) Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah di dalam Negeri Johor tentang semua perkara yang dinyatakan dalamnya.".

meneliti dan membentuk draf pindaan dalam Enakmen Undang-Undang Negeri sedia ada mengikut fatwa yang diwartakan.

- **Langkah Tiga: Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri**

Penasihat Undang-Undang Negeri merupakan wakil Jabatan Peguam Negara Malaysia dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, sebagai penasihat hal ehwal perundangan pada peringkat negeri, termasuklah dalam perihal menggubal atau menyemak semula teks perundangan dan Enakmen Negeri (*Perundangan*, t.t). Terdapat tiga perkara yang perlu dilakukan oleh Pegawai Penasihat Undang-Undang.

Pertama: Menyediakan draf pindaan Enakmen

Teks perundangan usul pindaan yang disediakan perlu merangkumi dua perkara penting iaitu usul pindaan Enakmen UUKI, dan usul pindaan Enakmen Jenayah Syariah.

c) Pindaan Enakmen UUKI

- Siapakah yang dikaitkan dengan bapa. Pindaan perlu dilakukan dari syarat enam bulan kehamilan bagi pensabitan nasab anak kepada kelahiran di dalam tempoh pernikahan ibu dan bapa.

  Dalam masa yang sama, pindaan mengenai sokongan ujian DNA bagi anak yang dinafikan oleh bapa perlu dimasukkan sebagai keterangan di dalam bahagian tersebut. Hal demikian kerana ujian DNA adalah hak ibu bagi membersihkan tuduhan dan mensabitkan nasab anak.

- Syarat-syarat bagi pengakuan yang sah. Pindaan melibatkan syarat pernikahan berlaku dalam masa pembenihan kepada syarat pernikahan berlaku dalam masa kelahiran anak.

Universiti Utara Malaysia

d) Pindaan Enakmen Jenayah Syariah

Pindaan yang diusulkan adalah melibatkan peruntukan Seksyen berhubung persetubuhan luar nikah atau persetubuhan haram atau berzina[134] di dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri. Pindaan perlu memasukkan perincian perihal bapa yang memohon pengesahan taraf anak kelahiran kurang enam bulan. Pensabitan hukuman dari peruntukan tersebut menjadi syarat pensabitan nasab anak ke atas Pemohon atau suami si ibu.

Kedua: Membawa usul pindaan Enakmen ke Dewan Undangan Negeri

Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah penggubal kepada perundangan dan dasar negeri (Peranan & Keahlian, t.t). Justeru, dalam pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pada peringkat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri, DUN berperanan dalam meluluskan usul pindaan Enakmen UUKI dan Enakmen Jenayah Syariah.

Ketiga: Menguruskan pewartaan Enakmen selepas pindaan

Usul pindaan Enakmen yang telah diluluskan oleh DUN kemudiannya dibawa semula ke Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri. Pegawai Undang-Undang perlu menguruskan penggubalan Enakmen yang telah dipinda bagi penyiaran dalam Warta Kerajaan Negeri (*Perundangan*, t.t.). Setelah diwartakan, Enakmen selepas pindaan adalah terpakai dalam undang-undang di Mahkamah Syariah oleh mana-mana pihak.

[134] Bergantung kepada istilah di dalam Enakmen Jenayah Syariah peruntukan negeri masing-masing

iv. Langkah Empat: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri

Selaku pihak pelaksana, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri perlu bersetuju melaksanakan tindakan seperti berikut:

Merujuk Enakmen UUKI dan Jenayah Syariah selepas pindaan

Hakim Syarii yang bersidang bagi kes permohonan pengesahan taraf anak perlu merujuk Enakmen UUKI selepas pindaan dalam memberi keputusan dan alasan penghakiman. Selain itu, Hakim Syarii berkuasa mensabitkan kesalahan menurut Enakmen Jenayah Syariah terhadap Pemohon sebelum disabitkan status sah taraf anak.

v. Langkah Lima: Jabatan Pendaftaran Negara

Langkah terakhir ke arah pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah pada peringkat JPN bagi cawangan negeri, iaitu:

Mengiktiraf sijil pernikahan dan perakuan sah taraf dari Mahkamah Syariah

Selepas permohonan pengesahan taraf anak diluluskan pada peringkat Mahkamah Syariah, permohonan akan dilanjutkan kepada JPN untuk urusan pendaftaran sijil kelahiran. Justeru, JPN hanya perlu meletakkan dua syarat utama pendaftaran kelahiran bagi anak kelahiran kurang enam bulan, iaitu (a) sijil pernikahan Pemohon, dan (b) perakuan sah taraf status anak dari Mahkamah Syariah. Sekiranya Pemohon menyediakan dua dokumentasi tersebut, proses pendaftaran anak membolehkan nama Pemohon iaitu bapa disertakan di dalam sijil pendaftaran kelahiran.

Universiti Utara Malaysia

Kedua: Langkah pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pada peringkat Persekutuan

Pelaksanaan pada peringkat Persekutuan melibatkan empat agensi utama iaitu: Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia; Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil JAKIM; Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia; serta Jabatan Pendaftaran Negara.



Rajah 5.6. Agensi terlibat dalam pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pada peringkat Persekutuan

Di dalam situasi pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pada peringkat Persekutuan, isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah terlebih dahulu mesti melalui proses pembentangan pada peringkat MKI. Kajian mendapati, fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh JFN Perlis merupakan sampel dalam isu tersebut, kerana berdasarkan penelitian, tiada lagi negeri-negeri lain di Malaysia mempunyai fatwa ber*gazette* dalam perihal pensabitan nasab anak kelahiran kurang enam bulan.

Oleh hal demikian, Oleh hal demikian, kajian telah meletakkan fatwa penasaban oleh JFN Perlis sebagai sampel yang perlu dilihat dan dinilai semula oleh MKI. MAIPs pula merupakan pihak yang bertanggungjawab membawa dan membentangkan isu fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dalam muzakarah MKI. Hal demikian kerana, dalam perihal pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

semenjak pewartaannya, MAIPs telah berperanan sebagai pihak perunding bagi urusan perundingan bersama agensi-agensi berkepentingan khususnya pada peringkat Persekutuan (Mohd Nazim, 2022).



Rajah 5.7. Langkah pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pada peringkat Persekutuan

i. Langkah Satu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Perlis (MAIPs) merupakan agensi yang menguruskan pewartaan keputusan fatwa menurut Seksyen 48(6) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006[135]. Justeru, terdapat tiga langkah yang perlu dilakukan oleh ahli Majlis MAIPs, iaitu:

Pertama: Membuat kertas kerja pembentangan usul fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

Ahli MAIPs perlu membentuk jawatankuasa pembuat kertas kerja pembentangan usul fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Pembentangan merangkumi hujah dari hukum syarak, kewujudan *maṣlaḥah* dalam kalangan masyarakat yang dibuktikan serta kelompongan di dalam perundangan yang membolehkan pelaksanaan.

Terdapat beberapa pilihan MAIPs dalam membawa kertas kerja usul fatwa penasaban ke peringkat MKI, iaitu: (a) membawa usul fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan secara tunggal; atau (b) membawa usul fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan beserta fatwa susulan yang telah diwartakan[136]; atau (c) membawa usul fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan yang telah dipinda dan diwartakan[137].

---

[135]Seksyen 48. Tatacara pembuatan fatwa: "(6) Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, Majlis hendaklah memaklumkan Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan selepas itu hendaklah menyebabkan fatwa itu disiarkan dalam Warta"

[136] Fatwa berkaitan *mīrāth*, wali perkahwinan dan *maḥrāmiyyah* bagi anak tidak sah taraf dengan *ṣīghah* seperti berikut: "Anak yang telah dibinkan oleh mahkamah kepada bapanya, mereka saling mewarisi harta pusaka, terlaksana hukum-hakam perwalian dan mahramiyyah (status mahram)" (Fatwa berkaitan, 2021. Hal. 7)

[137] Usul teks fatwa yang diperbaharui adalah dengan *ṣīghah* seperti berikut:

"Anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dinasabkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami.

Penasaban melibatkan: (1) Anak yang lahir kurang enam bulan oleh sebab masalah kesihatan atau kehamilan berlaku sebelum pernikahan sama ada dari aktiviti seksual atau jenayah seksual; (2)

Kedua: Membuat permohonan dari MKI bagi tujuan pembentangan usul fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

Selaku ahli tertinggi perihal agama Islam dalam MAIPs (*Senarai ahli Majlis*, t.t), Mufti Negeri Perlis perlu membuat permohonan pembentangan pada peringkat MKI bagi membawa usul fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

ii. Langkah Dua: Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

Isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan perlu diusulkan pada peringkat MKI bagi perbincangan dan pelaksanaan Nasional. Usul berlangsung melalui muzakarah Jawatankuasa Muzakarah MKI kerana melibatkan permohonan pihak-pihak tertentu, berbanding mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah MKI yang hanya melibatkan permohonan Majlis Raja-Raja sahaja (Jawatankuasa Muzakarah, t.t).

Terdapat empat langkah perlu diambil oleh MKI bagi menggerakkan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

Universiti Utara Malaysia

Pertama: Menerima permohonan pembentangan dari MAIPs dalam usul penasaban anak kelahiran kurang enam bulan

Penerimaan permohonan adalah langkah pertama bagi membawa kepada perbincangan dalam kalangan ulama di Malaysia. Usul teks hukum untuk dibentang dan dibahaskan adalah dengan *ṣīghah* lengkap seperti berikut:

> "Anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dinasabkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami.
>
> Penasaban melibatkan:
>
> (1) Anak yang lahir kurang enam bulan oleh sebab masalah kesihatan atau kehamilan berlaku sebelum pernikahan sama ada dari aktiviti seksual atau jenayah seksual.

Pensabitan hukum antara anak dengan bapa dalam perihal bunuwwah, nafkah, mahram, pewalian dan pewarisan"

(2) Pensabitan hukum antara anak dengan bapa dalam perihal *bunuwwah*, nafkah, mahram, pewalian dan pewarisan"

Kedua: Melangsungkan muzakarah Jawatankuasa MKI berasaskan Garis Panduan Pengeluaran Fatwa yang telah dikeluarkan oleh MKI

Berdasarkan kepada Garis panduan pengeluaran fatwa (2017), sesuatu pendapat boleh dipertimbangkan pelaksanaannya selagimana merupakan pendapat mazhab tidak kira Hanafi, Maliki dan Hanbali, serta didapati *maṣlaḥah* pendapat tersebut mendahului pendapat Mazhab Syafii. Proses perincian perbincangan dari pilihan kedua ini telah dibincangkan di dalam subtopik 'Halangan kepada pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan' yang lepas.

Ketiga: Merafakkan keputusan muzakarah Jawatankuasa Muzakarah MKI ke Majlis Raja-Raja bagi mendapatkan perkenan

Pandangan hukum yang disepakati perlu dirafakkan kepada DYMM Majlis Raja-Raja untuk mendapat persetujuan dan diperkenankan pelaksanaannya. Selepas mendapat perkenan DYMM Majlis Raja-Raja, secara mafhumnya keputusan telah mencapai taraf rujukan perundangan Persekutuan dan diterima pakai pada peringkat Nasional. Kemudian, pandangan hukum penasaban yang telah diperkenan perlu disusuli dengan tindakan:

a) Penyiaran teks pandangan hukum melalui laman web rasmi MKI. Siaran perlu disertakan perincian hujah dan dalil yang jelas.
b) Hebahan dan penjelasan perlu dilakukan oleh semua agensi di bawah JAKIM bagi memberi kesedaran dan kefahaman kepada rakyat Malaysia beragama Islam. Penjelasan boleh merangkumi aktiviti khutbah Jumaat, kuliah mingguan di Masjid, program agama di media elektronik dan penulisan di media internet.

Universiti Utara Malaysia

c) Pindaan Garis Panduan Penamaan dan Kedudukan Anak Tidak Sah Taraf yang telah diterbitkan dan menjadi rujukan semua agensi kerajaan semenjak tahun 1998. Pindaan adalah penting bagi rujukan prosedur JPN dalam perihal pendaftaran anak bagi rakyat beragama Islam.

   Pindaan melibatkan pengeluaran kenyataan anak kelahiran kurang enam bulan dari penjelasan anak tidak sah taraf, sekaligus menepati fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, iaitu anak tidak sah taraf adalah anak yang dilahirkan oleh ibu tanpa pernikahan, dan anak yang dilahirkan di dalam pernikahan namun diingkari oleh bapa.

Penguatkuasaan pandangan hukum pula berada di bawah tanggungjawab Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) selaku agensi agama di bawah kuasa Seri Paduka Baginda Yang Di-pertuan Agong, kerajaan Persekutuan dan JAKIM (*ahli MAIWP*, t.t; *Sejarah penubuhan,* t.t; *Objektif & fungsi*, t.t).

Universiti Utara Malaysia

Keempat: Membawa keputusan yang telah diperkenan kepada Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil JAKIM

Pandangan hukum penasaban anak kelahiran kurang enam bulan yang telah diperkenan oleh Majlis Raja-Raja perlu dibawa kepada Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil JAKIM. Hal demikian kerana, Jawatankuasa membantu dalam penelitian dan pembentukan draf perundangan dari pandangan hukum tersebut.

iii. Langkah Tiga: Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil JAKIM

Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil JAKIM telah ditubuhkan pada tahun 1988, sebagai sebuah ruang forum antara ahli perundangan Sivil dan pakar perundangan Syariah bagi membincangkan hal ehwal Undang-Undang Syariah di Malaysia. Jawatankuasa berperanan sebagai penyelaras dalam membuat semakan kepada beberapa undang-undang sedia ada, serta penyelaras dalam menyediakan draf undang-undang baru bagi pemakaian di Mahkamah Syariah (Abdul Monir Yaacob, 2013). Anggota Jawatankuasa Teknikal merupakan lantikan secara pentadbiran oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) berdasarkan cadangan daripada Ketua Pengarah JAKIM. Terdapat tiga langkah perlu disegerakan pelaksanaannya oleh ahli Jawatankuasa Teknikal.

Pertama: Membentuk rang undang-undang dengan merujuk kepada Jabatan Peguam Negara

Universiti Utara Malaysia

Selaku penasihat perundangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam perundangan Sivil dan Syariah (*Official Portal Attorney*, t.t), Jabatan Peguam Negara merupakan agensi penting bagi membuka jalan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pada peringkat Persekutan. Jabatan Peguam Negara berperanan sebagai penasihat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil mengenai pembentukan rang undang-undang dan strategi pelaksanaannya pada peringkat Nasional.

Rang undang-undang yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal perlu merangkumi usul pindaan Akta 303 Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 melibatkan Seksyen 110[138] dan Seksyen 114[139], serta usul pindaan Akta 559 Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 bagi Seksyen 23[140]. Memandangkan rang udang-undang bagi usul pindaan berikut juga merupakan model pindaan Enakmen UUKI dan Enakmen Jenayah Syariah pada peringkat negeri, Jawatankuasa Teknikal perlu mengambilkira pandangan Negeri-Negeri dalam penyediaan tersebut (Mekanisme penyelarasan, 2015). Pindaan perlu dibawa ke meja perundingan bagi proses pelaksanaan secara menyeluruh. Tiga bahagian dalam dua undang-undang yang perlu diusulkan pindaan adalah:

[138] Seksyen 110. Siapakah yang dikaitkan sebagai bapa: "Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan *qamariah* dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun *qamariah* selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara *li'ān* atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah" (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984).

[139] Seksyen 114. Syarat-syarat bagi pengakuterimaan yang sah: "Jika seseorang lelaki mengaku seorang lain, sama ada dengan nyata atau dengan tersirat, sebagai anaknya yang sah, lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu jika syarat-syarat yang berikut dipenuhi, iaitu—(a) tiada seseorang lain disifatkan sebagai bapa anak itu; (b) perbezaan antara umur lelaki itu dengan umur anak itu memunasabahkan pertalian antara mereka sebagai bapa dan anak; (c) jika anak itu telah akil baligh, di mana dia boleh membuat keputusan, anak itu telah mempersetujui tentang dia diakui sebagai anak; (d) lelaki dan ibu anak itu mungkin boleh disatukan dengan sah dalam perkahwinan pada masa pembenihan; (e) pengakuterimaan itu bukannya semata-mata mengakui anak itu sebagai anaknya, tetapi mengakui anak itu sebagai anak sah tarafnya; (f) lelaki itu adalah berkeupayaan membuat kontrak; (g) pengakuterimaan itu dibuat dengan tujuan semata-mata untuk memberi taraf kesahtarafan; (h) pengakuterimaan itu adalah jelas maksudnya dan anak itu adalah diakui sebagai anak kandungnya" (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984).

[140] Seksyen 23. Persetubuhan luar nikah: "(1) Mana-mana orang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan orang perempuan yang bukan isterinya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu; (2) Mana-mana orang perempuan yang melakukan persetubuhan dengan orang lelaki yang bukan suaminya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana hukuman itu; (3) Hakikat bahawa seorang perempuan hamil luar nikah akibat daripada persetubuhan yang dilakukan dengan kerelaannya adalah keterangan prima facie tentang pelakuan kesalahan di bawah subseksyen (2) oleh orang perempuan itu; (4) Bagi maksud subseksyen (3), mana-mana orang perempuan yang melahirkan anak yang sempurna sifatnya dalam tempoh yang kurang daripada enam bulan *qamariah* dari tarikh pernikahannya hendaklah disifatkan telah hamil luar nikah" (Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997).

a) Usul pindaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

- Seksyen 110: Siapakah yang dikaitkan dengan bapa. Pindaan perlu dilakukan dari syarat enam bulan kehamilan bagi pensabitan nasab anak kepada kelahiran di dalam tempoh pernikahan ibu dan bapa.

  Dalam masa yang sama, pindaan mengenai sokongan ujian DNA bagi anak yang dinafikan oleh bapa perlu dimasukkan sebagai keterangan di dalam bahagian tersebut. Hal demikian kerana ujian DNA adalah hak ibu bagi membersihkan tuduhan dan mensabitkan nasab anak.

- Seksyen 114: Syarat-syarat bagi pengakuterimaan yang sah. Pindaan melibatkan syarat '(d) lelaki dan ibu anak itu mungkin boleh disatukan dengan sah dalam perkahwinan pada masa pembenihan' kepada syarat pernikahan berlaku dalam masa kelahiran anak.

b) Usul pindaan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997

- Seksyen 23: Persetubuhan luar nikah. Pindaan melibatkan perincian perihal bapa yang memohon pengesahan taraf anak kelahiran kurang enam bulan. Pensabitan hukuman dari peruntukan tersebut menjadi syarat pensabitan nasab anak ke atas Pemohon atau suami si ibu.

Kedua: Membawa rang undang-undang ke persidangan Parlimen

Seterusnya, Jawatankuasa Teknikal perlu membawa rang undang-undang mengenai usul pindaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam dan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) sekaligus model kepada pindaan Enakmen di peringkat negeri ke persidangan Parlimen agar implementasi dapat dijalankan secara seragam. Bidangkuasa Parlimen dalam penetapan Undang-Undang Syariah Negeri

Universiti Utara Malaysia

termaktub dalam Fasal 76[141] Perlembagaan Persekutuan dengan syarat mendapat persetujuan dari rundingan bersama Kerajaan Negeri. Usul yang diluluskan oleh sidang Parlimen membantu pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dalam kerangka pelaksanaan Nasional.

Ketiga: Memastikan rang undang-undang mendapat sokongan Parlimen dan diluluskan

Jawatankuasa Teknikal perlu melaksanakan proses penerangan dan soal jawab dalam kalangan ahli Parlimen bagi memberi penjelasan terhadap isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dan keperluan pelaksanaannya. Penjelasan yang dapat meyakinkan ahli Parlimen membantu mendapatkan sokongan dan undian majoriti. Menurut Perkara 159[142], sokongan majoriti atau undian tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Parlimen membolehkan rang undang-undang mendapat kelulusan bagi penguatkuasaan.

Universiti Utara Malaysia

[141] Perkara 76. Kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang bagi Negeri-Negeri dalam hal-hal tertentu: (1) Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri, tetapi hanya seperti yang berikut sahaja, iaitu: (a) bagi maksud melaksanakan apa-apa triti, perjanjian atau konvensyen antara Persekutuan dengan mana-mana negara lain, atau apa-apa keputusan sesuatu organisasi antarabangsa yang dianggotai oleh Persekutuan; atau (b) bagi maksud menggalakkan keseragaman undang-undang antara dua Negeri atau lebih; atau (c) jika diminta sedemikian oleh Dewan Undangan mana-mana Negeri; (2) Tiada undang-undang boleh dibuat menurut perenggan (a) Fasal (1) mengenai apa-apa perkara mengenai hukum Syarak atau adat orang Melayu atau mengenai apa-apa perkara tentang undang-undang atau adat anak negeri di Negeri Sabah dan Sarawak dan tiada Rang Undang-Undang bagi suatu undang-undang di bawah perenggan itu boleh dibawa di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen sehingga Kerajaan mana-mana Negeri yang berkenaan telah dirundingi (Perlembagaan Persekutuan, 2010)

[142] Perkara 159. Pindaan Perlembagaan: "… (3) Sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada Perlembagaan (selain pindaan yang dikecualikan daripada peruntukan Fasal ini) dan sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada sesuatu undang-undang yang diluluskan di bawah Fasal (4) Perkara 10 tidaklah boleh diluluskan di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen melainkan jika Rang Undang-Undang itu telah disokong pada Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu" (Perlembagaan Persekutuan, 2010).

Selepas usul diluluskan, penasaban anak kelahiran kurang enam bulan diterima pemakaiannya secara langsung dalam perundangan di peringkat Wilayah Persekutuan, melibatkan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

iv. Langkah Empat: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Selaku pihak pelaksana, JKSM perlu bersetuju melaksanakan tindakan seperti berikut:

Merujuk Akta UUKI dan Jenayah Syariah selepas pindaan

Hakim Syarii yang bersidang bagi kes permohonan pengesahan taraf anak di Mahkamah Syariah Wilayah - Wilayah Persekutuan perlu merujuk Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 selepas pindaan dalam memberi keputusan dan alasan penghakiman. Selain itu, Hakim Syarii berkuasa mensabitkan kesalahan menurut Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 terhadap Pemohon sebelum disabitkan status sah taraf anak.

v. Langkah Lima: Jabatan Pendaftaran Negara

Kajian mendapati, terdapat bidang kuasa JPN menurut Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Akta 299), di bawah peruntukan Seksyen 13 berkenaan maklumat bapa di dalam pendaftaran anak kelahiran di luar pernikahan sebagaimana yang termaktub seperti berikut:

> *"13. Notwithstanding anything in the foregoing provisions of this Act, in the case of an illegitimate child, no person shall as father of the child be required to give information concerning the birth of the child, and the Registrar shall not enter in the register the name of any person as father of the child except at the joint request of the mother and the person acknowledging himself to be the father of the child, and that person shall in that case sign the register together with the mother.*
>
> *Surname of child: 13A. (1) The surname, if any, to be entered in respect of a legitimate child shall ordinarily be the surname, if any, of the father. (2) The surname, if any, to be entered in respect of an illegitimate child may where the mother is the informant and volunteers the information, be the surname of the mother; provided that where the person acknowledging*

himself to be the father of the child in accordance with section 13 requests so, the surname may be the surname of that person"

Namun demikian kajian melihat kepada keperluan untuk tidak membenarkan Pemohon beragama Islam membuat pendaftaran anak kelahiran kurang enam bulan di bawah Seksyen tersebut, tanpa didahului proses pensabitan sah taraf di Mahkamah Syariah terlebih dahulu. Hal demikian adalah kerana:

a) Permohonan di bawah Seksyen 13 adalah terlalu umum melibatkan pasangan yang belum melangsungkan pernikahan, sedangkan fatwa penasaban yang dimaksudkan adalah mewajibkan wujudnya pernikahan antara ibu dan bapa.
b) Permohonan di bawah Seksyen 13 adalah untuk memasukkan maklumat Pemohon ke dalam ruang maklumat bapa, namun tidak membawa kepada pengiktirafan bin / binti kepada Pemohon. Sedangkan pensabitan pengesahan taraf di Mahkamah Syariah membawa bersama pensabitan segala hak *bunuwwah* antara anak dengan bapa.
c) Permohonan di bawah Subseksyen 13(A) melibatkan pendaftaran nama keluarga dari sebelah bapa, sedangkan amalan bin / binti adalah menggunakan nama asal bapa yang bersifat individu (Irwan Shafrizan, 2019). Justeru hal demikian dilihat bertentangan dengan peruntukan yang dimaksudkan oleh subseksyen tersebut.
d) Pensabitan nasab anak kelahiran kurang enam bulan perlu didahului pensabitan hukuman terhadap ibu bapa menurut Akta atau Enakmen Jenayah Syariah bagi kesalahan zina atau persetubuhan haram atau apa-apa kesalahan yang berkaitan menurut teks di peringkat negeri masing-masing.

Oleh hal demikian, kajian melihat bahawa Seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian tersebut adalah tidak perlu dipinda, dan dikekalkan pemakaiannya kepada Pemohon bukan beragama Islam sahaja sebagaimana pelaksanaan sedia ada.

Universiti Utara Malaysia

Sebaliknya, dalam pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, skop bidang kuasa pada peringkat JPN, adalah:

Mengiktiraf sijil pernikahan dan perakuan sah taraf dari Mahkamah Syariah

Selepas permohonan pengesahan taraf anak diluluskan pada peringkat Mahkamah Syariah, permohonan akan dilanjutkan kepada JPN untuk urusan pendaftaran sijil kelahiran. Justeru, JPN hanya perlu meletakkan dua syarat utama pendaftaran kelahiran bagi anak kelahiran kurang enam bulan, iaitu (a) sijil pernikahan Pemohon, dan (b) perakuan sah taraf status anak dari Mahkamah Syariah. Sekiranya Pemohon menyediakan dua dokumentasi tersebut, proses pendaftaran anak membolehkan nama Pemohon atau suami si ibu disertakan di dalam sijil pendaftaran kelahiran.

5.4 Kesimpulan

Kajian terhadap pihak badan kehakiman menunjukkan kebolehlaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan menurut perundangan. Analisis kes permohonan pengesahan taraf oleh alasan anak kelahiran kurang enam bulan di Mahkamah Syariah lima buah negeri iaitu Perlis, Perak, Selangor, Terengganu dan Johor mendapati berlaku pertindihan dalam alasan penghakiman. Manakala dari segi halangan pelaksanaan menurut perundangan, iaitu (i) Konteks fatwa yang diwartakan JFN Perlis; dan (ii) Ketetapan Garis panduan pengeluaran fatwa oleh MKI menunjukkan bahawa kedua-duanya adalah boleh diatasi menurut cadangan yang telah dibincangkan.

Kajian seterusnya mengeluarkan kelompongan dari penghujahan melibatkan lima isu, iaitu: (i) Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan tidak mempunyai sumber hujah syarak; (ii) Anak kelahiran kurang enam bulan tidak boleh dinasabkan kerana anak zina; (iii) Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan akan menggalakkan lagi

Universiti Utara Malaysia

aktiviti zina di dalam masyarakat; (iv) Permasalahan status tidak sah taraf belum mencapai tahap kemudaratan yang perlu ditangani dengan penasaban; dan (v) Isu tidak sah taraf bersifat kemaslahatan individu bukan kemaslahatan umum. Berdasarkan analisis dokumentasi dan lapangan yang telah dilakukan, kajian mengkonklusikan dakwaan lima isu berikut adalah tidak tepat dan salah faham berpunca dari kecelaruan dalam memahami keluasan hukum syarak serta perbezaan asas perbincangan yang dibawa oleh fatwa penasabaan anak kelahiran kurang enam bulan.

Oleh hal demikian, kajian mempertahankan penghujahan bahawa fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah boleh dilaksanakan menurut penghujahan hukum syarak, keperluan di dalam masyarakat, serta kewujudan kelompongan di dalam perundangan dan penghujahan yang menolak pelaksanaannya. Namun, fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan hanya boleh dilaksanakan dengan syarat didahului pelaksanaan terhadap Langkah yang telah dinyatakan oleh pihak-pihak berkenaan.

Universiti Utara Malaysia

Perbincangan dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu: (i) langkah pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pada peringkat Negeri; dan (ii) langkah pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pada peringkat Persekutuan. Langkah pelaksanaan pada peringkat Negeri secara individu melibatkan lima agensi utama iaitu: Langkah Satu, Jawatankuasa Fatwa Negeri; Langkah Dua, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri; Langkah Tiga, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri; Langkah Empat, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri; dan terakhir, Jabatan Pendaftaran Negara. Manakala, pelaksanaan pada peringkat Persekutuan melibatkan lima langkah dari lima agensi utama iaitu: Langkah satu, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Perlis; Langkah Dua, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia; Langkah Tiga, Jawatankuasa Teknikal

Undang-Undang Syarak dan Sivil JAKIM; Langkah Empat, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia; dan terakhir, Jabatan Pendaftaran Negara.

Universiti Utara Malaysia

BAB ENAM

RUMUSAN DAN CADANGAN

6.0 Pengenalan

Bab terakhir adalah rumusan terhadap hasil dari seluruh dapatan kajian melalui kaedah dokumentasi, arkib dan temu bual. Rumusan dipersembahkan mengikut turutan objektif yang telah disepakati pada awal kajian. Seterusnya disertakan cadangan bagi pemerhatian agensi yang terlibat serta cadangan kajian masa hadapan. Kemudian, kesimpulan menyeluruh diletakkan sebagai penutup kajian.

6.1 Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah berasaskan hujah syarak

Penasaban adalah *ḍarūrī* dan pemeliharaannya adalah salah satu dari *maqāṣid al-Syarī'ah*. Disebabkan nilai *ḍarūrī* tersebut, pernikahan yang disyariatkan dalam Islam menjadi indikator jelas kepada penentuan nasab dari jalur asal. Pensabitan nasab merupakan hak anak, hak bapa dan hak Allah. Hal demikian bermaksud, penasaban memberi manfaat kepada kedua-dua pihak antara anak dengan bapa, serta dalam masa yang sama, hak Allah menetapkan bahawa terdapat kaedah dan larangan tertentu dalam soal penasaban. Kajian mengetengahkan empat kaedah pensabitan nasab dalam Islam, iaitu: (i) *al-firāsy*; (ii) *al-iqrār*; (iii) *al-bayyinah*; dan (iv) *al-qiyāfah.*

Al-firāsy terutama pernikahan sahih merupakan kaedah utama penasaban. Hadis al-"*al-walad lil firāsy*" membawa beberapa maksud yang menjadi objektif *al-firāsy* sebagai kaedah pensabitan nasab. Asasnya, konteks hadis tersebutadalah jaminan untuk mengesahkan bahawa anak adalah milik suami si ibu oleh wujudnya keyakinan bahawa hanya suami melakukan *dukhūl* bersama ibu di dalam pernikahan. Antara

syarat penasaban bagi pernikahan sahih yang disepakati oleh ulama empat mazhab adalah, anak merupakan kelahiran di dalam tempoh minima enam bulan kehamilan dari waktu *imkān al-dukhūl* (Jumhur) atau tarikh pernikahan (Hanafiah) serta, tidak melebihi tempoh maksima kehamilan bagi situasi perceraian atau kematian suami. Pensabitan oleh pernikahan sahih tidak boleh diingkari oleh suami si ibu melainkan didahului perbuatan *li'ān*, dan akan dikenakan hukuman *qaẓaf* sekiranya tuduhan suami si ibu didapati salah.

Tempoh minima kehamilan sebagai syarat penasaban oleh ulama empat mazhab adalah berdasarkan kepada *athār istinbāṭ* hukum oleh 'Ali RA terhadap dua ayat al-Quran, iaitu 30 bulan kehamilan dan penyusuan ditolak 24 bulan penyusuan penuh menghasilkan baki enam bulan.disebabkan oleh keumuman dalil, terdapat tiga perbezaan yang dibahaskan ulama melibatkan (a) perbezaan di dalam tempoh penyusuan; (b) perbezaan di dalam had pensabitan mahram oleh penyusuan; serta (c) perbezaan di dalam kaedah kiraan enam bulan. Kajian mendapati 24 bulan yang disebut bukan adalah ketetapan penyusuan sebaliknya adalah keterangan terhadap kewajipan bayaran upah bapa terhadap ibu yang ditalakkan serta pensabitan dalam soal hukum mahram. Berkenaan perihal kiraan enam bulan, Syafi'iyah berpandangan enam bulan menyamai 180 hari, manakala Malikiyah pula berpandangan 175 hari.

Dalam masa yang sama, kajian mendapati anak kelahiran pada usia bawah 24 minggu atau berat bawah 700 gram adalah boleh diselamatkan oleh teknologi sains. Kelahiran paling muda berjaya hidup dan tidak mengalami komplikasi adalah pada usia 17 minggu dengan berat 243.8 gram. Oleh hal demikian, kajian berpendirian bahawa tempoh minima yang ditetapkan adalah bersifat *ijtihādi* yang memerlukan kepada perbincangan lanjut oleh wujudnya percanggahan sama ada dalam perihal penyusuan, kaedah pengiraan, juga dalam perihal pembuktian teknologi sains. Sebaliknya kajian

Universiti Utara Malaysia

mendapati syarat 'tidak diingkari oleh suami' merupakan keutamaan di dalam pensabitan nasab oleh kaedah *al-firāsy* kerana syarat tersebut lebih menepati maksud hadis "*al-walad lil firāsy"*, iaitu jaminan *al- firāsy* sebagai ketetapan kukuh dalam memastikan anak adalah dari satu pihak lelaki sahaja. Justeru, selagimana anak yang dilahirkan tidak diingkari dengan *li'ān* oleh suami si ibu, nasab boleh tersabit meskipun di dalam situasi anak kelahiran kurang enam bulan, kerana tindakan tanpa pengingkaran membuktikan bahawa anak adalah dari satu pihak suami sahaja.

Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan turut disokong oleh kaedah *al-iqrār* jenis pertama, iaitu *iqrār* bapa terhadap anak atau anak terhadap bapa. *Al-Iqrār* jenis berikut merupakan kaedah kedua paling utama dalam mensabitkan nasab. Walaupun kaedah *al-iqrār* terhadap *majhūl* nasab disepakati, namun apabila melibatkan permasalahan penasaban anak zina, terdapat khilaf dalam kalangan ulama. Asas hukum penasaban anak zina adalah tidak tersabit, tetapi wujud khilaf pandangan adalah apabila bapa melakukan *iqrār*. Ulama empat mazhab tidak mensabitkan nasab anak zina oleh *iqrār* bapa, namun terdapat perbezaan kefahaman terhadap konteks yang menghalang penasaban anak zina sama ada oleh ketiadaan *al-firāsy* atau oleh sebab kehinaan perbuatan zina. Disebabkan hal tersebut, Hanafiah berpendapat *al-iqrār* boleh tersabit sekiranya kelahiran berlaku di dalam pernikahan dan penzinaan dirahsiakan. Hanafiah mengambil kira keberangkalian untuk disabitkan nasab, bagi menjaga kemaslahatan hidup dan sangkaan baik masyarakat terhadap anak dan isteri yang mengandung.

Manakala ulama seperti Ibnu Taimiyah, Yusuf al-Qardhawi, Muhammad Soleh al-'Uthaimin dan Ibnu Qayyim al-Jauziyah menerima *al-iqrār* dalam pensabitan nasab anak zina sekiranya ibu tidak terikat dengan *ṣāḥibul firāsy*. Kajian berpendirian bahawa pandangan dari Hanafiah yang tidak menerima penasaban anak zina melainkan pengecualian pada situasi kelahiran anak zina berlaku di dalam *al-firāsy,*

Universiti Utara Malaysia

adalah dilihat lebih selamat dan seiring dengan pemeliharaan *maṣlaḥah* juga *maqāṣi̇̄d al-syarī̇̄ah.*

Di dalam kaedah pensabitan *al-firāsy*, sekalipun berlaku pengingkaran suami dengan perbuatan *li'ān*, isteri boleh mengemukakan *al-bayyinah* iaitu *al-syahādah* sekiranya anak dilahirkan kurang enam bulan dari perbuatan *li'ān*, atau isteri telah hamil sebelum perbuatan *li'ān*. Begitu juga sekiranya suami mengingkari anak tanpa perbuatan *li'ān* oleh dakwaan perbezaan jantina asal kelahiran atau dakwaan anak tersebut adalah anak pungut atau bekas suami tidak mengetahui kehamilan sebelum talak, *syahādah al-wilādah* dari seorang perempuan atau *qābilah al-muwalladah* sudah diterima.

Ujian DNA di bawah kategori *al-qiyāfah* turut boleh menjadi hujah bagi isteri yang diingkari suami. Ulama meletakkan permohonan melakukan ujian DNA adalah di bawah hak isteri, bukan hak suami. Ujian DNA merupakan *al-bayyinah* untuk mensucikan tuduhan *li'ān* suami, meyakinkan suami akan nasab anak, serta memberi hak penasaban anak kepada suami si ibu. Justeru, permintaan isteri untuk dilakukan ujian DNA adalah wajib dipenuhi oleh pihak mahkamah, sebaliknya pihak terbabit tidak perlu memenuhi permintaan dari suami. Hal demikian kerana, ujian DNA tidak boleh menjadi kaedah pensabitan yang mendahului kaedah utama iaitu *al-firāsy* atau *al-iqrār* atau *al-bayyinah* atau *al-qiyāfah*. Disebabkan hal tersebut, di dalam urusan penafian nasab, ujian DNA dilarang mendahului kaedah *li'ān.*

Penasaban yang tersabit oleh kaedah yang ditetapkan membawa kepada kesan susulan atau *al-āthār al-mutarātibah* di sudut hukum syarak. Namun, ulama berselisih pandangan terhadap kesan penasaban anak zina yang tersabit oleh *iqrār* lelaki penzina sahaja atau *iqrār* lelaki penzina terhadap kelahiran anak kurang enam bulan dari tarikh pernikahan ibu dan bapa. Kajian mengkonklusikan bahawa tersabit segala hak dan

Universiti Utara Malaysia

tanggungjawab melibatkan urusan nafkah, mahram dan aurat kerabat serta pewarisan antara anak dengan bapa.

Dalam soal mahram, jumhur membincangkan bahawa sekalipun nasab tidak tersabit, anak dengan bapa tetap terhukum mahram. Mahram turut terpakai pada *uṣūl* dan *furu'* bapa. Perbezaan pendapat Syafi'iyah yang membenarkan pernikahan oleh faktor kehinaan perbuatan zina dilihat tidak cukup kuat untuk mengingkari pensabitan biologi serta hujah pihak yang mengharamkan anak zina ke atas bapa penzina tanpa nasab. Hal demikian juga bertentangan dengan maksud asal hukuman ke atas lelaki penzina.

Dalam soal pewarisan pula, walaupun terdapat dalil yang melarang pewarisan antara bapa penzina dengan anak zina, dalil tersebut dibahaskan perincian kepada situasi bapa yang mengaku bahawa anak adalah anak zina. Situasi tersebut pada hakikatnya adalah bertentangan dengan pensabitan nasab anak zina, justeru situasi tersebut adalah situasi di mana anak tidak boleh disabitkan nasab kepada bapa. Hadis tersebut juga ditolak sebagai hujah kerana di dalam sanad hadis terdapat seorang lelaki *majḥūl.* Lalu, bagi anak zina yang tersabit nasab, anak memperolehi hak pewarisan dari bapa.

Dalam memahami perbezaan pandangan terhadap isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, kajian terhadap kaedah *istinbāṭ* hukum oleh ulama bagi memahami konsep ijtihad telah membantu menilai sisi pandang kedua-dua pihak sama ada yang menolak dan yang menerima. Secara asasnya, ulama telah sepakat memberi penekanan dalam penilaian tiga eleman penting, iaitu: kaedah pemahaman hukum daripada hadis *"anak itu untuk al-firasy", maslahah* dan *mafsadah* di dalam proses *istinbat* hukum.

Kajian mendapati, perbezaan definisi, konsep dan kategori di dalam perbincangan *maṣlaḥah* telah membawa kepada perbezaan *istinbāṭ* hukum. Perbezaan tersebut perlu dibahaskan dengan kesedaran bahawa isu kemaslahatan adalah luas dan memerlukan kepada keterbukaan sikap dalam bertoleransi terhadap sudut pandang yang tidak sama selagi mana *maṣlaḥah* yang dinilai menepati maksud hukum syariah, diterima akal secara hakikat dan tidak melibatkan individu berkepentingan sahaja.

Berkenaan isu *maṣlaḥah ʻāmmah* mendahului *maṣlaḥah khāṣah*, kajian terhadap literatur berkaitan menunjukkan bahawa ulama telah mengeluarkan tiga syarat pelaksanaannya yang mana sekiranya wujud situasi yang tidak memenuhi syarat-syarat tersebut, kaedah fiqh tersebut boleh terbatal, iaitu: Pertama, pertembungan bukan di dalam keadaan *maṣlaḥah khāṣah* lebih kuat dari *maṣlaḥah ʻāmmah* terutama apabila pertembungan antara keduanya di dalam keadaan *maṣlaḥah khāṣah* adalah dari *al-ḍarūriyat* dan *maṣlaḥah ʻāmmah* dari *al-ḥājiyat*, lalu *maṣlaḥah khāṣah* adalah lebih diutamakan. Kedua, pertembungan adalah di dalam keadaan tidak mungkin dapat digabungkan secara damai antara kedua-dua kemaslahatan atau tidak dapat di*ṭārjīḥ*kan salah satu dari keduanya. Hal demikian kerana, asas pelaksanaan *maṣlaḥah ʻāmmah* dan *khāṣah* tetap adalah keadilan dan keseimbangan, tanpa mengetepikan salah satu dari keduanya berdasarkan kepada perbuatan Rasulullah SAW yang pernah mengutamakan *maṣlaḥah khāṣah* tanpa meninggalkan *ʻāmmah*. Ketiga, kaedah hanya terpakai di dalam keadaan *maṣlaḥah khāṣah* dapat memperolehi pampasan atau ganti rugi disebabkan tindakan mengutamakan *maṣlaḥah ʻāmmah*, iaitu di dalam bentuk yang boleh digantikan dengan nilai yang sama seperti harta benda dan pemilikan hartanah.

Universiti Utara Malaysia

Dalam masa yang sama, perlindungan makhluk dari *mafsadah* juga merupakan sebahagian dari *maqāṣid al-syarī'ah*. Namun pencegahan terhadap *mafsadah* hanya disepakati bagi situasi diyakini bahawa *mafsadah* akan berlaku secara pasti seperti tindakan yang diyakini membawa kepada *mafsadah* tanpa terzahir sedikitpun hal sebaliknya atau perkara yang asalnya membawa kepada perkara harus dan dibenarkan,tetapi tindakannya membuatkan perkara tersebut menjadi haram sama ada secara sengaja atau tidak. Sebaliknya bagi situasi keberangkalian berlakunya *mafsadah* adalah kecil, pencegahan tidak perlu dilakukan kerana asal perbuatan tersebut dibenarkan dan keberangkalian *mafsadah* yang dibawa adalah kecil.

Berlaku perbezaan pandangan mengenai situasi keberangkalian berlakunya *mafsadah* adalah besar dan kemungkinan itu tidak kecil, serta *zhanni* kepada berlakunya *mafsadah* tu dominan, sebagaimana maksud perkara yang asalnya adalah harus dan tindakannya juga tidak membawa kepada *mafsadah*, tetapi keberangkalian kepada *mafsadah* itu lebih besar dan *mafsadah*nya lebih *rājiḥ* berbanding *maṣlaḥah* di dalam situasi tersebut, lalu perkara tersebut adalah dilarang walaupun terdapat pandangan yang membenarkan kerana asal hukum adalah harus sehingga terbukti berlakunya *mafsadah*. Begitu juga perbezaan pandangan di dalam situasi keberangkalian berlakunya *mafsadah* adalah besar dan kemungkinan itu tidak kecil tetapi *zhanni* kepada berlakunya *mafsadah* itu tidak dominan dengan maksud perkara yang asalnya adalah harus akan tetapi dalam masa yang sama membawa kepada *mafsadah*, namun *maṣlaḥah* nya lebih *rājiḥ* berbanding *mafsadah*, lalu perkara tersebut adalah tidak dilarang pelaksanaannya meskipun terdapat pandangan yang melarang.

Universiti Utara Malaysia

Berkenaan kaedah fiqh *"Masyaqqah* (keperitan) membawa kepada kemudahan", pelaksanaan kaedah bukan sahaja terpakai pada kategori *masyaqqah* yang teruk dan berbentuk kecelakaan, namun *masyaqqah* yang menghampiri jenis tersebut turut termasuk di dalamnya. Jenis *masyaqqah* tersebut disokong oleh penjelasan perihal sebab yang diterima sebagai *masyaqqah al-mu'tabarah,* salah satunya adalah kepayahan dan kesulitan yang diketahui umum dalam menyelesaikannya atau menghadapinya. Kemudahan hukum syarak yang dimaksudkan melibatkan dalam bentuk dibolehkan berhenti; atau dibolehkan pengurangan; atau dibolehkan untuk diganti; atau dibolehkan untuk diawalkan; atau dibolehkan untuk diperlambatkan; atau dibolehkan untuk dipermudahkan; atau terakhir dibolehkan untuk diubah.

Terakhir, kajian membentangkan bentuk pelaksanaan penasaban selain kaedah *al-firāsy* dengan syarat enam bulan kehamilan bagi membolehkan pensabitan nasab anak kepada bapa di tiga buah negara Islam merangkumi Maghribi, Jordan dan Indonesia. Maghribi dan Jordan masing-masing memperluaskan definisi persetubuhan syubhah kepada situasi lelaki dan perempuan menyangka bahawa, mereka berada dan sedang mempertahankan hubungan suami dan isteri. Walaupun tanpa kontrak pernikahan yang rasmi, atau akad sahih atau fasid yang tidak wujud, sangkaan tersebut diiktiraf oleh wujudnya hubungan *dukhūl* bersama perempuan tersebut, sehingga perempuan melahirkan anak oleh sebab *dukhūl* terbabit. Oleh hal demikian, Maghribi mengiktiraf anak yang dihamilkan semasa fatrah pertunangan sebagai anak dari persetubuhan syubhah, dengan syarat pertunangan di bawah pengetahuan kedua-dua belah keluarga. Lanjutan hal berikut, Maghribi dan Jordan memasukkan keizinan ujian DNA bagi anak dari persetubuhan syubhah yang diingkari bapa. Indonesia pula sememangnya melaksanakan pensabitan nasab ke atas anak yang dilahirkan di dalam pernikahan tanpa syarat tempoh minima kehamilan.

Universiti Utara Malaysia

6.2 *Maṣlaḥah* adalah keutamaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis

Fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan telah diputuskan oleh JFN Perlis pada tahun 2008 sebelum diwartakan pada 2013, dengan *ṣīghah* yang berbunyi:

> "Anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami"

Permulaan fatwa adalah cetusan Mufti pada waktu tersebut berdasarkan persoalan dari masyarakat kepada Jabatan Mufti Negeri Perlis. *Maṣlaḥah* anak adalah keutamaan dalam perbincangan fatwa penasaban. Oleh hal demikian, kesan kepada fatwa penasaban yang diputuskan oleh ahli mesyuarat JSN Perlis walaupun tidak dinyatakan dalam fatwa, adalah merujuk kepada pensabitan segala hukum ke atas anak dengan bapa dan sebaliknya. JFN juga memutuskan agar surat perakuan nikah ibu dan bapa bagi permohonan nikah anak perempuan sulung tidak diwajibkan bagi mengelakkan sebarang keaiban terdedah.

Proses pewartaan bermula pada tahun 2011 apabila ahli JFN Perlis maklum akan kekangan pelaksanaan fatwa yang diputuskan pada 2008. Kekangan melibatkan pertindihan antara kuasa Persekutuan dengan kuasa Negeri kerana isu sah taraf dan nasab anak merupakan isu Nasional. Oleh hal demikian, usaha yang dilakukan oleh JFN Perlis adalah memohon MAIPs membawa kertas cadangan memasukkan fatwa anak tidak sah taraf ke dalam Enakmen UUKI 2006 bagi urusan angkat sembah perkenan ke bawah DYMM Tuanku Raja Perlis. Selepas diperkenan oleh DYMM, keputusan fatwa di*gazette* di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 pada tahun 2013. Namun demikian, usaha ke arah pindaan Enakmen UUKI 2006 tidak diteruskan selepas pewartaan tersebut.

Universiti Utara Malaysia

Terdapat dua mesyuarat teknikal ke arah penguatkuasaan fatwa. Pertama, mesyuarat melibatkan Jabatan Mufti negeri Perlis bersama JPN pada tahun 2016, yang mana tiada kata putus dari hasil pertemuan. Kedua, adalah pada tahun 2020. Ketua Pengarah JPN telah mengadakan kunjung hormat terhadap DYMM Yang Dipertua MAIPs bagi mendapatkan kesepakatan terhadap mekanisma pendaftaran anak kelahiran kurang enam bulan pada peringkat negeri Perlis. Hasil pertemuan membawa kepada persetujuan dari JPN negeri Perlis untuk mengiktiraf surat perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dan akan mengambil tindakan mendaftarkan anak sesuai menurut perintah tersebut.

Kajian mendapati faktor perbezaan keputusan antara MKI dengan JFN Perlis berkenaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah disebabkan oleh perbezaan metode yang menjadi prinsip utama penghujahan. Jabatan Mufti negeri Perlis berpegang pada prinsip keterbukaan dalam menerima *qawl* muktamad dari empat mazhab, sebaliknya MKI mengguna pakai metode keutamaan *qawl* muktamad Mazhab Syafii. Keterbukaan tersebut memberi ruang kepada ahli JFN Perlis untuk merujuk dalil dan pendalilan yang lebih *rājiḥ* dalam menjawab isu dan permasalahan di dalam masyarakat.

Universiti Utara Malaysia

Perbincangan kertas kerja JSN Perlis dalam memutuskan fatwa penasaban dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian rujukan dalil yang digunakan, bahagian rujukan pendalilan oleh ulama, serta kesimpulan yang dibentangkan oleh kertas kerja. Kertas kerja membentangkan khilaf ulama di dalam situasi perempuan melahirkan anak zina tanpa pernikahan. Terdapat dua pandangan iaitu pertama, tidak menasabkan kepada bapa; dan kedua, menasabkan kepada bapa.

Pendapat yang tidak menasabkan kepada bapa adalah pendapat umum ulama empat mazhab. Namun dalam masa yang sama, jumhur mensabitkan anak sebagai mahram ke atas lelaki penzina, termasuk ke atas *uṣūl* dan *furu'* lelaki penzina, sebaliknya Syafi'iyah membenarkan pernikahan antara anak dengan lelaki penzina. Pendapat yang mensabitkan nasab anak kepada lelaki penzina pula merupakan pendapat sebahagian ulama klasik kerana melihat kepada status anak sebagai anak hakiki. Walaupun begitu, terdapat perselisihan mengenai pensabitan nasab secara total dan pensabitan nasab bersama pengecualian dalam perihal pewalian dan pewarisan.

Kertas kerja kemudiannya menyimpulkan bahawa terdapat empat pandangan mengenai anak yang dilahirkan di luar pernikahan iaitu: (i) Anak zina tidak dinasabkan kepada bapa tetapi anak adalah mahram kepada bapa, menurut pandangan umum jumhur; (ii) Anak zina tidak dinasabkan kepada bapa dan anak juga tidak menjadi mahram kepada bapa, menurut Syafiiyah; (iii) Anak zina dinasabkan kepada bapa tetapi tidak berlaku hukum pewarisan, menurut Malikiyah yang disebut oleh Ibnu Hajar al-Athqalani; dan (iv) Anak zina dinasabkan kepada bapa secara syarii dan segala hukum tersabit ke atas anak dan bapa, menurut Hasan al-Basri, Sulaiman Bin Yasar, Ishaq Bin Rahuwaih, Urwah Bin Zubair, Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qayyim al-Jauziyah. Pandangan yang ditarjihkan oleh kertas kerja adalah pandangan keempat, kerana kajian kertas kerja mendapati tiada dalil yang sahih berkenaan masalah anak zina dan dalil sedia ada bersifat *zhannī* sahaja.

Dalam masa yang sama, kajian mendapati terdapat dua petikan daripada ulama di dalam kertas kerja yang perlu diperbetulkan pemahamannya oleh pihak yang berautoriti bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dalam membuat kesimpulan hukum. Pertama, petikan daripada Ibnu Kathir dan kedua petikan daripada Ibnu Qayyim. Pemahaman yang dibawa oleh kertas kerja adalah ulama-ulama tersebut

Universiti Utara Malaysia

menyatakan sabit nasab syarii terhadap anak zina, sedangkan semakan mendapati bahawa ulama-ulama tersebut menjelaskan berkenaan hubungan sebagai anak yang sabit hukum mahram, namun bukan dengan maksud anak secara syarii atau bukan dengan maksud sabit nasab.

Begitu juga berkenaan pandangan ketiga yang telah disimpulkan oleh kertas kerja sebagai pendapat Mazhab Maliki, iaitu anak zina dinasabkan kepada bapa tetapi tidak berlaku hukum pewarisan, kajian mendapati terdapat pandangan berbeza dalam penafsiran teks tersebut. Menurut sebahagian pihak, perkataan nasab oleh Ibnu Hajar adalah bermaksud nisbah, bukan bermaksud penasaban. Lalu, kenyataan ”diwajibkan pelaksanaan hukum antara anak dengan bapa” dikatakan sebagai maksud menunjukkan sabit hukum mahram di antara lelaki penzina dengan anak zina, bukan dengan maksud tersabitnya penasaban syar’ii di antara anak dengan bapa. Oleh sebab itu, penisbahan mahram tidak bersama penisbahan perwalian dan pewarisan di antara mereka.

Universiti Utara Malaysia

Pemahaman yang berbeza terhadap petikan Ibnu Hajar beserta pemahaman yang betul berkenaan teks dari Ibnu Qayyim dan Ibnu Kathir menunjukkan bahawa pandangan mengenai anak zina boleh memperolehi nasab daripada bapa penzina dan pada masa yang sama tidak tersabit bersama hak perwalian dan perwarisan adalah kurang tepat. Ketiga-tiga petikan tersebut tidak boleh menjadi dalil bagi pandangan yang dikatakan menasabkan anak zina namun tidak mensabitkan pewarisan dan pewalian, sebaliknya, ketiga-tiga petikan tersebut harus dinyatakan sebagai hujah terhadap hukum sabit mahram antara lelaki penzina dan anak perempuan daripada zina.

Selepas perbincangan dan perbahasan, majoriti ahli JSN bersetuju untuk membuat keputusan seperti berikut:

> "anak yang lahir kurang dari enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh suami"

Dalam masa yang sama, ahli mesyuarat bersetuju untuk memasukkan pandangan Ahmad Bin Jusoh di dalam laporan mesyuarat fatwa sebagai pandangan minoriti (pandangan kedua), iaitu:

> "anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, tidak boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika suaminya mengaku".

Perselisihan adalah disebabkan oleh perbezaan penghujahan dalam sudut peletakan asbab penasaban. Hal demikian kerana Ahmad Jusoh melihat dari sudut *i'tirāf lilwalad* berdasarkan kaedah *al-iqrār* adalah dalil yang kuat. Pendalilan tersebut tidak memerlukan kepada dalil *maṣlaḥah* untuk mengambil *al-firāsy* tanpa syarat enam bulan kehamilan. Walaupun begitu, ahli mesyuarat tetap bersepakat bahawa kelahiran perlu berlaku dalam pernikahan antara Pemohon-Pemohon iaitu ibu bapa. Pernikahan adalah syarat pensabitan nasab.

Kajian seterusnya mengetengahkan *ṣighah* fatwa penasaban dari negeri Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan sebagai rujukan di dalam pembandingan. Kajian mendapati perbezaan berkenaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dengan fatwa anak tidak sah taraf bukan sekadar melibatkan antara JFN Perlis dengan JFN bagi negeri yang lain, tetapi turut melibatkan perbezaan di antara JFN – JFN yang lain. Hal demikian kerana, fatwa negeri Selangor adalah berbeza dengan fatwa negeri Johor dan Wilayah Persekutuan, malah boleh disimpulkan bahawa perbezaan tersebut melibatkan pertindihan dengan pandangan jumhur ulama mengenai anak kelahiran melebihi enam bulan apabila dibuat pengkhususan penolakan nasab kelompok anak kelahiran melebihi enam bulan, namun diketahui sebagai anak zina oleh *iqrār* atau penyaksian empat orang saksi. Sedangkan, kajian mendapati anak kelahiran melebihi enam bulan yang disertakan pengakuan bahawa anak tersebut merupakan

Universiti Utara Malaysia

anak dari hasil perbuatan zina sebelum *al-firāsy* tidak dibahaskan oleh ulama kerana asasnya, anak kelahiran melebihi enam bulan adalah terikat oleh kekuatan *al-firāsy* sehinggalah wujudnya pengecualian iaitu berlakunya pengingkaran oleh suami si ibu dengan perbuatan *li'ān.* Penghujahan dari JPHS Wilayah Persekutuan dijadikan sebagai asas rujukan penghujahan fatwa yang menolak penasaban anak kelahiran kurang enam bulan di Malaysia kerana hanya JPHS Wilayah Persekutuan meletakkannya di dalam penjelasan fatwa.

Hasil penelitian memperlihatkan terdapat dua faktor perbezaan penghujahan antara JFN Perlis dan MKI di dalam isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, iaitu oleh faktor kaedah pemahaman hadis *al-walad lil firāsy*, serta oleh faktor penentuan *maṣlaḥah*. JFN Perlis melihat mafhum hadis tersebut membawa kepada hukum anak yang boleh dinasabkan kepada suami si ibu adalah anak yang dilahirkan di dalam pernikahan tanpa diingkari oleh suami si ibu secara *li'ān*, sebaliknya MKI melihat kepada *mantuq* hadis iaitu anak mesti adalah dihamilkan melalui jalan pernikahan. Berkenaan faktor kedua, MKI membincangkan isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dengan menghubungkaitkan penasaban dan penzinaan. MKI meletakkan perlindungan masyarakat dari perbuatan zina di dalam *maṣlaḥah* umum dan kebajikan anak zina di dalam *maṣlaḥah* khusus, lalu penolakan penasaban adalah disebabkan keutamaan *maṣlaḥah* umum berbanding *maṣlaḥah* khusus. Sebaliknya, hal tersebut adalah berbeza menurut perspektif JFN Perlis kerana penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dibincangkan di dalam konteks penzinaan yang telah berlaku tanpa menafikan segala usaha pencegahan perbuatan zina di dalam masyarakat. JFN Perlis berpendapat, fatwa penasaban merupakan isu apabila tidak berlakunya penafian nasab terhadap anak kelahiran kurang enam bulan oleh suami si ibu.

Universiti Utara Malaysia

Pewartaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh JFN Perlis membawa kepada pelbagai reaksi dari Mufti negeri lain, Hakim Syarii selaku pihak pelaksana, serta reaksi dari masyarakat di Malaysia. Mufti dari negeri lain tidak bersetuju dengan fatwa penasaban oleh alasan tiada hukum syarak yang membenarkan pensabitan nasab serta fatwa dilihat boleh menghalalkan perbuatan zina di amasa hadapan. Dari sudut teknikal perundangan pula, permasalahan pewartaan fatwa dibincangkan berdasarkan kepada (a) Konteks fatwa yang diwartakan; serta (b) Pewartaan tanpa penyelarasan pindaan UUKI. Konteks fatwa adalah ringkas dan tidak membawa tafsiran khusus seperti yang dimaksudkan oleh JFN Perlis. Kenyataan tanpa disertakan huraian membawa kepada kepelbagaian tafsiran, dan tafsiran semata-mata tidak boleh diterima di sisi perundangan. Hal demikian kerana, fatwa tidak menjelaskan beberapa perkara, iaitu pertama, dari sudut "anak kelahiran kurang enam bulan dari tarikh pernikahan" sama ada melibatkan anak zina atau anak kelahiran pra-matang; dan kedua, dari sudut "boleh dibinkan" sama ada melibatkan bin sahaja atau membabitkan penasaban merangkumi pewalian, faraid dan mahram. Selain itu, pewartaan fatwa pada peringkat Enakmen Pentadbiran tidak disusuli oleh pindaan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam. Justeru, pada peringkat Mahkamah Syariah negeri Perlis sendiri, pelaksanaan fatwa penasaban adalah sukar dilaksanakan kerana bertentangan dengan Enakmen UUKI sedia ada. Manakala, penelitian terhadap permohonan surat sokongan dari Jabatan Mufti Negeri Perlis memperlihatkan, terdapat 170 permohonan sepanjang tempoh 2013 hingga 2019. Kajian turut menemui dapatan bahawa surat sokongan dijadikan sebagai hujah di dalam kes permohonan pengesahan taraf anak di Mahkamah Syariah.

Universiti Utara Malaysia

Berdasarkan kepada penelitian, reaksi dirumuskan kepada dua bentuk iaitu reaksi positif dan reaksi negatif. Kedua-dua reaksi tersebut dapat difahami sebagai kewujudan keperluan terhadap penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dalam kalangan masyarakat di Malaysia, namun dalam masa yang sama, wujudnya permasalahan teknikal yang perlu diperbaiki, serta tentangan terhadap fatwa oleh pihak yang tidak bersetuju.

Terdapat lima fatwa lain yang diputuskan oleh ahli JFN Perlis susulan dari fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, iaitu: (i) Fatwa menasabkan anak angkat kepada bapa angkat; (ii) Fatwa penentuan DNA dalam kes anak tidak sah taraf; (iii) Fatwa tempoh kehamilan; (iv) Fatwa hukum bernikah dengan perempuan hamil hasil hubungan dengan lelaki lain; dan (v) Fatwa berkaitan *mīrāth,* wali perkahwinan dan *maḥrāmiyyah* bagi anak tidak sah taraf. Namun, kelima-lima fatwa tersebut tidak dapat memberi impak dalam perundangan dan kehakiman kerana belum tidak diwartakan.

Kajian memperlihatkan sikap serius dan berhati-hati JFN Perlis dalam membuat keputusan mengenai fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan berdasarkan kepada dalil dan pendalilan yang diambil, serta fatwa susulan yang diputuskan. Beberapa aspek diberi penekanan secara jelas dan berterusan. Misalnya, penekanan *maṣlaḥah* dan *maqāṣid* anak yang dimaksudkan di dalam fatwa penasaban dibawa juga kepada fatwa susulan seperti (a) membenarkan peletakan maula bagi anak angkat; serta (b) mensabitkan hak dalam *mīrāth*, wali perkahwinan dan *maḥrāmiyyah* bagi anak kelahiran kurang enam bulan.

Dalam masa yang sama, JFN Perlis mengambil perhatian terhadap beberapa perkara penting seperti: (a) tidak menasabkan anak yang tiada hubungan darah; (b) keperluan *iqrār* bapa dalam penasaban; (c) tempoh maksima kehamilan bagi urusan penasaban

anak selepas berlaku perpisahan antara suami dan isteri sama ada disebabkan kematian atau perceraian; serta (d) cermat dalam mengambil pandangan yang membenarkan pernikahan antara lelaki dengan perempuan hamil disebabkan hubungan dengan lelaki lain bagi memastikan tiada pengakuan bahawa anak adalah anak suami si ibu yang bukan bapa .

6.3 Keperluan pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan berasaskan kepada kajian kes di Malaysia

Dalam memahami keperluan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, kajian telah memperincikan perbincangan terhadap respon keperluan dari sudut pihak terkesan, serta dari sudut pihak pelaksana sabitan penasaban anak di peringkat perundangan. Hasil temu bual bersama pihak terkesan menunjukkan respon seperti berikut:

i. Dua dari dua orang individu tidak sah taraf bersetuju dengan pelaksanaan fatwa berdasarkan kepada pengalaman peribadi sebagai anak berstatus tidak sah taraf.

ii. Empat orang ibu bersetuju, seorang tidak bersetuju dan tiga orang lagi memilih untuk berkecuali dalam memberi respon keperluan pelaksanaan fatwa. Dalam masa yang sama, tiga orang responden mengambil berat soal keberangkalian wujudnya galakkan terhadap aktiviti zina sekiranya fatwa dilaksanakan di Malaysia. Sikap tersebut mempamerkan keprihatian dan cakna meskipun mereka adalah pihak terkesan yang memerlukan kepada fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

iii. Tiga dari tiga orang bapa kepada anak tidak sah taraf bersetuju dengan pelaksanaan fatwa. Kesungguhan responden dalam usaha mensabitkan nasab anak diperlihatkan dengan persetujuan dua orang responden untuk disabitkan hukuman di bawah Enakmen Jenayah Syariah bagi kesalahan persetubuhan luar nikah sekiranya perkara tersebut menjadi syarat pensabitan nasab anak.

iv. Dua dari dua orang pegawai JKM bersetuju dengan pelaksanaan fatwa berdasarkan kepada pemerhatian terhadap pemeliharaan *maṣlaḥah* anak tidak sah taraf dan ibu hamil tanpa pernikahan.

v. Dua dari dua orang individu yang menjadi rujukan pihak terkesan bersetuju dengan pelaksanaan fatwa bagi memberi kebaikan kepada pihak yang terlibat.

Manakala, hasil temu bual bersama pihak pelaksana sabitan penasaban anak di peringkat perundangan pula menunjukkan respon seperti berikut:

i. Responden dari negeri Perlis berpendapat mahkamah tiada masalah menerima fatwa penasaban kerana fatwa berasaskan kepada dalil dan hujah syarak yang jelas. Namun beliau berpendapat pelaksanaan hanya dapat dilakukan dengan lebih mudah sekiranya keseragaman berlaku pada peringkat nasional, iaitu di bawah keputusan MKI. Hal demikian kerana, penguatkuasaan turut melibatkan negeri-negeri lain sekiranya pemohon bermastautin di luar negeri Perlis di kemudian hari. Selain itu, pelaksanaan pada peringkat JPN turut terikat dengan pandangan hukum MKI.

ii. Responden dari negeri Perak tidak bersetuju dengan pelaksanaan fatwa penasaban kerana melihat kepada kepentingan *saddu al-ẓarāi'*, iaitu menutup ruang-ruang yang menggalakkan aktiviti zina, serta fatwa dilihat bertentangan dengan Mazhab Syafii. Namun beliau berpendapat, sekiranya fatwa tersebut

Universiti Utara Malaysia

diterima pada peringkat MKI, dan Jabatan Mufti Negeri Perak menerima fatwa tersebut, beliau tiada masalah melaksanakannya.

iii. Responden dari negeri Selangor bersetuju dengan fatwa penasaban dan menyokong penuh pelaksanaannya kerana beliau berpendapat dalil yang digunakan oleh fatwa Negeri Perlis adalah lebih kuat berbanding dalil tempoh enam bulan kehamilan berdasarkan takwilan. Namun, beliau mencadangkan pindaan pada peringkat undang-undang agar mahkamah dapat melaksanakannya dengan baik. Hal demikian kerana pihak pelaksana terikat dengan arahan amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan undang-undang sedia ada. Menurut responden, pindaan adalah tidak mustahil untuk dilakukan berdasarkan Enakmen, yang memberi izin penggunaan *qawl* muktamad mazhab lain sekiranya didapati *qawl* muktamad Mazhab Syafii bertentangan dengan *maṣlaḥah* awam, Beliau turut mencadangkan JFN dan JKSM untuk bersikap lebih terbuka dan perbincangan secara ilmiah dilakukan.

iv. Responden dari negeri Terengganu tidak bersetuju dengan fatwa penasaban kerana melihat ketidak wujudan dalil yang membenarkan. Selain itu, pandangan tersebut dilihat mencetuskan kecelaruan hukum dan menggalakkan lebih banyak penzinaan.

v. Responden dari negeri Johor berkecuali dalam memberi persetujuan kerana melihat kepada konteks fatwa yang belum sesuai untuk dibincangkan dari sudut perundangan. Hal demikian kerana, konteks asal fatwa dilihat tidak bertentangan dengan Enakmen sedia ada namun, sekiranya fatwa memberi maksud anak zina, beliau memilih untuk tidak bersetuju. Oleh hal demikian, beliau berpendapat fatwa perlu dipinda dan dimasukkan penerangan agar maksud lebih jelas untuk menjadi teks rujukan undang-undang. Dalam masa

Universiti Utara Malaysia

yang sama, beliau bersetuju bahawa syarat enam bulan tempoh kehamilan adalah masih boleh diijtihadkan.

Kajian juga menyelidik pandangan responden mengenai *maṣlaḥah* yang dibawa oleh fatwa penasaban terhadap anak tidak sah taraf. Keputusan mendapati, empat orang responden berpendapat keaiban atau kesulitan anak tidak menjangkau peringkat mudarat yang boleh menjadi alasan permindaan hukum sedia ada. Hanya responden dari negeri Selangor bersetuju mengenai *maṣlaḥah* dari fatwa penasaban dan melihat dakwaan menggalakkan penzinaan adalah dakwaan yang boleh dicegah.

Kajian memperlihatkan pertembungan antara pengakuan dari pihak terkesan yang membenarkan pemahaman terhadap keperluan kepada penasaban anak kelahiran kurang enam bulan, dengan pertikaian dari pihak pelaksana yang menidakkan pemahaman tersebut. Didapati wujudnya perbezaan cara pandang antara dua pihak yang berada di posisi berlainan dan melihat dari sisi pandang yang tidak sama.

Hal demikian dapati difahami dengan lebih jelas apabila kajian mengetengahkan dapatan berkenaan konteks permasalahan dan kemudaratan status tidak sah taraf terhadap pihak terkesan secara langsung. Dapatan yang diperolehi telah dapat memberi jawapan terhadap faktor perbezaan respon antara pihak terkesan dengan pihak pelaksana mengenai keperluan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Hal demikian kerana *ḍarūrī* yang dialami oleh pihak terkesan merupakan pengalaman yang telah / sedang dilalui sendiri di dalam kehidupan, sebaliknya dakwaan di pihak pelaksana merupakan sangkaan dari pemerhatian semata-mata.

Universiti Utara Malaysia

Permasalahan tidak sah taraf melibatkan dua bentuk iaitu permasalahan fizikal serta permasalahan mental dan emosi. Permasalahan fizikal merangkumi:

i. Anak pungut tidak mempunyai dokumentasi dan tidak diiktiraf sebagai warganegara Malaysia. Walaupun diambil sebagai anak angkat oleh warganegara, permohonan kewarganegaraan tetap adalah sukar. Anak terhalang dari mendapat akses pendidikan, kesihatan dan lain-lain manfaat dari kerajaan Malaysia.
ii. Anak tidak sah taraf kelahiran selamat sama ada dipelihara sendiri oleh ibu atau diserahkan kepada keluarga angkat, anak hanya boleh didaftarkan bersama bin atau binti kepada Abdullah atau nama-nama Allah yang lain berpangkalkan "Abdul".
iii. Nasab anak terputus menyebabkan anak tidak memperolehi hak nafkah, pewalian dan pewarisan antara anak-bapa.

Permasalahan mental dan emosi pula dibahagikan kepada dua kategori, iaitu: Pertama, permasalahan mental dan emosi oleh faktor luaran; dan kedua, permasalahan mental dan emosi oleh faktor dalaman kendiri. Permasalahan mental dan emosi oleh faktor luaran membabitkan empat perkara, iaitu:

i. Status tidak sah taraf menyebabkan anak tidak diterima oleh waris. Kajian mendapati stigma anak tidak sah taraf bukan sahaja melibatkan pihak luar, namun melibatkan ahli keluarga dan waris yang menolak kewujudan anak tersebut. Stigma tersebut menggalakkan kejadian buang bayi dan penyerahan anak tidak sah taraf kepada keluarga angkat. Anak yang dibela oleh ibu bapa pula mengalami reaksi negatif dan tidak selesa dari ahli waris.

Universiti Utara Malaysia

ii. Individu tidak mendapat hak kasih sayang ibu bapa dan keluarga. Anak tidak sah taraf yang membesar di RKK seliaan JKM menjalani kehidupan tanpa kasih sayang dan sentuhan emosi sebuah keluarga. Proses tumbesaran tanpa hubungan emosi dan fizikal yang sepatutnya membentuk sikap dan sifat anak yang berdikari, keras dan tersendiri. Anak juga lebih sukar mempunyai peluang penyerahan keluarga angkat apabila telah melepasi usia sesuai iaitu di bawah empat tahun.

iii. Pasangan lelaki tidak bertanggungjawab. Situasi tersebut bukan sahaja melibatkan tindakan lepas tangan, namun turut melibatkan tuduhan bahawa anak adalah hasil hubungan seksual bersama lelaki lain.

iv. Stigma yang dihadapi sepanjang kehidupan. Meskipun kesalahan bukan dari anak, kajian mendapati anak mengalami stigma dari masyarakat yang memandang buruk dan hina. Anak turut diejek dan diberi gelaran negatif di sekolah apabila status peribadi diketahui umum.

Ibu hamil tanpa pernikahan pula berhadapan reaksi negatif keluarga dan masyarakat terhadap kehamilan. Reaksi melibatkan tindakan meletakkan ibu di rumah perlindungan bagi menutup aib keluarga serta tindakan fizikal berbentuk kekerasan. Pernikahan yang telah berlangsung dan pemilihan bapa untuk bertanggungjawab juga didapati tidak menjamin pihak terkesan terlindung dari stigma masyarakat dan ahli keluarga sekiranya status tidak sah taraf anak diketahui.

Universiti Utara Malaysia

Permasalahan mental dan emosi oleh faktor dalaman kendiri membabitkan enam perkara, iaitu:

i. Kekeliruan terhadap identiti peribadi. Anak berhadapan persoalan mengenai identiti bapa apabila mendapati nama bapa adalah berbeza atau tidak disertakan bin atau binti kepada sesiapa dalam dokumentasi pendaftaran. Anak juga mengalami konflik penerimaan status peribadi apabila mengetahui ketidak sahtarafan diri.

ii. Konflik perasaan sebagai individu berstatus tidak sah taraf. Hal demikian kerana anak mempersoal kewujudannya dalam keadaan yang bermasalah, serta berasa malu dan hina dengan status diri. Konflik dalaman yang dialami anak boleh membawa kepada tekanan perasan dan kemurungan.

iii. Pandangan terhadap ibu bapa. Kajian juga mendapati status tidak sah taraf membawa kepada tanggapan negatif kepada ibu bapa. Walaupun begitu, terdapat anak yang bersimpati dan memahami situasi yang sedang dihadapi oleh ibu bapa. Anak juga bersyukur atas pilihan ibu bapa yang tidak membuang atau menyerahkan anak kepada pihak lain oleh sebab tekanan pihak luar.

iv. Kehamilan dilalui sendirian. Hal demikian kerana pihak yang menjaga ibu di rumah perlindungan adalah staff JKM semata-mata, sehingga mereka dijemput oleh waris dan keluarga.

v. Perasaan bersalah terhadap anak. Bapa yang bertanggungjawab memiliki rasa sayang kepada anak tidak sah taraf dan dalam masa yang sama, berhadapan rasa bersalah kerana anak melalui kehidupan tidak sama seperti adik beradik yang lain. Proses berterus terang mengenai status kepada anak juga merupakan konflik yang berat bagi bapa dan ibu kepada anak terbabit. Terdapat anak yang

Universiti Utara Malaysia

dapat menerima dengan baik dan terdapat juga anak yang sukar menerima keadaan dan status diri.

vi. Perasaan rendah diri oleh masa lampau. Keaiban sukar dilupakan dan bapa berasa malu dengan kesalahan yang pernah dilakukan. Namun dalam masa yang sama, terdapat bapa dan ibu bersikap positif dan memilih untuk berubah ke arah yang lebih baik.

6.4 Kebolehlaksaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan berdasarkan kelompongan di dalam perundangan dan penghujahan

Berdasarkan kepada analisis dari semakan fail permohonan pengesahan taraf oleh alasan anak kelahiran kurang enam bulan di Mahkamah Syariah negeri Perlis, Perak, Selangor, Terengganu dan Johor, kajian mendapati wujudnya percanggahan dan pertindihan terhadap alasan penghakiman.

i. Tiga dari 11 permohonan di negeri Perlis ditolak oleh alasan bertentangan dengan Seksyen 111 EUUKI Perlis 2006 serta wujud pengakuan zina (persetubuhan luar nikah) oleh Pemohon. Bagi tiga kes yang diluluskan, satu kes diluluskan oleh alasan memenuhi fatwa penasaban oleh JFN Perlis, sebaliknya dua kes lagi diluluskan beserta syarat pengecualian dari pewalian dan pewarisan oleh alasan wujud pengakuan zina yang menjadi halangan pewarisan dan pewalian, serta berkait rapat dengan pelaksanaan yang berbeza bagi negeri-negeri lain. Menurut Hakim Syarii, perbezaan dalam pelaksanaan akan menyebabkan konflik di kemudian hari sekiranya anak dan keluarga bermastautin di negeri lain selain daripada mengambil pandangan Dr. Abdul Karim Zaidan yang mensabitkan nasab dalam urusan *aḥkām al-dunyā*. Selebihnya, satu kes dibuang dan empat kes ditarik balik.

Universiti Utara Malaysia

ii. 20 dari 22 permohonan di negeri Perak ditolak oleh alasan anak merupakan hasil zina. Sebaliknya dua kes diluluskan melibatkan, kes (1) anak kelahiran pra-matang pada minggu ke-26 dengan jarak tarikh pernikahan dan tarikh kelahiran adalah lima bulan 24 hari; dan kes (2) anak kelahiran matang di usia 39 minggu dengan jarak tarikh pernikahan dan tarikh kelahiran adalah lima bulan 10 hari. Pemohon kedua iaitu ibu telah melakukan sumpah *al-muddā'ī* bahawa ibu tidak hamil semasa akad nikah berlangsung.

Kes satu (1) dilihat bercanggah dengan alasan penolakan disebabkan anak zina dalam 20 kes yang lain kerana, kes satu (1) diluluskan oleh alasan bayi pra-matang. Namun hakikatnya, usia janin adalah enam bulan dua minggu, bermaksud anak adalah anak dari pembentukan di luar pernikahan. Selain itu, terdapat satu lagi kes yang bercanggah melibatkan kes pernikahan syubhah. Kes tersebut melibatkan anak kelahiran matang dengan jarak tarikh pernikahan dan tarikh kelahiran adalah enam bulan 25 hari. Kelahiran matang pada jarak enam bulan 25 hari menunjukkan kemungkinan janin terbentuk di luar pernikahan.

iii. 22 dari 23 permohonan di Selangor ditolak oleh alasan anak kelahiran kurang enam bulan. Sebaliknya, satu kes diluluskan membabitkan penghujahan kiraan bulan *qamariah* iaitu lima bulan mempunyai 29 hari dan satu bulan mempunyai 30 hari berbanding bulan *syamsiyah*. Perbezaan kaedah kiraan menyebabkan enam bulan yang dimaksudkan adalah 175 hari, bukan 180 hari.

Kajian mendapati keputusan terhadap kes pengesahan taraf anak di Selangor bukan sahaja dipengaruhi oleh tempoh minima kehamilan, tetapi turut melibatkan fatwa status tidak sah taraf anak yang diputuskan oleh JFN Selangor, iaitu melibatkan anak yang dihamilkan di luar pernikahan menurut

Universiti Utara Malaysia

pengakuan suami dan isteri. Terdapat kes permohonan anak kelahiran kurang sembilan bulan ditolak oleh alasan mengguna pakai fatwa JFN Selangor. Namun dalam yang sama, terdapat Hakim Syarii yang meluluskan permohonan meskipun anak dilahirkan hanya enam bulan satu hari dari tarikh pernikahan oleh alasan bersesuaian dengan pandangan hukum dari MKI tanpa merujuk anak sebagai anak zina.

iv. 50 dari 50 permohonan di Terengganu ditolak oleh alasan anak kelahiran kurang enam bulan. Dalam masa yang sama, semua permohonan oleh alasan anak kelahiran kurang sembilan bulan adalah diluluskan walaupun anak dilahirkan dalam tempoh hanya enam bulan satu *laḥzhah* sahaja. Menurut Hakim Syarii, pensabitan sah taraf anak hanya melihat kepada tempoh sahaja tanpa melibatkan faktor anak zina bagi menghormati pandangan Dr. Abdul Karim Zaidan.

v. Tiga dari tiga permohonan di Johor ditolak oleh alasan anak kelahiran kurang enam bulan sekaligus anak disabitkan sebagai anak zina.

Semakan turut mendapati terdapat isu permohonan kelahiran lima bulan 30 hari yang ditolak atau diterima beserta syarat oleh tiga alasan. Pertama, permohonan ditolak oleh alasan kurang enam bulan dua *laḥzhah* atau 180 hari, sedangkan enam bulan *qamariah* turut boleh dihitung sebagai 175 hari. Kedua, permohonan ditolak walaupun diperakui telah melebih enam bulan dua *laḥzhah* oleh alasan anak zina, sedangkan hal demikian bertentangan dengan sepakat ulama empat mazhab. Ketiga, permohonan diterima beserta syarat pengecualian pewalian dan pewarisan oleh dakwaan mengguna pakai pandangan *aḥkām al-dunyā* menurut Abdul Karim Zaidan, sedangkan maksud asal adalah penasaban tersabit di dalam pemakaian kehidupan di dunia, namun penilaian di akhirat adalah bergantung kepada penghisaban dari Allah SWT.

Universiti Utara Malaysia

Meskipun terdapat halangan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dari sudut perundangan, iaitu (i) Halangan pelaksanaan di peringkat negeri Perlis; serta (ii) Halangan pelaksanaan di peringkat MKI, didapati bahawa halangan tersebut adalah boleh diatasi sehingga pelaksanaannya boleh dilaksanakan menurut sistem perundangan dan pentadbiran di Malaysia. Kedua-dua kajian perihal analisis dari alasan penghakiman serta halangan pelaksanaannya menghasilkan kesimpulan bahawa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah boleh dilaksanakan oleh kelompongan di dalam perundangan.

Berdasarkan kepada dapatan dari kajian kes di Mahkamah Syariah, kajian seterusnya membentangkan lima isu utama serta pencerahan sebagai bukti kebolehlaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh kelompongan di dalam penghujahan. Lima isu utama serta pencerahannya adalah seperti berikut:

i. Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan tidak mempunyai sumber hujah syarak.

   Dakwaan demikian adalah dakwaan yang tidak tepat kerana asas penasaban anak adalah berasaskan hadis yang bermaksud, "*al-walad lil firāsy*", lalu kedua-dua pihak yang menolak atau yang menerima penasaban anak kelahiran kurang enam bulan atau penasaban anak zina mengambil zahir hadis dengan pemahaman seperti berikut: (a) Anak perlu dihasilkan dari benih dalam tempoh pernikahan oleh zahir hadis *"anak itu untuk al-firāsy"*; (b) Anak yang dilahirkan di dalam pernikahan dan tidak berlaku pengingkaran oleh suami si ibu sudah mencukupkan zahir hadis *"anak itu untuk al-firāsy"*; serta (c) Anak yang tidak dilahirkan di dalam pernikahan, dan bapa penzina mengakuinya sebagai anak oleh zahir hadis yang diputuskan dalam keadaan berlakunya perebutan terhadap anak oleh pemilik *al-firāsy* dan lelaki penzina.

Universiti Utara Malaysia

Sebaliknya syarat tempoh kehamilan enam bulan pula adalah berasaskan *istinbāṭ* hukum dari dua dalil yang tidak mengkhususkan berkenaan tempoh minima kehamilan. *Istinbāṭ* hukum tersebut juga tidak bersama kesepakatan mengenai kaedah pengiraan sama ada menggunakan kiraan bulan *syamsiyah* atau bulan *qamariah,* serta kiraan 180 hari atau 175 hari. Kajian mendapati, terdapat perselisihan mengenai hal tersebut dalam kes permohonan oleh alasan anak kelahiran kurang enam bulan.

ii. Anak kelahiran kurang enam bulan tidak boleh dinasabkan kerana anak zina.

Kajian mendapati alasan penghakiman berikut adalah bertentangan dengan keputusan mensabitkan sah taraf terhadap anak kelahiran matang pada tempoh kurang sembilan bulan. Sebaliknya keputusan menolak sah taraf anak kelahiran kurang sembilan bulan dengan alasan anak zina pula adalah bertentangan dengan pendapat ulama empat mazhab yang bersepakat meletakkan syarat penasaban adalah *al-firāsy* dengan minima enam bulan kehamilan kecuali sekiranya diingkari oleh suami dengan perbuatan *li'ān*.

iii. Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan akan menggalakkan lagi aktiviti zina di dalam masyarakat.

Salah faham tersebut adalah disebabkan kecelaruan dalam memahami wujudnya dua perkara berbeza yang membawa kepada dua perbincangan, iaitu: (a) aktiviti zina yang sememangnya telah wujud di dalam masyarakat; dan (b) isu yang dibawa oleh fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Kajian turut membentangkan tiga isu dari dapatan sebagai menjawab kepada dakwaan tersebut, iaitu: (i) Fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan membantu mendorong bapa penzina untuk bertanggungjawab; (ii) Pandangan hukum sedia ada menyebabkan lelaki penzina bersikap lepas tangan dan tiada

Universiti Utara Malaysia

kesedaran untuk bertaubat; dan (iii) Sekatan kepada lelaki penzina dari berlepas tangan adalah keutamaan kerana lelaki adalah faktor pertambahan kewujudan anak tidak sah taraf. Temu bual bersama pihak terkesan menghasilkan dapatan dari responden bapa yang bersetuju perihal penasaban membantu lelaki penzina untuk bertaubat dan bertanggungjawab. Mereka juga memilih untuk sanggup disabitkan hukuman persetubuhan luar nikah terlebih dahulu, sekiranya hukuman merupakan salah satu langkah pensabitan nasab anak. Responden ibu hamil, pegawai JKM dan pihak yang menjadi rujukan turut bersetuju penasaban membantu menggalakkan lebih banyak lelaki penzina bertanggungjawab dan mendorong ibu bapa pasangan penzina memberi restu terhadap pernikahan oleh wujudnya penasaban terhadap cucu yang bakal dilahirkan.

Kajian berpendirian bahawa dakwaan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan akan menggalakkan lebih banyak aktiviti zina dalam masyarakat adalah dakwaan yang tidak tepat, sebaliknya pelaksanaan pandangan hukum sedia ada terbukti memudahkan lagi lelaki penzina untuk terus melakukan penzinaan dan berlepas tangan dari dipertanggungjawabkan. Hal demikian kerana, dalam keadaan pemakaian pandangan hukum sedia ada yang melarang pensabitan nasab anak kelahiran kurang enam bulan, dapatan telah menunjukkan bahawa lelaki penzina yang memilih untuk bertanggungjawab adalah sedikit berbanding jumlah anak tidak sah taraf.

Dapatan dari JPN melibatkan 377,038 orang anak tidak sah taraf beragama Islam di Malaysia memperlihatkan bahawa kategori anak kelahiran kurang enam bulan adalah bukan dominan di dalam statistik tersebut. Perbandingan jumlah anak pungut yang selamat dan jumlah ibu hamil tanpa pernikahan

Universiti Utara Malaysia

adalah lebih tinggi berbanding jumlah permohonan pengesahan taraf meskipun dapatan ibu hamil tanpa pernikahan adalah semata-mata dari JKM. Kajian menjangkakan jumlah ibu hamil tanpa pernikahan adalah jauh lebih tinggi sekiranya data turut melibatkan bilangan ibu hamil di rumah perlindungan seliaan NGO di seluruh Malaysia.

Dapat difahami dengan jelas, bahawa dalam pemakaian pandangan hukum yang menghalang pensabitan nasab anak kelahiran kurang enam bulan, bapa penzina yang mahu bertanggungjawab adalah sedikit. Sebaliknya kes kelahiran dari ibu hamil tanpa pernikahan serta anak pungut yang berlaku oleh faktor ketakutan ibu menghadapi kehamilan seorang diri kerana lelaki penzina tidak bertanggungjawab adalah lebih tinggi.

Justeru, kajian melihat kepada fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah sebagai usaha menghalang dari berleluasanya penzinaaan apabila wujudnya keterikatan lelaki untuk dipertanggungjawabkan, berbanding membiarkan lelaki bersikap lepas tangan dan mengambil ringan perihal hubungan seksual yang telah dilakukan. Proses pensabitan nasab juga boleh didahului oleh pelaksanaan Enakmen Jenayah Syariah terlebih dahulu bagi memastikan Pemohon telah bertaubat.

iv. Permasalahan status tidak sah taraf belum mencapai tahap kemudaratan yang perlu ditangani dengan penasaban.

Kajian mendapati kesan status tidak sah taraf memberi permasalahan kepada individu, masyarakat dan negara. Kemudaratan jelas berlaku terhadap status sama ada diabaikan atau dipelihara sendiri oleh bapa. Dapatan disokong oleh persetujuan pihak terkesan terhadap pelaksanaan penasaban anak kelahiran

Universiti Utara Malaysia

kurang enam bulan sebagai penyelesaian terhadap permasalahan yang dialami sendiri oleh pihak terbabit.

Hasil penelitian membawa kepada kesimpulan bahawa, kesan dari permasalahan anak zina di Malaysia bukan sahaja merangkumi pelanggaran hak kemanusiaan tetapi turut melibatkan hak kewarganegaraan. Polisi sesebuah negara adalah sukar diubah kerana melibatkan kedaulatan dan keselamatan, lalu kajian mendapati bahawa proses meningkatkan kesedaran bapa untuk bertanggungjawab adalah membantu mengelakkan isu anak pungut dari berleluasa. Pensabitan nasab juga dapat memberi keseimbangan sosial kepada negara apabila pihak terkesan dapat memberi penglibatan semula dalam pembangunan kemasyarakatan.

Kemudaratan yang dihadapi oleh status tidak sah taraf sama ada berbentuk tekanan perasaan yang buruk dan membawa kepada keinginan untuk membunuh diri, atau berbentuk urusan kehidupan seperti dokumentasi pengenalan diri dan hak kewarganegaraan merupakan *masyaqqah* yang menghampiri jenis pertama di dalam pembahagian *'masyaqqah* yang kebiasaannya menyebabkan terhentinya pelaksanaan hukum syariah sebagaimana menurut kaedah fiqh "*Masyaqqah* membawa kepada kemudahan". Dalam masa yang sama, terdapat dua kaedah susulan lain yang boleh diimplementasikan sebagai sokongan di dalam isu ini, iaitu "kemudaratan mengangkat larangan" dan "kemudaratan menghilangkan".

Semua *maṣlaḥah* dari pelaksanaan kaedah fiqh tersebut adalah asas *ḥifzhu al-dīn* di dalam *maqāṣīd al-syarī'ah*. Hal demikian kerana, tunjang kepada pensyariatan adalah keadilan, dan pelaksanaan keadilan adalah objektif hukum syarak. Lebih-lebih lagi, pensabitan nasab anak kelahiran kurang enam bulan

merupakan perbahasan di dalam kerangka hadis. Meskipun tidak disepakati oleh ulama empat mazhab, penasaban merupakan pendapat sebahagian ulama berasaskan dalil dan pendalilan yang jelas bagi memenuhi objektif tersebut. Pensabitan pada hakikatnya hanya membenarkan hak kepada pihak yang telah diperakui nasab secara biologi. Lalu, adalah di luar logik akal, untuk dilakukan tindakan menghalang pihak terkesan memperolehi status sebenar.

Selain itu, *maṣlaḥah* di dalam isu penasaban anak kelahiran kurang enam bulan turut melibatkan perbincangan di dalam *maqāṣi̇̄d ḥifzhu al-nafs* dan *ḥifzhu al-nasl*. Pensabitan yang memberi galakan kepada pembentukan keluarga dari dua pihak yang telah berzina, dapat menghindari isu anak pungut dan kemudaratan ibu hamil tanpa suami. Anak yang dilahirkan di dalam pernikahan dan diperakui hasil hubungan seksual ibu dengan bapa iaitu suami si ibu walaupun semasa akad belum berlaku, adalah mustahil untuk diragui kesucian nasab kerana telah berlaku pernikahan dan *iqrār* oleh suami si ibu. Pelaksanaan dua kaedah berikut adalah tidak melanggar *ḥifzhu al-nasl* dalam objektif pensyariatan pernikahan iaitu untuk menjaga keturunan dari berlaku pencampuran nasab.

v. Isu tidak sah taraf bersifat kemaslahatan individu bukan kemaslahatan umum

Penghujahan tersebut adalah berasaskan kepada kaedah fiqh *"Maṣlaḥah 'āmmah* didahulukan dari *maṣlaḥah khāṣah",* namun dakwaan tersebut adalah tidak tepat. Sekalipun sekiranya *maṣlaḥah* dari penasaban anak kelahiran kurang enam bulan yang melindungi pihak terkesan dari status tidak sah taraf dilihat sebagai *maṣlaḥah khāṣah*, ia tetap tidak menghalang untuk fatwa penasaban dibincangkan dan dilaksanakan. Hal demikian kerana, pertembungan tidak dapat di*ṭārjiḥ*kan kemaslahatan antara keduanya kerana

pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan tidak bermaksud proses pendidikan di dalam masyarakat agar menjauhi perbuatan zina diberhentikan. Segala usaha pencegahan yang telah berlangsung dan penguatkuasaan hukuman salah laku seksual masih tetap diteruskan. Malah, cadangan penasaban yang diawali dengan pensabitan hukum jenayah syariah terhadap ibu dan suami si ibu merupakan salah satu dari proses pelaksanaan hukuman di dalam pendidikan masyarakat. Justeru, kebolehlaksaan kedua-dua kemaslahatan secara serentak membatalkan kaedah fiqh tersebut.

Selain itu, dakwaan melindungi masyarakat dari pertambahan perbuatan zina oleh pelaksanaan fatwa penasaban sebagai *maṣlaḥah ʻāmmah* adalah bersifat *zhanni.* Dakwaan tersebut adalah jauh dari piawaian syarat yang ditetapkan oleh ulama secara sepakat untuk dikategorikan sebagai *mafsadah* yang perlu dicegah, iaitu kepastian secara yakin bahawa *mafsadah* akan berlaku. Sebagai sokongan perbincangan, dakwaan tersebut turut boleh disanggah dengan penghujahan di bawah kategori perkara yang asalnya adalah harus akan tetapi dalam masa yang sama membawa kepada *mafsadah*, namun *maṣlaḥah*nya lebih *rājiḥ* berbanding *mafsadah*, lalu perkara tersebut dibenarkan. Tambahan pula, kajian lapangan menunjukkan dapatan yang sebaliknya, apabila pelaksanaan pandangan hukum sedia ada telah memperbanyakkan lagi perbuatan zina di dalam masyarakat oleh faktor ketiadaan mekanisma yang menghalang bapa penzina dari berlepas tangan terhadap kesalahan bersama.

Dalam masa yang sama, fatwa penasaban turut memenuhi konteks *maṣlaḥah ʻāmmah* apabila kesan pelaksanaannya tidak bersifat individu semata-mata. Penasaban yang menggalakkan bapa penzina bertanggungjawab terhadap anak

dapat mengurangkan risiko pengaliran kewangan negara dalam urusan perbelanjaan dan penyelenggaraan rumah perlindungan anak tidak sah taraf dan ibu hamil tanpa pernikahan serta nafkah kehidupan anak tersebut apabila berada di dalam institusi keluarga yang sebenar.

Dorongan untuk bapa bertanggungjawab juga dapat mengelakkan lahirnya lebih banyak generasi yang terdedah kepada masalah akhlak kerana penempatan anak tidak sah taraf di institusi kebajikan terdedah kepada permasalahan sosial yang berterusan. Selain itu, ketiadaan dokumentasi sekaligus kelayakan sebagai kewarganegaraan oleh status anak pungut menyebabkan anak yang membesar tidak memperolehi peluang pendidikan dan pekerjaan selayaknya, lalu boleh mendedahkan anak pungut kepada risiko melakukan jenayah bagi memenuhi kelangsungan hidup. Justeru, kajian percaya tindakan melindungi masyarakat dari pertambahan individu-individu bermasalah moral dengan menggalakkan lebih banyak bapa penzina bertanggungjawab oleh pelaksanaan fatwa penasaban adalah memenuhi *maṣlaḥah ʻāmmah*.

Oleh hal demikian, kajian jelas telah membuktikan bahawa fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah boleh dilakukan berdasarkan kepada keperluan di dalam masyarakat dan kelompongan di dalam perundangan. Lima alasan kukuh yang membawa kepada kesimpulan kebolehlaksanaan fatwa penasaban, iaitu:

i. Pemahaman hukum berkenaan harus penasaban anak kelahiran kurang enam bulan merupakan pandangan sebahagian ulama yang perlu diakui.
ii. Kebolehlaksanaan fatwa yang menolak penasaban anak kelahiran melebihi enam bulan atas alasan anak zina oleh Fatwa JFN Selangor yang bertentangan

dengan jumhur membawa maksud kebolehlaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

iii. Pelaksanaan fatwa penasaban adalah konsisten bersama proses pencegahan perbuatan zina di dalam masyarakat melalui pendidikan dan penguatkuasaan.

iv. Permasalahan oleh status tidak sah taraf menepati kaedah fiqh yang "*Masyaqqah* membawa kepada kemudahan" apabila diperhalusi secara mendalam dan meluas.

v. Penghujahan atas alasan mendahulukan *maṣlaḥah 'āmmah* berbanding *maṣlaḥah khāṣah* adalah tidak tepat kerana kebolehlaksanaan kedua-duanya di dalam waktu yang sama membatalkan kaedah fiqh tersebut.

Fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah boleh dilaksanakan dengan syarat pelaksanaan didahului oleh langkah-langkah yang perlu diambil tindakan oleh pihak-pihak terbabit. Langkah yang perlu diambil sekiranya penasaban anak kelahiran kurang enam bulan ingin dilaksanakan bahagikan kepada dua bentuk, iaitu: (i) langkah pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pada peringkat Negeri; dan (ii) Langkah pelaksanaan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan pada peringkat Persekutuan.

Universiti Utara Malaysia

Pelaksanaan pada peringkat Negeri melibatkan lima agensi utama iaitu:

i. Jawatankuasa Fatwa Negeri

Pertama, JFN perlu mengeluarkan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan sama ada mengambil fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan oleh JFN Perlis sebagai rujukan, atau perbincangan semata-mata berasaskan Garis panduan pengeluaran fatwa oleh MKI. Hal demikian kerana,

kajian mendapati isu pelaksanaan fatwa penasaban tersebut adalah tidak melanggar garis panduan yang telah ditetapkan.

Keputusan fatwa dari muzakarah JFN perlu lengkap menjawab tiga isu utama iaitu: (a) Anak kelahiran kurang enam bulan adalah merangkumi anak yang dihamilkan oleh aktiviti seksual sebelum pernikahan seperti penzinaan atau jenayah rogol; (b) Anak dinasabkan kepada suami si ibu serta membolehkan anak dibinkan kepada lelaki terbabit; dan (c) Penasaban membawa kepada hukum susulan antara anak dengan bapa termasuk dalam hal nafkah, mahram, pewalian dan pewarisan.

Kedua, JFN perlu membuat permohonan pewartaan fatwa dari MAIN

ii. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri

Pertama, MAIN perlu memperkenankan usul penasaban anak kelahiran kurang enam bulan untuk dipersembahkan kepada DYMM Raja Pemerintah bagi tujuan pewartaan. Pewartaan fatwa di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam adalah langkah pertama penguatkuasaan.

Kedua, MAIN perlu membawa fatwa kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri bagi membentuk draf pindaan undang-undang.

iii. Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri

Pertama, Penasihat Undang-Undang perlu menyediakan draf pindaan melibatkan Enakmen UUKI dan Enakmen Jenayah Syariah.

Kedua, Penasihat Undang-Undang perlu membawa usul pindaan Enakmen ke Dewan Undangan Negeri.

Ketiga, Penasihat Undang-Undang perlu menguruskan pewartaan Enakmen beserta pindaan, selepas mendapat kelulusan dari DUN. Penasihat juga perlu

Universiti Utara Malaysia

menguruskan penyiaran Enakmen yang dipinda dalam Warta Kerajaan negeri bagi pemakaian pada peringkat undang-undang.

iv. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN).

JKSN perlu merujuk Enakmen UUKI dan Enakmen Jenayah Syariah selepas pindaan dalam membuat keputusan dan alasan penghakiman bagi kes permohonan pengesahan taraf anak di Mahkamah Syariah.

v. Jabatan Pendaftaran Negara

Langkah terakhir, JPN perlu mengiktiraf sijil pernikahan dan perakuan sah taraf status dari Mahkamah Syariah bagi proses pendaftaran nama anak beserta bin atau binti nama pemohon atau suami si ibu pada peringkat negeri.

Seterusnya, kajian mengetengahkan langkah pelaksanaan fatwa penasaban pada peringkat Persekutuan. Memandangkan hanya JFN Perlis sahaja satu-satunya agensi agama negeri yang mempunyai fatwa dalam isu anak kelahiran kurang enam bulan di Malaysia, kajian telah meletakkan fatwa penasaban oleh JFN Perlis sebagai sampel yang akan digunakan bagi menjelaskan langkah-langkah yang perlu dilakukan. MAIPs pula merupakan pihak yang bertanggungjawab membawa dan membentangkan isu fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dalam muzakarah MKI.

Pelaksanaan pada peringkat Persekutuan melibatkan lima agensi utama iaitu:

i. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis

Pertama, MAIPs perlu membuat kertas kerja pembentangan usul fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan ke peringkat MKI. Kertas kerja tersebut boleh membawa usul fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dengan memasukkan (a) fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan secara tunggal; atau (b) fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam

bulan beserta fatwa susulan yang telah diwartakan; atau (c) fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan yang telah dipinda dan diwartakan.

Kedua, MAIPs perlu membuat permohonan dari MKI bagi tujuan pembentangan usul fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

ii. Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

Pertama, MKI perlu menerima permohonan pembentangan dari MAIPs dalam usul penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

Kedua, MKI seterusnya perlu melangsungkan Muzakarah Jawatankuasa MKI bagi mempertimbangkan pelaksanaannya berasaskan Garis panduan pengeluaran fatwa.

Ketiga, MKI perlu merafakkan keputusan muzakarah Jawatankuasa Muzakarah MKI ke Majlis Raja-Raja bagi mendapatkan perkenan. Keputusan muzakarah yang diperkenan oleh DYMM Majlis Raja-Raja akan mencapai taraf rujukan perundangan Persekutuan. Seterusnya MKI perlu bertindak membuat penyiaran dan hebahan terhadap penjelasan, serta meminda teks pandangan hukum yang lepas.

Keempat, MKI perlu membawa keputusan yang telah diperkenan kepada Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil JAKIM

iii. Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil JAKIM

Pertama, Jawatankuasa Teknikal perlu membentuk rang undang-undang dengan merujuk kepada Jabatan Peguam Negara selaku penasihat perundangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam perundangan Sivil dan Syariah. Rang undang-undang yang disediakan perlu merangkumi usul pindaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah

Universiti Utara Malaysia

Persekutuan) 1997, sekaligus merupakan model pindaan pada peringkat negeri melibatkan Enakmen UUKI dan Enakmen Jenayah Syariah.

Kedua, Jawatankuasa Teknikal perlu membawa rang undang-undang ke persidangan Parlimen. Perlembagaan Persekutuan Fasal 76 telah memberi kebenaran ke atas Parlimen dalam bidang kuasanya untuk membuat penetapan perihal Undang-Undang Syariah Negeri.

Ketiga, Jawatankuasa Teknikal perlu memastikan rang undang-undang mendapat sokongan Parlimen dan diluluskan. Kelulusan pada peringkat Parlimen membolehkan fatwa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan diterima pemakaiannya secara langsung di Wilayah Persekutuan.

iv. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Hakim Syarii yang bersidang bagi kes permohonan pengesahan taraf anak di Mahkamah Syariah Wilayah - Wilayah Persekutuan perlu merujuk Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 selepas pindaan dalam perbicaraan kes permohonan pengesahan taraf anak.

v. Jabatan Pendaftaran Negara

Kajian mendapati, terdapat bidang kuasa JPN menurut Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Akta 299) berkenaan maklumat bapa di dalam pendaftaran anak kelahiran di luar pernikahan, namun kajian melihat kepada keperluan untuk tidak membenarkan Pemohon beragama Islam membuat pendaftaran anak kelahiran kurang enam bulan di bawah Akta tersebut, tanpa didahului proses pensabitan sah taraf di Mahkamah Syariah terlebih dahulu. Kajian berpandangan Akta tersebut kekal bagi pemakaian Pemohon bukan beragama Islam sahaja. Justeru, dalam pelaksanaan penasaban anak kelahiran

kurang enam bulan, skop bidang kuasa pada peringkat JPN, adalah mengiktiraf sijil pernikahan dan perakuan sah taraf status dari Mahkamah Syariah bagi proses pendaftaran nama anak beserta bin atau binti nama Pemohon atau suami si ibu di Malaysia.

6.5 Cadangan

Berdasarkan penemuan daripada kajian yang dilakukan, beberapa perkara dilihat perlu diketengahkan sebagai cadangan bagi pelaksanaan dua aspek penting dalam isu anak tidak sah taraf di Malaysia. Cadangan kajian adalah seperti berikut:

6.5.1 Pemerhatian agensi

Agensi yang terlibat secara langsung dalam isu ketidak sah tarafan anak sama ada dari sudut teknikal mahupun perundangan adalah terdiri daripada KPWKM dan MKI.

i. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

KPWKM perlu lebih terkehadapan dalam mengetengahkan kempen 'Jauhi seks sebelum nikah' dalam masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa melalui pendidikan di sekolah dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, serta melalui pendidikan di media massa dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Kempen 'Juahi seks sebelum nikah' dan pendidikan seksual adalah asas dalam menangani kewujudan anak tidak sah taraf di Malaysia.

Selain itu, KPWKM perlu lebih tegas membawa isu kebajikan anak tidak sah taraf agar permasalahan yang dihadapi oleh subjek kes mendapat perhatian pihak sewajarnya. Isu anak tidak sah taraf melibatkan permasalahan anak pungut, anak tanpa dokumentasi, anak terbiar yang memerlukan kepada perlindungan, sokongan *single mother* dalam isu hamil tanpa nikah, sokongan emosi anak tidak sah taraf dan sokongan emosi ibu bapa yang memulakan kehidupan bersama anak tidak sah taraf.

Universiti Utara Malaysia

KPWKM selaku kementerian yang mengurus selia JKM adalah agensi paling dekat untuk mengendalikan subjek kes dalam isu anak tidak sah taraf agar data yang didokumentasikan dapat menjadi asas kepada perbincangan dalam perihal dakwaan kemudaratan dan kemaslahatan oleh status tidak sah taraf di Malaysia.

ii. Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

Kajian mencadangkan kepada MKI untuk bersikap neutral dalam membuat pemerhatian mendalam melibatkan isu keperluan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Pemerhatian perlu melibatkan agensi yang terlibat secara langsung dalam pengendalian anak tidak sah taraf seperti JKM dan NGO kanak-kanak.

Perlindungan dari kemudaratan adalah asas perbincangan pembentukan kerangka syarak. Justeru, MKI selaku agensi paling penting dalam perihal penguatkuasaan Islam di Malaysia perlu terkehadapan dalam memberi perlindungan kepada mereka yang memerlukan terutama melibatkan isu kebajikan kanak-kanak.

Universiti Utara Malaysia

6.5.2 Kajian di masa hadapan

Hasil penelitian mendapati, terdapat beberapa perkara lain melibatkan isu anak tidak sah taraf di Malaysia yang memerlukan kepada kajian lanjut. Penelitian mengetengahkan tiga cadangan kajian di masa hadapan, iaitu:

i. Kajian mengenai pelaksanaan penasaban di Maghribi atau Jordan melibatkan anak kelahiran kurang enam bulan sebagai model pelaksanaan penasaban. Kajian melibatkan secara terperinci terhadap dalil dan pendalilan, proses pindaan perundangan, pelaksanaan pada peringkat kehakiman dan kesan selepas pelaksanaan dalam perihal memelihara *maṣlaḥah* anak tidak sah taraf

bagi situasi di Maghribi atau Jordan, sehingga kajian dapat menjadi model dalam pelaksanaan sebenar.

ii. Kajian mengenai skop pandangan terhadap *qawl* selain *qawl* Mazhab Syafii dalam isu anak zina di Malaysia. Hal demikian bagi memahami permasalahan dalam isu hukum melibatkan anak zina sama ada didasari oleh kesedaran ke arah perbincangan ilmiah, atau pemahaman yang dipengaruhi oleh skeptikal. Hasil dari kajian dapat menjadi perbincangan ke arah halangan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan dari aspek penerimaan masyarakat di Malaysia yang masih terikat oleh fahaman *qawl* Mazhab Syafii sebagai satu-satunya hukum dalam syarak.

6.6 Penutup

Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan adalah perbincangan yang dilakukan oleh asas dalil dan pendalilan yang jelas menurut hukum syarak. Penasaban tersebut melibatkan perbincangan perihal syarat tempoh minima kehamilan serta penasaban anak zina. Di Malaysia, pentadbiran agama Islam mengguna pakai *qawl* muktamad Mazhab Syafii yang menolak penasaban anak kelahiran kurang enam bulan. Namun penolakan tersebut berasaskan dua perbincangan yang bercanggah, iaitu sama ada penolakan oleh sebab tempoh sebagaimana yang disepakati oleh ulama empat mazhab atau penolakan oleh sebab anak zina menurut *qawl* dalam Mazhab Syafii. Semakan terhadap fail permohonan pengesahan taraf anak di Mahkamah Syariah mendapati, percanggahan alasan penghakiman berikut membawa kepada kewujudan kelompongan yang memungkinkan pelaksanaan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan.

Universiti Utara Malaysia

Lebih-lebih lagi, kajian terhadap pihak terkesan menunjukkan wujud permasalahan dan kemudaratan yang dialami dalam kehidupan oleh status tidak sah taraf anak. Sedangkan *maṣlaḥah* adalah keutamaan dalam pelaksanaan hukum syarak. Oleh hal demikian, kajian bersetuju mengenai isu *maṣlaḥah* yang dibawa oleh JFN Perlis dalam membuat keputusan membenarkan penasaban anak kelahiran kurang enam bulan meskipun keputusan tersebut mengguna pakai *qawl* mazhab lain selain Mazhab Syafii dan bertentangan dengan keputusan hukum oleh MKI.

Universiti Utara Malaysia

Rujukan

Buku

Al-Quran al-Karim. (2020). Terjemahan perkata dan tajwid bewarna. *Al-Andalus*. Selangor: Karya Bestari.

'Ilal al-Fasi. (2011). *Maqāṣid al-syarī'ah al-Islāmiyah wa makārimuhā.* Kaherah: Darul Salam.

Abd. Ghani Ahmad, & Nuarrual Hilal Md Dahlan. (2018). Pusat jagaan anak luar nikah di Malaysia: realiti, isu dan prospek. In: *Isu-Isu Kontemporari Syariah & Undang-Undang*. Nilai: USIM, 166-176

Abdul Karim Zaidan. (1993). *Al-Mufaṣal fī aḥkām al-mar'ah wa baitul muslim fī al-syarī'ah al-Islāmiyah.* Jilid sembilan. Beirut: Mu-assah al-Risalah.

Abdul Karim Zaidan. (2003). *Al-Wajīz fī syarḥ al-qawā'id al-fiqhiyyah fī al-Syarī'ah al-Islāmiyah.* Beirut: Risalah Publisher.

Abdul Razzaq, Abu Bakr bin Hamam. (1983). *Muṣannaf Abdul Razzāq*. HabiburRahman al-A'zhami (Ed.). Cetakan kedua. Beirut: Maktab al-Islami.

Abdul Salam al-Asri. (1996). *Naẓariyah al-akhẓi bimā jarā bihi al-a'mal fī Maghribi: Fi iṭāri maẓhab al-Mālikī.* Kementerian Hal Ehwal Awam dan Islam, Kerajaan Maghribi.

Abdul Wahab Khalaf. (1938). *Aḥkām al-aḥwāl al-syakhṣiah fī al-syarī'ah al-Islāmiyah*. Kaherah: Darul Kutub.

Abdullah Ishak (1992). *Islam di Nusantara (khususnya di Tanah Melayu).* Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri .

Abdullah Muhammad al-Tayyar, Abdullah Muhamamd al-Mutlaq, & Muhammad Ibrahim Musa. (2011). *Fiqih al-maisir*. Jilid lima. Riyadh: Madar al-Watan.

Abu Daud, Sulaiman Ibn al-'Asyh-'Ath. (t.t). *Sunān Abī Dāud*. Beirut: Maktabah al'Asriyah.

Ahmad. Ahmad Bin Hanbal. (2001) *Musnad Aḥmad*. Syu'aib al-Arnaut (Ed.). Beirut: Mu-assasah al-Risalah.

Ahmad al-Murabit al-Syanqiti. (t.t). Istilḥāq walad al-zinā fi al-nasab. *Nadwah al-usrah al-muslimah wa al-taḥdiyāt al-mu'āṣarah*. Mekah: Rabitah al-Alim al-Islami Majma' al-Fiqhi al-Islami.

Ahmad Ridha. (1960). *Mu'jam matan al-lughah*. Jilid lima. Beirut: Dar Maktabah al-Hayah.

Al-'Imrani, Abu Hussain Yahya bin Abu al-Kheir. (2000). *Al-Bayān fī maẓhab al-Imām al-Syāfi'ī.* Jilid 10 dan 13. Qasim Muhammad al-Nawawi (Ed.). Jeddah: Darul Minhaj.

Al-Albani, Muhammad Nasiruddin. (1985). *Irwā' al-ghalīl fī takhrīj aḥādith manār al-sabīl*. Beirut: Maktab al-Islami.

Al-Baghawi, Abu Muhammad Hussain bin Mas'ud. (1997). *Ma'ālim al-tanzīl fī al-tafsīr al-Qur-ān*. Jilid satu. Muhammad Abdullah, 'Uthman Jum'ah, & Sulaiman Muslim (Eds.). Darul Tayyibah.

Al-Baghdadi, Abdul Wahab bin 'Ali. (1999). *Al-Isyrāf 'ala nukut masā-il 'al-khilāf.* Jilid dua. Habib bin Tahir (Ed.). Darul Ibn Hazm.

Al-Baidawi, Nasruddin Abdullah bin Umar. (2012). *Tuḥfah al-abrār syaraḥ maṣābīḥ al-sunnah.* Jilid dua. Kuwait: Wizarah al-Auqaf.

Al-Baihaqi, Ahmad bin Husin. (2003). *Sunan al-kubrā lil Baiḥāqī.* Jilid lapan. Cetakan ketiga. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyah.

Al-Baihaqi a, Ahmad bin Husin. (2003). *Syu-'ab al-īmān*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.

Al-Baihaqi, Ahmad bin Husin. (2018). *Aḥkām al-Qur-ān*. Abu 'Asim al-Syawarmi (Ed.). Kaherah: Darul Zakha-ir.

Al-Baji, Abu Walid Dulaiman bin Khalaf. (1913). *Al-Muntaqā syaraḥ al-muwaṭṭa'*. Jilid enam. Mesir: Mutaba'ah al-Sa'adah.

Al-Bantani, Muhammad Nawawi bin Umar al-Jawi al-Tanari. (2002). *Nihāyah al-zain fī irsyād al-Mubtadi-īn*. Beirut: Darul Fikr.

Al-Buhuti, Mansur bin Yunus. (1983). *Kasyaf al-qinā' 'an matan al-iqnā'*. Jilid empat dan lima. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyah.

Al-Buhuti, Mansur bin Yunus. (1993). *Syaraḥ muntahā al-irādāt*. Jilid tiga. Beirut: 'Alim al-Kutub.

Al-Bukhari, Muhammad Ibn Isma'il. (1999). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī.* Dimasyq: Darul Faiha.

Al-Darimi, Abu Muhammad Abdullah. (2000). *Sunan al-Dārimī.* Husin Sulaim Asad (Ed.). Riyadh; Darul Mughni.

Al-Daruquthni, Abu Hasan Ali. (2004). *Sunan al-Dāruquṭnī.* Beirut: Mu-assasah al-Risalah.

Al-Dusuqi, Muhammad bin Ahmad. (t.t). *al-Syaraḥ al-kabīr li Syeikh al-Dardīr wa ḥāsyiyah al-Dusūqī.* Jilid dua. Beirut: Darul Fikr.

Al-Ghazali, Abu Hammid. (1993). *Al-Mustaṣfā min 'ilmu al-uṣūl*. Cetakan pertama. Beirut: Dar al-Kutub al-Alamiah.

Al-Haitami, Ibnu Hajar. (1983). *Tuḥfah al-muḥtāj fī syaraḥ al-manhāj*. Jilid satu dan sepuluh. Mesir: Maktabah al-Tijariah al-Kubra.

Al-Hattab, Syamsuddin Abu Abdullah Muhammad bin Muhammad. (1992). *Mawāhib al-Jalīl li Syarḥ Mukhtasar Khalīl.* Jilid lima. Beirut: Darul Fikr.

Al-Jassas, Abu Bakr al-Razi. (1994). *Aḥkām al-Qurān*. Jilid tiga. Abdul Salam Muhammad (Ed.). Beirut: Darul Kutub al-'Alamiyah.

Al-Jazami, Abu Muhammad Jalaluddin. (2003). *'Aqad al-jawāhir al-thamaniyah fī maẓhab 'ālim al-Madīnah*. Jilid dua. Hamid bin Muhammad (Ed.). Bierut: Darul Ghurub al-Islami.

Al-Juwaini, Abu Ma'ali Abdul Malik bin 'Abdillah. (2007). *Nihāyah al-Maṭlab Fī Dirāyah al-Maẓhab.* Jilid 15. Abdul 'Azhim Mahmud (Ed.). Jeddah: Darul Minhaj.

Al-Kasani, Ila'u al-din, Abu Bakr Bin Mas'ud. (1986). *Badā-i' al-ṣanā-i' fī tartīb al-syarā-i'*. Jilid dua, enam dan tujuh. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyah.

Al-Kharshi, Abu Abdullah Muhamamd. (1899). *Syaraḥ al-Kharshī 'ala mukhtasir khalīl*. Jilid enam dan lapan. Beirut: Darul Fikr.

Al-Khattabi, Abu Sulaiman Hammad bin Muhammad. (1932). *Ma'ālim al-sunan*. Jilid tiga. Halab: Maktabah al-'Alamiyah.

Al-Manawi, Muhammad bin Ibrahim. (2004). *Kasyful manāhīj wa al-tanāqīḥ fī takhrīj aḥādīth al-maṣābīḥ.* Muhammad Ishaq (Ed.). Beirut: Darul Arabiyah lil mausu'at.

Al-Maruzi, Abu Ya'qub Ishaq bin Mansur. (2002). *Masā-il al-Imām Aḥmad wa Isḥāq bin Raḥwayh*. Jilid empat. Madinah: 'Imad al-bahas al-'ilmi.

Al-Mawardi, Abu Hassan Ali Muhammad. (1999). *Al-Ḥāwī al-kabīr fī fiqhi mazhabi al-Imām al-Syāfi'ī.* Jilid tujuh dan 11. Ali Muhammad Ma'wud, & 'Adil Ahmad Abdul Mawjud (Eds.). Beirut: Darul Kutub al-'Alamiyah.

Al-Mawardi, Abu Hassan Ali Muhammad. (t.t). *al-Nukut wa -al'uyūn.* Jilid satu. Syed Ibnu Abdul Maqsud (Ed.). Beirut: Darul Kutub al-'Alamiyah.

Al-Maziri, Abu Abdullah Muhammad. (1991). *Al-mu'allim bifawā-id al-muslim*. Jilid dua. Muhammad Syazali al-Naifar (Ed.). Tunis: Darul Tunisiah.

Al-Munyawi, Mahmud bin Muhammad Abu al-Munzir. (2011). *Syaraḥ al-kabīr li-mukhtaṣir al-Uṣūl min 'Ilm al-Uṣūl*. Mesir: al- Maktabah al-Shamilah.

Al-Nasaii, Abu 'Abdil Rahman al-Nasaii. (2001). *Sunan al-kubrā lilNasā-ī.* Syu'aib al-Arnaut (Ed.). Beirut: Mu-assasah al-Risalah.

Al-Nawawi, Abu Zakaria Muhyiddin. (1967). *Majmū' syaraḥ al-muhaẓẓab*. Jilid 20. Kaherah: Idarah al-Taba'ah al-Muniriyah.

Al-Nawawi, Abu Zakaria Muhyiddin. (1973). *Al-manhāj syarah Ṣaḥīḥ Muslim Bin al-Ḥujāj*. Jilid sepuluh dan 12. Beirut: Darul Ihya al-Turath al-Arabi.

Al-Nawawi, Abu Zakaria Muhyiddin. (1991). *Rauḍah al-ṭālibīn wa 'umdah al-muftīn.* Jilid dua. Zuhairi a-Syawisy (Eds.). Beirut: Maktabah al-Islami.

Al-Qarafi, Abu al-'Abbas Ahmad bin Idris. (1998). *Al-Furūq*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Qatallani, Abu al-'Abbas Ahmad bin Muhammad. (1905). *Irsyād al-sārī li syaraḥ ṣaḥīḥ al-Bukhārī.* Jilid lapan. Terbitan ke-tujuh. Mesir: al-Mutaba'ah al-Kubra al-Umairiyah.

Al-Qayrawani, Abu Muhammad Abdullah Abu Zayd. (1999). *Al-Nawādir wa-l-ziyādāt 'ala mā fī al-mudawwana min ghairihā min al-ummahāt.* Jilid 13. Beirut: Darul Ghurub al-Islami.

Al-Qayrawani, Abu Muhammad Abdullah Abu Zayd. (2011). *Al-Ẓub 'an maẓhabi al-Imām Mālik.* Jilid dua. Muhammad 'Ilmi (Ed.). Tunis: Markaz al-Dirasiyah

Al-Qazwaini, Abdul Karim bin Muhammad. (1997). *Al-'Azīz syaraḥ al-wajīz al-ma'rūf bi al-syaraḥ al-kabīr.* Jilid 13. Ali Muhammad Ma'wud, & 'Adil Ahmad Abdul Mawjud (Eds.). Beirut: Darul Kutub al'Alamiyah

Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad. (1964). *Al-Jāmi' li-aḥkām al-Qurān*. Jilid lima. Ahmad al-Barduni (Ed.). Kaherah: Darul Kutub al-Misriyah.

Al-Ramli, Syamsuddin Muhammad bin Abi al-'Abbas. (1983). *Nihāyah al-muḥtāj ila syaraḥ al-manhāj.* Jilid lapan. Beirut: Darul Fikr.

Al-Sabouni, Muhammad Ali. (1981). *Mukhtaṣir tafsīr Ibnu Katsīr*. Jilid dua. Beirut: Dar alQuran alKarim.

Al-Sarkhasi, Syamsuddin. (1989). *Al-mabsūṭ.* Jilid lima, enam dan 17. Beirut: Darul Ma'rifah.

Al-Sawi, Ahmad bin Muhammad. (1952). *Al-Ḥāsyiah al-Ṣāwī 'ala al-syaraḥ al-ṣaghīr.* Jilid satu dan dua. Halab: Maktabah Mustaffa.

Al-Suyuti, Jalal al-Din Abdul Rahman. (1983). *Al-ashbāh wa al-nazhā-ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris. (1983). *Al-Umm*. Jilid lima. Terbitan kedua. Beirut: Darul Fikr.

Al-Syirazi, Ahmad Muhammad Ali. (1983). *Tuḥfah al-muḥtāj fī syaraḥ al-munhāj*. Jilid tujuh. Kaherah: Maktabah al-tijariyah al-kubra.

Al-Syirazi, Ibrahim bin Ali bin Yusuf. (1992). *Al-Maẓahib fī fiqhi al-Imām al-Syāfi'ī.* Jilid tiga. Beirut: Darul Kutub al-'Alamiyah.

Al-Syatibi,Abu Ishaq Ibrahim bin Musa. (1997). *Al-Muwāfaqāt.* Abu 'Ubaidah Masyhur (Ed.). Jilid dua & tiga. Madinah: Darul Ibnu 'Affan.

Al-Syirbini, Muhammad al-Khatib. (1998). *Mughnī al-muḥtāj ila ma'rifah ma'ānī alfāẓh al-manhāj.* Jilid dua, tiga dan empat. Beirut: Darul Fikr.

Al-Tabari, Muhammad Bin Jariri. (2000). *Tafsīr al-Ṭabarī: Jāmi' al-bayān.* Jilid 17. Cetakan pertama. Ahmad Muhammad Syakir (Ed.). Beirut: Mu-assasah al-Risalah.

Al-Tha'labi, Abu Muhammad Abdul Wahhab. (t.t). *al-Ma'ūnah 'alā maẓhabi 'ālim al-Madīnah*. Humaisy Abdul Haq (Ed.). Mekah: Maktabah Tijariyah.

Al-Wahidi, Abu Hassan ‘Ali bin Ahmad. (1994). *Tafsīr al-Wasīṭ*. Jilid empat. ‘Adil Ahmad, ‘Ali Muhammad, Ahmad Muhammad, Ahmad Abdul Ghani, & AbdurRahman ‘Awis (Eds.). Beirut: Darul Kutub al-‘Alamiyah.

Al-Zaila’i, Fakhruddin Uthman bin Ali. (1895). *Tubayyīn al-ḥaqā-iq syaraḥ kanzu al-daqā-iq wa ḥāsyiah al-syilbī*. Jilid lima dan enam. Syihabuddin Ahmad bin Muhammad (Ed.). Edisi pertama. Kaherah: Mutaba’ah al-kubra al-amiriyah.

Al-Zaila’i, Jamaluddin Abu Muhammad. (1997). *Naṣabu al-rāyah li aḥādīth al-hidāyah ma’a ḥāsyiatuhu bi ghayah al-alma’ī fi takhrīj al-Zaila’ī*. Jilid tiga. Muhammad ‘Awamah (Ed.). Beirut: Mu-assasah al-Rayyan.

Al-Zarqaa, Ahmad Muhammad. (2011). *Syaraḥ al-qawā’id al-fiqhiyyah.* Dimasyq: Darul Qalam.

Asiah Sarji. (1999). Mengkaji sejarah penyiaran: Pendekatan sejarah dan analisis isi kandungan, dalam Syed Arabi Idid. *Analisis Kandungan* , 11-33. Bangi: Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Badruddin al-‘Aini, Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad. (2009). *‘Umdah al-qārī syaraḥ ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jilid tujuh. Beirut: Darul Kutub al-‘Alamiyah.

Bennard, H. R. (2011). *Research methods in anthropology: Qualitative and quantitative approaches.* 5th edition. Plymouth, UK: AitaMira Press.

Berg, B.L. (2001). *Qualitatives research methods for the social sciences*. 4th edition. Boston: Allyn & Bacon.

Buskens, L. (2010). Syaria and National Law in Morocco. *Syariah incorporated: A comparative overview of the legal system in twelve Muslim countries in past and present*. J.M. Otto (Ed.) ,89-138.

Hisham ‘Uqdah. (2003). *Al-Adillah ‘alā I’tibār al-maṣāliḥ wal mafāsid fī al-fatāwa wal aḥkām.* Kaherah: Darul Safwah.

Hukum berkahwin dengan perempuan yang hamil hasil hubungan dengan lelaki lain. (2014a). *Himpunan keputusan fatwa negeri Perlis tahun 2010-2014*. Jabatan Fatwa Negeri Perlis.

Hukum menasab anak zina kepada bapa zina. (2008). Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis Bil.3/2008. *Himpunan Fatwa Negeri Perlis 2008-2011*. Jabatan Mufti Negeri Perlis.

Hussain Anis Saeed Bani Saleh. (2011). *Manhaj al-ṣaḥābah fī istibāṭ al-aḥkām al-syar’iyyah*. Irbid: Darul Mutanabbi.

Ibn ‘Abd al-Bar, Abu Umar Yusuf bin Abdullah. (2000). *Al-Istiẓkār*. Beirut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah.

Ibnu ‘Abidin, Muhammad Amin. (1992). *Dār al-muḥtār ‘alā al-dār al-mukhtār.* Jilid empat. Beirut: Darul Fikr.

Ibnu ‘Asyur, Muhammad al-Thahir. (2012). *Maqāṣid al-syarī’ah al-Islāmiyah.* Cetakan ke-lima. Tunis: Darus Salam.

Ibnu Al-Jauzi, Abu al-Faraj AbdurRahman bin ‘Ali. (2001). *Zād al-maisīr fī ‘ilmu al-tafsīr.* Jilid empat. Abdul Razzaq al-Mahdi (Ed.). Beirut: Darul Kitab al-‘Arabi.

Ibnu Baz, Abdul ‘Aziz bin ‘Abdullah. (t.t b). *Majmū` fatāwā wa maqālāt mutanawwi`ah.* Jilid 28. Muhammad Sa’ad (Ed.). Saudi: Ri-asah Idarah al-buhus al-ilmiyah wa al-ifta’.

Ibnu Hajar al-Athqalani. (1959). *Fatḥul bāri syaraḥ ṣaḥīḥ alBukhāri*. Jilid enam dan sepuluh. Beirut: Darul Ma’rifah.

Ibnu Hazm, Ali bin Ahmad Sa’id. (2002). *Al-muḥallā bil-athār*. Jilid lapan, sembilan dan sepuluh. Beirut: Darul Kutub al-Alamiyah.

Ibnu Hibban, Muhammad Ibn Hibban. (1993). *Ṣaḥīḥ Ibnu Ḥibbān*. Syu’aib Al-Arna’ut (Ed.). Beirut: Mu-assasah al-Risalah.

Ibnu Jallab, ‘Ubaidillah bin Hussain. (2007). *Al-Tafrī’ fī fiqhi al-Imām Mālik bin Anas.* Jilid dua. Syed Kasrawi Hassan (Ed.). Beirut: Darul Kutub al-‘Alamiyah.

Ibnu Juzai, Abi Qassim Muhammad Bin Ahmad. (t.t). *Al-qawānin al-fiqhiyah*. Abdullah al-Munsyawi (Ed.). Kaherah: Darul Hadis.

Ibnu Kathir, Abu Fida’ Ismail. (1999). *Tafsīr al-Quran al-‘Adzīm*. Jilid kedua. Cetakan kedua. Sami Muhammad Salamah (Ed.). Riyadh: Darul Taiyibah.

Ibnu Majah, Muhammad Ibn Yazid Al-Qazwini. (t.t.) *Sunan Ibn Majāh*. Muhammad Fuad ‘Abdul Baqi (Ed.). Kaherah: Darul Ihya’ Kutub al-Arabiyah.

Ibnu Qayyim al-Jauziyah. (1971). *Tuḥfah al-maudūd bi aḥkām al-maulūd.* Abdul Qadir al-Arnauth (Ed.). Dimasyq: Maktabah Darul Bayan.

Ibnu Qayyim al-Jauziyah. (1991). *I’lām al-muwaqi’īn ‘an Rabbul ā’lamīn.* Jilid dua & tiga. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyah.

Ibnu Qayyim Al-Jauziyah. (2010). *Ẓād al-Mi’ād fī hadī khair al-‘ibād*. Jilid lima. Beirut: Mu-assasah al-Risalah.

Ibnu Qayyim al-Jauziyah. (t.t). *al-Ṭuruq al-ḥukmiyyah.* Maktabah Darul Bayan.

Ibnu Qudamah, Muwafaq al-Din Abdullah bin Ahmad. (1968). *Al-Mughnī li Ibn Qudāmah*. Jilid lima, enam, tujuh, lapan dan 14. Kaherah: Maktabah al-Kaherah.

Ibnu Qudamah, Muwafaq al-Din Abdullah bin Ahmad. (1994). *Al-Kāfī fī fiqhi al-Imām Ahmad.* Jilid empat. Beirut: Darul Kutub al-‘Alamiyah.

Ibnu Rushd, Abu Walid Muhammad. (1988). *Al-Bayān wa taḥṣīl wa al-syaraḥ wa al-taujīh wa ta’līl li masā-il al-mustakhrajah*. Jilid enam. Muhammad Hujjai (Ed.). Beirut: Darul Ghurub al-Islami.

Universiti Utara Malaysia

Ibnu Rushd, Abu Walid Muhammad. (2004). *Bidāyah al-mujtahid wa nihāyah al-muqtaṣid*. Jilid empat. Kaherah: Darul Hadis.

Ibnu Ruslan, Shihabudin Abu al-Abbas. (2016). *Syaraḥ Sunan Abī Dāud*. Jilid 10. Faiyum: Darul Falah.

Ibnu Taimiyah, Ahmad. (1987). *Fatāwā al-Kubrā*. Jilid tiga. Muhammad Abdul Kadir dan Mustaffa Abdul Kadir (Ed.). Beirut: Darul Kutub al-Alamiyah.

Ibnu Taimiyah, Ahmad. (2004). *Majmū' al-fatāwā*. Jilid 11 & 28. Abdul al-Rahman Ahmad Qasim (Ed.). Madinah: Mujamma' al-Malik Fahhad.

Ibrahim Muhammad, Abdul Razaq Afifi, Abdullah Ghadyan, & Abdullah Mani'. (2003) Fatwa No. 3408. *Fatāwā Lajnah al-dā-imah lil buḥuth al-'ilmiyah wal iftā'*. Jilid 20. Ahmad Abdul Razaq (Ed.). Terbitan kelima. Riyadh: Darul Muayyid.

Jamaludin 'Atiyyah. (2001). *Naḥwa taf'īl maqāṣid al-syarī'ah*. Amman: Ma'had al-'Alami al-Fikri al-Islami.

King, N, & Horrocks, C. (2010). *Interviews in Qualitative Research*. Sage: London.

Krippendorff, K. (2004). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology.* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Malik Anas. (1985). *Al-muwaṭa' Mālik.* Jilid dua. Muhammad Abdul Baqi (Ed.). Beirut: Darul Ihya'.

Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco: Jossey-Bass A Wiley Imprint.

Mohd Asri Zainul Abidin. (2015). *Menjawab persoalan menjelaskan kekeliruan*. Shah Alam: Karangkraf.

Monjid, M. (2014). *L'Islam et la modernité dans le droit de la famille au Maghreb. Etude comparative : Maroc, Algérie, Tunisie.* Paris: L'Harmattan.

Mu-assasah Zaid bin Sultan Ali Nahyan. (2013). *Mu'allimah Zaid lil Qawā'id al-fiqhiyah wal Uṣūliyah.* Bab empat. Abu Dhabi: Mu-assasah Zaid bin Sultan Ali Nahyan wa Mujamma' al-Fiqhi al-Islami al-Dauli.

Muhammad al-Zuhaili. (2011). *Al-Mu'tamad fī fiqhi al-Syāfi'ī*. Jilid empat. Cetakan ketiga. Jeddah: Darul Basyir.

Muhammad Aunurrochim Mas'ad, & Mohamad Zakwan Nafis bin Mohamed Zamri. (2018). Status anak luar nikah: Satu kajian ke atas hak harta pusaka mengikut Fiqh Islam dan Undang-Undang Syarak Wilayah Persekutuan. *Isu-isu semasa Islam dan sains*. Nilai: USIM, 345-367

Muhammad Rasyid Ridha. (1990). *Tafsīr al-manār.* Jilid empat. Mesir: al-Hai-ah al-Misriyyah al-'Ammah

Muhammad Sa'ad al-Youbi. (1998). *Maqāṣid al-syarī'ah al-Islāmiyah wa 'alāqatuhā bi adillah al-syariah*. Saudi: Dar al-Hijrah.

Universiti Utara Malaysia

Muhammad Soleh al-'Uthaimin. (2005). *Syaraḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn.* Jilid tiga. Riyadh: Darul Watan.

Muhammad Soleh al-'Uthaimin. (2006). *Fatḥ ẓi al-jalāli wa al-ikrām bi sharḥ bulūgh al-marām*. Jilid lima. Subhi Muhammad, & Ummu Isra' 'Urfah (Eds.). Maktabah Islamiyah.

Muhammad Soleh al-'Uthaimin. (2007). *Al-syarhū al-mumta' 'alā ẓād al-mustaqni'*. Jilid 12. Riyadh: Darul Ibnu Jauzi.

Musa Syahin Lasyin. (2002). *Fatḥul mun'im syaraḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Jilid enam. Kaherah: Darul Syuruq.

Muslim, Muslim Bin al-Hajjaj. (2000). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Dimasyq: Darul Faiha.

Mustafa al-Khind, Mustafa al-Bugha, & Ali al-Syarbaji. (1998). *al-Fiqh al-Manhājī.* Dimasyq: Dar al-Qalam

Nizam. (2000). *alFatāwā alHindiah*. Jilid satu. Abdul Latif Hasan (Ed.). Beirut: Darul Kutub al-Alamiyah.

Sabitha Marican (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.

Sayyid Muhammad al-Alawi. (2012). *Al-Qawā'id al-asāsiyah fi Uṣūl al-Fiqhi*. Beirut: Maktabah al-Asriyah.

Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan (esei, proposal, tesis).* Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Tariq Saleh Yusuf Azzam. (2008). *Athar al-ṭīb al-syār'i fī ithbāt al-huqūq wa al-jarāim*. Amman: Darul Nafa-is.

Tempoh kehamilan. (2012). *Himpunan keputusan fatwa negeri Perlis tahun 2010-2014*. Kangar: Jabatan Mufti Negeri Perlis.

Umar Muhammad al-Sabil. (2002). Al-baṣmah al-warāthiyah wa muddā masyrū'iyah istikhdāmihā fī al-nasab wa al-janāyah. *Majallah Majma' al-Fiqhi al-Islami*. In S. Z. Al-Marzuki, *et al* (Eds.) Sesi ke15, tahun ke 13.Mekah: Rabitah al-Alim al-Islami.

Wahbah Zuhaili. (1995). *Al-Wajīz fī Usūl al-Fiqhi*. Damascus: Darul Fikr.

Wahbah Zuhaili. (1997). *Tafsīr al-munīr*. Jilid 11 dan 15. Damaskus: Darul Fikr.

Wahbah Zuhaili. (2010). *Fiqh al-Islāmī wa adillatuhu.* Jilid tujuh dan 10. Damaskus: Darul Fikr.

Wahbah Zuhaili (2010a). *Ḥaq al-ḥuriyyah fī al-'ālam*. Beirut: Darul Fikr.

Walad al-zina. (2012). *Mausū'ah al-fiqhiyah al-Kuwaitiyah*. Jilid ke-45. Kuwait: Wizarah al-auqaf wa syu-un al-Islamiyah.

Walliman, N. (2011). *Research method: The basics*. New York: Routledge

Tesis

Ahmad Abdul Majid. (2008). *Aḥkām walad al-zinā fi al-Fiqhi al-Islāmī.* Disertasi sarjana tidak diterbitkan. Fakulti Fiqih wa al-tasyri'. Jami'ah al-Najah al-Wataniah Palestin.

Ahmad Syukran Baharuddin. (2017). *The integration of forensic science fundamental and al-qarinah towards achieving maqasid al-syariah.* Tesis tidak diterbitkan. Doktor falsafah. Faculty of Islamic Civilisation, Universiti Teknologi Malaysia.

Fakhrurrazi Yusof. (2013). *Senario pemilihan pasangan dan aktiviti salahlaku seks dalam kalangan peserta kursus pra perkahwinan Islam di Dearah Johor Bahru*. Tesis tidak diterbitkan. Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

Jamaliah Saad dan Faizah Abd Ghani. (2012). *Pola nafs dan aktiviti seksual dalam kalangan remaja: Satu kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Rahmat, Kuala Sungai Baru, Melaka.* Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Alimin Alias. (2011). *Kedudukan dan perlindungan hak anak buangan (al-laqit) menurut Unduang-Undang Islam dan masyarakat di Malaysia.* Disertasi Sarjana tidak diterbitkan. Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya.

Muhammad Ahmad Soleh. (t.t). *Fiqih al-usrah 'indi al-Imām Sheikh al-Islām Ibnu Taimiyah fī al-zawāj wa āthāruhu*. Jilid dua. Tesis tidak diterbitkan. Sarjana kedoktoran. Kuliah Syariah wa al-Qanun, Jami'ah al-Azhar.

Najihah Zakaria Muhammad Ali. (2019). *Persepsi Masyarakat di Negeri Kedah tentang Status Sosial Anak Zina.* Disertasi Sarjana tidak diterbitkan. Fakulti Syariah dan Hukum Keluarga, Universitas Islam Negeri Ar Raniry Banda Acheh.

Safiya Amaran. (2011). *Sexual knowledge of premarital pregnant adolescents in Raudhatus Sakinah.* Unpublished project research. Master of Public Health. School of Medical Sciences, Universiti Sains Malaysia.

Syamsul Anuar Ismail. (2003). Pengaruh dan kesan aktiviti seks siber di kalangan pengguna internet di Malaysia. Tesis tidak diterbitkan. Sarjana Sains. Universiti Putra Malaysia.

Jurnal

Abd. Ghani Ahmad, & Nuarrual Hilal Md. Dahlan. (2016). Kewajipan menanggung nafkah anak tak sah taraf: Satu kajian kes di negeri Kedah. *Kanun 2*, 214-244.

Universiti Utara Malaysia

Abd. Ghani Ahmad, & Nuarrual Hilal Md. Dahlan. (2017). Mengandung anak tak sah taraf yang dijalankan di Daerah Kubang Pasu Kedah. *UUM Journal of Legal Studies 8*, 17-55.

Abdul Monir Yaacob. (2013). Ulasan buku "Mahkamah Syariah di Malaysia". *Jurnal Syariah 21*(1), 75-88.

Ahmad Hidayat Buang. (2002). Analisis fatwa-fatwa semasa Syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah 10*(1), 39-52.

Ahmad Syukran Baharuddin, Mohamad Amir Wan Harun, Aminuddin Ruskam, & Abdul Rahim Yacob. (2015). Forensik biologi dalam penjagaan nasab (Hifz al-nasab/ nasl). *International Journal of Islamic and Civilizational Studies 2*(2), 11-29.

Alexander, J.M., McIntire, D.D., & Leveno, K.J. (2000). Forty weeks and beyond: pregnancy outcomes by week of gestation. *Obstetrics & Gynecology 96*(2), 291–294. doi:10.1016/s0029-7844(00)00862-0

Ayman Shabana. (2012). Paternity between law and biology: The reconstruction of Islamic Law of paternity in the wake of DNA testing. *Zygon 47*(1), 214-239.

Bahyah Abdul Halim, & Aida Othman. (2021). Pusat Perlindungan Remaja Hamil: Adakah ia Satu Penyelesaian? *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS) 8(*2), 135-145.

Bennett Britton, S., Chir, B., Fitzhardinge, P. M., & Ashby, S. (1981). Is intensive care justified for infants weighing less than 801 gm at birth? *The Journal of Pediatrics, 99(6), 937–943.* doi:10.1016/s0022-3476(81)80028-5

Berhanundin Abdullah. (2014). Pembuangan bayi penyebab wujudnya anak pungut: Hukum dan penyelesaiannya. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa 4*(1), 161-176.

Boddy, C. R. (2016). Sample size for qualitative research. *Qualitative Market Research: An International Journal, 19*(4), 426–432. https://doi.org/10.1108/QMR-06-2016-0053

Brown, K.J., Kilbride, H.W., Turnbull, W., & Lemanek, K. (2003). Functional outcome at adolescence for infants less than 801 g birth weight: Perceptions of children and parents. *Journal of Perinatology 23*, 41–47.

Budi Kisworo. (2016). Zina dalam kajian teologis dan sosiologis. *Al-Istinbath: Jurnal Hukum Islam 1*(1).

Caughey, A.B., & Bishop, J.T. (2006). Maternal complications of pregnancy increase beyond 40 weeks of gestation in low-risk women. *Journal of Perinatology 26*, 540–545

Caughey, A.B., & Musci, T.J. (2004). Complications of Term Pregnancies Beyond 37 Weeks of Gestation. *Obstetrics & Gynecology 103*(1), 57-62. doi: 10.1097/01.AOG.0000109216.24211.D4

Universiti Utara Malaysia

Danish Yusrie Mohd Khairul, & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2017). Psikologi tingkah laku seks yang berbahaya dalam kalangan lelaki dewasa Malaysia yang belum berkahwin. *Journal of Social Sciens and Technology 3.*

Dequen, J.-P. (2019). Filiation and adoption among Muslims in India: The quagmires of a religious minority law. *Journal of Law and Religion 34*(3), 336–355. doi:10.1017/jlr.2019.39

Doucoure Abdou Samad, & Muneer Ali Abdul Rab. (2017). Nasab waladu al-zina: dirasah fiqhiyah fi du-I maqsud hifzi al-nasal. *International Islamic Sciences Journal 1*(2), 106-139.

Dworkin, S. L. (2012). Sample size policy for qualitative studies using in-depth interviews. *Archives of Sexual Behavior 41*,1319–1320

Einon, D. (1998). How Many Children Can One Man Have? *Evolution and Human Behavior 19*(6), 413–426. doi:10.1016/s1090-5138(98)00026-9

Engelcke, D, & Yassari, N. (2019). Child law in muslim jurisdictions: the roleof the state in establishing filiation (nasab) and protecting parentless children. *Journal of Law and Religion 34*(3), 332–335

Fatimah Yusro Hashim, Anisah Che Ngah, Mohammad Azhan Yahya, & Ahmad Azam Mohd Shariff. (2021). Penentuan nasab melalui prinsip Undang-undang Keterangan Islam. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat 28*, 57-66

Fisher, B. L. (2015). Why non-marital children in the MENA region face a risk of statelessness. *Harvard Human Rights Journal Online*

Foblets, M-C. (2007). Moroccan women in Europe: Bargaining for autonomy. *Washington and Lee Law Review 64*(4), 1385-1415.

Hamizah Muhammad, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Che Zuina Ismail, Nor Adila Mohd Noor, Salimah Yahaya, & Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali. (2021). Pandangan masyarakat dan status perundangan terhadap anak tidak sah taraf. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding 2*.

Heimstad, R., Romundstad, P.R., Eik-Nes, S.H., & Salvesen, K.A. (2006). Outcomes of Pregnancy Beyond 37 Weeks of Gestation. *Obstetrics & Gynecology 108*(3), 500-508 doi: 10.1097/01.AOG.0000227783.65800.0f

Hirata, T., Epcar, J. T., Walsh, A., Mednick, J., Harris, M., McGinnis, M. S., … Papedo, G. (1983). Survival and outcome of infants 501 to 750 gm: A six-year experience. *The Journal of Pediatrics, 102(5), 741–748.* doi:10.1016/s0022-3476(83)80250-9

Horbar, J.D., Ehrenkranz, R.A., Badger, G.J., Edwards, E.M., Morrow, K.A., Soll, R.F., … Bellù, R. (2015). Weight growth velocity and postnatal growth failure in infants 501 to 1500 grams: 2000–2013. *Pediatrics 136*(1).

Ikhsan Fatah Yasin. (2016). Analisis putusan Mahkamah Konstitusi No.46/PUU-VIII/2010 tentang pengujian UU No.1 tahun 1974 dalam konsep *laqith* dan *wasiat wajibah*. *Jurnal Smart 2*(1), 95-105.

Irwan Mohd Subri, Zulkifli Hassan, & Lukman Abdul Mutalib. (2015). Keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu tentang nasab anak tak sah taraf: Krisis perundangan? *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies 1*(1).

Jimenez, J.M., Tyson, J.E., & Reisch, J.S. (1983). Clinical measures of gestational age in normal pregnancies. *Obstet Gynecol 61*, 438–43

Jowett, A, Peel, E, & Shaw, R. (2011). Online Interviewing in Psychology: Reflections on the Process. *Qualitative Research in Psychology 8*(4): 354-369.

Kamarul Azmi Jasmi. (2017). Masalah seksual dalam kalangan remaja dan penyelesaiannya. Bab keempat. *Remaja Hebat: Batasan dan Halangan Kecemerlangan Remaja Muslim*. Edisi Pertama. UTM Press, 35-59.

Khairani Omar, Suriati Hasim, Noor Azimah Muhammad, Aida Jaffar, Syahnaz Mohd Hashim, & Harlina Halizah Siraj. (2010). Adolescent pregnancy outcomes and risk factors in Malaysia. *International Journal of Gynaecology and Obstetrics 111*(3). https://doi.org/10.1016/j.ijgo.2010.06.023

Kilbride, H.W., Thorstad, K., & Daily, D.K. (2004). Preschool outcome of less than 801-gram preterm infants compared with full-term siblings. *Pediatrics 113*(4).

Killeen, H., Shiel, A., Law, M., Segurado, R., & O'Donovan, D. (2015). The impact of preterm birth on participation in childhood occupation. *European Journal of Pediatrics 174*(3), 299–306.

Kumar, R. K., Singhal, A., Vaidya, U., Banerjee, S., Anwar, F., & Rao, S. (2017). Optimizing nutrition in preterm low birth weight infants—Consensus summary. *Frontiers in Nutrition 4*. doi:10.3389/fnut.2017.00020

La Pine, T.R., Craig Jackson, J., & Bennett, F.C. (1995). Outcome of infants weighing less than 800 grams at birth: 15 Years' experience. *Pediatrics 96*(3).

Lodico, M. G., Spaulding, D. T., & Voegtle, K. H. (2010). *Methods in educational research: From theory to practices.* San Francisco: John Wiley & Sons.

Mahmood Zuhdi Ab Majid. (2004). Fatwa dan isu semasa: Masalah dan cabaran di Malaysia. *Jurnal Syariah 12*(2), 79-93.

Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman, & Muhammad Yusuf Marlon. (2020). Implikasi dialami remaja hamil luar nikah: Kajian di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor. *Jurnal Pengajian Islam 13*(2), 71-84.

Maryam Ahmadian, Hanina H. Hamsan, Haslinda Abdullah, Asnarulkhadi Abu Samah, & Amna Md Noor. (2014). Risky sexual behavior among rural female adolescents in Malaysia: A limited role of protective factors. *Global Journal of Health Science 6*(3), 165-174. doi: 10.5539/gjhs.v6n3p165

Mohd Anuar Ramli, & Nik Rasyidah Mohamad. (2016). Penubuhan Sekolah Harapan Rumah Harapan di Melaka: Penilaian dari perspektif Islam. *Al-Basirah 6*(1), 17-30.

Universiti Utara Malaysia

Mohd Hazwan Ismail1, & Jasni Sulong. (2021). Kedudukan nafkah terhadap anak tak sah taraf daripada bapa biologi: Kajian di Pulau Pinang. *Journal of Fiqhiyyat 1*(1)

Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nisar Mohammad Ahmad, & Nur Mohammad Hadi Zahalan. (2018). Pengurusan dan perlindungan anak tak sah taraf melalui 'baby hatch': Satu penilaian daripada perspektif maqasid syariah dan Undang-Undang Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities 13*, 87-102.

Mohd Yusri Ibrahim. (2019). Mazhab Syafie: Pengaruh dan perkembangannya di Nusantara. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language 2*(8), 51 – 62.

Muhammad Adam Abd. Azid, Khadher Ahmad, Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir, & Rahim Kamarul Zaman. (2020). Hadis al-walad li al-firāsh wa li al-'ahir al-hajar dan pengaruhnya terhadap fatwa penasaban anak tak sah taraf di Malaysia. *HADIS 10*(19), 478-486. https://doi.org/10.53840/hadis.v10i19.84

Mustafa 'Afifi Ab Halimi, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Rezki Perdani Sawai, Nurhafizah Muhd Shukor, Dini Farhana Baharuddin, Joki Perdani Sawai, & Abd Halim Mohd Hussin. (2013). Bayi yang dibuang: Hak dan kedudukan bayi di sisi undang-undang. *Malayan Law Journal 5*

Nakling, J., & Backe, B. (2006). Pregnancy risk increases from 41 weeks of gestation. *Acta Obstetricia et Gynecologica Scandinavica 85*(6), 663-668.

Noor 'Ashikin Hamid, Shariffah Nuridah Aishah Syed Nong Mohamad, Lily Suryati Mohd Jamil, & Nur Amani Pauzai. (2015). Khalwat dalam kalangan remaja di Malaysia dan Acheh: Kajian terhadap pematuhan syariah. *Kanun 27*(2), 297-313.

Nor Jana Saim, Mona Dufåker, & Mehdi Ghazinour. (2014). Teenagers' experiences of pregnancy and the parents' and partners' reactions: A Malaysian perspective. *Journal of Family Violence 29*(4), 465-472.

Nor Jumawaton Shahruddin, Mariani Mansor, Zainal Madon, & Hanina Halimatusaadiah Hamsan. (2017). Hubungan antara populariti rakan sebaya dan estim diri dengan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luah nikah. *Asian Social Work Journal 2*(1), 15-27.

Noraini Aqiilah Ismail, & Ahmad Munawar Ismail. (2018). Persepsi masyarakat Muslim di Hulu Langat terhadap anak tak sah taraf. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS) 2*(2), 1-13

Norwitz, E. R., Snegovskikh, V. V., & Caughey, A. B. (2007). Prolonged Pregnancy: When Should We Intervene? *Clinical Obstetrics and Gynecology 50*(2), 547–557. doi:10.1097/grf.0b013e31804c9b11

Nur Sarah Tajul Urus, & Alias Azhar. (2018). The Application of Fatwa in Court Decision Making. *International Journal of Law, Government and Communication 3*(9), 83-94.

Nurhafizah Mohd Sukor, Rezki Perdani Sawai, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Mustafa 'Afifi Ab Halim, Dini Farhana Baharuddin, & Joki Perdani Sawai. (2015). Management of baby dumping in Malaysia: A qualitative study. *Journal al-'Abqari 6*, 35-52.

Oberzaucher, E., & Grammer, K. (2014). The Case of Moulay Ismael - Fact or Fancy*? PLoS ONE 9*(2), e85292. doi:10.1371/journal.pone.0085292

Oishi, M., Nishida, H., & Sasaki, T. (1997). Japanese experience with micropremies weighing less than 600 grams born between 1984 to 1993. *Pediatrics 99*(6).

Paizah Ismail. (2013). Anak tak sah taraf dari perspektif syariah dan perundangan Islam di Malaysia*. Jurnal Fiqh 10*, 77-90.

Prashant Kadam, & Supriya Bhalerao. (2010). Sample size calculation. *International Journal of Ayurveda Research 1*(1), 55–57. Doi: 10.4103/0974-7788.59946

Prihatini Purwaningsih. (2016). Status anak yang dilahirkan dari perkawinan di bawah tangan menurut hukum positif Indonesia. *YUSTISI 3*(2), 61-77.

Rispalman & Nor Najihah Mohd Shukri (2022). Perlindungan anak luar nikah dari perspektif maqasid syariah: Studi kasus pada instansi baby hatch kebajikan dan pengurusan anak yatim, SungaiPetani, Kedah Malaysia. *Indonesian Journal of Maqasid and Fiqh Muqaran 1*(1), 29-48.

Roach, V.J., & Rogers, M.S. (1997). Pregnancy outcome beyond 41 weeks gestation. *International Journal of Gynecology & Obstetrics 59*(1), 19-24.

Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohd Norahim Mohd Sani, & Aizan Sofia Amin. (2015). Tahap pengherotan kognitif, kesunyian, kemurungan, penghargaan kendiri, dan sokongan sosial dalam kalangan wanita hamil luar nikah. *Jurnal Psikologi Malaysia 29*(2), 1-10.

Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohd Norahim Mohd Sani, & Aizan Sofia Amin. (2016). Hubungan antara kesunyian dan sokongan sosial terhadap kemurungan dalam kalangan wanita hamil tanpa nikah. *Jurnal Psikologi Malaysia 30*(1), 152-159.

Saigal, S., Rosenbaum, P., Stoskopf, B., & Sinclair, J. C. (1984). Outcome in infants 501 to 1000 gm birth weight delivered to residents of the McMaster Health Region. *The Journal of Pediatrics, 105(6), 969–976.* doi:10.1016/s0022-3476(84)80093-1

Saigal, S., Rosenbaum, P., Hattersley, B., & Milner, R. (1989). Decreased disability rate among 3-year-old survivors weighing 501 to 1000 grams at birth and born to residents of a geographically defined region from 1981 to 1984 compared with 1977 to 1980. *The Journal of Pediatrics, 114(5), 839–846.* doi:10.1016/s0022-3476(89)80150-7

Salamatussaadah Abd. Ghadur, & Nor Ba'yah Abdul Kadir. (2009). Hubungan romantik dan remaja hamil luar nikah di pusat pemulihan. *Journal of Soscial Sciences and Technology 4*(1), 106-113.

Salasiah Hanin Hamjah, Rosmawati Mohamad Rasit, Mohd. Al-Adib Samuri, Fariza Md. Sham, Zainab Ismail, & Zuliza Mohd Kusrin. (2014). The role of the muslim family in dealing with adolescent out-of-wedlock pregnancy. *Mediterranean Journal of Social Sciences 5*(29), 101-106 .DOI: 10.5901/mjss.2014.v5n29p101

Salina Nen, & Farah Hidayah Hashim. (2020). Cabaran menyesuaikan diri sebagai ibu muda dalam kalangan remaja hamil luar nikah: Satu kajian kualitatif. *Jurnal Psikologi Malaysia 34*(2), 39- 52.

Sauer, C. W., Kong, J. Y., Vaucher, Y. E., Finer, N., Proudfoot, J. A., Boutin, M. A., & Leone, T. A. (2016). Intubation attempts increase the risk for severe intraventricular hemorrhage in preterm infants—A retrospective cohort study. *The Journal of Pediatrics 177, 108–113.* doi:10.1016/j.jpeds.2016.06.051

Schlumpf, E. (2016). The legal status of children born out of wedlock in Morocco. *Electronic Journal of Islamic and Middle Eastern Law (EJIMEL) 4.*

Serrano-Ruano, D. (2013). Paternity and filiation according to the jurists of al-Andalus: Legal doctrines on transgression of the Islamic social order. *Imago Temporis. Medium Aevum VII*, 59-75.

Serrano-Ruano, D. (2018). Redefining paternal filiation through DNA testing: Law and the children of unmarried mothers in the Maghreb. *Journal of Middle East Women's Studies 14*(3), 292-313. https://doi.org/10.1215/15525864-7025399

Siti Nur Arwina Samsuddin, Mohd Nasir Masroom, & Wan Mohd Azam Wan Mohd Yunus. (2019). Mental health of Muslim unwed pregnant teenagers. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences 15*(1), 76-82.

Sri Budi Purwaningsih. (2014). Perlindungan hukum kedudukan anak luar kawin pasca putusan Mahkamah Konstitusi No: 46/PUU-VIII/2010. *Rechtsidee 1*(1), 119-130.

Su Xu Vin, Noor Azimah Muhammad, Tan Pei Sun, Kevin Tan Teck Meng, Hizlinda Tohid, & Khairani Omar. (2014). Physical and psychological impacts of pregnancy on adolescents and their coping strategies: A descriptive study in Kuala Lumpur, Malaysia. *Malaysian Journal of Public Health Medicine 14*(3), 71-80.

Surammah Ramanaidoo, & Balan Rathakrishnan. (2012). Sikap pelajar institusi pengajian tinggi terhadap hubungan seks sebelum kahwin: Satu tinjauan di Sabah. *Jurnal Kemanusiaan 19*, 113-133.

Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Siti Khatijah Ismail, & Najmiah Omar. (2011). Penggunaan *DNA* bagi penentuan *nasab al-walad li al- firasy* dalam peruntukan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Keluaran Khas*, 17-25.

Treger, M., Hallak, M., Silberstein, T., Friger, M., Katz, M., & Mazor, M. (2002). Post-term pregnancy: should induction of labor be considered before 42 weeks? *The Journal of Maternal-Fetal & Neonatal Medicine 11*(1), 50–53. doi:10.1080/jmf.11.1.50.53

Yessie Angelia. (2014). Self disclosure ibu hamil di luar nikah kepada anaknya. *Jurnal E-Komunikasi 4*(2), 1-11.

Zaini Nasohah. (2005). Undang-undang penguatkuasaan fatwa di Malaysia. *Islamiyyat 27*(1), 25-44.

Zanariah Noor. (2018). Status dan hak anak tak sah Islam dalam Undang-Undang di Malaysia. *Sains Humanika 10*(3-4), 61–69

Zulkifli Hassan, Irwan Mohd Subri, & Lukman Abdul Mutalib. (2013). Analisa kes melibatkan anak tak sah taraf di Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum 36*(2).

Prosiding atau kertas kerja

Abdul Hafiz Othman. (2018). Aplikasi hukum nasab anak zina: Kajian terhadap fatwa negeri-negeri. Kertas kerja tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Irfan Ikmal Hisham. (2013). Kaedah hitungan tempoh enam bulan dua lahzah mengikut taqwim *hijriy* untuk penetuan status sah nasab serta beberapa *furu' masa'il*. Kertas kerja tidak diterbitkan. *Muzakarah Falak 2013*. 27-29 Ogos 2013, di Garden Hotel Kuantan.

Charrad, M. M. (2012). Family Law reforms in the Arab World: Tunisia and Morocco. Kertas kerja tidak diterbitkan. *Report for the United Nations Department of Economic and Social Affairs (UNDESA) Division for Social Policy and Development*. Expert Group Meeting, New York, 15 – 17 May 2012

Lukman Abdul Mutalib, & Mohamad Azhan Yahya. (2016). Isu penasaban anak luar nikah kepada bapa biologi dari sudut pandang *siyasah syar'iyyah* di Malaysia. Kertas kajian tidak diterbitkan. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016*, 237-253.

Lukman Abdul Mutalib, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Syukran Baharuddin, Hasnizam Hashim, Zulfaqar Mamat, Norma Yusof. (2021). Pengesahan taraf anak mengikut amalan di Mahkamah Syariah di Malaysia dan hubungannya dengan pandangan Mazhab Fikah Muktabar. Kertas kerja seminat tidak diterbitkan. *International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT) kali ketujuh.* Anjuran Universiti Sains Islam Malaysia. 6-7 October 2021.

Mohd Noor Daud, Abdul Munir Ismail, Abdul Rahman Abd Ghani, Azmil Hashim, Ahmad Yunus Kasim, & Siti Kausar Zakaria. (2015). Istilhaq dan kesannya kepada nasab anak zina menurut pandangan ulama Islam. Kertas kerja seminar tidak diterbitkan. *International Seminar on Quran in Contemporary Society (SQ2015).* Anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza).

Muhammad Ikhlas Rosele, Mohd Anuar Ramli, Mohd Farhan Md. Ariffin, & Syamsul Azizul Marinsah. (2015). Legasi Mazhab Syafi' di Malaysia: Antara kekangan tradisionalisme dan tuntutan liberalisme. Kerja kerja seminar tidak diterbitkan. *1st International Islamic Heritage Conference (lsHEC 2015),* 526 – 534.

Muhammad Jamil Muhammad Deeb al-Mustafa. (2012). *Istilhaq walad al-zina fi al-fiqih al-Islami.* Kertas kerja tidak diterbitkan. *Nadwah al-usrah al-muslimah wa al-tahdiyat al-mu'asarah kali kedua*. Rabitah al-Alam al-Islami, al-Mujtama' al-Fiqih al-Islami.

Nuarrual Hilal Md Dahlan, & Abd Ghani Ahmad. (2014). Kebajikan anak tak sah taraf orang Islam menurut perspektif hukum syarak dan undang-undang di Malaysia: Suatu analisa. Kertas kerja tidak diterbitkan. *UUM International Conference on Governance 2014 (ICG).* 29-30 November 2014, di Flamingo Hotel By The Beach, Pulau Pinang.

Roslee Ahmad, Mohamed Sharif Mustaffa, Sulaiman Shakib Mohd Noor, & Ahmad Jazimin Jusoh. (2008). Pendekatan Kaunseling Islam untuk menangani masalah tingkah laku seksual pelajar. Suatu konsep pemikiran. Kertas kerja tidak diterbitkan. *International Seminar On Islamic Science And Technology (INSIST' 08).* 18019 Mac 2008, di PWTC, Kuala Lumpur dianjurkan PPIPS dan SPACE UTM.

Statut

Akta Kanak-Kanak 2001. (2006) Akta 611. Undang-Undang Malaysia.

Akta Keterangan 1950. (2006). *Akta 56.* Undang-Undang Malaysia.

Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957. (2013). *Akta 299.* Undang-Undang Malaysia.

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. *Akta 505.* Undang-Undang Malaysia.

Enakmen Jenayah dalam Syarak 1991 Negeri Perlis. *Enakmen 4 Tahun 1993.*

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. *Enakmen 1 Tahun 2003.*

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003. *Enakmen 16 Tahun 2003.*

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. *Enakmen 4 Tahun 2004.*

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 2006. (2008). *Enakmen 4 Tahun 2006.*

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu 1986. *Enakmen 12 Tahun 1986.*

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Perlis 2006. (2008). *Enakmen 7 Tahun 2006.*

Birth and Death Registration Act (BDRA). (t.t) *Laws of Malaysia.* Capaian pada 15 November 2018, dari: http://voc.org.my/blog/wp-content/uploads/2011/12/Birth-and-Death-Registration-Act-Malaysia.pdf

Penal Code. (2015). *Act 574.* Law of Malaysia.

Perlembagaan Persekutuan. (2010). Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.

The Moroccon Family Code: Moudawana. (2004). Human Rights Education Associates (HREA) (Trans). Capaian pada 15 Jun 2019, dari: https://unstats.un.org/unsd/vitalstatkb/Attachment808.aspx?AttachmentType=1

Tunisian Family Law. A non-official translation by British Embassy Tunis. Capaian pada 2 September 2022, dari: https://assets.publishing.service.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment_data/file/797548/Tunisian_Family_Law_-_Print_Version_Final_Document.pdf

Undang-Undang Dasar negara Republik Indonesia Tahun 1945. Capaian pada 10 Julai 2019, dari: http://jdih.pom.go.id/uud1945.pdf

Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan. Capaian pada 10 Julain 2019, dari: http://hukum.unsrat.ac.id/uu/uu_1_74.htm

Warta kerajaan Negeri Perlis diterbitkan dengan kuasa. (2013, 17 Januari). Jilid 56. No. 2. *Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis.*

Warta kerajaan Negeri Selangor diterbitkan dengan kuasa. (2005, 28 April). Jilid 58. No. 9. *Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.*

Senarai Kes

A child & ORS v. Jabatan Pendaftaran Negara & ORS. (2017). Civil Appeal No: W-01(A)-365-09/2016

Putusan Nomor 46/PUU-VIII/2010. (t.t). Capaian pada 10 Julai 2019, dari; https://www.bphn.go.id/data/documents/putusan_46-puu-viii-2010 (perkawinan).pdf

Zafrin Zulhilmi Pauzi v Noor Aini Nasron. (2012). Kes No: 11300-006-0033-2012. Syariah reports. *CLJLaw*. Capaian pada 13 Jun 2019, dari: https://www.academia.edu/30432499/Muslim_case_zafrin_CLJSYA_2012_1_281_ag

Minit mesyuarat

Bengkel atau persidangan meja bulat berkaitan anak tidak sah taraf: Perkara 7.3. Laporan perkara berbangkit: 3.11. (2012). *Minit mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke-6/2012.*

Fatwa berkaitan *mirath*, wali perkahwinan dan *mahramiyyah* bagi anak tidak sah taraf. (2021). Kertas mesyuarat 4.4. *Minit mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke-52/2021.*

Hal-hal lain. 5.1: Seksyen 111 (Pengesahtarafan anak)-Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2006. (2012). *Minit mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke-6/2012.*

Hukum berkahwin dengan perempuan yang hamil hasil hubungan dengan lelaki lain. (2014). Kertas mesyuarat 4.3. *Minit mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke-14/2014.*

Hukum menasabkan anak angkat kepada bapa angkat. (2008). Perbincangan: 4.3. *Minit mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis Bil.3/2008.*

Hukum menasabkan anak zina kepada bapa zina. (2008). Perbincangan: 4.2. *Minit mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis Bil.3/2008.*

Isu fatwa: Kuasa Negeri dan kuasa Persekutuan. (2011). 6.1 Hal-hal lain. *Minit mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke-4/2011.*

Isu penentuan DNA dalam kes anak tidak sah taraf. (2012). Perkara 6: Laporan perkara-perkara berbangkit: 3.9. *Minit mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke-6/2012.*

Kehamilan dan tempohnya. (2012). Sesi pembentangan: Tempoh kehamilan. *Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke-7/2012.*

Kertas cadangan untuk memasukkan fatwa anak tidak sah taraf ke dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2006. (Kertas Majlis (c) 2/3/2012). (2012). Perkara 4.17. *Minit mesyuarat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis Bil.3/2012.*

Kertas kerja untuk pertimbangan Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Nasab anak zina. (2008). Kertas kerja tidak diterbitkan. *Minit mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis Bil.3/2008.*

Pekeliling

Anak tak sah taraf. (2003). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia 2016*.

Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006; Amalan sumpah Mahkamah Syariah. (2006). *Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*.

Arahan Amalan No. 9 Tahun 2001; Pemakaian pendapat Mazhab Fiqh. (2001). *Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.*

Garis panduan bagi prosedur pentadbiran perkahwinan perceraian dan ruju'. (t.t). Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti. *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.*

Garis panduan penamaan dan kedudukan anak tak sah taraf dari segi syarak. (1998). *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*. Diperaku oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-44, pada 25 Jun 1998.

Garis panduan pengeluaran fatwa di Malaysia. (2017). *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*. Diperaku oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-111, pada 9-10 November 2017, di Putra Sunway, Kuala Lumpur.

Garis panduan pengendalian dan pengurusan rekod perubatan pesakit bagi hospital-hospital dan institusi perubatan. (2010). *Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 17/2010*. Kementerian Kesihatan Malaysia.

Garis panduan penggunaan rekod kesihatan ibu hamil. (2012). *Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga Kementerian Kesihatan.* Kementerian Kesihatan Malaysia

Garis panduan pelaksanaan perintah fi (perubatan) (kos perkhidmatan) 2014. Ruj: (17) dlm. KKM-58/300/1-5 Jld.2. *Surat pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil 2/2019*.

Jadual pelupusan rekod urusan am. (2012). *Siri Pengurusan Rekod Kerajaan*. Arkib Negara Malaysia.

Internet

Abu Lail, Muhammad Mahmud. (2018). Istilḥāq walad al-zinā fi al-Fiqh al-Islāmī̄ wa Qānūn al-Aḥwāl al-Syakhsiyyah al-Urdūni. *ResearchGate*. Capaian pada 25 April 2023, dari: https://www.researchgate.net/publication/335389989_astlhaq_wld_alzna_fy_alfqh_alaslamy_wqanwn_alahwal_alshkhsyt_alardny#:~:text=Abstract-,%D8%A7%D8%B3%D8%AA%D9%84%D8%AD%D8%A7%D9%82%20%D9%88%D9%84%D8%AF%20%D8%A7%D9%84%D8%B2%D9%86%D8%A7%20%D9%81%D9%8A%20%D8%A7%D9%84%D9%81%D9%82%D9%87%20%D8%A7%D9%84%D8%A5%D8%B3%D9%84%D8%A7%D9%85%D9%8A%20%D9%88%D9%82%D8%A7%D9%86%D9%88%D9%86%20%D8%A7%D9%84%D8%A3%D8%AD%D9%88%D8%A7%D9%84%20%D8%A7%D9%84%D8%B4%D8%AE%D8%B5%D9%8A%D8%A9%20%D8%A7%D9%84%D8%A3%D8%B1%D8%AF%D9%86%D9%8A,%D9%85%D9%86%20%D8%A7%D9%84%D9%83%D8%A8%D8%A7%D8%A6%D8%B1%20%D9%88%D8%A7%D9%84%D8%AC%D8%B1%D8%A7%D8%A6%D9%85%20%D8%A7%D9%84%D8%AA%D9%8A%20%D8%AA%D9%87%D8%AF%D8%AF

Ahli MAIWP. (t.t). Laman web rasmi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. *MAIWP. Gov.* Capaian pada 31 Disember 2021, dari: https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/mengenai-kami/ahli-majlis-agama-islam-wilayah-persekutuan-maiwp

Al-Daqilani, ’Adnan bin Muhammad bin ’Atiq. (2004). Nasab walad al-zina. *Maktabah ‘Ain al-Jami’ah*. Capaian pada 25 April 2023, dari: https://ebook.univeyes.com/125301

Atlas.ti – Alternative to NVivo, MAXQDA and other programs. (t.t). *ATLAS.ti.* capaian pada 24 Julai 2019, dari: https://atlasti.com/atlasti-alternative-to-other-programs/

Aulds, A. (2019). World's smallest surviving baby leaves hospital. *WebMD.* Capaian pada 13 November 2019, dari: https://www.webmd.com/parenting/baby/news/20190531/worlds-smallest-surviving-baby-leaves-hospital

Bapa anak tidak sah taraf tidak boleh daftar nama di bawah BDRA. (2019, 15 November). *Astro Awani*. Capaian pada 10 Disember 2021, dari: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bapa-anak-tidak-sah-taraf-tidak-boleh-daftar-nama-di-bawah-bdra-222654

Diana Azi, Nur Iftitah Rozlan, Muhammad Amnan Hibrahim, Nazrin Zulkafli, & NurHidayah Hairom. (2022, 15 Jun). Sengsara anak tak sah taraf. *Sinar Harian*. Capaian pada 28 Oktober 2022, dari: https://premium.sinarharian.com.my/article/191082/fokus/laporan-khas-/sengsara-anak-tak-sah-taraf

Fahmy Azril Rosli. (2017). JAKIM nasihat umat Islam bertenang. *BHarian.com*. (2017, 29 Julai). Capaian pada 28 Oktober 2018, dari: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/07/306785/jakim-nasihat-umat-islam-bertenang

Farah Marshita Abdul Patah, & Ahmad Suhael Adnan. (2017). Keputusan benarkan bin bapa anak luar nikah langgar syarak. *BHarian.com*. (2017, 28 Julai). Capaian pada 25 Oktober 2018, dari: https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/07/306491/keputusan-benarkan-bin-bapa-anak-luar-nikah-langgar-syarak

Fatwa anak tak sah taraf. (t.t). *al-Irsyad: Jabatan Mufti Johor.* Capaian pada 24 Februari 2023, dari: https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan_detail_fatwa.php?id=91

Fatwa Majelis Ulama Indonesia Nomor: 11 Tahun 2012 tentang "Kedudukan anak hasil zina dan perlakuan terhadapnya". (2012, 10 Mac). *Majelis Fatwa Ulama Indonesia*. Capaian pada 10 Julai 2019, dari: http://mui.or.id/wp-content/uploads/files/fatwa/Kedudukan-Anak-Hasil-Zina-dan-Perlakuan-Terhadapnya-final.pdf

Gerster, K. (t.t). Conception and pregnancy. *Pathophy*. Capaian pada 12 Oktober 2022, dari: http://www.pathophys.org/conception-and-pregnancy/

Hafiz Yatim. (2017). Kes 'anak luar nikah': Kerajaan gagal dapat perintah penangguhan. (2017, 3 Ogos). *MalaysiaKini*. Capaian pada 28 Oktober 2018, dari: https://www.malaysiakini.com/news/390829

Hazwan Faisal Mohamad. (2017). Zahid setuju JPN buat rayuan. (2017, 29 Julai). *BHarian.com*. capaian pada 28 Oktober 2018, dari: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/07/306940/zahid-setuju-jpn-buat-rayuan

"How is genetic testing done?". (t.t). *Genetic Home References.* Capaian pada 1 Julai 2019, dari: https://ghr.nlm.nih.gov/primer/testing/procedure

Universiti Utara Malaysia

Ḥukmu ithbāt al-nasab hāl ‘adamu firāsy al-zaujiyah. Qarār raqam (256) (9/2018). Majlis Fatwa dan Penyelidikan Islam Jordan. *Aliftaa.Jo.* Capaian pada 17 Julai 2020, dari: https://www.aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=575#.XxEwm54zbIU

Ḥukum qaḍā-i “tārikhi” yanhī laqab “al-laqīṭ” bil Maghribi. (2017, 27 Feb). *SkyNewsArabia.com.* Capaian pada 20 Jun 2019, dari: https://www.skynewsarabia.com/varieties/922392-%D9%85%D8%AD%D9%83%D9%85%D8%A9-%D8%A7%D9%95%D9%8A%D8%B7%D8%A7%D9%84%D9%8A%D8%A9-%D8%AA%D8%A8%D8%B9%D8%AF-%D9%81%D8%AA%D8%A7%D8%A9-%D9%85%D8%BA%D8%B1%D8%A8%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%94%D9%85%D9%87%D8%A7-%D8%A8%D8%B3%D8%A8%D8%A8-%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%AC%D8%A7%D8%A8?fbclid=IwAR20tiUOJaOhpGRmHVoBnAiHhJQ8t-_bm8sxvzcUd5KN13_DVQ6xC6oROXI

Ibnu Baz. (t.t) Ahkam walad al-zina. *Mawqi’ al-rasmi li-samahah al-syeikh al-Imam Ibn Baz.* Capaian pada 3 Oktober 2022, dari: https://binbaz.org.sa/fatwas/2415/%D8%A7%D8%AD%D9%83%D8%A7%D9%85-%D9%88%D9%84%D8%AF-%D8%A7%D9%84%D8%B2%D9%86%D8%A7

Indonesia: People and society. (2019). *The World Factbook.* Capaian pada 10 Julai 2019, dari: https://www.cia.gov/library/publications/the-world-factbook/geos/id.html

Irwan Shafrizan Ismail. (2019, 14 November). Seksyen 13A terpakai untuk yang ada nama keluarga. *Berita Harian.* Capaian pada 1 Oktober 2022, dari: https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/11/628348/seksyen-13a-terpakai-untuk-yang-ada-nama-keluarga

Isu Penamaan “Bin/Binti Abdullah” Kepada Anak Tidak Sah Taraf. (2017). Munakahat. *JAKIM*. Capaian pada 19 Januari 2023, dari: http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15534

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. (t.t). *JAKIM*. Capaian pada 10 Ogos 2020, dari: http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/latar_belakang/penubuhan

JPN tidak terikat fatwa nama bapa anak tidak sah taraf. (2017, 27 Julai). *Bharian.com.* capaian pada 25 Oktober 2018, dari: https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/07/306289/jpn-tidak-terikat-fatwa-nama-bapa-anak-tidak-sah-taraf

Jumlah penduduk Malaysia. (2010). Capaian pada 17 November 2018, dari: https://www.statistics.gov.my/censusatlas/images/ReligionEN.pdf

Universiti Utara Malaysia

Kelahiran-Soalan Lazim. (t.t). *Portal Jabatan Pendaftaran Negara*. Capaian pada 10 Jun 2019, dari: https://www.jpn.gov.my/soalan-lazim/kelahiran/#1458809816309-ddeb6ffb-8022

Khairunnisa Kasnoon. (2020). Tidak sah taraf, masa depan anak diragut. (2020, 2 November). *Astro Awani.* Capaian pada 15 Disember 2021, dari: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tidak-sah-taraf-masa-depan-anak-diragut-266368

Kompilasi Hukum Islam. (2001). Indonesia. Capaian pada 10 Julai 2019, dari: http://hukum.unsrat.ac.id/ma/kompilasi.pdf

Laporan mengenai status hak kanak-kanak di Malaysia. (2012). *Child rights coalition Malaysia.* Capaian pada 30 September 2022, dari: http://www.mcri.org.my/wp-content/uploads/CRC-Report-Bahasa.pdf

Lim Huey Teng. (2017). Ada lebih 500,000 anak tak sah taraf. (2017, 6 September). *MalaysiaKini.* Capaian pada 28 Oktober 2018, dari: https://www.malaysiakini.com/news/394299

Marcin, A. (2017). How long can sperm survive after ejaculation? *Healthline*. Capaian pada 12 Oktober 2022, dari: https://www.healthline.com/health/how-long-can-sperm-live-outside-the-body

Mekanisme penyelarasan dan penyeragaman Undang-Undang Islam di seluruh Malaysia. (2015). Penerbitan Mahkamah. *JKSNPP*. Capaian pada 19 Disember 2021, dari: https://jksnpp.penang.gov.my/index.php/18-penerbitan-mahkamah/87-mekanisme-penyelarasan-dan-penyeragaman-undang-undang-islam-di-seluruh-malaysia

Member states. *Organisation of Islamic Cooperation*. Capaian pada 22 November 2019, dari: https://www.oic-oci.org/states/?lan=en

Mu'jam al-Ma'ānī. (t.t). *Fatawā.* Capaian pada 29 Ogos 2022, dari: https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/%D9%81%D8%AA%D9%88%D9%89/

Muhammad Soleh al-'Uthaimin. (2000). *Liqā' al-bāb al-maftūḥ.* Bahagian 63. Rakaman audio yang dibukukan untuk IslamWeb. Capaian pada 15 Julai 2019, dari: https://al-maktaba.org/book/7687/1886

Murni Wan Omar. (2018). 'Penggunaan 'bin Abdullah' tindakan munasabah JPN'. (2018, 7 Feb). *BHarian.com.* Capaian pada 27 Oktober 2018, dari: https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/02/385930/penggunaan-bin-abdullah-tindakan-munasabah-jpn

No. soalan 1. Pemberitahuan pertanyaan bukan lisan Dewan Negara. Mesyuarat kedua 2019, penggal kedua, Parlimen keempat belas. 22 Julai hingga 31 Julai 2019. Soalan no. 1 hingga 174. *Parlimen.gov.my*. Capaian pada 12 Februari 2020, dari: https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/JDN22HINGGA31JULAI2019.pdf

Universiti Utara Malaysia

No. soalan 49. Pemberitahuan pertanyaan lisan Dewan Rakyat. Mesyuarat kedua 2019, penggal kedua, Parlimen keempat belas. 9 Julai 2019. Soalan no. 1 hingga 148. *Parlimen.gov.my.* Capaian pada 14 Februari 2020, dari: https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/DR09072019.pdf

Nor Afzan Mohamad Yusof, & Nor Hatina Shuib. (2017). 'Imej, reputasi Islam lebih utama'. (2017, 14 Ogos). *BHarian.com*. capaian pada 28 Oktober 2018, dari: https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2017/08/312270/imej-reputasi-islam-lebih-utama

Norliza Abbas. (2017). Anak luar nikah boleh bin nama bapa. *Utusan Online*. (2017, 27 Julai). Capaian pada 25 Oktober 2018, dari: http://m.utusan.com.my/berita/mahkamah/anak-luar-nikah-boleh-bin-nama-bapa-1.507979?fbclid=IwAR3r_o3t9UqNuzoATxLcNfT7H_R827EDxEFuRckkwuyn6zpopkmDNe_JcEg

Norzamira Che Noh. (2017). Bin/Binti bapa biologi boleh cetus kekeliruan. (2017, 1 Ogos). *BHarian.com*. capaian pada 28 Oktober 2018, dari: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/08/307864/binbinti-bapa-biologi-boleh-cetus-kekeliruan

Objektif & fungsi. (t.t). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. *Muftiwp. Gov.* Capaian pada 31 Disember 2021, dari: https://www.muftiwp.gov.my/info-korporat/profil-pmwp/objektif-fungsi

Official Portal Attorney General's Chambers of Malaysia. *AGC.gov.* Capaian pada 11 Ogos 2020, dari: http://www.agc.gov.my/agcportal/index.php?r=portal2/left&menu_id=ekhFeFcyUUpLdXkzVGVMdS9POC9Bdz09

Pelaksanaan Umur Kelayakan Pengundi 18 Tahun dan Pendaftaran Pemilih Secara Automatik (PPSA). *Portal Web Rasmi Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia*. Capaian pada 28 Ogos 2022, dari: https://www.spr.gov.my/ms/pilihan-raya/soalan-lazim/pelaksanaan-umur-kelayakan-pengundi-18-tahun-dan-pendaftaran-pemilih

Peranan & Keahlian. *Laman Web Rasmi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.* Capaian pada 19 Disember 2021, dari: https://dun.penang.gov.my/index.php/profil/peranan-a-fungsi

Permohonan Mykad bagi kanak-kanak 12 tahun. *Jpn.gov.my*. capaian pada 14 Februari 2020, dari: https://www.jpn.gov.my/kp/permohonan-mykad-bagi-kanak-kanak-12-tahun/#1458269835174-53f8572e-1065

Perundangan. (t.t.). Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka. *Melaka. Gov*. capaian pada 29 Disember 2021, dari: https://www.melaka.gov.my/ms/rakyat/info-rakyat/perundangan

Pregnancy and birth: When does labor need to be induced? (2018). *InformedHealth.org (NBIC).* Capaian pada 1 Julai 2019, dari: https://www.ncbi.nlm.nih.gov/books/NBK279570/

Prosedur permohonan. Pendaftaran kelahiran biasa. *jpn.gov.my*. capaian pada 16 Julai 2020, dari: https://www.jpn.gov.my/maklumat-kelahiran/pendaftaran-kelahiran-biasa/#1458271986746-b0b1e312-c399

Qāḍī al-quḍāh yasta'riḍ abraz al-ta'dīlāt 'alā Qānūn al-Aḥwāl al-Syakṣiyah. (2019) *Petra: Jordan News Agency*. Capaian pada 22 November 2019, dari: http://www.petra.gov.jo/Include/InnerPage.jsp?ID=97754&lang=ar&name=news

Qānūn al-Aḥwāl al-Syakṣiyah al-Urduni. (2010). *Raqam 26*. Capaian pada 10 Julai 2019, dari: https://www.aliftaa.jo/ShowContent.aspx?Id=205#.Xkn8FGgzbIU

Rancangan Malaysia Ke – 11 (2016 – 2020). (2015). Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. Capaian pada 30 September 2022, dari: http://www.epu.gov.my/ms/rmk/rancangan-malaysia-kesebelas-2016-2020

Rasyid al-'Asaf. (2018, 1 Mac). Ṭiflah.. al-'alam athbat nasabuhā wal qānūn yurafiḍ. *Irfaa' sautak*. Capaian pada 22 November 2019, dari: https://www.irfaasawtak.com/a/420923.html

Real and Demonstrative Evidence. (2019). *FindLaw*. Capaian pada 19 Oktober 2022, dari: https://www.findlaw.com/criminal/criminal-procedure/real-and-demonstrative-evidence.html

Sa'ad Umar al-Kharasyi. (t.t). Iqāmah al-sabab al-muqawwī li al-da'wā maqām al-syāhid. *Saudi Ministry of Justice.* Capaian pada 19 Oktober 2022, dari: https://adlm.moj.gov.sa/topic_d_d.aspx?ID=65&IDd=1375#:~:text=%D8%A8%D9%8A%D9%91%D9%86%20%D8%A7%D9%84%D8%A8%D8%A7%D8%AD%D8%AB%20%D8%A7%D9%84%D8%AA%D8%A7%D9%84%D9%8A%3A%20%2D%20%D8%AA%D8%B9%D8%B1%D9%8A%D9%81%20%D8%A7%D9%84%D9%85%D8%B5%D8%B7%D9%84%D8%AD%D8%A7%D8%AA,%D9%85%D9%86%20%D8%A7%D9%84%D8%AE%D8%B5%D9%85%D9%8A%D9%86%20%D9%84%D9%8A%D8%B3%D8%AA%D9%83%D9%85%D9%84%20%D8%A8%D9%87%D8%A7%20%D8%A7%D9%82%D8%AA%D9%86%D8%A7%D8%B9%D9%87.

Sabab kaunu walad al-zinā lā yansibu ila al-zānī. (2010). *IslamWeb.net.* capaian pada 3 Oktober 2022, dari: https://www.islamweb.net/ar/fatwa/136965/%D8%B3%D8%A8%D8%A8-%D9%83%D9%88%D9%86-%D9%88%D9%84%D8%AF-%D8%A7%D9%84%D8%B2%D9%86%D8%A7-%D9%84%D8%A7-%D9%8A%D9%86%D8%B3%D8%A8-%D8%A5%D9%84%D9%89-%D8%A7%D9%84%D8%B2%D8%A7%D9%86%D9%8A

Sameer Hadadin. (2018, 18 Januari). *Ithbāt al-nasab 'ibra DNA ma'a iqtirānihā bi wutu' al-syubhah*. Al-Rai. Capaian pada 22 November 2019, dari: http://alrai.com/article/10421566/%D9%85%D8%AD%D9%84%D9%8A%D

8%A7%D8%AA/%D8%AB%D8%A8%D8%A7%D8%AA-%D8%A7%D9%84%D9%86%D8%B3%D8%A8-%D8%B9%D8%A8%D8%B1-DNA-%D9%85%D8%B9-%D8%A7%D9%82%D8%AA%D8%B1%D8%A7%D9%86%D9%87%D8%A7-%D8%A8%D9%88%D8%B7%D8%A1-%D8%A7%D9%84%D8%B4%D8%A8%D9%87%D8%A9

Sejarah penubuhan. (t.t). Portal rasmi Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. *JAWI. Gov.* Capaian pada 31 Disember 2021, dari: https://www.jawi.gov.my/info-korporat/sejarah-penubuhan

Senarai ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. (t.t). *MAIPs. Gov*. Capaian pada 29 Disember 2021, dari: https://www.maips.gov.my/index.php?option=com_sppagebuilder&view=page&id=54&Itemid=818&lang=ms

Shakira Buang. (2017). Boleh menjurus menghalalkan zina, kata mufti. (2017, 31 Julai). *MalaysiaKini.* Capaian pada 28 Oktober 2018, dari: https://www.malaysiakini.com/news/390369

Sharilfuddin Saari. (2017). Jangan hukum anak "Bin Abdullah". (2017, 11 Jun). *UtusanOnline*. Capaian pada 8 Julai 2019, dari: http://www.utusan.com.my/rencana/utama/jangan-hukum-anak-bin-abdullah-1.491951

Siti Fatimah Ishak. (2018). Mahkamah Persekutuan tolak de novo, tangguh penghakiman kes 'bin Abdullah'. (2018, 18 Oktober). *IsmaWeb.net.* capaian pada 28 Oktober 2018, dari: https://www.ismaweb.net/2018/10/18/mahkamah-persekutuan-tolak-de-novo-tangguh-penghakiman-kes-bin-abdullah/

Statistik moral remaja kita. (2015, 11 Mac). *Harian Metro*. Capaian pada 7 November 2018, dari: https://www.hmetro.com.my/node/36116

Syarat permohonan. Permohonan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan – Anak yang berumur kurang daripada 21 tahun kepada warganegara. *jpn.gov.my*. capaian pada 14 Februari 2020, dari: https://www.jpn.gov.my/maklumat-warganegara/permohonan-taraf-kewarganegaraan-di-bawah-perkara-152-perlembagaan-persekutuan-anak-yang-berumur-kurang-daripada-21-tahun-kepada-warganegara/#1458556234189-4532436f-6f6c

Taḍāmin: Qarār lil Majlis al-iftā' al-Urdunī yaqtaraḥ ta'dīlan tasyrī'iyyan fī mas-alah nasab al-ṭiflu al-nātij 'an al-ightiṣāb li abīhi al-mughtaṣib. (2018, 29 November). *Jo24,net.* Capaian pada 22 November 2019, dari: http://www.jo24.net/%D8%AA%D8%B6%D8%A7%D9%85%D9%86-%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%B1-%D9%84%D9%85%D8%AC%D9%84%D8%B3-%D8%A7%D9%84%D8%A5%D9%81%D8%AA%D8%A7%D8%A1-%D8%A7%D9%84%D8%A3%D8%B1%D8%AF%D9%86%D9%8A-%D9%8A%D9%82%D8%AA%D8%B1%D8%AD-

%D8%AA%D8%B9%D8%AF%D9%8A%D9%84%D8%A7%D9%8B-%D8%AA%D8%B4%D8%B1%D9%8A%D8%B9%D9%8A%D8%A7%D9%8B-%D9%81%D9%8A-%D9%85%D8%B3%D8%A3%D9%84%D8%A9-%D9%86%D8%B3%D8%A8-%D8%A7%D9%84%D8%B7%D9%81%D9%84-%D8%A7%D9%84%D9%86%D8%A7%D8%AA%D8%AC-%D8%B9%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%A5%D8%BA%D8%AA%D8%B5%D8%A7%D8%A8-%D9%84%D8%A3%D8%A8%D9%8A%D9%87-%D8%A7%D9%84%D9%85%D8%BA%D8%AA%D8%B5%D8%A8

Taḥallīl al-ḥamiḍ al-nawawī li ithbāt al-zinā wa nafī al-nasab. (2005). *Dar al-Ifta.org.* Capaian pada 16 Julai 2019, dari: http://www.dar-alifta.org/ar/ViewFatwa.aspx?ID=12686&LangID=1&MuftiType=0

Tenth Malaysia Plan 2011-2015. (2010). The Economic Planning Unit, Prime Minister's Department, Putrajaya. Capaian pada 30 September 2022, dari: https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2021-09/RMK10.pdf

"What is DNA?'. (t.t). *Genetic Home References.* Capaian pada 1 Julai 2019, dari: https://ghr.nlm.nih.gov/primer/basics/dna

Yusuf al-Qardhawi. (2006). al-fiqih al-Islāmī wal baṣimah al-warāthiyah. *Al-Jazeera*. Capaian pada 16 Julai 2019, dari: https://www.aljazeera.net/programs/religionandlife/2006/5/3/%D8%A7%D9%84%D9%81%D9%82%D9%87-%D8%A7%D9%84%D8%A5%D8%B3%D9%84%D8%A7%D9%85%D9%8A-%D9%88%D8%A7%D9%84%D8%A8%D8%B5%D9%85%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%B1%D8%A7%D8%AB%D9%8A%D8%A9

Yusuf al-Qardhawi. (2006a). Ithbāt al-nasab bil baṣimah al-warāthiyah haq lilmar-ah lā lilrajul. Fatawa wa ahkam. *Al. Qardhawi-net*. Capaian pada 16 Julai 2019, dari: https://www.al-qaradawi.net/node/4318

Youtube

Ali Jum'ah. (2014, 5 Ogos). Zawāj al-zānī mina al-zāniah athnā-a ḥamaluha jā-iz liḥimāyah al-ṭifli. *Youtube channel*. Capaian pada 19 November 2019, dari: https://www.youtube.com/watch?v=I3S7vduqy7Y

Temubual

Abdul Hadi Osman. (2019, 28 Oktober). S. F. Ustaz Abdul Hadi Osman merupakan ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. Temubual berlangsung di Ma'ahad al-Tarbiyah al-Islamiyah (MATRI), Perlis.

Ahmad Jusoh. (2019, 28 Oktober). S.F. Dato' Alim Setia Ahmad Jusoh merupakan ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. Temubual berlangsung di dalam kediaman beliau di Kangar, Perlis.

Bapa A. (2020). Temubual dijalankan melalui aplikasi whatsapp menerusi nombor talian: 011-11666506 pada tarikh 11 hingga 12 Ogos 2020.

Bapa B. (2020). Temubual dijalankan melalui aplikasi panggilan telefon menerusi nombor: 013-6400508 pada tarikh 24 Ogos 2020.

Bapa C. (2021). Temubual dijalankan mellaui aplikasi panggilan telefon menerusi nombor: 012-9732841 pada tarikh 18 Februari 2021.

Ibrahim Deris. (2021, 22 Disember). Yang Arif Tuan Ibrahim Deris adalah Ketua Hakim Mahkamah Syariah Negeri Perlis. Temu bual semakan berlangsung di dalam bilik Yang Arif Ketua Hakim di Darul Qada' Tuanku Syed Sirajuddin, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis.

Individu A. (2020). Temubual dijalankan melalui aplikasi whatsapp menerusi nombor talian: 019-3448993 pada tarikh 22 hingga 23 Julai 2020.

Individu B. (2021). Temubual dijalankan melalui aplikasi whatsapp menerusi nombor talian: 016-2785439 pada tarikh 15 Februari 2021.

Mohamad Fauzi Ismail. (2019, 21 Oktober). Yang Arif Tuan Mohamad Fauzi Ismail adalah Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Perlis. Temu bual berlangsung di dalam bilik Yang Arif Tuan Hakim di Darul Qada' Tuanku Syed Sirajuddin, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis.

Mohammad Esham Abdul Samad. (2020, 4 Februari). Yang Arif Tuan Mohammad Esham Abdul Samad adalah Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh. Temu bual berlangsung di dalam bilik Ketua Pendaftar di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak.

Mohd Akram Dahaman @ Dahlan. (2023). Prof Madya Dr Mohd Akram merupakan ahli JFN Perlis. Temubual dilakukan melalui aplikasi Whatsapp melalui nombor talian, seperti berikut: 012-4310670.

Mohd Nazim Mohd Noor. (2022, 11 Februari). Ustaz Mohd Nazim merupakan Ketua Pengarah Esekutif MAIPs, merangkap Setiausaha MAIPs. Temu bual dilakukan melalui aplikasi Zoom melalui nombor talian, seperti berikut: 019-7755852.

Nur Hidaah Mahamad Rappek. (2020, 7 Feb). Perangkawan Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pegawai dihubungi melalui email: nurhidaah@jkm.gov.my

Nurisah Abdullah. (2020, 5 Mac). Pegawai Asrama dan Operasi Taman Seri Puteri, Batu Gajah Perak.Temu bual dijalankan di Pusat Jagaan Sinar Kasih, Batu Gajah, Perak. *Jabatan Kebajikan Masyarakat.*

Nurul Muna Mohd Shapri. (2020, 5 Mac). Timbalan Pengetua Taman Seri Puteri, Batu Gajah Perak. Temu bual dijalankan di Pusat Jagaan Sinar Kasih, Batu Gajah, Perak. *Jabatan Kebajikan Masyarakat.*

Penghuni A. (2020, 5 Mac). Temu bual dijalankan di Pusat Jagaan Sinar Kasih, Batu Gajah, Perak. Rujuk lampiran. *Jabatan Kebajikan Masyarakat.*

Universiti Utara Malaysia

Penghuni B. (2020, 5 Mac). Temu bual dijalankan di Pusat Jagaan Sinar Kasih, Batu Gajah, Perak. Rujuk lampiran. *Jabatan Kebajikan Masyarakat.*

Penghuni C. (2020, 5 Mac). Temu bual dijalankan di Pusat Jagaan Sinar Kasih, Batu Gajah, Perak. Rujuk lampiran. *Jabatan Kebajikan Masyarakat.*

Penghuni D. (2020, 5 Mac). Temu bual dijalankan di Pusat Jagaan Sinar Kasih, Batu Gajah, Perak. Rujuk lampiran. *Jabatan Kebajikan Masyarakat.*

Penghuni E. (2020, 5 Mac). Temu bual dijalankan di Pusat Jagaan Sinar Kasih, Batu Gajah, Perak. Rujuk lampiran. *Jabatan Kebajikan Masyarakat.*

Penghuni F. (2020, 5 Mac). Temu bual dijalankan di Pusat Jagaan Sinar Kasih, Batu Gajah, Perak. Rujuk lampiran. *Jabatan Kebajikan Masyarakat.*

Penghuni G. (2020, 5 Mac). Temu bual dijalankan di Pusat Jagaan Sinar Kasih, Batu Gajah, Perak. Rujuk lampiran. *Jabatan Kebajikan Masyarakat.*

Penghuni H. (2020, 5 Mac). Temu bual dijalankan di Pusat Jagaan Sinar Kasih, Batu Gajah, Perak. Rujuk lampiran. *Jabatan Kebajikan Masyarakat.*

Roslan Esa. (2019, 22 Oktober). S.F. Ustaz Roslan Esa merupakan Timbalan Mufti Negeri Perlis. Temubual berlangsung di Pejabat Jabatan Mufti Negeri Perlis.

Roslan Esa. (2021, 15 Disember). Ustaz Roslan merupakan Pegawai Hal Ehwal Ugama JAKIM, merangkap Ketua Penolong Mufti Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. Temu bual semakan dilakukan melalui panggilan telefon di nombor talian rasmi Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, seperti berikut: 04-2632975.

Rozaimi Ramle. (2021, 5 April). Rozaimi merupakan pensyarah dan Ketua Jabatan (Pengajian Islam) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Beliau juga merupakan ahli JFN Perlis, dan terlibat secara langsung dalam menjadi rujukan masyarakat mengenai penasaban anak tidak sah taraf. Temu bual dilakukan melalui panggilan google meet di nombor talian berikut: 013-4884863.

Syahrulnizam Saat. (2020, 9 Mac). Yang Arif Tuan Syahrulnizam Saat adalah Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bharu. Temu bual berlangsung di dalam bilik Yang Arif Tuan Hakim di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor.

Syed Azmi al-Habshee. (2021, 29 Januari). Syed Azmi merupakan tokoh masyarakat yang terlibat secara langsung dalam NGO PuakPayong dan Rumah Bonda. Temu bual dilakukan melalui panggilan telefon dan aplikasi whatsapp di nombor berikut: 019-6664779

Syukran Yusuf. (2020, 27 Julai). Yang Arif Tuan Syukran Yusuf adalah Hakim Mahkamah Rendah Syariah Petaling, Selangor. Temu bual berlangsung di dalam bilik Yang Arif Tuan Hakim di Mahkamah Rendah Syariah Petaling, Selangor.

Wan Abdul Malik Wan Sidek. (2020, 6 Julai). Tuan Wan Abdul Malik adalah Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Terengganu. Mantan Hakim Syarii di Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah Negeri

Terengganu. Temu bual berlangsung di dalam bilik Ketua Pendaftar di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu.

Universiti Utara Malaysia